

**PENGLIBATAN WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA  
DI MALAYSIA, 1999-2008**

**FATIMI HANAFI**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL**

**UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2017**

**PENGLIBATAN WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA  
DI MALAYSIA, 1999-2008**

**FATIMI HANAFI**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL**

**UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2017**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: FATIMI BINTI HANAFI

No. Matrik: AHA 120005

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):  
PENGLIBATAN WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA DI  
MALAYSIA, 1999-2008

Bidang Penyelidikan: SEJARAH MALAYSIA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tarikh: 25 JANUARI 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan

Tarikh:

Nama:

**PROF. MADYA DR. ZULKANAIN ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan)  
Fakulti Sastera & Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 KUALA LUMPUR

Jawatan

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia dari tahun 1999 hingga 2008. Secara umumnya, wanita Melayu terlibat dalam politik dan pilihan raya di Malaysia bermula sebelum kemerdekaan. Namun, penglibatan mereka masih ditahap minimum sehingga berlaku peminggiran peranan mereka dalam aspek tersebut. Kajian ini juga melibatkan tiga parti politik iaitu UMNO, PAS dan PKR. Objektif kajian ini ialah mengkaji perkembangan penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia. Kajian ini juga turut membincangkan faktor-faktor penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut menjelaskan bentuk-bentuk penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya seperti menjadi pengundi, jentera parti, wakil rakyat Dewan Undangan Negeri dan Parlimen sepanjang tempoh kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah berdasarkan kaedah kualitatif. Kajian perpustakaan digunakan dalam perbincangan tesis ini untuk menganalisis sumber primer seperti laporan, surat persendirian dan juga akhbar. Kaedah temubual juga dijalankan dalam kajian ini. Selain itu, sumber sekunder seperti buku, kertas kerja, artikel, kajian ilmiah digunakan untuk penambahan maklumat dan memantapkan lagi kajian. Dapatan kajian ini mendapati terdapat empat faktor utama penglibatan wanita dalam pilihan raya iaitu amalan demokrasi di Malaysia, hak asasi manusia dasar-dasar agama Islam yang membenarkan penglibatan wanita dalam pilihan raya dan pendidikan. Kajian ini juga mendapati hal ini mewujudkan kepentingan keterlibatan wanita Melayu sebagai pemimpin parti-parti politik, pengundi dan jentera kempen pilihan raya. Kajian ini juga membuktikan peningkatan jumlah pengundi wanita selepas 1999 terutama pengundi muda ekoran peningkatan penggunaan internet menerusi laman sesawang, blog dan sistem pesanan ringkas (SMS) yang banyak memberi impak kepada pengundi. Dapatan kajian ini membuktikan penubuhan dan kemunculan sayap kiri muda termasuk penyokong, pengundi dan pemimpin-pemimpin

wanita muda dalam parti-parti seperti UMNO, PAS dan PKR telah menarik golongan muda untuk terbabit dalam program yang dijalankan oleh parti-parti terbabit. Kajian ini juga membuktikan terdapatnya peningkatan jumlah wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat PAS dan PKR di DUN dan Parlimen Malaysia sepanjang tempoh tersebut, wanita UMNO masih menjadi pilihan rakyat untuk mewakili mereka sebagai wakil rakyat.

University of Malaya

## ABSTRACT

This study discusses Malay women's participation in elections in Malaysia from 1999 to 2008. In general, Malay women started their involvement in politics and elections in Malaysia before independence. However, at that time their involvement was very minimal and as a result, their role was effectively marginalized. The study deals with three political parties, namely UMNO, PAS and PKR. The objective of this study is to investigate the development and the factors that encouraged Malay women's participation in elections in Malaysia. In addition, the study also highlight the different forms of Malay women's participation in elections as voters, party machinery, representatives of the State Assembly and Parliament during the review period. This study uses the historical approach based on qualitative method. The primary sources used in the discussion of this thesis are reports, private letters and papers. Beside that, interviews were also conducted for this study. In addition, secondary sources such as books, papers, articles and graduation exercises were used for additional information. The study identified four main factors related to women's participation in elections such as democratic practice, human rights, religious grounds and education. Number of women voters have increased, particularly young voters after 1999 mainly due to the increased usage of the internet via websites, blogs, and short messaging system. It was indicated that the figure of women voters also increased and exceeded male voters from 1999 to 2008. This study also found that the formation and emergence of young left-wing, including supporters, voters and young political leaders from three political parties UMNO, PKR and PAS was due to various programs used to attract people to support these parties. This study also proves that the number of Malay women MPs from PAS and PKR increased in the State Assembly and Parliament of Malaysia during the review period. However, UMNO women are still the main choice of the people to represent them in the State Assembly and Parliament.

## JADUAL KANDUNGAN

Halaman Tajuk	
Borang Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan	vi
Jadual Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Senarai Graf	xii
Senarai Graf Garis	xiii
Senarai Carta Pai	xiv
Senarai Singkatan	xv
Senarai Lampiran	xix

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Persoalan Kajian	10
Objektif Kajian	11
Kajian Literatur	12
Kepentingan Kajian	34
Metodologi Kajian	34
Skop Kajian	36
Struktur/Pembahagian Bab	37
Kesimpulan	39

### **BAB 2: PENGLIBATAN AWAL DALAM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA SEBELUM 1999**

Pengenalan	40
Penglibatan dalam Pergerakan Politik dan Pilihan Raya di Malaysia	41
Dari Pergerakan Kaum Ibu ke Wanita Melayu UMNO	48
Tujuan dan Matlamat Pergerakan Wanita UMNO	51
Pergerakan Wanita Melayu dalam Parti PAS	55
Tujuan dan Matlamat Pergerakan Wanita Dewan Muslimat PAS	61
Penglibatan Wanita Melayu dalam Pilihan Raya, 1959-1995	66
Wakil Rakyat Wanita Melayu Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen, 1959 -1995 di Malaysia	72
Kesimpulan	87

### **BAB 3: WANITA MELAYU DALAM PARTI POLITIK UMNO, PAS DAN PKR, 1999-2008**

Pengenalan	89
Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya di Malaysia	90
Wanita Melayu dalam Parti UMNO	99
Wanita Melayu dalam Parti PAS	113
Wanita Melayu dalam Parti PKR	130
Cabaran dan Halangan Wanita dalam Politik dan Pilihan Raya di Malaysia	140
Kesimpulan	154

### **BAB 4: FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA**

Pengenalan	157
Faktor Amalan Demokrasi	158
Faktor Hak Asasi Manusia	178
Faktor Dasar Agama	191
Faktor Pendidikan	199
Kesimpulan	208

### **BAB 5: WANITA MELAYU SEBAGAI PENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA**

Pengenalan	210
Wanita Sebagai Pengundi	210
Kategori Pengundi Wanita Melayu	221
Pengaruh dan Strategi Parti Politik Terhadap Pengundi Wanita Melayu	229
Kempen dan Jentera Wanita Melayu dalam Pilihan Raya	236
Cara Wanita Melayu Berkempen dan Cabaran Ketika Berkempen	244
Kesimpulan	262

### **BAB 6: PENGLIBATAN WANITA MELAYU SEBAGAI WAKIL RAKYAT DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)**

Pengenalan	265
Wanita Sebagai Wakil Rakyat DUN	265
Wakil Rakyat Wanita UMNO, 1999-2008	270
Wakil Rakyat DUN PAS, 1999-2008	293
Wakil Rakyat DUN PKR, 1999-2008	299
Isu-isu yang Mempengaruhi Keputusan Wanita Melayu dalam PRU, 1999-2008	307
Kesimpulan	317



**BAB 7: PENGLIBATAN WANITA MELAYU SEBAGAI  
WAKIL RAKYAT PARLIMEN**

Pengenalan	319
Wanita Sebagai Wakil Rakyat Parlimen	319
Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita dalam Pilihan Raya 1999	326
Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita dalam Pilihan Raya 2004	334
Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita dalam Pilihan Raya 2008	341
Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita Melayu dalam Pilihan Raya, 1999-2008	348
Wakil Rakyat Parlimen UMNO, 1999-2008	352
Wakil Rakyat Parlimen PAS, 1999-2008	366
Wakil Rakyat Parlimen PKR, 1999-2008	372
Kesimpulan	379

<b>BAB 8: KESIMPULAN</b>	381
--------------------------	-----

<b>RUJUKAN</b>	397
----------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	425
-----------------	-----

University of Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 2:1	Jumlah Calon Wanita Melayu di Dewan Undangan Negeri, 1959-1995	73
Jadual 2:2	Jumlah Calon Wanita Melayu di Parlimen, 1959-1995	73
Jadual 2:3	Ahli Dewan Undangan Negeri Wanita Melayu di Malaysia, 1959-1995	75
Jadual 2:4	Ahli Parlimen Wanita Melayu di Malaysia, 1959-1995	80
Jadual 2:5	Jumlah wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil Rakyat DUN dan Parlimen 1959-1995 di Semenanjung Malaysia.	83
Jadual 4:1	Tarikh pembubaran Parlimen dan tempoh pemerintahan sejak Pilihan Raya Umum 1959.	176
Jadual 5:1	Undi Popular BN, 1959-2008	211
Jadual 5:2	Jumlah Daftar Pemilih, 1999-2008	213
Jadual 5:3	Jumlah Daftar Pemilih Wanita 1999-2008	215
Jadual 6:1	Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO 1999	271
Jadual 6:2	Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO 2004	277
Jadual 6:3	Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO 2008	285
Jadual 6:4	Ahli Dewan Undangan Negeri DUN PAS 2004	295
Jadual 6:5	Ahli Dewan Undangan Negeri DUN PAS 2008	296
Jadual 6:6	Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) 2008	301
Jadual 7:1	Jumlah Wanita dalam Parlimen yang Melebihi 30 Peratus Seluruh Negara ( <i>World Classification of Women in Parliament</i> )	321
Jadual 7:2	Perbandingan Pencapaian Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004, 2008	324
Jadual 7:3	Ahli Parlimen Wanita UMNO 1999	352
Jadual 7:4	Ahli Parlimen Wanita UMNO 2004	356
Jadual 7:5	Ahli Parlimen Wanita UMNO 2008	358
Jadual 7:6	Ahli Parlimen PAS 2004	367

Jadual 7:7	Ahli Parlimen PAS 2008	367
Jadual 7:8	Jadual Ahli Parlimen Melayu PKR 1999	374
Jadual 7:9	Ahli Parlimen Melayu PKR 2004	374
Jadual 7:10	Ahli Parlimen Melayu PKR 2008	375

University of Malaya

## SENARAI GRAF

Graf 2:1	Jumlah Calon Wanita Melayu di DUN dan Parlimen, 1959-1995	74
Graf 6.1	Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO (DUN), 1999-2008	292
Graf 6:2	Perbandingan Pencapaian Wanita PAS (DUN), 1999-2008	299
Graf 6:3	Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO, PKR dan PAS (DUN), 1999-2008	302
Graf 7:1	Jumlah Wanita Melayu dalam Parlimen, 1999-2008	351
Graf 7:2	Perbandingan Pencapaian Wanita PAS (Parlimen), 1999-2008	368
Graf 7:3	Perbandingan Pencapaian Wanita Melayu PKR (Parlimen), 1999-2008	375
Graf 7:4	Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO, PKR dan PAS (Parlimen), 1999-2008	377

## SENARAI GRAF GARIS

Graf Garis 2:1 Jumlah ahli wanita Melayu DUN dan Parlimen  
di Semenanjung Malaysia, 1959-1995

86

University of Malaya

## SENARAI CARTA PAI

Carta Pai 5:1	Jumlah Pengundi Wanita, 1999-2008	215
Carta Pai 5:2	Peratus Pengundi 2008	216
Carta Pai 7.1	Perbandingan Pencapaian Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004, 2008	325
Carta Pai 7.2	Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO (Parlimen), 1999-2008	361

University of Malaya

## SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AKIM	Angkatan Keadilan Insan Malaysia
API	Angkatan Pemuda Insaf
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
BERSEKUTU	Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu
BN	Barisan Nasional
CEDAW	<i>Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women</i>
CRC	<i>Children's Right Council</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DAPSY	Pemuda Sosialis DAP
DMP	Dewan Muslimat PAS
DMMP	Dewan Muslimat PAS Pusat
DUN	Dewan Undangan Negeri
FS	<i>Front Socialist</i>
GRM	Gerakan Rakyat Malaysia
HALWA	Hal Ehwal Wanita
HAMIM	Hizbul Muslimin Malaysia
HIMWIM	Himpunan Wanita Indonesia Malaya
HLM	Halaman
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JUWITA	Jaringan Untuk Wanita Ibu Tunggal Malaysia
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
INSKA	Institut Kajian Asas Kemasyarakatan

IPTA	Intituti Pengajian Tinggi Awam
KITA	Kesatuan Insaf Tanah Air
LPM	<i>Labour Party of Malaya</i> (Parti Buruh Malaya)
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MBP	Misi Bantuan Prihatin
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MDP	<i>Malaysia Democratic Party</i> (Parti Demokratik Malaysia)
MITI	<i>Ministry of International Trade and Industry</i> (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri)
MRCA	<i>Malayan Reconstruction Co-operative Association</i>
MU	<i>Malayan Union</i>
MWA	<i>Malayan Welfare Association</i>
MWTU	<i>Malay Women Teachers Union</i>
NCWA	<i>National Centre on Women and Aging</i> (Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia )
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i> (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
PADU	Pusat Sokongan Wanita Bersepadu
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBS	Parti Bersatu Sabah
PETIR	Parti Tindakan Rakyat
PEKEMAS	Parti Keadilan Rakyat Malaysia
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PERMAS	Persatuan Melayu Semenanjung
PDB	Parti Demokratik Bersatu
PMIP	<i>Pan Malayan Islamic Party</i>
PKI	Pergerakan Kaum Ibu
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya



PKN	Parti Keadilan Nasional
PR	Pakatan Rakyat
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRU	Pilihan Raya Umum
PN	Parti Negara
PNP	<i>Progressive Nationalist Party</i>
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKN	Parti Keadilan Nasional
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPP	<i>People Progressive Party (Parti Progresif Rakyat)</i>
PPP	Penolong Pegawai Pendaftaran
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
PWB	Pusat Wanita Berdaya
PWU	Pergerakan Wanita UMNO
S46	Semangat 46
SETIA	Parti Kuasa Rakyat Bersatu Sabah
SF	<i>Socialist Front</i>
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>
UNCHR	<i>United Nations Commission for Human Rights</i>
UPP	<i>United People's Party</i>
UPU	Unit Peti Undi
WCI	<i>Women's Candidacy Initiative</i>
WI	<i>Women Institute</i>
WSPU	<i>Women's Social and Political Union</i>
WTU	<i>Women Teachers Union</i>

WVO	<i>Women Voluntary Organisaton</i>
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
YWCA	<i>Young Women Christian Association</i>
YWCA	<i>Young Women's Christian Associations</i>

University of Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>	<b>Halaman</b>
Lampiran A: Soalan Temubual untuk Wakil Rakyat/Ahli Jawatankuasa	425
Lampiran B: Soalan Temubual untuk Pengundi	426
Lampiran B: Soalan Temubual untuk David Kloos	427

University of Malaya

## BAB 1 : PENDAHULUAN

### PENGENALAN

Perjuangan wanita dalam sejarah dunia mengenai tuntutan hak mereka dalam politik bermula dengan gerakan emansipasi wanita pada akhir tahun 1920-an atau seawal abad ke-18 dan abad ke-19 masihi di Eropah. Kebangkitan awal dikatakan muncul di Britain dan juga Perancis. Mereka bergerak untuk menuntut hak-hak wanita yang terbelenggu dengan adat-adat konservatif dan takut menerima perubahan dalam sistem pendidikan. Gerakan feminisme tercetus di akhir abad ke-18 dan dipelopori oleh gerakan feminisme pertama di Eropah iaitu Lady Mary Wortley Montagu dan Marquis de Condorcet. Gerakan ini muncul melalui pengaruh Lady Mary Wortley Montagu yang mencetuskan kebangkitan wanita dalam menuntut hak kebebasan dan hak kesamarataan.<sup>1</sup>

Di Amerika Syarikat gerakan feminisme bermula dengan perjuangan menentang kezaliman dan penghambaan suami terhadap wanita, berjuang untuk mendapatkan hak yang sah dalam perkahwinan dan juga menentang minuman keras yang membawa kemudaratn kepada masyarakat.<sup>2</sup> Gerakan ini dipimpin oleh Elizabeth Cady Stanton di Konvensyen Hak Wanita di Seneca Falls, New York pada 19 Julai 1848.<sup>3</sup> Anthony telah menulis dan mengemukakan satu cadangan pindaan dalam perlembagaan pada tahun 1878 tentang hak wanita untuk mengundi.<sup>4</sup> Pada tahun 1850 Konvensyen Hak Wanita Kebangsaan telah diadakan dan diketuai oleh Lucy Stone, seorang aktivi awal. Kedua-dua kumpulan ini telah bersatu dalam pembentukan *Women*

---

<sup>1</sup> Dennis Sherman (Editor), *Western Civilization Images and Interpretations*, Jil. 2, New York: Alfred A. Knopf, 1987, hlm. 168.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Sue Davis, *The Political Thought of Elizabeth Cady Stanton: Women's Rights and The American Political Traditions*, New York and London: New York University Press, 2008, hlm. 1.

<sup>4</sup> Pembinaan semula politik yang memberi keutamaan kepada hak asasi lelaki berkulit hitam dan hak mengundi wanita telah diketepikan telah menyebabkan pergerakan hak wanita menjadi dua organisasi pada tahun 1869. *American Woman Suffrage Association* (AWSA) yang dipimpin oleh Lucy Stone dan Henry Blackwell, telah menyokong Pindaan Kelima Belas, yang melarang negeri-negeri daripada menafikan hak untuk mengundi berdasarkan bangsa, dengan alasan ia mewakili langkah ke arah pemberian hak memilih kepada perempuan, kempen AWSA bertujuan untuk mendapatkan hak untuk mengundi bagi wanita di negeri tersebut. AWSA menumpukan usaha sepenuhnya pada hak untuk mengundi dan bersumpah untuk tidak terganggu dengan isu-isu lain. Candy Stanton dan Susan B. Anthony yang enggan menyokong sama ada Pindaan Keempat Belas atau Pindaan Kelima Belas telah menganjurkan *National Woman Suffrage Association* (NWSA) yang bukan sahaja memohon pindaan perlembagaan untuk mengutamakan wanita tetapi pembaharuan tambahan yang akan menjamin hak wanita dalam pekerjaan, pendidikan dan perkahwinan. Lihat Sue Davis, *The Political Thought of Elizabeth Cady Stanton: Women's Rights and The American Political Traditions*, hlm. 28.

*National Loyal League* (1863), di bawah Susan B. Anthony. Pada tahun 1869, Wyoming telah menjadi negeri pertama bersama dengan *Women's Suffrage*. Pergerakan ini dipercepatkan oleh pembentukan *National American Women's Suffrage Association* pada tahun 1860 dan pemilihan Carrie Chapman Catt sebagai presiden. Kempen berikutnya menarik ramai wanita yang berpendidikan, kaya dan berpengaruh. Keadaan ini telah menyebabkan politik secara profesional telah dihasilkan, peningkatan dana, berlaku perarakan secara besar-besaran dan demonstrasi di bandar-bandar utama. Pindaan Anthony<sup>5</sup> seperti yang ditulis pada tahun 1878, telah disahkan sebagai Pindaan Ke-19 dan menjadi undang-undang pada tahun 1920.<sup>6</sup>

Begitu juga di Itali, wanita berada di bawah kod undang-undang Itali 1865 yang menghalang hak-hak wanita dalam banyak perkara termasuk tiada hak untuk mengundi dalam pilihan raya umum atau setempat. Wanita juga ditindas dari segi gaji yang lebih rendah berbanding dengan lelaki dan diskriminasi majikan dalam pekerjaan telah membawa kebangkitan wanita berjuang untuk mendapatkan hak yang sama selepas Revolusi Perancis di Eropah 1789.<sup>7</sup> Suara mereka didengari buat pertama kali ekoran revolusi ini. Perjuangan ini telah menjadikan gerakan emansipasi wanita mula terbuka ke arah yang lebih jauh seperti memulakan langkah untuk perjuangkan hak-hak mereka dalam politik.

Tindakan politik militan dalam kalangan wanita bermula di Britain pada tahun 1903 dengan pembentukan *Women's Social and Political Union* (WSPU) untuk hak mengundi yang diketuai oleh Emmeline Pankhurst. Wanita dari semua peringkat umur dan kelas telah mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran sehingga mereka telah dipenjarakan, terkurung di tempat pertemuan mereka dan juga dibuang Parlimen. Kemunculan Pergerakan *Women's Suffrage* ini atau perjuangan wanita untuk

---

<sup>5</sup> Pindaan Anthony merupakan satu pindaan yang ditulis oleh Susan B. Anthony dan dikemukakan kepada perlembagaan untuk mendapatkan hak mengundi wanita dan disebut sebagai *Anthony Amendment*.

<sup>6</sup> <https://www.scholastic.com/teachers/articles/teaching-content/brief-history-womens-rights-movements/> diakses pada 2 Ogos 2017.

<sup>7</sup> Dennis Sherman (Editor), *Western Civilization Images and Interpretations*, Jil. 2, hlm. 168. Lihat Thonnessen, Werner, *The Emancipation of Women, the Rise and Decline of the Women's Movement in German Social Democracy, 1863-1933*, Frankfurt: Pluto Press, 1973, hlm. 7.

mendapatkan hak mengundi mencapai kemuncaknya apabila Emily Davidson telah mencampakkan dirinya ke dalam gelanggang Epsom Derby. Beliau dipijak oleh kuda King George V dalam perlumbaan kuda di situ pada 4 Jun 1913 dan meninggal dunia empat hari kemudian. Insiden Derby telah menjadi peristiwa penting dalam sejarah politik British.<sup>8</sup> Seterusnya gerakan feminisme ini berterusan memperjuangkan hak berpolitik secara mutlak dan juga hak untuk untuk mendapatkan peluang yang sama dalam pekerjaan. Pada akhir 1970-an, bermula di Amerika Syarikat, perjuangan gerakan ini telah tersebar ke seluruh Eropah dan negara-negara yang lain.<sup>9</sup> Mereka mengadakan perhimpunan dengan slogan pembebasan wanita, menuntut hak mengundi bagi wanita secara universal dan juga hak dalam harta pusaka. Di Ireland juga berkumandang tuntutan untuk berpolitik dengan garis panduan yang ditetapkan bagi wanita Katholik.<sup>10</sup>

Manakala di Sepanyol gerakan feminisme berjaya melalui proses demokrasi selepas kematian General Franco pada tahun 1975 setelah berjuang untuk mendapatkan hak yang sama dalam undang-undang. Gelombang feminisme ini berjaya mendapatkan hak untuk berpolitik, mengundi, pendidikan, upah yang sewajarnya kepada pekerja wanita. Di New Zealand wanita berjaya mendapatkan hak mengundi pada tahun 1893, di Great Britain hak untuk mengundi telah diberikan pada tahun 1918; Ia terhad kepada wanita yang berusia 30 tahun ke atas dan pada tahun 1928, had umur pengundian telah diturunkan kepada wanita yang berusia 21 tahun ke atas. Di Soviet Union pula hak

---

<sup>8</sup>June Purvis, 'Remembering Emily Wilding Davison (1872–1913)', *Women's History Review*, 22:3, 353-362, 2013. Emilly Davidson merupakan ahli *Women's Social and Political Union* (WSPU) iaitu sebuah kumpulan yang terkenal dalam kempen menuntut undi parlimen untuk wanita di Edwardian Britain. Wanita Inggeris telah menghantar satu petisyen ke Parlimen menuntut suara politik para wanita dengan merujuk kepada hak dan tugas dalam ajaran Kristian. Mereka juga mula mendapat hak mengundi Ahli Parlimen yang mana hak ini dituntut sebagai hak warganegara yang merdeka.

<sup>9</sup> Pada tahun 1920, di Amerika Syarikat, wanita telah diberikan hak untuk mengundi apabila perlembagaan Amerika ke-19 digubal. Terdapat halangan dan cabaran yang dilalui oleh gerakan feminisme ini ketika zaman pemodenan di Eropah oleh golongan Gereja. Namun begitu, pada tahun 1970-an usaha yang dilakukan oleh pergerakan ini berjaya menuntut hak yang sama dalam sistem pekerjaan seperti jaminan kebebasan wanita dalam bekerja. Wanita juga telah berjaya menjadi Perdana Menteri di Britain, India dan juga Pakistan. Lihat John B. Harrison dan Richard E. Sullivan, *A Short History of Western Civilization*, New York: Alfred A. Knopf, 1960, hlm. 763. Betty Friedan, *The Second Stage*, (terjemahan Carolyn Faulder dan Sandra Brown), London: Michael Joseph, 1981, hlm. 124.

<sup>10</sup> John Stuart Mill dan Mill, Harriet Taylor Harriet *Essay on Sex Equality*, Alice S. Rossi (editor), Chicago dan London: The University of Chicago Press, 1970, hlm. 96.

untuk mengundi telah diberikan pada tahun 1917, di Australia pada tahun 1902, di Finland pada tahun 1906 dan di Norway pada tahun 1913.<sup>11</sup>

Pergerakan ini telah berjuang menuntut hak berpolitik beberapa dekad sehingga Perang Dunia Kedua dan hanya segelintir negara yang menafikan hak mengundi. Switserland merupakan negara Eropah yang terakhir membenarkan hak mengundi kepada wanita dalam sistem demokrasi pada tahun 1971. Pergerakan ini mulai semakin kendur dan keterbelakang selepas Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Namun, pergerakan ini muncul dengan tuntutan yang lain pada tahun 1960-an iaitu pada zaman anti-imperialisme, gerakan hak asasi dan kebangkitan mahasiswa. Pergerakan ini juga muncul di Malaysia dalam konteks yang berbeza berbanding dengan negara-negara Barat. Perjuangan feminisme di negara dunia ketiga termasuk Malaysia tidak menjadikan teori Barat sebagai ideologi mereka.<sup>12</sup>

Di Malaysia keadaan amat berbeza berbanding dengan negara-negara lain yang berjuang untuk menuntut hak dalam politik seperti hak untuk mengundi sebagaimana kebangkitan *women's suffrage* di Barat. Wanita di negara ini telah diberikan peluang untuk terlibat dalam proses-proses pilihan raya termasuk menjadi calon-calon yang bertanding. Walau bagaimanapun gerakan wanita pada peringkat awal telah memainkan peranan sebagai agen perubahan sosial yang membangkitkan semangat nasionalisme ketika berhadapan dengan penjajahan. Golongan ini membangkitkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat seiring dengan golongan reformis yang mempromosikan hak berkerajaan sendiri, persamaan hak antara lelaki dan wanita serta pembaharuan dalam pendidikan. Pergerakan feminisme di Malaysia lebih tertumpu kepada perjuangan untuk mendapatkan hak yang sama dengan lelaki, mempromosikan demokrasi dan keadilan dan kebebasan. Terdapat dua corak pergerakan feminisme di

---

<sup>11</sup> The New Eyclopaedia Britannica, 1994, hlm. 731, Lihat John B. Harrison dan Richard E. Sullivan, *A Short History of Western Civilization* hlm. 763. Lihat <https://www.scholastic.com/teachers/articles/teaching-content/brief-history-womens-rights-movements/> diakses pada 2 Ogos 2017.

<sup>12</sup> Teori Barat yang terdiri daripada fahaman feminisme radikal, marxis dan sosialis, liberal serta pasca moden tidak dijadikan asas kepada perjuangan gerakan wanita di Malaysia. lihat Cecilia Ng, Maznah Mohamad and Tan Beng Hui, *Feminism and The Women's Movement in Malaysia An Unsung (R) evolution*, New York: Routledge, 2006, hlm. 10.

Malaysia. Pertamanya, feminisme yang menuntut kesamaan hak dalam partisipasi politik iaitu persamaan di antara lelaki dan wanita dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan proses pembuatan polisi. Manakala yang keduanya pula memfokus terhadap perjuangan mendapatkan persamaan hak antara lelaki dan wanita terhadap keputusan polisi itu sendiri. Ertinya, terdapat dua bentuk fokus penglibatan iaitu perjuangan persamaan hak ke atas proses dan perjuangan persamaan hak ke atas polisi.<sup>13</sup> Terdapat juga pergerakan sukarelawan wanita di bawah Badan Bukan Kerajaan (NGO) sebelum merdeka seperti *Young Women Christian Association* (1907), *Women Teachers Union* (1929) dan *Women Institute* (1952). Gerakan feminisme yang aktif di Malaysia ialah *Sister in Islam* yang ditubuhkan pada tahun 1988. Gerakan ini memberi tumpuan terhadap isu-isu kekeluargaan dan kebebasan hak asasi wanita.<sup>14</sup> Berkenaan dengan hak-hak asasi wanita berpolitik di Malaysia akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab empat kajian ini.

Di Malaysia kaum wanita memperlihatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, politik, pendidikan dan pelbagai bidang profesional yang lain. Sumbangan mereka terlalu banyak dan sukar untuk dikupas satu persatu. Di negara ini sahaja sudah begitu ramai pejuang dan tokoh wanita yang sama-sama menyumbang kepada kemajuan negara seperti Ibu Zain, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani, begitu juga Roshidah Ishak yang dilantik sebagai Brigadier-Jeneral wanita pertama dalam Angkatan Tentera Malaysia. Contoh tokoh yang lain ialah Robiah Abd Ghani telah berjaya menjadi Timbalan Ketua Polis Pahang dan beliau bersara pada 2 September 2011 selepas 39 tahun berkhidmat<sup>15</sup>, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Zetty Akhtar (Tan Sri Dato' Ungku Dr.), Rafiah Salim (Datuk) mantan Naib

---

<sup>13</sup> *Utusan Malaysia*, 6 April 1998.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Utusan Malaysia*, 2 September 2011, *Utusan Malaysia*, 1 September 1998. Hatta al-Mukmin, *UMNO Masa Depan*, Kuala Lumpur: Mukminin Publications, 2007, hlm. 154.



Canselor Universiti Malaya, Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dan lain-lain.<sup>16</sup> Golongan seperti ini bukan sahaja menjadi *role model*, malah sumbangan mereka dalam menjana kemajuan ummah dapat membantu mencorakkan pembangunan sesebuah negara dan rantau.

Tidak dapat dinafikan juga sejak dahulu lagi pengaruh dan peranan golongan ini telah mempengaruhi perjalanan sejarah yang akhirnya mencorakkan keadaan sesebuah negara. Sebagai contoh di empat negara Islam wanita pernah menjadi Perdana Menteri,<sup>17</sup> antaranya Benazir Bhutto yang diberi jolokan sebagai Wanita Besi dan Perdana Menteri Pakistan (1988-1990),(1993-1996), pernah menjadi Ketua Pembangkang (1990-1993), (1997-1999). Walaupun beliau dibunuh dengan kejam, perjuangan beliau masih mempengaruhi suasana politik negara tersebut dan para penyokong masih meneruskan perjuangan beliau sehingga kini. Selain itu, Khaleda Zia juga pernah menjadi Perdana Menteri Bangladesh (1991-1995), (2001-2006) dan juga sebagai Ketua Pembangkang (1996-2006) (2008-2014). Tansu Ciller pernah menjadi Perdana Menteri Turki (1993-1996), Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negara (1996-1997). Manakala Sheikh Hasina pernah menjadi Perdana Menteri Bangladesh (1996-2001) dan bermula tahun 2009, beliau menjadi Pemimpin Pembangkang (1986-1987), (1991-1996), (2001-2006). Di Thailand pula Yingluck Shinawatra merupakan Perdana Menteri pertama di Thailand dan termuda pada ketika itu ( 2011-2014). Seterusnya pula ialah Gloria Macapagal Arroyo menjadi Presiden Filipina (2001-2010). Manakala yang terakhir ialah Megawati Sukarno Putri telah dilantik sebagai Timbalan Presiden Indonesia antara (1999-2001) dan menjadi Presiden

---

<sup>16</sup> *Utusan Malaysia*, 28 Julai 2007, *Utusan Malaysia*, 26 Disember 2007 dan [www.yadim.com.my/wanita/wanitaFull](http://www.yadim.com.my/wanita/wanitaFull) diakses pada 20 Ogos 2012.

<sup>17</sup> Clinton Bennett, *Muslim Women of Power: Gender, Politics and Culture in Islam*, London GBR: Continuum International Publishing, 2010, hlm . 20.

antara (2001-2004).<sup>18</sup> Contoh-contoh di atas menunjukkan kehebatan dan keyakinan wanita dalam menerajui dan memimpin sebuah negara.

Sebelum merdeka lagi peranan wanita Melayu mulai terserlah dalam bidang politik dan pilihan raya, bermula dengan Halimaton Saadiah yang bertanding mewakili Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada Julai 1955 di Ulu Selangor. Sebelum itu juga boleh dilihat penglibatan wanita bukan Melayu pada Pilihan Raya Tempatan di Kuala Lumpur yang diadakan pada Februari 1952.<sup>19</sup> Pertandingan yang diwakili oleh 32 orang calon untuk 12 kerusi Dewan Bandaran Kuala Lumpur. Tiga daripada mereka bertanding atas tiket *Independence of Malaya Party* (IMP) iaitu Loke Soh-Lip, Mrs. E. Ramachandran dan Mrs. Devaki manakala seorang lagi bertanding atas tiket UMNO-MCA iaitu Mrs. L.C Somasundram. Walau bagaimanapun seorang wakil dari IMP yang memenangi dalam pilihan raya itu iaitu Mrs. Devaki. Enam lagi Pilihan Raya Tempatan telah diadakan pada Disember 1952 di Melaka, Johor Bharu, Batu Pahat, Muar, Singapura, Kuala Lumpur dan Georgetown. Daripada 99 calon yang bertanding untuk 37 kerusi, sembilan adalah wanita dan enam berjaya dipilih. Mrs. Devaki Krishnan juga berjaya dipilih semula dalam pilihan raya itu manakala dua calon UMNO iaitu Zahara Binti Mohamed Talib di Batu Pahat dan Fatimah binti Haji Yunos di Muar juga memenangi dalam pilihan raya tersebut. Mrs. Amy Joseph mewakili Parti Buruh telah menang di Melaka. Seterusnya Mrs. Robert Eu dan Mrs Anmy Laycock dari Parti Progresif juga berjaya di Singapura.<sup>20</sup> Seterusnya Perlantikan Fatimah Haji Hashim sebagai Menteri Kebajikan Am pada 20 Mei 1969 semakin menyemarakkan penglibatan wanita dalam politik tanahair. Beliau yang memegang jawatan menteri dari tahun 1969 sehingga 1973, merupakan satu-satunya menteri wanita dalam Kabinet Malaysia pada masa itu. Kemudian, jumlah wanita yang

---

<sup>18</sup> Ibid., hlm. 20. Lihat [https://en.wikipedia.org/wiki/Yingluck\\_Shinawatra](https://en.wikipedia.org/wiki/Yingluck_Shinawatra) diakses pada 2 Mac 2016 dan [https://id.wikipedia.org/wiki/Daftar\\_wanita\\_pemimpin\\_dunia](https://id.wikipedia.org/wiki/Daftar_wanita_pemimpin_dunia) diakses pada 2 Mac 2016.

<sup>19</sup> Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor, 1946-2006*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006, hlm. 87.

<sup>20</sup> Hoi Hui Ling, *Prestasi Calon Wanita dalam Pilihanraya Umum ke-12*, dalam Joseph M. Fernando (et., al), *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 185.

bertanding dalam pilihan raya semakin meningkat dari semasa ke semasa. Penglibatan Halimaton Saadiah dan Fatimah Haji Hashim menjadi pemangkin kepada wanita untuk mengikuti jejak langkah mereka dari semasa ke semasa.<sup>21</sup>

Seterusnya 'tsunami' politik yang berlaku pada Pilihan Raya Umum, 8 Mac 2008 yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan terbesar dalam sejarah penyertaannya dalam Pilihan Raya Umum. Kekalahan ini berlanjutan dalam beberapa Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca PRU 2008. Dalam perjalanan 50 tahun demokrasi Malaysia, ini adalah antara rekod terburuk yang pernah dialami oleh BN. Di atas rekod, Malaysia telah diperintah oleh BN (dahulu Perikatan) dengan majoriti dua pertiga tanpa gagal sejak lima dekad lalu. BN tidak pernah gagal dalam setiap pilihan raya sejak merdeka kecuali pada 1969 dengan majoriti mudah iaitu 51 peratus.<sup>22</sup> Dalam sejarah, tercatat Perikatan/BN menang 74 daripada 104 kerusi Parlimen atau 71 peratus pada 1959, 85 peratus (1964), 51 peratus (1969), 87 peratus (1974), 84 peratus (1978), 85 peratus (1982), 83 peratus (1986), 70 peratus (1990), 84 peratus (1995), 76 peratus (1999) dan 90 peratus (2004). Sebut sahaja apa pergolakan yang melanda, BN tetap bertakhta di hati rakyat. Walaupun ada pergolakan politik besar seperti perpecahan dalam UMNO dan pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998, BN masih menang besar pada 1990 dan 1999 dengan majoriti dua pertiga daripada jumlah kerusi dalam Dewan Rakyat walaupun mengalami penurunan.<sup>23</sup> Krisis kemelesetan ekonomi juga tidak dapat menafikan majoriti dua pertiga BN pada Pilihan Raya Umum 1986 dan 1999.<sup>24</sup> Pada PRU 2008, wanita Malaysia telah melakar sejarah setelah merebut 24 kerusi Parlimen yang merupakan 10.81 peratus daripada 222 jumlah

---

<sup>21</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 9. Lihat juga Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad dan Muhamed Nor Azman Nordin (editor), *Demokrasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad, 2014, hlm. 96.

<sup>22</sup> Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor 1946-2006*, Kuala Lumpur : Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006, hlm viii.

<sup>23</sup> Pada PRU 1990 BN memenangi 127 kerusi daripada 180 kerusi dalam Dewan Rakyat. Manakala PRU 1999, BN memenangi 148 kerusi daripada 193 kerusi yang dipertandingkan. Lihat *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999. Lihat Amer Saifude Ghazali, 'Sokongan kepada UMNO dan PAS dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia: Tumpuan Kepada Pilihan Raya Parlimen 1999 dan 2004, serta Implikasinya kepada Pilihan Raya 2008', *Jurnal JATI*, Vol. 13, Univeristi Malaya, Disember 2008, hlm. 97.

<sup>24</sup> *Utusan Malaysia*, 9 Mac 2008.

kerusi yang dipertandingkan, manakala 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau 7.92 peratus dari 505 kerusi DUN telah berjaya di tawan.

Menyedari kepentingan wanita dalam pembangunan di Malaysia, maka pengkajian yang lebih mendalam terhadap penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia amat diperlukan. Antaranya berkenaan calon-calon wanita Melayu yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen 1999-2008 dalam kalangan Barisan Nasional iaitu UMNO. Manakala pembangkang pula ialah dari parti Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN). Selain itu juga, kepentingan dan penyertaan wanita Melayu sebagai pengundi dan perayu undi ketika kempen dijalankan turut disentuh dan dibincangkan. Di samping itu, penglibatan wanita Melayu dalam parti UMNO, PAS dan PKR selepas 1999 dengan kemunculan sayap baru wanita untuk golongan muda dengan pelbagai program dan aktiviti untuk menarik minat masyarakat terhadap parti-parti terbabit akan turut dibincangkan. Semua analisa dan penyelidikan ini dapat dijadikan momentum ke arah pelaksanaan sistem politik yang lebih matang dan menyeluruh dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara. Perubahan dunia yang terlalu pantas menyebabkan begitu banyak ancaman yang datang dan ditujukan, baik secara langsung mahupun tidak kepada golongan wanita terutama yang beragama Islam. Pengaruh, ideologi dan budaya Barat kononnya memperjuangkan hak kesamarataan gender dan sebagainya, bukan sedikit mempengaruhi keadaan semasa di negara ini. Justeru itu, perlu ada satu pergerakan dan perkumpulan wanita yang berusaha untuk memperbaiki keadaan ini atau sekurang-kurangnya menjadi pengimbang kepada perjuangan songsang Barat yang menyesatkan itu. Di sini, pergerakan wanita mempunyai peranan untuk mencorakkan kemajuan masyarakat khususnya di Malaysia dan Rantau Alam Melayu serta secara amnya di peringkat antarabangsa.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Meskipun penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia telah berlaku sebelum kemerdekaan lagi menerusi persatuan-persatuan dan seterusnya mereka terbabit dalam Pilihan Raya Umum bermula tahun 1959, namun, telah berlaku perubahan yang sangat ketara pada tahun 1999 sehingga 2008 terutamanya apabila Anwar Ibrahim dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998. Hal ini telah membawa peningkatan jumlah wanita Melayu dalam pilihan raya seperti sebagai ADUN, ahli Parlimen dan pengundi wanita. Peningkatan ini berlaku disebabkan oleh empat faktor seperti amalan demokrasi, hak asasi manusia, dasar agama dan pendidikan. Faktor-faktor ini telah membawa kepada perubahan penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya.

Sebelum ini, persepsi masyarakat sering memandang wanita masih lagi kurang melibatkan diri dalam politik dengan jumlah dan bilangan yang kecil dalam pilihan raya. Pelbagai pertanyaan sering kali diperkatakan mengenai kedudukan wanita dari segi pembuat dasar, bilangan calon dalam pilihan raya serta jawatan-jawatan yang penting dalam kerajaan. Penyertaan kaum lelaki dalam pilihan raya agak ramai berbanding dengan wanita. Antara isu-isu kecil seringkali diketengahkan ialah mengenai persoalan suara wanita Melayu yang dianggap aurat, adab-adab ketika berkempen, dan merayu undi serta wanita yang keluar berkempen dan mengundi tanpa keizinan suami. Kajian ini akan menghuraikan persoalan-persoalan yang timbul dan menganalisa mengenai perkembangan partisipasi wanita Melayu dalam proses demokrasi di Malaysia menerusi pilihan raya antara tahun 1999 hingga 2008.

Antara persoalan kajian ialah sejauhmanakah penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di dorong oleh sistem amalan demokrasi, hak asasi manusia, dasar agama dan pendidikan dan apakah bentuk penglibatan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum, 1999-2008?. Adakah suasana politik baru ini menunjukkan penglibatan wanita

Melayu lebih terserlah atau permulaan penyertaan mereka dalam parti politik sebagai calon pilihan raya telah meningkat atau sebaliknya serta keadaan dan perubahan yang berlaku menjelang tahun 2008?.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat peranan dan penglibatan wanita dalam bidang pilihan raya di Malaysia. Tumpuan kajian diberikan terhadap penglibatan wanita Melayu dan wakil rakyat wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum, 1999 hingga 2008. Bagi mencapai tujuan kajian, beberapa objektif telah dikenalpasti. Objektif yang pertama adalah untuk mengkaji perkembangan dan sejarah awal penglibatan wanita dalam pilihan raya di Malaysia. Dalam Islam, wanita mempunyai hak dan kedudukan dalam politik. Peranan wanita dalam membangunkan politik negara diakui bermula dari penganugerahan hak bagi wanita untuk menimba ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, dengan adanya ilmu pengetahuan, wanita dapat menyumbang kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara untuk memartabatkan agama Islam itu sendiri.

Objektif yang kedua pula ialah untuk membincangkan faktor-faktor penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia. Perbincangan ini akan menerangkan faktor-faktor penting bagaimana wanita Melayu berpeluang untuk aktif berpolitik berdasarkan situasi dan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia terutama selepas tahun 1999.

Manakala objektif ketiga ialah menganalisis peranan wanita Melayu sebagai pengundi dan penglibatan mereka dalam parti politik (UMNO, PAS dan PKR) dari 1999 hingga 2008 serta cabaran dan halangan yang perlu dihadapi oleh wanita Melayu yang terlibat dalam politik dan pilihan raya.

Seterusnya objektif yang keempat ialah menganalisis mengenai penglibatan wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat sebagai calon DUN menerusi proses Pilihan Raya Umum antara 1999 hingga 2008.

Akhir sekali objektif yang kelima ialah menganalisis mengenai penglibatan wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat sebagai calon Parlimen menerusi proses Pilihan Raya Umum antara 1999 hingga 2008.

## **KAJIAN LITERATUR/SOROTAN KAJIAN**

Kajian-kajian mengenai wanita Melayu yang terlibat dalam politik dan pilihan raya pada era kontemporari masih kurang. Namun terdapat kajian-kajian yang berkaitan dengan penglibatan wanita dalam pergerakan politik dan juga kepimpinan wanita sebelum kemerdekaan dan juag selepas kemerdekaan. Kajian yang dilakukan oleh penulis menumpukan tentang sejarah penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya berdasarkan kejayaan calon-calon wanita Melayu dalam kalangan Parti-parti politik seperti UMNO, PAS dan Parti keadilan Rakyat atau KEADILAN dalam Pilihan Raya Umum, 1999-2008. Pengkajian ini mendapati tidak banyak kajian yang dilakukan oleh penulis lain tentang penglibatan wanita dalam parti-parti politik terutama calon-calon yang berjaya memperolehi kerusi Dewan Undangan Negeri dan juga kerusi Parlimen. Ramai yang beranggapan wanita masih lagi tidak serius melibatkan diri dalam gelanggang politik terutama dalam pilihan raya.

Walau bagaimanapun, kajian mengenai wanita Melayu dalam bidang politik telah banyak dilakukan oleh ramai penulis tempatan dan luaran termasuklah penulisan latihan ilmiah dan juga tesis sarjana. Penulisan-penulisan tersebut lebih membincangkan tentang pengaruh, peranan dan pencapaian parti politik seperti UMNO<sup>25</sup> dan PAS.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup> UMNO adalah singkatan dari *United Malays National Organisation* atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR). Pada awalnya singkatan UMO (*United Malays Organisation*) telah dicadangkan oleh Haji Anuar Abdul Malek dalam perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar pada 22 Januari 1946. Namun pada 4 Mac 1946 dalam Kongres Melayu SeMalaya Pertama yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, UMNO telah ditubuhkan dengan menambah perkataan 'Kebangsaan' atau '*National*' iaitu dari UMO kepada UMNO. Cadangan Dato' Onn yang asal telah dipinda oleh Za'ba atau Dato' Hamzah. Pada 4 Februari 1988, UMNO telah diputuskan sebagai pertubuhan tidak sah oleh Hakim Harun Hashim di Mahkamah

Namun pencapaian wanita dalam politik UMNO banyak dikaji berbanding dengan kajian yang dilakukan terhadap PAS. Kajian yang dilakukan banyak tertumpu kepada peranan dan kepentingan Dewan Muslimat PAS terhadap parti PAS. Selain itu terdapat isu-isu yang sentiasa menjadi tumpuan kepada penulisan mereka iaitu Islamisasi, isu perpaduan dan pepecahan di kalangan masyarakat.

Buku Zeenath Kausar yang bertajuk *Political Participation of Women: Contemporary Perspectives of Gender Feminists and Islamic Revivalists*,<sup>27</sup> mengupas mengenai fahaman pemikiran feminisme di Barat yang banyak menekankan penglibatan politik wanita banyak difokuskan kepada jantina dan kemusnahan institusi kekeluargaan, mereka juga menerima semua bentuk seksualiti yang menyeleweng daripada fitrah manusia. Zeenath Kausar menyatakan penyertaan wanita dalam politik terus kekal sebagai subjek perbincangan yang cukup kontroversi dalam kalangan para sarjana Islam. Walau bagaimanapun, beliau telah menegaskan bahawa beberapa sarjana Islam kontemporari amat menyokong penyertaan politik wanita di tahap yang berbeza mengikut pandangan masing-masing. Ia masih lagi diperdebatkan bahawa Islam, tidak

---

Tinggi Kuala Lumpur. Pada 12 Februari 1988, Pendaftar Pertubuhan (Zakiah Hashim) telah mengeluarkan surat rasmi yang mengatakan bahawa UMNO sebagai pertubuhan haram. Namun begitu, usaha yang dilakukan oleh Mahathir dan beberapa bekas pemimpin kanan UMNO, telah berjaya mendaftarkan semula UMNO. Maka, pada 17 Februari 1988 Pendaftar Pertubuhan telah menerima semula pendaftaran UMNO sebagai sebuah pertubuhan parti politik yang rasmi. Untuk keterangan lebih lanjut lihat Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, hlm. 7. Rujuk Abdullah Ghazali Zakaria, 'Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO' dalam *UMNO Johor 50 Tahun Memartabatkan Bangsa Melayu*, Johor: Yayasan Warisan Johor, 1996, hlm. 28-31 dan hlm. 40, Ahmad Atory Hussain, *Dimensi Politik Melayu, 1980-1990*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 130-131. Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan, 1945-1951*, Kelantan: Mohd Nawi Book Store, 1978, hlm. 23-24 dan hlm. 35. Rujuk juga Zainuddin Maidin, *Mahathir di Sebalik Tabir*, Petaling Jaya: Utusan Publication, 1994, hlm. 164. Lihat juga Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 3-7.

<sup>26</sup> Nama Parti Islam Se-Malaysia pada awal penubuhannya adalah atas nama Persatuan Ulama Se-Malaya, iaitu dalam bulan Jun 1951 (mesyuarat Tahunan Parti UMNO dilangsungkan di Kepala Batas, Pulau Pinang). Kemudian dalam mesyuaratnya yang ke-11 namanya ditukar kepada Persatuan Islam Se-Malaya. Pada ketika itu PAS hanyalah badan gerakan agama di dalam UMNO tanpa melibatkan secara langsung unsur-unsur politik di dalamnya. Perpisahan PAS dengan UMNO dikatakan bermula dari situ di mana PAS mulai terlibat dengan soal-soal politik dan terus mendaftar sebagai badan politik. PAS ditubuhkan 23 Ogos 1951. Terdapat sedikit percanggahan tarikh tentang perubahan nama iaitu pada 24 November 1951 PAS bertukar nama dengan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu. Kemudian dalam muktamar Persatuan Islam Se-Malaya. PAS mendakwa sejarah penubuhannya adalah kesinambungan daripada kesedaran politik ulama akibat gerakan islah di Timur Tengah pada awal abad ke-20 lagi. Pada 25 – 27 Disember 1958, namanya ditukar kepada Persatuan Islam Se-Tanah Melayu dan pada tahun 1971 sekali lagi namanya ditukar kepada Parti Islam Se Malaysia (PAS). Nama ini kekal digunakan sehingga ke hari ini. Untuk maklumat lebih lanjut lihat Abdul Halim Mahmood, *Asri dalam Dilema*, Kuala Lumpur: Hafar Enterprise, 1983, hlm. 32-36. Bachtiar Djamily, *Kenapa PAS Boleh Jadi PAS*, Selangor: Cerma Rafleswaty 1976, hlm. 2. Baharuddin b. Hj. Abd. Latif, *Islam Memanggil: Rencana-rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987)*, Perak Darul Ridzuan: Pustaka Abrar, Disember 1994, hlm. iv-v, Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*, Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd., 1989, hlm. 51-52., A.Ghani Ismail, *Muzakarah UMNO dan PAS?*, Kuala Lumpur: Pustaka Islah Sdn. Bhd., 1987, hlm. 26. Lihat buku Ahmad Kamar, *Islam Tercabar (Satu Pandangan Tentang PAS)*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu, 1979/80, hlm. 20. Rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 260. Lihat Hassan Shukri, *Ke Arah Memahami Dasar dan Pegangan PAS*, Sementa: Badan Perhubungan PAS Selangor, 2002. Lihat Alias Mohamed, *PAS Platform: Development and Change (1951-1956)*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd, 1994. Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia*, Pasir Puteh: Nuawi Ismail, 1981. Lihat siri Sejarah Perjuangan PAS' dalam [http://arkib.tripod.com/i2000\\_0828.htm](http://arkib.tripod.com/i2000_0828.htm) diakses pada 30 Oktober 2013. Lihat juga [http://www.parti-pas.org/sejarah\\_latar](http://www.parti-pas.org/sejarah_latar) diakses pada 30 Oktober 2013.

<sup>27</sup> Zeenath Kausar *Political Participation of Women: Contemporary Perspectives of Gender Feminists and Islamic Revivalists*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1997.



sesekali menentang penyertaan aktif wanita dalam kancah politik, apa yang penting di sini, pembinaan institusi keluarga tidak boleh sama sekali diabaikan oleh mereka. Topik ini ada sedikit perkaitan dengan kajian penulis yang membincangkan faktor-faktor penglibatan wanita Melayu yang beragama Islam dalam pilihan raya. Namun begitu, penumpuan Zeenath Kausar hanya berkisar kepada seluruh wanita Muslim di seluruh dunia dan berbeza mengenai apa yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, Zeenath Kausar juga mencadangkan bahawa kerjasama lelaki dengan wanita dalam keluarga dan pembangunan persekitaran keluarga yang aman dan sihat dapat merapatkan jurang komunikasi dan interaksi di antara suami isteri, di antara ibu bapa dan anak-anak. Ini adalah penting untuk sumbangan yang cukup bagus dan positif bagi seorang wanita terhadap keluarga dan masyarakat. Namun, penumpuan perbincangan beliau hanya kepada hak wanita dari sudut perpektif Islam sahaja dan bukan kepada kaum yang tertentu.

Seterusnya pula berdasarkan penulisan Hibah Rauf Izaat *Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*,<sup>28</sup> Sharifah Hayaati Syed Ismail *Penglibatan Wanita dalam Politik dari Perspektif Islam*,<sup>29</sup> Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman, *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyah*,<sup>30</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, *Pembangunan Wanita dalam Bidang Politik di Malaysia dari Perspektif Islam dalam Pemartabatan Wanita di Malaysia*,<sup>31</sup> serta Shayuthy Abdul Manas, *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Berpolitik*,<sup>32</sup> membincangkan penglibatan wanita dalam politik dan juga pilihan raya mengikut pandangan dan kacamata Islam. Perbincangan mereka juga banyak

---

<sup>28</sup> Hibah Rauf Izaat, *Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*, (terjemahan oleh Bahruddin Fannani, Selangor: Dar al-Hijrah Sdn. Bhd., 1997).

<sup>29</sup> Sharifah Hayaati Syed Ismail, 'Penglibatan Wanita dalam Politik dari Perspektif Islam', dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad (editor), *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2002.

<sup>30</sup> Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman, *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya; Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2008.

<sup>31</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, *Pembangunan Wanita dalam Bidang Politik di Malaysia dari Perspektif Islam dalam Pemartabatan Wanita di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000.

<sup>32</sup> Shayuthy Abdul Manas, *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Berpolitik*, Selangor: PTS Islamika (PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd), 2008.

menyentuh tentang garis panduan dan syarat-syarat yang perlu dimiliki oleh wanita sebelum memasuki arena dan gelanggang politik yang cukup mencabar terutama pada zaman kontemporari. Keterbukaan ini begitu jelas dibincangkan oleh penulis-penulis di atas terutama persoalan yang mengenai wanita sebagai calon dalam pilihan raya. Penulisan mereka ini hanya tertumpu kepada perkaitan dengan pandangan Islam dan perbahasan ulama mengenai perkara tersebut.

Selain itu, keterlibatan wanita lebih memenuhi keperluan (*Maslahah*) dan hajat semasa bagi mengimbangi penguasaan golongan penentang Islam atau sekular dan sebagai wakil wanita Islam untuk menyuarakan hak-hak wanita serta menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan urusan dan hal-ehwal wanita. Mereka menjelaskan tentang keharusan penglibatan wanita sebagai calon dalam pilihan raya tidaklah secara mutlak. Ia merupakan perkara *ijtihadiyyah* yang mengambil kira faktor setempat dan perubahan masa. Sehubungan itu sekiranya situasi perjalanan pilihan raya di sesebuah negara dan suasana persekitaran lebih banyak mendatangkan kemudatan, keharusan tersebut perlu dilihat kembali. Lantaran itu, hujah golongan yang melarang penglibatan wanita sebagai calon dari sudut *Sadd Al-dhara'i*<sup>33</sup> perlu diambil kira khususnya dalam suasana politik masa kini. Islam membenarkan wanita melibatkan diri dalam bidang politik mengikut kesesuaian fitrahnya sebagai wanita. Terdapat panduan dan rujukan yang perlu diteliti oleh setiap individu yang menyempitkan pandangan tentang isu ini terutama tentang asas-asas yang terdapat dalam Islam berkaitan dengan fardu ain dan fardu kifayah. Sesungguhnya pandangan Islam tidak membezakan tugas aktiviti sosial antara lelaki dan wanita. Mereka sama-sama bertanggungjawab menjaga agama di dalam pelbagai bidang termasuk politik. Sesungguhnya untuk mengembalikan kegemilangan peradaban manusia perlu kepada penglibatan wanita dalam

---

<sup>33</sup> *Sadd Al-dhara'i* bermaksud suatu perkara yang tidak ditegah pada asalnya, tetapi ia ditegah jika terdapat unsur-unsur yang boleh membawa kerosakan dan keburukan. Lihat Amir Husin dan Abdul Basri, et al., *Falsafah Perundangan Islam*, Selangor: Mahzum Book Service, 2002, hlm. 39. Lihat juga Muhammad Hisham Al-Burhani, *Sadd al-dharai' fi al-syari'ah al-Islamiyyah*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1985, hlm. 80.

perkembangan masyarakat. Perbincangan tersebut terdapat sedikit perkaitan dengan tajuk pengkajian yang dijalankan mengenai penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia memandangkan Melayu di negara ini yang beragama Islam. Isu yang paling penting di sini juga ialah peranan wanita itu sendiri sebagai aset negara yang amat penting dalam proses pembangunan masyarakat terutama yang berkaitan dengan politik. Namun perbincangan tersebut tidak menjurus sebagaimana kajian penulisan ini mengenai penglibatan wanita Melayu dalam Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Selain itu, fokus kajian penulisan ini juga adalah berkaitan dengan aktiviti dan perkembangan yang berlaku dalam parti UMNO, PAS dan PKR termasuk penglibatan mereka sebagai pengundi dan juga perayu undi.

Buku tulisan Zaleha binti Ismail yang bertajuk *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*<sup>34</sup> menghuraikan secara terperinci cabaran utama perjuangan wanita Malaysia. Cabaran utama kaum wanita Malaysia di alaf baru ini memerlukan fikiran dan tenaga yang luar biasa. Tulisan beliau mengenai peranan wanita sebagai ibu, isteri dan ahli keluarga serta peranan wanita sebagai tunggak dan sendi kepada pembangunan negara. Beliau menceritakan mengenai perjalanan sejarah perjuangan wanita sebelum kemerdekaan. Ini menunjukkan peranan utama pertubuhan wanita menjelang kemerdekaan turut menyemarakkan lagi perjuangan bangsa. Perbincangan mengenai sejarah awal penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia dijelaskan dalam kajian ini juga tetapi tidak sebegitu mendalam. Zaleha juga turut menjelaskan peranan individu cukup penting seperti Raja Perempuan Kalsom Laten dari Perak yang memimpin satu perhimpunan awam sebagai bantahan terhadap pembentukan cadangan *Malayan Union*. Selain itu Hajah Zaleha binti Ismail juga menyebut tentang peranan Kaum Ibu yang seterusnya ditukarkan kepada Wanita UMNO pada tahun 1951. Namun begitu, perbincangan itu berkisar kepada sejarah awal

---

<sup>34</sup> Hajah Zaleha binti Ismail, *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 2002.

wanita Melayu sebelum dan selepas merdeka dan agak berbeza dengan kajian penulisan ini yang memberi penumpuan kepada penglibatan wanita Melayu tahun 1999 hingga 2008.

Manakala Ramlah Adam dalam kertas kerja<sup>35</sup> yang bertajuk *Penglibatan Wanita dalam Politik Malaysia* menerangkan tentang penglibatan wanita sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau banyak menyentuh tentang sejarah awal wanita-wanita yang menjadi tulang belakang kepada lahirnya sayap kiri UMNO iaitu Pergerakan Wanita UMNO. Antara tokoh-tokoh yang penting disebut oleh Ramlah Adam ialah Putih Mariah, Ibu Zain atau namanya Zainon Sulaiman, Ibu Khadijah Sidek, Tan Sri Fatimah Hashim, Aishah Ghani. Perbincangan beliau mengenai jatuh bangun kepemimpinan tokoh-tokoh tersebut dalam merealisasikan impian mereka untuk mengubah paradigma masyarakat tentang kebolehan wanita dalam pentadbiran negara. Beliau juga banyak mengkritik tentang parti PAS yang jauh ketinggalan dan sudah terlambat dalam meletakkan wanita dalam politik berbanding dengan UMNO keterbukaan itu berlaku sebelum merdeka lagi. Bagi beliau UMNO lebih ikhlas kerana mengiktiraf peranan wanita dalam politik negara selama 47 tahun lebih awal berbanding dengan PAS. Beliau merasakan PAS meletakkan calon wanita dalam pilihan raya itu sebenarnya adalah satu taktik untuk meraih simpati kaum wanita dalam pilihan raya. Namun begitu, penulisan beliau berlainan dengan kajian ini yang membincangkan mengenai wanita Melayu dalam parti UMNO, PAS dan PKR manakala Ramlah Adam hanya menulis mengenai wanita UMNO sahaja.

Seterusnya, Nik Safiah Karim dalam artikel yang bertajuk, *Women's Progress in Malaysia: Challenges and Achievements* merupakan satu artikel yang cukup menarik

---

<sup>35</sup> Ramlah Adam, 'Penglibatan Wanita dalam Politik Malaysia', kertas kerja Kongres Wanita Profesional Melayu, 2005, anjuran Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, 8-10 Julai 2005. Dalam kongres yang sama Ramlah Adam telah membentangkan satu lagi kertas kerja yang bertajuk 'Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamed Mengenai Peranan dan Kedudukan Wanita Malaysia'. Beliau membincangkan tentang perubahan yang berlaku pada era kepimpinan Mahathir Mohamed terhadap kepentingan wanita. Antara pengiktirafan yang paling penting ialah tentang perlantikan Rafidah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa. Peluang wanita untuk terlibat dalam membuat dasar (*policy-making*) juga kelihatan begitu menonjol. Seterusnya peningkatan calon-calon Barisan Nasional wanita di peringkat negeri dan Parlimen telah berlaku. Di sini jelas Mahathir memberi pandangan yang amat positif kepada wanita dan peranan mereka kepada pembinaan bangsa.

tentang pembangunan wanita di Malaysia cabaran dan pencapaian mereka di mana wanita bersama-sama berganding bahu berusaha untuk mencapai kemerdekaan seiring dengan kaum lelaki. Beliau menyentuh tentang kemunculan-kemunculan *Women Voluntary Organisation* (WVO) atau (Pertubuhan Wanita Secara Sukarela) yang disebabkan oleh kemunculan gerakan dakwah Kristian yang dikenali sebagai *Young Women's Christian Associations* (YWCA) yang ditubuhkan pada akhir abad ke-19 dan pada 20-an oleh Sophia Cooke pada 1879 di Singapura. Nik Safiah Karim juga turut mengulas selepas penjajahan Jepun, iaitu pada tahun 1945. Kaum wanita mulai menyerlah masuk dalam masyarakat terutama dalam politik selepas pengenalan *Malayan Union*. Selepas UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. UMNO mulai menyedari kepentingan wanita dan peranan mereka dalam masyarakat. Pada 25 Ogos 1949, Pergerakan Kaum Ibu sebagai pembantu dan sayap wanita, UMNO ditubuhkan. Pada peringkat awalnya Pergerakan Kaum Ibu UMNO dipimpin oleh Puteh Mariah Ibrahim Rashid, Zainun Munsyi Sulaiman atau Ibu Zain, Khadijah Sidek, Fatimah Hashim dan Aishah Ghani. Mereka dan ahli-ahli dalam pergerakan tersebut berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu wanita Melayu dengan mengadakan pelbagai aktiviti seperti kelas membaca, kursus-kursus rumahtangga dan lain-lain. Kesungguhan ini telah membuka minat kaum wanita dan memperbaiki tahap pengetahuan mereka sehingga ramai yang melibatkan diri dalam politik walaupun sekadar penyokong dan orang yang berkempen dalam pilihan raya. Kaum Ibu ditukar kepada nama Wanita UMNO pada tahun 1971.<sup>36</sup> Perbincangan Nik Safiah ada dibincangkan dalam salah satu bahagian dalam bab dua kajian ini, namun penerangan ini tertumpu kepada sejarah awal wanita Melayu yang terlibat dengan UMNO sahaja. Ia agak berlainan dengan tumpuan penulisan ini yang menerangkan tentang tiga parti utama yang disertai oleh wanita Melayu iaitu, UMNO, PAS dan PKR.

---

<sup>36</sup> Nik Safiah Karim, 'Women's Progress in Malaysia: Challenges and Achievements', dalam Hassan Ahmed Ibrahim dan Zaleha Kamaruddin (editor), *Muslim Women in Contemporary Societies, Reality and Opportunities*, hlm. 3-5.

Zaireeni pula dalam artikelnya yang bertajuk *Jangkaan Politik dan Peranan Gender: Satu Perbandingan Politik UMNO Dan PAS*<sup>37</sup> membincangkan tentang peranan wanita dalam parti politik PAS dan juga UMNO. Beliau menjalankan kajian melalui kaedah soal selidik serta wawancara dalam kalangan pucuk pimpinan PAS dan UMNO. Hasil kajian beliau lebih menjurus kepada keterbukaan UMNO yang lebih liberal dalam menyokong penglibatan wanita dalam politik di semua peringkat. PAS mengemukakan alasan bahawa suasana dan adab pertandingan dalam pilihan raya yang tidak Islamik menyebabkan mereka tidak mencalonkan ahli wanita dalam pilihan raya. Menurut beliau parti ini mendakwa sistem pengendalian pilihan raya tidak menjamin kehormatan dan adab sopan yang dipelihara oleh wanita seperti menutup aurat dan pergaulan yang bebas. Ini boleh dilihat dalam Pilihan Raya Umum ke-10, di mana PAS tidak meletakkan wanita sebagai calon pilihan raya. Penjelasan artikel ini lebih menyebelahi kepada parti UMNO berbanding dengan PAS. PAS dilihat telah mengambil beberapa pendekatan yang digunakan dalam kaedah *Siyasah Syar'iyah* yang merupakan suatu peruntukan khas anugerah Allah SWT kepada pimpinan sebuah negara Islam. Fungsi dan tugasnya amat penting dalam menangani masalah semasa yang sentiasa berubah dan memerlukan jawapan yang tepat dan bijaksana dengan mengambil kira kesesuaian dan ketepatan dengan kehendak syariat Islam yang mulia. Zaireeni tidak mengambil kira pandangan dan sebab-sebab yang menyebabkan PAS mengambil tindakan itu. Sebagaimana berlaku selepas Pilihan Raya Umum ke-11 dan juga ke-12, PAS telah meletakkan calon-calon dari kalangan wanita. Keterbukaan ini menunjukkan PAS memandang suasana pilihan raya pada ketika itu lebih selamat dan sesuai berbanding sebelum itu. Persoalan mengenai wanita sebagai calon pilhan raya telah dibincangkan dengan baik oleh Zulqarnain dan Mohamad Zabidi. Walau bagaimanapun, artikel ini juga berbeza daripada kajian penulisan ini yang berkisar

---

<sup>37</sup> Zaireeni Azmi, 'Jangkaan Politik dan Peranan Gender: Satu Perbandingan Politik UMNO dan PAS', *Sarjana, Journal of the Faculty of Arts an Social Sciences University of Malaya*, Jil. 19/20, 20002/2003.

mengenai wanita Melayu dalam tiga parti utama iaitu UMNO, PAS dan PKR 1999-2008.

Virginia H. Dancz dalam bukunya '*Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*'<sup>38</sup> mendakwa perkara yang sama sebagaimana yang diulas oleh Nik Safiah iaitu pencetus penglibatan wanita dalam politik secara terbuka adalah berpunca daripada cadangan *Malayan Union*. Beliau melihat polar penyertaan wanita dari pelbagai kaum dalam politik yang diwakili oleh parti masing-masing seperti masyarakat Melayu diwakili oleh parti UMNO dan PAS, kaum Cina diwakili oleh MCA dan Parti DAP (majoriti diwakili kaum Cina dan terdapat bangsa lain dalam parti DAP). Dancz juga mengulas tentang pemimpin tertinggi iaitu Khadijah Sidek pada ketika itu yang begitu lantang bersuara sehingga dipecat dalam UMNO. Walau bagaimanapun Virginia H. Dancz menulis mengenai penglibatan wanita pelbagai kaum dalam politik di Malaysia, maka perbincangan tentang penglibatan dalam parti UMNO dan PAS serta calon-calon wanita yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen telah diberi perhatian oleh beliau.

Buku Lenore Manderson yang bertajuk, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, 1945-1975* membincangkan peranan Pergerakan Wanita UMNO (PWU) sekitar tahun 1945-1975 sebelum itu dikenali sebagai Pergerakan Kaum Ibu (PKI) yang membawa perubahan dan perkembangan pengaruh wanita selepas merdeka. Beliau mengulas tentang kepentingan PKI sebagai wakil kaum wanita terutama di luar bandar. Beliau melihat PWU ini memberi tanda yang positif kepada masa depan wanita Melayu dalam politik. Beliau menceritakan tentang perjuangan wanita mulai semakin positif dalam PWU ini bermula ketika penentangan *Malayan Union* yang dikatakan menolak kepentingan Melayu dan menghapuskan hak keistimewaan Raja-raja Melayu. Kajian Manderson ini pada dasarnya menceritakan

---

<sup>38</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford Universiti Press Pte. Ltd., 1987.

tentang proses perjuangan wanita dalam politik di Malaysia melalui Pergerakan Kaum Ibu UMNO pada peringkat awal penubuhan dan perkembangannya selepas merdeka serta kepentingannya sebagai sayap kiri UMNO.<sup>39</sup>

Kajian yang dilakukan oleh Lenore Manderson, Virginia H. Dancz, Hajah Zaleha binti Ismail dan Nik Safiah Karim banyak menekankan sejarah perkembangan politik wanita Melayu. Tumpuan yang lebih diberikan oleh mereka terhadap wanita Melayu dalam parti UMNO. Walau bagaimanapun Dancz memberi ulasan beliau secara mendalam terhadap wanita dalam PAS khasnya peranan Dewan Muslimat PAS dalam parti itu. Perbezaan yang jelas di sini kajian yang dilakukan oleh mereka mengenai penglibatan wanita dalam politik di Malaysia sebelum dan selepas mereka. Namun penulisan mereka ini menunjukkan wanita Melayu sudah terlibat dalam politik di Malaysia tetapi agak terhad dan terbatas serta agak berbeza selepas tahun 1999. Ia berbeza dengan kajian yang dilakukan dalam penulisan ini iaitu mengenai penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya, 1999-2008 dalam tiga komponen parti iaitu UMNO, PAS dan PKR.

Seterusnya Kumari Jayawardena<sup>40</sup> mengupas tentang konteks feminisme di negara Dunia Ketiga yang berbeza daripada konteks feminisme Barat. konsep feminisme bukan berasal atau milik Barat kerana wanita di Dunia Ketiga telah melalui pengalaman tersebut tanpa meletakkan sebarang label ke atas perjuangan mereka. Beliau mengutarakan perbezaan antara konsep pergerakan emansipasi awal di Malaysia dan gagasan pembebasan wanita di Barat. Pergerakan wanita Dunia Ketiga tidak terdorong ke arah mencabar ketidaksetaraan gender. Walau bagaimanapun beliau tidak menafikan pengaruh barat terhadap feminisme di dunia ketiga. Maznah Mohamad, Cecilia Ng and Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An*

---

<sup>39</sup> Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, 1945-1975*, (terjemahan Samsudin Jaapar), Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1980.

<sup>40</sup> Kumari Jayawardena, *Feminism and Nationalism in the Third World*, London and New Jersey: Zed Books Ltd., 1986.



*Unsung (R) evolution*,<sup>41</sup> memberikan satu laporan yang mendalam tentang pelbagai perjuangan pergerakan wanita Malaysia. Kebanyakan versi sejarah perjuangan kebangsaan telah mencipta ikon dari kalangan lelaki, mengetengahkan kepentingan peranan pergerakan wanita yang dipimpin oleh individu biasa dalam mempromosikan perubahan sosial di Malaysia. Walau bagaimanapun kajian itu mendapati bahawa pada akhir 1990-an isu-isu feminis menarik perhatian kerajaan termasuk pembuat dasar dan para aktivitis. Jayawardena, Sylvia Frisk, Maznah Mohamad, Cecilia Ng and Tan Beng Hui memberi gambaran ringkas tentang pengaruh feminisme dalam masyarakat dunia ketiga termasuk di Malaysia.

Perbincangan mengenai wanita di Asia Tenggara turut dibincangkan oleh Sher Banu A.L Khan, *Sovereign Women in a Muslim Kingdom, A Sultanahs of Aceh, 1641-1699*.<sup>42</sup> Kerajaan Islam Aceh diperintah oleh permaisuri bagi separuh abad ke-17. A.l Khan memberikan perspektif baru mengenai wanita yang memerintah berturut-turut di Aceh pada abad ke-17. Pemerintahan sultanah yang panjang di Aceh ini menarik perhatian kerana kepimpinan wanita dianggap sebagai perkara yang luar biasa, pelanggaran terhadap hukum alam dan juga adat atau permusuhan atas nama agama. Walau bagaimanapun mereka memerintah dengan menggunakan peraturan yang digariskan oleh agama Islam dan juga adat (undang-undang adat pribumi). Khan memberikan pandangan asal tentang gaya kepimpinan wanita di dunia Melayu dan hubungan unik mereka dengan masyarakat Eropah yang datang berkunjung ke Aceh semasa era perdagangan Asia Tenggara.

Begitu juga dengan Barbara Watson Andaya dalam bukunya *The Flaming Womb: Repositioning Women in Early Modern Southeast Asia*<sup>43</sup> mengupas tentang peranan dan persepsi wanita di Asia melalui contoh-contoh yang terdapat dalam

---

<sup>41</sup>Maznah Mohamad, Cecilia Ng and Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*, London & New York: Routledge, 2006.

<sup>42</sup> Sher Banu A.L Khan, *Sovereign Women in a Muslim Kingdom, A Sultanahs of Aceh, 1641-1699*, NUS Press, National University of Singapore, 2017.

<sup>43</sup> Barbara Watson Andaya, *The Flaming Womb, Repositioning Women in Early Modern Southeast Asia*, Honolulu: University of Hawai'i Press, 2006.

masyarakat Thai, Vietnam, Burma, Filipina, dan Melayu. Beliau meneliti sejauh mana agama-agama dunia telah memainkan peranan penting dalam (membina semula) isu jantina yang berkaitan dengan masyarakat Asia Tenggara kerana peranan utama yang sering dimainkan oleh wanita dalam adat setempat. Kathryn Robinson dalam bukunya, *Gender, Islam and Democracy in Indonesia*<sup>44</sup> menganalisis tentang hubungan antara jantina, agama dan aksi politik di Indonesia serta mengkaji bentuk-bentuk kekuatan sosial wanita yang berbeza daripada lelaki. Beliau membincangkan peranan wanita dalam pergerakan nasionalis dan penstrukturan negara Indonesia.

Bernhard Platzdasch, 'Islamic Reaction to a Female President'<sup>45</sup> pula membincangkan mengenai peranan wanita dalam kepimpinan negara selepas perletakan jawatan Soeharto. Artikel ini mengupas tentang pendirian parti politik Islam terhadap pencalonan Megawati Sukarnoputri sebagai presiden. Terdapat tafsiran yang kontroversi dalam doktrin Islam tentang peranan seorang lelaki untuk menjadi pemimpin. Persepsi seperti itu sukar untuk diwarwarkan, memandangkan jika wanita tidak dapat bertapak di bidang perundangan dan penafsiran, interpretasi alternatif ayat-ayat yang kurang jelas dalam sumber Islam tidak mungkin akan mendapat perhatian yang serius dari masyarakat.

Sylvia Frisk dalam bukunya, *Submitting to God: Women and Islam in Urban Malaysia*,<sup>46</sup> mengkaji tentang peranan aktif wanita Melayu dalam proses Islamisasi bukan sahaja melalui kefahaman tentang agama secara peribadi tetapi juga dengan menganjurkan dan mengambil bahagian dalam program pendidikan agama. Mereka juga berperanan sebagai guru agama dengan menganjurkan program-program yang bercorakkan keagamaan. Wanita-wanita yang berpendidikan agama ini mengubah diskriminasi jantina yang didominasi lelaki secara tradisional dan memecahkan monopoli lelaki sebagai pihak berkuasa agama. Wazir Jahan Karim dalam bukunya

---

<sup>44</sup> Kathryn May Robinson, *Gender, Islam and Democracy in Indonesia*, London: Routledge, 2009.

<sup>45</sup> Bernhard Platzdasch, 'Islamic Reaction to a Female President' dalam Chris Manning and Peter Van Dierman, *Indonesia in Transition: Social Aspects of Reformasi and Crisis*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2000.

<sup>46</sup> Sylvia Frisk, *Submitting to God: Women and Islam in Urban Malaysia*, Denmark: Nias Press, 2009.

*Women and Culture: Between Malay, Adat and Islam*<sup>47</sup> pula membincangkan tentang hak dan peranan wanita Melayu yang mengamalkan adat dan budaya yang konservatif. Beliau juga mengupas mengenai kesan pendidikan terhadap kesedaran wanita Melayu dalam bidang politik dan penglibatan wanita Melayu dalam politik kepartian selepas Perang Dunia Kedua. Barbara Watson Andaya, Sylvia Frisk, Kathryn Robinson, Bernhard Platzdasch dan Sher Banu A.L Khan membincangkan tentang persoalan kepimpinan wanita Melayu di Asia Tenggara seperti di Indonesia dan Malaysia begitu unik. Kepimpinan mereka telah diakui walaupun masih terikat dengan batasan agama dan adat. Namun, kajian mereka memberi sedikit gambaran tentang perkembangan peranan wanita dalam pentadbiran walaupun terdapat kekangan dari sudut adat dan agama termasuk dalam wanita Melayu di Malaysia.

Makmor Tumin juga menulis dalam bukunya *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak* turut mengulas persoalan yang sama tentang gerakan dakwah oleh mubaligh Kristian dan menyebarkan pengaruhnya dalam masyarakat sehingga pertambahan bilangan keahliannya.<sup>48</sup> Selepas itu, wanita Melayu mulai aktif dalam pendidikan dan juga politik. Mereka mulai berusaha untuk memperbaiki masyarakat melalui pendidikan. Persatuan Guru-guru Perempuan Johor atau nama *Malay Women Teachers Union* (MWTU) telah ditubuhkan ekoran daripada kesedaran terhadap keciciran kanak-kanak perempuan Melayu dalam sistem pendidikan formal.

Seterusnya kajian dilakukan oleh Makmor bin Tumin yang bertajuk 'NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)',<sup>49</sup> serta dalam siri

---

<sup>47</sup> Wazir Jahan Karim, *Women and Culture: Between Malay, Adat and Islam*, San Francisco: Westview Press, 1992.

<sup>48</sup> Nik Safiah Karim, 'Women's Progress in Malaysia: Challenges and Achievements', dalam Hassan Ahmed Ibrahim dan Zaleha Kamaruddin (editor), *Muslim Women in Contemporary Societies, Reality and Opportunities* Selangor: IIUM Press, 2009, hlm. 1-3 dan Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak*, hlm. 3.

<sup>49</sup> Makmor bin Tumin 'NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)', Tesis Ph.D, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran Universiti Malaya, Kuala Lumpur Mac 2004, hlm. i-iii.

kajian sosiopolitik Malaysia beliau,<sup>50</sup> mengulas tentang peranan pertubuhan wanita dalam menangani isu-isu wanita dalam politik Malaysia semakin penting dan terserlah terutamanya mulai tahun-tahun 1980-an. Kajian ini juga menerangkan tentang langkah-langkah yang diambil oleh majlis berkenaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk terlibat dengan politik terutama yang berkaitan dengan isu gender atau wanita di negara ini. Makmor sekadar mengulas mengenai wanita yang terlibat dengan NCWO sahaja dan jelas sekali berbeza dengan kajian penulisan yang dijalankan ini berkenaan wanita Melayu yang berjaya menjadi pengundi, perayu undi, ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri 1999-2008.

Seterusnya persoalan yang berkaitan dengan isu gender dan politik ini juga dikaji oleh Zaireeni binti Azmi iaitu 'Gender Dan Politik: Kajian Kes Ke Atas wanita UMNO dan PAS Di Terengganu dan Selangor',<sup>51</sup> membincangkan mengenai penglibatan wanita dalam politik iaitu menumpukan kepada dua parti Melayu yang terbesar iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam se Malaysia (PAS) di mana kajian beliau menumpukan tentang hubungan gender dalam politik dengan melihat kepada peranan wanita dalam bidang ini melalui persepsi lelaki dan wanita Melayu. Kajian ini menunjukkan keterbukaan UMNO terhadap wanita dalam politik lebih menonjol berbanding dengan wanita di dalam PAS terutama dalam membuat keputusan.<sup>52</sup> Banyak yang diperkatakan oleh beliau menunjukkan PAS seolah-olah meminggirkan kaum wanita. Beliau mendakwa Dewan Muslimat PAS yang merupakan sebuah gerakan khas tidak memainkan peranan yang sewajarnya terutama ketika pilihan raya PAS seperti tidak menghantar calon. Selain itu, Muslimat juga dikatakan tidak menonjol di peringkat nasional dan kebisuan mereka dalam menyuarakan pandangan berkaitan isu-isu semasa. Menurut Perlembagaan Persekutuan

---

<sup>50</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm xv.

<sup>51</sup> Zaireeni binti Azmi 'Gender dan Politik: Kajian Kes Ke Atas Wanita UMNO dan PAS di Terengganu dan Selangor', Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan Sarjana Sastera (Master of Arts) dalam Bidang Gender, Budaya dan Politik, Rancangan Pengajian Gender Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2001.

<sup>52</sup> *Ibid.*, hlm 4-6.

Malaysia, wanita atau lelaki mempunyai hak untuk menjadi calon pilihan raya bagi kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Seterusnya tulisan Rohana Mohamed Nor yang bertajuk 'Perjuangan Politik Khadijah Sidek'<sup>53</sup> mengkaji tentang sejarah penglibatan seorang tokoh wanita yang cukup menarik dan hebat iaitu Khadijah Sidek dalam arena politik tanahair. Ketokohan beliau amat terserlah kerana kehebatannya berpidato dan amat tegas dalam menyuarakan pandangan serta mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dan berpandangan jauh. Walau bagaimanapun, sikapnya yang panas baran dan kurang sabar itu telah menyebabkan beliau disingkirkan sebagai ketua Kaum Ibu UMNO, begitu juga di dalam PAS sendiri. Beliau juga dikritik dan digelar sebagai seorang yang keras mulut dan sukar untuk diajak berbincang. Namun, keperihatnannya terhadap wanita untuk melibatkan diri dalam politik amat dipuji dan disanjung tinggi. Tindakannya ini telah membuka mata golongan wanita di kampung-kampung supaya bergiat cergas dalam politik. Seterusnya Rohana juga mengatakan pengaruh Khadijah Sidek mulai merosot apabila beliau mengubah haluan daripada PAS untuk kembali kepada UMNO. Sikapnya ini dianggap oleh kebanyakan pihak sebagai tiada pendirian yang tetap sekaligus dicop sebagai seorang yang mengejar pengaruh. Kajian Rohana memberi manfaat tentang kepentingan wanita dalam politik dan pilihan raya di negara ini. Justeru itu, pengorbanan dan jasa Khadijah Sidek sebagai pejuang kemerdekaan wajar dikenang.<sup>54</sup>

Tajuk Disertasi yang ditulis oleh Aedah binti Abdul Khalek, iaitu 'Penglibatan Wanita dalam Parti Politik Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Pemahamannya di kalangan Masyarakat Lembah Pantai'<sup>55</sup> memfokuskan kajian tentang pandangan ulama yang mengharuskan penglibatan wanita dalam parti politik dengan syarat-syarat

---

<sup>53</sup> Rohana Mohamed Nor 'Perjuangan Politik Khadijah Sidek', Disertasi M.A. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 2002/2003.

<sup>54</sup> Ibid., hlm. viii-vix.

<sup>55</sup> Aedah Binti Abdul Khalek, 'Penglibatan Wanita dalam Parti Politik Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Pemahamannya di Kalangan Masyarakat Lembah Pantai', Disertasi bagi Ijazah Sarjana Syariah Bahagian 11 (Secara Berkursus dan Disertasi) Jabatan Siasah Syar'iyah Bahagian Pengajian Syariah APIUM, 2002.

tertentu. Beliau berpendapat keharusan untuk melibatkan diri dalam politik yang diberikan oleh Islam kepada wanita sewajarnya difahami khasnya oleh wanita Islam sendiri dan masyarakat Islam secara umumnya. Isu ini masih lagi dibincangkan dan dibahasakan oleh para ulama tetapi juga perlu difahami oleh masyarakat secara keseluruhannya. Kajian yang dijalankan oleh Aedah ini juga merumuskan bahawa kefahaman masyarakat tentang penglibatan wanita dalam parti politik secara langsung menurut Islam masih di tahap tidak memuaskan dan beberapa cadangan telah dikemukakan bagi meningkatkan pemahaman masyarakat Islam khasnya wanita berkenaan dengan isu tersebut. Masalah ini telah menyebabkan kurangnya kesedaran politik di kalangan wanita dan amalan politik yang tidak memenuhi lunas-lunas Islam dalam kalangan mereka. Beliau juga mengatakan bahawa pemahaman wanita tentang isu ini dipengaruhi oleh faktor umur, status perkahwinan, profesion dan pendidikan seorang wanita. Fokus kajian beliau hanyalah tertumpu kepada masyarakat di sekitar Lembah Pantai sahaja. Gambaran dan tahap pemahaman masyarakat di situ tidak dapat mengukur secara keseluruhan tentang penglibatan wanita dalam politik di Malaysia dan amat berlainan dengan perbincangan penulisan kajian ini yang menumpukan kepada penyertaan wanita dalam pilihan raya sebagai pengundi, perayu undi dan juga calon-calon pilihan raya.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Soud bin Said @ Mat Ali Mohd Soud Bin Said @ Mat Ali, 'Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya dalam Politik Malaysia: Suatu Kajian di Kuala Terengganu',<sup>56</sup> berkaitan dengan muslimat PAS dimana beliau mengulas tentang perjuangan PAS di awal penubuhannya lagi telah dipimpin oleh barisan ulama. Selain itu beliau mengulas mengenai Islam begitu mengangkat martabat wanita, hak wanita dalam politik menurut Islam serta mengemukakan pandangan PAS mengenai wanita dalam politik terutama di daerah

---

<sup>56</sup> Mohd Soud Bin Said @ Mat Ali, 'Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya dalam Politik Malaysia: Suatu Kajian di Kuala Terengganu', Disertasi di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

yang dikaji oleh beliau iaitu Terengganu iaitu tentang sejarah penubuhan Dewan Muslimat PAS Pusat dan dikhususkan di negeri Terengganu.<sup>57</sup> Beliau juga menyokong tentang penglibatan wanita dalam politik di mana telah dijelaskan bahawa Islam telah memberi kebebasan dan hak kepada kaum wanita di dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan politik. Walau bagaimanapun, tulisan Mohd Soud bin Said@ Mat Ali hanya berkisar kepada muslimat PAS sahaja dan tidak membincangkan mengenai wanita Melayu dari kalangan parti UMNO seperti yang ditulis oleh penulis. Selain itu juga pada ketika penulisan beliau dijalankan parti PKR masih dalam proses pembentukan dan tidak dibincangkan oleh Mohd Soud bin Said@ Mat Ali. Kepentingan wanita sebagai pengundi juga tidak dibincangkan dalam penulisan beliau.

Shaharuddin Badaruddin dalam kertas kerja<sup>58</sup> yang dibentangkan bertajuk 'Politik Islam dan Wanita Profesional' menerangkan persoalan yang sama sebagaimana yang dibincangkan oleh Mohd Soud bin Said@ Mat Ali. Shaharuddin mengatakan selepas tahun 1969, PAS telah mengkaji budaya politik pilihan raya kerana PAS mendapati keadaan itu menyulitkan muslimat untuk menjadi calon selain daripada pergaulan dapat dibatasi. Pimpinan PAS pada ketika itu berpendapat suasana yang dihadapi pada masa itu amat merbahaya dan tidak sesuai untuk meletakkan calon wanita dalam pilihan raya. Seterusnya beliau menerangkan tentang perubahan yang berlaku di dalam PAS pada tahun 2001 di mana PAS telah memberikan isyarat untuk meletakkan wanita sebagai calon di dalam Pilihan Raya Umum 2004 atas sebab-sebab suasana yang mengizinkan wanita untuk bertanding. Perkara ini telah mula dibincangkan oleh Majlis Syura Ulama PAS pada tahun 2001. Mereka telah berbincang secara terperinci tentang keharusan wanita menjadi calon di mana keadaan dan suasana yang sesuai untuk mengemukakan semula calon wanitanya di dalam pilihan raya. Perkara yang disentuh

---

<sup>57</sup> Ibid., hlm. 4, 29-30.

<sup>58</sup> Shaharuddin Badaruddin, 'Politik Islam dan Wanita Profesional' kertas kerja Seminar Wanita Profesional, Ke Arah melahirkan Kepimpinan dan Kualiti Wanita Profesional, anjuran Pusat Pembangunan keluarga Universiti Malaya (UMCFD), Fakulti Pendidikan Universiti Malaya bertempat di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 29- 30 November 2005.

oleh Shaharuddin ini sedikit sebanyak akan dibincangkan oleh penulis dalam kajian seterusnya.

Dalam seminar yang sama, Nadrawina Isnin juga menulis kertas kerja<sup>59</sup> yang bertajuk 'Partisipasi Wanita dalam Politik Sebagai Calon Pilihan Raya di Negeri Sarawak'. Fokus kajian beliau tertumpu kepada calon-calon yang bertanding dalam beberapa Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di negeri Sarawak. Secara keseluruhannya partisipasi wanita masih lagi berada di tahap yang paling rendah. Beliau juga telah membuat perbandingan di antara calon di peringkat negeri dan nasional. Menurut beliau, jumlah wanita berpartisipasi sebagai calon pilihan raya di peringkat nasional adalah lebih baik daripada peringkat negeri. Penulisan Shaharuddin berkisar tentang wanita dalam parti PAS manakala Nadrawina berkisar mengenai calon wanita di negeri Sarawak. Kedua-dua kertas kerja ini amat berbeza dengan apa yang dibincangkan dalam kajian penulisan ini iaitu mengenai penglibatan wanita Melayu sebagai pengundi dan kejayaan calon wanita yang bertanding memperolehi kerusi Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen dalam Pilihan Raya Umum, 1999-2008.

Seterusnya dalam prosiding seminar politik Malaysia yang ditulis oleh Noorun Nashriah Hj. Ramli yang bertajuk 'Kepimpinan Wanita dalam Politik dan Halatuju Polisi Awam Malaysia Menerusi Kajian Kes Pilihan Raya Umum ke-12',<sup>60</sup> beliau menjelaskan tentang isu penyertaan calon wanita Melayu dari Pakatan Rakyat merupakan antara tumpuan menarik dalam Pilihan Raya Umum ke-12. Beliau memberi tumpuan utama terhadap calon-calon wanita Melayu di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur. Menurut analisis yang dibuat, prestasi calon wanita pembangkang nampak lebih menyerlah dalam pilihan raya tersebut. Semua 13 calon wanita dari parti

---

<sup>59</sup> Nadrawina Isnin, 'Partisipasi Wanita Dalam Politik Sebagai Calon Pilihan Raya di Negeri Sarawak' dalam kertas kerja Seminar Wanita Profesional, Ke Arah melahirkan kepimpinan dan Kualiti Wanita Profesional, anjuran Pusat Pembangunan keluarga Universiti Malaya (UMCFD), Fakulti Pendidikan Universiti Malaya bertempat di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 29- 30 November 2005.

<sup>60</sup> Noorun Nashriah Hj. Ramli, 'Kepimpinan Wanita dalam Politik dan Hala Tuju Polisi Awam Malaysia Menerusi Kajian Kes Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Worran Hj. Kabul et al., Prosiding Seminar Politik Malaysia, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008.



pembangkang yang bertanding di negeri Selangor dan Kuala Lumpur telah menang dengan majoriti yang besar. Kemenangan calon wanita dari Pakatan Rakyat telah menyumbang kepada kemenangan besar Pakatan Rakyat di Selangor sehingga berjaya membentuk kerajaan baru. Noorun menyatakan di akhir kajian ini akan dapat melihat kesan penglibatan wanita dalam proses politik dan juga kesan penyertaan tersebut terhadap halatuju penggubalan Polisi Awam di Malaysia. Penulisan beliau hanya sekitar Pilihan Raya Umum 2008. Manakala fokus kajian penulisan ini, tertumpu kepada tiga proses Pilihan Raya Umum, 1999-2008 yang melibatkan kerusi Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Wanita Melayu yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen turut dibincangkan menerusi jumlah undi yang berjaya diperolehi.

Rashila Ramli<sup>61</sup> pula menulis satu kertas kerja yang bertajuk 'Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi Calon-calon Wanita'. Beliau meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka dan strategi-strategi yang digunakan oleh calon-calon wanita dalam Pilihan Raya Umum 1995. Beliau dan para penyelidik telah membuat kajian selepas Pilihan Raya Umum. Beliau memilih calon Parlimen dan semua calon yang menang pilihan raya bagi Dewan Undangan Negeri sahaja. Berdasarkan kajian soal selidik dan juga temubual beliau berpendapat terdapat cabaran-cabaran yang boleh dibahagikan kepada lima faktor iaitu a) pandangan masyarakat, b) masa, c) faktor agama, d) struktur dan e) kekurangan sumber. Kajian beliau lebih tertumpu kepada kuantitatif iaitu soal selidik dan juga temubual. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan amat penting untuk dijadikan sebagai rujukan dan dapat memahami situasi yang berlaku dalam proses pilihan raya terutama cabaran-cabaran dan strategi yang digunakan oleh calon dalam Pilihan Raya Umum tersebut. Rashila Ramli, dalam artikelnya yang lain iaitu 'Democratization in Malaysia: Towards Gender Parity in

---

<sup>61</sup>Rashila Ramli, 'Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi Bagi Calon-calon Wanita', kertas kerja Seminar Politik dan Pilihan Raya di Malaysia ke arah Pemantapan Demokrasi', anjuran Jabatan Sains Politik Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Julai 1995.

Political Participation',<sup>62</sup> mengupas tentang penyertaan wanita dan lelaki dalam arena politik di Malaysia. Terdapat kecenderungan bagi wanita untuk memainkan peranan sebagai pembantu atau penyokong bukannya sebagai pembuat keputusan. Ketidakeimbangan ini masih berterusan sehingga kini. Namun kajian beliau menunjukkan terdapat lebih ramai wanita menyertai bidang politik tetapi proses pendemokrasian ini masih lagi dihambat oleh nilai-nilai masyarakat.

Syed Muhd Khairudin Aljunied Syed Muhd Khairudin Aljunied telah menulis satu artikel yang bertajuk, *Against Multiple Hegemonies: Radical Malay Women in Colonial Malaya*.<sup>63</sup> Beliau mengutarakan tentang pergerakan wanita AWAS selepas perang dunia kedua. Pergerakan ini berdepan dengan cabaran masyarakat yang mementingkan adat dan juga kaum lelaki. Tindakan disiplin akan dikenakan sekiranya terdapat individu dalam pergerakan ini mengutarakan isu-isu yang tidak digemari oleh lelaki, termasuk berdepan dengan tindakan British yang cuba menyekat kebangkitan semangat nasionalisme.

Selain daripada itu Mahani Musa dalam artikel beliau, 'Women in Malayan Communist Party'<sup>64</sup>, menganalisis tentang sumbangan perjuangan politik radikal di Tanah Melayu, iaitu AWAS dan PKM. Dalam artikel beliau 'The Women Question' in *Malayan Periodicals, 1920-1945*'<sup>65</sup> memberi tumpuan kepada perbincangan peranan wanita Melayu dalam bangsa Melayu moden yang muncul dalam akhbar-akhbar dan majalah Melayu yang disunting oleh lelaki dan wanita dari tahun 1920-an hingga 1945. Antara isu penting yang dibangkitkan oleh penulis wanita ialah mengenai isu pembebasan dan pendidikan. Wan Azizah's, 'Women in Politics: Reflections from

---

<sup>62</sup> Rashila Ramli 'Democratization in Malaysia: Towards Gender Parity in Political Participation', *Akademika* 53, Julai, 1998.

<sup>63</sup> Syed Muhd Khairudin Aljunied, 'Against Multiple Hegemonies: Radical Malays Women in Colonial Malaya,' *Journal of Social History*, Jil. 47, No. 1 2013, hlm. 153-175.

<sup>64</sup> Mahani Musa, 'Women in the Malayan Communist Party, 1942-89,' *Journal of Southeast Asian Studies*, Jil. 44, No. 2, hlm. 226-249, June 2013.

<sup>65</sup> Mahani Musa 'The 'Women Question' in Malayan Periodicals, 1920-1945', *Indonesia and the Malay World*, Jil. 38, No. 111, 2010.

Malaysia,<sup>66</sup> membincangkan tentang halangan dan cabaran wanita yang terlibat dalam politik di Malaysia. Beliau mengupas tentang kekurangan perwakilan wanita dalam parti-parti politik di Malaysia. Beliau juga mengatakan krisis politik pada tahun 1998 telah menyedarkan wanita untuk aktif dalam sosio-ekonomi dan juga politik di Malaysia. Kemunculan wanita dari ABIM dan JIM dan berbagai organisasi bukan kerajaan seperti Tenaganita dan Suaram yang memenuhi rapat umum yang bertemakan hak-hak wanita seperti hak asasi manusia, hak-hak sivil dan hak demokrasi mereka. Kupasan-kupasan yang diutarakan oleh Rashila Ramli, Syed Muhd Khairudin Aljunied Syed Muhd Khairudin Aljunied, Mahani Musa dan Wan Azizah adalah berkisar tentang penglibatan wanita Melayu dalam pergerakan politik. Kupasan ini menunjukkan tentang kepentingan pendidikan dan amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia memberi ruang kepada wanita untuk aktif menyertai politik.

Seterusnya penulisan yang ditulis Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12',<sup>67</sup> membincangkan mengenai penglibatan calon wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12 dari semua kaum dan juga parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya itu. Kajian beliau juga ialah mengenai prestasi calon wanita yang berjaya menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Kajian beliau menunjukkan jumlah peningkatan calon wanita pada pilihan raya ini berbanding tahun sebelum ini. Perbezaan yang cukup ketara di antara kajian penulis dan Hoi Hui Ling ialah berdasarkan kaum di mana penulis hanya memberi penumpuan kepada kaum Melayu. Manakala Hoi Hui Ling membincangkan semua kaum untuk satu Pilihan Raya Umum pada tahun 2008 sahaja.

Berdasarkan penulisan-penulisan yang dikaji oleh penulis di atas memperlihatkan kepada kita tentang kepentingan wanita dalam pembangunan negara.

---

<sup>66</sup> Wan Azizah's, "Perempuan dalam Politik dari Malaysia," in international IDEA, 2002, perempuan di Parlemen: Bukan Sekedar Jumlah Stockhol: International IDEA, hlm. 191-202. (<http://www.idea.int/sites/default/files/publications/chapters/women-in-parliament/perempuan-di-parlemen-bukan-sekedar-jumlah-EN-case-study-malaysia.pdf>)

<sup>67</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian berkaitan dengan wanita dalam politik dan pilihan raya memberi penumpuan tentang hak-hak wanita terutama peranan wanita dalam UMNO dan juga dalam PAS. Terdapat juga kajian yang menumpukan tentang calon wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12 yang memberi sedikit persamaan kepada pengkajian ini. Fokus kajian itu lebih kepada halatuju penggubalan Polisi Awam di Malaysia.

Secara kesimpulannya kesemua kajian tentang wanita berkisar tentang peranan dan hak wanita dalam masyarakat termasuk mengenai kepimpinan dan pendidikan. Dari aspek politik dan pentadbiran kebanyakan kajian membincangkan tentang wanita Melayu yang terikat dengan adat dan agama yang membawa kepada isu feminisme yang dibangkitkan secara tidak langsung. Kajian tentang keterlibatan wanita dalam parti-parti politik yang terdapat di Semenanjung Malaysia masih lagi kurang dan memerlukan kepada pengkajian yang lebih mendalam lagi. Namun begitu, kajian kontemporari mengenai wanita Melayu dalam proses-proses pilihan raya masih sukar diperolehi terutama selepas tahun 1990. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan terhadap pengetahuan sejarah kontemporari yang berkaitan dengan sejarah wanita Melayu dan pilihan raya di Malaysia.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian sejarah kontemporari mengenai penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya antara tahun 1999 hingga tahun 2008. Kajian ini juga adalah kajian akademik yang terawal, fokus kepada wanita yang terlibat dalam pilihan raya. Selain itu juga kajian ini dapat memberi pencerahan dan pengetahuan baru terhadap penglibatan wanita dalam pilihan raya. Kajian ini juga mengetengahkan pandangan bahawa wanita berperanan menyuburkan amalan demokrasi di Malaysia.

Dalam konteks penyuburan amalan demokrasi di Malaysia, golongan wanita juga merupakan kelompok penting yang perlu diberikan hak yang selama ini dinikmati secara sepintas lalu dengan kadar yang terhad dan begitu minimum, termasuk hak-hak mereka dalam politik. Kajian ini adalah satu usaha untuk melihat kembali peluang-peluang telah digunakan oleh wanita Melayu dalam proses-proses pilihan raya di Malaysia. Penulisan ini dapat mengimbangi dan menambah kajian berkaitan wanita dalam pilihan raya serta dijadikan sebagai rujukan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pilihan raya sama ada dari parti-parti politik di Malaysia. Tesis ini juga diharapkan dapat membantu untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam usaha mencari dan meningkatkan peglibatan wanita dalam parti-parti politik. Selain itu kajian ini juga memberi pencerahan berkaitan faktor, halangan, cabaran dalam pencapaian wanita Melayu dalam pilihan raya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam penulisan ini, tumpuan khusus diberikan dalam memilih metod-metod yang bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak tajuk yang dipersembahkan iaitu penglibatan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia 1999-2008. Dalam melaksanakan penyelidikan ini, kaedah sejarah diaplikasikan dengan menekankan kepada kaedah pengumpulan sumber primer dan sekunder untuk dianalisis. Dalam melaksanakan penyelidikan ini, kaedah kualitatif yang menggunakan pendekatan sejarah diaplikasikan dengan menekankan kepada kaedah pengumpulan data secara komprehensif untuk dianalisis. Kaedah kualitatif merupakan kajian yang menggunakan maklumat atau data yang bersifat kualitatif. Data kualitatif biasanya diperolehi melalui pemerhatian, temubual dan diakhiri dengan analisis dokumen. Jenis reka bentuk penyelidikan kualitatif adalah kajian kes, kajian etnografi, kajian lapangan dan kajian

sejarah. Dalam konteks kajian ini, kajian sejarah menjadi tumpuan utama yang menggunakan sumber primer dan bukti-bukti dari sumber sekunder.

Seterusnya proses dokumentasi iaitu proses pengumpulan data dan maklumat untuk bahan penyelidikan. Kajian yang dilakukan dalam konteks sejarah juga berdasarkan kajian perpustakaan (*library research*) dan juga arkib bagi memperolehi data yang kehendaki. Proses pertama yang dilakukan oleh ialah melakukan sorotan *literature* iaitu mengkaji, meninjau dan meneliti secara mendalam persoalan kajiannya dan persoalan-persoalan lain yang boleh dikaitkan dengan subjek kajian.<sup>68</sup> Ini kerana sesuatu masalah yang wujud itu kebiasaannya tidak wujud secara bersendirian tetapi wujud implikasi dari suatu keadaan lain.

Melalui tinjauan literatur ini, selain dapat memahami secara mendalam persoalan kajian, penulis dapat mengenalpasti sarjana tempatan dan antarabangsa yang ada menulis tentang wanita, melihat teori-teori dan disiplin ilmu yang berkaitan serta sumber data dan kaedah-kaedah yang pernah digunakan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini untuk mengumpul data serta menganalisisnya. Kajian ini membolehkan penulis meneliti data atau maklumat yang mengandungi bahan yang berkaitan dengan penyelidikan. Melalui metod ini penulis boleh mengumpul data-data, butiran-butiran dan maklumat-maklumat yang diperlukan melalui bahan-bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah, kertas-kertas kerja, laporan penyelidikan dan lain-lain bahan yang berkaitan.

Sumber-sumber data yang dikumpulkan ialah data *primer* iaitu data yang diperolehi dari sumber yang asal dan data *sekunder* iaitu data yang diperolehi bukan dari sumber asal. Data yang dikumpulkan sama ada didapati dari koleksi buku-buku,

---

<sup>68</sup> Rujuk Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 20006. R. Suntharalingam, *Pengenalan kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Marican and Sons (M) Sdn. Bhd., 1985, John Tosh, *The Pursuit of History: Aims, Methods and New Directions in the Study of Modern History*, London and New York: Longman, 1991. Qasim Ahmad, *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahaasa dan Pustaka, 2000. Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM, 2001, hlm. 71- 72.

jurnal dan majalah yang berada dalam simpanan penulis ataupun didapati daripada perpustakaan. Untuk memantapkan lagi sumber-sumber di atas, sumber lisan menerusi kaedah temubual turut dijalankan melibatkan mereka yang terlibat dengan parti politik yang aktif atau tidak aktif sebagai contoh, ahli jawatan kuasa parti politik, pengundi dan juga Yang Berhormat. Temubual ini dilakukan secara bersemuka atau menerusi aplikasi laman sosial seperti *Facebook* dan juga *Whats Application (WhatsApp)* untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan seimbang mengenai topik yang dibincangkan. Tujuan temubual dilakukan untuk mengesahkan pendapat sebelum ini dan memberi pandangan yang tidak dinyatakan dalam mana-mana penulisan. Terdapat halangan dan cabaran yang dihadapi untuk menjalankan sesi temubual seperti kesibukan beberapa individu dan juga masa.

## **SKOP KAJIAN**

Skop kajian ialah berkaitan dengan penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya bermula dengan sejarah awal penglibatan wanita dalam pilihan raya di Malaysia. Pemilihan Tahun 1999 berdasarkan beberapa perkara yang penting berlaku selepas pemecatan Anwar Ibrahim dengan kemunculan penglibatan seorang wanita sebagai Presiden sebuah parti politik iaitu Wan Azizah Wan Ismail. Situasi ini merupakan pertama kali berlaku dalam sejarah politik di Malaysia. Kemunculan beliau telah membangkitkan kesedaran wanita Melayu untuk terlibat dalam politik dan pilihan raya di Malaysia.

Selain itu juga fokus kajian juga akan memperlihatkan peranan wanita sebagai pemilih turut memberi kesan kepada corak kepimpinan negara. Kajian ini juga dibataskan kepada calon-calon wanita Melayu yang berjaya dalam Pilihan Raya Umum ke-10, 11 dan 12. Ini bertujuan untuk memberi perincian yang lebih terhadap perkembangan dan sumbangan wanita dalam politik di Malaysia terutama terhadap

fokus kajian yang melibatkan wanita Melayu dalam Pakatan Rakyat iaitu PKR atau KEADILAN dan PAS. Manakala Barisan Nasional iaitu UMNO yang bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan juga Parlimen. Pengakhiran perbincangan ditulis berakhir pada tahun 2008 juga berkaitan dengan gelombang politik baru atau 'tsunami' yang mencipta sejarah tersendiri apabila julung kali kerajaan Malaysia berdepan dengan satu realiti politik baharu yang lebih berani, tegas dan jauh lebih moden berbanding dengan apa yang dikenali sebelum ini. Pertama kali selepas 1969 dalam Sejarah Pilihan Raya Malaysia Kerajaan Barisan Nasional, BN tidak berjaya 2/3 majoriti di Parlimen hingga kehilangan lima negeri.

### **STRUKTUR/PEMBAHAGIAN BAB**

Tesis ini pada keseluruhannya mengandungi sebanyak lapan bab. Bab satu iaitu pendahuluan akan menyentuh mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, metodologi kajian yang akan digunakan, kepentingan kajian, skop kajian serta pembahagian bab.

Bab kedua pula akan menumpukan kepada perbincangan mengenai latar belakang dan sejarah awal penglibatan wanita dalam politik terutama dalam parti UMNO dan PAS. Selain itu juga bab ini menerangkan mengenai penyertaan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum, 1959-1995.

Bab yang ketiga ini akan membincangkan mengenai wanita Melayu dalam parti politik iaitu UMNO, PAS dan PKR, 1999-2008. Selain itu juga, bab ini membincangkan mengenai penubuhan sayap wanita yang dikhususkan untuk remaja, golongan muda dan juga belia dalam komponen parti pembangkang dan juga parti kerajaan. Cabaran dan halangan yang dihadapi oleh wanita yang terlibat dalam pilihan raya juga turut dibincangkan dalam bab ini.



Bab keempat pula membincangkan mengenai faktor-faktor penglibatan wanita dalam politik dan pilihan raya di Malaysia. Faktor-faktor yang difokuskan ialah amalan demokrasi di Malaysia, faktor hak asasi manusia, faktor dasar agama iaitu agama Islam dan faktor pendidikan. Kajian ini akan mengenalpasti sejauhmanakah faktor-faktor tersebut memberi sumbangan kepada penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia.

Bab kelima pula akan menumpukan kepada penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya menerusi peranan mereka sebagai pengundi selepas tahun 1999 hingga 2008. Bab ini juga kajian akan memfokuskan mengenai penglibatan wanita Melayu sebagai pengundi yang terdiri dari pelbagai golongan sama ada bandar atau luar bandar. Kajian ini akan memperlihatkan pengaruh dan strategi parti politik UMNO, PAS dan PKR terhadap pengundi wanita. Selain itu, bab ini juga membincangkan mengenai peranan wanita Melayu dalam proses-proses pilihan raya seperti terlibat dalam kempen-kempen pilihan raya untuk merayu undi.

Bab keenam pula akan menerangkan calon-calon wanita yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam DUN pada Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan juga 2008. Bab ini juga turut membincangkan mengenai jumlah pencapaian calon yang berjaya dalam pilihan raya dari komponen parti UMNO, PAS dan PKR. Penumpuan turut diberikan kepada jumlah undi yang diperolehi oleh mereka yang berjaya menjadi wakil rakyat Dewan Undangan Negeri.

Bab yang ketujuh pula akan menerangkan calon-calon wanita yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam Parlimen pada Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan juga 2008. Bab ini juga turut membincangkan mengenai jumlah pencapaian calon yang berjaya dalam pilihan raya dari komponen parti UMNO, PAS dan PKR. Penumpuan turut diberikan kepada jumlah undi yang diperolehi oleh mereka yang berjaya menjadi wakil rakyat Parlimen.

Bab lapan iaitu kesimpulan merupakan bab yang terakhir terhadap topik yang dibincangkan. Ia merupakan dapatan kepada kajian ini.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian yang ingin dilakukan akan membincangkan sejarah penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia selepas tahun 1999. Penglibatan wanita bukan sekadar menjadi calon dalam pilihan raya namun mereka juga terbabit dalam proses-proses pilihan raya seperti menjadi pemilih dan terlibat dalam kempen pilihan raya. Ekoran daripada kejayaan yang diperolehi sebilangan wanita dalam merebut kerusi-kerusi dalam pilihan raya tersebut menunjukkan tahap penerimaan masyarakat terhadap golongan wanita semakin terserlah. Justeru kupasan yang menarik akan diperbincangkan mengenai calon-calon wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam DUN dan juga Parlimen. Selain itu juga, antara perkara yang akan di sentuh ialah sejarah awal penglibatan wanita dalam politik dan seterusnya mengenai calon-calon wanita yang terdiri dari kerajaan Barisan Nasional iaitu UMNO dan barisan Pakatan Rakyat iaitu PAS dan PKR. Kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang kepentingan wanita dalam pentadbiran negara dan mengenengahkan pandangan mereka di samping mewakili suara-suara wanita yang memberi impak terhadap pencapaian dan pembangunan dalam politik tanah air seiring dengan pencapaian dalam pergerakan wanita UMNO.

## **BAB 2 : PENGLIBATAN AWAL WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA SEBELUM 1999**

### **Pengenalan**

Jika dilihat penglibatan wanita dalam pilihan raya di Malaysia pada peringkat permulaan sebelum kemerdekaan sehingga kini, wanita masih lagi dianggap sebagai kumpulan kecil atau marginal dan tidak mempunyai kepentingan. Masyarakat Melayu amnya sebelum perang dunia kedua meletakkan wanita lebih rendah berbanding dengan lelaki dan tidak berhak mencampuri urusan yang berkaitan dengan politik. Mereka sepatutnya berada dalam arena dalaman iaitu rumahtangga. Nilai tradisi, norma dan budaya masyarakat ketika itu, bahkan keseluruhan masyarakat di dunia berpendapat politik tidak sesuai dengan sifat semulajadi seorang wanita telah membentuk satu tanggapan yang amat memberi kesan kepada penglibatan wanita dalam politik. Sekiranya segala keperluan rumahtangga tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dan berlaku pengabaian kepada rumahtangga tersebut maka mereka bukan lagi dianggap sebagai wanita.

Dalam bab ini, beberapa perkara penting akan dibincangkan iaitu mengenai wanita UMNO yang memainkan peranan penting ke arah kemerdekaan Malaysia dan juga muslimat PAS. Penglibatan wanita PKR tidak diterangkan dalam bab ini memandangkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) belum muncul dalam tempoh dibincangkan. Selain itu penglibatan wanita dalam pilihan raya juga dibincangkan turut menunjukkan jumlah calon wanita Melayu yang bertanding dan berjaya menjadi wakil rakyat pada tahun 1959 sehingga tahun 1995 merebut kerusi Dewan Undangan Negeri dan juga kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia.

## **Penglibatan dalam Pergerakan Politik dan Pilihan Raya Umum Di Malaysia**

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan tahap kesedaran politik wanita Melayu agak perlahan memandangkan masyarakat Melayu pada ketika itu masih lagi berpegang dengan nilai tradisional dan konservatif dan masih samar-samar dalam menuntut kemerdekaan. Namun begitu, terdapat pergerakan-pergerakan wanita yang menjurus kepada peranan sebagai seorang ibu dan isteri. Sumbangan pergerakan ini dapat dilihat menerusi isu-isu kemunduran, kemiskinan dan soal politik yang dibincangkan oleh mereka dan membuat perbandingan dengan golongan penjajah.

Sebenarnya perbincangan mengenai peranan wanita dan pemodenan merupakan fenomena global yang mencapai kemuncaknya pada tahun 1930-an. Idea pembaharuan termasuk 'new women' yang berkembang di Eropah pada abad ke-19 telah merebak ke Turki turut diserapkan dalam perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu pada ketika itu. Gerakan Kaum Muda ini terpengaruh dengan gerakan Turki Muda pada awal abad ke-20. Keadaan ini merupakan petanda kepada penyebaran idea feminisme Barat dan mempengaruhi gerakan emansipasi di negara-negara Asia dan Timur Tengah yang kebanyakannya digerakkan oleh reformis-reformis lelaki. Namun, gerakan feminisme di Dunia Ketiga berlainan dengan apa yang berlaku di barat termasuk di Tanah Melayu. Di Tanah Melayu perjuangan ke arah mendapat hak wanita tidak diiringi oleh gerakan atau persatuan pembebasan wanita. Namun, perjuangan ini dirintis oleh golongan intelektual lelaki dan wanita melalui bidang penulisan. Melalui penulisan inilah feminisme mula dirasai di Tanah Melayu.<sup>1</sup>

*Feminist* merupakan satu perkataan yang meluas dipergunakan di Barat sejak tahun 1980-an. Ia pertama kali diperkenalkan di Eropah pada tahun 1894. Asalnya

---

<sup>1</sup> Mahani Musa, 'Wanita Melayu, Kesedaran Pendidikan dan Pembentukan Masyarakat Malaysia Moden', *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*, Jil. 38, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2010, hlm. 4. Untuk keterangan lebih lanjut berkenaan feminisme di dunia ketiga, rujuk Jayawardena, Kumari, *Feminism and Nationalism in the Third World*, London: Zed Books, 1994.

digunakan di Perancis sebagai feminisme oleh Charles Fourier, seorang Sosialis Utopian. Feminisme merupakan satu gerakan wanita yang menuntut hak persamaan dengan lelaki dalam bidang politik, sosial, ekonomi serta undang-undang keselamatan bagi melindungi wanita dari bahaya, penindasan serta diskriminasi. Gerakan feminisme tercetus di akhir abad ke-18 iaitu melalui revolusi Perancis tahun 1789. Feminisme muncul pada ketika itu sebagai satu cara untuk individu menonjolkan sokongan mereka kepada wanita bagi menuntut hak autonomi mereka. Walau bagaimanapun, setelah beberapa abad, hak peribadi wanita dan peranan umum telah berkembang dan berubah. Pergerakan feminisme telah meluaskan aktivitinya termasuklah ke dalam bidang politik, kebudayaan, ekonomi, bangsa dan etika. Pada masa ini, gerakan feminisme telah menjalar ke serata dunia.<sup>2</sup>

Menurut Alison M. Jaggar, feminisme ialah suatu istilah yang membawa perubahan dari segi emosi. Feminisme adalah sebagai lencana kepada sesetengah orang yang meletakkan perasaan sebagai identitinya. Sementara bagi sesetengah pihak feminisme adalah label untuk tidak mengaku terhadap satu tatacara yang melambangkan sama ada mereka takut ataupun benci. Bagi golongan pelampau, feminisme adalah mungkin adalah karikatur seperti golongan bourgeois Barat, di mana lelaki benci kepada pengasingan kerana 'feminisme' digunakan pada dua istilah yang berbeza, iaitu gelaran hormat atau untuk mendera. Adrienne Rich pula mengatakan feminisme tidak boleh dilabelkan sebagai gerakan yang gemar bersuka-suka tetapi gerakan yang beretika, ada metodologi dan pemikiran yang komplikated tentang apa yang perlu dilakukan terhadap kehidupan semasa. Menurut Chris Weedon, seorang saintis British mengatakan bahawa gerakan feminisme adalah gerakan politik secara langsung untuk mengubah kuasa

---

<sup>2</sup> Jane Rendall, *The Origins of Modern Feminism: Women in Britain, France and United States (1780-1860)*, London: Macmillan Education Ltd., 1990, hlm. 1. Chris Weedon, *Feminist Practice and Poststructuralist Theory*, London: Basil Blackwell, 1987, hlm. 9.

politik di antara lelaki dengan wanita dalam masyarakat.<sup>3</sup> Kebangkitan gerakan feminisme bermula ketika tahun 1960-an di Amerika syarikat dalam pelbagai pendekatan yang baru. Tujuan utama gerakan ini ialah untuk memperjuangkan keadilan dan menuntut hak persamaan daripada pemerintah dan juga masyarakat yang menafikan hak mereka pada ketika itu. Gerakan emansipasi wanita dan feminisme termasuk *woman suffrage* telah dijelaskan dalam bab pengenalan.

Sebelum Perang Dunia Kedua (1941-1945), secara umumnya wanita tidak diberi peluang untuk melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti di luar rumahtangga terutama perkara yang berkaitan dengan politik.<sup>4</sup> Peranan wanita pada ketika ini hanya berkisar sebagai suri rumahtangga yang hanya mengendalikan hal-hal rumahtangga dan menguruskan anak-anak sesuai dengan fitrah mereka sebagai perempuan. Ini menunjukkan bahawa golongan lelaki yang memonopoli dalam bidang politik. Fenomena ini masih berterusan selepas merdeka, wanita masih lagi di anggap sebagai pembantu kaum lelaki dalam menjalankan peranan tradisional seperti melakukan tugas-tugas domestik dalam masyarakat Melayu.<sup>5</sup> Walau demikian, fenomena keterlibatan wanita dalam bidang politik berlaku bukanlah satu perkara baru bahkan telah berlaku sejak berabad-abad lamanya di dunia. Bahkan dalam sejarah dan kisah-kisah lama membincangkan mengenai kepentingan wanita dalam politik. Sebagai contoh mengenai kisah Tun Kudu yang berjaya menyatukan kembali perpecahan di kalangan rakyat Melaka selepas perkahwinan beliau dengan Seri Nara Diraja Tun Ali yang berseteru dengan Tun Perak iaitu adik Tun Kudu sendiri.<sup>6</sup> Dalam sejarah kerajaan Melayu

---

<sup>3</sup> Ibid., Lihat juga Nancy Mandell, *Feminist Issues*, Scarborough, Ontario: Prentice-Hall Canada Inc, 1995, hlm. 4. Lihat Alison M. Jaggard, *Living with Contradictions Controversies in Feminist Social Ethics*, United States: Westview Press, 1994, hlm. 1. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk Adrienne Rich, *On Lies Secrets and Silence: Selected Prose (1966-1978)*, New York: W.W. Norton, 1979.

<sup>4</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai wanita Melayu semasa Perang Dunia Kedua dan ketika penjajahan Jepun di Tanah Melayu rujuk Mahani Musa, 'Women in the Malayan Communist Party, 1942-89', *Journal of Southeast Asian Studies*, Jil. 44, No. 2, June 2013. Rujuk juga Mahani Musa 'The 'Women Question' in Malayan Periodicals, 1920-1945', *Indonesia and the Malay World*, Jil. 38, No. 111, 2010 dan Mahani Musa, 'Malayan Women during the Japanese Occupation', *JMBRAS*, Jil. 89, No.2., 2016.

<sup>5</sup> The Star, 30 Jun 1996. Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No. 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>6</sup> Zaiton bt Ghani, 'Wanita Melayu dalam Politik 1946-1948', dalam Khoo Kay Kim (editor), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1985, hlm. 210. Lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, 'Kesedaran Pendidikan Wanita Melayu Awal Abad Ke-20' dalam Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani, (editor), *Wanita dan Masyarakat*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 2012, hlm. 34-37.

Kelantan pada abad ke-17, terdapat dua orang wanita diraja iaitu Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang yang pernah menerajui pemerintahan negeri Kelantan. Dalam sejarah dunia juga terdapat raja-raja perempuan yang terkenal seperti Cleopatra (Mesir), Ratu Elizabeth 1 (England) Catherine Yang Termashur (Rusia) dan balu Maharaja Tzu Hsi (China).<sup>7</sup>

Makmor Tumin mengatakan penglibatan golongan wanita dalam masyarakat mulai menampakkan peranan yang lebih baik ekoran pihak British memperkenalkan sistem pendidikan pada 1930-an.<sup>8</sup> Di sini, bermula penubuhan badan-badan persatuan sukarela yang tidak mempunyai matlamat politik. Pertubuhan-pertubuhan ini bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf kehidupan wanita. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah hal-hal yang berkaitan tugas-tugas domestik seorang wanita di rumah seperti aktiviti memasak, menjahit dan juga menghadirkan diri ke kelas pengajian agama. Pertubuhan-pertubuhan badan sukarela ini semakin berubah peranan dan aktiviti selepas pengalaman peristiwa penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu membuka pemikiran masyarakat terutama wanita.<sup>9</sup>

Perkembangan yang berlaku semasa pemerintahan tentera Jepun itu ialah pendedahan wanita kepada kegiatan politik dan kemasyarakatan secara berorganisasi dengan tertubuhnya bahagian-bahagian wanita dalam pertubuhan tertentu.<sup>10</sup> Sebagai contoh, dalam bulan April 1944, *Malayan Reconstruction Co-operative Association* (MRCA) telah menubuhkan sebuah suborganisasi untuk menampung kegiatan-kegiatan wanita. Antara kegiatan wanita yang menonjol dalam suborganisasi MRCA itu ialah penyertaan dalam perarakan untuk menyokong Jepun dan juga ceramah-ceramah politik untuk membangkitkan kesedaran anti imperialisme Barat (British) bagi menyokong

---

<sup>7</sup> Cheah Boon Kheng, 'Di Belakang Tabir: Tinjauan Sejarah Tentang Peranan Wanita Melayu dalam Politik Istana' dalam Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Lee (editor), *Alam Pensejarahan: dari Pelbagai Perspektif*, Bab 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 104.

<sup>8</sup> Rustam A. Sani, diterjemah oleh Amin Ahmad, *Asal Usul Golongan Kiri Melayu, Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, 2011, hlm. 43.

<sup>9</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia – Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 9.

<sup>10</sup> Ibid.

Gagasan ‘Asia Raya’ anjuran Jepun. Pada tahun yang sama juga, bahagian wanita *Malayan Welfare Association* (MWA) ditubuhkan. Terdapat juga agenda yang tersirat secara terang-terangan di sebalik penubuhan kedua-dua badan berkenaan iaitu untuk meningkatkan sokongan politik terhadap pemerintahan tentera Jepun.<sup>11</sup> Apa yang penting di sini menunjukkan permulaan aktiviti wanita yang berbau politik mulai meresap dalam agenda kegiatan mereka. Seterusnya beberapa peristiwa berlaku sebelum kemerdekaan, antara peristiwa tersebut ialah pilihan raya, perundingan kemerdekaan dan pembentukan perlembagaan daripada pihak Inggeris.<sup>12</sup> Pilihan raya merupakan salah satu aspek yang penting oleh pihak British untuk menilai dan melihat kesediaan penduduk di negara ini berkerajaan sendiri. Perkara yang amat penting juga ialah keterlibatan wanita dalam pilihan raya-pilihan raya terbabit.

Permulaan pertubuhan politik wanita Melayu muncul selepas Perang Dunia Kedua. Perkembangan politik selepas Perang Dunia Kedua telah mengubah pandangan wanita hanya sebagai penjaga keluarga sahaja. Perjuangan mengenai hak wanita diluahkan ini melalui saluran penulisan sastera seperti puisi dan novel. Malah melalui pertubuhan sosial, pendidikan dan juga politik.<sup>13</sup> Wanita Melayu mulai bangkit ekoran daripada cadangan *Malayan Union* (MU) telah menubuhkan beberapa kumpulan. Faktor inilah telah mengubah anjakan paradigma Melayu dan menyemarakkan lagi kesedaran kaum wanita yang bersemangat membela tanah air.<sup>14</sup> Semangat nasionalisme ini telah membangkitkan kesedaran politik semakin baik dalam kalangan wanita. Demonstrasi yang melibatkan kaum wanita juga berlaku di sekitar bandar-bandar di Rembau, Negeri

---

<sup>11</sup> Ibid., hlm.10.

<sup>12</sup> Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan et al., *Pengajian Malaysia Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, Selangor: Prentice Hall, 2003, hlm. 50.

<sup>13</sup> Ishak Saat, ‘Gerakan Wanita dalam Gerakan Berhaluan Kiri’, dalam Ishak Saat dan Nazarudin Zainun, *Wanita dan Perjuangan*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia, 2011, hlm. 2. Antara luahan itu ialah menerusi akhbar *Voice of The People* yang menyatakan tentang kepentingan untuk mendidik dan menjaga wanita sebagaimana yang digariskan dalam Islam. Di samping itu Masyarakat Melayu perlu memahami intipati yang terdapat dalam Al-Qur’an menerusi surah Annisa’ mengenai urusan dan hal ehwal wanita. Lihat *Voice Of The People*, 16 November 1945, hlm.15. Akhbar ini merupakan akhbar rasmi PKMM yang menyeru kaum Melayu sama ada lelaki atau wanita agar bangkit berjuang dan mengambil tahu hal ehwal semasa dunia pada ketika itu. Akhbar ini juga menyeru agar bangsa Melayu terus bersatu memperjuangkan negara ‘Malaya’ agar tidak ketinggalan dalam arus perubahan zaman.

<sup>14</sup> Lihat juga Fatini Yaacob, ‘AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah’, *Dewan Masyarakat*, Mei 1991, hlm. 21.



Sembilan, Johor Bharu, Kota Bharu, Alor Setar dan Kuala Kangsar. Sebagai contoh di Kota Bharu, lebih 1000 orang rakyat termasuk wanita telah keluar berarak membantah *Malayan Union* (MU) dengan membawa sepanduk ketika Sultan Kelantan diminta untuk menandatangani Perjanjian itu oleh Sir Harold Mac Miachael. Apabila kaum lelaki memulakan usaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah, sudah terdapat pejuang-pejuang wanita.<sup>15</sup> Dua kumpulan yang paling berkesan ialah Angkatan Wanita Sedar (AWAS)<sup>16</sup> dan Kaum Ibu UMNO. AWAS adalah sebahagian dari *Progressive Nationalist Party* (PNP). Presiden PNP Burhanuddin menekankan tentang kepentingan wanita dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan amat diperlukan oleh parti. Begitu juga Ahmad Boestaman (Ketua Pemuda PNP yang dikenali sebagai Angkatan Pemuda Insaf (API)).<sup>17</sup> Walau bagaimanapun, hanya sedikit yang menyokong dakwaan ini. Ketua AWAS ialah Aishah Ghani dan kemudian beliau dilantik sebagai Presiden yang kelima dalam pertubuhan Kaum Ibu UMNO dan menjadi Menteri Kebajikan Sosial. Beliau membangkitkan dan mengingatkan tentang kelemahan AWAS dan tidak ramai yang melibatkan diri dalam pertubuhan tersebut. Beliau telah meletak jawatan pada tahun 1947 dan digantikan oleh Shamsiah Fakeh Speaker Negeri

---

<sup>15</sup> Nik Safiah Karim, *Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd. 1990, hlm. 33, rujuk Arba'iyah Mohd Noor 'Perubahan Peranan Wanita Melayu Awal Abad ke 20', dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ismail (editor) *Panji Pendeta*, Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, 2013, hlm. 775. Lihat Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 24. Rujuk juga Ramlah Adam *Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, 1945-1972: Malaysia dari Segi Sejarah*, Part 1, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1978, hlm. 26-27.

<sup>16</sup> Angkatan Wanita Sedar (AWAS) berasal dari bahagian wanita atau jabatan wanita Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Jabatan Wanita PKMM sempat mempunyai tiga orang ketua: Khadijah Ali, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. Di bawah pimpinan Shamsiah Fakeh, susunan wanita PKMM semakin teratur dan pergerakannya juga semakin maju. Awas berbeza daripada API yang memisahkan diri daripada badan induknya PKMM dalam Kongres API di Melaka pada tahun 1946, AWAS terus kekal sebagai badan gabungan atau sebahagian daripada PKMM, sehinggalah PKMM tidak bergerak lagi mulai Jun 1948 kerana pengisytiharan Undang-undang Darurat. Lihat Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 78-79, Megat Terawis, *Jenayah Politik Kemerdekaan*, Ipoh: Teguh Cipta, 1987, hlm. 27-29. Lihat juga Khoo Kay Kim Malaysian 'Women's Participation in Politics: A Historical Perspective' dalam Robert Haas & Rahmah Hasyim (editor), *Malaysian Women: Creating Their Political Awareness*, Kuala Lumpur: Institute For Development Community, 1999, hlm. 1-7. Rujuk Azzah A. R., *Shamsiah Fakeh: Pejuang, Pemimpin dan Perempuan*, Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd., 2011, hlm. i.

<sup>17</sup> Angkatan Pemuda Insaf (API) ditubuhkan pada 17 Februari 1946 sebagai sayap pemuda PKMM. Selepas itu cawangannya tertubuh hampir secara automatik di tempat-tempat PKMM yang mempunyai cawangan dan kedua-dua organisasi itu hampir berkembang secara serentak. Sumber Parti Komunis Malaya (PKM) (50 tahun Parti Komunis Malaya 1981, 64) mendakwa PKM turut bertanggungjawab menubuhkan API. Bagaimanapun hal ini tidak mendapat sokongan daripada sumber yang lain. Ketuanya, Ahmad Boestaman sudah diketahui umum bukanlah seorang komunis. Untuk keterangan lebih lanjut rujuk Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 65 dan 78. Lihat Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan ke Puncak*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972, hlm. 55. Lihat juga Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1985, hlm. 98. Rujuk Ramlah Adam, *Ahmad Boestaman: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 414-441, Nazarudin Mohd Jali, Ismail M.Rashid et al., *Kenegaraan Malaysia 1, Sejarah Awal dan Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 28-30. Lihat juga artikel Fatini Yaacob, 'PKM Seret Orang Melayu ke Hutan', *Mingguan Malaysia*, 30 Oktober 1994, Fatini Yaacob, 'Datin Sakinah Junid: Kawan Sekolah Shamsiah dan Wanita Berai di dalam PKMM', *Dewan Masyarakat*, April 1991, hlm. 25.

Sembilan. AWAS hanya wujud sekitar dua tahun setengah sahaja. Apabila darurat berlaku pada 16 Jun 1948, API telah diharamkan dan seterusnya pada Julai 1948, AWAS pula telah dibubarkan.<sup>18</sup>

Tokoh-tokoh selain yang disebut di atas ialah Khadijah Sidek, Sawiyah Jalil dan Sakinah Junid. Mereka memimpin AWAS dan bergerak berganding bahu dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan API. Mereka juga turut menganggotai Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) di bawah kepimpinan Burhanuddin Helmy. Pergerakan ini telah diharamkan oleh Kerajaan Tanah Melayu serentak dengan pengharaman Parti Komunis Malaya pada 23 Julai 1948. Secara langsung tindakan ini turut memberi manfaat dan keuntungan politik kepada UMNO. Dalam kalangan orang Melayu, UMNO muncul sebagai tenaga politik yang berjaya mengukuhkan kedudukannya sepanjang tempoh darurat.<sup>19</sup> Selain itu, Kejayaan penentangan terhadap Rancangan *Malayan Union* memperlihatkan perkembangan nasionalisme politik orang Melayu mencapai kemuncaknya. Kejayaan ini kemudiannya merintis jalan kepada usaha pemantapan kuasa politik orang Melayu. British terpaksa akur kepada tuntutan-tuntutan orang Melayu untuk mengekalkan kedaulatan raja Melayu yang menjadi lambang kekuasaan politik orang Melayu dan menggantikan rancangan tersebut dengan Persekutuan Tanah Melayu. Apabila perlembagaan baru yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 orang Melayu dikatakan berjaya memenangi babak pertama dalam perjuangan menegakkan kekuasaan melalui perlembagaan.<sup>20</sup> Ringkasnya, gerakan nasionalisme Malaysia dari tahun 1941 sehingga 1957 memperlihatkan satu gerakan untuk mempertahankan kuasa politik orang Melayu dari diambil oleh orang dagang yang turut melibatkan lelaki dan

---

<sup>18</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press Pte. Ltd., 1987, hlm. 86-87. Lihat Zulhili bin Paidi dan Rohani Ahj Ab Ghani 'Darurat di tanah Melayu: Peristiwa dan Pengajaran untuk Generasi Masa Kini dalam Konteks Ketahanan Nasional, kertas kerja prosiding Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) Political Managements and Policies in Malaysia, Bayview Hotel Langkawi, Institute of Tun Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, 13-15 Julai 2010, hlm. 21.

<sup>19</sup> Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor, 1946-2006*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006, hlm. 57.

<sup>20</sup> Thock Ker Pong, *Ketuanan Politik Melayu, Pandangan Kaum Cina*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 62.

wanita. Perjuangan ini berterusan sehingga negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.<sup>21</sup>

Selepas kemerdekaan pelbagai langkah telah dijalankan oleh kerajaan dengan memberi kursus-kursus politik dan latihan untuk menjadi pemimpin bagi wanita yang berkelayakan bersama dengan bakal-bakal pemimpin lelaki. Mereka telah dihantar ke kampung-kampung untuk mengadakan kelas untuk penerangan mengenai perkembangan politik tanah air di samping mengadakan perjumpaan sosial atau memberi kursus pembelajaran membaca dan menulis serta kelas masak memasak atau jahit menjahit. Pada tahun 1965, Aishah Ghani telah pergi menghadiri seminar untuk membincangkan kedudukan kaum wanita, permasalahan di seluruh dunia yang diadakan di Berlin Jerman Barat. Seterusnya, Kamsiah Ibrahim ketua Perkumpulan Perempuan (*Women Institute*) dalam persidangan tersebut telah dilantik menjadi salah seorang Naib Yang Di-Pertua. Di sini menunjukkan bahawa kaum wanita Melayu mempunyai semangat dan kesanggupan apabila diberi peluang oleh pihak yang berkuasa.<sup>22</sup>

### **Dari Pergerakan Kaum Ibu ke Wanita UMNO**

Penubuhan UMNO juga tidak terlepas dari perjuangan kaum wanita dengan kehadiran tiga wakil 'Kaum Ibu' dalam Kongres *Pan Malayan Malay* yang pertama pada 1 Mac 1946. Mereka ialah Zahara Tamin, Kamsiah Ibrahim dan Siti Noraini Jenin. UMNO berjaya ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 dan dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar di dalam kongres ini.<sup>23</sup> Kaum Ibu UMNO atau dikenali sebagai Pergerakan Kaum Ibu merupakan bahagian wanita dalam UMNO. Pergerakan Kaum Ibu UMNO memainkan peranan penting bagi politik kaum Melayu. Kebanyakan pertubuhan wanita menyertai Kaum Ibu UMNO pada September 1947. Penyertaan yang pertama datangnya dari

---

<sup>21</sup> Ishak Saat, 'Peranan Wanita dalam Gerakan Berhaluan Kiri', dalam Ishak Saat dan Nazarudin Zainun (editor), *Wanita dan Perjuangan*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn, 2011, hlm. 2.

<sup>22</sup> Anis Sabirin, 'Wanita dan Politik' dalam *Dewan Masyarakat*, Jil. 1V, Bil. 2-15, Februari 1966, hlm. 20.

<sup>23</sup> Zaleha binti Ismail, *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*, Batu Caves Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2002, hlm. 4. Sila rujuk Jamilah Ariffin, *Women and Development in Malaysia*, Selangor: Pelanduk Publications, 1992, hlm. 9.

Kaum Ibu (Pertubuhan Wanita) Negeri Sembilan.<sup>24</sup> Ada juga pertubuhan yang menyertai Kaum Ibu UMNO bukan atas dasar politik seperti Kumpulan Ibu Sepakat yang ditubuhkan oleh Hajjah Ibu Zain binti Haji Suleiman.<sup>25</sup> Puan Sri Datin Hajjah Putih Mariah Ibrahim Rashid<sup>26</sup> sebagai ketuanya.

Pertubuhan ini kemudian dinamakan Pergerakan Kaum Ibu UMNO pada 25 Ogos 1949. Dalam bulan Ogos 1971, satu persidangan telah diadakan bagi menyusun dan memperkemaskan UMNO. Persidangan ini telah menukarkan nama dari Pergerakan Kaum Ibu UMNO kepada Pergerakan Wanita UMNO kerana pengertian perkataan lebih tepat penggunaannya kepada perempuan setiap peringkat umur. Wanita ialah perempuan meliputi kaum ibu dan puteri.<sup>27</sup> Pertukaran tersebut untuk menarik minat golongan wanita muda dan cerdik pandai untuk menyertai UMNO. Sebahagian besar ahli Pergerakan Kaum Ibu terdiri daripada suri rumah yang terikat dengan pelbagai hal ehwal rumahtangga. Mereka tidak dapat bergerak aktif dan serius untuk persatuan atau politik. Kegiatan politik yang dilakukan oleh kaum wanita pada ketika itu berperanan sebagai pekerja, penyokong dan sebagai pengundi dalam pilihan raya sahaja dan bukan sebagai pemutus dasar. Walaupun terdapat beberapa bantahan oleh sesetengah pihak sebelum ini, cadangan tersebut telah dipersetujui dan Pergerakan Wanita UMNO telah dimasukkan ke dalam Perlembagaan UMNO.<sup>28</sup> Bantahan terhadap cadangan pertukaran nama Pergerakan Kaum Ibu bermula pada tahun 1947 apabila ahli-ahli pergerakan Kaum Ibu UMNO masih menyayangi nama tersebut. Pada tahun 1964, cadangan

---

<sup>24</sup> Jamilah Ariffin, *Women and Development in Malaysia*, hlm. 88.

<sup>25</sup> Ibu Zain adalah nama gelaran yang ditujukan kepada Tan Sri Hajjah Zainon Sulaiman. Beliau merupakan Ketua Kaum Ibu yang kedua pada 8 Ogos 1950 (1950-1953). Beliau dilahirkan dalam keluarga bangsawan yang terkenal, ayahnya Munshi Sulaiman Abdul Hadi merupakan anak kepada seorang Pembesar Siak pada zaman Sultan Hashim yang digelar Datuk Seri Paduka. Beliau pernah menyertai pilihan raya bagi kawasan Pontian Selatan. Kemudian beliau meletak jawatan sebagai wakil rakyat pada tahun 1964. Beliau juga merupakan orang yang pertama mencadangkan untuk menyambut Hari Wanita setiap tahun. Rujuk Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (editor), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hlm. 4. Lihat *Pergerakan Wanita UMNO 40 Tahun*, kertas kerja UMNO, Kuala Lumpur, 1 November 1989, hlm. 52.

<sup>26</sup> Nama sebenar beliau ialah Puan Sri Putih Mariah binti Ibrahim Rashid. Beliau menyertai politik sebagai ahli biasa dalam Perikatan Melayu Perak pada 1945-1955. Lihat N.J Funston, *Malay Politic in Malaysia a Study of the United Malays Organization and Party Islam*, Petaling Jaya, Selangor: Heinemann Educational Books Asia Ltd., 1980, hlm. 177-179.

<sup>27</sup> Aishah Ghani, 'Peranan Wanita UMNO dalam Politik Kebangsaan', dalam Wan Hashim Wan Teh (editor), *UMNO dalam Arus Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Terbitan Mahir Publication, 1993, hlm. 262. Rujuk pula *Penyata Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia*, kertas kerja UMNO 1968-1970, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 12. Lihat Yusoff Hassan, 'Aishah Abdul Rahman', dalam Mardiana Nordin (editor), *Tokoh Wanita Selangor, Sejarah dan Sumbangan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2009, hlm. 4.

<sup>28</sup> Arba'iyah Mohd Noor, 'Aishah Abdul Ghani, Tan Sri', dalam Mardiana Nordin (editor), *Tokoh Wanita Selangor, Sejarah dan Sumbangan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2009, hlm. 18.

tersebut telah diusulkan tetapi telah ditolak kerana sesetengah perwakilan tidak memahami makna perkataan wanita yang dianggap hanya mewakili orang muda sahaja. Pada bulan Ogos 1971 dalam persidangan Agung Khas persetujuan ini pertukaran nama Pergerakan Kaum Ibu ini telah dicapai apabila ahli-ahli UMNO merasakan parti mereka perlu kepada perubahan ekor daripada peristiwa 13 Mei 1969.<sup>29</sup>

Kesemua pertubuhan wanita mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memperbaiki kedudukan wanita, mengadakan kelas agama untuk menambahkan kesetiaan, semangat patriotisme dan mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan wanita disamping menentang *Malayan Union*.<sup>30</sup> Pada tahun 1946, perhimpunan pertama UMNO, tiga wanita telah membincangkan tentang idea untuk membentuk cawangan wanita dalam UMNO. Puteh Mariah mewakili Persatuan Melayu Perak, Zainab binti Abdul Rahman mewakili Persatuan Melayu Seberang Prai dan Saleha binti Mohamad Ali dari Persatuan Melayu Selangor. Perkara ini disokong oleh Dato Onn Jaafar. Pada 29 Disember 1946, Setiausaha Agung UMNO menawarkan jawatan kepada Puteh Mariah sebagai pegawai di jabatan Kaum Ibu. Pada 4 Januari 1947, beliau menjadi Pegawai di Jabatan Kaum Ibu, secara automatik beliau dilantik menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO.<sup>31</sup> Antara ketua-ketua yang telah dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu atau Wanita UMNO ialah, Puan Sri Hajah Putih Mariah (1946 – 1950), Tan Sri Hajah Zainun (1950 – 1953), Khadijah Sidek (1954 – 1956), Hajah Fatimah Hashim (1956 – 1972), Aishah Ghani Ketua Pergerakan Wanita UMNO (1972–1984), Rafidah Aziz, Ketua Pergerakan Wanita UMNO (1984–1996), (2000–2009), Siti Zaharah Sulaiman, Ketua Pergerakan Wanita UMNO (1996–2000), Shahrizat Binti Abdul Jalil, Ketua Pergerakan Wanita UMNO (2009-2013).

---

<sup>29</sup> Ibid., hlm. 29. Lihat juga Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bhaasa dan Pustaka, 1992, hlm. 116-117.

<sup>30</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford Universiti Press Pte. Ltd., 1987, hlm. 89.

<sup>31</sup> Ibid., hlm. 90.

## Tujuan dan Matlamat Pergerakan Wanita UMNO

Sebagai pertubuhan wanita terbesar di Malaysia, pergerakan wanita UMNO telah memainkan peranan yang besar dalam sejarah politik tanah air. Peranan yang paling jelas dapat dilihat ketika penentangan mereka terhadap penjajahan British dan penubuhan *Malayan Union*. Apabila rancangan *Malayan Union* diisytiharkan, wanita sama-sama tampil ke hadapan menentanginya dengan hebat dan lantang. Buat pertama kali, Kaum Ibu Melayu dalam sejarah nasionalisme Melayu, telah keluar beramai-ramai pada setiap perhimpunan, bantahan dan tunjuk perasaan.<sup>32</sup> Boleh dikatakan, bahawa fungsi mereka pada waktu itu ialah membuka mata rakan-rakan mereka di seluruh pelusuk tanah air terhadap perubahan dalam struktur pemerintahan negara. Pemimpin wanita yang memainkan peranan pada ketika itu termasuklah Hajjah Zain bt. Sulaiman (Ibu Zain), Khadijah Sidek dan Fatimah Hashim.<sup>33</sup> Tokoh-tokoh ini bersama-sama pemimpin lelaki melawat kampung-kampung untuk memberi syarahan dan penerangan tentang perlunya orang Melayu bersatu dan menyokong perjuangan UMNO. Halimahton Ab. Majid juga memainkan peranan yang cukup hebat apabila mendapat kepercayaan kaum wanita di Rembau dan Selangor untuk menjadi pemimpin mereka. Beliau kemudiannya menjadi wanita Melayu pertama menyertai Dewan Rakyat sebagai ahli Parlimen (Majlis Undangan Persekutuan/*Federal Legislative Council* ) pada 27 Julai 1955. Beliau menang Pilihan Raya Persekutuan 1955 bagi kawasan Ulu Selangor.<sup>34</sup>

Tahun 1950-an dan 1960-an menyaksikan Pergerakan Wanita UMNO lebih memberi tumpuan kepada penyebaran pengaruh dan menambahkan keahliannya. Hasil daripada kegigihan pemimpin-pemimpin di peringkat kebangsaan dan negeri, keahlian wanita UMNO telah meningkat daripada 20,000 orang pada tahun 1960 kepada 190,000

---

<sup>32</sup> Jaafar Albar, 'UMNO 20 Tahun', *Sa-Layang Pandang Sejarah UMNO 20 Tahun*, Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO, 1966, hlm. 40. Untuk keterangan lebih lanjut Lihat *Malayan Tribune*, 13 Februari 1946, *Warta Negara*, 30 Mei 1946, *Warta Negara*, 31 Mei 1946, *Majlis*, 7 Jun 1946,

<sup>33</sup> Wan Hasyim Wan Teh, *Umno dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Mahir Publications, 1993, hlm. 260.

<sup>34</sup> Ramlah Adam, *Gerakan Politik Melayu, 1945-1957*, Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2013, hlm. 53.

orang akhir tahun 1968. Peningkatan keahlian ini membuktikan kejayaan Pergerakan Wanita UMNO yang membawa perubahan dan kesedaran kepada wanita-wanita Melayu tentang kepentingan berpolitik dan peranan mereka.<sup>35</sup> Berikutan dengan peningkatan keahlian, wanita UMNO ini telah menubuhkan beberapa biro seperti biro ekonomi, pelajaran, politik, agama, buruh dan guna tenaga, kebudayaan dan kebajikan yang bertujuan merapatkan lagi kepimpinan wanita di peringkat kebangsaan dengan pemimpin dan anggota di peringkat tempatan.<sup>36</sup>

Skop dan peranan penglibatan wanita UMNO dalam politik kebangsaan dapat dilihat berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan sejak tahun 1949 lagi. Isu-isu tersebut termasuklah yang bercorak kebajikan, sosial, pendidikan, organisasi dan politik. Ia kadangkala mendapat perhatian sewajarnya dari pihak kerajaan dan adakalanya tidak. Menyedari kepentingan suara dan pandangan mereka untuk diberi perhatian, maka pergerakan wanita UMNO telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Majlis Kebangsaan Wanita pada tahun 1963.<sup>37</sup> Perkembangan UMNO semakin mantap apabila pengikutnya telah bertambah ramai dan ahli-ahli akademik telah mula berjinak-jinak dengan UMNO terutama selepas peristiwa Tragedi 13 Mei 1969<sup>38</sup> yang membawa perubahan pada parti dan juga negara. Melalui pertubuhan ini, kaum wanita telah mempunyai saluran untuk bertindak mendapatkan hak-hak, meninggikan status wanita dalam masyarakat, menjaga kebajikan wanita dan juga kanak-kanak. Di samping itu, wanita UMNO juga telah menggerakkan wanita-wanita Melayu memasuki lapangan perniagaan dan koperasi. Hasilnya, Koperasi Dermajaya Wanita Berhad (Koop

---

<sup>35</sup> Faridah Idris, 'Wanita UMNO dalam Menghadapi Tahun 80 an Yang lebih Mencabar' dalam *Mingguan Wanita*, Ogos 1980.

<sup>36</sup> Aishah Ghani, 'Peranan Wanita UMNO dalam Politik Kebangsaan' dalam Wan Hasyim Wan Teh, (editor), *Umno dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, hlm. 265.

<sup>37</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, hlm. 190.

<sup>38</sup> Untuk keterangan lebih lanjut lihat Mohd Ali Kamaruddin dan Jamaie Haji Jamil, 'Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu Daripada Tradisi ke Kontemporari', dalam Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa (editor), *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 104. Rujuk Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapura: Oxford University Press, 1991, hlm. 14.

Jayanita) telah ditubuhkan dalam tahun 1975 untuk mengumpul modal dalam kalangan mereka untuk dilaburkan.<sup>39</sup>

Partisipasi wanita UMNO dalam politik lebih menonjol sewaktu menjelang pilihan raya. Mereka merupakan nadi penggerak kepada UMNO untuk mengadakan kempen-kempen dari rumah ke rumah dan dari kampung ke kampung. Aktiviti ini dijalankan sejak awal penubuhan wanita UMNO dan terus cergas sehingga kini.<sup>40</sup> Aktiviti dan program yang dijalankan oleh wanita UMNO akan dibincangkan dalam bab tiga. Dalam keadaan politik pasang surut, UMNO sebagai sebuah parti mewakili bangsa Melayu telah menerajui kepimpinan negara serta berjaya mengatasi banyak rintangan dengan pelbagai pendekatan. Sebagai contoh, pada tahun 1946, UMNO berjaya di bawah kepimpinan Onn Jaafar berjaya menyatukan orang Melayu dengan 'Hidup Melayu. Sokongan Kaum Ibu kepada Dato Onn dibuktikan ketika penentangan *Malayan Union* apabila ramai menyertai ceramah beliau. Kaum Ibu diberi penghormatan apabila Dato Onn turut memberi pujian atas kerjasama dan semangat perjuangan mereka.<sup>41</sup>

Pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman pula membawa wadah 'Merdeka'. Tahun 1963, Tunku membawa Gagasan Malaysia dan berjaya menghadapi 'Konfrontasi Indonesia'. Manakala tahun 1969, UMNO menghadapi pergaduhan kaum tetapi berjaya memulihkan keadaan dan menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Seterusnya pada tahun 1970, di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak, Dasar Ekonom Baru (DEB) diperkenalkan. Pada tahun 1973, UMNO dan PAS bergabung mewujudkan kerajaan campuran. Pada tahun 1987, Tengku Razaleigh pula telah menentang Presiden UMNO, Mahathir Mohamad dan UMNO diharamkan pada 12 Februari 1988. Pada 14 Februari 1988 UMNO baru diwujudkan sebagai wadah baru UMNO dengan diikuti penubuhan parti baru Semangat 46. Pada tahun 1996, Semangat 46 telah diserap semula

---

<sup>39</sup> Mohd Ali Kamaruddin dan Jamaie Haji Jamil, 'Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi ke Kontemporari', dalam Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa (editor), *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, 2005, hlm. 266.

<sup>40</sup> Penyata Pergerakan Wanita UMNO, 1967, hlm. 28.

<sup>41</sup> Lihat *Warta Negara*, 4 Jun 1946.



ke dalam UMNO. Halangan dan rintangan tersebut telah dihadapi bersama-sama dengan Pergerakan wanita UMNO dengan bertindak sebagai penyokong kuat UMNO untuk terus menerajui Malaysia bersama Barisan Nasional.

Pada tahun 1998/1999 berlaku gelombang kebangkitan masyarakat Melayu apabila Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ahli UMNO kerana dituduh hendak menjatuhkan kepimpinan Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Hal ini membawa kepada penubuhan PKR di bawah kepimpinan Wan Azizah Wan Ismail iaitu isteri Anwar Ibrahim. Pada Pilihan Raya Umum 2008, UMNO mengalami kekalahan yang teruk di lima buah negeri yang berjaya ditawan oleh pakatan pembangkang. Justeru, UMNO telah melakukan pelbagai pendekatan baru untuk mengembalikan sokongan orang Melayu kepada UMNO begitu juga sokongan bukan Melayu. Keadaan ini juga membawa perubahan kepada kepimpinan Pergerakan Wanita UMNO yang terkesan dengan pemecatan Anwar Ibrahim beralih kepada PKR.

Tujuan utama Pergerakan Wanita UMNO ialah bertindak sebagai penyokong kuat kepada UMNO berjuang bersama-sama untuk mendaulatkan bangsa dan memajukan negara. Peranan wanita UMNO amat besar dalam memenangkan calon-calon UMNO dan juga Barisan Nasional. Kemajuan yang diperolehi oleh wanita Malaysia kerana usaha-usaha dan perjuangan Pergerakan Wanita UMNO yang sentiasa bersama membina dan membangunkan negara. Mereka sentiasa setia kepada perjuangan parti dan sentiasa berkhidmat kepada parti. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan juga UMNO untuk membawa masyarakat dan golongan wanita untuk berubah dan berfikiran jauh ke hadapan adalah dengan memperkenalkan tranformasi politik, ekonomi dan sosial. Sebagai contoh di bawah transformasi politik, agenda untuk mengajak PAS bergabung dengan UMNO masih diteruskan. Keadaan ini diakui oleh Ahmad Atory Hussain<sup>42</sup> PWU melaksanakan tugas-tugas tradisi dan rutin dalam parti

---

<sup>42</sup> Lihat ulasan Ahmad Atory Hussain yang merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia. *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2011.

serta berperanan untuk menangkis pelbagai tohmahan yang dilemparkan serta memperkukuhkan UMNO. Di samping itu juga dapat membentuk pandangan positif rakyat terhadap UMNO.<sup>43</sup> Wanita UMNO juga mempunyai objektif yang termaktub dalam Perlembagaan pertubuhan UMNO. Mereka mempunyai aspirasi dan cita-cita yang sama dengan UMNO dan mempunyai beberapa tujuan untuk mempertingkatkan kegiatan ahli dalam bidang politik, pendidikan, ekonomi, sosial dan agama. Peranan wanita UMNO yang paling penting ialah mewujudkan kesedaran, kepimpinan dan mempertingkatkan penglibatan kaum wanita dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Wanita UMNO juga membawa perubahan yang diperlukan dalam mempertingkatkan kedudukan dan status wanita Melayu di Malaysia. Untuk mencapai objektif tersebut, Wanita UMNO menjalankan banyak aktiviti. Wanita UMNO sama ada di cawangan atau bahagian telah menunjukkan kekuatan apabila mereka sanggup berkorban untuk parti dengan menjalankan kerja-kerja kebajikan dan bekerjasama untuk menjalankan aktiviti parti, kenduri, kematian dan apabila berlaku kecemasan dalam masyarakat. Usaha ini merupakan satu cara yang efektif untuk mendekati parti kepada masyarakat.<sup>44</sup>

### **Pergerakan Wanita Melayu dalam Parti PAS**

Penubuhan Parti Islam Se Malaysia (PAS) tahun 1951 di Tanah Melayu telah membuka lembaran baru kepada orang Melayu untuk terus berjuang menuntut kemerdekaan dari British. PAS yang menjadikan Islam sebagai teras perjuangan telah mendapat sokongan orang-orang Melayu, terutama di Pantai Timur (Kelantan dan Terengganu). Penyertaan masyarakat Melayu ke dalam PAS juga boleh diistilahkan sebagai gelombang. Gelombang pertama telah berlaku di awal penubuhannya yang melibatkan tok-tok guru dan lebai pondok. Antaranya ialah Tuan Guru Abdul Samad Noh, Tuan Guru Yahya

---

<sup>43</sup> *Utusan Malaysia*, 20 Oktober 2010.

<sup>44</sup> *Utusan Malaysia*, 12 Ogos 1999.

Junid, Tuan Guru Ahmad Badawi Abdullah Pahim dan Tuan Guru Othman Al-Yunusi. Kegiatan utama PAS diadakan di pondok-pondok seperti Madrasah *al-Masriyyah* (Pondok Bukit Mertajam), Madrasah *al-'Ulum* (Bagan Datoh), Madrasah *ad-Dairat al-Tahzib ad-Diniyah* (Titi Serong) dan Madrasah *al-Ihya Ash-Saharif* (Gunong Semanggol). Seterusnya kemunculan gelombang kedua dalam beberapa tahun pertama penubuhannya oleh para guru dan guru agama (ustaz) membentuk kumpulan yang paling ramai menyertai PAS. Mereka ialah Muhammad Asri Muda, Amaluddin Darus, Zabidi Ali, Baharuddin Latif, Uthman Hamzah, Ishak Baharom, Adam Kamil, Mas'ud Hayati, Idris Munir dan lain-lain. Cantuman kedua-dua gelombang tadi telah memberi kekuatan yang amat signifikan di era pembentukan jati diri PAS sebagai sebuah parti politik.<sup>45</sup>

Gelombang ketiga hanya melanda PAS bermula pertengahan tahun 1970-an. Penyertaannya adalah dalam kalangan mahasiswa Melayu di Universiti Tempatan dan luar negara terutama di Timur Tengah dengan perjuangan PAS. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Tuan Guru Abdul Hadi Awang, Harun Taib, Nakhaie Ahmad, Halim Arshat, Abu Bakar Chik, Omar Muhammad, Bunyamin Yaakob, Syed Ibrahim Abdul Rahman dan Wan Mutalib Embong adalah antara yang berjaya menempa nama di peringkat nasional. Sekitar akhir 1970-an dan awal 1980-an berlaku perubahan yang ketara dalam corak kepimpinan PAS. Ia berakhir dengan pengunduran saf kepimpinan nasionalis bagi digantikan dengan kepimpinan ulama. Tok guru-tok guru dan ustaz-ustaz muda sekali lagi telah diberikan peranan utama dalam menerajui PAS di semua peringkat. Pada 1 Mei 1983, Muktamar Agung PAS telah meluluskan pindaan perlembagaan parti dan memilih Tuan Haji Yusuf Rawa sebagai Yang Dipertua PAS Pusat. Maka bermulalah apa yang disebut 'era kepimpinan ulama' dengan penambahan

---

<sup>45</sup>Riduan Mohamad Nor, *Pengaruh Pemikiran Ikhwan al-Muslimin Terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*, Cetakan Kedua, Selangor: Penerbitan Hemah, 2005, hlm. 47. Lihat tajuk *Asakan PAS Semakin Menyengat* oleh Mohd Nasir Awang, *Majalah Tamadun*, Bil.59 Julai 1999, hlm. 36. Rujuk Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, *PAS dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd., 1999, hlm. 7.

‘Majlis Syura Ulama’ dalam perlembagaan parti. Setengah berpendapat lebih tepat disebut ‘era pemulihan kepimpinan ulama’ kerana tidak dapat dinafikan sumbangan dan peranan ulama-ulama PAS yang terdahulu seperti Tuan Haji Ahmad Fuad, Burhanuddin, Zulkifli Muhammad dan lain-lain sesuai dengan zaman mereka, sedangkan dasar perjuangan PAS masih tetap Islam.<sup>46</sup> Gelombang keempat pula bermula akhir 1980-an apabila ulama membuka pintu untuk golongan profesional. Antaranya ialah dalam kalangan jurutera dan doktor. Sebagai contoh, Mustafa Kamal Shahrom, Khalid Samad, Mustafa Kadir, Pahrolrazi Zawawi, Hatta Ramli dan Rainy Azmi. Sebenarnya kemasukan ahli-ahli UMNO ke dalam PAS sentiasa berlaku terutama para guru, asatizah, mahasiswa dan golongan profesional ke dalam PAS. Peningkatan jumlah ahli PAS cukup ketara apabila Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim disingkirkan dan kelahiran Parti Keadilan Nasional (PKN) di bawah pimpinan Wan Azizah Wan Ismail.<sup>47</sup>

Dari sudut struktur organisasinya, PAS telah membahagikan ahli-ahlinya kepada tiga bahagian; iaitu Dewan Ulama’ Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat.<sup>48</sup> Dewan Muslimat telah ditubuhkan hasil cadangan Ustaz Zabidi Ali pada 3 Januari 1953.<sup>49</sup> Penubuhan ini juga adalah serentak dengan penubuhan Dewan Ulama dan Dewan pemuda dalam Mesyuarat Agung tahunan PAS yang pertama di Kepala Batas Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Ustaz Zabidi Ali adalah seorang daripada ahli jawatankuasa Agung PAS dari Seberang Perai ketika itu. Dewan Muslimat PAS adalah sebahagian daripada *Pan Malayan Islamic Party* (PMIP) yang akhirnya dikenali sebagai Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Sekitar tahun 1958, Dewan Muslimat mempunyai keahlian seramai

---

<sup>46</sup> Ibnu Hashim, *PAS Kuasai Malaysia?, 1950-2000, Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: GG Edar, 1993, hlm. 284. Lihat Dewan Ulama PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama*, Cetakan Pertama, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd. 2009, hlm. 68 dan hlm. 97.

<sup>47</sup> Ibid., hlm. 37. Peningkatan ahli baru PAS mencatatkan jumlah ahli tertinggi di Selangor pada 20 September 1998 hingga 16 Oktober seramai 1,280 dengan pertambahan cawangan baru sebanyak 152 buah. Masyarakat Melayu Lembah Kelang merupakan antara yang paling ramai menyertai PAS. Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat pada akhir tahun 1998 telah meluluskan 15,157 permohonan untuk menjadi ahli PAS sepanjang 17 Oktober hingga 12 November, satu peningkatan hampir tiga kali ganda kemasukan ahli baru berbanding beberapa bulan lalu. Lihat [http://members.tripod.com/siti\\_2/01/006.html](http://members.tripod.com/siti_2/01/006.html) diakses pada 15 Jun 2016.

<sup>48</sup> Majalah *Mastika Kenangan*, sempena Hijrah 1406, DB. Wilayah Persekutuan, hlm. 16.

<sup>49</sup> Majalah *Mastika*, Oktober 1990, hlm. 23.

700 orang hingga 800 orang yang bergerak cergas memberi pengetahuan agama, mengadakan kelas masak-memasak, mengadakan kempen-kempen pilihanraya dan juga memberi pendedahan kepada golongan wanita tentang kepentingan pendidikan.<sup>50</sup>

Wanita pertama yang dipilih menjadi Ketua Dewan Muslimat PAS ialah Puan Zubaidah bt. Haji Ali (1957-1958). Beliau kemudiannya diganti oleh Puan Zaharah Othman pada tahun 1958 dan seterusnya disandang oleh Khadijah Sidek (1963-1971). Sebagaimana pergerakan Wanita UMNO, Dewan Muslimat PAS juga mempunyai penyokongnya tersendiri. Contohnya pada tahun 1966, keahliannya mencapai 3000 orang.<sup>51</sup> Selepas berakhirnya peristiwa 13 Mei 1969, Dewan Muslimat ketika itu dipimpin oleh Sakinah Junid (isteri Mohammad Asri) telah berperanan sebagai parti sayap kiri PAS yang membantu perjuangan PAS mencari pengaruh dan menyampaikan mesej parti. Sehingga tahun 1976, Dewan Muslimat PAS telah mempunyai keahlian seramai 18,000 daripada 116,000 keseluruhan ahli PAS.<sup>52</sup>

Pilihan Raya Umum 1986 dan 1990 telah membuktikan bahawa Dewan Muslimat PAS telah memainkan peranan yang besar dalam membantu parti PAS mengadakan kempen-kempen pilihan raya. Dewan Muslimat telah mengadakan berbagai aktiviti di kampung-kampung untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya wadah perjuangan PAS. Hasilnya, pada tahun 1990, PAS telah berjaya mengambil alih teraju pemerintahan di Kelantan daripada UMNO. Pada tahun ini, Nik Abdul Aziz Nik Mat telah dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan setelah Angkatan Perpaduan Ummah (APU) menyapu bersih kesemua kerusi di peringkat negeri dan parlimen di Kelantan.<sup>53</sup> Penglibatan Dewan Muslimat lebih jelas dalam politik, apabila

---

<sup>50</sup> Virginia H. Dancz, *Women's Auxiliaries and Party Politic in Western Malay*. USA: University Microfilms International, 1982, (Tesis PHD), hlm. 453.

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Ibid.

<sup>53</sup> Angkatan Perpaduan Ummah (APU) adalah gabungan antara parti-parti PAS, Melayu Semangat 46 (S46), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) dan Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM). Di sini PAS mula menerima 'kemajmukan rakyat' bahawa kemenangan politik memerlukan kerjasama pelbagai parti. Angkatan memenangi 30-0 dengan PAS memenangi 24 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Semangat 46 (14), Berjasa (1) manakala Parlimen PAS memenangi 6 kerusi dan Semangat 46 (7). Kebanyakan calon menang dengan memperolehi majoriti lebih daripada 2,000 kerusi undi kecuali Dewan Undangan Negeri

Ustazah Khalthom Othman (Ketua Dewan Muslimat PAS Kelantan) telah dilantik sebagai Senator sekaligus sebagai ahli Dewan Negara. Perlantikan ini adalah satu pengiktirafan ulama' terhadap muslimat untuk mewakili kaumnya dalam menyuarakan pendapat dan kritikan agar dapat menarik perhatian masyarakat terhadap perjuangan muslimat PAS.<sup>54</sup>

Sebelum 1978, PAS telah menunjukkan rekod mengenai pencalonan wanita dalam pilihan raya pada zaman 50-an lagi. Di sini membuktikan parti itu sejak dulu telah mengetengahkan calon-calon wanita untuk berdepan dengan parti lawan iaitu UMNO. Di samping itu juga, keadaan ini menunjukkan PAS sekian lama mengiktiraf peranan dan kemampuan dalam kalangan wanitanya yang disebut muslimat di semua peringkat organisasi. Kehebatan ibu Khadijah Sidek cukup terserlah apabila beliau menjadi antara muslimat yang terawal disenaraikan dalam menjadi calon pilihan raya, malah beliau muncul sebagai muslimat PAS pertama memasuki Dewan Rakyat. Pada Pilihan Raya Umum 1959, iaitu Pilihan Raya Umum yang Pertama selepas kemerdekaan, Khadijah terlibat dalam pertandingan tiga penjurong di Parlimen Dungun, Terengganu. Wanita yang cukup kental jiwa dan berhati waja ini berjaya menumpaskan lawan dari Parti Perikatan iaitu Mohd Adib Omar dengan majoriti 2,091 undi. Beliau memperolehi 6,249 undi berbanding lawannya 4, 158 undi. Seorang lagi calon, Wan Salleh Abdul Kadir mewakili *Front Sosialist* (SF) mendapat 595 undi sahaja.<sup>55</sup>

Sebenarnya Khadijah Sidek bukanlah satu-satunya calon wanita yang dikemukakan oleh PAS dalam pilihan raya itu. Namun, beliau banyak menunjukkan kewibawaan dan cukup menonjol menarik perhatian semua pihak. Tanpa disedari muncul satu lagi calon yang dinamakan oleh PAS untuk menjadi calon bagi Dun Terentang Negeri Sembilan iaitu Fatimah Haji Bahari. Bagaimanapun, nasib tidak

---

kawasan Geting (1,427), Cherang Ruku (1,584) dan Gual Ipoh (1,287). Lihat Mohd Zain Saleh, *Keputusan Rakyat Kelantan Darulnaim*, Kota Bharu: Urusetia penerangan Negeri Kelantan, hlm. 38 dan hlm. 42-43.

<sup>54</sup> Majalah *Al-Nisa'* 1993: Keluaran Lujnah Ekonomi dan Kewangan DMMPP, hlm. 11.

<sup>55</sup> *Berita Harian*, 4 Oktober 2007, lihat *Utusan Malaysia*, 21 Jun 2000.

menyebelahi beliau dalam pertandingan empat penjuru. Beliau tidak mendapat undi yang memberangsangkan berbanding tiga calon lain dari Perikatan, Parti Negara dan juga Bebas. Keterbukaan PAS ini masih boleh dilihat pada tahun 1964 di mana Khadijah tetap bertanding dalam Pilihan Raya Umum di Dungun tetapi tewas pada kali ini. Seterusnya beliau telah kembali ke Johor dan PAS telah memberi peluang kepada beliau untuk bertanding di dua kerusi iaitu Kerusi Parlimen Johor Timur dan Dun Plentong. Pada Pilihan Raya Umum ini beliau juga kalah. Pada Pilihan Raya Umum ini juga PAS telah turut mencalonkan Siti Fatimah @ Salmah Sheikh Hussain sebagai calon di Pulau Pinang dan bertanding di dua kerusi iaitu di Parlimen Seberang Utara dan Dun Muda. Namun, beliau juga gagal dalam pilihan raya ini sebagaimana Khadijah Sidek.<sup>56</sup>

Pada tahun 1969, Siti Fatimah @ Salmah Sheikh Hussain telah menjadi calon tunggal muslimat. Beliau dicalonkan oleh PAS untuk merebut kerusi Parlimen Jitra-Padang Terap. Walaupun beliau mengalami kekalahan pada pilihan raya ini, namun beliau telah memberi saingan yang cukup sengit kepada calon Perikatan iaitu Fatimah Hashim. Sebagaimana yang telah diketahui umum kehebatan Fatimah sebagai anggota kabinet pertama negara. Ekoran selepas pencalonan yang terakhir dalam kalangan wanita maka PAS telah mengambil keputusan untuk tidak meletakkan calon wanita pada pilihan raya yang seterusnya. Menurut beberapa pemimpin tertinggi PAS antaranya Mantan Presiden PAS Ustaz Fadzil Nor dan Presiden PAS Abdul Hadi Awang. Pendirian untuk tidak meletakkan calon wanita dalam pilihan raya terpaksa diambil demi keselamatan dan maruah muslimat itu sendiri. Menurut mereka keadaan itu adalah bersifat sementara atau 'tawakuf' sahaja. Punca utama ialah insiden yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum 1969. Bagi PAS penubuhan Skwad oleh UMNO yang dikenali sebagai Pemuda Tahan Lasak menimbulkan kebimbangan dalam

---

<sup>56</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Mac 1999. Lihat [jugaharakahdaily.net](http://jugaharakahdaily.net), 20 Januari 2011. Rujuk [Haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm](http://Haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm) diakses pada 24 September 2013.

kalangan pengikut dan pendokong PAS terutama calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya.<sup>57</sup>

Selain itu, ada sesetengah pengundi yang dirampas kad pengenalan, jambatan juga telah dibakar dan ada tititan dilumur dengan najis. Ceramah PAS juga telah dibaling dengan telur tembelang, pemimpin PAS dikepung dan diancam. Bagi PAS pula keadaan dan senario yang berlaku pada ketika itu meninggalkan kesan yang amat membimbangkan kepada mereka. PAS merasakan musuh politik mereka amat sukar dijangka. Justeru, untuk memastikan pertembungan lebih selamat dan selesa terutama di waktu malam, PAS terpaksa ‘merehatkan’ muslimatnya dari pentas pilihan raya. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 2004 di mana sebelum itu PAS sering dituduh meminggirkan wanita dan tiada pimpinan wanita yang boleh dikedepankan.<sup>58</sup>

### **Tujuan dan Matlamat Pergerakan Wanita Dewan Muslimat PAS**

Bagi setiap penubuhan sesebuah badan dan pertubuhan mestilah mempunyai tujuan dan matlamat yang tersendiri. Begitu juga dengan penubuhan Dewan Muslimat PAS (DMP) ini juga tidak terkecuali mempunyai tujuan dan matlamat. Sebenarnya tujuan penubuhan Dewan Muslimat PAS tidak jauh bezanya dengan Pergerakan Wanita UMNO. Keduanya memainkan peranan sebagai penyokong kuat atau parti sayap kiri kepada parti masing-masing. Apa yang penting Dewan Muslimat PAS ini amat berbeza daripada

---

<sup>57</sup> Ibid.

<sup>58</sup> Ibid. Lihat Haji Abdul Hadi Awang, *Amanat Haji Hadi*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat, 2002 yang menjelaskan sedikit tentang pemuda tahan lasak. Menurut Abdul Hadi Awang PAS telah dituduh sebagai parti pelampau oleh media BN tetapi tokoh beliau mengatakan sebaliknya beliau juga berkata “ PAS boleh bersabar dengan kejatuhan kerajaannya di Terengganu pada tahun 1978 hasil tindakan UMNO yang sangat melampau. Di Terengganu kejatuhan terjadi melalui politik wang dan tekanan pentadbiran dan media, di Kelantan melalui darurat secara diatur dengan lakonan demonstrasi. PAS tetap mendukung demokrasi seperti menyertai pilihan raya, tetapi UMNO menunjukkan sikap melampau dan bersedia untuk menghapuskan demokrasi kalau mereka kalah, kerana mereka tidak sabar dengan hanya kekurangan undian kerusi rakyat. Rakyat sanggup diperbodoh dan dizalimi melalui media dan undang-undang yang disalahgunakan. Tahun 60-an, UMNO telah menubuhkan Pemuda Tahan Lasak untuk menghadapi Pilihan Raya Umum 1969. Mereka melakukan keganasan terhadap parti lawan, akibat undi mereka merosot dalam pilihan raya itu, maka berlakulah Peristiwa 13 Mei, iaitu pergaduhan kaum diprovokasikan oleh UMNO. Peristiwa itu tidak melanda Kelantan yang diperintah oleh PAS begitu juga di Terengganu dan Kedah yang ramai pengikut PAS. Pengikut-pengikut PAS tetap sabar dalam menghadapi peristiwa Memali, Lubuk Merbau di Kedah dan Kampung Tok Dir di Terengganu yang menyebabkan pengikut PAS dibunuh dengan kejam. Begitulah kesabaran kami dalam menghadapi pelampau UMNO, tetapi kita pula yang dituduh melampau. UMNO juga melampau dalam krisis dalaman dan pembunuhan Datuk Taha di Negeri Sembilan kerana pertandingan dalaman dan pembunuhan Datuk Mazlan di Pahang kerana pemujaan. Rujuk Riduan Mohamad Nor, *Sejarah & Perkembangan Gerakan Islam Abad Modern*, Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009, hlm. 129-130 dan hlm. 141.



Pergerakan Wanita UMNO berdasarkan asas<sup>59</sup> perjuangan masing-masing. Dewan Muslimat meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan dan cita-cita mereka. Sebenarnya kewajipan berpolitik adalah merupakan sebahagian daripada dakwah dalam masyarakat.

Hal ini jelas termaktub dalam muqaddimah Perlembagaan PAS iaitu:

‘bahawa dengan sesungguhnya adalah diistiharkan demi untuk menyempurnakan taqwa kepada Allah, kebaktian manusia yang dijadikan bagi menegakkan ‘*Al-Amru Bil Maa’ruf Wannahyu ‘anil Munkar*’ dalam kehidupan bermasyarakat dan beragama. Maka inilah diistiharkan sebuah perlembagaan yang dinamakan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)’.<sup>60</sup>

Islam mewajibkan semua ummah manusia yang beragama Islam sama ada lelaki atau perempuan bersama-sama berdakwah ke arah kebaikan dengan meninggalkan segala bentuk larangannya.<sup>61</sup> Dewan Muslimat PAS pada awalnya ditubuhkan untuk mendapatkan kemerdekaan, pergerakan Dewan Muslimat PAS lebih mempunyai matlamat dan objektif yang lebih jelas dalam perjuangan. Matlamat ini boleh dilihat dalam Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), fasal 59 iaitu.

1. Menyatukan tenaga, fikiran dan pandangan-pandangan muslimat PAS dalam Negara ini.
2. Menubuhkan Dewan Muslimat kawasan dengan kerjasama Badan Pertubuhan PAS Negeri.

<sup>59</sup> Apa yang perlu diketahui bahawa politik yang digariskan dalam Islam amat berbeza dari sudut pandangan golongan yang berfahaman sekular atau sekularisme. Tujuan berpolitik mengikut pandangan Islam bukanlah semata-mata untuk mendapatkan kekuasaan seperti mana yang berlaku pada masa kini. Antara tujuan berpolitik adalah ‘*ria’yah asy-asyu’un al-ummah*’ (mengatur urusan umat). Ia bermaksud permasalahan ummah yang berlaku perlu diselesaikan mengikut aturan Allah dan apa yang ditetapkan dalam ajaran Islam. Oleh sebab itu, kemampuan berpolitik bukan hanya menjadi kewajipan dan hak pemerintah malah seluruh masyarakat Islam, termasuklah perempuan. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk Zaharuddin Abdul Rahman, *Indahnya Politik Cara Islam, Pencerahan Kepada Isu-isu Kontemporari Politik dan Pentadbiran Islam*, Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2013, hlm. 57-69.

<sup>60</sup> Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), Cetakan Kedua, 1990, hlm. 85.

<sup>61</sup> Islam mewajibkan seluruh kaum muslimin sama ada lelaki atau perempuan untuk berdakwah mengajak kepada yang ma'aruf dan menjauhi perkara yang mungkar. Sebagaimana Firman Allah s.w.t ‘ Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyeru berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripadasegala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.’ (surah al-Imran (3):104). Ayat yang diturunkan di Madinah yang merupakan negara Islam dan hukum-hukum yang diturunkan di Madinah bukan hanya mengatur bagaimana cara beribadah kepada Allah s.w.t sahaja, tetapi juga mengatur segala aspek kehidupan masyarakat antaranya dalam bidang ekonomi yang berkaitan dengan sistem kewangan (dirham-dirham), politik luar negara, pentadbiran, sistem sosial seperti pendidikan. Kepentingan memiliki kesedaran berpolitik adalah perlu bagi kaum muslimin untuk menjalankan segala amar ma'aruf dan juga nahi mungkar termasuklah golongan wanita. Kesemuanya adalah untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. Rujuk Abdullah Akhili Abdul Latif dan Farahdina Abd. Manaf et.al. , *Asas-asas Islam 1*, Selangor: Pusat Pendidikan Islam ITM Shah Alam, 1998, hlm. 84-85. Rujuk Zaharuddin Abdul Rahman, *Indahnya Politik Cara Islam, Pencerahan kepada Isu-isu Kontemporari Politik dan Pentadbiran Islam*, hlm. 57-69. Lihat [www.mykhalifah.com](http://www.mykhalifah.com) > Fokus Muslimah.

3. Meluaskan pengaruh PAS dikalangan wanita-wanita Islam melalui kegiatan kewanitaan sambil membentuk keperibadian mereka menjadi muslimah yang bertanggungjawab kepada agama dan Negara.<sup>62</sup>

Bertitik tolak daripada tujuan inilah, Dewan Muslimat PAS telah memainkan peranan utama untuk menambahkan bilangan ahli dalam parti serta mencari pengaruh. Peranan ini nampak lebih jelas terutamanya menjelang pilihan raya. Selain itu, Dewan muslimat PAS juga telah meletakkan visi dan misinya. Visi Dewan Muslimat ialah “Tertegaknya Daulah Islamiyyah di Malaysia menerusi tenaga Muslimat”. Manakala misi Dewan Muslimat pula ialah ‘Membina masyarakat berakhlak dalam semua bidang kehidupan manusia dan pendokong kepada ajaran Islam sebenar serta melahirkan muslimah mujahidah berilmu, beriman, beramal, bertaqwa, berperanan sebagai da’ie (pendakwah) kepada masyarakat. Bentuk aktiviti dan kegiatan yang dijalankan oleh Dewan Muslimat lebih kurang sama dengan apa yang dilakukan oleh pergerakan wanita UMNO. Ini termasuklah menjalankan kempen dari rumah ke rumah, menyebarkan maklumat mengenai perjuangan PAS kepada masyarakat awam melalui seminar-seminar, usrah dan tamrin diadakan. Di samping mengadakan ceramah politik, Dewan Muslimat juga menyumbangkan wang untuk keperluan berkempen mengikut kadar yang termampu.<sup>63</sup>

Perubahan yang cukup besar berlaku dalam Muktamar tahunan PAS Pusat ke-47 pada tahun 2001, apabila golongan wanita diberi peluang untuk menjadi pemimpin. Sebelum ini PAS bertegas untuk tidak memberi jawatan penting kepada golongan wanita apatah lagi untuk mencalonkan mereka dalam pilihan raya. Namun, perbezaan semakin dapat dilihat menerusi aliran pembaharuan yang dilakukan oleh PAS. Muslimat PAS sudah diberi ruang menjadi perwakilan untuk memilih pemimpin dan dibenar bertanding merebut jawatan dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Ahli Jawatankuasa

---

<sup>62</sup> Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), Cetakan Kedua, 1990, hlm. 85.

<sup>63</sup> Laporan Muktamar ke 20, Dewan Muslimat PAS, Penyata Tahunan 1979/1980, hlm. 8.

Tertinggi PAS telah membenarkan dua orang daripada wakil Dewan Muslimat untuk turut serta dalam apa jua mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Pusat. Ini termasuklah dalam perundingan untuk membuat manifesto dan perancangan strategik pilihan raya. Perubahan telah dalam Jawatankuasa Pusat apabila Lo'Lo' Ghazali telah terpilih daripada empat orang calon iaitu Mariah Mahmud, Kalthom Othman dan Senator Jamilah Ibrahim.<sup>64</sup> Dewan Muslimat juga mempunyai satu unit khas yang bertindak sebagai jentera pilihan raya secara langsung yang dinamakan sebagai Unit Urusan Pilihan Raya diketuai oleh seorang muslimin. Seiringan dengan itu, Dewan Muslimat PAS juga berperanan secara langsung untuk memberi kesedaran kepada kaum muslimat tentang kepentingan berdakwah dan keteguhan akidah yang sama ianya merupakan sebagai akar umbi ke arah kejayaan perjuangan Islam.

PAS mengalami proses perubahan mengikut kesesuaian keadaan semasa para barisan pimpinan dan ahli dalam PAS menyedari bahawa isu wanita adalah sangat penting dalam politik negara ini. Walaupun secara tidak langsung, PAS seringkali ditohmah kerana menafikan hak-hak wanita. Perubahan ini amat memberangsangkan apabila kepimpinan PAS turut serta memberi sokongan kepada wanita untuk berada dalam hirarki kepimpinan parti yang selama ini dikuasai oleh golongan lelaki. Hal yang sedemikian menunjukkan keterbukaan PAS dalam menerima pandangan dan idea mengikut kesesuaian keadaan dan masa. Sekiranya perkara ini berpanjangan iaitu dengan memberi kedudukan jawatan kepada muslimatnya terutama ruang kepada golongan profesional, sedikit sebanyak ia akan memberi kesan jangka panjang kepada politik pimpinan ulama PAS. Dewan Muslimat PAS itu sendiri terdiri daripada golongan cendekiawan dan profesional yang mempunyai kepakaran masing-masing. Perkara yang paling penting bagi muslimat yang menyertai PAS ini ialah mereka mempunyai

---

<sup>64</sup> Untuk keterangan lebih lanjut rujuk [haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm](http://haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm) diakses pada 24 September 2013 .

pegangan agama Islam yang cukup jitu dan kuat serta memahami dengan cukup mendalam peranan mereka sebagai wanita Islam.<sup>65</sup>

Peranan yang dimainkan oleh Pergerakan Dewan Muslimat PAS dalam aspek pemantapan ekonomi merupakan satu langkah dan usaha yang murni yang wajib diadakan untuk melicinkan gerak kerja parti. Dalam ucapan mantan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat iaitu Hajjah Jamilah Ibrahim pada muktamar ke-40 pada tahun 1994, telah menjelaskan secara terperinci mengenai peranan Dewan Muslimat. Antaranya beliau menyentuh tentang pelaksanaan konsep atau pendekatan ekonomi satu produk untuk satu negeri, satu produk untuk satu kawasan dan seterusnya. Konsep ini cukup penting bagi muslimat untuk menjana ekonomi parti. Antara usaha yang dicadangkan oleh Hajjah Jamilah Ibrahim bagi memantapkan lagi ekonomi parti ialah melalui Rangkaian Strategi Pemasaran yang cekap dan berkesan. Pengetahuan yang baik juga perlu diambil perhatian seperti memahami istilah-istilah moden dan teknikal seperti contohnya K-ekonomi, P-Ekonomi, E-Dagang dan sebagainya. Muslimat juga telah diberi peluang mengikuti kursus-kursus keusahawanan dan menjadi penggerak ekonomi Islam. Penubuhan Kedai DMMP telah banyak menyumbang kepada kekuatan ekonomi dan dana dimana dapat membantu pelaksanaan aktiviti dan program Dewan Muslimat PAS Pusat. Walau bagaimanapun, suara-suara lantang dari Dewan Muslimat juga kedengaran seperti mengesyorkan agar hari Jumaat dijadikan sebagai cuti am dan mengurangkan rancangan-rancangan yang berunsur kebaratan dalam televisyen, radio dan juga majalah. Bagi Dewan Muslimat, unsur inilah yang menjadi faktor perosak kepada perkembangan mental anak-anak.<sup>66</sup>

Ringkasnya, walaupun Dewan Muslimat PAS sebagai sebuah sayap kiri parti pembangkang iaitu PAS di Malaysia, namun ianya telah memainkan peranan dengan

---

<sup>65</sup> Laporan Muktamar ke 20, Dewan Muslimat PAS, Penyata Tahunan 1979/1980, hlm. 8.

<sup>66</sup> Lihat dalam ucapan yang oleh mantan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat iaitu Hajjah Jamilah Ibrahim pada muktamar PAS kali ke-40 pada tahun 1994.

sebaik yang termampu untuk menyedarkan kaum wanita yang beragama Islam, khususnya wanita Melayu supaya memberi tumpuan dan perhatian yang mendalam dengan mengamalkan kehidupan dan cara yang lebih Islamik berasaskan ajaran Islam yang sebenar. Kebanyakan program yang dianjurkan oleh Dewan Muslimat kurang mendapat sambutan dalam kalangan wanita bandar kerana program tersebut lebih bercorak agama dan kerohanian yang sememangnya tidak mendapat tempat dalam kalangan wanita yang mahu hidup bebas di bandar-bandar. Berlainan pula dengan keadaan di kampung dan pedalaman, di mana program yang diadakan menarik perhatian penduduk untuk sama-sama menyertainya.

### **Penglibatan Wanita Melayu dalam Pilihan Raya, 1959-1995**

Wanita Melayu mula melibatkan diri dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 1959. Sebenarnya keadaan dan proses pilihan raya yang berlaku di Malaysia bermula sebelum kemerdekaan lagi. Permulaan penyertaan wanita dalam pilihan raya dan kesedaran berpolitik ketika itu masih di tahap yang rendah. Kaum Melayu masih terikat dengan adat konservatif sehingga wanita Melayu memberi hak kepimpinan kepada kaum lelaki. Wanita Melayu hanya ditugaskan untuk mengurus urusan domestik rumahtangga.<sup>67</sup> Tahap pendidikan juga masih di tahap yang rendah kerana tradisi Melayu ketika itu mengekang golongan hawa untuk menerima pelajaran. Namun begitu, perubahan demi perubahan telah berlaku sepanjang tempoh tersebut. Penyertaan mereka telah menunjukkan peningkatan dan memberi kesan kepada perkembangan politik di Malaysia. Keharusan wanita dilantik sebagai ahli Parlimen untuk menggubal rang undang-undang, membahaskannya serta membela kepentingan wanita itu sendiri menjadi pokok utama pemilihan wanita sebagai wakil mereka.<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup> Wan Abdul Kadir Yusoff 'Nilai dan World-View Orang Melayu Tentang Gender' dalam Rokiah Talib dan Shanthi Thambiah (editor), *Gender, Budaya dan Masyarakat*, , Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008, hlm. 9.

<sup>68</sup> Ibid.

Pilihan Raya Umum perlu diadakan di Tanah Melayu sebagai syarat penting untuk mencapai kemerdekaan daripada kerajaan kolonial British. Ianya bertujuan untuk memilih pemimpin yang bakal menerajui Tanah Melayu itu sendiri. Pada awalnya, atas desakan rakyat Tanah Melayu, British terpaksa memenuhi kehendak rakyat untuk mengadakan pilihan raya pada peringkat tempatan sebagai latihan bagi demokrasi berparlimen. Pada peringkat awal pilihan raya ini diperkenalkan di peringkat tempatan bagi Majlis Bandaran yang pertama diadakan di Majlis Bandaran Georgetown (Tanjung), Pulau Pinang pada bulan Disember 1951. Seterusnya diperkenalkan di beberapa bandar utama yang lain. Pada ketika itu UMNO dan MCA bergabung dalam sebuah parti yang dinamakan Parti Perikatan UMNO-MCA. Pilihan Raya yang pertama ini mempertandingkan sembilan buah kerusi dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Parti-parti politik yang bertanding ialah Parti Radikal Pulau Pinang, Parti Buruh Pulau Pinang dan UMNO. Manakala Pilihan Raya Majlis Bandaran yang lain diadakan sepanjang tahun 1952 di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Melaka dan Seremban. Kemenangan demi kemenangan Parti Perikatan dalam Majlis Bandaran telah membuka mata pihak British. Sokongan yang diberikan oleh masyarakat tempatan telah membuktikan bahawa pemimpin tempatan memang layak untuk memerintah Tanah Melayu. Oleh itu kemerdekaan harus dipercepatkan.<sup>69</sup>

Seterusnya pula, pada 27 Julai 1955, Persekutuan Tanah Melayu menjalankan Pilihan Raya Persekutuan Pertama dalam sejarah selepas berpuluh tahun dijajah. Parti utama yang bertanding adalah Parti Perikatan, Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS), Parti Negara, Parti Buruh Malaya atau *Labour Party of Malaya* (LPM) dan Parti Progresif Rakyat atau *People Progressive Party* (PPP). Pilihan raya tersebut telah berlangsung dengan kerjasama daripada pihak penjajah British. Parti Perikatan telah meletakkan calon bagi kesemua 52 buah kerusi. Parti Negara pimpinan Onn Jaafar pula

---

<sup>69</sup> Harry Miller, *The Story Of Malaysia*, London: Faber & Faber, 1965, hlm. 151, lihat Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder Stoughton, 1976, hlm. 132.

mempertandingkan 33 buah kerusi, PAS sebanyak 11 kerusi dan 18 calon bebas turut bertanding. Parti Perikatan telah berjaya memenangi pilihan raya dengan memperolehi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Sebuah kerusi lagi telah dimenangi oleh PAS di kawasan Kerian, Perak.<sup>70</sup>

Pencapaian yang diperolehi oleh Parti Perikatan gabungan antara UMNO dan MCA telah memberi mandat kepada mereka untuk berunding dengan pihak British mengenai kemerdekaan Tanah Melayu. Kemenangan ini juga telah membuktikan kepimpinan dan kerjasama antara pelbagai kaum yang turut memperjuangkan manifesto yang menyeluruh kepada penduduk Tanah Melayu mencapai matlamat perjuangannya. Namun, tanpa disedari dasar-dasar yang dilancarkan oleh Parti Perikatan merupakan penguasaan Barat telah diteruskan tanpa masyarakat tempatan menyedari senario ini. Rentetan daripada itu Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Seterusnya, permulaan penyertaan wanita dalam pilihan raya dan kesedaran berpolitik ketika itu masih di tahap yang rendah. Kaum Melayu masih terikat dengan adat konservatif sehingga wanita Melayu memberi hak kepimpinan kepada kaum lelaki. Wanita Melayu hanya ditugaskan untuk mengurus urusan domestik rumahtangga.<sup>71</sup> Tahap pendidikan juga masih di tahap yang rendah kerana tradisi Melayu ketika itu mengekang golongan hawa untuk menerima pelajaran.

Penyertaan wanita PAS telah bermula pada tahun 1959 lagi. Kejayaan Khadijah Sidek pada PRU pertama ini menunjukkan penerimaan masyarakat kepada muslimat PAS sebagai pemimpin. Namun begitu, tiada lagi calon PAS yang berjaya dalam tempoh terbabit dan penyertaan mereka terhenti sekitar tahun 1980-an apabila PAS telah mengambil langkah untuk mengelakkan kemudahan kepada wanita. Suasana pilihan raya ketika itu berada dalam keadaan yang agak membahayakan kepada

---

<sup>70</sup> Lihat Fuziah Shafei dan Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 2000, hlm. 435. Sila rujuk Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder Stoughton, 1976, hlm. 166. Seterusnya lihat Noor Sulastry Yurni Ahmad, *Hegemoni Budaya Politik Melayu*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014, hlm. 153. Lihat juga R. S. Milne, R.S & Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad (terjemahan.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Kementerian Pelajaran Malaysia, 1992, hlm. 42.

<sup>71</sup> Wan Abdul Kadir Yusoff "Nilai dan World-View Orang Melayu tentang Gender" dalam Rokiah Talib dan Shanthi Thambiah (editor), *Gender, Budaya dan Masyarakat*, hlm. 9.

golongan hawa. Pada Pilihan Raya Umum 1964, PAS hanya berjaya mengekalkan sembilan kerusi Parlimen dan gagal menawan Terengganu walaupun berjaya mengekalkan Kelantan. Ketika itu, PAS dipandang sebagai parti yang menyokong Indonesia. Dalam Pilihan Raya Umum 1969, ketika itu orang Melayu dilanda rasa tidak puasa hati terhadap kepimpinan Tunku, PAS berjaya menambah kerusinya kepada 12. PAS dapat mengekalkan Kelantan tetapi gagal menawan mana-mana negeri yang lain.<sup>72</sup>

Selepas peristiwa 13 Mei, PAS telah bertanding sebagai parti komponen BN dalam Pilihan Raya Umum tahun 1974. Ekoran krisis yang melanda dalam BN, PAS telah keluar dari Barisan Nasional dan bertanding bersendirian dalam Pilihan Raya Umum tahun 1978. PAS kehilangan Kelantan kepada BN dan mula mengalami detik-detik kemunduran ekoran berlakunya perpecahan dalam parti itu sehingga terbentuknya parti baru yang dikenali sebagai Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA). PAS hanya bertahan dengan memiliki lima kerusi di Kelantan.<sup>73</sup> Pada Pilihan Raya Umum tahun 1982 pula, BN telah mengubah strategi dan pendekatan dengan menampilkan pendekatan Islam yang sememangnya tidak dapat ditandingi oleh PAS pada ketika itu. Sekali lagi PAS gagal merampas Kelantan dari tangan BN dan berjaya mempertahankan lima kerusi sahaja. Seterusnya selepas pilihan raya itu, berlaku sekali lagi perpecahan dalam PAS sehingga tertubuhnya parti baru iaitu HAMIM yang disertai oleh empat ahli Parlimen PAS. Maka PAS ketika itu sekadar memiliki seorang sahaja ahli Parlimen. Perubahan telah berlaku di dalam PAS dengan memperkenalkan konsep Negara Islam. PAS mulai meletakkan ramai calon di seluruh negara bagi merealisasikan tujuan dan matlamat penubuhan Negara Islam. PAS masih tidak dapat diterima oleh rakyat apabila PAS hanya berjaya memperolehi satu kerusi parlimen dan gagal menawan mana-mana negeri. Keadaan ini membawa perubahan yang baru kepada PAS selepas kegagalan dalam Pilihan Raya Umum 1986. PAS mulai bersederhana dan

---

<sup>72</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

<sup>73</sup> *Ibid.*



menerima keadaan di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum. PAS sekali lagi mendapat peluang daripada perpecahan UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1990 apabila gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) berjaya mengambil Kelantan dari tangan Barisan Nasional setelah kehilangan negeri itu pada tahun 1978. Namun, perubahan yang berlaku itu hanya di Kelantan manakala negeri-negeri lain masih dikuasai oleh komponen parti Barisan Nasional. Pada Pilihan Raya Umum 1995 pula, PAS berjaya mengekalkan bilangan kerusi Parlimen yang ada dan masih gagal menguasai Terengganu. PAS berjaya memerintah Kelantan walaupun kerusi Dewan Undangan Negeri berkurangan.<sup>74</sup>

Dengan pendekatan yang pragmatik, konsep perkongsian kuasa dengan parti komponen bermula dengan nama Perikatan dan kemudian Barisan Nasional telah berjaya membentuk kerajaan setiap kali diadakan pilihan raya. Kejayaan yang dicapai oleh parti UMNO termasuk beberapa calon wanita membuktikan penerimaan masyarakat terhadap konsep yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional. Secara sepintas lalu, pilihan raya yang berlangsung pada tahun 1964, 1974, 1978, 1982, 1986, 1995 dan 2004 merupakan era kegemilangan Barisan Nasional. Pada Pilihan Raya Umum tahun 1964 (PRU 3) peratus keluar mengundi tertinggi bagi kerusi Parlimen adalah 78.9 peratus atau 2,057,504 mengundi daripada jumlah pengundi berdaftar seramai 2,720, 00 orang. Barisan Nasional menang 74 daripada 104 kerusi Parlimen atau 85 peratus pada tahun 1964.<sup>75</sup> Peningkatan jumlah calon wanita Melayu pada tahun 1974 seramai 15 orang menunjukkan kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969 yang membawa isu perkauman menaikkan semangat wanita Melayu untuk menyertai pilihan raya berbanding tahun 1969 iaitu seramai 14 orang.

Pada PRU 1974, BN mendapat 87 peratus kemenangan besar. Seterusnya pada Pilihan Raya Umum tahun 1978 dengan kemenangan BN sebanyak 130 kerusi daripada

---

<sup>74</sup> Ibid.

<sup>75</sup> Jamaie Hj Hamil dan Faris Afiq Ikhwan Saifullah et al., 'Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia', *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (39-53), 'Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13<sup>th</sup> General Elections', 2014.

154 kerusi dalam Dewan Rakyat iaitu kurang lima kerusi berbanding pencapaian dalam Pilihan Raya Umum tahun 1974. Keadaan ini berkemungkinan berpunca daripada keputusan PAS untuk menarik diri daripada penyertaannya dalam BN. Keadaan ini juga memberi kesan kepada penyertaan wanita Melayu dalam PRU 1982, BN mendapat kemenangan sebanyak 132 kerusi daripada 154 kerusi dalam Dewan Rakyat dan merupakan 85.7 peratus daripada jumlah kerusi. Kemenangan ini merupakan pencapaian kedua tertinggi sejak kemerdekaan itu. Kejayaan dan kemenangan yang diperolehi oleh Barisan Nasional ini berpunca daripada sokongan pada rakyat yang tidak pernah putus kepada parti yang mereka percayai itu. Manakala dalam PRU 7(1986) pula, dengan kemenangan 148 kerusi daripada 177 kerusi dalam Dewan Rakyat (83.6 peratus) terdapat sedikit penurunan sebanyak 2.4 peratus berbanding pilihan raya yang terakhir. Namun, parti campuran BN berjaya mengekalkan majoritinya dalam Parlimen dan berupaya memelihara genggamannya terhadap jawatan Perdana Menteri serta membentuk kerajaan. Pilihan Raya Umum tahun 1995 (PRU 9) parti campuran BN berjaya mengekalkan majoritinya dalam Parlimen dengan kemenangan 162 kerusi daripada 192 kerusi dalam Dewan Rakyat, ini merupakan 84.4 peratus dan merupakan satu kenaikan sebanyak 19.6 peratus berbanding pilihan raya yang terakhir.<sup>76</sup>

Pada tahun 1992, Dasar Wanita Kebangsaan telah diperkenalkan. Dasar ini amat menekankan hak-hak wanita dalam pendidikan, agama, media dan juga politik. Perkembangan ini telah membawa perubahan kepada masyarakat Melayu apabila golongan terpelajar dalam kalangan wanita mula menyerlah. Kejayaan beberapa individu beberapa penggal berturut-turut membuktikan sokongan pengundi kepada pemimpin tersebut. Sebagai contoh, kerusi Parlimen Kuala Pilah dipegang oleh Napsiah Omar empat penggal berturut-turut (1982-1999), Zaleha Ismail (1982-1999) berjaya di

---

<sup>76</sup> Sulastry Yurni Ahmad dan Nidzam Sulaiman, 'Kedudukan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Malaysia: Berakhirnya Era Hegemoni' dalam Worrnan Hj. Kabul et. al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 166-167.

kerusi Parlimen Tanjong Karang, Selayang dan Gombak. Manakala Siti Zaharah Sulaiman berjaya di kerusi Parlimen Mentakab dan Paya Besar (1982-2004). Seterusnya Rafidah Aziz (1982-2004) berjaya di kerusi Parlimen Kuala Kangsar. Mereka juga merupakan tokoh-tokoh yang berwibawa dalam Pergerakan Wanita UMNO dan mengekalkan jawatan Menteri dalam kerajaan hampir satu dekad.<sup>77</sup>

Kaedah dan cara pemilihan kerajaan ini menerusi pilihan raya telah diterima oleh majoriti rakyat semenjak Pilihan Raya Umum tahun 1959. Pilihan raya merupakan elemen yang cukup penting dalam amalan demokrasi di Malaysia. Seringkali perjalanan pilihan raya yang bersih, adil dan telus dikaitkan dengan amalan demokrasi yang sihat. Sehubungan dengan itu keputusan pilihan raya sepanjang tempoh 1959 hingga 1995 ini masih menunjukkan kejayaan yang besar kepada parti Barisan Nasional yang agak stabil menerima sokongan majoriti rakyat Malaysia.<sup>78</sup>

### **Wakil Rakyat Wanita Melayu Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen 1959-1995 di Malaysia**

Dalam bahagian ini perbincangan adalah mengenai wanita Melayu di Semenanjung Malaysia memandangkan majoriti pencalonan wanita Melayu adalah di Semenanjung Malaysia. Penglibatan wanita Melayu sebenarnya telah bermula sebelum kemerdekaan lagi apabila enam pilihan raya tempatan yang diadakan di Melaka, Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Singapura, Kuala Lumpur dan Georgetown telah diadakan pada bulan Disember 1952. Daripada 99 calon yang bertanding untuk 37 kerusi, sembilan adalah wanita namun empat sahaja yang berjaya terpilih. Dua calon wanita dari UMNO berjaya memenangi pilihan raya ialah Zahara Binti Mohamed Talib di Batu Pahat dan Fatimah binti Haji Yunos di Muar. Seterusnya dalam Pilihan Raya Persekutuan yang pertama pada 1955 pula seorang calon wanita Melayu, Halimahton Abdul Majid mewakili

---

<sup>77</sup> Ibid. Lihat juga Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad, *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*, Bangi: Penerbit UKM, 2002, hlm. 149. Lihat juga Ahmad Atory Hussain, *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu, 1990-2000*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, Sdn. Bhd., 1998, hlm. 149.

<sup>78</sup> Amer Saifude Ghazali, *Geografi Pilihan Raya Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 3.

Perikatan telah berjaya dipilih oleh rakyat dan memenangi pilihan raya tersebut di Ulu Selangor. Maka bermula daripada itu, penglibatan wanita dalam pilihan raya telah mendapat perhatian parti-parti politik yang bertanding untuk mewakili parti mereka dalam pilihan raya.<sup>79</sup>

Jadual 2:1 Jumlah Calon Wanita Melayu di Dewan Undangan Negeri, 1959-1995

tahun	Jumlah
1959	12
1964	13
1969	14
1974	15
1978	14
1982	11
1986	15
1990	17
1995	24

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 5-900.

Penyertaan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum sepanjang tempoh 1959-1995 agak membanggakan berbanding dengan penyertaan mereka merebut kerusi Parlimen. Penyertaan yang paling rendah ialah pada PRU 1982 seramai 11 orang. Manakala penyertaan yang tertinggi pula ialah pada tahun 1995 seramai 24 orang.

Jadual 2:2 Jumlah Calon Wanita Melayu di Parlimen, 1959-1995

tahun	Jumlah
1959	4
1964	4
1969	5
1974	8
1978	6

Jadual 2:2 sambungan


1982	7
1986	7

<sup>79</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 185-186. Lihat juga Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 109-110. Lihat juga Jamilah Ariffin, *Women and Development in Malaysia*, Selangor: Pelanduk Publications, 1992, hlm. 9

1990	11
1995	14

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 5-900.

Pada PRU 1978, 1982 dan 1986 kesemua calon yang bertanding berjaya merebut kerusi Parlimen. Pada PRU 1978, seorang calon wanita Melayu telah berjaya di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perak dan dua di Selangor. Manakala pada PRU 1982, seorang calon wanita Melayu telah berjaya di negeri Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Perak dan tiga di Selangor. Seterusnya pada PRU 1986, dua calon wanita Melayu telah berjaya di negeri Johor, seorang di Negeri Sembilan, Pahang dan Perak serta dua orang di Selangor.



Graf 2:1 Jumlah Calon Wanita Melayu di DUN dan Parlimen, 1959-1995

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 5-900.

Berdasarkan graf di atas menunjukkan jumlah penyertaan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum sepanjang tempoh 1959-1995 untuk merebut kerusi Dewan Undangan Negeri dan kerusi Parlimen. Penglibatan wanita Melayu sebagai calon Dewan Undangan Negeri agak ramai berbanding penglibatan mereka sebagai calon Parlimen. Pada tahun 1995 calon wanita Melayu bertanding paling tinggi dicatatkan iaitu 23 calon

DUN dan 14 calon Parlimen. Manakala yang paling rendah ialah pada tahun 1959 bagi kerusi Parlimen iaitu 4 orang dan DUN 12 orang.

Berikut merupakan jadual ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen wanita Melayu di Malaysia antara tahun 1959 sehingga tahun 1995. Kedua-dua jadual ini menunjukkan pencapaian jumlah yang diperolehi oleh wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat Dewan Undangan Negeri dan juga Dewan Rakyat.

Jadual 2:3 Ahli Dewan Undangan Negeri Wanita Melayu di Malaysia, 1959-1995

Tahun	Nama	Kawasan	Parti	Jumlah Undi
1959	Hamidah Omar	Sik Gurun (N13)(Kedah	Perikatan	5,352
	Siti Rahmah Kassim	Terentang (N8), N. Sembilan	Perikatan	1,617
	Mahimon Harun	Sik Gurun (N13), Kedah	Perikatan	1,673
	Halimah Abdul Raof	Telok Sisek (N10), Pahang	Perikatan	3,744
	Som Abdullah	Parit Buntar (N5), Perak Batak Rabit (N35), Perak	Perikatan	2,495
1964	Hasnah Ahmad	Plentong (N23) (Johor)	Perikatan	6,601
	Hamidah Omar	Pokok Sena (N6), Kedah	Perikatan	6,018
	Sharimah Mahamud	Sik Gurun (N13), Kedah	Perikatan	7,178
	Sapiah Talib	Johor (N2), N. Sembilan	Perikatan	2,535
	Siti Rahmah Kassim	Terentang (N8), N. Sembilan	Perikatan	1,710
1964	Mahimon Harun	Telok Sisek (N10), Pahang	Perikatan	2,728
	Halimah Abdul Raof	Parit Buntar (N5), Perak	Perikatan	4,697
	Som Abdullah	Batak Rabit (N35), Perak	Perikatan	4,573
1969	Datin Zaharah binti Abdul Majid	Parit Jawa (N7) Johor)	Perikatan	MTB
	Hasnah Ahmad	Plentong (N23) Johor)	Perikatan	6,209
	Hamidah Omar	Pokok Sena (N6), Kedah	Perikatan	5,305
	Sharimah Mahamud	Sik Gurun (N13), Kedah	Perikatan	6,734
	Sapiah Talib	Johor (N2), N. Sembilan	Perikatan	2,800
	Mahimon Harun	Telok Sisek (N10), Pahang	Perikatan	2,077
	Halimah Abdul Raof	Parit Buntar (N5), Perak	Perikatan	5,124
	Salmah Mohd. Salleh	Semenyih (N10), Selangor	Perikatan	3,102
	Teh binti Hassan	Chukai (N19), Terengganu	Perikatan	1,867
1974	Zaharah binti Abdul Majid	Sri Menanti (N23) Johor)	BN	5,476
	Hasnah Ahmad	Tiram (N31) Johor)	BN	MTB
	Fatimah Ahmad	Bukit Rambai (N15), Melaka	BN	2,630
	Khatimah Ibrahim	Pantai (N6), N. Sembilan	BN	3,082
	Tungku Kelsom Tunku Muda Chik	Pilah (N15), N. Sembilan	BN	3,444

Jadual 2:3 sambungan

Tahun	Nama	Kawasan	Parti	Jumlah Undi
1974	Sariah Kamiso	Jengka (N19), Pahang	BN	3,573
	Shamsiah Abd. Hamid	Bandar Pekan (N26), Pahang	BN	1,674
	Munah Lebai Abd. Raffar	Chenderiang (N32), Perak	BN	4,255
	Radziah Marahudin	Hutan Melintang (N42), Perak	BN	5,849
	Norsiah Abd. Rahim	Jeram (N12), Selangor	BN	4,641
1978	Salmah Mohd. Salleh	Semenyih (N17), Selangor	BN	3,957
	Zaharah binti Abdul Majid	Sri Menanti (N23), Johor	BN	6,810
	Hasnah Ahmad	Kota Tinggi (N19), Johor	BN	9, 820
	Azizah L.Talib	Kuala Nerang (N5), Kedah	BN	6,424
	Fatimah Ahmad	Bukit Rambai (N15), Melaka	BN	4,149
	Khatimah Ibrahim	Melaka	BN	4,367
	Tungku Kelsom Tunku Muda Chik	Pantai (N6), N. Sembilan	BN	4,287
	Sariah Kamiso	Pilah (N15), N. Sembilan	BN	5,350
	Shamsiah Abd. Hamid	Jengka (N19), Pahang	BN	2,700
	Rokiah Kayat	Bandar Pekan (N26), Pahang	BN	7,943
	Radziah Maharuddin	Pahang	BN	8,354
	Zaleha Ismail	Bota (N28), Perak	BN	4, 865
	Norsiah Abd. Rahim	Hutan Melintang (N42), Perak	BN	5, 552
1982	Sabariah Ahmad	Permatang (N10), Selangor	BN	5,350
	Azizah L.Talib	Jeram (N12), Selangor	BN	2,700
	Tg. Noor Asiah Tengku Ahmed	Jengka (N19), Pahang	BN	2,700
	Fatimah Ahmad	Bandar Pekan (N26), Pahang	BN	7,943
	Khatimah Ibrahim	Pahang	BN	8,354
	Kamariah Mat Noh	Bota (N28), Perak	BN	4, 865
	Latifah Abdul Ghaffar	Hutan Melintang (N42), Perak	BN	5, 552
	Rokiah Kayat	Permatang (N10), Selangor	BN	5,350
	Nahwany @ Radziah Maharudin	Jengka (N19), Pahang	BN	2,700
	Siti Fatimah Dullah	Bandar Pekan (N26), Pahang	BN	7,943
	Sakimi @ S. Fatimah Dullah Sukimi	Pahang	BN	8,354
1986	Sabariah Ahmad	Bota (N28), Perak	BN	4, 865
	Khadijah Md. Som	Hutan Melintang (N42), Perak	BN	5, 552
	Fatimah Ismail	Permatang (N10), Selangor	BN	5,350
1986	Rokiah Hashim	Jeram (N12), Selangor	BN	2,700
		Jorak (N6), Johor	BN	10, 427
1986		Pulai Sebatang (N35), Johor	BN	12, 488
		Ayer Putih (N14), Kedah	BN	8,739
		Tanjung Dawai (N18), Kedah	BN	10,321

Jadual 2:3 sambungan

Tahun	Nama	Kawasan	Parti	Jumlah Undi
1986	Siti Jeliha@Zaleha Hussin	Salor (N16), Kelantan	BN	4,872
	Jenah Sarip	Bukit Asahan (N8), Melaka	BN	4,777
	Khatimah Ibrahim	Ampangan (N18), N. Sembilan	BN	8,089
	Kamariah Mat Noh	Tembeling (N10), Pahang	BN	4,355
	Zainab Ibrahim	Belanja (N29), Perak	BN	5,950
	Radziah Maharudin	Hutan Melintang (N42), Perak	BN	7,956
	Gayah @ Ragayah Ariff	Sungai Acheh (N18), Pulau Pinang	BN	3,822
	Rakibang Abd. Manap	Hulu Kelang (N19), Selangor	BN	10,250
Siti Fatimah Dullah Sakimi @ S. Fatimah Dullah Sukimi	Banting (N39), Selangor	BN	8,258	
1990	Sabariah Ahmad	Jorak (N6), Johor	BN	8,573
	Atikah Abdullah	Sri Medan (N13), Johor	BN	10, 997
	Khadijah Mohd. Som	Benut (N24), Johor	BN	9,439
	Fatimah Ismail	Ayer Putih (N14), Kedah	BN	9,791
	Rokiah Hashim	Tanjung Dawai (N18), Kedah	BN	14, 399
	Kelthum Ahmed	Temangan (N34), Kelantan	S46	5,608
	Jenah Sarip	Bukit Asahan (N8), Melaka	BN	4,388
	Dermataksiah Abdul Jalil Rahimah binti	Ampangan (N18), N. Sembilan	BN	7,344
	Mohammad Kawi	Sungai Rokam (N18), Perak	BN	4,365
	Mazidah Zakaria	Belanja (N29), Perak	BN	14, 812
	Zainab Ibrahim	Telok Ayer Tawar (N6), Pulau Pinang	BN	7,086
	Rokiah Bee Hassan	Banting (N39), Selangor	BN	6,711
	Fatimah Suhaimi		BN	9,264
	1995	Sabariah Ahmad	Jorak (N6) Johor	BN
Atikah Abdullah		Sri Medan (N13), Johor	BN	15, 987
Halimah Mohd Sadique		Gunung Lambak (N24), Johor	BN	18, 048
Khadijah Mohd Som		Pulai Sebatang (N39), Johor	BN	14, 849
Barishah@Habshah Saad		Tunjang (N5), Kedah	BN	11,610
Fatimah Ismail		Sungai Tiang (N19), Kedah	BN	11,168
Che Pora Omar	Merbau Pulas(N33), Kedah	BN	10,906	

Jadual 2:3 sambungan



Tahun	Nama	Kawasan	Parti	Jumlah Undi
1995	Mek Som Mohamed	Mengkebang (N39), Kelantan	S46	6,231
	Hazizah Mohd Sultan	Tangga Batu (N11), Melaka	BN	9,228
	Napsiah Omar	Pilah (N16), N. Sembilan	BN	5,727
	Dermataksiah Abdul Jalil	Ampangan (N21), N. Sembilan	BN	9,561
	Rahimah binti Mohammad Kawi	Tahan (N9), Pahang	BN	3,612
	Khansiyah @ Khamsiyah Yeop	Kenering (N3), Perak	BN	5,051
	Mazidah Zakaria	Hulu Kinta (N21), Perak	BN	16,009
	Sofiah Ahmad	Bintong (N6), Perlis	BN	3,775
	Jahara Hamid	Telok Ayer Tawar (N6), Pulau Pinang	BN	7,522
	Mesrah Selamat	Jeram (N12), Selangor	BN	9,254
Rakibah Abd. Manap	Gombak Setia (N17), Selangor	BN	15,050	

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 5-900.

Berdasarkan jadual di atas, jelas wanita Melayu telah mengambil peluang untuk menjadi wakil rakyat bermula PRU 1959 lagi. Masyarakat telah menerima kepimpinan wanita secara berperingkat berdasarkan peningkatan jumlah kejayaan mereka menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sehingga tahun 1959. Bermula dengan lima wakil rakyat wanita sehingga 18 orang pada tahun 1995 membuktikan kejayaan wanita Melayu dalam arena politik di Malaysia sekaligus mampu membawa suara wanita dalam pentadbiran negeri. Justeru itu, peluang yang diperolehi oleh setiap wakil rakyat wanita sama ada parti Pembangkang atau Kerajaan hendaklah digunakan sebaik mungkin. Kepercayaan yang sepenuhnya telah diberikan kepada calon Perikatan dan BN semenjak 1959 sehingga 1995 yang diwakili komponen parti UMNO. Hanya dua wakil rakyat Pembangkang yang berjaya menjadi wakil rakyat dari Parti Semangat 46.

Pada tempoh berkenaan masyarakat masih sukar untuk menerima wanita Melayu dalam kalangan parti Pembangkang untuk mewakili suara mereka dalam pentadbiran

negeri. Wakil rakyat paling tinggi jumlah undi yang diperolehi ialah calon BN (UMNO), Halimah Mohd Sadique yang bertanding di Gunung Lambak (N24), Johor pada PRU 1995. Beliau berjaya mendapat undi sebanyak 18, 048. Manakala wakil rakyat yang paling rendah jumlah undi yang diperolehi ialah Siti Rahmah Kassim dari parti Perikatan pada PRU 1959. Beliau hanya mendapat 1,617 di kerusi DUN Terentang (N8), Negeri Sembilan.

Berdasarkan jadual di atas juga, Hamidah Omar mewakili parti Perikatan berjaya merebut kerusi Dewan Undangan Negeri di Kedah dengan penyertaan beliau dalam tiga kali PRU 1959, 1964 dan 1969. Beliau berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri di Kedah pada PRU 1959 di Sik Gurun (N13). Namun, pada PRU 1964 dan 1969, beliau menang di DUN Pokok Sena (N6). Fatimah Ismail pula berjaya memenangi kerusi DUN, Kedah tiga penggal berturut-turut iaitu pada PRU 1986 dan PRU 1990 di Ayer Putih (N14), serta PRU 1995 di Sungai Tiang (N19). Selain itu, Mahimon Harun dari (Perikatan) berjaya mengekalkan kerusi yang ditandingi sebanyak tiga penggal berturut-turut pada PRU 1959, 1964 dan 1969, di DUN Telok Sisek (N10), Pahang. Begitu juga Halimah Abdul Raof Harun dari (Perikatan) berjaya mengekalkan kerusi yang ditandingi sebanyak tiga penggal berturut-turut pada PRU 1959, 1964 dan 1969, di DUN Parit Buntar (N5), Perak. Seterusnya di Johor pula, menyaksikan Hasnah Ahmad berjaya menjadi wakil rakyat empat penggal berturut-turut. Pada PRU 1964 dan 1969 beliau mewakili Perikatan berjaya di kerusi DUN Plentong (N23), Johor. Pada PRU 1974 pula beliau berjaya di DUN Tiram (N31), Johor atas tiket BN. Manakala PRU 1978, beliau menjadi wakil rakyat di DUN Kota Tinggi (N19), Johor. Seterusnya Sabariah Ahmad juga berjaya merebut kerusi DUN empat penggal berturut-turut di Johor. Pada PRU 1982, beliau berjaya di DUN Kesang (N12), PRU 1986, 1990 dan 1995 di DUN Jorak (N6). Khadijah Md. Som berjaya memperolehi kerusi yang

dipertandingan sebanyak tiga penggal berturut-turut iaitu PRU 1986 di Pulau Sebatang (N35), PRU 1990 di Benut (N24) dan PRU 1995 di Pulau Sebatang (N39), Johor.

Jadual 2:4 Ahli Parlimen Wanita Melayu di Malaysia, 1959-1995

Tahun	Nama	Kawasan	Parti	Jumlah Undi
1959	Ibu Zain Sulaiman	Pontian Selatan, Johor	Perikatan	9,469
	Fatimah Hashim	Jitra Padang Terap, Kedah	Perikatan	10,981
	Khadijah Mohd Sidek	Dungun, Terengganu	PAS	6,249
1964	Fatimah Hashim	Jitra Padang Terap, Kedah	Perikatan	15,835
1969	Fatimah Abd. Majid	Batu Pahat Dalam (P94), Johor	Perikatan	15,979
	Fatimah Hashim	Jitra Padang Terap (P3), Kedah	Perikatan	15,145
	Bibi Aishah Hamid Don	Kulim Utara (P13)	Perikatan	12,131
1974	Fatimah Abd. Majid	Semerah (P110), Johor	BN	16,030
	Wan Zainab	Sungai Petani (P13), Kedah	BN	22,266
	M.A.Bakar	Tumpat (P16), Kelantan	BN	16,494
	Tengku Noorasiah	Kuala Kangsar (P52), Perak	BN	9,063
	Tengku Ahmed Onn Zariah Abu Bakar	Kuala Langat (P82), Selangor	BN	MTB
Aishah Ghani	Kuala Kerai (P26), Kelantan	BN	10,206	
Zahara Awang				
1978	Sharifah Dorah	Semerah (P110), Johor	BN	22,264
	Mohammed			
	Wan Zainab	Sungai Petani (P13), Kedah	BN	24,422
	M.A.Bakar	Tumpat (P16), Kelantan	BN	14,460
	Tengku Noorasiah	Kuala Kangsar (P52), Perak	BN	9,059
	Tengku Ahmed Yong Fatimah Md. Razali	Selayang (P77), Selangor	BN	38,627
Rafidah Aziz	Kuala Langat (P82), Selangor	BN	14,405	
Aishah Ghani				
1982	Sharifah Dorah	Semerah (P110), Johor	BN	25,596
	Mohammed			
	Wan Zainab	Sungai Petani (P13), Kedah	BN	24,554
	M.A.Bakar	Kuala Pilah (P92), N. Sembilan	BN	19,206
	Napsiah Omar	Kuala Kangsar (P52), Perak	BN	12,159
	Rafidah Ab. Aziz	Tanjong Karang (P74), Selangor	BN	16,396
Zaleha Ismail	Selayang (P77), Selangor	BN	51,353	

Jadual 2:4 sambungan

Tahun	Nama	Kawasan	Parti	Jumlah Undi		
1982	Rahmah Osman Aishah Ghani@ Gani	Kuala Langat (P82), Selangor	BN	20,866		
1986	Sharifah Dorah Mohammed Zainabon@Zainab bte Abu Bakar	Parit Sulong (P121), Johor  Tebrau (P129), Johor	BN  BN	MTB  27,138		
	Napsiah Omar Siti Zaharah Sulaiman Rafidah Ab. Aziz	Kuala Pilah (P106), N. Sembilan Mentakab (P78), Pahang	BN BN	19,400 15,271		
	Zaleha Ismail Rahmah binti Osman @ Hajah Rahmah binti Osman	Kuala Kangsar (P61), Perak Selayang (P87), Selangor Shah Alam (P92), Selangor	BN BN BN	16,196 40,681 32,714		
	1990	Siti Zainab Abu Bakar Tengku Hajah Ilani Dato' Haji Isahak Napsiah Omar  Siti Zaharah Sulaiman Rafidah Ab. Aziz Zaleha Ismail (menang) Hajah Rakiah Binti Haji Abd. Manap	Tebrau (P129), Johor Kota Baharu (P19), Kelantan	BN S46  BN	34, 883 27,566  19,444	
			Kuala Pilah (P106), N. Sembilan Mentakab (P78), Pahang	BN BN	17,147 16,548	
			Kuala Kangsar (P61), Perak Selayang (P87), Selangor Shah Alam (P92), Selangor	BN BN BN	51,062 41,767	
1995			Zainabon@Zainab Abu Bakar Tengku Hajah Ilani Dato' Haji Isahak Siti Zaharah Sulaiman Rafidah Ab. Aziz Ainon Khariyah Mohd. Abas Zaleha Ismail Seripah Noli Syed Hussin Shahrizhat @ Shahrizat Abdul Jalil	Tebrau (P140), Johor	BN	44, 670
				Kota Baru (P21), Kelantan	S46	24,096
	Paya Besar (P79), Pahang Kuala Kangsar (P64), Perak Parit (P66), Perak	BN BN BN		25,551 15,393 14,207		
	Gombak (P91), Selangor Sepang (P102), Selangor	BN BN		38,763 26,022		
		Lembah Pantai (P109), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	BN	23,447		

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 5-900.

Berdasarkan jadual di atas, sepanjang tempoh 1959-1995, menyaksikan kejayaan BN yang diwakili oleh wanita UMNO menjadi ahli Parlimen di Dewan Rakyat kecuali pada PRU 1959 seorang wakil rakyat pembangkang dari PAS yang berjaya di Terengganu

sepanjang tempoh berkenaan. Situasi ini membuktikan penerimaan masyarakat terhadap UMNO masih lagi menebal setiap kali Pilihan Raya Umum dijalankan. Di Pahang, Siti Zaharah Sulaiman telah memenangi tiga kali PRU iaitu, PRU 1986, 1990 dan 1995. Manakala di Negeri Sembilan, Napsiah Omar berjaya mengekalkan kerusi Parlimen tiga penggal berturut-turut iaitu PRU 1 di kawasan Parlimen Kuala Pilah (P92), PRU 1990 dan 1995 di Parlimen Kuala Pilah (P106). Kawasan tersebut adalah sama tetapi berbeza nombor kod Parlimen kerana berlaku perubahan persempadan semula pada PRU 1990. Seterusnya di Johor pula, menyaksikan Sharifah Dorah Mohammed berjaya mendapatkan kerusi Parlimen tiga kali PRU iaitu pada PRU 1978 dan 1982 di Parlimen Semerah (P110) serta PRU 1986 di Parit Sulong (P121). Di Perak pula, menyaksikan kehebatan Rafidah Aziz mengekalkan kerusi Parlimen Kuala Kangsar empat kali PRU iaitu tahun 1982, 1986, 1990 dan 1995. Wakil rakyat paling tinggi jumlah undi yang diperolehi ialah calon BN (UMNO), Rahmah Osman Selayang (P77), Selangor Pada PRU 1986. Beliau berjaya mendapat undi sebanyak 51,353. Manakala wakil rakyat yang paling rendah jumlah undi yang diperolehi ialah Khadijah Mohd Sidek dari parti PAS pada PRU 1959. Beliau hanya mendapat 6,249 di kerusi Parlimen Dungun, Terengganu.

Seterusnya hanya kerusi Parlimen diperuntukkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memiliki keluasan 243 km persegi. Terdapat 11 kawasan Parlimen di sini. Kawasan ini disenaraikan sejak tahun 1974. Sepanjang tempoh sembilan PRU ini hanya dua wakil rakyat dalam kalangan pembangkang memenangi kerusi iaitu satu dari PAS pada PRU 1959 iaitu Khadijah Mohd Sidek di Parlimen Dungun, Terengganu, dan satu wakil rakyat dari Semangat 46 pada PRU 1990 dan 1995 yang memenangi kerusi Parlimen Kota Bharu. Wakil Rakyat yang berjaya mengekalkan kerusi yang dipertandingkan antara tiga dan empat penggal berturut-turut membuktikan kepercayaan masyarakat terhadap calon terbabit.

Jadual 2:5 Jumlah wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil Rakyat DUN dan Parlimen 1959-1995 di Semenanjung Malaysia.

Tahun	Jumlah Ahli DUN	Jumlah Ahli Parlimen
1959	5 orang	3 orang
1964	8 orang	2 orang
1969	7 orang	2 orang
1974	11 orang	6 orang
1978	12 orang	6 orang
1982	10 orang	7 orang
1986	13 orang	7 orang
1990	13 orang	7 orang
1995	17 orang	8 orang

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004.

Jumlah wanita Melayu yang terlibat menjadi calon menunjukkan peningkatan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia walaupun ada yang kalah dan menang tanpa bertanding. Berdasarkan jadual di atas peningkatan jumlah calon wanita Melayu menjadi wakil rakyat agak ketara dalam pertandingan merebut kerusi Dewan Undangan Negeri, begitu juga di Dewan Rakyat sebagai ahli Parlimen. Pada tahun 1959 jumlah calon yang berjaya seramai lima orang di Dewan Undangan Negeri, manakala tiga orang sebagai ahli Parlimen. Seterusnya isu-isu yang berlaku sepanjang tempoh 1959 hingga 1995 juga mempengaruhi kemenangan calon wanita. Sebagai contoh isu 1959 berkaitan dengan kewarganegaraan dan isu hak istimewa orang Melayu serta isu pendidikan kaum Cina.<sup>80</sup>

Pada tahun 1964 jumlah calon yang berjaya seramai lapan orang di Dewan Undangan Negeri, manakala dua orang sebagai ahli Parlimen di mana berkurangan berbanding tahun 1959. Namun, tahun 1964 merupakan zaman kegemilangan Parti

<sup>80</sup> Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor 1946-2006*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006, hlm. 96.

Perikatan. Isu utama berkaitan konfrontasi Indonesia dijadikan bahan kempen pilihan raya apabila PAS dan Barisan Sosialis dituduh menentang penubuhan Malaysia dan bersubahat dengan Presiden Sukearno. Isu perkauman juga dibangkitkan tentang kedudukan Melayu dan Islam. Namun, keadaan ini tidak menjejaskan kejayaan Perikatan. Pada tahun 1969 jumlah calon yang berjaya seramai tujuh orang di Dewan Undangan Negeri, manakala dua orang sebagai ahli Parlimen, sama seperti tahun sebelumnya. Pada tahun ini, isu yang sama dimainkan iaitu isu konfrontasi Indonesia yang belum selesai. Selain itu, Isu perkauman yang dibawa oleh DAP dan isu bahasa rasmi turut menyebabkan kemerosotan jumlah kerusi yang diperolehi oleh parti Perikatan secara keseluruhannya dan menjejaskan jumlah kejayaan wanita dalam DUN.<sup>81</sup>

Pada tahun 1974 jumlah calon yang berjaya seramai 11 orang di Dewan Undangan Negeri, manakala enam orang sebagai ahli Parlimen. Ini menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan hampir 80 peratus di Dewan Undangan Negeri dan 300 peratus di Parlimen. Isu gabungan antara UMNO, MCA, MIC dan PAS membentuk Barisan Nasional telah membawa kejayaan tersebut. Pada tahun 1978 pula jumlah calon yang berjaya seramai 12 orang di Dewan Undangan Negeri, manakala menyamai tahun sebelumnya iaitu seramai enam orang ahli Parlimen berjaya pada tahun ini. Krisis darurat yang berlaku di Kelantan ekoran Rang Undang-undang darurat telah diluluskan pada November 1977 yang meletakkan Kelantan ditadbir terus oleh kerajaan pusat. Maka, PAS melihat perkara itu sebagai satu pengkhianatan dan PAS keluar dari BN. Namun isu perpecahan ini tidak menjejaskan jumlah calon wanita yang berjaya di DUN bahkan meningkat di kerusi Parlimen sebanyak 12 kerusi.

Pada tahun 1982 jumlah calon yang berjaya menurun sebanyak dua orang iaitu menjadi 10 orang ahli Dewan Undangan Negeri, manakala tujuh orang sebagai ahli

---

<sup>81</sup> Ibid., hlm. 98-102.


Parlimen sekadar peningkatan satu orang sahaja. Pilihan raya ini merupakan pilihan raya pertama bagi Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri berusia lebih kurang lapan bulan. Pilihan raya yang diadakan secara mengejut ini juga menyebabkan kurangnya persediaan yang rapi oleh parti politik yang lain. Pada pilihan raya kali ini juga, terdapat isu perebutan kuasa oleh parti selain UMNO dan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Mahathir Mohamad seperti Dasar Pandang ke Timur. Isu ini menyebabkan UMNO berjaya menambah jumlah kerusi. Namun begitu, wanita Melayu mengalami kemerosotan jumlah yang berjaya di DUN tetapi meningkat di Parlimen. Pengurangan wanita yang berjaya dalam DUN sedikit terkesan dari situasi yang berlaku pada tahun tersebut termasuk perantikan baru Perdana Menteri.<sup>82</sup>

Seterusnya pada tahun 1986 dan 1990, kedua-dua tahun ini jumlah ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli Parlimen adalah sama iaitu 13 orang ahli Dewan Undangan Negeri dan tujuh orang ahli Parlimen. Isu yang berlaku pada tahun 1986 ialah isu Memali yang membawa kepada perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Musa Hitam. Manakala isu tahun 1990 pula berkaitan dengan krisis dalaman UMNO antara Razaleigh Hamzah dan Mahathir Mohamad sehingga tertubuhnya parti semangat 46. Kesannya Kelantan jatuh ke tangan PAS. Pada tahun 1995, jumlah wanita Melayu seramai 16 orang di Dewan Undangan Negeri. Manakala lapan orang ahli Parlimen pada tahun 1995. Pada PRU kali ini, tiada isu yang besar dimainkan oleh parti-parti yang bertanding dalam PRU. Keadaan dan suasana serta isu-isu yang berlaku menunjukkan calon wanita dilihat semakin mendapat tempat sekitar tahun 1990-an. Kemunculan media baru disebabkan kemunculan penggunaan internet turut membawa kepada peningkatan jumlah calon wanita menyertai pilihan raya.

---

<sup>82</sup> Jamaie Hj Hamil dan Faris Afiq Ikhwan Saifullah et al., "Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia", *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (39-53), Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13<sup>th</sup> General Elections, 2014, hlm. 41-42.





Graf Garis: 2:1 Jumlah ahli wanita Melayu DUN dan Parlimen di Semenanjung Malaysia, 1959-1995

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004.

Berdasarkan graf titik garisan di atas menunjukkan jumlah wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Jumlah yang dipaparkan juga memberi gambaran penglibatan wanita sebagai wakil rakyat telah diterima oleh masyarakat di Semenanjung Malaysia. Sepanjang tempoh 1959 hingga tahun 1995 ini jelas menunjukkan peningkatan agak memberangsangkan apabila pada tahun 1995, wanita di Dewan Undangan Negeri mencapai jumlah 17 orang.

Manakala lapan orang wakil rakyat di Parlimen. Justeru, suara wanita akan menjadi semakin kuat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen berdasarkan penambahan bilangan wakil rakyat. Namun begitu, penglibatan wanita dalam parti-parti pembangkang agak berkurangan disebabkan beberapa faktor seperti pengharaman dan pembubaran parti, pemimpin yang ditahan di bawah ISA, kekalahan parti dalam pilihan raya. Sebagai contoh, sebelum PRU 1978, PAS telah dikeluarkan dari BN kerana berlaku perselisihan dalaman dan menjadi parti pembangkang. Kesan dari krisis tersebut BN telah berjaya menguasai Kelantan sejak 19 tahun pemerintahan PAS.<sup>83</sup>

<sup>83</sup> Ibid., hlm. 39-53.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan dalam perbincangan mengenai sejarah awal penglibatan wanita dalam pilihan raya di Malaysia, sumbangan wanita dalam mencorakkan perkembangan politik tanah air dari peringkat awal amatlah besar terutama menyemarakkan lagi perjuangan menentang penjajah British dan berganding bahu dengan kaum lelaki menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kesemua bangsa tak kira wanita Melayu, Cina India mahupun peribumi Sabah dan Sarawak, masing-masing bergiat secara aktif dalam politik dengan tujuan, cara dan hala tuju perjuangan yang tersendiri. Pada peringkat awal, peranan wanita lebih terbatas di peringkat akar umbi dengan memberi sokongan kepada parti yang dianggotai sebagai pengundi, peraih undi sewaktu pilihan raya dan melakukan kerja-kerja am untuk membantu aktiviti-aktiviti parti.

Kemunculan sayap kiri parti-parti politik dalam negara ini banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Peranan Wanita Melayu UMNO dan wanita Melayu dalam PAS iaitu Dewan Muslimat PAS turut merancakkan lagi perubahan kepada pembangunan dan keutuhan negara. Walau bagaimanapun, senario penyertaan wanita di sektor kerajaan tidak selari dengan penyertaan mereka di dalam pilihan raya, sasaran 30 peratus golongan wanita yang terlibat dalam pemilihan di Dewan Rakyat masih lagi tidak tercapai. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh kesemua parti-parti politik dalam meningkatkan pertambahan bilangan wanita dalam politik. Apa yang paling penting dan tidak dapat dinafikan lagi betapa peranan mereka dalam menentukan kemenangan sesebuah parti politik semakin memberangsangkan terutama ketika pilihan raya dijalankan. Kesedaran berpolitik wanita ini berpunca daripada tahap pendidikan yang semakin baik dan memberi akses kepada percambahan maklumat yang lebih banyak.

Selain itu, kewujudan pertubuhan atau badan bukan kerajaan turut memainkan peranan yang besar dalam memberi kesedaran kepada golongan wanita di samping itu

juga badan-badan ini dapat membantu lebih ramai golongan wanita dan masyarakat luar bandar untuk mengambil bahagian dalam politik semasa. Kemunculan tokoh-tokoh politik wanita sama ada dalam parti kerajaan atau pembangkang menjadikan keghairahan golongan wanita untuk mengambil tahu isu-isu politik turut bertambah. Golongan wanita semakin lantang bersuara dambil bertukar-tukar pendapat mengenai kebudayaan, kemasyarakatan, pelajaran dan ekonomi.

Penyertaan wanita profesional dan berkerjaya bakal mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan dan sumbangan mereka dalam iklim politik negara. Jawatan doktor, ahli ekonomi, peguam dan aktivitis sosial bukanlah penghalang kepada penglibatan wanita yang lebih meluas dalam masyarakat dan negara. Penglibatan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum sekitar tahun 1959 sehingga tahun 1995 memeriahkan lagi suasana politik di Malaysia. Penerimaan masyarakat Malaysia terhadap golongan wanita agak membanggakan apabila jumlah mereka yang berjaya menjadi wakil rakyat menunjukkan peningkatan sehingga 1995 terutama dalam pertandingan merebut kerusi Dewan Undangan Negeri berbanding pada tahun pertama Pilihan Raya Umum dijalankan.

### **BAB 3 : WANITA MELAYU DALAM PARTI POLITIK UMNO, PAS DAN PKR, 1999-2008**

#### **Pengenalan**

Penyertaan Wanita Melayu dalam pilihan raya dari parti-parti politik seperti PKR, PAS dan UMNO memperagakan calon-calon wanita masing-masing menerusi proses pilihan raya. Kebanyakan wanita Melayu yang menjadi calon pilihan raya merupakan wanita yang aktif dalam parti-parti politik masing-masing dan mempunyai jawatan-jawatan yang tertentu dalam parti.

Bab ketiga ini akan memberi penumpuan terhadap penglibatan wanita Melayu dalam tiga parti politik iaitu PKR, PAS dan juga UMNO selepas tahun 1999 hingga 2008. Pelbagai perubahan dan pemilihan anggota baru dalam pimpinan parti-parti terbabit seperti kemunculan sayap baru bagi generasi muda turut dibincangkan sebelum dan selepas PRU 12. Pelbagai program yang dijalankan oleh parti-parti politik merupakan salah satu daya tarikan untuk menarik minat masyarakat terhadap setiap parti yang tersebut. Dalam suasana politik baru di Malaysia ketiga-tiga parti terbabit menunjukkan peningkatan terhadap keterlibatan wanita terutama menjadi calon dalam pilihan raya. Program yang dijalankan oleh parti berkenaan sebagai salah satu usaha memperkenalkan parti masing-masing kepada masyarakat. Justeru itu, masyarakat akan dapat menilai sendiri parti mana yang akan membawa masyarakat ke arah yang lebih maju.

## **Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya di Malaysia**

Apabila menyebut penglibatan atau penyertaan dalam politik selalunya berkaitan dengan pemilihan parti-parti politik yang diminati dan juga penyertaan dalam proses pilihan raya. Dua perkara ini sering kali dibincangkan sehingga ramai dalam kalangan wanita berpendapat penglibatan dalam politik ini bukan sekadar keluar untuk mengundi pada masa pilihan raya diadakan tetapi mereka juga turut sama keluar berkempen untuk calon-calon yang bakal bertanding. Penglibatan wanita semakin meningkat selepas tahun 1999 apabila kemunculan golongan muda yang aktif berpolitik telah menyumbang kepada penubuhan sayap-sayap muda bagi wanita.

Pada permulaan tahun 2006 begitu menyinar buat golongan wanita di pentas politik dunia. Ianya cukup berbeza pada tahun ini apabila dilihat dalam beberapa pilihan raya dunia yang diadakan melibatkan kaum hawa ini, pasti ia memihak kepada beberapa golongan berkenaan atau sekurang-kurangnya menjadi saingan getir buat mereka yang bertanding. Sebagaimana contoh di Jerman, Angela Merkel berjaya mengalahkan Gerhard Schroeder untuk muncul sebagai wanita pertama dalam sejarah Jerman sebagai Canselor. Begitu juga di Chile apabila akhirnya kemenangan menjadi milik ibu tunggal kepada tiga anak, Michelle Bachelet untuk membolehkannya menjadi wanita pertama menjadi Presiden. Ellen Johnson Sirleaf pula mengalahkan bukan calang-calang saingan iaitu ikon bola sepak Liberia untuk menjadikan tahun 2006 ini penuh bermakna apabila berjaya menjadi kaum wanita pertama di Afrika menjadi Presiden. Di Finland pula, Tarja Halonen menang pusingan pertama dalam pilihan raya Presiden pada 17 Januari 2006. Menurut pakar pilihan raya, Mohamad Agus Mohd Yusoff mengatakan tiada sebab-sebab tertentu para pengundi cenderung memilih gender dalam membuat keputusan mewakili mereka.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Wawancara wartawan Utusan Azlinariah Abdullah dengan Mohamad Agus Mohd Yusoff, Pensyarah di Jabatan Pengajian Politik dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut beliau 'Persoalan siapa yang menerajui tampuk pemerintahan penting bagi para pengundi. Siapa bagi mereka itu tidak terbatas jika wanita atau lelaki. Lebih daripada itu mereka mengharapkan pemimpin yang dipilih benar-benar boleh membawa mereka keluar dari kemelut yang sedia ada atau mereka menderita sekian lama.

Kebanyakan wanita masa kini turut bergiat dalam aktiviti ekonomi di samping tugas tradisi sebagai isteri dan ibu. Tidak ramai wanita yang dapat membahagikan masa mereka dalam tiga bidang serentak iaitu rumah tangga, kerjaya dan politik. Penyertaan dalam politik memerlukan kerajinan, kecekalan dan yang paling penting ialah persefahaman, pengorbanan dan sokongan keluarga terutama suami dan ibu bapa. Oleh itu, sekiranya berlaku sesuatu konflik kebanyakan wanita lebih mengutamakan keluarga masing-masing. Keadaan ini turut diakui oleh David Kloos,<sup>2</sup> Nafisah Tahir<sup>3</sup> dan Khairiah Mohamad<sup>4</sup> yang mengatakan kepentingan persefahaman antara anggota keluarga bagi wanita yang aktif berpolitik terutama suami. Perkara ini bertepatan pula dengan bahagian Pembangunan Keluarga dalam Rancangan Malaysia keenam (1991-1995) yang menekankan pentingnya wanita menyediakan persekitaran keluarga yang kondusif dan harmoni di samping bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi.<sup>5</sup> Penyertaan wanita dalam pembuat keputusan di sektor awam telah bertambah baik. Keahlian wanita di Dewan Negara telah meningkat daripada 18.2 peratus pada tahun 1990 kepada 28.8 peratus pada tahun 2008 dan wanita sebagai ahli Dewan Rakyat meningkat daripada 5.3 peratus kepada 10.4 peratus dalam tempoh yang sama.<sup>6</sup> Antara agenda utama dalam tempoh rancangan adalah untuk memperkasakan wanita. Kerajaan akan meningkatkan usaha menangani isu yang berkaitan dengan wanita untuk

---

Dalam perkataan mudah, mana-mana calon berkempen dan memperjuangkan kepentingan 'perut' rakyat mereka pasti akan dipilih. Ambil saja contoh Bechelet yang sebelum ini berkempen atas dasar menjaga ekonomi Chile dan begitu lantang mengkritik mengenai keganasan, maka beliau mendapat perhatian. Sirleaf pula lebih popular berbanding bintang bola sepak (yang pastinya ramai peminat), George Weah, oleh kerana dasar serta ikrarnya untuk menyatukan negara Liberia yang bergolak dan huru-hara akibat perang saudara. Ini yang menggamit pengundi untuk memilihnya. Tidak kira janji itu dikotakan atau sebaliknya selepas pilihan raya, yang penting ikrar itu menjadi senjata beliau mengalahkan saingan". Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Atory, Pensyarah Sains Politik di Universiti Utara Malaysia di mana beliau berkata "yang penting calon-calon itu bijak memancing hati pengundi. Tambah beliau 'saya percaya bahawa aliran ini akan berterusan. Di peringkat dunia, masih ada lagi beberapa pilihan raya yang akan berlangsung dan ada penglibatan wanita berentap dengan lelaki." Beliau juga meramalkan bahawa lebih ramai wanita 'terilham daripada perkembangan terbaru pada 2006 ini yang memihak kepada golongan berkenaan. Hakikatnya tanpa mengira gender, siapa yang lebih bijak ia akan mendapat tempat. Lihat *Utusan Malaysia*, 18 Januari 2006.

<sup>2</sup> Temubual dengan David Kloos di Kantin Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2017. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah dan Antropologi serta Penyelidik dari KITLV/ Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies, Leiden, Armsterdam. Beliau membuat penyelidikan tentang 'Female Islamic Leadership and Visual Rhetoric in Southeast Asia'. Beliau membuat penyelidikan di Malaysia selama setahun bermula bulan September 2016 sehingga sekarang.

<sup>3</sup> Temubual dengan Ustazah Nafisah Tahir Ketua Lujnah Tarbiyyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Gombak di Pasti Al Badar Gombak pada 12 Jun 2014.

<sup>4</sup> Temuramah dengan Yang Berhormat Senator Khairiah Mohamad pada jam 10 malam, 24 Jun 2014 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

<sup>5</sup> *Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Keenam*, 1991, hlm 424. Samsudin Hitam, 'Perancangan dan Peranan Wanita di dalam Pembangunan' kertas kerja Seminar Ke Arah Pelaksanaan Dasar Wanita Negara, di Hotel Continental Kuala Lumpur, 15 Januari 1990.

<sup>6</sup> *Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kesepuluh*, Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Perdana Menteri 2010, hlm. 181.

merealisasikan potensi sepenuhnya dan terlibat dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara secara lebih berkesan. Di samping itu, kerajaan bukan sahaja akan menggalakkan penglibatan wanita dalam pasaran tenaga kerja malahan meningkatkan kualiti dengan menambah bilangan wanita dalam pembuat keputusan. Oleh itu, adalah penting untuk wanita diberi peluang, persekitaran dan minda yang sewajarnya bagi membolehkan mereka menyertai dan menyumbang dalam pelbagai bidang pembangunan negara. Dasar Wanita Negara terkandung segala usaha kerajaan dalam membuka peluang kepada wanita di negara ini.<sup>7</sup> Fuziah Salleh dari Parti Keadilan Rakyat juga mengharapkan agar Dasar Wanita ini dapat terus diimplimentasikan dengan melengkapkan dan mengemaskini pelan-pelan tindakan bagi membuktikan keazaman dan kesediaan Kerajaan Malaysia menjadikan segala dasar dan perancangan itu suatu realiti.<sup>8</sup> Agenda yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Mavis Puthuchery iaitu:

*But the kinds of policies which are seen as necessary to improve women's status in society depend on how policy makers and women leaders perceive women's role in society.*<sup>9</sup>

Namun, ada segelintir dalam kalangan wanita tidak memahami perjalanan dunia dalam politik dan sistem pentadbiran negara ini.<sup>10</sup> Secara tidak langsung, mereka tidak menyedari dan tidak peka bahawa kedudukan dan martabat wanita bergantung kepada pemimpin-pemimpin wanita yang memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan dan pembuat sesuatu dasar. Kesukaran untuk mendapatkan kepercayaan dan sokongan

---

<sup>7</sup> *Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kesepuluh*, hlm. 182. Dasar Wanita Negara mulai diperkenalkan dan digubal pada tahun 1989. Dasar Wanita Negara juga mengambil kira isu, peluang, cabaran dan persekitaran masa kini dan yang akan datang. Berteraskan Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara, dasar ini mendukung cita-cita untuk ketaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari. Dasar ini berhasrat untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri dengan melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni. Dasar Wanita Negara merupakan dasar pembangunan sosio-ekonomi yang merangkumi falsafah, inspirasi dan aspirasi wanita daripada pelbagai peringkat, umur, lapisan masyarakat dan semua sektor. Pelaksanaan dasar ini menjadi agenda utama kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang maju, dinamik dan berdaya saing serta penyayang, adil dan saksama. Lihat [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR\\_WANITA\\_NEGARA.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR_WANITA_NEGARA.pdf) diakses pada 26 November 2015.

<sup>8</sup> *Suara Keadilan*, 8 Mac 2011.

<sup>9</sup> Mavis Puthuchery, 'Government Policies and Perceptions of Policy Makers and Women Leaders on the Status and Role of Women in Society', laporan penyelidikan No. 2, Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, 1991, hlm. 1. Rujuk Mavis Puthuchery and Noraini Othman (editor), *Election and Democracy in Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, 2005.

<sup>10</sup> Istilah yang digunakan untuk rakyat yang tidak mempunyai pengetahuan politik *parochial*. Sila rujuk Gabriel A. Almond dan Sidney Verba, *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*, New Jersey: Princeton University Press, 1963.

juga menyebabkan wanita tidak dapat menjadi pucuk pimpinan tertinggi. Menurut Khalijah Md. Khalid<sup>11</sup> yang merupakan seorang bekas senator wanita pernah menyuarakan terdapat ahli wanita UMNO yang menepati ciri-ciri kepimpinan, berwibawa dan berkebolehan tidak berjaya menjadi calon ketua bahagian UMNO kerana tidak disokong oleh ahli-ahli wanita yang lain. Manakala ahli-ahli lelaki juga pasti tidak akan mengundi calon wanita tersebut kerana sifat ‘patriarchal’ yang masih ada dalam masyarakat Melayu iaitu mengutamakan golongan lelaki berbanding wanita.<sup>12</sup>

Kewujudan kronisme juga turut berlaku dalam kalangan perwakilan untuk menentukan kepimpinan tertinggi. Kebanyakan wanita lebih rela mengundi calon lelaki yang merupakan teman rapat suami mereka atau saudara kepada pemimpin lelaki yang memegang jawatan dalam parti. Isu dan perkara ini tentunya telah menyebabkan segelintir wanita kurang berminat untuk menyertai dan menceburi bidang yang berkaitan dengan politik terutamanya wanita profesional dan terpelajar yang mahir dengan keadaan dan selok belok politik.<sup>13</sup> Kebanyakan kepimpinan tertinggi parti merupakan mereka yang telah berjaya menjadi wakil rakyat Dewan Undangan Negeri dan juga ahli Parlimen.

Namun begitu, kronisme sudah pasti ada di mana-mana apa yang penting di sini ialah melihat kepada calon berkenaan sama ada layak atau tidak layak menjadi seorang pemimpin yang berwibawa. Pemilihan juga perlu berdasarkan perbincangan dan dipertimbangkan sebaik-baiknya oleh ketua sesuatu organisasi. Perkara yang cukup penting juga ialah calon itu berketerampilan dan mesra dalam hubungan sosial yang terkawal, mampu melaksanakan tanggungjawab serta bebanan tugas yang bakal dipikul

---

<sup>11</sup> Khadijah Md. Khalid, *Continuity and Change in Women's Political Participation in West Malaysia*, Kertas kerja dalam Bengkel Wanita Malaysia: Sepanjang dua Dekad Pembangunan, HAWA, 5-6 Mei, 1994, hlm. 37.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Rohani Binti Nordin, ‘Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dalam Pembangunan’, Disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, sesi 1998/1999, hlm. 51.



dan berpotensi memberi idea yang baik dan bernas bagi memenuhi kepentingan organisasi bukan kepentingan individu. Apa yang pasti kita tidak mahu amalan kronisme ini bercanggah dengan prinsip dan kepentingan organisasi apabila berlaku pemilihan yang berdasarkan 'skema' yang ditentukan oleh pihak atasan dan tidak mengambil kira dan peduli serta membelakangkan orang lain yang lebih berkelayakan dan banyak berjaya kepada organisasi berkenaan. Pemilihan yang sebegini menunjukkan pihak yang mengetuai sesuatu organisasi tidak amanah dan telus, walaupun konsep ketelusan dan integriti itu yang sering diwar-warkan. Sekiranya ini berlaku, maka akan rosak dan porak-perandalah organisasi kerana dipimpin oleh mereka yang tidak layak.<sup>14</sup> Namun, pemilihan kepimpinan dalam parti-parti politik di negara ini berdasarkan keupayaan mereka menjalankan tanggungjawab. Bukti ini dapat dilihat apabila kemampuan wanita menjadi wakil rakyat dan seterusnya menjadi pemimpin tertinggi kepada parti politik beberapa penggal berturut-turut. Sebagai contoh, Shahrizat Abdul Jalil pernah menjadi seorang ahli Parlimen dan menjadi Ketua Wanita UMNO dalam satu masa. Begitu juga Wan Azizah Wan Ismail merupakan ahli Parlimen Permatang Pauh dan menjadi Ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada masa yang sama. Manakala Siti Zailah Mohd Yusoff juga merupakan ahli Parlimen Rantau Panjang dan pernah menjawat sebagai Ketua Muslimat PAS Pusat.

Perubahan telah berlaku di dalam pentadbiran negara, di mana Perdana Menteri membuat pengumuman yang cukup penting pada 24 Ogos 2004 iaitu mengenai dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam. Ekoran daripada itu pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk memastikan penglibatan wanita yang aktif dalam proses membuat keputusan. Pelaksanaan dasar ini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Beberapa jawatan tinggi dan penting sebelum ini tidak pernah disandang oleh wanita telah mula

---

<sup>14</sup> *Utusan Malaysia*, 10 Ogos 2008.

disandang oleh wanita. Antaranya ialah jawatan seperti Naib Canselor Universiti-universiti Awam, Hakim, pegawai daerah dan pegawai tinggi polis serta tentera. Berikutan keputusan ini, jawatan utama sektor awam (JUSA) yang disandang oleh wanita meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 25.8 peratus pada tahun 2007; duta besar daripada 10 peratus pada tahun 2006 kepada 15.6 peratus pada tahun 2007; pesuruhjaya tinggi daripada 4.3 peratus pada tahun 2006 kepada 40.0 peratus pada tahun 2007. Di samping sektor awam, penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat juga mula menampakkan kemajuan di mana bilangan wanita yang memegang jawatan penting seperti Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan meningkat daripada 13.5 peratus pada tahun 2004 kepada 24.0 peratus pada tahun 2007 iaitu dalam tempoh yang sama.<sup>15</sup>

Penglibatan wanita sebagai Ahli Majlis Pihak berkuasa Tempatan semakin bertambah dan meningkat iaitu daripada 10.4 peratus kepada 12.4 peratus. Selain itu, perkembangan yang cukup memberangsangkan dan positif juga dapat dilihat dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada tahun 2008 di mana bilangan Ahli Parlimen wanita telah meningkat kepada 10.4 peratus berbanding 9.6 peratus pada Pilihan Raya Umum ke-11 pada tahun 2004. Bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita juga telah meningkat daripada 6.9 peratus kepada 8.0 peratus. Walaupun terdapat peningkatan penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan, sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus masih belum tercapai. Di samping itu, terdapat halangan yang menyekat penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan. Namun begitu, perubahan yang meningkat ini amat memberi kesan kepada masyarakat yang sebelum ini masih terikat dengan budaya dan tradisi lama yang meminggirkan wanita. Melalui Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (Sektor: Wanita di Peringkat Pembuatan Keputusan dan Politik) menggariskan dua objektif penting iaitu:

---

<sup>15</sup> *Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)*, Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2010, hlm. 181-182.

1. Mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan di semua peringkat dalam semua sektor.
2. Meningkatkan jumlah wanita sebagai pembuat keputusan kepada sekurang-kurangnya 30 peratus di semua peringkat dalam bidang politik.<sup>16</sup>

Ekoran dari pelaksanaan yang dibuat oleh kerajaan telah menyebabkan semua pihak memainkan peranan-peranan masing bagi memenuhi objektif yang digariskan oleh kerajaan sama ada badan bukan kerajaan dan parti-parti politik. Di Malaysia, penyertaan wanita di sektor kerajaan dilihat tidak selari dengan penyertaan mereka di dalam pilihan raya sebagai calon wakil rakyat. Walaupun tidak ramai golongan wanita yang terlibat dalam pemilihan di Dewan Rakyat iaitu di bawah 10 peratus, tetapi peranan mereka menentukan kemenangan sesebuah parti politik semakin memberangsangkan. Kesedaran berpolitik wanita ini dikatakan berpunca daripada tahap pendidikan yang semakin baik dan memberi akses kepada percambahan maklumat yang lebih banyak. Selain itu, kewujudan pertubuhan bukan kerajaan yang berperanan memberi kesedaran ke atas hak-hak wanita telah membantu lebih ramai golongan profesional wanita dan masyarakat luar bandar untuk mengambil bahagian dalam politik semasa. Kemunculan tokoh-tokoh politik wanita sama ada dalam parti kerajaan atau pembangkang menjadi kehairahan golongan wanita untuk mengambil tahu isu-isu politik.<sup>17</sup> Keadaan ini turut diakui oleh Zaleha Ismail yang mengatakan wanita sentiasa melakukan kerja sepenuh hati apabila diamanahkan dan jarang sekali terlibat dalam gejala rasuah. Menurut kenyataan beliau:

Saya menyokong penuh gesaan Ketua Wanita UMNO, Shahrizat Abdul Jalil yang mahu parti-parti politik di negara ini ditunjangi wanita dalam menghayati polisi kerajaan Barisan Nasional (BN). Pengalaman saya selama 40 tahun dalam politik wanita berpotensi menjadi pemimpin yang

---

<sup>16</sup> *Utusan Malaysia*, 26 Ogos 2009, rujuk *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2009, hlm. 184-194.

<sup>17</sup> <http://jejarikami.blogspot.com/2012/02/kuasa-wanita-dala-politik.html> diakses pada 1 September 2013.

baik kerana memiliki kesungguhan, penyabar dan cekal menghadapi cabaran.<sup>18</sup>

Kewujudan Pertubuhan Bukan Kerajaan atau *Non Government Organization* (NGO) juga memainkan peranan yang penting kepada kaum wanita untuk memberi kesedaran ke atas hak-hak wanita terutama golongan profesional dan masyarakat luar bandar untuk mengambil bahagian dalam politik semasa.<sup>19</sup> Kemunculan tokoh-tokoh wanita sama ada dalam parti kerajaan mahupun pembangkang menjadikan kaum wanita teruja untuk mengambil berat tentang isu-isu yang berkaitan dengan politik. Sebagai contoh ketokohan Rafidah Aziz dari kerajaan dan kehebatan Wan Azizah Wan Ismail dari parti pembangkang. Menurut Nuridah Salleh, katanya:

Wanita Melayu semakin sedar tentang hak mereka dalam masyarakat dan hak mereka untuk terlibat dalam aktiviti politik ekoran kemunculan internet dan peranan NGO untuk memberi penerangan kepada wanita tentang kepentingan mengetahui hak-hak wanita di negara ini.<sup>20</sup>

Kehidupan berpolitik penuh dengan pelbagai cabaran seperti menjadi calon pilihan raya dan merebut kuasa agak tidak bersesuaian dengan sifat semula jadi wanita yang lemah lembut dan bersopan santun. Situasi ini berlaku pada peringkat permulaan penyertaan wanita dalam politik di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Hanya mereka yang benar-benar berkemampuan boleh menyertai gelanggang politik tanah air. Oleh itu wanita yang menyertai politik telah menghadkan aktiviti mereka dalam '*traditional stereotype of femininity*' seperti memperjuangkan nasib wanita. Mereka masih

---

<sup>18</sup> Temuramah wartawan Utusan Malaysia dengan Zaleha Ismail pada 13 Oktober 2009 dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 13 Oktober 2009.

<sup>19</sup> Terdapat 26 senarai Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat iaitu Yayasan Salam Malaysia, Yayasan Pendidikan dan Vokasional Wanita Malaysia (YPVWM), *Sisters in Islam*, Persatuan Wanita Bumiputra Dalam Perniagaan Profesion Malaysia (PENIAGAWATI), Persatuan Usahawan Wawasan Wanita Malaysia (WAWASANITA), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI), Pertubuhan Jemaah Islam Malaysia (JIM), Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Persatuan Jaringan Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia (WENA), *Malaysian Chinese Muslim Association* (MACMA), *National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia* (NAWEM), *Islamic Da'wah Foundation Malaysia*, *National Council of Welfare and Social Development Malaysia* (MAKPEM), *National Council of Women Organization* (NCWO), Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM), Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Gerakan Belia 4B Malaysia, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, *Malaysia Islamic Business Council* (DPIM), Dewan Usahawan Industri Desa Malaysia (DUID), *All Women's Action Society* (AWAM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), HALUAN, Ikatan Siswazah Muslim Malaysia dan Pertubuhan Pertolongan Wanita. Lihat <http://www.kpwkm.gov.my/senada/senarai-ngo> diakses pada 2 November 2015 dan <http://zahirzainudin.blogspot.my/2008/04/peranan-wanita-dalam-kerajaan-dan.html> diakses pada 2 November 2015.

<sup>20</sup> Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang, 15 Oktober 2015.

terpengaruh dengan peranan sebagai isteri dan ibu di rumah sehingga sumbangan mereka dalam pilihan raya sering dianggap sebagai sambungan kepada peranan tersebut.<sup>21</sup> Sebagai contoh yang wanita yang cukup berpengaruh dan berkaliber sebelum merdeka dan selepas merdeka iaitu Khadijah Sidek yang memperjuangkan hak dan kepentingan wanita ketika beliau berada dalam parti-parti politik seperti UMNO dan PAS. Walaupun beliau dianggap tidak konsisten kerana melompat parti tetapi jasa dan sumbangan beliau cukup bermakna kepada masyarakat terutama kepada golongan wanita di mana wanita semakin celik politik dengan penambahan jumlah ahli dalam parti seperti UMNO dan PAS. Kesedaran yang timbul dalam kalangan wanita menolak pandangan segelintir masyarakat yang mengatakan wanita tidak berani melibatkan diri dalam politik.

Seterusnya golongan wanita muda yang berminat dengan politik digerakkan secara teratur oleh kebanyakan parti politik. UMNO dengan Puteri UMNO yang mensasarkan golongan wanita Melayu di bawah 40 tahun sebagai ahli manakala PAS menubuhkan An Nisa' sebagai strategi jangka panjang menarik golongan wanita muda yang mempunyai aspirasi Islam. Dalam tempoh di antara tahun 1999 sehingga 2008 peningkatan wanita dalam semua sektor begitu memberangsangkan termasuklah penglibatan mereka dalam proses-proses pilihan raya seperti menjadi pengundi dan calon. Pelbagai program yang dijalankan oleh wanita Melayu melalui parti politik seperti UMNO, PAS dan PKR turut membuka ruang dan peluang kepada masyarakat untuk membuat penilaian yang sewajarnya.

## **Wanita Melayu dalam Parti UMNO**

---

<sup>21</sup> Rohani Binti Nordin, 'Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dalam Pembangunan', Disertasi Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Sesi 1998/1999, hlm. 49.

Seperti yang dibincangkan dalam kajian ini, Wanita UMNO sebelum ini dikenali sebagai Kaum Ibu UMNO merupakan komponen penting dalam UMNO. Diibaratkan UMNO sebagai burung, maka Wanita UMNO dianggap sebagai sayap kiri, manakala Pemuda UMNO sebagai sayap kanannya. Setakat ini, tidak seorang pun Presiden UMNO sejak Onn bin Jaafar sehinggalah Najib Tun Abdul Razak menafikan betapa pentingnya sayap kiri itu kepada UMNO, terutama menjelang pilihan raya. Wanita UMNO adalah jentera yang dikerah untuk memancing undi. Tanpa jentera, kerja yang dilaksanakan tidak akan sempurna. Wanita UMNO mempunyai barisan kepimpinannya yang tersendiri. Pada zaman awal UMNO ditubuhkan, kaum ibu yang menganggotai pergerakan tersebut sukar memilih pemimpin atasan. Masing-masing tidak mahu memikul tanggungjawab yang besar lagi berat itu. Terdapat pelbagai persoalan timbul mengenai penolakan tersebut berlaku kerana pemimpin peringkat awal dahulu berjuang semata-mata kerana bangsa, agama dan nusa, jujur, ikhlas dan tidak mengharapkan sebarang balasan.

Sejak era Ibu Azizah Jaafar, kemudian Puan Seri Puteh Mariah hingga Ibu Zain, kisah tolak menolak tidak menjadi pemimpin tertinggi hanya kisah biasa.<sup>22</sup> Selepas itu, Khadijah Sidek menggantikan Ibu Zain. Khadijah tidak lama memegang jawatan kerana menghadapi tindakan tatatertib parti. Selepas Khadijah Sidek,<sup>23</sup> Fatimah Hashim<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup> Zaharah Nawawi, 'Wanita UMNO Sekadar Menjadi Jentera?' dalam *Dewan Budaya*, Januari 2000, hlm. 16.

<sup>23</sup> Khadijah Sidek dilahirkan pada 13 November 1918 di daerah Pariaman, Sumatera Barat. Bapanya Mohd Sidek Haji Ismail dan ibunya Sariah Mohamed Salleh berketurunan Minangkabau. Beliau menubuhkan Himpunan Wanita Indonesia Malaya (HIMWIM) pada Disember 1947. Beliau telah menetap di Muar dan berpindah ke Johor Bahru. Di sini beliau telah dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu Persatuan Melayu Semenanjung (PERMAS). Beliau telah mengambil keputusan untuk keluar dari persatuan itu kerana persatuan itu menghadapi masalah kewangan. Kemudian beliau telah dipelawa oleh Ibu Hajah Zain menganggotai UMNO. Namun, sikapnya yang agresif telah menimbulkan kontroversi. Akhirnya pada 10 November 1956 pula, beliau dilucutkan jawatan sebagai Ketua Kaum Ibu oleh Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO atas beberapa alasan antaranya melanggar peraturan parti. Suami beliau meninggal dunia pada Mei 1956. Seterusnya pada 10 Oktober 1958, Burhanuddin (Dr.) mempelawa beliau menyertai PAS. Beliau telah kembali ke pangkuan UMNO melalui cawangan Kampung Majidee Baru (Johor) pada tahun 1971 di bawah kepimpinan Fatimah Hashim sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO. Pada tahun 1974, beliau dilantik sebagai Naib Ketua Wanita UMNO cawangan Selayang Baru. Beliau meninggal dunia pada tahun 1982. Untuk keterangan lebih lanjut sila lihat Abdullah Zakariya Ghazali dan Adnan Haji Nawang (editor), *Biografi Politik Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997, hlm. 61, Wazir Jan Karim 'Malay Women's Movement: Leadership and Processes of Changes' dalam *International Social Science Journal*, Jil.34, No. 4, 1983, hlm. 1, SP 53-Surat-surat Persendirian Ibu Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. Manderson, Lenore, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, Shamsudin Jaapar (editor), hlm. 169 dan 173. Rujuk 'The Kaum Ibu Movement, Its History and Achievement', Kertas Kerja UMNO, 1991, hlm. 1-3. Sidek Jamil, *Transkripsi Dokumentasi Ibu Khadijah Sidek*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Oktober 1976. Rujuk S.H. Alattas, *Bahtera Lama Nakhoda Baru*, Johor: Al-Nujum Enterprise, 1979, hlm. 51. Rujuk *Utusan Melayu*, 6 Oktober 1959. Wan Hashim Wan Teh, *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995, hlm. 28.

<sup>24</sup> Fatimah Hashim dilahirkan pada 25 Disember 1924 di Parit Keroma, Muar Johor. Fatimah menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Lelaki Parti Keroma, Muar kerana ketika itu belum wujud sekolah untuk murid perempuan. Fatimah memulakan kerjaya politiknya dengan menyertai UMNO ketika berusia 21 tahun pada tahun 1947. Beliau merupakan Menteri Kebajikan Malaysia

dilantik oleh UMNO untuk memimpin Pergerakan sayap kirinya itu. Fatimah banyak membawa pembaharuan di mana titik peluh wanita membantu parti mencapai kemenangan dalam pilihan raya mulai dihargai. Fatimah dilantik menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat. Bermula dari situ jawatan berkenaan mulai menjadi perhatian, idaman dan rebutan pemimpin bawahan yang selama ini tidak menonjolkan diri. Fatimah banyak mengukir sejarah tersendiri. Beliau merupakan Menteri wanita Malaysia yang pertama dan turut menjadi pemimpin wanita UMNO pertama yang dicabar jawatan ketuanya oleh Aishah Ghani.<sup>25</sup> Beliau telah meletak jawatan sebagai Menteri Kebajikan Am dan Ketua Wanita UMNO. Kedua-dua jawatan itu berjaya dipegang oleh Aishah. Kerjayanya juga tidak panjang apabila kedengaran ura-ura bahawa dia akan dicabar oleh Zaleha Ismail dalam pemilihan pucuk pimpinan. Pada saat akhir pencalonan beliau bertindak mengundurkan diri sebagaimana yang dilakukan oleh Fatimah sebelum ini. Walau bagaimanapun, Aishah tidak melepaskan jawatan sebagai Menteri sehingga pilihan raya yang berikutnya apabila beliau tidak terpilih dalam barisan peneraju negara.<sup>26</sup>

Menyusuri pertandingan untuk jawatan Ketua Wanita UMNO bagi UMNO (baru) selepas UMNO di 'mati'kan dari segi teknikal berikutan perebutan jawatan Presiden parti antara Mahathir Mohamad dan Tunku Razaleigh Hamzah dahulu, jawatan Ketua Wanita UMNO Malaysia terus diungguli oleh Rafidah Aziz buat sekian lamanya. Beliau merupakan cendekiawan yang dibawa masuk oleh Fatimah sebagai pemimpin pelapis, tanpa perlu menjadi pemimpin peringkat akar umbi, seperti ketua

---

antara 20 Mei 1969 hingga 28 Februari 1973 serta wanita pertama Malaysia dilantik sebagai Menteri Kabinet. Beliau juga aktif dalam pergerakan sosial, terutamanya dalam pertubuhan wanita. Beliau yang memulakan perayaan Hari Wanita pada 25 Ogos. Selepas pelancaran Hari Wanita, Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (National Council of Women Organisations(NCWO)) ditubuhkan.. Lihat *Utusan Malaysia*, 2 Ogos 2007.

<sup>25</sup> Aishah Ghani dilahirkan pada 5 Jun 1924 di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat, Selangor dan menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Raya, Cheras, Selangor. Beliau melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Diniyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia dari 1936 hingga 1939 dan memasuki Maktab Perguruan Tinggi Islam di Padang, juga di Sumatera Barat antara tahun 1940 hingga 1943. Beliau melanjutkan pelajaran dalam jurusan kewartawanan di *Regent Street Polytechnic* di London bermula tahun 1955 hingga 1958 sebelum kembali ke tanah air pada tahun 1959 untuk memulakan tugas sebagai wartawan di Berita Harian dan penyunting di Kumpulan Akhbar *New Straits Times*. Untuk penjelasan lebih lanjut sila rujuk Arba'iyah Mohd Noor, 'Aishah Abdul Ghani, Tan Sri', dalam Mardiana Nordin (editor.), *Tokoh Wanita Selangor, Sejarah dan Sumbangan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2009, hlm. 9-32. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 20 April 2013.

<sup>26</sup> Wan Hashim Wan Teh, *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, hlm. 16-17.

cawangan dan bahagian untuk naik ke atas. Tradisi mencabar pemimpin dan perebutan untuk jawatan Ketua Wanita UMNO terus hidup sejak dimulakan oleh Aishah Ghani. Pada tahun 1996 menyaksikan Siti Zaharah Sulaiman berjaya mengalahkan Rafidah Aziz dengan kelebihan 27 undi sahaja. Ini merupakan kes pertama Timbalan lawan Ketua Wanita UMNO dalam perebutan jawatan tertinggi tersebut. Rafidah didakwa tidak mengambil berat urusan parti dan sering tiada masa menjenguk mesyuarat atas alasan keluar negara, ada ahli yang menyifatkan mereka sebagai anak kehilangan ibu apabila Rafidah tidak menunaikan tugasnya sebagai Ketua Wanita. Beliau juga dikatakan sukar didekati dan sifatnya yang ‘lepas tangan’ menyebabkan beliau kehilangan undi. Aishah Ghani pula menyifatkan kemenangan itu sebagai melengkapinya Teori 12 Tahun yang telah lama wujud dalam pergerakan sayap kiri UMNO itu. Menurut Aishah, tidak ada Ketua Wanita yang memerintah lebih 12 tahun.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun, Siti Zaharah tidak mampu untuk bertahan setelah Rafidah Aziz merampas semua jawatan itu empat tahun kemudiannya dengan kelebihan 12 undi sahaja selepas 1999. Ini telah tercatat sebagai perebutan jawatan Ketua Wanita UMNO Malaysia yang paling sengit pernah dihadapi oleh Wanita UMNO. Selama Rafidah menerajui Wanita UMNO Malaysia, beliau seolah-olah tidak meninggalkan bakal penggantinya dengan satu plan transformasi yang licin. Beliau kelihatan seolah-olah ingin terus menerajui Wanita UMNO Malaysia walaupun sokongan terhadapnya semakin menurun.<sup>28</sup>

Ketika pemilihan parti UMNO pada tahun 2004 pula, calon-calon Exco Pergerakan Wanita UMNO turut mengalami kekalahan pada pemilihan tahun tersebut. Namun, mereka menerima kekalahan tersebut dengan hati terbuka selain menghormati pilihan perwakilan yang inginkan perubahan. Mereka juga berikrar akan meneruskan perjuangan walaupun tidak lagi menyertai senarai Exco Pergerakan Wanita UMNO

---

<sup>27</sup> Norizam Muslim, ‘Wanita UMNO Semakin Agresif’, *Dewan Masyarakat*, November 1996, hlm. 11.

<sup>28</sup> *Utusan Malaysia*, 29 Mac 2009.



untuk tahun 2004/2007. Antara yang menyuarakan pandangan dan terkejut dengan keputusan diluar jangkaan ialah Maznah Abdul Hamid. Beliau turut akur dengan pilihan yang dibuat oleh perwakilan bagi mengenal pasti faktor yang membawa kepada kekalahan yang mengejutkan itu. Katanya:

Saya mungkin berjaya di bidang lain seperti ekonomi dan perniagaan. Tetapi itu bukan faktor yang akan membantu saya dalam bidang politik. Mungkin juga saya tidak dilahirkan untuk berpolitik.<sup>29</sup>

Antara calon yang tewas ialah Ilani Isahak, Saripah Aminahbi Syed Mohamad dan Hazizah Mohd Sultan. Masing-masing terkejut dan juga kecewa dengan kekalahan pada kali itu. Namun begitu, bagi Hazizah yang tidak pernah mengalami kekalahan pada setiap kali pemilihan turut akur dan akan meneruskan agenda perjuangannya mengenai isu-isu yang melibatkan kaum wanita di Melaka.<sup>30</sup>

Ringkasan mengenai keadaan pemilihan dan pertandingan dalam kalangan pucuk pimpinan tertinggi di atas menunjukkan perubahan sikap ahli dan para perwakilan dalam merealisasikan impian dan hasrat wanita terhadap pembangunan negara. Sebenarnya wanita UMNO banyak mempunyai ahli yang berkelayakan dengan profesion seperti peguam, doktor, jurutera akauntan dan pensyarah. Cuma mereka tidak disenaraikan sebagai calon pilihan raya. Namun, bila diteliti dengan latar belakang calon yang berjaya dalam Pilihan Raya Umum, mereka merupakan calon yang berkelayakan dan mempunyai pendidikan yang baik. Mereka yang berjaya menjadi ahli tertinggi UMNO juga dilihat berjaya menjadi calon dalam pilihan raya. Di sini jelas menunjukkan kewibawaan mereka memimpin parti telah mempengaruhi kejayaan

---

<sup>29</sup> Temuramah wartawan Utusan Malaysia bersama Maznah Abdul Hamid dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 22 September 2004.

<sup>30</sup> Berlaku ketidakpuasan hati dalam kalangan Wanita UMNO Malaysia sendiri. Shahrizat Abdul Jalil walaupun kalah dalam PRU 2008, muncul dan menawarkan diri untuk bertanding untuk melawan Ketua Wanita UMNO iaitu Rafidah Aziz. Shahrizat merupakan Timbalan Wanita UMNO pada masa tersebut. Beliau berjaya mengalahkan Rafidah pada pemilihan tahun 2009 dengan memperolehi 507 undi berbanding 280 yang diperolehi oleh Rafidah. Di sini jelas menunjukkan sokongan terhadap Shahrizat cukup ketara dengan perbandingan jumlah undi yang diperolehi oleh mereka berdua. Ketika pengumuman dibuat, Rafidah telah memencilkan diri berkemungkinan kecewa dengan dengan keadaan yang berlaku terhadapnya. Namun Rafidah mencatat sejarah sebagai Ketua Wanita UMNO paling lama mengekalkan kedudukan di kerusi nombor satu. Beliau memimpin Pergerakan Wanita UMNO mulai tahun 1984 hingga 1996. Lihat *Utusan Malaysia*, 22 September 2004.

dalam Pilihan Raya Umum. Ucapan dasar Rafidah Aziz ketika Perhimpunan Agung Pergerakan UMNO Malaysia kali yang ke-55, katanya:

Sebagai tulang belakang parti dan jentera di peringkat akar umbi yang menjadi parti tunjang kerajaan, Pergerakan Wanita UMNO sendiri mesti membuat kajian terperinci tentang struktur, perancang dan strategi, halatuju serta kemampuannya. Jika ianya hendak dipastikan terus berupaya menangani dan mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh UMNO dan kerajaan BN sekarang dan di masa akan datang. Pemilihan kepimpinan Pergerakan wanita UMNO di peringkat cawangan dan Bahagian telah pun selesai. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang telah berjaya, sama ada dalam mengekalkan jawatan masing-masing ataupun kalah dalam pertandingan. Perlu diingatkan bahawa jawatan yang disandang merupakan tanggungjawab dan pegangan amanah serta menjadi harapan kepada UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO untuk semua pemimpin bersama-sama membawa ahli-ahli dan masyarakat ke tahap yang lebih tinggi sama ada dalam kemajuan dan semua aspek kehidupam. Yang penting ialah di semua peringkat parti, pemimpin-pemimpin bekerja sebagai pasukan-pasukan yang teguh, saling memperkukuh dan sehaluan.<sup>31</sup>

Apa yang diperkatakan oleh Rafidah Aziz mengenai kepentingan semua peringkat parti dan pemimpin untuk bekerjasama untuk mencapai matlamat parti. Kewibawaan yang ada pada setiap pemimpin yang terpilih merupakan kekuatan parti. Beliau juga memberi peringatan tentang amanah dan tanggungjawab yang terpikul. Kebiasaannya mereka yang berjaya dalam pemilihan kepimpinan ini seterusnya akan diberi kepercayaan untuk menjadi calon untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum. Tambah beliau lagi, katanya:

Tidak ada haluan selain daripada haluan yang dihasratkan oleh parti dan tidak ada objektif dan matlamat parti, maka akan timbul kegiatan-kegiatan sumbang, yang akan melemahkan parti dan dengan itu melemahkan kedudukan parti dalam kerajaan. Ahli-ahli UMNO tidak boleh lari daripada hakikat bahawa kewibawaan UMNO terletak kepada kedudukan UMNO sebagai parti dalam kerajaan dan sebagai tunjang dalam Barisan Nasional. Hanya sebagai

---

<sup>31</sup> Ucapan Dasar Rafidah Aziz sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO ketika itu di Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada hari Rabu, 20 Jun 2001. Lihat *Utusan Malaysia*, 20 Jun 2001.

parti dalam kerajaan UMNO akan berupaya meneruskan kedua-dua agenda Melayu dan Bumiputera serta agenda negara. Dalam konteks ini, UMNO berupaya pula menentukan agenda wanita di Malaysia. Ahli-ahli UMNO di negeri-negeri di mana UMNO tewas dalam pilihan raya, tentu merasakan kekecewaan dan kehampaan kerana tidak dapat menyumbang kepada perjalanan pentadbiran kerajaan. Dasar-dasar sekarang ditentukan oleh bekas parti pembangkang yang jelas mempunyai agenda sendiri yang hendak mereka laksanakan. Hasil daripada persengketaan dalam UMNO sendiri, ada ahli-ahli dan pemimpin UMNO yang telah menyertai mereka dan membawa bersama-sama mereka apa yang mereka tahu tentang rahsia dan strategi UMNO dan kelemahan-kelemahan UMNO.<sup>32</sup>

Ucapan Rafidah ini membawa mesej tentang kepentingan UMNO sebagai sebuah parti dalam kerajaan untuk meneruskan agenda negara dan agenda wanita di Malaysia. Namun ada segelintir dalam kalangan UMNO yang kecewa memberi kesan kepada Pergerakan UMNO. Namun, keadaan ini bukanlah perkara baru dan bagi UMNO sudah pasti mempunyai cara dan kaedah dalam menangani isu-isu tersebut memandangkan UMNO sebagai sebuah parti yang cukup berpengalaman dengan pelbagai isu yang timbul. Namun, situasi yang berlaku selepas 1999 agak berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Keadaan ini perlu diteliti dengan serius oleh setiap pemimpin yang berada dalam parti tersebut untuk bertindak dengan lebih matang kerana kemunculan teknologi maklumat yang berkembang pesat memberi kesan kepada semua parti-parti politik termasuk UMNO. Seterusnya sebagai contoh dalam PRU ke-12, daripada 67 orang calon wanita Barisan Nasional bertanding untuk kerusi parlimen, 37 orang adalah mewakili wanita UMNO iaitu 27 Wanita UMNO dan 10 Puteri UMNO di peringkat Parlimen, Wanita UMNO bertanding untuk 10 kerusi dan memenangi 8 kerusi. Sementara di Dewan Undangan Negeri, Wanita UMNO bertanding di 32 kerusi dan memenangi 25 kerusi. Secara keseluruhannya, Wanita UMNO berjaya memenangi 33 kerusi atau 79 peratus kerusi yang ditandingi. Kemenangan ini membuktikan calon-

---

<sup>32</sup> Ibid.

calon Wanita UMNO masih diterima oleh rakyat. Prestasi yang baik dalam pilihan raya lalu membuktikan orang Melayu dan bumiputera masih memilih UMNO untuk terus menerajui kepimpinan negara. Ia juga satu petunjuk rakyat masih mahukan Presiden UMNO Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk terus memacu kepimpinan negara.

Menurut Awang Selamat mengenai UMNO dan Mohd Najib Tun Abdul Razak:

...membawa kebangkitan kepada parti hasil gaya kepimpinannya yang bermuafakat. Meskipun mewarisi permasalahan yang kompleks ekoran PRU12 dan berdepan dengan siri gelombang tekanan pakatan pembangkang, beliau mengolah dengan baik. Pembawaannya yang tenang dan tidak melatah biarpun dikritik hebat, kesabarannya, kerja keras, kebolehan mengurus pentadbiran kerajaan, ekonomi dan parti dengan cemerlang, adalah kunci kejayaan. Percaturan politiknya sukar dibaca termasuk oleh para pemimpin pembangkang. Dalam senyum beliau membina kekuatan yang menyaksikan pengaruh seteru politik lemah dan terhakis dengan sendirinya. Beliau tidak perlu menunjukkan taring tetapi strateginya berkesan dalam menangani senario hari ini yang jauh lebih mencabar berbanding dahulu. Najib tidak pernah mahu dianggap sebagai seorang strategis tetapi berfikirlah banyak kali kalau mahu mengambil mudah beliau.<sup>33</sup>

Pengiktirafan turut diberikan oleh UMNO terhadap Pergerakan Wanita UMNO apabila Wanita UMNO memainkan peranan yang cukup penting dalam mendapatkan sokongan terhadap parti untuk memastikan kemenangan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihan raya. Menurut Abdullah Ahmad Badawi katanya:

Wanita UMNO berjaya berbuat demikian melalui pendekatan peribadi dan kekeluargaan yang menjadi penyumbang besar kepada kejayaan calon BN. Wanita UMNO telah meletakkan satu piawai yang tinggi dalam memberikan sumbangan berkesan di arena politik negara. Ini terbukti apabila pembangkang turut mengambil langkah meningkatkan emansipasi wanita dalam pergerakan politik mereka.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> *Mingguan Malaysia*, 1 Disember 2013.

<sup>34</sup> Ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada Jun 2001. Ucapan ini disiarkan dalam *Bernama*, 20 Jun 2001.

Beliau turut mengakui tentang pengorbanan sayap kiri UMNO ini dengan komitmen yang baik diberikan di mana setiap kali cabaran yang dihadapi oleh UMNO. Anggota wanita sentiasa tekun dan sabar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah. Mereka juga menunjukkan sikap dan contoh yang terpuji dari segi kesetiaan dan pengorbanan mereka dalam perjuangan.<sup>35</sup>

Kepentingan wanita muda juga turut diakui oleh Rafidah Aziz di mana beliau menyarankan golongan muda menawarkan diri untuk menjadi calon menerajui kepimpinan tertinggi pergerakan itu pada perhimpunan agung yang seterusnya. Beliau merupakan anggota Majlis Tertinggi UMNO. Katanya:

Wanita berkenaan dari peringkat akar umbi sekalipun perlu berani menampilkan diri bagi memastikan mereka yang berpotensi turut diberi peluang mengepalai pergerakan itu. Saya sarankan kepada Wanita UMNO yang muda, awal 40-an ke atas tampil ke hadapan untuk menawarkan diri. Mereka yang boleh bekerja, mempunyai keazaman yang tinggi tetapi mungkin takut tidak diterima, (pun) saya harap mereka boleh tampil ke hadapan dan Wanita UMNO pandanglah mereka.<sup>36</sup>

Seterusnya menurut Shahrizat Abdul Jalil lagi wanita UMNO merupakan teras dan tulang belakang kepimpinan parti. Mereka menunaikan tugas dan tanggungjawab menerusi tiga transformasi<sup>37</sup> yang akan dilaksanakan oleh wanita UMNO. Pelbagai program yang dianjurkan wanita UMNO seperti Jalinan Rakyat dan Skuad Sayang dan program JUWITA (Jaringan Untuk Wanita Ibu Tunggal Malaysia) untuk mendekati masyarakat. Penglibatan mereka dalam aktiviti kebajikan dan amal jariah dan amal jariah yang lain turut disumbangkan oleh Pergerakan Wanita UMNO. Selain itu, penguasaan bidang internet dan media sosial turut dititik beratkan bertujuan untuk mendengar suara rakyat Malaysia di zaman ini. Tugas wanita UMNO ini bukan sekadar

---

<sup>35</sup> *Bernama*, 20 Jun 2001.

<sup>36</sup> Temubual wartawan Utusan Malaysia bersama Rafidah Aziz yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 14 Mei 2013.

<sup>37</sup> Transformasi pertama ialah wanita UMNO tidak harus dilihat sebagai hanya layak dan mampu bercakap mengenai soal-soal wanita sahaja, isu-isu penting terus diperjuangkan seperti isu-isu kedudukan wanita dalam membuat keputusan, soal cuti ibu bersalin, isu wanita di tempat kerja, penyediaan taska, sensitiviti gender dan seumpamanya. Perjuangan wanita UMNO bukan dibataskan dalam membahaskan isu-isu tersebut dan tidak menjadikan perjuangan Wanita UMNO sebagai 'women centric' semata-mata. Wanita UMNO mesti membuktikan kemampuan dalam memimpin isu-isu diluar kerangka tersebut. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk ucapan dasar Shahrizat Abdul Jalil pada Perhimpunan Agong Pergerakan Wanita UMNO 2013 di Pusat dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 4 Mei 2013. Berita mengenai ini juga disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 5 Mei 2013.

sebagai jentera pilihan raya sahaja tetapi sebagai jentera politik UMNO itu sendiri terutama dalam menjawab dakwaan daripada parti pembangkang. Kombinasi ini, Wanita UMNO selaku jentera pilihan raya dan jentera politik akan membawa kekuatan luar biasa kepada UMNO. Bagi Shahrizat, kekuatan dan kebangkitan suara Srikandi UMNO akan menjadi benteng mempertahankan Agama, Bangsa dan negara. Seterusnya wanita UMNO itu sendiri yang akan memimpin transformasi dan melakar perubahan dalam parti dan juga negara.<sup>38</sup>

Kejayaan Wanita UMNO sebenarnya adalah kerana peranan yang telah dilaksanakan dengan begitu dedikasi dan teliti diibaratkan sebagai seorang ibu yang begitu sedar tanggungjawab dan amanah yang terpikul. Wanita UMNO mempunyai formula tersendiri dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai ahli parti. Formula tersebut dirumuskan melalui dasar 7P iaitu Pertahan, Penyelamat, Pendidik, Pendengar dan Pelindung, Penawar dan Penyayang.<sup>39</sup>

Selepas tahun 1999, para pemimpin parti UMNO semakin mengambil berat terhadap golongan muda dan mula menyedari kepentingan golongan muda ini terutama wanita. Atas dasar keprihatinan ini, maka Majlis Kerja Tertinggi UMNO telah bersetuju secara prinsipnya untuk menubuhkan Puteri UMNO pada 10 Julai 2000. Pada 16 Oktober 2000 tercatat sejarah bagi UMNO kerana MKT bersetuju secara rasminya menubuhkan Puteri UMNO sebagai satu lagi gerakan penting dalam parti.<sup>40</sup> Penubuhan Puteri UMNO bertujuan menarik golongan wanita muda Melayu menyertai UMNO selepas parti itu mengalami kehilangan sokongan orang Melayu di dalam Pilihan Raya

---

<sup>38</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Mei 2013.

<sup>39</sup> Untuk keterangan lebih lanjut lihat *Utusan Malaysia*, 27 November 2011 yang ditulis oleh Hamidah Osman, Ketua Penerangan Pergerakan Wanita UMNO.

<sup>40</sup> Cadangan penubuhan Puteri UMNO ini diputuskan oleh Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada Julai 2000. Majlis Tertinggi bersetuju secara prinsipnya menubuhkan Puteri UMNO bagi memenuhi keperluan golongan wanita muda yang berminat menyertai parti itu. Justeru, pada 9 Julai 2001, hari Isnin Puteri UMNO dengan rasminya diperkenalkan kepada umum. Bagi merealisasikan Puteri UMNO sebagai barisan yang mampu bertindak secara profesional di dalam parti dalam kalangan wanita muda, Azalina Othman telah dilantik menjadi Ketua Penaja Puteri UMNO. Bersama beliau juga dilantik beberapa Exco yang mampu mendukung cita-cita parti mengekalkan kedaulatan Melayu. Pada 3 Ogos 2001 tercatat satu lagi sejarah dalam kamus parti UMNO apabila sayapnya, Puteri dilancarkan YAB Presiden UMNO pada ketika itu iaitu Tun Mahathir Mohamad di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Lihat <https://www.facebook.com/puteriumnomalaysia/info> diakses pada 15 Oktober 2014. Lihat juga *malaysiakini.com*, 20 Jun 2002.

Umum 1999. Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 20 Jun 2002 telah meluluskan pindaan perlembagaan bagi mengesahkan penubuhan Puteri UMNO sebagai satu lagi sayap kepada parti UMNO. Usul tersebut telah dibawa oleh Muhyiddin Yassin kepada Majlis Tertinggi. Pindaan yang dibuat itu telah membolehkan Ketua Pergerakan Puteri UMNO diiktiraf sebagai Naib Presiden Parti menjadikan enam orang kesemuanya. Menurut Muhyiddin Yassin:

UMNO telah menubuhkan sayap ketiganya iaitu Puteri dan amat wajar sekali pengiktirafan ini diberikan dengan meletakkan Ketua Puteri sebaris dengan status Naib Presiden. Taraf kepimpinan Puteri adalah setara dengan entiti Pergerakan Pemuda UMNO dan Wanita UMNO. Kita telah awal-awal lagi melihat ke hadapan dan memberikan pengiktirafan kepada sumbangan wanita muda dalam arena politik tanahair. Langkah meletakkan kedudukan Ketua Puteri sebagai Naib Presiden Parti dibuat dengan mengambil kira tanggungjawabnya dan pentingnya golongan wanita muda kepada UMNO.<sup>41</sup>

Seterusnya, Aishah Ghani turut menyatakan harapan yang begitu tinggi kepada ahli-ahli Pergerakan Puteri UMNO yang menjadi sayap kepada parti dan mengharapkan pergerakan ini dapat memperkukuhkan lagi kepimpinan UMNO. Beliau mengingatkan generasi muda UMNO supaya berusaha lebih gigih lagi bagi memastikan UMNO terus berjaya menerajui kepimpinan negara selari dengan arus globalisasi. Aishah juga menggesa generasi muda menghayati perjuangan dan kesusahan pemimpin dahulu dalam memainkan peranan dengan menggerakkan pelbagai usaha dan aktiviti di semua peringkat cawangan dan bahagian.<sup>42</sup>

Dalam tempoh lima tahun penubuhan Puteri UMNO bermula pada 3 Ogos tahun 2001 telah menunjukkan peningkatan jumlah ahli yang mencecah 300,000 orang. Puteri juga dilihat semakin matang dalam mengetengahkan isu dan menyalakan semangat agenda perjuangan negara dan bangsa. Puteri UMNO mengorak langkah ke arah

---

<sup>41</sup> Kenyataan Muhyiddin Yassin yang disiarkan dalam *malaysiakini.com*, 20 Jun 2002.

<sup>42</sup> Kenyataan Aishah Ghani kepada pemberita Utusan Malaysia selepas menerima Anugerah Mutiara Pertiwi pada Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri UMNO 2007. Lihat *Utusan Malaysia*, 6 November 2007.

meneruskan program berteraskan pendidikan, sosial dan pengangguran dalam kalangan wanita muda dan ahli Puteri. Puteri UMNO turut membantu dan memacu minda kaum Melayu dengan melahirkan golongan global sepertimana yang diinginkan oleh negara dan bangsa. Antara program yang dijalankan oleh Puteri UMNO ialah penubuhan program Prospek dan beberapa perancangan lain untuk membantu ahli Pergerakan Puteri UMNO khususnya.<sup>43</sup> Selain itu Pergerakan Puteri UMNO telah menganjurkan kursus-kursus keusahawanan dan ekspo kerjaya bagi membolehkan ahli-ahlinya yang masih menganggur mencari peluang pekerjaan. Ketua Puteri UMNO pada ketika itu telah berkata:

Masalah pengangguran di kalangan hampir 100,000 ahli Puteri di seluruh negara perlu ditangani kerana mereka juga memerlukan sumber kewangan untuk berbelanja. Isu pengangguran dalam kalangan ahli kami memang serius dan sebagai ketua mereka saya berasa terpacu untuk membantu mereka. Saya tidak menjanjikan pekerjaan kepada mereka, tetapi membuka ruang supaya mereka mencari peluang pekerjaan daripada kursus dan ekspo-ekspo yang dianjurkan. Pelbagai usaha sedang diusahakan untuk membantu para ahli yang mengadu tidak mempunyai pekerjaan walaupun memiliki ijazah, diploma dan sijil dalam pelbagai bidang. Selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda, saya berharap Puteri UMNO dapat membantu merealisasikan hasrat tersebut.<sup>44</sup>

Seterusnya, Puteri juga telah melancarkan Tabung Prihatin Puteri bagi membantu anggota dan ahli Puteri yang menghidapi penyakit kronik. Penubuhan ini disebabkan kematian dua pemimpin pergerakan itu akibat serangan barah tulang dan barah payu dara. Ketua Pergerakan UMNO pada ketika itu Noraini Ahmad menyuarakan pandangan beliau mengenai penubuhan tabung tersebut. Katanya:

Berikutan kejadian itu, ia membawa kesedaran kepada Puteri untuk menubuhkan satu tabung yang bukan sahaja membantu ahli yang menghidap penyakit kronik tetapi membiayai kempen-kempen kesedaran. Lebih-lebih lagi menyedari mengikut Daftar Kanser di Pusat Perubatan

<sup>43</sup> *Utusan Malaysia*, 15 November 2006.

<sup>44</sup> Kenyataan dan ulasan Noraini Ahmad, Ketua Puteri UMNO kepada wartawan *Utusan Malaysia* ketika diminta mengulas mengenai isu pengangguran di kalangan 100,000 ahli Puteri yang dibangkitkan semasa Perhimpunan Agung Tahunan Puteri UMNO 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 21 Julai 2005, lihat *Utusan Malaysia*, 22 Julai 2005.



Universiti Malaya sejak 1993 hingga 2004 mendapati 16.8 peratus pesakit kanser berumur bawah 40 tahun dan dua peratus lagi kurang daripada 30 tahun. Jadi ahli-ahli Puteri juga tidak terlepas daripada ditimpa penyakit ini dan penubuhan tabung ini sudah tentunya tepat pada masanya.<sup>45</sup>

Pelbagai program yang dianjurkan oleh Puteri UMNO adalah bertujuan untuk mendekatkan diri kepada masyarakat. Sebagai contoh ketika PRK Pendang dan Anak Bukit pada tahun 2002, Puteri telah mengambil peluang mengadakan aktiviti seperti klinik undang-undang, klinik bergerak, pemeriksaan kesihatan dan program derma darah. Mereka juga mengadakan program gotong royong membersihkan masjid, tadika dan program anak angkat. Ahli-ahli Puteri juga berjalan dari rumah ke rumah.<sup>46</sup> Ketua Puteri UMNO cawangan Kg S.C, DUN Inderapura iaitu Zuraida Mohd Nasir sentiasa mengikuti dan mengendalikan program-program kemasyarakatan. Katanya:

Antara program-program yang dijalankan antaranya program dan aktiviti kemasyarakatan seperti memberi bantuan awal persekolahan, hari raya, lawatan ke rumah golongan ibu tunggal yang memerlukan bantuan serta golongan asnaf.<sup>47</sup>

Pergerakan Puteri UMNO juga menjadikan program pendidikan sebagai teras dalam melahirkan generasi cemerlang dan berwawasan sebagai contoh Puteri UMNO Selangor dan Institut Perkembangan Minda (In mind) telah menganjurkan Program Bina Insan bertajuk 'Menjana Kecemerlangan Pendidikan' di Sekolah Menengah Agama Bandar Baru Salak Tinggi pada 25 Mac 2006. Ketua Puteri UMNO Selangor berkata:

Pada tahun ini pihaknya akan menumpukan kepada bengkel motivasi yang dilaksanakan secara menyeluruh membabitkan semua pihak untuk memberi kesedaran betapa pentingnya pendidikan. Seperti tahun lepas, tahun ini juga kita tumpukan kepada program pendidikan dengan penganjuran bengkel motivasi secara menyeluruh.

---

<sup>45</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Noraini Ahmad pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 13 November 2006 dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 14 November 2006.

<sup>46</sup> *Utusan Malaysia*, 17 Julai 2002.

<sup>47</sup> Temubual dengan Zuraida Mohd Nasir Ketua Puteri UMNO, cawangan Kg. S.C. DUN Inderapura, Pahang melalui emel anidanasir@yahoo.com pada 21 Julai 2017.

Melalui program berterusan ini, kita harapkan setiap lapisan masyarakat sedar akan pentingnya pendidikan yang merupakan aset kepada kejayaan.<sup>48</sup>

Program Puteri Prihatin juga berjaya diadakan oleh pergerakan Puteri UMNO Bahagian Bakri dengan menyampaikan bantuan makanan dan kebajikan kepada lima keluarga daif di sekitar kawasan Parlimen tersebut. Setiausaha Puteri UMNO Bahagian Bakri mengatakan program tersebut dianjurkan oleh Biro Kebajikan pergerakan itu bagi membantu golongan kurang upaya serta keluarga yang daif. Tambah beliau lagi:

Sebanyak 200 keluarga disenaraikan melalui usah itu dan Puteri UMNO menyenarai pendek lima keluarga untuk menerima bantuan makanan dan kebajikan bernilai RM100 setiap keluarga.<sup>49</sup>

Selain itu, di Johor, Pergerakan Puteri UMNO juga melancarkan Program Kuiz Pelancongan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sebagai pendekatan mendedahkan para pelajar terhadap industri pelancongan di negara ini. Program itu diadakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Pejabat Daerah (PPD) bertujuan membantu mempromosikan industri pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Program itu juga membolehkan para pelajar menimba ilmu di luar bidang akademik dan beriadah serta peka terhadap perkembangan dunia pelancongan. Program ini juga mampu menarik minat pelajar dalam membincangkan peluang perniagaan dan kerjaya yang berkaitan industri pelancongan.<sup>50</sup>

Segala aktiviti dan program yang dijalankan oleh sayap kiri wanita UMNO telah banyak memberi manfaat kepada masyarakat terutama golongan wanita. Usaha yang dijalankan oleh skuad Puteri UMNO dan Wanita UMNO itu sendiri telah menarik minat golongan wanita. Selepas pilihan raya juga aktiviti kemasyarakatan ini tetap diteruskan

---

<sup>48</sup> Kenyataan Ketua Puteri UMNO Selangor, Nora Azmin Radzuan dalam *Utusan Malaysia*, 27 Mac 2006.

<sup>49</sup> Kenyataan Setiausaha Puteri UMNO Bahagian Bakri, Zanariah Abdul Aziz kepada wartawan *Utusan Malaysia* dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 27 Mac 2006.

<sup>50</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Mac 2007.

untuk mengekalkan sokongan masyarakat kepada UMNO terutama selepas tahun 1999.

Menurut Puan Maznah Ahmad, Naib Ketua Wanita UMNO cawangan Kepong, katanya:

Banyak perubahan yang berlaku kepada masyarakat selepas tahun 1999, sekarang masyarakat mulai mengambil berat tentang aktiviti-aktiviti dan program-program di kawasan kejiranan dan juga masjid. Wanita UMNO kawasan Kepong turut menjalankan program keagamaan untuk menarik minat masyarakat. Nampaknya, ramai wanita telah menyertai program ini sama ada wanita PAS dan juga KEADILAN. Antara program tersebut ialah kuliah muslimat dan mengaji al-Quran untuk golongan dewasa di mana mendapat kerjasama dengan pihak masjid di kawasan tersebut. Pendekatan ini memberi peluang kepada UMNO untuk menarik mereka kepada perjuangan parti.<sup>51</sup>

Kenyataan Naib Ketua Wanita UMNO Cawangan Kepong ini menunjukkan perubahan pemikiran ahli UMNO tentang isu-isu terkini dan juga kepentingan ajaran agama Islam apabila mereka melakukan perubahan dengan melakukan aktiviti keagamaan di kawasan tersebut. Sekiranya keadaan ini berterusan masyarakat akan memandang tinggi kepada UMNO yang mementingkan aktiviti keagamaan. Program yang dijalankan melibatkan semua golongan termasuk golongan muda dan kanak-kanak. Peranan Puteri UMNO juga turut membantu kejayaan program-program yang dikendalikan oleh Wanita UMNO.

Seterusnya Mahathir (Tun Dr.) juga turut mengakui tentang kepentingan Puteri UMNO. Penubuhan Sayap Muda ini membawa kejayaan UMNO dan Barisan Nasional yang amat besar dalam Pilihan Raya Umum ke-11. Beliau turut menyatakan ketiadaan isu yang boleh dimainkan oleh PAS juga antara faktor rakyat terus menyokong UMNO dalam pilihan raya.<sup>52</sup> Selepas tahun 1999, wanita UMNO telah mengalami perubahan dalam kepimpinan apabila mereka makin mementingkan penglibatan aktiviti muda terutama selepas kemunculan sayap muda wanita iaitu Puteri UMNO. Puteri UMNO

---

<sup>51</sup> Temubual dengan Puan Maznah Ahmad, Naib Ketua Wanita UMNO Cawangan Kepong, pada 14 Mei 2015 di Masjid al -Azhar Kolej Universiti Islam Selangor, Persiaran Seri Putra 1, Bandar Seri Putra, Kajang Selangor.

<sup>52</sup> *Berita Harian*, 5 April 2004.

membawa perubahan kepada parti UMNO apabila kehendak generasi muda mula diketengahkan.

### **Wanita Melayu dalam Parti PAS**

PAS seperti parti lain di Malaysia tidak terlepas untuk terlibat dalam membahaskan wacana pemeraksanaan suara dan hak wanita yang merupakan antara tema penting dalam politik masa kini, tidak kira di peringkat nasional atau global. Isu ini menuntut kesungguhan penggubal dasar yang berkait dengan hak dan peranan wanita dalam pembangunan bangsa dan negara. Di sini, Peranan PAS menerusi Dewan Muslimat diharapkan dapat menjadi pro aktif dengan memperbanyakkan penyertaan wanita dalam wacana kritis di ruang awam agar suara mereka didengar oleh masyarakat umum. Selepas Pilihan Raya Umum 1999, muslimat PAS dilihat lebih cergas kerana penyertaan golongan profesional dalam PAS. Segala usaha yang dilakukan oleh Dewan Muslimat PAS dalam mengangkat martabat dan memperjuangkan dan membela nasib wanita di Malaysia sentiasa mendapat penghargaan oleh parti itu. Mereka sentiasa responsif dan bergerak aktif memartabatkan golongan wanita dalam kerangka Islam yang merupakan salah satu prinsip perjuangan parti. Sebagai contoh di Kelantan sebagai sebuah negeri yang ditadbir oleh pembangkang iaitu PAS, telah meletakkan dasar pentadbiran negeri dengan dasar Membangun bersama Islam bermula 21 Oktober 1990.<sup>53</sup>

Dasar Membangun Bersama Islam sebagai landasan pentadbiran berjaya membawa lebih 100 perubahan. Antaranya ialah kerajaan negeri Kelantan turut memberi penekanan dalam pembangunan wanita dalam pentadbiran negeri seperti wujudnya Dasar Wanita Negeri, Dasar keluarga Mawaddah, perlantikan penghulu wanita, anugerah Ibu Mithali, Hospital An-Nisa khas untuk bersalin dan sakit puan dan

---

<sup>53</sup> Lihat bahan rasmi bercetak *100 Fakta Kelantan Menerajui Perubahan*, Kelantan: Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan, 2012, hlm. 26.

perlantikan Pegawai Armalah di setiap DUN.<sup>54</sup> Selain itu juga, kerajaan negeri telah mewujudkan kaunter pembayaran berasingan bagi lelaki dan wanita, mengasingkan tempat duduk lelaki dan wanita dalam majlis-majlis rasmi, menguatkuasakan etika pakaian Islam, menutup aurat bagi perempuan amat ditekankan di Kelantan, melarang papan tanda (iklan) yang memperagakan wanita dan yang bercanggah dengan Islam, jurujual wanita mesti menutup aurat untuk mendapatkan perniagaan dalam kawasan MPKB-BRI, hotel berkonsepkan Islam seperti kakitangan menutup aurat dan penyediaan tempat solat.<sup>55</sup> Perubahan-perubahan dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan merupakan pengiktirafan mereka terhadap golongan wanita terutama yang beragama Islam selaras dengan 'Dasar Membangun Bersama Islam'. Pada tahun 2005, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah dibukukan bersama dengan dasar-dasar kerajaan yang lain sebagai dokumen rasmi kerajaan. Dokumen tersebut dikenali sebagai Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim.<sup>56</sup>

Seterusnya pula mengenai isu yang penting selepas tahun 1999 ialah mengenai isu pencalonan wanita PAS dalam pilihan raya. Namun begitu, pada 15 April 2001, Dewan Muslimat PAS Pusat telah mengemukakan satu kertas kerja cadangan bertajuk 'Kertas Cadangan Pencalonan Muslimat (Wanita) dalam pilihan Raya' kepada Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sebagai satu usaha untuk membolehkan PAS meletakkan calon wanita dalam pilihan raya. Kertas cadangan ini adalah lanjutan daripada usul Dewan Muslimat PAS Pusat yang diluluskan oleh Muktamat Tahunan PAS Kali Ke-44 pada 2-4 Jun 2000 yang mahu PAS Pusat mempertimbangkan kemungkinan wanita menjadi calon. Dewan Muslimat PAS Pusat telah menggariskan lima rasional penglibatan semula Muslimat sebagai calon PAS dalam pilihan raya iaitu, tiada larangan mutlak berdasarkan nas-nas mantap, banyak isu wanita yang perlu

---

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> Ibid., hlm. 12-14.

<sup>56</sup> Lihat Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim*, Jil.3, Kota Bharu: Pusat kajian Strategik Negeri Kelantan, 2005, hlm. 5-7. Lihat juga Shukeri, M. Mohd Yakub MY, Mohamad Azrien M.A, 'Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Kepada Kesejahteraan Masyarakat', Prosiding 'World Conference on Islamic Thought 2012', Perak: Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2012, hlm. 3.

disuarakan oleh Muslimat PAS dalam forum terbuka, meyakinkan masyarakat tentang penghormatan PAS kepada wanita dan memperkasakan kepemimpinan Muslimat PAS, pendekatan psikologi terhadap pengundi wanita dan keterbatasan ruang untuk Muslimat PAS memberi sumbangan dalam politik kenegaraan. Berpandukan lima rasional ini, DMPP mahu jawatankuasa Kerja PAS Pusat mempertimbangkan kedudukan Muslimat PAS sebagai calon pilihan raya. Ekoran keputusan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-44 dan kertas cadangan DMPP tersebut, Jawatankuasa Kerja PAS Pusat sejak 15 April 2001 terus membincangkan isu ini pada 12 Ogos 2001, 16 September 2001 dan 13 Oktober 2001 sebelum ia dimuktamadkan oleh Majlis Syura Ulamak PAS pada 30 Disember 2001. Majlis Syura Ulamak PAS telah bersetuju mengekalkan amalan PAS sebelum ini, iaitu mengharuskan Muslimat menjadi calon dalam pilihan raya yang terikat kepada syarat-syarat tertentu seperti menjaga batas-batas sebagai seorang perempuan yang beragama Islam.<sup>57</sup>

Justeru itu, PAS telah mengubah pendirian apabila membenarkan wanita menjadi calon dalam pilihan raya. Sebelum ini PAS bertegas untuk tidak memberi jawatan yang penting kepada golongan wanita termasuk mencalonkan mereka dalam pilihan raya. Perubahan dalam arus politik PAS semakin memperlihatkan aliran pembaharuan agenda dan reformasi yang sedang dilakukan oleh Parti tersebut. Sebenarnya muslimat PAS sudahpun diberi peluang dan ruang menjadi perwakilan untuk memilih pemimpin dan dibenar juga bertanding merebut jawatan dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. PAS kini sedang berubah mengikut keadaan dan mereka tahu bahawa isu wanita adalah sangat penting dalam politik di negara ini.

---

<sup>57</sup> Isu pencalonan Muslimat dalam pilihan raya telah berbangkit dalam PAS sejak 1989 apabila Ketua Dewan Muslimat PAS Kelantan juga merupakan Ketua DMPP, Ustazah Wan Asma' Abdul Kadir membangkitkannya dalam Jawatankuasa Harian PAS Kelantan pada 8 Oktober 1989 dan dakwaan pemimpin Semangat 46, Hajjah Illani Isahak bahawa Islam membenarkan wanita menjadi calon. Semangat 46 telah mencadangkan Hajjah Illani untuk bertanding di Parlimen Kota Bharu dalam PRU 1990 tetapi dipertikaikan oleh pemimpin PAS. Pada 30 September 1989, Majlis Syura Ulamak PAS telah melantik Ustaz Idris Omar, Ustaz Azizan Abdul Razak dan Ustaz Ibrahim Abdullah untuk membuat kajian terperinci mengenai perkara tersebut. Berdasarkan hasil kajian itu, Majlis Syura Ulamak PAS pada 5 November 1989 telah membuat keputusan bahawa Muslimat tidak dibenarkan menjadi calon kecuali dengan keperluan yang mendesak dan syarat yang ketat. Sebenarnya, semenjak PRU 1959, PAS mempunyai pendirian bahawa Muslimat boleh menjadi calon pilihan raya dan PRU Pertama pada 19 Ogos 1959, PAS telah meletakkan calon Muslimat iaitu Ketua DMPP, Khadijah Sidek telah berjaya memenangi kerusi Parlimen Dungun dan menjadi ahli Parlimen. Dasar PAS tentang pencalonan wanita telah berubah ekoran keganasan politik berlaku dalam PRU 1969. Semenjak itu PAS tidak membenarkan penglibatan wanita sebagai calon pilihan raya atas masalah keselamatan. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat *Harakah*, 15 April 2016.

Kelonggaran membenarkan wanita bertanding sebenarnya bertujuan untuk memberi mesej kepada kaum Melayu bahawa Muslimat PAS bakal mendapat tempat yang lebih baik dalam parti itu. Kemunculan pemimpin-pemimpin yang agresif dan berwibawa seperti Lo' Lo' Ghazali yang bersuara lantang, Fatimah Zainab Ibrahim yang bersikap sederhana, Mariah Mahmud, Kalthom Othman dan Senator Jamilah Ibrahim. Selain itu ketokohan Senator Mumtaz Nawawi dan Senator Khairiah Mohamad menyerlahkan lagi senario politik di Malaysia di mana mereka merupakan generasi muda yang cukup berwibawa.

Walau bagaimanapun, keterbukaan yang diberi oleh PAS ini mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan pemimpin UMNO pada tahun 2004. Mantan Naib Presiden UMNO dan sekarang Ketua Pergerakan Wanita UMNO (2013-2016) Shahrizat Abdul Jalil menyifatkan keputusan PAS untuk mencalonkan 10 pemimpin wanita sebagai tindakan meniru Barisan Nasional. Bagi beliau tindakan PAS dianggap luar biasa namun, tidak memberi kesan kepada Barisan Nasional. Katanya:

Amalan parti PAS ini memang bertentangan dengan BN. Dalam BN kaum wanita bukan sahaja diberi perhatian tetapi turut mendapat peluang dan hak dalam apa jua perkara. Jadi tindakan PAS itu dilihat seperti mencontohi apa yang dilakukan oleh BN selama ini.<sup>58</sup>

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden PAS, Abdul Hadi Awang yang mengetengahkan lebih 10 pemimpin wanita dari Dewan Muslimat PAS Pusat dan negeri pada Pilihan Raya Umum 2004. Kemunculan calon-calon muslimat PAS untuk kerusi Parlimen seperti Siti Nor Abdul Hamid Tuah di Alor Star, Kalthom Othman<sup>59</sup> di Pasir Puteh, Lo'Lo' Mohd Ghazali<sup>60</sup> di Bukit Gantang dan Siti Mariah

---

<sup>58</sup> Temubual oleh wartawan Utusan Malaysia pada sidang akhbar selepas menghadiri pelancaran Klinik Nur Sejahtera dan Pusat Informasi Nur dan Keluarga di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada 3 Mac 2004. Lihat *Utusan Malaysia*, 4 Mac 2004.

<sup>59</sup> Hajjah Kalthom Othman merupakan bekas Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat yang kesembilan. Beliau dilahirkan pada 23 Julai 1949 di Narathiwat, Thailand. Bermula kemenangan beliau dalam syarahan anjuran Dewan Muslimat dan pemuda PAS, maka beliau mula aktif sebagai tenaga penceramah Muslimat PAS Kelantan. Pertandingan ini diadakan selepas PAS mengalami kekalahan teruk di Kelantan pada Pilihan Raya Umum tahun 1978. Pelbagai jawatan telah dipegang oleh beliau di kawasan Tumpat sehingga peringkat negeri Kelantan. Beliau menyandang jawatan Naib Ketua DMP Pusat (1993-2001) semasa ustazah Hajjah Jamilah Ibrahim menjadi Ketua DMP Pusat. Beliau menjadi ketua DMP Pusat menggantikan Ustazah Hajjah Fatimah Ibrahim. Namun, beliau melepaskan jawatan tersebut pada tahun 2005 atas sebab kesihatan. Beliau berpengalaman selama dua penggal sebagai Ahli

Mahmud<sup>61</sup> di Kota Raja. Hanya Kalthom diistiharkan menang dan kemudian dibatalkan mahkamah. Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pula PAS mengemukakan muslimat di enam kerusi, masing-masing dua di Kedah, satu di Kelantan dan tiga di Selangor. Mereka ialah Rohani Abd Muttalib di Jitra, Siti Aishah Ghazali di Merbau Pulas, Rohani Ibrahim di Tanjong Mas, Wan Hasrina Wan Hassan di Lembah Jaya, Mastura Muhammad di Seri Setia dan Halimah Ali di Selat Kelang. Namun hanya Rohani Ibrahim berjaya memperolehi kerusi di Tanjong Mas.<sup>62</sup> Walaupun kekeliruan yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak, namun PAS tetap meneruskan pertambahan jumlah calon-calon wanita terlibat menjadi calon pilihan raya sama ada DUN atau Parlimen.

Walau bagaimanapun, dasar dan perlembagaan yang diperuntukkan dalam Parti PAS juga memperlihatkan kepada masyarakat tugas dan peranan sebenar muslimat PAS dalam memperjuangkan ideologi dan cita-cita mendaulatkan Islam di Malaysia. Pelbagai kritikan dan pandangan telah dilontarkan oleh segelintir masyarakat yang tidak memahami pendirian yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan parti terutama yang berkaitan dengan pilihan raya seperti menjadi calon dalam Pilihan Raya Umum dan menjadi wakil rakyat sama ada DUN dan Parlimen. Terdapat pendekatan dan strategi

---

Dewan Negara dan terlibat secara langsung dengan masyarakat. Beliau juga dipilih oleh parti sebagai calon PAS di Parlimen Pasir Puteh di dalam Pilihan Raya Umum ke-11 pada tahun 2004. Beliau berjaya menewaskan calon BN, Che Min Che Mat dan mewakili PAS selama 3 bulan di Dewan Rakyat sebelum kemenangan beliau akhirnya ditarik balik oleh mahkamah atas sebab-sebab teknikal. Beliau telah meninggal dunia pada 3 Februari 2010 di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian kerana diserang 'massive Stroke' kira-kira jam 1.30 pagi dan disemadikan di Masjid Ibrahim, Pasir Puteh. Dipetik buku *Srikandi Matarantai Perjuangan* yang diterbitkan oleh Lajnah Hal Ehwal Parlimen dan DUN (HEPDUN) Dewan Muslimat PAS Pusat pada tahun 2006.

<sup>60</sup> Lo' Lo' Mohamad Ghazali dilahirkan pada 2 Ogos 1957 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah kebangsaan Connolly, Ipoh, kemudian menyambung pelajaran di sekolah Raja Perempuan Taayah Ipoh, Perak. Pada Pilihan Raya Umum tahun 2008, beliau berjaya mengalahkan calon BN iaitu Jamaludin Mhd. Tahir dengan majoriti sebanyak 1,972 undi. Beliau memperolehi undi sebanyak 17,857 berbanding BN yang mendapat 15,885 undi. Kemenangan beliau merupakan kemenangan pertama PAS Wilayah Persekutuan setelah lebih 30 tahun PAS cuba bertapak di Kuala Lumpur. Beliau pernah menjadi calon Parlimen Bukit Gantang, Perak pada tahun 2004 dan kalah di tangan calon Barisan Nasional Tan Lian Hoe. Beliau meninggal dunia pada hari Ahad, 17 Julai 2011 di Hospital Selangor pada usia 54 tahun kerana masalah penyakit barah yang serius. Jenazah beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Datuk Keramat. Namun Pilihan Raya Kecil Titiwangsa tidak dapat diadakan kerana tempoh Parlimen sudah melepasi tiga tahun sejak Pilihan Raya Umum yang ke-12 diadakan. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Lo'\\_Lo'\\_Mohamad\\_Ghazali](https://ms.wikipedia.org/wiki/Lo'_Lo'_Mohamad_Ghazali) diakses 2 Mac 2016. Lihat juga *malaysiakini.com*, 17 Julai 2011.

<sup>61</sup> Mariah Mahmud merupakan ahli Parlimen Kota Raja, Selangor. Beliau dilahirkan pada 14 Februari 1958 di Pokok Sena Kedah dan tinggal di Sungai Buluh Selangor. Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Universiti Kaherah, Mesir serta Sarjana Fisiologi dari Universiti of London United Kingdom dan Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pegawai perubatan dan pensyarah. Dr. Mariah juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa PAS Pusat dan Ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Pusat Pilihan Raya Umum 2008. Beliau mengalahkan calon dari Barisan Nasional, S.A. Vigneswaran dengan majoriti sebanyak 20,751 undi. Beliau memperolehi 38,630 undi berbanding lawannya memperolehi hanya 17,879 undi. Majoriti yang diterima oleh beliau adalah yang tertinggi pernah dicatatkan oleh calon PAS walaupun beliau bertanding dalam kawasan Parlimen yang mempunyai peratusan pengundi India agak tinggi. Namun beliau telah meletak jawatan sebagai Naib Yang Dipertua Kawasan Kota Raja yang berkuasa serta merta pada Ogos 2015 dan menyertai Gerakan Harapan Baru yang dikenali sebagai Parti Amanah Negara (AMANAH). Lihat [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com), 20 Ogos 2015.

<sup>62</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2004. Lihat *harakahdaily.net*, 20 Januari 2011.



yang dijalankan oleh parti PAS mengikut landasan dan garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Dalam satu wawancara yang dijalankan oleh Malaysiakini<sup>63</sup> dengan Lo'lo Ghazali mengenai isu penglibatan wanita dalam pilihan raya. Beliau yang bersuara lantang dalam muktamar yang diadakan pada 2 Jun 2000 telah mengkritik dan mengusulkan agar parti PAS memilih calon wanita dalam pilihan raya yang akan datang dan seterusnya. Ekoran daripada lontaran idea yang dikemukakan oleh beliau ini telah mengubah segala kritikan yang mengatakan PAS parti yang konservatif. Di antara intipati wawancara ini menunjukkan peranan Dewan Muslimat membawa agenda kepentingan wanita dalam pembangunan sebuah negara seiring dengan perkembangan politik semasa di Malaysia. Menurut beliau, kira-kira 54 peratus pengundi terdiri daripada wanita dan jumlah ini sudah tentu mempengaruhi pilihan raya itu sendiri. Kepentingan wanita akan disuarakan oleh wakil wanita dengan lebih kuat di Dewan Rakyat. Beliau berpendapat wanita Barisan Nasional tidak menampakkan pembelaan yang bersungguh-sungguh terhadap kepentingan wanita dan tidak banyak perubahan pada wanita Malaysia hari ini. Lo' Lo' berkata :

Dewan Muslimat mengenegahkan cadangan tersebut kerana perkembangan politik semasa di Malaysia. Kira-kira 54 peratus pengundi terdiri daripada wanita dan jumlah sebesar ini sudah tentu mempengaruhi pilihan raya itu sendiri. Kepentingan wanita akan disuarakan lebih kuat oleh wakil wanita sendiri (di Dewan Rakyat). Tambahan pula, tidak banyak perubahan pada wanita Malaysia hari ini. Kita nampak pembelaan yang bersungguh-sungguh daripada wanita Barisan. Banyak yang telah lama tidak diperbetulkan sebagai contoh sistem mahkamah syariah, sistem kekeluargaan (penderaan, isteri ditinggalkan tanpa nafkah) dan isu-isu wanita ini melibatkan semua kaum. ketika berkempen bersama wanita Barisan Alternatif, wanita PAS sering ditanya 'Apakah tidak ada wakil wanita PAS yang bertanding?'. Rakan-rakan wanita BA juga berasa kekurangan apabila wanita PAS yang membantu kempen pilihan raya tidak bersama-sama dalam Dewan Rakyat. Mungkin ada perkara tertentu yang tidak boleh

---

<sup>63</sup> <http://www.malaysiakini.com/news/2754> diakses pada 20 Februari 2013.

disuarakan wanita Parti KeAdilan Rakyat (PKR) atau DAP di Dewan Rakyat. Sebagai contoh, Peranan HAWA (Bahagian Hal Ehwal Wanita di Jabatan Perdana Menteri) dan Mahkamah Syariah setakat ini tidak ada wakil wanita di Dewan Rakyat yang memahami hukum-hakam Islam dan Syariah.<sup>64</sup>

Lo'lo turut menyuarakan tentang keadaan masyarakat yang berprasangka dan memandang penglibatan wanita sebagai calon dan wakil dalam dewan rakyat ini bertentangan dengan budaya PAS dan Islam. Menurut beliau juga di dalam Perlembagan PAS itu sendiri tidak menyatakan dengan jelas calon wanita tidak boleh bertanding. Sejarah PAS sebaliknya menunjukkan pernah ada calon wanita PAS, Khadijah Sidek bertanding dan menang di Terengganu. Di sini, PAS mengambil pendekatan mengikut senario keadaan politik semasa. Beliau menyarankan diadakan penilaian semula manfaat dan kepentingan calon wanita bertanding dalam pilhan raya dan menganggotai Dewan Rakyat. Di dalam hukum Islam itu sendiri bersifat anjal, luas dan terbuka.

Dalam ucapan dasar Presiden, Fadzil Mohd Noor juga menyebut tentang keperluan untuk memungkah hukum-hukum syarak itu supaya boleh diketengahkan dan menjadi panduan kepada masyarakat kontemporari dalam kehidupan yang begitu mencabar kini. Naib Presiden PAS pada ketika itu dan kini sebagai Presiden PAS iaitu Abdul Hadi Awang, menyatakan terdapat dua pendapat daripada ulama Universiti Azhar, Mesir, di mana wanita dibenarkan bertanding dengan syarat tertentu dan pendapat kedua, tidak boleh dengan hujah tertentu. Al-Quran dan hadis tidak dinyatakan secara khusus wanita tidak boleh menjadi wakil rakyat.<sup>65</sup> Kedua-dua pandangan tersebut telah dijelaskan secara terperinci dalam bab empat.

---

<sup>64</sup> Lihat kenyataan Lo'Lo Ghazali dalam *malaysiakini.com* yang bertajuk 'Calon Wanita: Islam tidak larang,' 9 Mei 2001.

<sup>65</sup> Ucapan Dasar Presiden PAS Datuk Fadzil Mohd Noor dalam Muktamar PAS pada 2 Jun 2002.

Terdapat segelintir pemimpin PAS memberi hujah tentang isu keselamatan dan amalan demokrasi di negara ini tidak sihat dan menghalang wanita PAS bertanding. Bagi Lo'lo' alasan ini ada asasnya di mana senario politik Malaysia sangat kotor, bukan sahaja ugutan, malah fitnah sewenang-wenangnya dilemparkan. Fitnah ini boleh dibuat oleh sesiapa sahaja termasuk daripada pimpinan tinggi negara.<sup>66</sup> Sekiranya calon muslimat bertanding, lipatan sejarah mereka dibuka kembali dan mereka akan mencari jalan yang boleh mengaibkan calon. Ia akan memberikan kesan yang bukan sedikit kepada dirinya, suaminya, malah kedua-dua buah keluarga. Sebagai contoh, dalam Pilihan Raya Kecil Telok Kemang misalnya, ketika itu Ketua Pemuda Parti Keadilan Rakyat, Mohamad Ezam Mohd Nor, telah difitnah (dengan Nurul Izzah Anwar). Masyarakat yang tidak memahami keadaan dan situasi tersebut sudah pasti memberi kesan yang negatif. Di dalam Islam, fitnah seperti yang digambarkan itu seumpama seperti membunuh. Situasi inilah yang menyebabkan sesetengah pemimpin PAS menyuarakan bantahan terhadap pencalonan wanita dalam pilihan raya kerana mereka tidak mahu muslimat menggadaikan rumahtangga dan maruah mereka. Namun begitu, kewajaran juga dilihat memandangkan dunia yang dipenuhi dengan maklumat alternatif menerusi pelbagai saluran seperti media sosial telah banyak memberi impak yang positif berdasarkan kematangan masyarakat untuk menilai sesuatu yang berlaku.<sup>67</sup>

Justeru itu, mantan Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, pernah menetapkan calon wanita yang bertanding perlulah berumur lebih 40 tahun. Sebabnya, calon ini mempunyai kematangan dan emosi yang lebih stabil serta memiliki sifat keibuan yang tinggi. Syarat kedua, calon tidak mempunyai anak kecil yang masih memerlukan perhatian rapi juga harus mendapat restu sepenuhnya daripada suami. Lo'lo' Ghazali turut menyuarakan pandangannya. Katanya:

Ada pihak mungkin bertanya: "Kenapa wanita Umno boleh?" Kita tidak peduli apa orang lain hendak kata. Bagi

---

<sup>66</sup> Lihat kenyataan Lo'Lo Ghazali dalam *malaysiakini.com* yang bertajuk *Calon Wanita: Islam Tidak Larang*, 9 Mei 2001.

<sup>67</sup> *malaysiakini.com*, 9 Mei 2001.

beliau Muslimat PAS lebih bersedia menghadapi syarat-syarat ketat supaya tidak terbabas daripada landasan syariah.<sup>68</sup>

Apa yang jelas undang-undang yang digariskan dalam Islam menjadi pegangan bukan untuk mengejar keseronokan menjadi anggota Dewan Rakyat. Selepas tahun 2004, Dewan Muslimat PAS berjaya menampilkan muslimat sebagai calon dan ada dalam kalangan muslimat ditakdirkan menang dan berperanan dalam kerajaan. Ini menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pimpinan muslimat terdahulu sudah menampakkan hasilnya. Namun begitu, perubahan terus berlaku di dalam PAS apabila terdapat calon wanita yang berumur kurang daripada 40 tahun berjaya menjadi wakil rakyat dan juga senator sebagai contoh Senator Khairiah Mohamad. Bagi Nafisah Tahir pula turut merasakan tentang kepentingan dan peranan wanita dalam kerja politik Islam.

Katanya:

Kerja politik Islam adalah salah satu medan amal soleh selagi mana ia untuk tegakkan syariat Allah. Tugas membebani masyarakat, memperbaiki kehidupan bukan hanya tugas lelaki malah perlu kepada penglibatan wanita. Bebanan syariat ke atas lelaki dan perempuan adalah sama kecuali pada perkara-perkara yang tertentu. Keduanya pula ialah Sebagai hamba Allah mereka dituntut untuk mencegah perkara mungkar dan menyeru kepada kebaikan serta memakmurkan dunia. Selain itu wanita mampu menanamkan nilai-nilai yang baik dengan penuh kasih sayang sehingga mampu mendidik generasi pejuang yang bakal mewarisi kepimpinan yang akan datang walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam rumahtangga dan juga masyarakat. Keadaan ini memberi gambaran yang cukup jelas bahawa wanita juga semakin matang, terbuka serta mempunyai pendidikan yang seimbang dengan kaum lelaki sehingga peranan mereka semakin jelas dan memberangsangkan dalam bidang politik di Malaysia.<sup>69</sup>

Dari sudut kepimpinan DMMP, proses-proses untuk memilih pucuk kepimpinan tertinggi merupakan satu amalan yang biasa berlaku dalam setiap parti politik. Proses

---

<sup>68</sup> Lihat kenyataan Lo'Lo Ghazali dalam *malaysiakini.com* yang bertajuk *Calon Wanita: Islam Tidak Larang*, 9 Mei 2001.

<sup>69</sup> Temubual dengan Ustazah Nafisah Tahir Ketua Lujnah Tarbiyyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Gombak di Pasti Al Badar Gombak pada 12 Jun 2014.

pengundian yang diwakili oleh perwakilan setiap negeri akan mengundi untuk menentukan bakal pemimpin tertinggi parti. Sebagai contoh, pemilihan yang berlangsung pada tahun 2001 telah berlaku satu peralihan kuasa daripada Senator Jamilah Ibrahim kepada Fatimah Ibrahim iaitu isteri kepada Ketua Dewan Ulama PAS, Harun Taib yang menang dengan kelebihan tiga undi yang menewaskan Jamilah.<sup>70</sup>

Seterusnya pada tahun 2007, sebagai salah satu contoh mengenai proses pemilihan kepimpinan DMP iaitu keputusan pemilihan Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat menyaksikan kemenangan Nuridah Saleh Salleh yang juga merupakan Ketua Muslimat PAS Wilayah Persekutuan menewaskan penyandang jawatan itu, Azizah Khatib Mat yang memegang jawatan itu untuk tempoh satu penggal. Ketua Muslimat PAS, Wan Hasrina Wan Hasan pula telah diumumkan sebagai Timbalan Ketua Muslimat PAS Pusat mengalahkan Lo'Lo' Hj Mohd Ghazali. Pemilihan yang berlangsung pada 31 Mei 2007 dengan proses pengundian yang melibatkan seramai 227 orang perwakilan yang menjalankan hak mereka sebagai pengundi.<sup>71</sup> Mantan Timbalan Presiden PAS iaitu Nasharudin Mat Isa berkata:

Usaha Dewan Muslimat untuk memberikan nafas baru kepada pendekatan PAS melalui *engagement* dan *repackaging* ternyata telah membuahkan hasil dan menguntungkan perjuangan.<sup>72</sup>

Keadaan ini diakui dan disokong oleh Timbalan Ketua Dewan Muslimat Terengganu yang mengatakan tentang kemasukan golongan profesional ini memberi beberapa cetusan idea yang baru untuk memberi kebaikan kepada parti PAS.<sup>73</sup> Peranan dan usaha yang dilakukan oleh Dewan Muslimat PAS turut disuarakan oleh Siti Zailah Yusoff,

---

<sup>70</sup> *Utusan Malaysia*, 29 Mei 2002.

<sup>71</sup> *Harakah*, 31 Mei 2007.

<sup>72</sup> Ucapan Mantan Timbalan Presiden PAS, Ustaz Nasharudin Mat Isa ketika menyampaikan ucapan perasmian Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS kali ke-47 di Hotel Perdana pada 31 Mei 2007. Lihat *harakahdaily.net* pada 31 Mei 2007.

<sup>73</sup> Kenyataan Timbalan Ketua Dewan Muslimat Terengganu Safinah Jusoh kepada *malaysiakini.com* pada 28 Mei 2001. Beliau telah dilantik sebagai anggota Dewan Negara bagi mewakili negeri Terengganu selepas Pilihan Raya Umum 1999. Beliau merupakan bekas guru di sebuah sekolah swasta yang terkenal iaitu Institut Berakan. Beliau juga turut mengakui PAS sentiasa memberi ruang untuk wanita memainkan peranan misalnya dalam Jawatankuasa Syura Rakyat dan juga anggota Majlis Daerah. JSR adalah kumpulan wakil penduduk dan orang ramai yang ditubuhkan kerajaan negeri Terengganu selepas kemenangan PAS di negeri itu bagi menggantikan jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) yang ditubuhkan UMNO. Dalam kenyataan yang sama, Sakinah menolak dakwaan bahawa Muslimat tidak bersikap terbuka dan menegaskan pergerakan wanita itu 'tidak mengasingkan diri dan hendak bergaul dengan semua orang.' Muslimat mempunyai program dengan wanita kaum bukan Islam di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), walaupun masyarakat Cina dan India hanya lima peratus daripada kira-kira 1 penduduk negeri. Lihat *malaysiakini.com* pada 28 Mei 2001.

mantan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat dan juga Ahli Parlimen Rantau Panjang.

Katanya:

Saya melihat banyak isu terutama yang berkaitan dengan wanita perlu ditangani oleh muslimat. Apa lagi kita melihat hari ni kita adalah satu parti politik yang berdakwah di pentas politik. Kita bukan saja menekankan soal tarbiyyah tetapi soal macam mana kita nak menangani isu masyarakat yang ada di sekitar kita. Realiti yang ada pada hari ini masih ramai lagi golongan wanita di luar sana yang masih tidak memahami realiti perjuangan PAS. Sebab itulah kita melihat sokongan dari kalangan wanita Malaysia terhadap parti Islam masih di tahap yang belum memuaskan lagi. Ini adalah cabaran bagi muslimat bagaimana perubahan yang akan kita bawa pada masa akan datang dan menambahbaik cara pendekatan kita kepada masyarakat supaya dakwah kita lebih rapat dihati mereka. Keadaan ini menjadi harapan kepada DMPP agar dakwah ini boleh diterima oleh mereka terutama di kawasan pendalaman dan kawasan jauh terpencil seperti kawasan Sabah dan Sarawak. Kita kurang mendapat pengaruh terutama pengundi-pengundi wanita. Jadi kita perlu buat perubahan dari sudut cara pendekatan dakwah.<sup>74</sup>

DMPP juga melihat beberapa isu yang besar yang perlu dibuat perubahan diantaranya mereka mengemaskini organisasi Muslimat dan HALWA itu sendiri. Jentera HALWA tidak dinafikan oleh semua pihak mempunyai peranan yang sangat besar setiap kali pilihan raya. Mereka berkempen dari rumah ke rumah dan rapat kepada pengundi. Mereka juga perlu memahirkan diri dari sudut kemahiran teknologi maklumat, kemahiran penggunaan media baru, kemahiran cara komunikasi kepada masyarakat. Selain itu, macam mana cara penerangan kepada masyarakat, pengurusan organisasi, cara mengurus jemaah, banyak perkara yang perlu dipertingkatkan lagi dari sudut kemahiran itu sendiri. Begitu juga pembinaan generasi pelapis. Para siswazah yang keluar dari universiti berminat dengan PAS. Mereka merupakan satu aset yang sangat berharga bagi PAS itu sendiri. DMPP berperanan untuk menarik mereka supaya

---

<sup>74</sup> Temuramah eksklusif Tema IT (*Information Technology*) Muktamar dengan Siti Zailah Yusof pada hari Khamis, 28 November 2013. Rujuk siding media/wawancara yang disiarkan dalam laman web PAS [www.pas.org.my](http://www.pas.org.my) diakses pada 10 Disember 2014.

boleh memberi sumbangan kepada perjuangan DMPP sendiri. Menurut salah seorang AJK HALWA, Norihan Binti Abdullah, katanya:

Kami merupakan jentera Parti PAS untuk menjalankan aktiviti kempen-kempen dan pelbagai program anjuran Dewan Muslimat PAS Pusat. Banyak aktiviti disediakan untuk para AJK bagi memperkemaskan lagi tahap kemahiran setiap AJK yang terlibat dengan proses pilihan raya dan mengajak masyarakat untuk mengenali PAS dengan lebih dekat lagi.<sup>75</sup>

Begitu juga berkaitan hubungan Muslimat PAS dengan Pakatan Rakyat. DMPP sendiri mewujudkan majlis kepimpinan wanita Pakatan Rakyat bersama dengan pimpinan wanita DAP dan PKR untuk menguatkan kerjasama di samping menjaga hubungan dengan Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP). DHPP ini memberi sumbangan yang cukup besar terutama di kawasan pengundi-pengundi campuran. DMPP telah berusaha memperkemaskan lagi kerjasama tersebut termasuk dari sudut penambahan cawangan dan penambahan ahli serta pendaftaran ahli baru yang perlu diambil perhatian. Perubahan juga berlaku dalam Muslimat PAS apabila DMMP sebulat suara bersetuju menerima usul membuka peluang kepada rakyat bukan Islam menjadi ahli bersekutu parti itu pada Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat ke- 48.<sup>76</sup> Menurut Ketua DMMP pada ketika itu, Nuridah Mohd Salleh berkata:

DMMP merasakan ini adalah satu cara yang sangat berkesan untuk mendekati mereka (masyarakat bukan Islam) serta memudahkan kerja-kerja dakwah dilaksanakan terhadap mereka supaya dapat melihat dan menilai keindahan Islam dan akhirnya menerima Islam sebagai agama anutan.<sup>77</sup>

<sup>75</sup> Temubual dengan Ustazah Norihan Binti Abdullah setiausaha PAS cawangan Air Panas, Gombak dan merupakan Ahli Jawatankuasa Halwa cawangan Gombak pada 10 Jun 2014, di Pasti Al-Badar Gombak.

<sup>76</sup> Dewan Himpunan Penyokong PAS untuk bukan Islam telah dilancarkan pada 23 Mei 2010. Langkah itu diambil untuk mempertingkatkan sokongan pengundi-pengundi bukan Islam kepada parti itu dalam Pilihan Raya Umum. Dewan Himpunan Penyokong PAS dibentuk dengan menaik taraf Kelab Penyokong PAS, yang ditubuhkan pada tahun 2005 dan menjadi salah satu komponen sokongan kepada parti Islam ini dalam PRU 2008. Usaha naik taraf itu dibolehkan dengan mengadakan perlembagaan sendiri di mana dalam perlembagaan induk membolehkan parti itu mewujudkan jawatankuasa atau dewan baru tanpa melibatkan pindaan pada perlembagaan induk PAS. Lihat *themalaysianinsider.com* pada 15 Mei 2010. Lihat *malaysiakini.com* pada 17 Mei 2010.

<sup>77</sup> Kenyataan Nuridah Mohd Salleh kepada pemberita selepas berakhirnya Muktamar Tahunan Dewan DMMP ke – 48 dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 14 Ogos 2008. Pada masa yang sama, DMPP telah menolak usul yang dicadangkan oleh Dewan Muslimat PAS Melaka untuk menubuhkan Dewan Muslimat Muda kerana peranannya tidak jauh berbeza dengan Nisa' iaitu salah satu unit dalam Dewan Muslimat PAS yang berperanan mendekati golongan muda untuk menarik mereka terhadap cara hidup Islam dan seterusnya menjadi penyokong PAS. Begitu juga pada Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Kali Ke-50 usul yang dikemukakan oleh Dewan Muslimat kawasan Pengkalan Chepa juga ditolak kerana dianggap sebagai terikut-ikut dengan pendekatan UMNO dalam menubuhkan Pergerakan Puteri UMNO. Lihat *Utusan Malaysia*, 16 Jun 2010.

Kesediaan PAS untuk membuka keahlian kepada bukan Islam adalah rentetan daripada sokongan yang tinggi dan memberangsangkan dalam PRU 8 Mac 2008. Mujahid Yusoff Rawa berkata:

Memandangkan bilangan sokongan (mereka iaitu bukan Islam) tinggi dan terlibat dengan formal dalam PAS, lebih baik kita buka keahlian dan menjadi sebahagian daripada organisasi PAS.<sup>78</sup>

Sebagai parti yang membawa aspirasi Islam, PAS begitu lantang dalam menyuarakan hal-hal yang berkaitan dengan pembelaan nasib wanita di Malaysia, sebagai contoh berkenaan dengan isu cuti bersalin dan isu pembelaan ibu tunggal masih dilihat secara sambil lewa dari sudut pandang penggubalan dasar terutamanya dalam sektor awam. Selain itu, dalam sektor awam sendiri, dasar yang melibatkan kenaikan pangkat dan gaji juga perlu dinilai semula, lebih-lebih lagi jika wujudnya 'siling kaca' yang menghalang wanita mengembangkan potensi dalam kerjayanya. Halangan ini juga termasuklah mereka yang aktif berpolitik dan terlibat dalam pilihan raya. PAS juga perlu memainkan peranan untuk memperbanyak program kesedaran awam berkenaan hak wanita menerusi tenaga kerja Dewan Muslimat.<sup>79</sup> Selain itu, PAS turut menubuhkan beberapa lajnah politik baru dalam Dewan Muslimat PAS untuk golongan muda seperti Nisa'.<sup>80</sup> Menurut bekas pengarah Nisa Mastura Mohamad mengenai perjuangan Nisa', katanya :

Perjuangan kamu amat mudah, membantu semua yang menghadapi masalah dan memerlukan perkhidmatan bimbingan berterusan menuju kejayaan yang dihajati. Walaupun tidak mempunyai pejabat urusan yang tetap, kami mampu mengadakan perjumpaan setiap hari hanya

<sup>78</sup> Kenyataan Mujahid Yusoff Rawa ketika dihubungi oleh *Malaysiakini* dan disiarkan dalam *malaysiakini.com* pada 15 November 2008.

<sup>79</sup> *Utusan Malaysia*, 2 Jun 2001. Lihat juga <http://www.utam.net/index.php/component/k2/harapan-untuk-muktamar-pas-hazman-baharom-dan-imran-rasid> diakses pada 17 Julai 2014.

<sup>80</sup> Nisa' atau Unit Amal Nisa' Walbanat ditubuhkan pada 26 Disember 1992 merupakan pertubuhan sukarela yang dianggotai profesional yang merancang dan membantu mempertingkatkan potensi remaja. Visi Nisa' ialah 'menjadi penghubung utama generasi muda ke arah hidup yang lebih baik' (*Connecting you for a better life*). Misinya pula ialah 'kebahagian iaitu berkongsi kebahagiaan' (*Sharing Happiness*), kemanusiaan iaitu prihatin dan menghargai kehidupan (*Care and Appreciating Lives*) dan kemasyarakatan iaitu membudayakan kesukarelawan (*Promoting volunteerism*) Misi utama penubuhan badan sukarela ini ialah memperjuangkan hak remaja dan wanita dan ianya dilihat mampu menjadi wadah penyambung generasi muda kini. Bermula 23 Mei 2005, perjenamaan baru ditukar nama dari Unit Amal Nisa' Walbanat kepada Nisa' Malaysia dengan perjuangan luas membantu semua golongan tanpa mengira kaum dan latar belakang agama masing-masing. Barisan jawatankuasa kerja pusat kian bergerak aktif membantu golongan sasaran, khususnya remaja berusia 13 tahun ke atas dalam pengisian pelbagai program bermanfaat dari semasa ke semasa. Lihat *detikdaily.net* pada 17 Oktober 2011. <http://ameerah-malaysia.blogspot.my/> diakses pada 22 Mac 2016. Lihat *Berita Harian*, 24 Oktober 2007. Lihat [mynisa.org/visi-misi-dan-organisasi/](http://mynisa.org/visi-misi-dan-organisasi/) diakses pada 4 November 2014.



secara bergerak seperti dari rumah ke rumah dan dalam kereta. Perkhidmatan badan amal ini mempunyai tiga unit bahagian iaitu Unit Kerjaya, Unit Pembangunan Insan dan Unit Khidmat dan Kaunseling. Setiap unit mempunyai perancangan khusus menyusun pelbagai program untuk menyatukan ahli seluruh negara.<sup>81</sup>

Nisa' juga turut mengadakan pelbagai aktiviti di seluruh negara. Antara aktiviti-aktiviti terkini yang diadakan oleh mereka ialah Nisa' *Sharing Moment* iaitu perkongsian ilmu dan pengalaman dari hati ke hati, Nisa' 4WD iaitu penjelajahan Nisa' ke pelusuk desa demi menyempurnakan misi kebajikan, Nisa' *Small Kindness* iaitu sumbangan kecil Nisa' buat mereka yang memerlukan, Nisa' XPDC iaitu pendakian Nisa' menghayati erti kemanusiaan dari pandangan alam yang luas, Nisa' *Run* iaitu larian Nisa' dengan misi kebajikan dan kasih sayang dan Nisa' *Away Day* iaitu menikmati cinta dan kasih sayang bersama teman yang sejati. Menurut Mastura lagi:

Pendekatan kami lebih mesra remaja. Kami tangani masalah mereka dengan nilai positif. Nisa' selami masalah mereka, cuba membantu. Remaja berpeluang meluahkan isi hati. Setiap masalah yang dihadapi ada penawarnya. Ahli kami ada senjata ampuh membantu mereka. Antara aktiviti remaja yang diadakan adalah seminar, kembara ilmu, *Nisa' Games*, Kursus Personaliti Diri, Sukaneka, kursus kepimpinan dan Tayangan Video dan Kritikan lagu. Tidak ketinggalan juga panduan menghadapi temuduga kerja, seminar Penilaian Menengah Rendah (PMR), bengkel usahawan dan Sembang Kerjaya.<sup>82</sup>

Aktiviti dan program kebajikan dan kemasyarakatan yang dijalankan oleh DMPP dan juga Nisa' amat penting untuk merapatkan lagi hubungan dengan masyarakat setempat. Nisa' Raub Pahang telah mengadakan program Jambori Nisa pada 5 hingga 7 Jun 2007 untuk remaja yang berusia antara 13 hingga 30 tahun untuk memberi pendedahan tentang PAS dan merapatkan lagi hubungan silaturahim sesama

---

<sup>81</sup> Temubual wartawan Berita Harian bersama Mastura Mohamad mantan Pengarah Nisa' Malaysia ketika Karnival Jualan Busana Muslimah di Perodua, Serendah, Selangor dan disiarkan dalam *Berita Harian*, 4 Oktober 2007. Namun begitu Nisa' telah mengalami perubahan di mana terkini Nisa' mempunyai penambahan 1 unit. Berikut merupakan unit-unit terkini di dalam Nisa' iaitu Unit Pembangunan Insan, Unit Pendidikan dan Kerjaya, Unit Kesenian dan Sukan, Unit Nisa' News Network. Lihat [mynisa.org/unit-dan-aktiviti/](http://mynisa.org/unit-dan-aktiviti/) diakses pada 4 November 2014.

<sup>82</sup> Ibid.

mereka.<sup>83</sup> Selain itu juga, Nisa' Negeri Sembilan telah mengadakan program 'Sayangi Kami' pada 16 Oktober 2006 di Gedung Lalang. Program ini untuk meraikan golongan anak-anak yatim dan fakir miskin di sekitar Negeri Sembilan dengan memberi sumbangan berbentuk wang ringgit dan barangan bagi meringankan penderitaan golongan tersebut.<sup>84</sup> Bagi Farisa Umar<sup>85</sup> dan Illi Izzati Abdul Rahman<sup>86</sup> program yang dijalankan dapat memberi imej yang positif kepada Nisa' yang mengambil berat tentang mereka yang memerlukan.

Program-program kebajikan yang telah dilaksanakan merupakan salah satu aktiviti dakwah melalui Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan Dewan Muslimat PAS di samping untuk memperkenalkan parti PAS kepada masyarakat. Masyarakat akan menilai dan melihat keprihatinan PAS yang mengutamakan kebajikan. Maka dakwah yang dilakukan mudah diterima kerana pemimpin bersama-sama turun ke padang. Sebagai contoh, Lajnah ini telah melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan dalam usaha meletakkan PAS sebagai pilihan kepada rakyat di Temerloh Pahang pada 27 Jun 2008 dengan melancarkan dana Kebajikan Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan DMPP dan ceramah umum yang disertai oleh Ustazah Nuridah Salleh. Pada 28 Jun 2008 pula, program tersebut dipenuhi dengan pelbagai jualan kebajikan, aneka sumbangan kebajikan, perkhidmatan kesihatan percuma, kempen derma darah, ceramah motivasi dan kesihatan dan sukaneka keluarga. Perkhidmatan Kesihatan percuma telah diberikan oleh Najiahatussallehah Ahmad. Program tersebut diadakan di pekarangan Kilang Sawit, Charuk Putting, Temerloh, Pahang.<sup>87</sup> Presiden PAS, Abdul Hadi Awang sendiri meminta DMPP membina hubungan dengan generasi muda bagi mengukuhkan lagi sokongan golongan tersebut kepada PAS. Beliau menegaskan

---

<sup>83</sup> *Harakah*, 16 Mei 2007.

<sup>84</sup> *Harakah*, 3 Oktober 2006.

<sup>85</sup> Temubual dengan Farisa Umar menerusi laman *facebook* beliau (Farisa Umar) pada 23 Julai 2017. Beliau merupakan mantan AJK Nisa' Kuala Lumpur sekitar tahun 2008-2009.

<sup>86</sup> Temubual dengan Illi Izzati Abdul Rahman menerusi laman *facebook* beliau (Illi Izzati Abdul Rahman) pada 24 Julai 2017. Beliau merupakan mantan AJK Nisa' Kuala Lumpur sekitar tahun 2013 dan pernah mengendalikan program multimedia dan juga ceramah anjuran Dewan Muslimat PAS Pusat.

<sup>87</sup> *Harakah*, 10 Jun 2008.

muslimat harus menjadi ikon kebanggaan masyarakat dengan menjalin hubungan dengan kelompok yang kurang bernasib baik dan kurang kemampuan. Melalui program kemasyarakatan dan acara-acara kebersamaan dengan golongan muda, muslimat harus memahami jiwa mereka dalam usaha mendekati golongan tersebut yang cenderung kepada program berbentuk hiburan. Hiburan yang mendidik dan membina kekentalan agar jiwa taat kepada Allah s.w.t harus dipupuk untuk menghasilkan generasi yang faham dan memihak kepada perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS.<sup>88</sup> Usaha yang dilakukan oleh Muslimat PAS untuk mendidik masyarakat agar mempunyai keperibadian yang baik dan berakhlak mulia menerusi aktiviti-aktiviti kemahiran seperti bimbingan menjana kewangan dan ekonomi serta kemahiran mengurus rumahtangga. Muslimat PAS juga turut sama menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian dan pakaian kepada golongan yang memerlukan.

Antara program-program kemasyarakatan yang dilakukan oleh DMPP ialah mengadakan satu program 'Singgah Iftar' bagi meraikan golongan yang memerlukan di kawasan terpilih sempena bulan Ramadan bermula 15 Ramadan bersamaan 27 September 2007. DMPP turut menyampaikan sumbangan berasa lima kilogram, sekotak kurma dan susu bagi setiap keluarga miskin, anak yatim dan ibu tunggal yang terpilih. Setiausaha DMPP ketika itu, Aiman Athirah Al-Jundi berkata:

Dalam masa sama, kita akan memilih satu rumah sasaran, di mana kita akan berbuka puasa bersama mereka dengan juadah yang disediakan pihak muslimat PAS.<sup>89</sup>

Seterusnya, Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS turut mengadakan kursus Umrah Tarbawi yang disertai oleh 40 orang peserta dari seluruh Malaysia yang berlangsung di Pejabat Agong PAS Jalan Raja Laut pada 28 Jun 2008. Program julung kali diadakan ini bertujuan untuk membantu menambah Dana Dewan

---

<sup>88</sup> *Harakah*, 5 Jun 2009.

<sup>89</sup> Kenyataan Setiausaha DMPP, Aiman Athirah Al-Jundi kepada wartawan *Harakah* dan disiarkan dalam *Harakah*, 20 September 2007.

Muslimat PAS Pusat, membantu golongan yang berpendapatan rendah dengan menyertai umrah dengan tambang yang rendah, memberikan pendedahan kepada peserta kepada sejarah perjuangan Rasulullah s.a.w. dan program ini membawa konsep tarbiyah dan penghayatan kepada ibadah supaya memberi kesan kepada peserta. Selain itu juga DMPP dengan kerjasama Dewan Muslimat negeri-negeri buat julung kalinya telah menganjurkan satu program yang dinamakan 'Pasar-ning'. Program ini merupakan anjuran Lujnah Perpaduan Nasional Muslimat PAS Pusat dan telah diadakan serentak di seluruh negara pada 12 Januari 2008. Majlis pelancaran 'Pasar-ning' peringkat pusat telah diadakan di Pasar Telok Pulai, Klang, Selangor bermula jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 11.30 pagi. Program ini dinamakan 'Pasar-ning' bersempena pemakaian warna kuning oleh semua peserta yang hadir. Pada majlis itu juga, Muslimat PAS turut mengedarkan risalah 'ren Men Shi Shi' kepada kaum Cina. Manakala satu risalah baru dalam bahasa Tamil dikenali sebagai 'Makkal Sethi' bermaksud 'Berita Rakyat' yang diterbitkan untuk kaum India yang mendiami kawasan berhampiran Pasar Telok Pulai itu.<sup>90</sup>

Penyertaan dan penglibatan Dewan Muslimat PAS dalam aktiviti kemasyarakatan semakin terserlah apabila PAS membuka ruang untuk wanita menjadi calon pilihan raya pada tahun 2004. Perubahan ini telah memberi peluang kepada ahli-ahli mereka untuk bergiat aktif dalam masyarakat. Antara peranan ahli jawatankuasa dalam Muslimat PAS ialah memberi penerangan mengenai aktiviti dan program yang dijalankan dengan agenda yang telah dirancang oleh ahli jawatankuasa yang dilantik. Mereka mengadakan kuliah muslimat, usrah dalam kalangan ahli-ahli muslimat di rumah tertentu atau di tempat yang difikirkan perlu seperti surau atau masjid. Sebagai contoh, Nafisah Tahir sentiasa melakukan aktiviti usrah sama ada di rumah ahli, masjid atau surau. Aktiviti ini turut memberi impak yang positif kepada ahli yang terlibat mengenai hal ehwal Islam selain memahami tentang kepentingan politik yang

---

<sup>90</sup> *Harakah*, 11 Januari 2008.

dijalankan oleh mereka dalam PAS. Beliau turut melakukan aktiviti kuliah Dhuha dengan pelbagai tajuk dari tafsir al-Quran di sekitar Selangor sebagai sumbangan beliau kepada masyarakat setempat dalam memberi penerangan mengenai ajaran Islam. Justeru itu, program-program yang dijalankan oleh aktivitis PAS ini sedikit sebanyak telah membawa masyarakat mengenali lebih mendalam mengenai parti pembangkang yang dimonopoli oleh bangsa Melayu Islam ini. Masyarakat akan lebih terbuka dan bijak dalam menilai sendiri kewibawaan wanita PAS sebagai pemimpin yang layak untuk mewakili suara wanita di negara ini.

### **Wanita Melayu dalam Parti PKR**

Penubuhan Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada 4 April 1999<sup>91</sup> merupakan sebuah parti politik yang lahir daripada gelombang Reformasi selepas pemecatan Anwar Ibrahim. Apa yang cukup penting bagi parti ini ialah buat pertama kali dalam sejarah di Malaysia Wan Azizah Wan Ismail telah muncul sebagai wanita pertama menerajui sebuah parti pembangkang di Malaysia.<sup>92</sup> PKR adalah sebuah parti pembangkang bagi Kerajaan Persekutuan dan merupakan kerajaan pakatan di negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang.<sup>93</sup> Parti Keadilan juga turut menafikan perjuangan parti berkenaan adalah berdasarkan perjuangan individu. Perwakilan Keadilan dari Perak, Zulkifli Ibrahim menegaskan bahawa Parti Keadilan Rakyat bukan parti yang berlandaskan perjuangan individu tetapi merupakan perjuangan semua rakyat Malaysia yang mahukan perubahan di negara ini. Menurut kenyataan beliau:

---

<sup>91</sup> Parti Keadilan Nasional ditubuhkan pada 4 April 1999 dan pada 3 Ogos 2003 nama parti ditukar kepada Parti Keadilan Rakyat. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Parti\\_Keadilan\\_Rakyat](https://ms.wikipedia.org/wiki/Parti_Keadilan_Rakyat) diakses pada 6 April 2016.

<sup>92</sup> Wan Azizah Wan Ismail telah muncul sebagai wanita pertama menerajui sebuah parti pembangkang di Malaysia. Beliau mendirikan rumahtangga dengan Anwar Ibrahim pada Februari 1980. Beliau juga berpengalaman menjadi Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia. Seterusnya Parti Keadilan Nasional bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang dipimpin tokoh politik, Syed Husin Ali pada 3 Ogos 2003 dan dinamakan Parti KEADILAN Rakyat atau KEADILAN. Namun pada waktu itu Pendaftar Penubuhan masih enggan meluluskan pendaftaran parti. Maka pada Pilihan Raya Umum 2004, calon-calon PRM bertanding di atas platform KEADILAN. Calon tunggal yang menang ialah Presiden Parti iaitu Wan Azizah di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Lihat *keadilandaily.com*, 4 April 2014. Lihat juga Mohd Sayuti Omar, *Cinta dan Perjuangan, Nonaku Azizah*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 1999, hlm. 31. Lihat juga *Majalah Tamadun*, 'Anwar Terpenjara, Bukan Salah Azizah?', April, 1999, Bil 56, hlm. 44.

<sup>93</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai struktur organisasi PKR, lihat <http://www.keadilanrakyat.org/struktur-organisasi/> diakses pada 8 Januari 2016.

Kita berhak tegur pemimpin kita, kita berhak beri pandangan. Kalau pemimpin kata tak benar tak ada masalah kita nyatakan pandangan kita. Kita melakukan reformasi dan islah bermaksud tidak takut menyatakan sesuatu yang benar, tidak berdukacita jika kalah. Yang kalah dalam reformasi dia tidak kecewa, yang menang kena teruskan perjuangan. Jangan jadikan PKR ini milik individu, itu salah.<sup>94</sup>

Ketua Srikandi Parti Keadilan Rakyat Siti Aisyah Shaikh Ismail juga turut melahirkan rasa yang sama tentang kritikan terhadap pemimpin terutama terhadap Anwar Ibrahim kerana terdapat segelintir anggota Parti Keadilan Rakyat yang menggunakan media massa milik UMNO untuk mengkritik kepimpinan Parti Keadilan Rakyat. Katanya:

Tegur pemimpin itu tidak salah, tapi kita perlu jadi lambang kepada pihak lawan yang mempunyai prinsip dan etika. Jangan guna media massa untuk hentam pemimpin kerana parti kita tidak melambangkan itu.<sup>95</sup>

Beliau juga mengakui Anwar Ibrahim menjadi simbol perjuangan Parti Keadilan Rakyat kerana penghinaan terhadap Anwar dan keluarganya telah memunculkan satu kebangkitan rakyat yang menuntut satu reformasi dalam sistem pentadbiran negara.

Tambah beliau lagi:

Jangan perkecilkan Anwar, beliau ialah tokoh pemimpin dunia, pemimpin penyatu yang telah menyatukan ketiga-tiga komponen BN.<sup>96</sup>

Wan Azizah juga turut mengakui tentang kemunculan beliau untuk memperjuangkan keadilan dan juga menentang kezaliman terhadap pemecatan Anwar Ibrahim.<sup>97</sup>

Seterusnya dalam perlembagaan Parti Keadilan Rakyat terdapat perlembagaan yang dikhususkan kepada Sayap Kiri Parti iaitu wanita. Walaupun PKR merupakan parti yang baru muncul pada 4 April 1999. Namun, kesannya cukup

---

<sup>94</sup> Kenyataan Perwakilan KEADILAN dari Perak, Zulkifli Ibrahim dan disiarkan dalam *keadilandaily.com*, 27 November 2010.

<sup>95</sup> Kenyataan Ketua Srikandi KEADILAN, Siti Aisyah Shaikh Ismail dan disiarkan dalam *keadilandaily.com*, 27 November 2010.

<sup>96</sup> Ibid.

<sup>97</sup> Temuramah dengan Wan Azizah Wan Ismail dalam satu program Tahlil di kediaman beliau, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Presiden Parti Keadilan Rakyat dan Ahli Parlimen Permatang Pauh (1999, 2004, 2008, 2015) dan ADUN Kajang (2014).

memberangsangkan ekoran gabungan di antara parti-parti pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif. Perlembagaan parti PKR juga telah memberi peruntukan yang khusus untuk wanita iaitu dalam Fasal 20 Perlembagaan PKR.<sup>98</sup> Wanita Keadilan dilihat bertambah mantap apabila kemunculan Briged Puteri selepas tahun 2000. Pada 16 hingga 18 Mac 2001, Wacana Briged Puteri telah diadakan dan dihadiri oleh 20 orang remaja antara usia 16 hingga 28 tahun. Namun begitu, nama Briged Puteri telah ditukar kepada Srikandi Parti Keadilan Rakyat sebagai sayap muda wanita.<sup>99</sup>

Selain itu, Wanita Keadilan juga telah menganjurkan program Sambutan Bulan Reformasi sepanjang bulan September hingga Oktober 2000. Wanita Keadilan Pusat juga telah melakukan lawatan ke Hospital Universiti pada 18 September 2000 yang diketuai oleh Fuziah Salleh. Mereka menyerahkan kad-kad 'Get Well', jambangan bunga, buah-buahan dan menjual poskad sempena Kempen Poskad 'Bebaskan Anwar' di samping mendapatkan tandatangan untuk petisyen Bebaskan Anwar. Wanita Keadilan Pusat juga turut melakukan beberapa siri lawatan ke negeri Selangor pada 9 Julai 2000, ke negeri Pahang pada 23 Julai 2000, ke Kedah dan Perlis pada 25 Ogos 2000, Pulau Pinang dan Perak pada 27 Ogos 2000. Wanita Keadilan juga menganjurkan Kempen Sayang Wanita pada 16 Julai 2000 bagi mengumpul dana daripada sumbangan bulanan sebanyak RM1.00 untuk pembangunan ahli dan aktiviti berkaitan. Pada hari yang sama Wanita Keadilan juga mengadakan Kempen Riben Putih sempena Hari Pengadilan Anwar Ibrahim pada 4 Ogos 2000 iaitu memakai riben putih tanda setiap rakyat berhak mendapat keadilan. Ketika itu juga mereka turut melakukan solat Hajat. Seterusnya program 'Gerakan Rakyat Rebasikan Anwar' telah diadakan pada 14 Oktober 2000 di Pusat Latihan ABIM, Sungai Ramal, Kajang Selangor dihadiri oleh

---

<sup>98</sup> Fasal 20 dalam Perlembagaan PKR merupakan fasal yang berkaitan mengenai wanita. Pada tahun 2009 telah berlaku beberapa pindaan mengenai wanita. Antaranya ialah pimpinan parti berkenaan telah memperuntukkan 30 peratus kedudukan dalam parti untuk golongan wanita di setiap peringkat cabang, negeri dan pusat. Peruntukan ini sekaligus memenuhi keperluan Piagam Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk *Suara Keadilan*, 24 November 2013. Lihat juga <https://keadilankimanis.wordpress.com/perlembagaan-2/yang> diakses pada 24 Mei 2016.

<sup>99</sup> Srikandi juga telah diiktiraf oleh Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat Anwar Ibrahim pada tanggal 28 Februari 2009. Lihat Ucapan Ketua Srikandi Keadilan dalam Kongres Nasional Ke -Enam 2009 Parti Keadilan Rakyat yang diadakan pada 29 dan 30 Mei 2010 bertempat di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu Kelantan.

semua pemimpin BA dan Wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).<sup>100</sup> Wanita Keadilan turut mengadakan Program Gerak Gempur Srikandi yang merupakan program mobilisasi Wanita Keadilan untuk turun ke akar umbi masyarakat umum seperti menerangkan Fatwa Taha Jabir Al-Alwani (Syeikh Dr. ) yang menetapkan hukuman Anwar Ibrahim tidak sah di sisi undang-undang, syariat Islam dan juga hak asasi manusia. Wanita Keadilan juga membuat penerangan mengenai alibi Anwar Ibrahim yang dikemukakan oleh peguam beliau tidak dicabar langsung oleh pihak pendakwa di mahkamah.<sup>101</sup>

Seterusnya, Pemuda Keadilan Nasional telah dilancarkan pada waktu yang sama penubuhannya pada 4 April 1999. Ketua Pemuda yang pertama ialah Ezam Mohd Nor, pemuda Keadilan memainkan peranan sebagai penggerak, penyedar dan pendesak kepada kepincangan sistem penghakiman dan ketidakadilan atas hukuman penjara ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri. Ketika itu, Pemuda Keadilan telah mengambil langkah yang agak agresif untuk memperjuangkan keadilan kepada Anwar Ibrahim menerusi demonstrasi jalanan, ceramah penerangan dan pelbagai cara bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang hukuman dan fitnah terhadap Anwar Ibrahim. Antara demonstrasi yang dianjurkan oleh Pemuda Keadilan bersama Gerakan Bebas Anwar (GBA) ialah demonstrasi 'Black 14' pada 14 April setiap tahun. Mereka berjaya mengumpulkan puluhan ribu rakyat Malaysia berbilang bangsa bagi mendesak kebebasan Anwar Ibrahim. Namun, pada tahun 2000, kerajaan telah menangkap beberapa pimpinan Pemuda Keadilan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pemuda Keadilan Nasional juga telah bertukar nama kepada Angkatan Muda Keadilan (AMK) pada tahun 2004 ekoran gabungan Parti keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia yang mempunyai kesinambungan perjuangan kemerdekaan progresif tanah air

---

<sup>100</sup> *malaysiakini.com*, 24 November 2004. Lihat [http://members.tripod.com/wanita\\_keadilan/aktiviti.htm#Wanita KeADILan Negeri](http://members.tripod.com/wanita_keadilan/aktiviti.htm#Wanita KeADILan Negeri) diakses pada 12 Julai 2016.

<sup>101</sup> Kenyataan media mengenai kegiatan Wanita Keadilan menyemarakkan bulan Reformasi di Seluruh Negara oleh Saari Sungib, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Reformasi, Parti Keadilan Nasional pada 25 September 2000 dan disiarkan di <http://keadilanns.tripod.com/Akhbar/kenyataanakhbar2.htm> yang diakses pada 12 Julai 2016.



menerusi AMCJA-Putera. AMK dianggotai oleh semua anggota parti, lelaki dan perempuan bawah 40 tahun.<sup>102</sup>

Seterusnya pelbagai program telah dijalankan oleh Angkatan Muda Keadilan antaranya ialah kursus Politik Angkatan Muda di Shah Alam pada 1 Oktober 2005. Selain itu, Khemah Kerja Angkatan Muda Keadilan Bahagian Hulu Langat telah berlangsung pada 24 Mac 2006 dengan kehadiran anak muda dan remaja sekitar 30 orang. Program seperti ini sesuai untuk golongan remaja untuk mengisi masa lapang dan bermanfaat. Di samping itu, program ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman tentang perjuangan Parti Keadilan. Program Latihan Kepimpinan Angkatan Muda di Kg Sum Sum Hilir, Janda Baik Pahang pada 22 dan 23 April 2006 anjuran Biro Latihan Pusat Parti. Program tersebut merangkumi disiplin kerja parti secara berkumpulan, latihan pidato Umum, perbincangan kumpulan, perkembangan dan strategi terkini untuk memenangi PRU 2008. Jentera Angkatan Muda (JAM) peringkat pertama berlangsung di pejabat Keadilan Bahagian Gombak pada 12 April 2006.<sup>103</sup> Banyak lagi aktiviti dan program yang dilakukan oleh Parti Keadilan Rakyat sepanjang tempoh 1999 hingga 2008.

Selain itu juga banyak program yang dijalankan oleh Wanita Keadilan bersama dengan muslimat PAS. Sebagai contoh ialah Konvensyen Pilihan Raya Wanita BA yang diadakan pada 7 Februari 2004 untuk mengukuhkan persefahaman dan membangkitkan semangat ahli-ahli parti terbabit. Dalam majlis perasmian konvensyen tersebut, Wan Azizah telah berkata:

Parti Keadilan akan mengemukakan lebih ramai calon wanita dalam pilihan raya akan datang. 30 peratus daripada pencalonan adalah untuk wanita.<sup>104</sup>

Pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh Wanita PKR termasuk kerjasama di antara Pakatan Pembangkang iaitu PAS dan PKR telah membawa manfaat kepada

<sup>102</sup> <http://www.amkmalaysia.com/kenali-amk/> diakses pada 29 Jun 2016.

<sup>103</sup> <http://angkatanmudaselangor.blogspot.my/2006/05/9-may-2006-jam-230-petang-majlis.html> diakses pada 29 Jun 2016

<sup>104</sup> Ucapan Wan Azizah Wan Ismail ketika majlis perasmian Konvensyen Pilihan Raya Wanita BA pada 7 Februari 2004 di Markaz Tarbiyah PAS Pusat, Taman Melewar. Lihat *Harakah*, 8 Februari 2004.

setiap ahli yang terlibat. Di samping itu, masyarakat juga akan lebih mengenali parti-parti berkenaan menerusi program dan aktiviti yang dianjurkan. Antara aktiviti yang dihadiri oleh Wanita PKR ialah Perhimpunan Rakyat di Kelana Jaya pada 6 Julai 2008 bagi membantah kenaikan harga minyak. Sepanjang program tersebut para pemimpin Pakatan Rakyat telah memberi ucapan termasuk Wanita Pakatan rakyat iaitu PAS diwakili Wan Hasrina Wan Hassan dan Mariah Mahmud. Manakala PKR diwakili oleh Ketua Wanita PKR ketika itu, Zuraida Kamaruddin.<sup>105</sup>

Pada Kongres Kedua Parti Keadilan yang diadakan pada 22 Disember 2005, Wanita Keadilan telah mengusulkan isu cabaran global, kepimpinan wanita dan pemerksaan wanita dalam politik negara. Menurut Fuziah Salleh, wanita mampu mendokong sesebuah negara dan banyak isu wanita yang tidak dapat dibawa terutama berkaitan dengan penindasan kerang kurang perwakilan wanita dalam pimpinan sesebuah organisasi. Menurut beliau Wanita Keadilan banyak menjalankan aktiviti-aktiviti sosial melalui *Women's Institute For research, Development and Advancement* (WIRDA). Pengarah Wirda ketika itu ialah Zuraida Kamarudin dan merupakan Timbalan Ketua Wanita Keadilan. Antara aktiviti tersebut ialah menghantar wakil misi ke Aceh untuk membantu wanita di sana sewaktu bencana tsunami melanda negara tersebut. Tsunami di Aceh, Indonesia berlaku pada 26 Disember 2004.<sup>106</sup> Selain itu, Wanita PKR telah mengadakan satu forum dialog wakil-wakil rakyat Wanita PKR di Shah Alam pada 29 November 2008 bersempena kongres tahunan pergerakan itu. Forum tersebut bertajuk 'Menggerak Wanita ke Arah Arus Perdana Politik' yang dipengerusikan oleh bekas wartawan penyiaran Tengku Elida Bustaman dan dihadiri kira-kira 300 perwakilan dan wakil media. Menurut bekas Ketua Wanita PKR, Fuziah Salleh, Wanita PKR berbeza dengan wanita UMNO kerana mereka berperanan di peringkat arus perdana dan bukan sekadar menjadi penyokong sahaja. Katanya lagi:

---

<sup>105</sup> *malaysiakini.com*, 6 Julai 2008

<sup>106</sup> Lihat *malaysiakini.com* pada 20 Disember 2005, <http://sepanonline.blogspot.my/2005/12/wanita-keadilan-bincang-isu-cabaran.html> yang diakses pada 29 Jun 2016.

Kita tidak boleh membiarkan perkara ini berterusan. Wanita PKR mahu memecah tembok minda (tersebut) dalam mempelopori perubahan dan berada di barisan hadapan membawa perubahan ini.<sup>107</sup>

Di dalam forum yang sama, Elizabeth Wong merupakan wakil rakyat Bukit Lanjan pada ketika itu turut berkata:

Hambatan yang masih mengekang kemajuan wanita dalam politik berbanding ekonomi ialah masih terdapat pemikiran gaya lama yang menyatakan lelaki harus menjadi ketua dan memimpin di peringkat bahagian parti. Wanita PKR harus bersedia menjadi calon (pilihan raya) atau ketua bahagian. Wanita sendiri perlu memecahkan belunggu tersebut atau hala tuju mereka tidak akan ke mana-mana.<sup>108</sup>

Di sini dapat diperhatikan perubahan yang cukup membanggakan dalam perkembangan parti Parti Keadilan Rakyat walaupun parti ini masih lagi baru di Malaysia termasuklah wanita Parti Keadilan Rakyat. Penerimaan masyarakat terhadap Parti Parti Keadilan Rakyat dapat dilihat apabila terbentuknya kerajaan negeri Pakatan Rakyat di Selangor dan diketuai oleh Menteri Besar dari Parti Parti Keadilan Rakyat. Agenda reformasi dan perjuangan rakyat demi masa depan negara yang lebih baik merupakan peranan yang dimainkan oleh setiap anggota parti Parti Keadilan Rakyat. Bagi Presiden Parti Keadilan Rakyat, Wan Azizah Wan Ismail beliau amat berpuas hati dengan pengurusan penamaan calon di peringkat pusat dan cabang, termasuk Angkatan Muda dan Wanita Parti Keadilan Rakyat. Menurut Wan Azizah Wan Ismail, katanya:

Saya percaya bahawa Parti Keadilan Rakyat akan terus berkembang dan kita bakal menyaksikan kematangan dalam kalangan anggota untuk memilih pucuk pimpinan parti. Ketika kita melalui proses pemilihan ini, jangan lupa bahawa diakhirnya nanti kita perlu kembali bersama-sama merapatkan saf keluarga Parti Keadilan Rakyat. Walau bagaimanapun, matlamat kita yang lebih besar adalah untuk meneruskan perjuangan bagi menggalas aspirasi dan

<sup>107</sup> Ucapan Fuziah Salleh dalam forum bertajuk 'Menggerak Wanita ke Arah Arus Perdana Politik' di Shah Alam, Selangor pada 29 November 2008. Lihat *malaysiakini.com* pada 29 November 2008.

<sup>108</sup> Ucapan Elizabeth Wong dalam forum bertajuk 'Menggerak Wanita ke Arah Arus Perdana Politik' di Shah Alam, Selangor pada 29 November 2008. Lihat *malaysiakini.com* pada 29 November 2008.

kepercayaan rakyat untuk masa depan Malaysia yang lebih baik.<sup>109</sup>

Agenda memperkasa sistem pendidikan merupakan agenda utama yang diperjuangkan Parti Keadilan Rakyat. Barisan kepimpinan Parti Keadilan Rakyat juga kebanyakan merupakan guru pendidikan dan bekas pensyarah universiti. Menurut wakil Angkatan Muda Parti Keadilan Rakyat, Yusmadi Yusof berkata:

Parti kita bukan parti biasa, parti kita bukan perjuangkan agenda biasa, parti kita punya agenda yang luar biasa dan agenda pendidikan untuk rakyat Malaysia. AMK berpandangan agenda pendidikan mestilah pertamanya menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa, kedua menterjemahkan muafakat pendidikan dalam masyarakat, ketiga mampu memerdekakan jiwa dan memerdekakan umat dalam membasmi kemiskinan.<sup>110</sup>

Selain itu juga, Parti Keadilan Rakyat juga turut komited dalam melindungi hak pekerja daripada sebarang penindasan, eksploitasi dan monopoli pekerjaan. Menurut Wan Azizah Wan Ismail mengatakan tentang komitmen Parti Keadilan Rakyat bersama Pakatan Rakyat dalam melindungi hak pekerja turut dinyatakan di dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-12. Menurut kenyataan beliau:

Tambahan pula golongan pekerja adalah tunjang kepada kemakmuran negara yang berterusan. Kita akan berusaha menjamin semua pekerja Malaysia dilayan dengan adil serta memastikan kebajikan dan kesejahteraan pekerja dipelihara.<sup>111</sup>

Wanita PKR telah menganjurkan program 'Himpunan Keluarga Merdeka' di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru pada 30 Ogos 2008. Majlis tersebut bertujuan untuk menghayati jiwa merdeka sempena hari kemerdekaan pada 31 Ogos dan untuk meraikan kemenangan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh pada 26 Ogos

---

<sup>109</sup> Ucapan Presiden Parti Keadilan Rakyat Wan Azizah Wan Ismail dalam sidang media yang berlangsung di ibu Pejabat KEADILAN di Petaling Jaya pada 23 April 2014.

<sup>110</sup> Kenyataan wakil Angkatan Muda Parti Keadilan Rakyat, Yusmadi Yusof dan disiarkan dalam *keadilandaily.com*, 28 November 2010.

<sup>111</sup> Kenyataan Wan Azizah Wan Ismail sempena Hari Pekerja tahun 2011 dan disiarkan dalam *keadilandaily.com*, 30 April 2011.

2008.<sup>112</sup> Pakatan Rakyat juga telah menunjukkan keprihatinan dan pengiktirafan kepada kaum wanita. Pengiktirafan ini juga turut disuarakan oleh Zuraida Kamaruddin iaitu:

Walaupun sekadar suri rumah yang tidak bekerja, mereka juga merupakan sebahagian individu yang berperanan dalam melahirkan kepimpinan negara.<sup>113</sup>

Kongres Wanita PKR 2008 telah meluluskan tiga usul tanpa bahas dan dibentangkan pada 29 November 2008.<sup>114</sup> Kongres berkenaan yang dihadiri oleh 583 ahli yang terdiri daripada 320 orang perwakilan dan 263 pemerhati sebulat suara menerima ketiga-tiga usul yang menyentuh mengenai Majlis Permuakafakatan Wanita, kebebasan ekonomi dan mengenai pelaksanaan 30 peratus penglibatan wanita di peringkat pembuat dasar. Timbalan Ketua Wanita PKR ketika itu, Rodziah Ismail mengemukakan usul bagi menggesa penubuhan Majlis Permuakafakatan Wanita Pakatan Rakyat bagi memperjuangkan isu-isu wanita supaya diaplikasikan dalam kepimpinan kerajaan negeri Selangor. Haniza Mohd Talha turut menggesa Majlis Pemimpin Tertinggi PKR menunjukkan komitmen setelah meluluskan usul 30 peratus penglibatan wanita dalam semua peringkat pembuat dasar pada tahun tersebut. Haniza juga berkata:

Kita mahu mewujudkan mewujudkan sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita dalam tujuh jawatan tertinggi parti, Majlis Pimpinan tertinggi, wakil Perhubungan Negeri, Cawangan dan seluruh peringkat dalam Angkatan Muda Keadilan. Perwakilan wanita dalam parti politik memerlukan langkah alternatif bagi mempercepatkan proses kesaksamaan antara lelaki dan wanita serta ia perlu dimulakan dalam struktur hingga seterusnya kerajaan.<sup>115</sup>

---

<sup>112</sup> PRK Permatang Pauh telah diadakan ekoran Ketua PKR Wan Azizah Wan Ismail meletak jawatan pada 31 Julai 2008. PRK ini digelar 'Ibu Segala Pilihan Raya Kecil' oleh media disebabkan oleh kemungkinan implikasi PRK tersebut dan juga profil Anwar Ibrahim yang tinggi. Anwar Ibrahim Berjaya memenangi kerusi Parlimen tersebut dengan majoriti 15,671 undi dan memperoleh 31,195 undi sementara calon BN Arif Shah Omar mendapat 15,524 undi. Manakala calon Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM), Hanafi Mamat, hilang wang pertaruhan selepas mendapat 92 undi. Lihat *The Star*, 4 Ogos 2008, *Utusan Malaysia*, 27 Ogos 2008.

<sup>113</sup> Ucapan Zuraida Kamaruddin dalam Himpunan Kebangkitan Wanita yang julung kali diadakan di Kompleks Beli belah Spectrum, Bandar Baru Ampang pada hari Ahad 24 Februari 2013. Ucapan ini disiarkan dalam *Keadilandaily.com* pada 26 Februari 2013.

<sup>114</sup> Pada tahun 2009 telah berlaku beberapa pindaan mengenai wanita. Antaranya ialah pimpinan parti berkenaan telah memperuntukkan 30 peratus kedudukan dalam parti untuk golongan wanita di setiap peringkat cabang, negeri dan pusat. Peruntukan ini sekaligus memenuhi keperluan Piagam Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Lihat *Suara Keadilan*, 17 Jun 2009.

<sup>115</sup> Ucapan Haniza Mohd Talha dalam Kongres Wanita Parti Keadilan Rakyat tahun 2008. Lihat *mstar.com*, 28 November 2008 dan *malaysiakini.com*, 28 November 2008.

Seterusnya pada Kongres Wanita PKR 2008 itu juga, usul ketiga yang dibentangkan oleh Timbalan Ketua Brigid Srikandi PKR, Gan Pei Nei menggesa kerajaan Malaysia menubuhkan pasukan khas untuk memastikan wanita mendapat akses kepada sumber-sumber dan peruntukan kerajaan dan swasta. Katanya:

Kita juga mahu wanita berada dalam arus perdana pembangunan ekonomi. Kerajaan perlu menggubal dasar agar wanita menerima sekurang-kurangnya 30 peratus dari manfaat ekonomi berupa bantuan kewangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan dan pihak swasta kepada rakyat.<sup>116</sup>

Maka, PKR merupakan satu-satunya parti yang meluluskan usul 30 peratus penglibatan wanita dalam semua peringkat pembuat dasar pada tahun 2008. Pelbagai program dan aktiviti terus dijalankan oleh Wanita PKR dengan lebih mantap selepas pengiktirafan diberikan kepada golongan wanita dalam parti tersebut. Seterusnya wanita Melayu yang terlibat dalam parti politik UMNO, PAS dan PKR membawa mesej kepada masyarakat untuk mengenali parti-parti ini menerusi pelbagai program yang dianjurkan oleh mereka. Program-program tersebut akan menjadi salah satu kempen secara tidak langsung dan masyarakat akan dapat menilai untuk membuat pilihan yang bijak terutama menjelang Pilihan Raya Umum. Kemunculan sayap kiri muda dengan pelbagai agenda turut membawa mesej yang sama untuk menarik minat semua golongan untuk menyertai politik dan menyokong individu yang dicalonkan sebagai calon pilihan raya. Ramai dalam kalangan mereka yang menjadi pucuk kepimpinan tertinggi parti politik merupakan mereka yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam Pilihan Raya Umum.

### **Cabaran dan Halangan Wanita dalam Politik dan Pilihan Raya Di Malaysia**

Menurut kajian yang dilakukan oleh *International Institute for Democracy and Electoral Assistance 2005* mengenai wanita yang menjadi ahli Parlimen di mana kajian

---

<sup>116</sup> Ucapan Timbalan Ketua Brigid Srikandi PKR, Gan Pei Nei dalam Kongres Wanita Parti Keadilan Rakyat tahun 2008. Lihat *mstar.com*, 28 November 2008

ini ada menyentuh mengenai beberapa negara di Asia seperti India, Bangladesh dan Indonesia. Antara perkara yang paling penting ialah mengenai penglibatan wanita dalam politik terutama di negara-negara yang membangun. Pelbagai halangan dan cabaran akan dihadapi oleh kebanyakan wanita di seluruh dunia dengan isu yang pelbagai dan berbeza dari satu negara ke satu negara lain. Antara yang digariskan oleh para penyelidik mengenai cabaran yang dihadapi oleh wanita yang melibatkan diri dalam pilihan raya ialah keseimbangan di antara keluarga dan juga tugas sebagai ahli Parlimen, pengasingan ke dalam pekerjaan yang lebih rendah bayarannya, gaji yang tidak sama, keganasan terhadap wanita yang meningkat dan diskriminasi wanita masih lagi wujud lagi. Kebanyakan negara masih menunjukkan kerajaan mereka masih dikuasai oleh golongan lelaki.<sup>117</sup>

Selain itu, pelbagai faktor turut memberi kesan terhadap pencapaian termasuk bahagian kewangan dan sumber yang lain untuk membiayai wanita untuk menjalankan kempen dan meningkatkan kredibiliti politik, sosial dan ekonomi mereka, jalinan institusi mengikut piawaian lelaki, kekurangan sokongan dan kerjasama daripada pertubuhan wanita yang lain, rasa rendah diri wanita dan kurang keyakinan diri di mana banyak ditentukan oleh corak budaya tempatan yang membantut pencapaian wanita dalam politik, media massa kurang memberi perhatian terhadap sumbangan dan potensi wanita yang mengurangkan kuasa politik mereka. Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi oleh wanita mengikut senario politik sesebuah negara. Wanita di Malaysia adalah bernasib baik dibandingkan dengan negara membangun yang lain. Isu wanita sudah lama mendapat perhatian dari pihak kerajaan dan badan-badan NGO yang sentiasa berjuang demi kepentingan wanita terutama selepas pengenalan kepada Dasar Wanita pada tahun 1989.<sup>118</sup> Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh calon-calon wanita

---

<sup>117</sup> Nor Aini Idris, 'Wanita dan Globalisasi di Malaysia', *Massa*, 6-12 Julai, 2002, hlm. 60. Lihat Shyamala Nagaraj, *Malaysian Women Today*, Kuala Lumpur: Women's Affairs Division, Ministry of National Unity and Social Development, Malaysia, Julai 1995, hlm. 14.

<sup>118</sup> *Ibid.*

dalam melibatkan diri dalam politik turut diakui oleh bekas ahli Parlimen Bangladesh iaitu Razia Faiz, menurut beliau:

*Lack of financial resources. Women move from their father's home to their husband's home . . . They are like refugees. They have no base from which to develop contacts with the people or to build knowledge and experience about the issues. Furthermore, they have no money of their own; the money belongs to their fathers, their husbands or their in-laws. Given the rising cost of running an effective campaign, this poses another serious hurdle for women in the developing world.*<sup>119</sup>

Kenyataan ini jelas menunjukkan sesetengah pandangan masyarakat yang masih melihat wanita sebagai penyokong bagi kaum lelaki masih menebal. Sebagaimana yang berlaku di Malaysia calon-calon wanita perlu menunjukkan kewibawaan mereka sebelum menjadi calon wanita. Justeru itu, di dalam pemilihan calon-calon yang berketerampilan dan berwibawa cukup penting bagi menentukan kejayaan dalam Pilihan Raya Umum. Contohnya, kewibawaan beberapa calon pilihan raya dalam parti UMNO berdasarkan pencapaian mereka dalam pergerakan wanita UMNO seperti Rafidah Aziz, Napsiah Omar, Azalina Othman dan lain-lain. Persepsi masyarakat telah berubah ekoran beberapa isu dan peristiwa yang membawa kepada perubahan yang cukup ketara dalam Pilihan Raya Umum selepas tahun 1998 iaitu selepas pemecatan Anwar Ibrahim.<sup>120</sup>

Selain itu, peningkatan taraf pelajaran dalam tempoh yang dibincangkan, pendedahan terhadap kejayaan wanita di samping kesanggupan wanita itu sendiri untuk berubah dan memperbaiki kedudukan mereka telah menjadikan kaum wanita lebih terbuka dan mampu membuat pilihan yang terbaik sebagai pengundi dan juga sebagai calon pilihan raya. Masyarakat sudah mampu membuat pilihan dan calon wanita juga termasuk dalam definisi calon wanita boleh menang. Keadaan ini diakui sendiri oleh

---

<sup>119</sup> Julie Ballington dan Azza Karam (editor), *Women in Parliament: Beyond Numbers A Revised Edition*, Sweden: International Institute for Democracy and Electoral Assistance, 2005, hlm. 41.

<sup>120</sup> Mohd Ali Kamaruddin dan Jamaie Haji Hamil, 'Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi ke Kontemporari' dalam Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa (editor), *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 116.



Salawati Mat Basir dalam program *Women's Power* yang membincangkan mengenai satu topik bertajuk 'Pilihan Raya Kecil: Calon Wanita'. Katanya:

Wanita termasuk dalam definisi 'calon wanita boleh menang' dan tiada isu gender di sini. Isunya ialah ada ke tidak di situ seseorang lelaki atau perempuan bersedia atau tidak memikul tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Kerana menjadi pemimpin bukan hanya untuk mengumpul harta ataupun untuk mengambil apa-apa yang manfaat untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga. Tetapi bagaimana kita melaksanakan tanggungjawab dan amanah kepada rakyat yang memilih kita. Pada saya, ia sangat besar, tanggungjawab yang amat besar dan ramai yang terkhilaf di situ. Pada pandangan saya, individu tersebut tidak semestinya dia seorang lelaki. Kalau dia sememangnya seorang yang bercampur baur dengan masyarakat di situ. Dia akan tau perkembangan, kesulitan, kesusahan, kemudahan dan keperluan kawasan di situ serta kehendak penduduk di situ. Saya rasa tidak menjadi satu kesalahan untuk meletakkan calon wanita di situ.<sup>121</sup>

Beliau turut memberi ulasan mengenai kepentingan wanita yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi merupakan faktor kepada kekuatan parti. Sehubungan dengan itu, apa yang harus diakui, wanita dalam politik tidak boleh dipandang sebagai sekadar 'melukut di tepi gantang' tetapi mesti dilihat dan diktiraf sama fungsinya dengan lelaki yang turut sama berkecimpung dalam bidang yang penuh cabaran dan pergolakan itu. Oleh sebab itu, wanita yang memutuskan untuk menyertai politik mesti bersedia menghadapi sebarang masalah dan rintangan yang akan ditempuhi. Keadaan ini turut diakui oleh bekas Ketua Puteri UMNO iaitu Azalina Othman, beliau mengatakan bahawa sudah tentu wanita yang menyertai politik menghadapi pelbagai ujian dan masalah. Menurut Azalina, wanita berpolitik yang sudah berkahwin seringkali dilabelkan sebagai ibu yang tidak baik kerana dianggap mengabaikan keluarga. Manakala wanita berpolitik yang tidak berkahwin pula dijadikan bahan cemuhan dan sasaran perilaku tidak senonoh serta sering dijadikan jenaka diskriminasi di Parlimen.

---

<sup>121</sup> Temuramah wartawan Nor Maiza Musa rangkaian Mobtv bersama Salawati Mat Basir dalam program *Women's Power* yang disiarkan dalam [www.mobtv.com](http://www.mobtv.com) pada 23 September 2014. Lihat <http://mobtv.my/talkshow-5915.html> di akses 24 September 2014.

Bagaimanapun, menurut beliau lagi cabaran yang dihadapi itu mestilah dihadapi dengan penuh keberanian. Baginya perjuangan untuk mencapai peluang kesamarataan masih perlu diteruskan. Tambahnya lagi,

Wanita dalam politik tidak mudah. Mereka yang menceburi politik ada berasa kecewa, hampa dan sedih. Namun, pada suatu peringkat, wanita yang memilih politik sebagai sebahagian kehidupannya harus mengakui, seseorang harus melakukannya dan akhirnya kita akan mendapati politik tidaklah begitu sukar. Semua ini berjaya ditangani jika kita berupaya menerima sebarang cabaran.<sup>122</sup>

Jayum Anak Jawan turut mempertikaikan tentang parti-parti politik tidak melayan kaum wanita yang mahu mengambil bahagian dalam pembangunan negara secara serius. Keadaan ini juga memberikan cabaran yang cukup hebat kepada wanita dalam memperjuangkan dan menyuarakan hak dan peranan mereka dalam pentadbiran negara. Namun, berlaku perubahan apabila wanita telah memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi telah menyumbang pelbagai idea kepada parti yang mereka sertai, katanya :

Kekurangan wanita dalam 'kedudukan tinggi yang membuat keputusan' mesti ditangani, mengatakan bahawa terdapat banyak wanita 'mampu dalam tenaga kerja. Pada masa lalu wanita 'telah diambil ringan' dengan ramai daripada mereka hanya mengikuti pandangan politik suami mereka, tetapi wanita profesional kini 'mempunyai fikiran mereka sendiri' dan 'mula mempersoalkan'.<sup>123</sup>

Pada waktu yang sama Faisal Haris dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) turut menyokong kenyataan Jayum Anak Jawan. Katanya:

Malaysia masih bergelut dengan perwakilan 30 peratus wanita di peringkat membuat keputusan di mana wanita umumnya 'kurang diwakili'. Terdapat parti politik yang masih gagal meletakkan wanita sebagai calon seperti

---

<sup>122</sup> Ucapan Azalina Othman pada seminar Kepimpinan Wanita: Pencapaian dan Dimensi baru, di Hotel Cititel, Kuala Lumpur. Tujuan seminar ini diadakan bersempena Pameran *Women's World 2002* dan anjuran *Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI)* dengan kerjasama Le Proton Lima Sdn. Bhd. Azalina membincangkan mengenai topik 'Menetapkan Agenda: Wanita Dalam Politik', beliau berkata 'adalah penting untuk mengenal pasti apa itu politik sebelum memperkatakan lebih lanjut mengenai wanita dalam politik. Katanya, 'apabila seseorang itu meperkatakan mengenai wanita dalam politik apakah yang sebenarnya dibayangkan terhadap wanita berkenaan adakah wanita itu dibayangkan dalam Kabinet atau Parlimen atau menjadi ahli dalam parti politik? Mengkin juga penting bagi wanita berminat menyertai dalam pembangunan sesebuah negara?' Lihat *Berita Harian*, 16 Ogos 2002.

<sup>123</sup> Kenyataan Jayum Anak Jawan kepada wartawan *The Malaysian Insider* dan disiarkan dalam [www.themalaysianinsider.com](http://www.themalaysianinsider.com) pada 24 September 2012.

*Sarawak Progressive Democratic Party*, Parti Rakyat Sarawak dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak. Namun beberapa negeri kerajaan PR cuba untuk membebaskan daripada sistem yang didominasi lelaki ini. Wakil wanita sering kekurangan 'kualiti' dan berada di sana sekadar untuk mengisi kuota wanita sahaja. Apabila mereka diminta untuk duduk di dalam kabinet persekutuan atau exco negeri, ia biasanya hanya sekadar untuk mengisi portpolio hal ehwal wanita. Penyertaan wanita dalam politik mesti membawa hasil yang bermakna. Akhirnya kita harus melampaui isu perwakilan wanita. Jadi apa maknanya jika kita mencapai kuota 30 peratus dan wanita masih dipinggirkan dan ditindas?. Agenda 30 peratus tidak bermakna jika isu atau masalah yang dihadapi oleh wanita tidak ditangani secukupnya oleh undang-undang dan dasar awam.<sup>124</sup>

Namun begitu, faktor usia juga dilihat sebagai salah satu cabaran yang kepada wanita yang aktif dalam politik. Walaupun seseorang itu sudah biasa aktif berpolitik semenjak usia di sekolah menengah sehinggalah di peringkat universiti. Namun, apabila wanita tersebut mendirikan rumahtangga sudah pasti kekangan dan komitmen kepada keluarga turut memberi kesan kepada aktiviti yang sering dijalankan sebelum ini. Mereka yang bertuah dan memiliki keluarga yang memberi sokongan penuh terhadap penglibatan wanita dalam politik sahaja yang mampu bertahan dalam arena politik negara. Mereka yang berusia 40 tahun ke atas amat sesuai untuk aktif dalam politik dan juga menjadi calon pilihan raya kerana komitmen dengan keluarga agak berkurangan. Pada usia ini juga anak-anak sudah mampu berdikari dan menjalankan tanggungjawab masing-masing. Namun demikian mereka yang berusia muda dan matang serta mampu memikul beban tanggungjawab sebenarnya boleh menjadi pemimpin yang hebat. Keadaan ini disokong oleh Salawati Basir lagi, katanya:

Wanita ada yang memasuki arena politik sejak muda lagi dan ada yang mula menjinakan diri di peringkat sekolah menengah lagi sebagai contoh Puteri Umno dan sebagainya serta di peringkat universiti. Itu tidak perlu menunggu berusia 40-an untuk menjadi mereka ini menjadi matang. Pada usia 20-an ini mereka sudah

---

<sup>124</sup> Kenyataan Faisal Hazis dari Sains Politik, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kepada wartawan *The Malaysian Insider* dan disiarkan dalam [www.themalaysianinsider.com](http://www.themalaysianinsider.com), 24 September 2012.

terbiasa dengan gerak kerja politik. Usia 30-an atau mencecah sebelum 40-an, sekiranya mereka benar-benar bersedia dan sudah biasa bergelumang dengan masyarakat dari segi arena politik, mereka boleh dipertunjukkan. Cuma sering dipersoalkan ialah mereka berusia 20-an mereka akan berumahtangga, walaupun ada ramai yang kata, ada calon yang tidak berumahtangga tetapi itu boleh dibilang dengan jari majoriti mereka akan berumahtangga dan mendapatkan cahayamata. Isu-isu inilah yang menyekat wanita. Ramai wanita tidak mahu menonjol kerana mementingkan komitmen keluarga. isu-isu inilah yang banyak menyekat penglibatan wanita dalam politik.<sup>125</sup>

Salawati Basir juga mengatakan mengenai kepentingan keluarga yang memahami terutama suami tentang penglibatan isteri dalam politik dan pilihan raya. Wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat agak membanggakan terutama proses Pilihan Raya Umum 1999 sehingga 2008. Sebagai seorang wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen, sudah semestinya akan dikelilingi pelbagai ujian dan rintangan yang di hadapi. Cabaran tersebut bukan sekadar dari pihak luar bahkan dari pihak keluarga terdekat. Sekiranya keluarga agak kurang memahami keadaan ini menyebabkan menyebabkan ramai wanita tidak mahu menonjolkan diri keterlaluan kerana mereka memberi sepenuh perhatian kepada keluarga dan anak-anak. Menurut beliau, keadaan itu berbeza apabila wanita berusia 40 tahun ke atas kerana mereka sudah mempunyai anak-anak yang sudah berdikari dan membesar. Tanggungjawab terhadap anak-anak agak kurang. Selain itu, bagi Khamsiyah Yeop yang pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2000 turut menyuarakan pandangan mengenai cabaran dan rintangan yang dihadapi dalam membina kerjaya politik. Sememangnya bukan mudah untuk melalui liku-liku perjuangan. Menurut beliau:

Saya tidak pernah bermimpi untuk menjadi ahli Parlimen apatah lagi untuk berjawatan sebagai Setiausaha Parlimen. Dengan perlantikan ini saya bersyukur kepada tuhan

---

<sup>125</sup> Temuramah wartawan Nor Maiza Musa rangkaian Mobtv bersama Dr. Salawati Mat Basir dalam program *Women's Power* yang disiarkan dalam [www.mobtv.com](http://www.mobtv.com) pada 23 September 2014. Lihat <http://mobtv.my/talkshow-5915.html> di akses 24 September 2014.

kerana memberi saya peluang berkhidmat kepada rakyat dan negara dengan lebih berkesan lagi. Semasa saya mula menceburkan diri dalam pergerakan wanita UMNO saya sedar betapa saya hanya seorang guru dan banyak konstrain. Kami wanita di negeri-negeri tidak mempunyai banyak elaun, kemudahan tempat tinggal dan lain-lain keperluan tidaklah mewah, tetapi semangat juang kamu tidak luntur. Secara peribadi, saya berpendapat kita masih boleh menyumbang kepada penduduk kawasan yang kita wakili jika benar-benar ikhlas. Segala sokongan dan kerjasama rakyat di kawasan saya amat menghargainya dan sebaliknya saya akan cuba memberikan perhatian untuk berkhidmat dengan sedaya upaya saya. Saya sentiasa belajar bagaimana mahu memberi perkhidmatan sebaik mungkin kepada kaum wanita khususnya dan penduduk Grik amnya.<sup>126</sup>

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh pemimpin wanita UMNO turut diakui oleh calon wanita PKR iaitu YB Zuraida Kamarudin Ahli Parlimen Ampang Jaya walaupun terdapat kritikan terhadap kerajaan. Beliau mengatakan di antara punca kurangnya penglibatan wanita dalam politik adalah kerana gambaran atau persepsi yang buruk tentang politik, misalnya pendekatan politik dan proses-proses pilihan raya yang diamalkan oleh parti pemerintah yang dilihat sebagai suatu yang kotor, di mana berlaku 'tikam-menikam', berpuak-puak dan cenderung mendominasi serta suka memburukkan antara satu sama lain. Beliau turut menjelaskan, satu definisi 'Politik Baru' iaitu politik ditafsirkan sebagai perjuangan mendapatkan keadilan dan wadah perjuangan untuk wanita. Menurut beliau lagi, definisi 'Politik Baru' yang diberikan oleh Parti Keadilan Rakyat telah berjaya menarik perhatian pemimpin-pemimpin muda dan golongan berpendidikan untuk berjuang dalam wadah baru politik.<sup>127</sup>

---

<sup>126</sup> Temubual wartawan Utusan Malaysia bertajuk 'Khamisyah Yeop Semangat Juangnya Belum Luntur'. Lihat *Utusan Malaysia*, 3 Julai 2000.

<sup>127</sup> Temubual ini dijalankan oleh Noorun Nashriah Hj. Ramli bersama Zuraida Kamaruddin iaitu Ahli Parlimen Ampang Jaya di kediaman beliau di kampung Melayu Ampang pada 17 Mei 2008. Dalam temubual ini juga beliau turut menjelaskan bahawa di dalam Parti Keadilan asas perjuangan wanita adalah melayan hak sama rata setiap individu tanpa 'memilih bulu'. Jelas beliau lagi, perjuangan wanita Melayu dalam Pakatan Rakyat mementingkan prinsip keadilan kerana keadilan disebut dalam Al-Quran sebagai elemen penting untuk memelihara kesejahteraan sesebuah negara. Maka, manifesto yang dibawa iaitu 'Negara Berkeadilan' telah menjadi asas perjuangan bagi calon wanita Keadilan dan PAS di Selangor selepas memenangi Pilihan Raya Umum ke - 12. Rujuk Noorun Nashriah Hj. Ramli, 'Kepimpinan Wanita dalam Politik dan Hala Tuju Awam Malaysia: Kajian Kes Pilihan Raya Umum ke 12', dalam Prosiding Seminar Politik Malaysia, Woran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib dan Andul Kadri Rosline (editor), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, 2008, hlm. 181.

Kesinambungan perjuangan dalam wadah politik baru ini dapat dilihat dengan penubuhan NGO<sup>128</sup> merupakan salah satu lagi agen sosialisasi yang dapat membantu masyarakat mengenali parti politik khusus bagi parti Keadilan. Malah, Strategi ini juga telah digunakan oleh calon wanita PAS menggunakan kepakaran mereka sebagai doktor sebagai contoh untuk menjalankan kerja 'sukarelawan' dengan mengadakan klinik bergerak untuk penduduk setempat. Menurut Anna Balletbo, bekas Ahli Parlimen Spain:

*Women believe that entering parliament means choosing between a private life or a public life. This is not the case. Instead, women should view their life as a continuum. They should decide what they want to achieve in life and prioritise these goals in chronological order. There is a certain right time to achieve each of these goals, whether it is becoming a wife, mother, professional or a parliamentarian. Life is long and women can achieve many things.*<sup>129</sup>

Penjelasan Anna Balletbon menggambarkan kehebatan wanita dalam mencapai matlamat dan tujuan mengikut kepentingan-kepentingan yang tertentu. Baginya wanita mampu untuk melakukan pelbagai bidang termasuk sebagai ahli Parlimen dengan berjaya. Di sini, keseimbangan di antara kehidupan peribadi dan sebagai ahli parlimen cukup penting dalam merealisasikan kejayaan kedua-duanya. Sokongan anggota keluarga dan masyarakat merupakan salah satu faktor kejayaan wanita di tengah-tengah gelanggang politik di sesebuah negara. Penjelasan Anna Balletbon ini sebenarnya turut disuarakan oleh Ahli Parlimen PAS iaitu Siti Zailah Mohd Yusoff mengenai tugas dan peranan beliau dalam menguruskan hal ehwal keluarga dan rumahtangga serta peranan beliau yang begitu aktif dalam politik dan berjaya menguruskan kedua-duanya.

Katanya,

---

<sup>128</sup> Sebelum wujudnya Parti Keadilan Rakyat, kemunculan gerakan reformasi pada 2 September 1998 ekoran pemecatan Anwar Ibrahim telah membawa kepada penubuhan Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL) sebagai Badan Bukan Kerajaan. Mereka cuba mendaftarkan pergerakan ini sebagai sebuah parti politik namun mengalami kegagalan. Pendukung reformasi telah mengambil alih sebuah parti yang sedia ada iaitu Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1990. Maka, di situlah lahirnya Parti Keadilan Nasional pada 4 April 1999. Lihat <http://www.keadilanrakyat.org/sejarah-parti/> diakses pada 29 Disember 2015.

<sup>129</sup> Julie Ballington and Azza Karam (editor), *Women in Parliament: Beyond Numbers A Revised Edition*, Sweden: International Institute for Democracy and Electoral Assistance, 2005, hlm. 43.

Saya sebenarnya mempunyai 12 orang anak tetapi dua sudah meninggal dunia sejak kecil. Saya tidak mempunyai pembantu rumah (tersenyum). Saya selalu ditanya soalan ini sebab orang selalu terkejut, jarang orang yang ada anak ramai terbabit aktif dalam politik. Cara saya mengurus masa yang pertama ialah dengan kerjasama. Saya menyusun tugas anak-anak sejak mereka kecil lagi. Mereka diajar berdikari. Jangan harap ibu yang kena buat. Contohnya kalau gosok baju, saya ajar anak saya menggosok baju mereka. Jadi, anak saya yang tahun dua dan tahun tiga sudah pandai gosok baju sendiri. Kalau masak, saya memang ajar anak sulung dan anak kedua memasak. Jadi mereka sekarang bergilir mengatur jadual masing-masing. Di rumah, kita memang ada jadual. Contohnya, kalau Ahad anak sulung akan tolong di dapur, anak kedua tolong jemur kain, anak ketiga tolong sapu sampah, anak keempat kemas laman rumah. Kemudian esoknya saya tukar jadual, orang lain pula buat kerja berbeza supaya mereka tidak jemu. Lama-lama mereka sudah biasa.<sup>130</sup>

Cara pengurusan hal ehwal rumahtangga yang diperjelaskan oleh Siti Zailah ini melambangkan ketelitian beliau untuk menseimbangkan tugas dan peranan sebagai wakil rakyat di kawasan beliau di Rantau Panjang, Kelantan. Selain itu peranan suaminya yang cukup memahami turut sama meringankan tugas yang berkaitan dengan urusan anak-anak. Keadaan ini juga turut disokong oleh David Kloos tentang kepentingan peranan seorang suami yang memiliki seorang isteri yang aktif dalam politik. Katanya:

Faktor yang cukup penting bagi seorang wanita yang terjun dalam bidang politik ialah suami yang baik dan memahami tentang selok belok dalam gelanggang politik yang cukup mencabar. Keadaan ini cukup penting bagi wanita untuk keluar ke tengah masyarakat untuk melakukan pelbagai aktiviti dan ketika menjalankan proses-proses pilihan raya seperti kempen pilihan raya. Justeru itu, suami akan mengambil alih tugas-tugas domestik seperti menjaga anak-anak.<sup>131</sup>

---

<sup>130</sup> Temuramah ini dijalankan secara eksklusif oleh wartawan Rokat.com, iaitu Hafiz Zainuddin dan jurugambar Wira Andika dengan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat merangkap Ketua Muslimat PAS Kelantan mengenai hala tuju pembangunan wanita dan Malaysia. Temubual ini disiarkan dalam [www.roketkini.com/...](http://www.roketkini.com/.../) "wanita-perlu-diberi-ruang-lebi..." diakses pada 26 November 2012.

<sup>131</sup> Temubual dengan David Kloos di Kantin Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2017. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah dan Antropologi serta Penyelidik dari KITLV/ Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies, Leiden, Armsterdam. Beliau membuat penyelidikan tentang 'Female Islamic Leadership

Menurut Saodah Abd. Rahman,<sup>132</sup> jika seseorang wanita dilantik oleh pengundi sebagai wakil rakyat, maka sistem kehidupan beliau sebagai suri rumah bersandarkan kepada tradisi orang Melayu tidak mungkin dapat ditunaikan sepenuhnya. Oleh itu, penilaian terhadap beliau tidak boleh disamakan dengan wanita-wanita lain yang dianggap sebagai isteri dan ibu mithali seperti dilaungkan oleh kebanyakan lelaki Islam yang terlalu terikat dengan tradisi budaya bangsa. Tidak mungkin bagi seorang wanita yang terlalu aktif dalam masyarakat dapat memenuhi keseluruhan peranan rumah tangga sebagai isteri yang ideal dan menjadi contoh kepada wanita-wanita lain kerana masa dan tenaga wakil rakyat lebih menjurus kepada tugas di luar rumah. Tidak ada seorang wanita di dunia boleh memperlihatkan diri sebagai wanita contoh dalam setiap aspek bidang kehidupan.

Wanita yang terlalu bertanggungjawab terhadap masyarakat sudah pasti mempunyai kekurangan tenaga untuk memenuhi tugas sebagai isteri dan ibu seperti yang dikehendaki oleh kebanyakan lelaki. Maka persefahaman antara keluarga merupakan salah satu perkara yang cukup penting bagi wakil rakyat wanita atau penggiat aktif dalam politik untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan bergiat aktif dalam program-program parti. Wakil rakyat sering dikaitkan dengan tugas kemasyarakatan. Kejayaan wanita bergantung kepada kebolehan mereka mengendalikan urusan kemasyarakatan dengan seimbang serta mendapat sokongan ahli keluarga terutama suami.<sup>133</sup>

Justeru, wanita-wanita yang menjadi wakil rakyat perlu mempunyai ciri-ciri berani bersuara, tegas, lantang mempertahankan hak, bijak menghadapi cabaran, mempunyai akhlak yang baik dan mendapat dorongan dari suami atau ahli keluarga.

---

and Visual Rhetoric in Southeast Asia'. Beliau membuat penyelidikan di Malaysia selama setahun bermula bulan September 2016 sehingga sekarang.

<sup>132</sup> Saodah Abd. Rahman ialah pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).

<sup>133</sup> *Utusan Malaysia*, 10 Februari 2004.



Jika perlantikan wakil rakyat wanita hanya sebagai satu simbol untuk menarik pengundi wanita sahaja, maka pelantikan begini tidak memberi sebarang erti kepada wanita. Wakil rakyat wanita juga perlu diberi hak yang sama dengan wakil rakyat lelaki sama ada dalam menyuarakan pendapat dan kelantangan menentang keburukan. Jika wakil rakyat wanita dilantik hanya untuk dijadikan sebagai simbol kepada parti politik sahaja, maka beliau tidak mungkin dapat menunaikan tanggungjawab secara baik. Akhirnya maruah dan kewibawaan diri tercemar akibat gagal dan lalai dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan. Wakil rakyat yang bertanggungjawab dan amanah akan lebih dihormati oleh masyarakat walaupun beliau mempunyai komitmen rumahtangga. Kekurangan dari sudut itu dapat dipenuhi oleh tuntutan seorang suami yang amat prihatin dan saling berkongsi susah senang sebagai suami wakil rakyat wanita. Keadaan ini sebagai bukti keprihatinan wakil rakyat wanita yang sanggup berkorban termasuk ahli keluarga sendiri.<sup>134</sup>

Namun begitu, bangsa Melayu terikat dengan adat resam, budaya dan juga ajaran agama Islam yang dianuti. Walau bagaimanapun, adat resam dan tradisi masyarakat Melayu juga turut menerima keterbukaan ini apabila mereka telah memberi undi kepada wakil rakyat wanita yang menjadi calon pilihan raya. Selagi wanita menjaga batas dan pergaulan dalam perhubungan dengan berlandaskan ajaran Islam yang dianuti, maka situasi yang tidak baik akan dapat dikurangkan. Adat dan budaya Melayu masih diamalkan dan dipegang bersesuaian dengan prinsip yang ada dalam agama Islam dan juga Perlembagaan Malaysia. Walaupun perubahan yang berlaku dalam masyarakat, cabaran dan rintangan juga bakal dihadapi bagi mereka yang bergelar pemimpin atau wakil rakyat. Masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai pemikiran konservatif dan menganggap wanita hanya layak menjadi surirumah untuk berkhidmat untuk keluarga. Bagi mereka tugas wanita hanya sekadar menguruskan rumahtangga dengan melakukan aktiviti seperti mengemas dan memasak

---

<sup>134</sup> Ibid.

serta menjaga anak-anak. Pemikiran seperti ini dihadapi dengan penuh kesabaran dan perlu kepada usaha yang lebih untuk memberi pemahaman dan penerangan tentang peranan wanita dalam konteks yang lebih luas.<sup>135</sup>

Pandangan-pandangan yang dikemukakan di atas menggambarkan keadaan yang dilalui dengan pelbagai cabaran dan tekanan disekeliling terutama masyarakat dan juga keluarga. Kehebatan yang ditonjolkan oleh calon-calon yang bertanding mampu memberi impak yang positif kepada masyarakat. Namun, terdapat juga sedikit sebanyak permasalahan yang menjadi penyebab kepada kekalahan calon yang bertanding. Diskriminasi jantina dalam politik haruslah dinafikan di mana lelaki dan wanita mempunyai hak, kewajipan dan tanggungjawab politik yang sama. Seterusnya parti politik perlu memberi pendidikan mengenai politik sebagaimana pendirian parti UMNO yang memberikan pendidikan politik yang amat penting terutama kepada wanita.

Wanita Melayu bukan sekadar memainkan peranan tradisional mereka sebagai ibu dan isteri yang baik. Sebaliknya, mereka juga memikul tanggungjawab pembangunan budaya-politik secara aktif. Selain itu, wanita juga terlibat dalam proses pembuatan terhadap dasar negara dan menentukan corak kepimpinan dalam kerajaan. Walau bagaimanapun, jumlah wanita dalam pembuatan dasar terutamanya dalam bidang politik dan perkhidmatan awam masih belum mencukupi dan agak rendah seperti yang ditetapkan dalam Persidangan Beijing 1995. Berdasarkan statistik tahun 2005, hanya tiga orang wanita daripada 29 orang Menteri, seorang wanita daripada 30 Timbalan Menteri dan empat wanita daripada 16 Setiausaha Parlimen dan terdapat 12 wanita daripada 219 ahli Parlimen (lapan penyokong kerajaan dan empat orang pembangkang). Keadaan ini perlu diperjuangkan oleh wanita dan mereka juga harus mengambil bahagian penting dalam perjuangan tersebut.<sup>136</sup>

---

<sup>135</sup> Zaiton bt. Ghani, 'Wanita Melayu dalam Politik, 1946-1948' dalam Khoo Kay Kim (editor), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Edisi Baru, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1985, hlm. 210.

<sup>136</sup> Zaleha binti Ismail, *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2002, hlm. 6-7. lihat Nadrawina Ithnin dan Fadhleen Mahmud, 'Wanita dalam Pembangunan Politik Sarawak', dalam Nidzam Sulaiman

Keadaan ini memerlukan perhatian yang serius oleh semua pihak agar penglibatan wanita terus meningkat dan tidak berada pada tahap yang rendah. Namun sepanjang tempah kajian wanita yang terlibat dalam sektor pekerjaan mengalami peningkatan melebihi 30 peratus.<sup>137</sup> Walau bagaimanapun, menurut Nadrawina keadaan ini perlu diambil serius, antara perkara yang penting ialah mengurangkan pengaruh patriakal supaya lebih ramai wanita dan lelaki menyokong isu-isu tentang wanita dalam pembuatan keputusan atau dasar, pandangan negatif terhadap wanita dikurangkan di mana pemikiran masyarakat menganggap wanita itu lemah, tidak aktif, tidak kompeten dan sebagainya, pengambilan wanita sebagai bakal calon pilihan raya dipilih bukan sekadar menerima arahan dan keputusan kabinet tanpa bantahan, kesediaan pucuk pimpinan dalam kalangan lelaki menerima wanita terlibat di dalam pembangunan politik dan memberi pemahaman kepada kanak-kanak tentang peranan lelaki dan wanita. Justeru itu, masyarakat akan lebih terdedah dengan partisipasi wanita dalam politik di negara ini dan mempertingkatkan perwakilan wanita dalam amalan demokrasi di Malaysia.<sup>138</sup>

Wanita yang terlibat dalam proses pilihan raya di Malaysia tidak terkecuali menghadapi cabaran dari dunia baru teknologi maklumat dan komunikasi. Kepantasan rekaan baru teknologi maklumat dan komunikasi merupakan fenomena yang dikenali ramai bermula abad ke 20 lagi. Penguasaan dunia teknologi maklumat dalam kehidupan sedikit sebanyak mengubah corak pemikiran serta gaya hidup masyarakat masa kini. Selain daripada mudah untuk menyasarkan kumpulan tertentu, calon-calon yang bertanding juga boleh berinteraksi secara terus dengan individu mahupun rakyat tanpa sebarang halangan. Penggunaan internet, blog dan laman sesawang yang digunakan sebagai salah satu wadah yang berkesan serta mudah untuk mendekati rakyat sebenarnya. Sebenarnya penggunaan laman sesawang dan blog turut memberi imej yang

---

dan Zaini Othman (editor), *Pilihan Raya dan Pembangunan Politik Sarawak*, Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah (Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia), 2009, hlm. 195.

<sup>137</sup> [https://www.unicef.org/malaysia/msl/support\\_6225.html](https://www.unicef.org/malaysia/msl/support_6225.html) diakses pada 2 Ogos 2017.

<sup>138</sup> Nadrawina Ithnin dan Fadhleen Mahmud, 'Wanita dalam Pembangunan Politik Sarawak', hlm. 200-2001.

negatif kepada parti pemerintah dan berkemungkinan terdapat perbincangan yang berbentuk fitnah. Namun begitu, media alternatif ini banyak membantu pihak parti pembangkang yang sememangnya kurang mendapat perhatian dari media konvensional. Selain itu juga penggunaan telefon pintar yang mudah digunakan untuk mengakses pelbagai maklumat menerusi internet. Maka sistem pesanan ringkas (SMS) dilihat cukup berkesan untuk penghantaran maklumat secara pantas. Justeru itu, cabaran teknologi ini perlu ditangani dengan bijak dan berkesan. Penggunaan teknologi ini juga merupakan salah satu cara parti politik berkempen untuk meraih sokongan pengundi sebagaimana dibincangkan dalam bab seterusnya mengenai kempen yang dijalankan oleh wanita Melayu.<sup>139</sup>

### **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, wanita Melayu dari parti PKR, PAS dan UMNO mengalami perubahan selepas Pilihan Raya Umum tahun 1999 di mana, keputusan itu menunjukkan bahawa ia telah memasuki era baru di mana akan menyebabkan perubahan corak politik yang lebih besar pada masa akan datang. Selepas isu pemecatan Anwar Ibrahim perubahan senario dan lanskap politik di Malaysia turut mengalami perubahan. Kemunculan budaya politik baru di Malaysia muncul seawal 1990-an namun, agak ketara selepas tahun 1999. Budaya politik baru ini juga turut melibatkan ketiga-tiga komponen parti seperti PKR, PAS dan UMNO. Wanita UMNO juga turut mengalami perubahan di mana pucuk kepimpinan wanita UMNO Rafidah Aziz telah kehilangan undi semasa pemilihan kepimpinan. Ahli dan para perwakilan menunjukkan perubahan sikap ketika pemilihan berlaku. Aishah Ghani juga mengatakan tentang Teori 12 tahun iaitu di mana tidak ada Ketua Wanita yang memerintah lebih 12 tahun. Seterusnya penubuhan Puteri UMNO ini bertujuan untuk menarik minat lebih ramai golongan wanita muda menyertai UMNO. Penubuhan Puteri UMNO bertujuan menarik golongan

---

<sup>139</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008.

wanita muda Melayu menyertai UMNO selepas parti itu mengalami kehilangan sokongan orang Melayu di dalam Pilihan Raya Umum 1999. Puteri UMNO juga terlibat dengan pelbagai program bertujuan mendekati diri dengan masyarakat. Selepas PRU 1999, Muslimat PAS dilihat lebih cergas kerana penyertaan golongan profesional dalam PAS. Segala usaha yang dilakukan oleh Dewan Muslimat PAS dalam mengangkat martabat dan memperjuangkan dan membela nasib wanita di Malaysia sentiasa mendapat penghargaan oleh parti itu. Mereka sentiasa responsif dan bergerak aktif memartabatkan golongan wanita dalam kerangka Islam yang merupakan salah satu prinsip perjuangan parti PAS. Perubahan juga berlaku dalam Muslimat PAS apabila DMMP sebulat suara bersetuju menerima usul membuka peluang kepada rakyat bukan Islam menjadi ahli bersekutu parti itu pada Mukhtamar Dewan Muslimat PAS Pusat ke-48.

Selain itu, PAS turut menubuhkan lajnah politik baru dalam Dewan Muslimat PAS iaitu Nisa'. PAS juga telah memberi peluang kepada wanita untuk menjadi calon dalam Pilihan Raya tahun 2004. Kemunculan mereka ini telah memberi saingan kepada parti komponen Barisan Nasional terutama UMNO, PKR atau Keadilan juga muncul selepas pemecatan Anwar Ibrahim. Kemunculan parti tersebut telah memberi kesan kepada perubahan iklim politik di Malaysia terutama di Semenanjung Malaysia. Apa yang cukup penting bagi parti ini ialah buat pertama kali dalam sejarah di Malaysia Wan Azizah Wan Ismail telah muncul sebagai wanita pertama menerajui sebuah parti pembangkang di Malaysia. PKR merupakan satu-satu parti yang memperuntukkan 30 peratus kedudukan dalam parti untuk golongan wanita di setiap peringkat cabang, negeri dan pusat. Peruntukan ini sekaligus memenuhi keperluan Piagam Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Seterusnya, Wanita Parti Keadilan Rakyat dilihat bertambah mantap apabila kemunculan Srikandi Wanita Parti Keadilan Rakyat sebagai sayap muda wanita. Ketiga-tiga parti UMNO, PAS dan PKR ini

menunjukkan perubahan apabila mereka mulai mengambil berat golongan wanita muda. Kemunculan sayap-sayap kiri parti menarik minat golongan wanita muda untuk menyertai mereka serta terlibat dalam pelbagai aktiviti dan program. Masing-masing mempunyai agenda dan matlamat dalam memperolehi kepercayaan masyarakat secara keseluruhan terutama golongan wanita muda.

Seterusnya cabaran dan halangan yang dihadapi oleh wanita Melayu yang aktif berpolitik menerusi proses pilihan raya di Malaysia merupakan satu perkara yang biasa dalam sesebuah negara di dunia ini termasuk di Malaysia. Keprihatinan keluarga terdekat, masyarakat setempat seterusnya peranan kaum Adam memahami keperluan seorang wanita itu merupakan salah satu perkara menambahkan lagi kehebatan seorang wanita sekiranya mendapat sokongan daripada mereka. Namun begitu, wanita Melayu perlu bijaksana menjawab segala permasalahan yang dihadapi dan mengambil peluang untuk mara ke depan dengan menangkis segala serangan daripada pihak lawan. Kemampuan dan kebijaksanaan mereka menyeimbangkan tugas sebagai pemimpin masyarakat dan sebagai isteri memberi impak yang positif kepada masyarakat untuk menilai mereka dengan lebih baik lagi.

## **BAB 4 : FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA**

### **Pengenalan**

Pada peringkat permulaan pembabitan wanita dalam politik di Malaysia lebih terbatas kepada aktiviti sokongan, program sosial dan kebajikan yang bertujuan memperbaiki kedudukan dan taraf hidup wanita dan keluarga. Keadaan ini berterusan sehinggalah tercetusnya tragedi rusuhan kaum pada 1969 yang membawa kepada perubahan dasar-dasar negara di mana turut meninggalkan kesan positif terhadap perkembangan politik wanita. Penglibatan wanita Melayu dalam Pilihan Raya Umum Pertama di Malaysia bermula sejak Pilihan Raya Umum Pertama lagi. Mereka terlibat dengan proses pilihan raya iaitu menjadi calon yang bertanding dari parti UMNO dan juga PAS. Penglibatan mereka begitu menyerlah selepas tahun 1998 apabila sejarah baru negara telah berlaku di mana Ketua Parti Politik dan Ketua pembangkang diketuai oleh seorang wanita Melayu iaitu Wan Azizah Wan Ismail. Begitu juga penyertaan kaum wanita dalam proses pilihan raya menunjukkan perubahan kepada parti-parti politik yang dikuasai oleh kaum Melayu seperti UMNO, PAS dan PKR. Faktor-faktor penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia dibincangkan berdasarkan peruntukan perlembagaan yang digunakan di Malaysia terhadap wanita Melayu yang beragama Islam dan mempunyai kebudayaan yang tersendiri.

Dalam bab ini, fokus kajian tertumpu kepada empat faktor penting walaupun terdapat banyak faktor-faktor lain yang menyebabkan penyertaan dan penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia. Memandangkan negara kita merupakan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen maka empat faktor ini amat bertepatan dengan wanita Melayu yang terlibat dalam politik dan pilihan raya di negara

ini. Faktor-faktor tersebut ialah faktor amalan demokrasi di Malaysia, hak asasi manusia, dasar agama dan pendidikan.

### **Faktor Amalan Demokrasi**

Penerimaan masyarakat terhadap peranan wanita juga turut berubah. Daripada sekadar penyokong kempen, peraih undi dan pengundi sewaktu pilihan raya, wanita muncul sebagai calon yang bertanding dalam pilihan raya. Perwakilan wanita juga terus meningkat dalam semua bidang termasuk politik. Mereka memperjuangkan kepentingan wanita, pendidikan, kerajaan, swasta, ekonomi dan profesional termasuk golongan menggubal dasar serta membuat keputusan. Mengikut sejarah gerakan aktivitis wanita di Malaysia bermula daripada gerakan feminisme<sup>1</sup> dan hasrat untuk mendapatkan kemerdekaan bermula pada awal 1940-an. Ini hanya akan tercapai sekiranya wanita mempunyai suara dalam politik. Apabila melihat pencapaian wanita pada hari ini, kita dapat bayangkan perjuangan yang dilakukan dan ketabahan golongan perintis telah meninggalkan kesan yang berkekalan sehingga dapat dinikmati oleh wanita hari ini.<sup>2</sup> Boleh dikatakan saban hari sudah kedengaran tuntutan dan kenyataan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuklah parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), individu dan ramai lagi yang menyuarakan pandangan tentang kepentingan penglibatan politik wanita dalam era kontemporari ini. Seorang aktivitis pejuang wanita iaitu Cecilia Ng Choon Sim mengulas mengenai politik iaitu:

*Politics is about participation in decision making. It is about sharing power, bargaining, negotiating at all levels and in all issues affecting society. Politics occurs in the*

---

<sup>1</sup> *Feminist* merupakan satu perkataan yang meluas dipergunakan di Barat sejak tahun 1980-an. Ia pertama kali diperkenalkan di Eropah pada tahun 1894. Asalnya digunakan di Perancis sebagai feminisme oleh Charles Fourier, seorang Sosialis Utopian. Feminisme muncul pada ketika itu sebagai satu cara untuk individu menonjolkan sokongan mereka kepada wanita bagi menuntut hak autonomi mereka. Walaupun bagaimanapun, setelah beberapa abad, hak peribadi wanita dan peranan umum telah berkembang dan berubah. Pergerakan feminisme telah meluaskan aktiviti mereka termasuklah ke dalam bidang politik, kebudayaan, ekonomi, bangsa dan etika. Untuk keterangan lanjut lihat Rendal Jane, *The Origins of Modern Feminism: Women in Britain, France and United States (1780-1860)*, 1990, London: Macmillan Education Ltd, hlm. 1. Chris Weedon, *Feminist Practice and Poststructuralist Theory*, London: Basil Blackwell, 1987, hlm. 9. Nancy Mandell, *Feminist Issues*, Scarborough, Ontario: Prentice-Hall Canada Inc, 1995, hlm. 4. Lihat Alison M. Jaggar, *Living with Contradictions Controversies in Feminist Social Ethics*, United States: Westview Press, 1994, hlm. 1. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk Adrienne, *On Lies Secrets and Silence: Selected Prose (1966-1978)*, 1979, New York: W.W. Norton. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 6 April 1998.

<sup>2</sup> *Wanita dan Politik Malaysia* terbitan Kementerian Pembangunan Wanita keluarga dan Masyarakat, 2010 hlm. 31. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 8 Jun 2006.



*family, in the office, at the level of government, even in the bed, at the level of sexuality. That is a very narrow view of those who want to keep others out of power. All of us are political in one way or another, and today more than ever, we have to actively participate in how our lives are being run, in how we are being governed, to decided what and how we want the country to be.*<sup>3</sup>

Cecilia Ng, juga turut memberi pandangan mengenai kepentingan politik dan pilihan raya bagi wanita untuk mencapai ekuiti, katanya:

*Very important, and I believe more and more women are realising exactly why their participation is crucial. Actually, this is not just about the women in this country. I think Malaysians as a whole have, especially in the last year or so, begun to see the critical role that all of us play in determining how this country should be governed. Women need to know how they can affect the governance of this country, and ultimately their issues and interests. We need to assert that if our votes count, then our issues must count as well!*<sup>4</sup>

Manakala Noorsulastris Yurni Ahmad mengatakan zaman Pencerahan, Revolusi Perancis dan Revolusi Amerika membuahakan satu suasana yang amat mencabar dalam memperjuangkan hak seperti pendidikan, pemilikan, berpolitik dan bermacam lagi di mana wujud satu pemikiran bahawa kedudukan dan status kaum wanita tidak seimbang dengan kaum lelaki. Budaya patrialkal yang sangat dominan telah membentuk kaum hawa yang berjiwa kental dan berusaha gigih dalam mengubah kehidupan mereka. Ternyata kegigihan kaum wanita pada 1960-an membawa satu momentum di Amerika Syarikat antaranya lahir *Equal Pay Right* (1963), *Equal Right* (1964) dan lain-lain bagi menuntut hak sosial wanita pada ketika itu. Perkembangan ini tidak terhenti begitu sahaja malah diteruskan pada 1970-an dan sehingga pada hari ini perjuangan atau tuntutan yang dikemukakan ini berterusan tidak kira tempat dan masyarakat yang

---

<sup>3</sup> Kenyataan Cecilia Ng Choon Sim kepada wartawan majalah *Aliran Monthly* Julai 1999. Beliau bersara dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2000. Beliau juga merupakan seorang aktivitis wanita yang memperjuangkan isu pembangunan wanita, mempunyai kepakaran dalam bidang akademik dan membuat kajian dan analisis dalam memperjuangkan pembangunan wanita. Lihat Majalah *Aliran Monthly* pada Julai 1999. Lihat juga Majalah *Penita*, isuNo.15, 2006.

<sup>4</sup>Kenyataan Cecilia Ng Choon Sim kepada wartawan majalah *Aliran Monthly*, Julai 1999 disiarkan dalam <http://aliran.com/archives/high9907.html> diakses pada 19 Disember 2015.

terlibat. Bahang ledakan berpolitik kaum wanita ini bukan hanya berada di Eropah tetapi sampai ke negara Malaysia. Penjajahan British telah mengakibatkan lebih ramai pejuang kebangsaan termasuklah kaum wanita untuk bangkit melawan arus kolonialisme yang tidak bertepian pada era kemerdekaan iaitu pada tahun 1957. Kelahiran Angkatan Wanita Sedar (AWAS), parti-parti politik, bidang kewartawanan umpamanya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kaum ibu dan wanita di tanah air bekerjasama melawan penjajah.<sup>5</sup>

Malaysia merupakan sebuah negara di Asia yang benar-benar memberi peluang dan kelebihan kepada kaum wanita untuk menjadi penggerak terhadap kesinambungan dan kejayaan negara dalam pelbagai sektor melangkaui segala bidang yang diceburi oleh kaum lelaki. Parti-parti politik di tanah air turut menyediakan ruang dan peluang untuk kaum wanita menunjukkan keterbukaan mereka kepada kaum hawa ini. Walaupun setiap parti politik di Malaysia ini berbeza ideologi perjuangan parti, kesempatan atau kekosongan yang diisi oleh kaum wanita dalam parti itu bukanlah sebuah tempelan tetapi membuahkan hasil yang memberangsangkan dalam meyakinkan para pengundi terhadap kemampuan golongan wanita dalam mana-mana pertubuhan politik sehingga dimartabatkan sebagai calon untuk bertanding dalam pilihan raya.<sup>6</sup> Sebenarnya kelebihan yang dimiliki oleh kaum wanita ini untuk turut serta dalam aktiviti politik dan juga proses pilihan raya menyemarakkan lagi perjalanan politik tanah air disamping mengimbangi pelbagai isu yang diketengahkan tentang kepekaan feminisme dalam peringkat yang tertinggi.

Kedadaan ini juga disokong oleh David Kloos, katanya:

Wanita Muslim di Malaysia agak bertuah berbanding negara-negara Muslim yang lain kerana lebih berpeluang dan terbuka untuk menjadi pemimpin dalam parti politik di Malaysia. Untuk menjadi seorang pemimpin yang baik seorang wanita perlu mempunyai semangat juang yang

---

<sup>5</sup> Noor Sulastri Yurni Ahmad dalam artikel yang disiarkan oleh Utusan Malaysia bertajuk 'Wanita dan berpolitik: Ke Mana Akhirnya?' Lihat *Utusan Malaysia*, 17 Jun 2011.

<sup>6</sup> Ibid.

tinggi, berkeyakinan dan berkarisma. Namun begitu, kebanyakan wanita yang 'beragama' lebih mementingkan penampilan diri mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam agama Islam itu sendiri.<sup>7</sup>

Justeru itu, peluang dan semangat yang diberikan amat dititiberatkan kepada golongan wanita yang bukan sahaja berminat menyertai politik dan pilihan raya amat tetapi mereka yang turut sama berminat ingin mengetahui perkembangan politik semasa yang berlaku di tanah air. Sebenarnya kelompok sasaran inilah yang bakal dibentuk menjadi pelapis pemimpin wanita terhebat satu hari nanti. Para pejuang politik yang berjuang atas nama rakyat kebiasaannya memiliki ilmu yang berkaitan dengan asas politik. Ilmu itu perlu ada kerana mereka dipilih sebagai pemimpin. Golongan ini tidak lagi bergerak di belakang kaum lelaki tetapi sudah pun menongkah arus untuk menerajui di barisan pertama dalam politik. Kaum wanita mampu seiring dengan kaum lelaki walaupun jumlah mereka masih lagi minimum dalam memegang pelbagai jawatan dalam parti masing-masing. Demokrasi yang diamalkan di Malaysia bakal menyaksikan perubahan yang cukup ketara dan sengit dalam memilih wanita terbaik sebagai pemimpin dan peneraju sesebuah organisasi khususnya dalam parti-parti politik.<sup>8</sup>

Malaysia merupakan salah sebuah negara menandatangani Rencana Tindakan Beijing 1995, yang menggalakkan penyertaan 30 peratus wanita dalam agensi kerajaan. Namun demikian, Malaysia masih amat jauh untuk sampai ke matlamat itu. Perkara ini juga turut dibahaskan dalam rancangan Malaysia ke sembilan. Dalam mengukur tahap jurang jantina di Malaysia, Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama program Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, mendedahkan bahawa walaupun wanita Malaysia mempunyai peluang pendidikan yang

---

<sup>7</sup> Temubual dengan David Kloos di Kantin Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2017. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah dan Antropologi serta Penyelidik dari KITLV/ Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies, Leiden, Armesterdam. Beliau membuat penyelidikan tentang 'Female Islamic Leadership and Visual Rhetoric in Southeast Asia'. Beliau membuat penyelidikan di Malaysia selama setahun bermula bulan September 2016 sehingga sekarang.

<sup>8</sup> Temubual dengan Khairiah Mohamad (Yang Berhormat Senator ) pada jam 10 malam, 24 Jun 2014 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

lebih baik, mereka masih lagi jauh di belakang negara-negara di rantau ini berhubung dengan memperkasakan ekonomi dan juga politik. Sebagai contoh, di negara Indonesia sendiri menggunakan dan menerima pakai undang-undang dalam pilihan raya yang menetapkan kuota sebanyak 30 peratus calon-calon parti terdiri daripada wanita. Namun begitu, tindakan undang-undang tidak dikenakan ke atas pihak-pihak yang yang tidak mematuhi undang-undang ini. Di sini jelas menunjukkan negara Asia mempunyai kelemahan dari sudut kuota jantina berbanding dengan benua yang lain. Undang-undang sekadar undang-undang dan ia tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.<sup>9</sup> Memang tidak dapat dinafikan untuk melakukan perubahan ini amat sukar memandangkan kebanyakan institusi masih dengan tradisi lama yang mengekalkan dominasi lelaki.

Namun begitu, perkara utama bagi kerajaan di Malaysia pula ialah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus bagi semua pencalonan setiap pilihan raya, kepimpinan parti, Dewan Negeri dan ahli Parlimen kepada wanita. Tindakan kerajaan Malaysia yang diketuai oleh Abdullah Ahmad Badawi menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender menunjukkan keprihatinan dan keterbukaan Perdana Menteri bagi menetapkan kuota 30 peratus wanita bagi mengisi jawatan pada peringkat pembuatan dasar serta keputusan sektor awam.<sup>10</sup> Keadaan ini dapat dilihat apabila kemunculan ramai ketua-ketua bagi pertubuhan dan organisasi dan institusi awam diwakili oleh kaum wanita. Sebagai contoh Gabenor Bank Negara Malaysia diketuai oleh Zeti Akhtar Aziz, Rektor Universiti Islam Antarabangsa diketuai oleh Zaleha Kamaruddin dan ramai lagi. Ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR), Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu Rebecca Fatima Sta Maria, Mazidah binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Setiausaha di Bahagian

---

<sup>9</sup> Cecilia Ng, 'The Hazy New Dawn: Democracy, Women and Politics in Malaysia, Gender, Technology and Development', Jil. 14, No. 3, *Los Angeles, London, New Delhi, Singapore, Washington DC: Asian Institute of Technology SAGE Publications*, 2010, hlm. 316-317. Lihat <http://gtd.sagepub.com/> diakses pada 12 Oktober 2013.

<sup>10</sup> *Bernama*, 9 Mei 2005. Lihat Nadrawina Ithnin dan Fadhleen Mahmud, 'Wanita dalam Pembangunan Politik Sarawak', dalam Nidzam Sulaiman dan Zaini Othman (editor), *Pilihan Raya dan Pembangunan Politik Sarawak*, Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah (Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia), 2009, hlm. 197.

Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Noorul Ainur binti Mohd Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan lain-lain lagi.<sup>11</sup>

Bila disebut amalan demokrasi sudah pasti berkait rapat dengan proses pilihan raya. Ianya merupakan salah satu cara untuk mendapatkan suara majoriti rakyat yang menjadi asas pemilihan kerajaan di negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen seperti Malaysia. Di sini rakyat mempunyai hak mengundi setiap lima tahun sekali iaitu memilih perwakilan untuk membentuk kerajaan. Dalam sistem demokrasi, undang-undang digubal oleh rakyat atau lebih tepat, wakil yang dipilih oleh rakyat. Idea demokrasi lahir daripada evolusi pemikiran Barat yang berpaksikan kedaulatan rakyat. Parlimen adalah badan perundangan bagi kerajaan persekutuan dan ia membuat undang-undang yang boleh dikuatkuasa di seluruh negara. Parlimen meluluskan undang-undang persekutuan yang ada, memeriksa dasar-dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan meluluskan hasil-hasil cukai yang baru. Parlimen juga menjadi forum kritikan dan fokus awam mengenai perkara-perkara nasional.<sup>12</sup> Selain itu, peranan parti-parti pembangkang juga cukup penting dalam menggerakkan pendapat umum dalam dan luar negeri. Keadaan ini sebenarnya berlaku di negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi secara telus.

Pelbagai andaian dan pemahaman mengenai demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Demokrasi dalam konteks Malaysia adalah keinginan untuk mewujudkan sebuah negara yang bebas daripada ancaman Komunisme, bebas daripada ketegangan kaum dan bebas daripada campur tangan luar. Demokrasi juga menjamin keselamatan negara dan juga sebagai alat perpaduan kaum yang sentiasa menghadapi ketegangan dan keresahan. Penubuhan parti-parti politik berdasarkan kepentingan bangsa adalah bukti amalan demokrasi yang paling asas di Malaysia di mana setiap parti berfungsi

---

<sup>11</sup> <http://www.themalaysianinsider.com>, 10 Ogos 2011. Lihat *Utusan Malaysia*, 26 November 2014. Lihat juga [http://www.jpm.gov.my/post/modules/staffdir/staff\\_list30b.php](http://www.jpm.gov.my/post/modules/staffdir/staff_list30b.php) diakses pada 26 Februari 2016.

<sup>12</sup> Lihat Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, 'Demokrasi di Malaysia: Antara Persaingan dan Perwakilan' dalam Ghazali Mayudin (editor), *Politik Malaysia, Perspektif Teori dan Praktis*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002 hlm. 25. Lihat juga [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my) dan rujuk Majalah *Fikratul Ummah*, Bil. 54, April 2013.

memperjuangkan kepentingan dan hak kaum masing-masing dengan seboleh-bolehnya mengambil kira sensitiviti kaum-kaum lain. *United Malay National Organisation* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC) adalah tiga parti politik yang besar dan keahliannya meliputi hampir semua bilangan penduduk Malaysia. Parti-parti ini wujud daripada idea dan sokongan Inggeris untuk menyediakan ruangan politik dalam masyarakat supaya mereka lebih peka dan bersedia menghadapi masa depan sendiri.

Penggabungan ketiga-tiga parti pada 1955 telah membina lorong perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa yang masih kabur dan meragukan. Gabungan yang dikenali sebagai Parti Perikatan yang telah memenangi kepercayaan rakyat melalui kemenangan yang besar dalam Pilihan Raya Umum 1955 yang dijalankan sebagai langkah pemerintahan sendiri secara demokrasi.<sup>13</sup>

Sebuah kerajaan campuran telah terbentuk dengan kemenangan yang mudah dan memerintah dalam suasana dalaman yang tegang akibat daripada kekacauan dalam hubungan kaum sepanjang tahun 1960-an. Ketegangan juga berlaku dalam parti Perikatan apabila MCA pada tahun 1969 enggan menyertai kabinet baru selepas rusuhan kaum 1969 kerana tersinggung dengan tuduhan bahawa calon MCA yang menang dalam pilihan raya disokong kuat oleh undi Melayu. Dalam jangka masa tahun 1957 hingga tahun 1972 iaitu selepas Parlimen dipulihkan dan Parti Perikatan dikenali sebagai Barisan Nasional, amalan demokrasi tidak begitu dipertikaikan kerana penumpuan kerajaan terhadap usaha mewujudkan perpaduan kaum yang runcing dan rakyat pula berada dalam keadaan tertekan dan bimbang. Undang-undang Darurat yang diperkenalkan juga telah dianggap sebagai pelindung daripada rusuhan oleh rakyat dan bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan masyarakat untuk bersuara. Amalan demokrasi ketika itu tidak dihiraukan kerana ketegangan dan suasana politik yang tidak

---

<sup>13</sup> Ruangan Analisa, 'Antara Autokrasi dan Demokrasi', Majalah *Tamadun*, Bil. 67, Mac 2000, hlm. 16. Lihat Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor, 1946-2006*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006, hlm. 68-69.

stabil. Demokrasi di Malaysia dapat dilihat daripada amalan pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun sekali. Pilihan raya merupakan bukti ketara amalan demokrasi kerana undi yang dibuang membuktikan keinginan rakyat dan memperlihatkan suara rakyat yang bebas dan adil. Dalam pilihan raya di Malaysia, rakyat diperlihatkan demokrasi melalui penyertaan parti pembangkang yang mencabar kerajaan campuran yang memerintah (*ruling coalition*) dan kesediaan mereka dicalonkan untuk memegang teraju negara sama ada lelaki atau wanita.<sup>14</sup>

Di Malaysia, pilihan raya diadakan untuk mengundi wakil Dewan Negeri dan Dewan Negara yang dinamakan Dewan Undangan Negeri dan Dewan Parlimen. Salah satu tugas utama dewan adalah untuk membuat undang-undang.<sup>15</sup> Dalam perangkaan sistem pilihan raya sekarang ini, keupayaan wanita amat terhad untuk mempengaruhi proses membuat keputusan. Wanita merupakan jumlah ahli yang ramai dan ketara sekali dalam parti-parti politik di Malaysia sebagai contoh pada 1999, 5,23476 (54 peratus), 2004, 5, 06 juta (52 peratus) dan 2008, 5,86 juta (55.1 peratus).<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, tenaga mereka penting dalam kempen-kempen pilihan raya. Namun begitu, kadar wanita yang berada dalam kedudukan membuat keputusan di puncak hierarki parti, atau dalam Parlimen, atau Dewan Negeri masih amat kurang memuaskan. Jelas di sini menggambarkan kelompok masyarakat yang masih dipengaruhi oleh tradisi dan adat Melayu yang mengekang wanita daripada menonjol dalam masyarakat. Walaupun realitinya wanita telah keluar seiring dengan lelaki dalam mencari rezeki atau dengan kata lain wanita mempunyai kerjaya yang tersendiri. Situasi ini juga turut diakui oleh Khairiah Mohamad.<sup>17</sup>

---

<sup>14</sup> Ruangan Analisis, *Antara Autokrasi dan Demokrasi*, Majalah Tamadun, Bil. 67, Mac 2000, hlm. 16. Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>15</sup> Majalah *Fikratul Ummah*, Bil. 54 April 2013. Lihat juga R.S. Milne dan Diane K. Mauzy; diterjemah oleh Abdul Rauf dan Ramlah Muhammad, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 266.

<sup>16</sup> dari *Utusan Malaysia*, 18 November 1999, *Utusan Malaysia* 1 Disember 1999, *Utusan Malaysia*, 26 April 2012, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008, *Sinar Harian*, 10 Februari 2013.

<sup>17</sup> Temubual dengan Khairiah Mohamad (Yang Berhormat Senator) pada jam 10 malam, 24 Jun 2014 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Kepentingan wanita Melayu dalam amalan demokrasi seperti menguasai proses pilihan raya akan lebih berkesan apabila pengundi wanita Melayu sendiri dapat mengawasi, menilai, memeriksa proses pentadbiran kerajaan dan mengawal kuasa yang diberikan kepada pegawai kerajaan.<sup>18</sup> Amalan demokrasi seperti amalan pilihan raya merupakan ciptaan Barat tetapi ia menepati semangat siasah Islam. Justeru itu, demokrasi ini amat sesuai diamalkan di Malaysia kerana Islam merupakan agama rasmi di Malaysia dan masyarakat Melayu merupakan majoriti penduduk. Hakikatnya, demokrasi menjanjikan hak saksama dan kebebasan rakyat memilih kerajaan adalah selari dengan semangat negara Islam itu sendiri.<sup>19</sup> Demokrasi juga merupakan perbincangan awam terhadap isu dan masalah bersama serta untuk kesejahteraan bersama, bukan sekadar membilang undi-undi rakyat. Tanpa maklumat, orang awam termasuk wanita Melayu tidak dapat menyertai perbincangan yang berpengetahuan. Ini mengundang masyarakat menyebarkan berita yang tidak benar dan sahih, membuka ruang bagi khabar angin sehingga tersebar fitnah secara berleluasa. Sebagai contoh ketelusan dan tanggungjawab kerajaan dalam menangani isu yang berkaitan dengan beberapa syarikat gergasi yang mengalami kemerosotan dari segi ekonomi telah menimbulkan spekulasi dalam kalangan rakyat Malaysia bahawa syarikat-syarikat ini dibantu semata-mata hanya kerana mereka itu mempunyai talian politik. Wanita yang terlibat dalam proses pilihan raya di Malaysia telah menggunakan peluang ini untuk menilai ketelusan kerajaan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi melalui media alternatif dan media arus perdana serta membuat perbandingan.

Sebenarnya wanita Melayu yang mempunyai tahap pendidikan tinggi akan melihat sumber-sumber alternatif untuk mengetahui berita-berita yang berkaitan dengan

---

<sup>18</sup> Lihat [wa4change.tripod.com/demokrasi.htm](http://wa4change.tripod.com/demokrasi.htm) diakses pada 30 Oktober 2013. Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>19</sup> *Harakah Fikrah*, 28-30 Oktober 2011.



isu di Malaysia.<sup>20</sup> Ini menunjukkan rakyat menuntut lebih ketelusan daripada kerajaan untuk mendapat laporan yang adil, kritikal dan tepat dari media massa. Media massa yang dikawal dan ditapis oleh kerajaan akan kehilangan kewibawaan dan dengan itu tidak dapat mempengaruhi pendapat awam lagi.<sup>21</sup> Dalam konteks ini juga, dakwaan terhadap media-massa berkemungkinan wujud sikap bias ataupun sekiranya ia bersifat ‘*government-centric*’ di dalamnya. Asas-asas demokrasi masih belum utuh dan berkembang seperti di Barat. Sehingga seringkali berlaku kenyataan-kenyataan yang diputarbelitkan oleh parti-parti dan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan atas tujuan untuk mendapatkan pengaruh dari orang ramai. Namun, Media massa seharusnya bijak dalam mengutarakan sesuatu isu agar tidak kelihatan menyebelahi mana-mana pihak.<sup>22</sup>

Proses amalan demokrasi melalui kebebasan penyebaran maklumat telah berlaku pada masa kini menjadi salah satu faktor pencetus kewujudan kebebasan bersuara di alam siber. Kebanyakan semua orang pada hari ini mempunyai akses maklumat. Ekoran daripada kewujudan sistem teknologi baru ini telah memberikan satu peluang baru kepada wanita Melayu untuk turut serta dalam proses demokrasi dan perkongsian maklumat. Antara contoh yang paling ketara ialah kemunculan blog-blog yang memberi pelbagai maklumat alternatif kepada orang ramai. Blog telah menjadi fenomena terbaru yang melanda masyarakat Malaysia pada hari ini. Selain itu, blog juga telah memainkan peranan penting untuk menyuarakan pandangan dalam alam siber termasuk pandangan yang dikemukakan oleh pengguna wanita Melayu. Di sini memerlukan kebijaksanaan pengguna termasuk wanita Melayu untuk mendapatkan maklumat dan mencari informasi yang benar dan sahih. Walau bagaimanapun blog sebenarnya telah wujud dan berkembang pada era 1990-an. Namun ianya muncul buat pertama kali pada tahun 1994 di Amerika Syarikat. Jadi, tidaklah menjadi sesuatu yang mengejutkan kerana

---

<sup>20</sup> Hairany Naffis, ‘Pendapat Umum dalam Pembentukan Dasar dan Perkembangan Politik di Malaysia: Satu Renungan’, dalam *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jil. 5, e-Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm. 10.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Ibid.

penggunaan blog politik telah digunakan oleh para *blogger* selepas sahaja Pilihan Raya Umum ke-11.<sup>23</sup> Berdasarkan Suhaimee Saahar, terdapat 114 blogger politik memiliki blog-blog politik yang tidak menyokong kerajaan dan terdapat 28 blog politik yang menyokong kerajaan. Manakala 51 blog yang mengutarakan pendapat secara neutral. Maka ‘tsunami’ politik yang berlaku pada tahun 2008 merupakan salah satu kesan daripada penggunaan blog. Jumlah calon wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat dari UMNO juga merosot pada PRU 2008.<sup>24</sup>

Perkembangan yang berlaku ini turut mewarnai amalan demokrasi di Malaysia yang membawa proses demokrasi dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Selepas proses Pilihan Raya Umum tahun 1999, Mantan Perdana Menteri, Mahathir Mohamad turut mengulas mengenai kepentingan wanita bila dilihat jumlah pengundi yang keluar mengundi terdiri daripada wanita berjumlah 59 peratus. Katanya:

Bagi BN, wanita mempunyai hak yang sama dengan lelaki, mereka berhak menjadi calon, menjadi pemimpin negara sama dengan lelaki.<sup>25</sup>

Amalan demokrasi dalam bahasa Melayu yang mudah bermaksud satu amalan dalam mencari keadilan sosial. Gambaran mengenai prinsip demokrasi dilaksanakan dapat dilihat menerusi ucapan penutup oleh Timbalan Pengerusi Konvensyen Negeri Melaka pada tahun 1984 iaitu Rahim Tamby Chik:

Prinsip, amalan budaya demokrasi memang menuntut seseorang wakil rakyat itu menghargai dan mementingkan suara ramai. Dalam suatu sistem yang demokratik, seseorang wakil rakyat itu harus sanggup dan sedia menerima teguran, di mana teguran-teguran itu hendaklah digunakan sebagai maklumbalas untuk memperbaiki diri sendiri sebagai pemimpin dan seterusnya untuk memperbaiki organisasi yang dipimpinnya.<sup>26</sup>

---

<sup>23</sup> Suhaimee Saahar @Saahar, “Isu-isu Utama Sebelum, Semasa dan Selepas PRU 12: Satu Analisis Kandungan Blog-blog Politik Malaysia Terpilih”, *JEBAT*, 35 Bangi: School of History, Politic & Strategic Studies, 2008, hlm. 82.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 88.

<sup>25</sup> Ucapan atau amanat Mahathir Mohamad kepada 15, 000 anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita parti-parti komponen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk kempen Pilihan Raya Umum tahun 1999. Lihat *Bernama*, 14 November 1999.

<sup>26</sup> Ucapan penutup oleh Timbalan Pengerusi Konvensyen UMNO Negeri Melaka, Rahim Tamby Chik pada tahun 1984. Lihat [http://eprints2.utem.edu.my/8716/2/Bab\\_1\\_Pembangunan\\_Sosio-Ekonomi\\_Malaysia.pdf](http://eprints2.utem.edu.my/8716/2/Bab_1_Pembangunan_Sosio-Ekonomi_Malaysia.pdf), hlm 35.

Apa yang diperkatakan oleh beliau merujuk kepada mereka yang terpilih sebagai wakil rakyat sama ada lelaki mahu pun sebagai seorang wanita. Prinsip demokrasi ini akan melihat bagaimana seorang wakil rakyat yang terpilih memenuhi tanggungjawab yang terpikul untuk menyelesaikan pelbagai isu yang timbul dalam masyarakat dan bijak menangani permasalahan yang berlaku berdasarkan tindakan dan gerak kerja yang dibuat. Konsep kerjasama amat penting terutama gerak kerja parti yang berjaya merealisasikan kejayaan seorang calon yang bertanding.<sup>27</sup>

Secara umum, boleh dikatakan permasalahan wanita kebanyakannya difahami dan diselesaikan oleh kaum wanita sahaja, iaitu melalui penerapan idea-idea dan undang-undang yang berorientasikan wanita. Keadaan ini hanya dapat dicapai secara maksimum melalui penglibatan wanita sebagai pemimpin politik. Dalam sistem demokrasi, kedaulatan berada di tangan rakyat dan ditentukan berdasarkan suara majoriti. Semakin ramai wanita terlibat dalam pemerintahan dan semakin tinggi tingkat kerusi pemerintahan mereka, maka semakin terjaminlah hak-hak dan kedudukan wanita kerana undang-undang yang digubal kelak bakal berpihak kepada wanita.<sup>28</sup> Sebagai contoh, pada 17 Januari 2001, Kementerian Hal Ehwal Wanita telah berjaya ditubuhkan sebagai salah satu kejayaan yang dilakukan oleh Pergerakan Wanita UMNO ketika pimpinan Shahrizat Abdul Jalil untuk memastikan kesejahteraan wanita sejagat.

Menurut beliau:

Kementerian Hal Ehwal Wanita ini khusus untuk wanita, keluarga dan kanak-kanak dan ia akan menjamin kesinambungan pembangunan rakyat dan negara. Berdasarkan pengalaman saya selama setahun bersama Hal Ehwal Wanita (HAWA), saya lebih beminat meletakkan tiga perkara sebagai agenda utama saya pertama melibatkan soal polisi yang menjamin kesejahteraan wanita, kedua advokasi terhadap isu-isu wanita dan ketiga melaksanakan program pembangunan wanita.<sup>29</sup>

<sup>27</sup> Temubual dengan Ustazah Nafisah Tahir Ketua Lujnah Tarbiyyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Gombak di Pasti Al Badar Gombak pada 12 Jun 2014.

<sup>28</sup> Majalah *Fikratul Ummah*, 2013/Bil.53. Temubual bersama Puan Maznah Ahmad, Naib Ketua Wanita UMNO cawangan Kepong, pada 14 Mei 2015 di Masjid al Azhar Kolej Universiti Islam Selangor, Persiaran Seri Putra 1, Bandar Seri Putra, Kajang Selangor.

<sup>29</sup> Temubual wartawan Utusan Malaysia bersama Shahrizat Abdul Jalil dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 19 Januari 2001. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 18 Januari 2001. Kementerian ini ditukar kepada nama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kejayaan penubuhan Kementerian ini merupakan salah satu bukti usaha yang dilakukan oleh Ahli Parlimen wanita menerusi amalan demokrasi ini pada tahun 2001. Keadaan ini memperlihatkan wanita semakin berkebolehan dan dapat mengisi peluang yang diberikan disamping meningkatkan usaha untuk menyelesaikan isu-isu wanita yang belum tercapai. Penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan telah meningkat daripada 44.7 peratus kepada 47.3 peratus pada tahun 2004.<sup>30</sup> Menurut Teh Zahariah Jahidin (Puan Sri) Yang Dipertua Puspanita tahun 2001 mengatakan pencapaian wanita sepanjang tahun 2000 mencatatkan sejarah terbaik apabila banyak jawatan tertinggi diisi oleh wanita. Menurut beliau lagi keadaan ini menunjukkan wanita mempunyai potensi pergi jauh jika disertakan dengan kebolehan, minat dan kesungguhan yang jitu.<sup>31</sup> Antara jawatan-jawatan tersebut ialah pembuat undang-undang, pegawai-pegawai atasan, pengurus-pengurus dan pentadbiran kanan atau pengurus kanan.<sup>32</sup>

Seterusnya, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen telah berjaya meningkatkan penyertaan wanita dalam politik termasuk pilihan raya. Pilihan raya<sup>33</sup> merupakan satu mekanisme bagi setiap parti politik di Malaysia seperti UMNO, PAS dan PKR bertindak untuk terlibat untuk bertanding dalam pilihan raya. Semenjak Pilihan Raya Umum Pertama selepas merdeka yang diadakan pada tahun 1959 sehingga 2008, hanya Barisan Nasional telah berjaya menguasai Kerajaan Pusat. Namun begitu,

<sup>30</sup> Lihat [https://www.unicef.org/malaysia/msl/support\\_6225.html](https://www.unicef.org/malaysia/msl/support_6225.html) diakses pada 2 Ogos 2017.

<sup>31</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Januari 2001.

<sup>32</sup> *Ibid.*, *Utusan Malaysia*, 15 Februari 2005. Menurut statistik yang didapati daripada kajian semula Rancangan Malaysia ke-8 yang telah dilakukan pada jangkamasa pertengahan, bilangan wanita-wanita yang telah menjadi pembuat undang-undang, pegawai-pegawai atasan dan pengurus-pengurus telah meningkat daripada 5 peratus pada tahun 2000 kepada 5.3 peratus pada tahun 2002. Lihat [https://www.unicef.org/malaysia/msl/support\\_6225.html](https://www.unicef.org/malaysia/msl/support_6225.html) diakses pada 2 Ogos 2017.

<sup>33</sup> Definisi pilihan raya yang merujuk kepada 'proses di mana mereka yang diperintah itu menentukan melalui cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat'. Manakala mengikut *The Encyclopedia Britanica* pilihan raya ditakrifkan sebagai: "The widespread use of elections in the modern world is largely due to the gradual emergence of representative government from the 17th century... Although it is common to equate representative government, elections and democracy... An electorate may be limited by formal legal requirement... or it may be limited by citizen...". Pilihan raya mengikut A. Rashid Rahman dalam bukunya bertajuk *Perjalanan Pilihan Raya di Malaysia* pula ialah: "pilihan raya dari segi takrifnya boleh dikaitkan dengan perbuatan memilih dan ia berbeza dengan perbuatan melantik. Pemilihan umum ke atas seseorang untuk sesuatu jawatan dan pemilihan ini dibuat menerusi undi sesebuah perumpulan atau *constituent body*. Apabila perbuatan memilih sesuatu atau seseorang untuk sesuatu jawatan atau kedudukan dilakukan secara terbuka oleh sekumpulan orang, maka ia dikenali sebagai pilihan raya dua objek iaitu orang yang dipilih dan kumpulan pemilih." Lihat Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, Selangor: Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan PJJUSM, 1995, hlm. 260. Lihat Morris Low Cristine Dureau (editor), *Politic of Knowledge: Science and Evolution in Asia and the Pacific in History and Anthropology*, *The New Encyclopedia Britanica*, Jil. 6, 1978, hlm. 529. Lihat juga A. Rashid Rahman, *Perjalanan Pilihan Raya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1994, hlm. 1.

pencapaian Barisan Nasional sentiasa berubah daripada satu pilihan raya dengan pilihan raya yang lain. Pencapaian Barisan Nasional yang terendah dan terburuk di dalam sejarah pilihan raya di Malaysia ialah pada tahun 2008. Barisan Nasional hanya memenangi 307 kerusi daripada 505 kerusi yang ditandinginya. BN mendapat 51.2 peratus undi majoriti dan gagal memperolehi 2/3 majoriti di Parlimen.<sup>34</sup> Proses-proses yang berlaku dalam pilihan raya perlu diketahui memandangkan pilihan raya merupakan salah satu proses amalan demokrasi berparlimen dan hak bersuara bagi rakyat di Malaysia.<sup>35</sup>

Dari segi prinsipnya, Pilihan Raya Umum diadakan setiap lima tahun sekali. Walau bagaimanapun pilihan raya boleh diadakan sebelum sampai tempoh tersebut. Dalam kedua-dua keadaan ini, sebelum menjalankan pilihan raya, Parlimen perlu dibubarkan oleh yang di-Pertuan Agong atas nasihat atau permintaan Perdana Menteri. Ini berlaku di Peringkat Persekutuan. Di Peringkat negeri pula pilihan raya dijalankan selepas Dewan Perundangan Negeri dibubarkan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri atas permintaan Menteri Besar atau Ketua Menteri.<sup>36</sup>

Sebaik sahaja Parlimen dibubarkan, pilihan raya perlu diadakan dalam masa 60 hari bagi Semenanjung Malaysia dan 90 hari bagi Sabah dan Sarawak. Jangka waktu ini adalah munasabah bagi pihak pengurusan pilihan raya iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), mengaturkan urusan-urusan pilihan raya. Tempoh ini juga memadai bagi pihak

---

<sup>34</sup> Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil et al., *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 50-51. Rujuk Norhayati Mohd Salleh, "Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): 'Tsunami' Politik Melayu", *JEBAT*, Jil. 35, 2008, (49-64), hlm. 49. Lihat [journalarticle.ukm.my/366/1/1.pdf](http://journalarticle.ukm.my/366/1/1.pdf) diakses pada 26 Jun 2015.

<sup>35</sup> Demokrasi ialah suatu bentuk kerajaan apabila kuasa menggubal undang-undang dan struktur kerajaan adalah ditentukan oleh rakyat. Dalam sistem demokrasi, undang-undang digubal sama ada oleh rakyat atau wakil yang dipilih oleh rakyat. Sebuah negara atau kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi adalah dipanggil negara atau kerajaan yang demokratik. Perkataan ini berasal dari Yunani Demokpatia dan demos, bermaksud 'rakyat' ditambah pula dengan perkataan *kpatetv* bermaksud 'memerintah'. Dengan kata hubung 'ia' yang memberi maksud 'Diperintah oleh rakyat' terma ini kadangkala digunakan untuk mengukur sejauh mana pengaruh rakyat di atas kerajaannya. Demokrasi secara ekstrem boleh dilihat dalam sistem kerajaan seperti anarkisme dan komunisme (menurut teori Karl Marx) ia merupakan peringkat terakhir pembangunan sosial di mana demokrasi adalah diamalkan secara langsung dan tiada kerajaan yang bebas dari kehendak rakyat. Kerajaan demokrasi berparlimen bermaksud pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan dengan rakyat mengambil bahagian dalam pemerintahan melalui wakil-wakil yang dipilih secara bebas. Amalan demokrasi ini dilakukan melalui pilihan raya bagi memilih wakil-wakil dalam badan perundangan yang seterusnya berperanan untuk membentuk kerajaan. Zaid Ahmad, Ho Hui Ling et al., *Hubungan Etnik Di Malaysia*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2006, hlm. 65. Rujuk [ms.wikipedia.org/wiki/Demokrasi](http://ms.wikipedia.org/wiki/Demokrasi) diakses pada 8 November 2013.

<sup>36</sup> Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), *Negara Kita*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1982, hlm. 102, rujuk Zaid Ahmad, Ho Hui Ling et al., *Hubungan Etnik di Malaysia*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2006, hlm. 65, rujuk juga Nazaruddin Hj. Mohd Jali dan Ma'rof Redzuan et al., *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, , Selangor: Prentice Hall, 2003, hlm. 128.

yang bertanding bersiap sedia, berkempen dan membentuk strategi-strategi tertentu dengan mengikut peraturan-peraturan atau undang-undang yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Mematuhi peraturan atau undang-undang tersebut bertujuan memelihara 'kemurnian' asas prinsip demokrasi itu sendiri daripada tercemar. Pilihan raya bukan sahaja penting bagi sudut amalan demokrasi, malah pilihan raya dapat memastikan penglibatan rakyat untuk menentukan bentuk kerajaan yang akan memerintah. Rakyat berhak menyuarakan kehendak mereka melalui wakil yang dipilih dalam pilihan raya. Sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia berasaskan kelebihan suara mudah. Calon yang diisytiharkan menang bagi sesuatu kawasan pilihan raya ialah calon yang mendapat undi terbanyak dalam kalangan calon bertanding, walaupun hanya dengan kelebihan satu undi. Dalam sesuatu proses pilihan raya, terdapat tiga pihak yang terlibat iaitu badan yang mentadbir pilihan raya,<sup>37</sup> pengundi dan calon yang bertanding.<sup>38</sup> Penglibatan ini sudah pasti melibatkan pengundi wanita Melayu dan juga calon wanita Melayu.

Kawasan pilihan raya dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kawasan pilihan raya Parlimen (Dewan Rakyat) dan Kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut sistem pilihan raya di Malaysia, setiap kawasan pilihan raya hanya diwakili oleh seorang wakil rakyat. Ini bermakna bilangan kawasan pilihan raya Dewan Rakyat harus sama banyak dengan bilangan anggota Dewan Rakyat. Begitu juga bilangan kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri harus sama banyak dengan bilangan anggota Dewan Undangan Negeri. Jumlah kawasan pilihan raya berubah-ubah mengikut keperluan semasa sejak merdeka, jumlah kerusi Dewan Rakyat telah

---

<sup>37</sup> Badan yang mentadbir perjalanan pilihan raya di Malaysia dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Suruhanjaya ini ditubuhkan pada September 1957 mengikut peruntukan di bawah Perkara 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan. SPR bertanggungjawab untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi negara melalui proses pilihan raya yang adil dan saksama. SPR dianggotai oleh lima orang ahli yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tiga orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Mereka berkhidmat sehingga mencapai umur 65 tahun. Untuk keterangan lebih lanjut lihat Zaid Ahmad, Ho Hui Ling et al., *Hubungan Etnik di Malaysia*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2006, hlm. 65-67. Rujuk juga dalam Nazaruddin Hj. Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, et al., *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, hlm. 131-133.

<sup>38</sup> Zaid Ahmad, Ho Hui Ling, et al., *Hubungan Etnik Di Malaysia*, hlm. 65., rujuk juga Nazaruddin Hj. Mohd Jali dan Ma'rof Redzuan, et al., *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, hlm. 128. Rujuk juga Razak bin Yahya, *Corak Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1967, hlm. 26. Lihat K.Ramanathan Kallimattan, *Asas Sains Politik*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1987, hlm. 331.

bertambah berikutan persempadanan semula bahagian pilihan raya yang diadakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Bermula dengan 52 kerusi dalam Pilihan Raya Umum 1955, bilangan ini telah bertambah menjadi 104 kerusi (1959), 159 kerusi (1964) setelah penubuhan Malaysia, berkurangan kepada 144 kerusi (1969) selepas pemisahan Singapura, 154 kerusi (1974), 180 kerusi (1986), 192 kerusi (1990), 193 kerusi (1999), 219 Kerusi (2004), 222 kerusi (2008) dan 221 kerusi (2013).<sup>39</sup> Keadaan yang sama berlaku pada peringkat negeri. Bilangan kerusi di Dewan Undangan Negeri telah bertambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, bilangan ahli Dewan Undangan Negeri mewakili kawasan mereka tidak sama jumlahnya antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Sesetengah negeri mempunyai dua ahli Dewan Undangan Negeri bagi satu kawasan pilihan raya Parlimen seperti di Perak dan tiga orang ahli Dewan Undangan Negeri bagi satu kawasan pilihan raya Parlimen seperti di Kelantan. Negeri Perlis hanya mempunyai tiga kawasan pilihan raya Parlimen dan lima kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri dalam setiap satu kawasan pilihan raya Parlimen.

Selepas pengumuman pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, maka SPR mestilah mengeluarkan notis pilihan raya di dalam surat khabar tempatan. Notis pilihan raya itu akan mengandungi tarikh penamaan calon dan tarikh pengundian. Notis tersebut juga akan diberikan kepada semua pegawai pengurus dan dengan itu pegawai pengurus pilihan raya hendaklah menjalankan pilihan raya tersebut.<sup>40</sup> Pada hari mengundi yang telah ditetapkan, pemilih-pemilih yang namanya ada didalam daftar pemilih akan keluar mengundi di pusat-pusat mengundi yang telah ditetapkan.<sup>41</sup> Seterusnya proses pengiraan undi akan dijalankan. Pengiraan undi dilakukan di tempat

---

<sup>39</sup> Rujuk Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman, et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011. Lihat juga dalam Ghazali Mayudin, "Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia", dalam Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, et al., *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012, hlm. 50-57.

<sup>40</sup> Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai proses pilihan raya dan syarat-syarat menjadi calon pilihan raya sila rujuk Lembaga Penyelidikan Undang-undang (editor), *Perlembagaan Persekutuan (hingga 5 hb Mac 2008)*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2008, hlm. 153-164, Jabatan Penerangan Malaysia, *Pilihan Raya dan Anda*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1980, hlm. 56-58.

<sup>41</sup> Rujuk [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) diakses pada 22 November 2013.

mengundi atau berkelompok dan undi-undi pos bagi setiap bahagian pilihan raya dikira di tempat yang ditetapkan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya.<sup>42</sup>

Seterusnya keputusan pilihan raya akan diumumkan oleh Pegawai Pengurus kawasan pilihan raya berkenaan dan calon diisytiharkan menang ialah calon yang mendapat undi yang terbanyak. Keputusan bagi seluruh kawasan pilihan raya akan diumumkan dan parti yang telah menang secara majoriti dalam Pilihan Raya Umum tidak kira di Dewan Undangan Negeri atau parlimen, parti tersebut akan mengumumkan dan mengisytiharkan untuk membentuk kerajaan.<sup>43</sup> Bagi Parti-parti yang bertanding seperti UMNO, PAS dan PKR akan berusaha meletakkan calon yang berwibawa terutama dari kalangan wanita itu sendiri. Perbincangan yang lebih lanjut akan diterangkan dalam bab ke lima mengenai penglibatan wanita Melayu dalam proses pilihan raya di Malaysia sebagai pengundi termasuk dalam kempen pilihan raya.

Penerangan di atas merupakan sebahagian proses yang perlu dilalui oleh setiap calon bertanding di mana peranan pengundi memilih sebagai wakil rakyat mereka dapat dilihat selepas pengumuman keputusan pilihan raya tersebut. Kejayaan yang diperolehi menunjukkan kuasa pengundi yang memilih mereka. Sebagai contoh, dalam Pilihan Raya Umum ke-12 yang merupakan satu titik perubahan dalam sejarah pilihan raya di Malaysia sejak Pilihan Raya Umum Pertama pada tahun 1959. Pemerhati politik seperti Ahmad Atory dan juga Mazlan Ali turut mengatakan mereka menjangkakan kemenangan kepada Barisan Nasional kerana pakatan pembangkang agak lemah kerana memenangi jumlah kerusi yang kecil dan tiada kekuatan mereka di Parlimen dalam menyuarakan pendapat dan pandangan.<sup>44</sup>

---

<sup>42</sup> Ibid.

<sup>43</sup> Zaid Ahmad, Ho Hui Ling et.al., *Hubungan Etnik di Malaysia*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2006, hlm. 70-71, lihat juga dalam Suruhanjaya Pilihan Raya, *50 Tahun Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya, 2007, hlm. 174.

<sup>44</sup> Temubual dengan Mazlan Ali (Dr), pensyarah UTM, Jalan Semarak dan merupakan penganalisis Politik pada 6 Mac 2016 di Taman Melawati, Gombak.



Namun, pelbagai isu yang berlaku sebelum Pilihan Raya Umum seperti isu ekonomi dengan kenaikan harga barang makanan, kenaikan harga minyak dan juga protes Hindraf. Situasi ini memperlihatkan perubahan yang ketara dalam pola pengundian. Perubahan pola pengundian dalam kalangan pengundi Melayu lebih ternampak di Kedah, Kelantan, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan. Kerjasama yang rapat antara parti-parti pembangkang di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim, membolehkan Pakatan Rakyat menawarkan alternatif yang dipercayai dan merupakan faktor yang tidak kurang pentingnya bagi *swing* dalam pola pengundian. Menerusi amalan demokrasi iaitu menerusi proses pengundian dalam pilihan raya telah banyak memberi kesan kepada parti-parti yang bertanding sehingga memberi kesan kepada kemerosotan jumlah pencapaian wanita Melayu dari kalangan parti UMNO pada tahun 2008.<sup>45</sup>

Pada tahun ini pola pengundian atau trend telah memperlihatkan perubahan yang signifikan dengan sokongan atau *swing* yang lebih substantif bagi parti pembangkang. Rasa ketidakpuasan hati pengundi yang meningkat secara beransur-ansur terhadap Barisan Nasional disebabkan beberapa isu politik, ekonomi dan sosial. Keadaan ini telah memperlihatkan satu revolusi pengundian secara senyap sehingga Pakatan rakyat berjaya menguasai lima negeri dan mencapai satu titik perubahan sejarah dalam PRU ke-12.<sup>46</sup> Berikut merupakan jadual mengenai tarikh pembubaran parlimen dan tempoh pemerintahan sejak Pilihan Raya Umum 1959.

---

<sup>45</sup> Joseph M. Fernando, 'Pola Pengundian dan Isu-isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12' dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman et.al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke -12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 2011, hlm. 1-24.

<sup>46</sup> Ibid., hlm. 1.

Jadual 4:1 Tarikh pembubaran Parlimen dan tempoh pemerintahan sejak Pilihan Raya Umum 1959.

PRU	Pembubaran Parlimen	Penamaan calon	Tarikh Pengundian	Tempoh berkempen	Tempoh Pemerintahan
1	27 Jun 1959	15 Julai 1959	19 Ogos 1959	35 hari	4 tahun
2	1 Mac 1964	21 Mac 1964	25 April 1964	35 hari	4 tahun 7 bulan
3	20 Mac 1969	5 April 1969	10 Mei 1969	35 hari	4 tahun 11 bulan
4	31 Julai 1974	8 Ogos 1974	24 Ogos 1974	16 hari	5 tahun 3 bulan
5	12 Jun 1978	21 Jun 1978	8 Julai 1978	17 hari	3 tahun 11 bulan
6	29 Mac 1982	7 April 1982	22 April 1982	15 hari	3 tahun 8 bulan
7	19 Julai 1986	24 Julai 1986	3 Ogos 1986	10 hari	4 tahun 4 bulan
8	5 Oktober 1990	11 Oktober 1990	21 Oktober 1990	10 hari	4 tahun 2 bulan
9	6 April 1995	15 April 1995	25 April 1995	10 hari	4 tahun 6 bulan
10	10 November 1999	20 November 1999	29 November 1999	9 hari	4 tahun 6 bulan
11	4 Mac 2004	13 Mac 2004	21 Mac 2004	8 hari	4 tahun 4 bulan
12	13 Februari 2008	24 Februari 2008	8 Mac 2008	13 hari	3 tahun 11 bulan

Sumber: Diubahsuai daripada *Berita Harian*, 11 April 2013 dan *themalaysianinsider.com*, 10 April 2013.

Amalan demokrasi ini juga telah memberi kesan yang cukup mendalam apabila keterbukaan semua parti politik meletakkan calon wanita dalam Pilihan Raya Umum selepas tahun 1999 agak memberangsangkan. Peningkatan jumlah wanita dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen menunjukkan perbezaan yang membanggakan sebelum tahun 1999. Walaupun terdapat calon wanita yang berjaya memperolehi kerusi di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Berdasarkan amalan demokrasi inilah komponen parti-parti politik seperti UMNO, PAS dan PKR menghantar calon-calon wanita Melayu untuk bertanding dalam pilihan raya. Faktor ini telah memberi peluang kepada wanita Melayu untuk memperjuangkan hak mereka menerusi kempen-kempen yang dijalankan sekaligus akan menyerlahkan lagi proses demokrasi di negara ini. Peluang yang diberikan kepada wanita dalam amalan demokrasi ini turut diakui oleh Azman Ibrahim, katanya:

Berdasarkan amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia sudah pasti berkait rapat dengan proses pilihan raya. Ianya merupakan salah satu cara untuk mendapatkan suara majoriti rakyat yang menjadi asas pemilihan kerajaan di negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen seperti Malaysia. Di sini rakyat mempunyai hak mengundi setiap lima tahun sekali iaitu memilih perwakilan untuk membentuk kerajaan. Wanita telah diberi hak dan ruang untuk keluar mengundi dan peluang bertanding dalam pilihan raya di Malaysia. Undi wanita juga penentu kepada jatuh dan bangun seorang wakil rakyat.<sup>47</sup>

Pandangan Azman Ibrahim ini juga turut diakui oleh Mohd Khairuddin Aman Razali,<sup>48</sup> Noraizah Abdul Hamid<sup>49</sup> dan juga Nasrudin Hassan.<sup>50</sup> Mereka bersetuju amalan demokrasi di Malaysia telah membuka peluang yang luas kepada wanita Melayu untuk terus aktif dalam proses-proses pilihan raya dan menjadi wakil rakyat wanita yang berjaya dan perlu bijak menangani sebarang permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Namun begitu, jumlah pencalonan wanita dalam pilihan raya masih di tahap yang rendah berbanding dengan kaum lelaki. Walaupun wanita diberi ruang yang sewajarnya di negara ini, namun peluang ini masih tidak digunakan sepenuhnya oleh wanita untuk memenuhi ruang amalan demokrasi di Malaysia.

Secara umum, sistem demokrasi yang diamalkan di serata dunia hari ini, termasuk Malaysia adalah sistem demokrasi berparlimen. Sistem ini melibatkan parti politik dan masyarakat yang keluar mengundi ataupun ahli-ahli yang aktif dalam kegiatan parti sehingga menjadi pemimpin sama ada kepimpinan khusus ataupun kepimpinan awam. Selain itu, penglibatan ini melibatkan pemimpin peringkat umum seperti golongan yang menjadi pemimpin-pemimpin parti dalam kawasan, wakil rakyat, ahli Dewan Undangan

---

<sup>47</sup> Temuramah dengan Azman Ibrahim dijalankan di Klinik Dr. Azman Ibrahim di Bandar Baru Kubang Kerian Kelantan pada 23 Jun 2014 dan menerusi emel drazmaniibrahim@gmail.com pada 5 Februari 2015 dan 10 April 2016. Azman Ibrahim merupakan Ahli jawatankuasa Badan Perhubungan PAS Terengganu dan juga seorang doktor gigi yang bertauliah.

<sup>48</sup> Temubual dengan Mohd Khairuddin Aman Razali di kediaman beliau Sungai Merab, Bangi pada 16 Jun 2014. Beliau merupakan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat dan Ahli Parlimen Kuala Nerus Terengganu.

<sup>49</sup> Temubual dengan Noraizah Abdul Hamid pada 17 April 2016 di kediaman beliau di Seksyen 7, Shah Alam Selangor. Beliau merupakan seorang guru di salah sebuah sekolah di Selangor dan pernah bertugas sebagai kerani Suruhan Jaya Pilihan Raya kawasan DUN Anggerik pada Pilihan Raya Umum 2013.

<sup>50</sup> Temubual dengan Ustaz Nasrudin Hasan di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur pada 3 November 2015. Beliau merupakan Ahli Parlimen Temerloh Pahang dan Ketua Dewan Pemuda PAS sesi 2009-2011.

Negeri, ahli Parlimen sehinggalah ke tahap pemimpin negara. Oleh itu, penglibatan wanita dalam parti politik serta proses pilihan raya khususnya di dalam konteks di Malaysia melibatkan penyertaan ahli biasa di dalam parti dan jawatan-jawatan yang disebut di atas. Noraizah Abdul Hamid pula mengatakan wanita di Malaysia khususnya Melayu telah aktif menyertai politik sejak awal kemerdekaan sama ada menjadi pengundi dan juga menjadi calon pilihan raya. Menurut beliau, wanita Melayu yang berjaya menjadi seorang pemimpin seperti Wan Azizah Wan Ismail dan mengetuai salah satu parti politik pembangkang di Malaysia. Keadaan ini juga membuktikan kepimpinan wanita telah diakui dan diiktiraf oleh masyarakat di negara ini. Noraizah Abdul Hamid juga turut mengatakan pemimpin juga berperanan menjadi seorang pentadbir yang bijak, berkemahiran dan mempunyai cetusan idea-idea yang baik untuk membangunkan sebuah badan organisasi. Beliau juga percaya sistem demokrasi yang wujud di Malaysia telah banyak memberi peluang kepada golongan wanita menceburkan diri dalam proses-proses pilihan raya seperti menjadi pengundi, perayu undi dan juga menjadi calon pilihan raya.<sup>51</sup>

### **Faktor Hak Asasi Manusia**

Faktor yang lain turut menyumbang kepada penglibatan wanita dalam pilihan raya ialah faktor hak asasi manusia yang diamalkan di Malaysia. Hak asasi manusia merupakan isu yang pesat berkembang pada akhir abad ke- 20 dan awal permulaan abad ke-21 di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Ianya menjadi satu topik yang cukup besar sering dibincangkan oleh pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (PBB). Hak Asasi Manusia juga boleh dirujuk kepada kepada *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR), *The Cairo Declaration on Human Rights in Islam* (Deklarasi Kaherah)<sup>52</sup> yang

---

<sup>51</sup> Temubual dengan Noraizah Abdul Hamid pada 17 April 2016 di kediaman beliau di Seksyen 7, Shah Alam Selangor. Beliau merupakan seorang guru di salah sebuah sekolah di Selangor dan pernah bertugas sebagai kerani Suruhan Jaya Pilihan Raya kawasan DUN Anggerik pada Pilihan Raya Umum 2013.

<sup>52</sup> Pada 1982, wakil Iran di PBB, Said Rajaie-Khorassani, mengatakan bahawa UDHR adalah satu kefahaman sekular tradisi Judeo-Kristian yang tidak boleh dilaksanakan oleh orang Islam tanpa melanggar undang-undang Islam. Pada 30 Jun 2000, negara Islam

dikeluarkan oleh negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Kaherah pada 5 Ogos 1990 dan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (Deklarasi ASEAN).<sup>53</sup> Hak asasi manusia telah menjadi tanggungjawab masyarakat dunia yang bergabung dalam PBB semenjak pengisytiharan atau Deklarasi hak Asasi Manusia Sejagat pada 10 Disember 1948.<sup>54</sup> Deklarasi hak Asasi Manusia Sejagat (*The Universal Declaration of Human Rights*) mengandungi 30 artikel. Hari hak asasi manusia disambut pada 10 Disember setiap tahun dengan pelbagai tema. Dalam sambutan yang diadakan pada tahun 2013 setiausaha Agong PBB Ban Ki-moon menyuarakan pandangan mengenai hak asasi manusia sempena menyambut ulang tahun *Vienna Declaration and Programme of Action*.<sup>55</sup>

*As we commemorate the 20th anniversary of the Vienna Declaration and Programme of Action, let us intensify our efforts to fulfill our collective responsibility to promote and protect the rights and dignity of all people everywhere.*<sup>56</sup>

---

menjadi ahli OIC bersetuju menyokong Deklarasi Kaherah. Deklarasi itu memberi gambaran menyeluruh perspektif Islam mengenai hak asasi manusia dan mengesahkan syariah sebagai sumbernya yang tunggal. Ia mengisytiharkan tujuannya sebagai garis panduan umum bagi negara anggota OIC dalam bidang hak asasi manusia. Deklarasi Kaherah biasanya dilihat sebagai reaksi negara Islam kepada UDHR. Deklarasi Kaherah melihat persoalan hak asasi manusia dari sudut hubungan manusia dengan Allah s.w.t, manakala UDHR mengambil pendekatan keduniaan dan sekular. Mengikut Islam, kedaulatan adalah milik Allah s.w.t. Sebaliknya, mengikut fahaman demokrasi sekular Barat, rakyat dianggap sebagai pemerintah agung. Lihat Abd Hamid Mohamad dalam artikelnya yang bertajuk 'Hak Asasi Alat Penjajahan Baru' dan disiarkan dalam *Berita Harian*, 2 Disember 2013.

<sup>53</sup> Deklarasi Hak Asasi Manusia (AHRD) merupakan satu dokumen pertama yang telah diputuskan dan dimaktubkan oleh negara ASEAN. Namun dokumen ini telah ditambah baik walaupun terdapat beberapa dokumen hak asasi lain telah didapati sejak lama dulu. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak telah menandatangani Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) Pertama di Kemboja pada 18 November 2012. Malaysia telah menunjukkan komitmen terhadap Konvensyen Hak Asasi Manusia peringkat antarabangsa pertama untuk menyokong keadilan. Setiap individu tidak mengira kaum, agama dan pandangan politik. Perjanjian ini berlangsung di Sidang Kemuncak ASEAN di PEACE Palace, ibu kota Kemboja Phnom Penh, menyaksikan peluang Malaysia dan kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Najib untuk menafikan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia di peringkat antarabangsa. Menurut laporan media, AHRD mempunyai 40 klausa yang meliputi hak asasi dan politik, ekonomi, sosio-budaya, proses pembangunan dan penggalakan keamanan. Deklarasi tersebut juga menyebut tentang hak wanita, kanak-kanak, warga tua dan orang kurang upaya (OKU) disamping pekerja asing sebagai sebahagian dari hak asasi manusia dan kebebasan fundamental. Kemunculan Deklarasi ASEAN ini menggambarkan pencapaian hebat rantau ASEAN dalam era perjuangan hak asasi manusia di seluruh dunia. Lihat [www.themalaysianinsider.com](http://www.themalaysianinsider.com) pada 18 November 2012 yang bertajuk 'Najib Tandatangani Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertama ASEAN'.

<sup>54</sup> Sebelum itu, pada 1946, PBB telah membentuk satu jawatankuasa hak asasi manusia yang menjadi pelopor kewujudan Deklarasi 1948. Deklarasi ini berpunca daripada pengalaman perang Dunia Kedua yang menyebabkan pembentukan Bangsa-bangsa Bersatu. Draf pertama Pengisytiharan ini telah dicadangkan pada bulan September 1948 dengan lebih 50 negara yang mengambil bahagian dalam penggubalan akhir. Dengan resolusi 217 A (111) 10 Disember 1948, di Perhimpunan Agung, mesyuarat yang diadakan di Paris menerima Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dengan lapan negara menegecualikan diri daripada mengundi tetapi tidak menentang. Deklarasi ini yang menyuarakan: Pengisytiharan Hak Asasi Manusia ini ialah supaya setiap individu dan setiap badan masyarakat sentiasa mengingati pengisytiharan ini, hendaklah berazam melalui pelajaran dan seluruh hak asasi dan kebebasan ini, dan secara berperingkat, dari negara hinggalah antara negara, bagi menjamin pengiktirafan dan pematuhan sejabatnya yang berkesan, kedua-duanya di antara negara-negara anggota masing-masing dan rakyat wilayah-wilayah-wilayah di bawah bidang kuasa mereka. *United Nations, The United Nations and Human Rights*, New York: UN, 1973, hlm. 2. Untuk keterangan lebih lanjut lihat Mohd. Azizuddin Mohd. Sani, *Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002, hlm. 28-40. *Berita Harian*, 2 Disember 2012. Lihat juga <http://www.un.org/en/documents/udhr/history.shtml> diakses pada 6 Ogos 2014.

<sup>55</sup> *The Vienna Declaration and Programme of Action* diterima pakai pada 25 Jun 1993 dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Hak Asasi manusia pada 14-25 Jun 1993 di Vienna, Austria.

<sup>56</sup> lihat <http://www.un.org/en/documents/udhr/history.shtml> diakses pada 6 Ogos 2014.

Hak asasi manusia boleh ditakrifkan sebagai hak yang dasar atau mesti dan wajib diterima dengan sama rata seperti hak untuk memberi pendapat, mendapat perlindungan dan pendidikan yang sempurna, menganut agama atau kepercayaan dan sebagainya. Di sini jelas merujuk kepada makna tradisi hak asasi manusia. Seiring dengan perkembangan zaman, hak asasi manusia harus diberi tafsiran dan pengertian yang lebih luas dan mencakupi pelbagai aspek kehidupan manusia.<sup>57</sup> Dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 lebih didominasi oleh hak-hak berbentuk politik termasuk dalam proses pilihan raya dan menjadi calon pilihan raya. Walau bagaimanapun, hak tersebut telah diiktiraf sebagai hak yang universal sesuai untuk diaplikasikan oleh semua manusia tanpa mengira batasan agama, bangsa, warna kulit, bahasa serta kedudukan geografi. Ini dapat dilihat di dalam mukadimahnya yang menyatakan deklarasi ini merupakan satu standard umum kepada semua negara dan manusia maka ianya perlu diterapkan melalui kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa bagi mencapai matlamat melindungi hak dan kebebasan manusia.<sup>58</sup> Dalam era kemajuan kini wanita mempunyai potensi yang cerah untuk membangunkan negara dengan menjadi pemimpin dalam masyarakat berdasarkan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat 1948.

Selain itu, isu-isu kesetaraan gender dan reposisi wanita dalam politik turut menjadi perhatian Majlis Umum PBB ketika menyelenggarakan *Highlighting Women at the 2011 UN General Assembly Debate* pada akhir September 2011. Forum ini ditutup dengan peneguhan komitmen para pemimpin negara-negara revolusi untuk memperjuangkan kesetaraan gender. Menteri Luar Negeri Tunisia menyampaikan bahawa mereka telah 'dijamin' oleh PBB untuk melaksanakan agenda *The Convention on The Elimination of All Forms of the Discrimination against Women* (CEDAW) di mana mereka wajib menerapkan Sistem Keseimbangan Mandat (*a*

---

<sup>57</sup> [eprints.usm.my/.../Suruhanjaya\\_Hak-hak\\_Asasi\\_Manusi...](http://eprints.usm.my/.../Suruhanjaya_Hak-hak_Asasi_Manusi...) diakses pada 3 September 2014.

<sup>58</sup> Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, 'Hak Asasi Manusia dan demokrasi dari Perspektif Islam dan Barat' dalam Mohd Izani Mohd Zain (editor), *Demokrasi dan Dunia Islam, Perspektif Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm .92.

*Mandatory Parity System*) bagi pemilihan majlis perwakilan di negara masing-masing.<sup>59</sup>

Konsep hak asasi manusia yang diperkenalkan di Barat lebih menitikberatkan hak-hak asas individu. Seperti kebanyakan negara-negara Asia yang lain dan Malaysia sendiri menitikberatkan kepentingan hak-hak masyarakat berbanding hak-hak individu. Manakala di Malaysia pula, sebahagian daripada hak-hak asasi manusia adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>60</sup> Perlembagaan ini menjamin kebebasan untuk hidup, kebebasan bergerak, bersuara, berhimpun dan berpersatuan, beragama dan juga hak-hak bersangkutan pendidikan. Setiap warganegara perlu mengetahui hak asasi masing-masing seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam Konvensyen Hak Asasi Manusia secara keseluruhannya mempunyai sembilan teras hak asasi manusia. Malaysia hanya menerima tiga teras iaitu Hak Asasi Wanita atau *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW), Hak Asasi Kanak-kanak atau *Children's Right Council* (CRC) dan Hak Asasi bagi Perlindungan Orang Kurang Upaya.<sup>61</sup>

Di Malaysia juga terdapat Piagam Hak Asasi Malaysia yang dihasilkan pada tahun 1993 oleh Badan-badan Bukan Kerajaan. Piagam tersebut dipersetujui oleh semua peserta yang menghadiri Majlis Rundingan Pertama yang diadakan pada tahun 1993.<sup>62</sup>

---

<sup>59</sup> Majalah *Fikratul Ummah* 2013/Bil.53.

<sup>60</sup> Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan hak kebebasan asasi bagi setiap rakyat. Dalam Perlembagaan hak asasi ditulis sebagai kebebasan asasi. Ada tiga bahagian kebebasan asasi iaitu kebebasan beragama, kebebasan ekonomi. Namun, terdapat Sembilan kebebasan atau hak digolongkan sebagai hak asasi, iaitu :

- i. Kebebasan diri.
- ii. Bebas dari menjadi abdi dan menjalankan kerja paksa.
- iii. Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuat kuasa kebelakangan dan pembicaraan ulang.
- iv. Sama rata.
- v. Larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak.
- vi. Kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan.
- vii. Kebebasan agama.
- viii. Hak-hak berkenaan dengan pelajaran.
- ix. Hak terhadap harta.

Dalam Perlembagaan Malaysia, dinyatakan bahawa kerajaan Persekutuan adalah lebih utama dan agung berbanding dengan Kerajaan Negeri. Sebarang penggubalan Perlembagaan Negeri mestilah tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Fenomena ini juga boleh berdasarkan pengagihan kuasa kepada kerajaan pusat adalah lebih banyak berbanding kerajaan negeri. Lihat Kassim Thukiman, *Malaysia, Perspektif Sejarah dan Politik*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Skudai, 2002, hlm. 167-168. Lihat juga Nazaruddin Hj.Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, et al., *Pengajian Malaysia, Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi dua, Selangor: Prentice Hall, 2003, hlm. 177-179.

<sup>61</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai peruntukan hak asasi manusia di Malahysia, rujuk Azizuddin Mohd. Sani, *Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002, hlm. 70-89. Juga Lihat *Berita Harian*, 14 Mei 2014.

<sup>62</sup> Dalam Fasal 3, Piagam Hak Asasi Manusia Malaysia menyatakan Hak Wanita Sebagai Hak Asasi Manusia iaitu:

- i. Hak wanita adalah hak asasi manusia. Hak wanita harus diberikan tumpuan di kedua-dua pihak; awam dan swasta, khususnya di peringkat keluarga.

Badan yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan dan pengalaman hak asasi manusia ialah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).<sup>63</sup> SUHAKAM ditubuhkan oleh Parlimen dibawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi manusia 1999, Akta 597.<sup>64</sup> Ia adalah langkah penting dalam meneruskan promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Akta Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia 1999 adalah konsisten dengan *Paris Principle* berkenaan dengan *Status of National Institutions*.<sup>65</sup> Menurut Hasmi Agam (Tan Sri), mengenai peranan SUHAKAM termasuklah:

...Antara usaha SUHAKAM meliputi penyelidikan, pertemuan dengan masyarakat dan mengadakan bengkel dan latihan di semua peringkat termasuk di sekolah menengah. Saya ingin mencadangkan agar pemahaman mengenai hak asasi manusia ini dimulakan kepada murid sekolah rendah lagi. Dalam memperjuangkan hak asasi Orang Asli, SUHAKAM turut mengunjungi kawasan berkenaan di Selangor, Perak, Pahang, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak untuk melihat kehidupan mereka. Saya juga 'turun padang' dan tidak nampak banyak perubahan di kawasan berkenaan.<sup>66</sup>

Sebagaimana yang diperkatakan oleh Hasmi Agam (Tan Sri), SUHAKAM telah melakukan pelbagai aktiviti dan beliau juga terlibat dengan aktiviti yang dijalankan.<sup>67</sup>

- 
- ii. Sistem patriarki memang wujud dalam semua institusi, kelakuan, norma dan nilai sosial dalam masyarakat. Ia wujud dalam pelbagai bentuk tanpa mengira kelas, kebudayaan, kasta atau kumpulan etnik. Sistem ini harus dibasmi.
  - iii. Semua bentuk diskriminasi terhadap wanita harus dibasmi.
  - iv. Keganasan terhadap wanita merupakan satu alat utama yang membolehkan patriarki berterusan dan dengan ini melanjutkan penindasan, penganiayaan dan eksploitasi wanita. Keganasan terhadap wanita adalah pencabulan hak asasi dan harus dibasmi sekiranya mahu diwujudkan keadilan sosial dan kesaksamaan. Pencabulan terhadap wanita bukan diakibatkan oleh perlakuan individu. Dalam semua bidang hak asasi manusia sama ada sivil, politik, ekonomi atau sosial, pencabulan wanita adalah berbentuk spesifik. Struktur yang wujud dan amalan seperti kasta, adat, keluarga dan agama terus mendiskriminasi wanita. Institusi ekonomi dan sosial yang mengeksploitasi wanita dan institusi perundangan yang sepatutnya memperjuangkan kesaksamaan adalah bersifat diskriminasi berdasarkan jantina.
  - v. Untuk memberikan seseorang wanita kehidupan yang bermaruah dan mempunyai hak menentukan nasib sendiri, wanita mestilah dijamin hak-hak mereka yang sama dan yang boleh dipindah milik dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan agama.

Lihat *Badan-badan Bukan Kerajaan di Malaysia, Piagam Hak Asasi Manusia*, (terjemahan), Petaling Jaya, Selangor: ERA Consumer Malaysia (*Education and Research Association for Consumers, Malaysia*), 2000, hlm. 1-2.

<sup>63</sup> Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 567. Akta ini diwartakan pada 9 September 1999. Mesyuarat sulung SUHAKAM diadakan pada 24 April 2000. Usaha menubuhkan sebuah institusi hak asasi manusia pada peringkat nasional di Malaysia bermula dengan penyertaan aktif Malaysia dalam Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hak Asasi manusia (*United Nations Commission for Human Rights – UNCHR*) pada tahun 1993-1995 apabila Malaysia dilantik sebagai ahli Suruhanjaya tersebut oleh Majlis Ekonomi dan Sosial PBB. Untuk keterangan lebih lanjut sila rujuk <http://www.suhakam.org.my/ms/about-suhakam/sejarah/> diakses pada 8 Ogos 2014.

<sup>64</sup> [http://mygov.malaysia.gov.my/BM/Main/MsianGov/GovConstitution/GovHumanRights/Pages/Human\\_Rights.aspx](http://mygov.malaysia.gov.my/BM/Main/MsianGov/GovConstitution/GovHumanRights/Pages/Human_Rights.aspx) diakses pada 8 Ogos 2014.

<sup>65</sup> [eprints.usm.my/.../Suruhanjaya\\_Hak-hak\\_Asasi\\_Man...diakses pada 3 September 2014.](http://eprints.usm.my/.../Suruhanjaya_Hak-hak_Asasi_Man...)

<sup>66</sup> Temuramah wartawan Berita harian dengan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Hasmy Agam (Tan Sri) dan disiarkan dalam *Berita Harian*, 14 Mei 2014.

<sup>67</sup> *Utusan Malaysia*, 17 Februari 2000, *Berita Harian*, 14 Mei 2014.



Selain itu, peranan SUHAKAM sebagai institusi penting dalam mempromosikan pendidikan hak asasi manusia kepada masyarakat. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) juga amat prihatin terhadap hak golongan wanita termasuk ibu tunggal dan perkara ini telah menjadi agenda utama SUHAKAM sejak penubuhannya pada tahun 2000. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan dalam usaha mempromosi hak-hak wanita dan mengenalpasti isu-isu yang telah melumpuhkan usaha mereka dalam mencapai hak-hak tersebut.<sup>68</sup>

Salah satu daripada masalah yang seringkali diutarakan golongan ini kepada SUHAKAM ialah kurangnya pengetahuan dan akses kepada bantuan-bantuan untuk golongan wanita terutama ibu tunggal yang miskin yang telah disediakan oleh Kerajaan. Oleh demikian, SUHAKAM melalui Kumpulan Kerja Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan telah menghasilkan buku kecil atau 'booklet' yang mengandungi senarai bantuan dan sokongan bukan sahaja dari kerajaan, tetapi juga daripada organisasi bukan kerajaan yang lain. SUHAKAM berharap agar ia dapat sedikit sebanyak membantu meningkatkan kesedaran dan sekaligus akses kepada mekanisma-mekanisma bantuan dan sokongan untuk golongan wanita terutama mereka yang terpinggir.<sup>69</sup> Hak asasi wanita untuk berpolitik pula sebenarnya bermula sejak penglibatan Halimaton Saadiah yang bertanding dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu dan diikuti perantikan Fatimah Hashim sebagai Menteri Kebajikan AM pada 20 Mei 1969. Peningkatan penyertaan wanita dalam proses pilihan raya menunjukkan wanita juga telah diberi hak berpolitik sama seperti kaum lelaki.<sup>70</sup> Kerajaan Malaysia mempunyai penjelasan yang tersendiri dalam mempertimbangkan penubuhan sebuah badan hak asasi manusia di negara ini. Satu daripadanya ialah penglibatan aktif Malaysia sendiri dalam UNCHR. Ia juga didorong oleh perhatian dan kesedaran yang berterusan di peringkat dunia terhadap

---

<sup>68</sup> Lihat SUHAKAM, *Bantuan Ibu/Bapa Tunggal*, Kuala Lumpur: Suruhan Jaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), 2012, hlm. 5.

<sup>69</sup> Ibid.

<sup>70</sup> Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri dan Roziya Abu 'Hak Asasi Wanita dalam Demokrasi di Malaysia' dalam Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad dan Muhamed Nor Azman Nordin (editor), *Demokrasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad, 2014, hlm. 96.

isu hak asasi manusia dan kejayaan Persidangan Sedunia berhubung dengan hak asasi manusia pada tahun 1993 di Vienna. Negara-negara yang menyertai persidangan tersebut termasuk Malaysia, telah mempersetujui secara bersama bahawa hak-hak asasi manusia adalah bersifat sejagat dan tidak boleh dinafikan, atas kesedaran itulah telah mendorong kepada penubuhan badan-badan hak asasi manusia di peringkat negara masing-masing.<sup>71</sup>

Namun, bersesuaian di Malaysia hak asasi wanita yang diperjuangkan di sini bertepatan dengan ajaran Islam. Islam mengiktiraf hak asasi wanita seperti mana yang digariskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah selain ditekankan oleh *Maqasid Syariah* (Matlamat Syariah) di mana hak setiap umat Islam terjaga dan terpelihara. Antara hak asasi wanita yang telah digariskan oleh Islam ialah hak berpolitik, hak memilih pekerjaan dan hak menuntut menuntut ilmu pengetahuan. Di dalam Islam tidak terdapat satu pun larangan terhadap penglibatan wanita dalam bidang kehidupan bermasyarakat, termasuk dalam bidang politik. Hal ini diakui oleh Naib Presiden (Antarabangsa) Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia, Azril Mohd Amin berkata:

Penerangan berkenaan soal hak asasi mengikut pandangan agama Islam kepada umum perlu diperhebatkan dan diperbanyakkan agar semua tidak berterusan meletakkan tohmahan negatif. Tanpa mengetahui pihak yang terlibat menggubal deklarasi hak asasi adalah wajar bagi kita menyelidikinya, selain menerangkan persamaan keperluan memandunya mengikut acuan tradisi Islam. Islam mengiktiraf hak asasi manusia seperti mana dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran yang menyatakan 'dijadikan manusia sebaik-baik kejadian'. Tetapi perkara utama hak asasi menurut Islam ialah apa yang seharusnya kita beri kepada orang lain selain menunaikan hak Allah.<sup>72</sup>

Sebagai salah satu contoh mengenai hak wanita untuk berpolitik dijelaskan dalam surah al-Taubah, ayat 71 yang bermaksud:

---

<sup>71</sup> Ibid. Sila rujuk Laporan Tahunan SUHAKAM 2000, Kuala Lumpur: SUHAKAM, 2001, hlm 1-3.

<sup>72</sup> Azril Mohd Amin, kertas kerja 'Hak Asasi Manusia dan Islam di Malaysia: Teori, Hakikat Semasa dan Hala Tuju Masa Depan' dalam forum khas Amalan Hak Asasi di Malaysia: Pengajaran Silam, Hakikat sesama dan Halatuju Masa Depan, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 27-28 November 2013. Lihat *Utusan Malaysia*, 5 Disember 2013. <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/buletin/8812-seminar-hak-asasi-manusia-dan-islam-di-malaysia-teori-hakikat-semasa-dan-hala-tuju-masa-depan>.

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan.

Seterusnya juga menurut Ahmad Fawwaz Fadhil Nor mengenai kebebasan dan kesamaan hak pula, Islam meletakkan wanita sangat tinggi darjatnya dan perlu dihormati. Mereka sangat penting kerana melahirkan semua masyarakat termasuk kaum lelaki. Beliau juga turut mengatakan mengenai emansipasi wanita mengikut apa yang digariskan dalam Islam. Katanya:

...Islam tiada isu dalam istilah wanita inginkan kebebasan. Cuma terdapat isu yang tertentu yang boleh mengganggu kehidupan mereka sebagai wanita, malah perkerjaan-pekerjaan ataupun kedudukan yang mana secara keseluruhan, mungkin terdapat dua atau tiga orang mampu melakukan perkerjaan tersebut, namun secara keseluruhan ia tidak sesuai mengikut biologi dan juga masalah masyarakat. Maka, dalam Islam bukan kita katakan untuk menyekat tapi membataskan supaya kehidupan mereka seimbang, kalau tidak, tiada erti wasatiyyah. Bila kita melihat dalam sejarah tidak ada wanita menjadi khalifah. Sebenarnya bukan setakat dalam Islam, kalau melihat di Barat, baru sahaja wanita diberi hak mengundi dalam tempoh beberapa puluh tahun. Kita sudah lama wanita boleh jadi mufti dan menjadi kadhi. Saya tidak rasa masyarakat Malaysia menyempit hak wanita. Apa yang saya rasa menyempit hak wanita ialah di Barat. Mungkin dalam Islam wujud beberapa iklim. Emansipasi ni datang dari luar dan kebersamaan dalam politik. Dalam politik memang wanita ada ruang dan berhak bersuara. Islam ini datang untuk membebaskan orang bukan untuk untuk menyempitkan orang. Antara objektif Islam yang besar adalah kebebasan.<sup>73</sup>

Berdasarkan kenyataan Ahmad Fawwaz Fadhil Nor ini, Islam tidak menyekat hak wanita dan mempunyai hak kebebasan sebagaimana yang digariskan dalam Islam termasuk melibatkan diri dalam politik seperti hak keluar mengundi, hak menjadi calon pilihan raya dan hak untuk bergerak. Wanita mempunyai ruang dan berhak bersuara

---

<sup>73</sup> Temubual Wartawan Nur Haizi Rani dari Mobtv dalam program *Women's Power* bersama Ahli Jawatankuasa Ulama Sedunia iaitu Ustaz Ahmad Fawwaz Fadhil Nor yang disiarkan dalam [www.mobtv](http://www.mobtv) pada 14 Oktober 2014. Lihat <http://www.mobtv.my/talkshow-6019.html> diakses pada 2 Disember 2014.

kerana antara objektif Islam yang besar adalah kebebasan. Wanita juga dibenarkan untuk menjadi ketua rumah dan berhak membuat keputusan mengikut kesesuaian yang ditetapkan dalam Islam. Hak kebebasan yang diamalkan di negara Barat memberi impak yang negatif kerana menghalalkan hubungan sejenis atas nama hak kebebasan individu. Ini menyalahi setiap ajaran agama yang tidak membenarkan pergaulan bebas dan hubungan sesama jantina. Maka hak kebebasan yang terdapat di Malaysia jelas berbeza dari Barat kerana terikat dengan batasan agama dan perlembagaan Malaysia yang turut menyatakan agama Islam sebagai agama rasmi.

Di Malaysia, hak kebebasan mengeluarkan pendapat diberikan jaminan bukan sahaja oleh Perlembagaan Persekutuan malah rakyat boleh sama-sama melibatkan diri dalam proses pembentukan undang-undang dan dasar negara oleh kerajaan. Namun begitu, terdapat akta-akta utama yang membatasi hak kebebasan mengeluarkan pendapat di Malaysia.<sup>74</sup> Bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam di Malaysia sudah pasti terikat dengan ajaran Islam yang menggariskan setiap kebebasan itu mempunyai batas dan had yang tertentu.<sup>75</sup> Sebagai contoh dalam hak bersuara dan berbicara sekalipun diberikan tetap mempunyai sempadannya di samping mempunyai

---

<sup>74</sup> Terdapat lima akta terpenting yang berperanan luas dalam membatasi hak rakyat untuk bebas mengeluarkan pendapat. Lima akta tersebut ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, namun telah dimansuhkan pada 16 September 2011 dan digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas yang diwartakan pada 22 Jun 2012 atau *The Security Offences (Special Measures) Act 2012* (SOSMA Act 2012), Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Namun begitu, Suhakam telah membuat laporan bagi tahun 2000 pada 19 April 2001. Suhakam, dalam laporannya telah mempertikaikan dan mengenal pasti lima akta yang dinyatakan itu secara langsung menjejaskan hak kebebasan mengeluarkan pendapat di Malaysia. Lihat Mohd Aizuddin Mohd Sani, "Hak Kebebasan Mengeluarkan Pendapat dari Perspektif Malaysia", *Jurnal Pembangunan Sosial*, Jil. 4 dan 5, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, Jun dan Disember 2002, hlm. 191. Lihat *Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960*, Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pntys.), Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1998. Lihat *Sinar Harian*, 26 Mei 2013. Lihat juga Loone, S. *Police urges to identify areas for peaceful rallies, Suhakam gives guidelines*, *malaysiakini.com*, 19 April 2001.

<sup>75</sup> Islam mempunyai beberapa prinsip tertentu yang menjadi dasar pandangannya terhadap kebebasan antaranya ialah kebebasan yang perlu disepadukan dengan keadilan dan persamaan hak serta kewajipan, disertai oleh kelembutan, bertolak ansur, persaudaraan dan kasih sayang, tetapi dengan tegas, kawalan dan kekuatan undang-undang. Prinsip kebebasan dalam Islam perlu dinilai dengan kepercayaan kepada penghormatan harga diri manusia, perlu menyatupadukan kemaslahatan dan hak individu dan kemaslahatan masyarakat. Selain itu, kebebasan menurut Islam adalah amat meluas tetapi tidak menceroob kebebasan orang lain. Kebebasan juga mesti berlaku dan diukur hanya dalam kerangka dan nilai agama, akhlak, tanggungjawab, kebenaran akal dan logik serta nilai keindahan. Lihat Che Zarina Sa'ari dan Joni Tamkin Borhan, "Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 23-24, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006, hlm. 85.

prinsip dan asas yang tertentu. Menurut Ismail Ibrahim,<sup>76</sup> hak asasi manusia yang diperkenalkan oleh media Barat banyak memberikan imej yang negatif terhadap umat Islam. Banyak program yang disiarkan dalam program televisyen menonjolkan nilai permisif dalam hubungan lelaki dan wanita, minuman keras, perjudian dan lain-lain. Banyak fitnah disebar dalam dunia moden dengan sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih seluas-luasnya tanpa tapisan dan sempadan. Oleh sebab itu, dalam menangani hal ini, akal budi dan ilmu yang berasaskan kepada nilai moral dan agama yang akan dapat menjadi panduan bagi manusia melawan kehendak hati yang berasaskan kebebasan mutlak hukuman manusia itu.<sup>77</sup>

Falsafah hak asasi manusia yang tidak terbatas menjustifikasikan kelakuan manusia, sama ada yang selaras dengan fitrah kejadiannya atau pun tidak. Hal ini sebenarnya yang meletakkan beban yang amat berat ke atas bahu kita sebagai insan yang beragama dan beriman, termasuk para ibu bapa, guru-guru, pemimpin masyarakat dan sebagainya. Islam mempunyai hak kebebasan dalam pelbagai bidang tetapi kesemua itu tertakluk kepada sistem dan peraturan yang tertentu.<sup>78</sup> Hak kebebasan yang diberikan kepada lelaki dan wanita juga ada perbezaan. Pengiktirafan Malaysia terhadap golongan wanita telah memberi peluang yang cukup baik kepada golongan ini dalam memperjuangkan nasib dan hak wanita dalam semua aspek sama ada ekonomi, sosial dan juga politik dalam masyarakat. Pencapaian yang dicapai oleh wanita ini turut sama diakui oleh Mohd Farid Mohd Shahrin Pengarah Kluster Akidah dan Politik IKIM menyatakan:

Walaupun kita menandatangani beberapa deklarasi hak asasi dunia, tetapi pencapaian hak asasi negara bertambah baik khususnya beberapa inisiatif kerajaan. Hal ini boleh

---

<sup>76</sup> Ismail Ibrahim merupakan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun 2000. Beliau menulis artikel yang bertajuk 'Hak Bersuara Ada Sempadan' dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 17 Februari 2000. Beliau mengemukakan pandangan mengenai hak asasi manusia dari sudut Islam dan membandingkan dengan keadaan yang berlaku di Barat yang seringkali memaparkan Islam dengan imej yang negatif.

<sup>77</sup> *Utusan Malaysia*, 17 Februari 2000.

<sup>78</sup> *Ibid.*

dibuktikan menerusi beberapa pencapaian yang diraih oleh golongan wanita dan kanak-kanak di negara ini.<sup>79</sup>

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan bagi memenuhi keperluan hak asasi manusia dapat dilihat menerusi program-program yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan serta parti-parti politik di Malaysia. Antaranya ialah program yang dianjurkan oleh SUHAKAM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memupuk kesedaran dan amalan Hak Asasi manusia di kalangan guru dan pelajar sekolah.<sup>80</sup>

Program-program yang dijalankan oleh SUHAKAM ini sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman mengenai hak asasi manusia terutama bagi golongan wanita untuk mengetahui hak dan kepentingan mereka dalam masyarakat. Selain melalui saluran kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan juga parti politik turut yang memperjuangkan hak-hak wanita di Malaysia sebagai contoh *Sisters In Islam*, Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO), Persatuan Tindakan Wanita, Wanita MCA, Wanita PAS, Wanita KEADILAN dan Wanita UMNO.<sup>81</sup> Sokongan dan bantuan secara langsung daripada pertubuhan-pertubuhan ini tentunya boleh menjadi pemangkin yang amat berkesan dalam usaha pemerkasaan hak-hak wanita terutama wanita Islam di negara ini. Adanya pertubuhan-pertubuhan wanita ini sebenarnya boleh dijadikan wadah yang cukup berinformasi dalam menangani permasalahan sosial dalam masyarakat. Mereka boleh berbincang dalam kelompok yang lebih besar selain peranan mereka perlu dipertingkatkan dan diperluaskan. Sebagai contoh, selaras dengan pengiktirafan Islam terhadap peranan wanita dan lelaki dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan

---

<sup>79</sup> Mohd Farid Mohd Shahrin, Forum Khas kertas kerja seminar Hak Asasi Manusia dan Islam di Malaysia: Teori, Hakikat Semasa dan Hala Tuju Masa Depan, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 27-28 November 2013. Lihat *Utusan Malaysia*, 5 Disember 2013. Seterusnya Lihat <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/buletin/8812-seminar-hak-asasi-manusia-dan-islam-di-malaysia-teori-hakikat-semasa-dan-hala-tuju-masa-depan> diakses 2 Disember 2014.

<sup>80</sup> Lihat [www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my) diakses pada 17 November 2014.

<sup>81</sup> Lihat CEDAW and Malaysia, *Laporan Alternatif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia bagi Menilai Progres Kerajaan dalam Melaksanakan Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)*, Zaim Salimun (penterjemah), Petaling Jaya, Selangor: Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), 2013, hlm. 15 dan 28. Lihat juga Laporan Suhakam, *Pengenalan Mengenai Penilaian Penggalan Sejangat (UPR)*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2012.

negara, Pertubuhan Wanita Ikram telah memperkenalkan Piagam Wanita Islam yang menyatakan pendirian terhadap peranan, tanggungjawab dan hak wanita dan lelaki.<sup>82</sup>

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Wanita Ikram, Che Asmah Ibrahim mengulas mengenai pertubuhan Ikram, katanya:

Bergerak sebagai sebuah NGO, Wanita Ikram menjadikan syariah sebagai penyelesaian kepada permasalahan ummah. Kami mahu masyarakat kita boleh mengadakan perkongsian yang adil terhadap ruang dan peluang, manfaat pembangunan dan sumber-sumber antara wanita dan lelaki. Islam telah mempersembahkan keseimbangan dan wasatiah yang boleh diktetengahkan sebagai penyelesaian yang sejahtera. Namun kini, tanpa disedari telah terbentuk kelompok feminis (penyokong feminisme) radikal yang sesetengah perjuangan mereka melanggar batas-batas agama dan semakin menarik perhatian generasi muda. Wanita Ikram bukan sahaja memperjuangkan isu wanita malah merangkumi usaha dalam pembangunan belia, ekonomi, politik, pendidikan, kepimpinan wanita, undang-undang syariah dan dakwah. Kami percaya bahawa dalam memperjuangkan isu-isu ini, kami tidak akan bergerak bersendirian malah kami ingin menjalin hubungan dan membina gabungan dengan pertubuhan wanita yang lain tidak kira dalam mahupun luar negara.<sup>83</sup>

Bagi wanita Melayu yang beragama Islam di negara ini, sudah pasti hak asasi yang dibawa oleh badan-badan bukan kerajaan seperti Wanita Ikram ini banyak memberi manfaat kepada mereka untuk memahami beberapa hak dan kepentingan wanita dalam pembangunan negara khususnya kepada individu yang bergiat aktif dalam politik sama ada menjadi ahli mana-mana parti politik, sebagai penggerak jentera parti dan sebagai calon pilihan raya. Usaha yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan ini sudah memberi kesan yang cukup bermakna apabila ramai wanita bergiat dalam pelbagai bidang seperti mendapat peluang pekerjaan, pemilikan harta, mempunyai hak bersuara dan lain-lain. Kaum wanita berpotensi menjadi sumber pembangunan negara dalam

---

<sup>82</sup> *Utusan Malaysia*, 29 Ogos 2014.

<sup>83</sup> Kenyataan pengerusi Jawatankuasa Wanita Ikram, Che Asmah (Datin Paduka ) dalam Majlis Ramah Mesra Wanita Ikram bersama media di Pejabat Pertubuhan Ikram Malaysia, Seri Kembangan, Serdang, Selangor dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 28 Ogos 2014.

pelbagai bidang sama ada dalam bidang sosial, ekonomi dan juga politik. Peningkatan jumlah calon yang bertanding dalam pilihan raya membuktikan hak kebebasan wanita untuk mewakili kaum mereka setanding kaum lelaki. Proses-proses pilihan raya seperti menjalankan aktiviti kempen dikuasai oleh kaum wanita turut menunjukkan hak asasi manusia telah berjaya diamalkan di Malaysia. Di dalam Perlembagaan Malaysia Persekutuan mengikut Perkara 8 menjelaskan:

Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.<sup>84</sup>

Pernyataan di atas menjelaskan tentang pengiktirafan yang diberikan oleh Perlembagaan Malaysia kepada semua golongan sama ada lelaki atau perempuan, mereka berhak mendapat hak perlindungan yang sama adil dan saksama tanpa membezakan bangsa, jantina dan agama masing-masing. Seterusnya bukti suara dan hak asasi wanita telah mendapat perhatian oleh kerajaan apabila Perlembagaan Malaysia telah digubal semula pada 1 Ogos 2001 yang melarang sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender di dalam mana-mana undang-undang.<sup>85</sup>

Walau bagaimanapun, bagi masyarakat yang beragama Islam sudah pasti terikat dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dalam ajaran Islam. Justeru bagi parti-parti politik di Malaysia khususnya UMNO, PAS dan PKR turut memainkan peranan yang penting dalam memberi peluang kepada golongan wanita khususnya Melayu untuk bergiat aktif dalam politik dan pilihan raya. Hak asasi yang diamalkan di Malaysia telah banyak memberi manfaat kepada wanita untuk bertanding dalam pilihan raya, terlibat dengan aktiviti kempen dan juga menjadi pengundi kepada calon yang menjadi pilihan mereka. Hak yang diberikan oleh perlembagaan Malaysia ini telah

---

<sup>84</sup> Lihat Lembaga Penyelidik Undang-undang (editor), *Perlembagan Persekutuan (Hingga 15 Januari 2002)*, Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services, 2002, hlm. 4. Dalam Bahagian 2, perkara 5 hingga Perkara 14 mengatakan mengenai Hak Asasi seorang warganegara di Malaysia.

<sup>85</sup> Dewan Rakyat yang bersidang pada 1 Ogos 2001 sebulat suara meluluskan semua 13 peruntukan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001, yang antara lain bertujuan melarang diskriminasi atas alasan jantina. Sebanyak 172 undi menyokong pindaan Perlembagaan yang direkodkan tanpa bantangan atau pendirian berkecuali termasuk daripada ahli-ahli Parlimen pembangkang yang diketuai oleh Presiden PAS, FAdzil Noor ketika itu. Lihat *Utusan Malaysia*, 2 Ogos 2001.



digunakan oleh wanita sebaik mungkin apabila ramai mulai bergiat aktif dalam politik selepas merdeka. Keadaan ini menunjukkan peningkatan selepas tahun 1999 apabila jumlah wanita menjadi calon dalam pilihan raya berjaya menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Parti PAS juga telah mengambil peluang hak asasi terhadap wanita apabila membenarkan penyertaan wanita sebagai calon Pilihan Raya Umum pada tahun 2004 walaupun pada tahun 1980-an PAS telah menutup peluang wanita sebagai calon kerana keadaan dan prinsip yang ditetapkan oleh parti berkenaan pada ketika itu. Justeru hak asasi Manusia yang diamalkan di Malaysia merupakan salah satu faktor penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia. Namun begitu, hak asasi manusia ini sekurang-kurang mengurangkan pemahaman tradisi dan adat dan budaya Melayu yang mengekang wanita aktif berpolitik terutama dalam pilihan raya. Keadaan ini menunjukkan penerimaan bangsa Melayu yang boleh disesuaikan dengan keadaan semasa yang tidak menolak sebarang bentuk kebaikan kepada bangsa Melayu itu sendiri di samping jati diri Melayu masih dikekalkan dalam diri masyarakat Melayu di Malaysia. Proses akulturasi ini turut mempengaruhi bangsa Malaysia di mana penyerapan budaya dalam hak asasi manusia yang diamalkan di Barat diserap dan disesuaikan dalam budaya Melayu dan tidak mengubah identiti dan jati diri Melayu.

### **Faktor Dasar Agama**

Persoalan dan penglibatan wanita Melayu dalam kepimpinan politik di Malaysia telah mengundang pelbagai pandangan dan pendapat. Berlatarbelakangkan kepentingan, dimulai dengan daripada politik, agama hingga tradisi masyarakat mewarnai semaraknya perdebatan tentang peranan politik perempuan dalam bidang kepimpinan. Salah faham ini berlaku kerana segelintir masyarakat memandangkan keterlibatan kaum wanita dalam arena politik dipandang tidak layak dan melanggar fitrah keperempuanannya (kewanitaannya) kerana menganggap politik itu seolah-olah berkaitan dengan kekerasan, kekuasaan, kelicikan dan tipu daya. Keadaan ini bagi

mereka hanya sesuai menjadi milik kaum lelaki, selain mereka memandang bahawa politik tidak ada kaitannya dengan Islam. Pada hakikatnya wanita merupakan sebahagian daripada masyarakat bermula dengan institusi kekeluargaan dan seterusnya kemasyarakatan, sudah pasti kepentingannya

Falsafah politik Islam berakar umbi dalam sistem politik Melayu tradisi sebelum kedatangan kuasa barat di Tanah Melayu. Wanita telah terlibat dalam politik belakang tabir mahupun sesetengahnya telah menjadi pemerintah negara sejak zaman silam lagi. Peranan wanita didapati amat berpengaruh dalam menentukan hala tuju sesebuah kerajaan tradisional, contohnya ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.<sup>86</sup> Penglibatan wanita tidak dilarang dalam agama kerana melalui politik mereka dapat membantu masyarakat maju ke hadapan dalam segenap segi. Apa yang penting asas agama perlu dijadikan perisai dalam diri wanita tersebut. Menurut Rodziah Omar, katanya:

Jika wanita menceburi politik hanya sebagai pengundi atau ahli biasa dalam parti, sudah tentu mereka tidak akan mempunyai hak untuk membuat dasar dan keputusan-keputusan penting. Pada saya keadaan ini amat merugikan negara bangsa kerana telah terbukti wanita sudah banyak memberi sumbangan yang boleh digemblengkan untuk membantu memantapkan masyarakat di semua segi kehidupan. Dengan tanggapan yang sempit mengenai peranan wanita dalam politik itu kita mula berpatah balik pada zaman dahulu di mana wanita tidak diberi saluran dan peluang untuk memajukan diri mereka. Wanita Malaysia, khususnya wanita Melayu tidak gila kuasa kerana mereka mempunyai asas pegangan hidup keIslaman yang baik dan menjadikannya asas segala tindak tanduk dan pemikirannya. Kita tidak harus menyekat wanita itu dari memegang jawatan tetapi dalam proses membina jati diri wanita Melayu khususnya ada penyerapan nilai-nilai Islam yang murni dan praktikal. Ini supaya apabila wanita tersebut menjadi ketua, dia tidak akan terpengaruh dengan suasana yang dikatakan negatif seperti gila kuasa dan terlibat dengan rasuah. Bila kita melihat ciri-ciri pemimpin, pada saya tiada perbezaan gender kerana apa yang penting ialah perbezaan personaliti itu sendiri dan daya kepimpinannya. Kita harus mengubah paradigma lama kerana pada saya wanita

---

<sup>86</sup> Untuk keterangan lebih lanjut rujuk Arba'iyah Mohd Noor, Wanita dalam Pemerintahan kesultanan di Rantau Alam Melayu, kertas kerja Prosiding Wacana Naskhah Kesultanan Melayu: Pemerintahan dan Politik, anjuran DBP, Jabatan Muzium & PNM, 27 Oktober 2016.

Malaysia khususnya wanita Melayu adalah unik kerana pandai mengimbangi antara arena domestik dan arena awam. Kebanyakan wanita Melayu yang berjaya, mereka mempunyai keluarga yang mantap dan anak-anak yang berjaya.<sup>87</sup>

Jelas, wanita Melayu berpeluang untuk aktif dalam politik dan menjadi pemimpin serta tidak mudah terpengaruh dengan rasuah dan juga gila kuasa sekiranya mempunyai pegangan agama yang kukuh.

Terdapat sedikit perbezaan antara parti-parti tersebut dalam memberi ruang dan peluang kepada wanita terlibat dalam politik terutama dalam mencalonkan wanita sebagai wakil rakyat DUN atau parlimen. Terdapat dasar-dasar tertentu yang digariskan oleh parti-parti tersebut di mana kepentingan wanita sebagai sayap kiri parti masing-masing mempunyai perlembagaan yang tersendiri. Dalam perlembagaan tersebut terdapat garis panduan kepada ahli parti untuk melibatkan diri dalam politik. Syarat dan peraturan dalam perlembagaan tersebut adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan ahli parti dan juga para pemimpin yang terpilih. Parti-parti politik seperti UMNO, PAS dan PKR yang mempunyai keahlian dari masyarakat Melayu Islam sudah pasti meletakkan kepentingan agama dalam agenda politik mereka.

Bagi parti UMNO kelihatan agak liberal dari sudut penglibatan mereka dalam politik termasuk menjadi calon dalam pilihan raya. Ini dapat dilihat sejak awal Pilihan Raya Umum di Malaysia mereka tetap meletakkan wanita sebagai calon pilihan raya. Parti PAS pula dapat dilihat perbezaannya apabila tidak meletakkan wanita sebagai calon pilihan raya dengan beberapa isu dan alasan tersendiri seperti isu keselamatan wanita ketika menjalankan kempen pilihan raya pada era 80-an. Namun, berlaku perubahan selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim pada tahun 1998. Selepas Pilihan Raya Umum tahun 1999, PAS telah memberi peluang kepada wanita untuk menjadi calon pilihan raya pada PRU 2004 berdasarkan keadaan dan situasi semasa

---

<sup>87</sup> Temubual wartawan Utusan Malaysia Zaharani Asran dan Nur Adlina Mustapha bersama Rodziah Omar, pensyarah di Jabatan Antropologi, Universiti Malaya, lihat *Utusan Malaysia*, 19 April 1999.

serta melihat kepada pandangan ulama mengenai penglibatan wanita dalam politik. Perubahan yang berlaku begitu mengejutkan parti Barisan Nasional. Namun, di sini timbul perbezaan mengenai persoalan Islam dan juga politik. Pelbagai istilah turut dicanangkan seperti Politik Agama. Ianya berbeza dengan sekularisme yang menafikan agama dalam kehidupan yang mendasari penolakan politik agama. Isu inilah sering dimainkan antara parti PAS dan juga Parti UMNO. Jadi persoalan mengenai status wanita sebagai pemimpin menjadi persoalan yang cukup penting dalam politik yang berlandaskan ajaran Islam. Pandangan dan pendapat Ulama mengenai perkara ini turut dilihat dalam suasana politik yang terdapat di Malaysia.<sup>88</sup> Seringkali muncul dalam kalangan masyarakat yang menidakkan penglibatan wanita dalam politik dengan bersandarkan kepada firman Allah s.wt dalam surah an-Nisa' ayat 34 yang bermaksud :

Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita.

Begitu juga terdapat beberapa hadis seperti yang bermaksud:

Tidak akan berbahagia suatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada perempuan". "Sekali-kali tidak akan berjaya sesuatu kaum yang melantik pemimpin mereka dari kalangan wanita."<sup>89</sup>

Ayat dan hadis yang diperkatakan di atas sering kali digunakan oleh mereka yang menolak perempuan sebagai pemimpin. Dalil-dalil agama sering dijadikan dalih untuk mempertahankan *status quo* apabila lelaki diberi peranan dominan dalam masyarakat sedangkan perempuan hanya diberi peranan domestik seperti menguruskan hal-ehwal rumahtangga dan anak-anak. Namun begitu, perselisihan pandangan dan pendapat dalam masyarakat Islam ini telah membuka ruang dan peluang untuk wanita menyertai dan melibatkan diri dalam politik dan pilihan raya.<sup>90</sup>

---

<sup>88</sup> Untuk keterangan lebih lanjut tentang perbahasan ulama mengenai penglibatan wanita dalam politik dan pilihan raya sila lihat Zaharuddin Abdul Rahman , *Indahnya Politik Cara Islam, Pencerahan Kepada Isu-isu Kontemporari Politik dan Pentadbiran Islam*, Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sd. Bhd, 2013, hlm. 60-67. Rujuk juga Mohd. Rumaizuddin Ghazali, *Panduan Berdakwah Kontemporari*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003, hlm. 66-81.

<sup>89</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin Ali bin Muhammad, t.t *Fath al-bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Jil. 13, Kaherah: Dar al-Fikr, 1998, hlm. 126.

<sup>90</sup> Bushrah Binti Basiron dan Selmah Binti Ahmad, 'Wanita dan Kepimpinan Menurut Persepektif Islam', kertas kerja Seminar Wanita Profesional, anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan, 29-30 November, 2005, hlm. 7.

Terdapat pandangan yang membenarkan penglibatan wanita dalam politik berdasarkan syarat dan garis panduan yang ditetapkan dalam Islam antaranya ialah mengenai jawatan yang tidak sesuai bagi seorang wanita menjadi ketua negara (khalifah), ketua tentera untuk berjihad *fi sabilillah* dan juga hakim. Namun begitu, terdapat pandangan mengenai keharusan wanita menjadi kadi dan hakim. Kepimpinan asas bagi wanita ialah pembangunan insan dan pengurusan rumahtangga, manakala kepimpinannya dalam masyarakat pada amal makruf dan nahi mungkar dengan kepimpinan lelaki, tetapi sifatnya adalah terikat, terbatas seimbang dan bersepadu.<sup>91</sup> Banyak kisah-kisah dalam Al-Qur'an dan juga Hadis mengenai kepentingan dan kepimpinan mereka sebagai sayap kiri kaum lelaki.<sup>92</sup> Menurut Sharifah Hayati wanita Islam dibolehkan aktif dalam politik hingga ke peringkat memegang jawatan Perdana Menteri atau Presiden di sesebuah negara. Walaupun ulama sepakat menyatakan wanita tidak boleh memegang jawatan tertinggi (*wilayah ammah*) dalam negara namun ketetapan hukum itu boleh berubah dengan berlakunya perubahan dalam struktur pentadbiran negara. Katanya :

Wanita boleh memegang jawatan tertinggi di dalam negara tetapi dengan syarat mereka mempunyai kemampuan. Ulama tidak lagi membincangkan soal hukum boleh atau tidak wanita terlibat dalam politik tetapi sejauh mana ruang lingkup kekuasaan yang boleh dimiliki oleh kaum hawa dalam kepimpinan negara.<sup>93</sup>

Menurut beliau lagi, ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid, isterinya Zubaidah Jaafar telah memberi idea tentang pembinaan projek tali air dari Mesopotamia ke

<sup>91</sup> Ibid.

<sup>92</sup> Sesungguhnya semangat al-Quran dan kecenderungan umum Rasulullah s.a.w sebenarnya memberikan peluang yang sama kepada hamba-Nya tanpa membezakan lelaki atau perempuan baik sebagai khalifah dan juga sebagai hamba. Sebagai contoh kisah Ratu Balqis dan Nabi Sulaiman menggambarkan kepimpinan ratu dan raja dalam al-Quran. Ini jelas menunjukkan terdapat tokoh wanita yang mengendalikan kekuasaan besar dan di sekelilingnya banyak tokoh-tokoh lelaki. Sejarah Islam juga mencatatkan wanita yang pertama memeluk Islam iaitu Saidatina Khadijah. Manakala orang yang pertama kali mati syahid dalam Islam juga seorang wanita iaitu Sumayyah, ibunda Ammar bin Yasir. Selain dalam sejarah Islam juga telah mencatatkan wanita juga tidak terkecuali dalam penghijrahan ke Kota Habsyah dan juga Madinah. Bahkan ada di antara mereka yang berhijrah dalam keadaan hamil dan tua. Asma' binti Abu Bakar, adalah wanita yang menghantar makanan untuk Nabi dan Abu Bakar selama mereka bersembunyi di Gua Tsur, dalam perjalanan hijrahnya. Di antara kaum Ansar yang menyaksikan bai'ah Aqabah, terdapat juga kaum wanita. kaum wanita juga turut berjihad bersama Rasulullah s.a.w dalam beberapa peperangan yang diikuti beliau. Lihat *Utusan Malaysia*, 25 April 2003 mengenai kedudukan wanita dalam memimpin negara oleh Mohd. Shauki Abdul Majid. Rujuk Ruzian Markom, *Sumbangan Sayyidatina Aisyah Dalam Bidang Undang-Undang*, dalam Siti Saudah Hj. Hassan, Roziah Sidik, et al., *Ketokohan Wanita Islam, Teladan dan Cabaran*, Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, UKM, 2002, hlm. 29-32.

<sup>93</sup> Ucapan Sharifah Hayati Syed Ismail ketika membentangkan kerta kerja yang bertajuk 'Penglibatan Wanita dalam Politik dan Pemerintahan'. Sila rujuk *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 2001.

Mekah (Ain Zubaidah) bagi kegunaan jemaah haji telah membentuk dasar sosial yang efektif bagi kerajaan Abassiah pada ketika itu. Terbukti idea yang dikemukakan oleh Zubaidah begitu praktikal pada zaman tersebut. Sharifah turut mengatakan dalam konteks *wilayah khassah*, wanita boleh dilantik menjadi menteri penuh sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibnu Hazm kerana tiada nas yang mengenai isu tersebut. Namun, tokoh Islam iaitu al-Mawardi berpendapat tidak boleh menjadi menteri penuh kerana melibatkan penggubalan dasar dan keputusan kerajaan yang hampir sama bidang kuasa dengan ketua negara.

Bagi Sharifah Hayati keseimbangan peranan sebagai seorang isteri serta ibu cukup penting apabila wanita terlibat dalam politik secara langsung. Ilmu pengetahuan, berkebolehan dan akhlak Islam yang diperlukan amat penting sebagaimana seorang lelaki dengan menjaga aurat dan pergaulan.<sup>94</sup> Apa yang penting, perkara tersebut diperlukan bagi seorang wanita untuk melindungi mereka dari fitnah. Sebagaimana yang berlaku alam tempoh kajian, fitnah dalam politik cukup hebat memandangkan media sosial digunakan sebagai alat yang penting dalam menyampaikan maklumat.<sup>95</sup> Sebagai contoh saluran muka buku (*facebook*), blog dan laman sesawang dari internet memberi peluang kepada semua golongan untuk menyebarkan maklumat tanpa batasan. Maka, sewajarnya individu yang terbabit dengan politik perlu memiliki jiwa yang mantap dan kental dalam menghadapi situasi yang begitu menakutkan. Keadaan ini juga diakui oleh Syakiah Ismail. Beliau merupakan seorang suri rumah yang begitu peka mengenai keadaan politik di Malaysia. Beliau turut menyatakan tentang kepentingan akhlak dan keperibadian seseorang pemimpin dalam masyarakat sama ada lelaki atau wanita. Keadaan ini akan dinilai oleh masyarakat sekeliling yang akan memberi impak

---

<sup>94</sup> Ibid.

<sup>95</sup> Sebagai contoh fitnah terhadap Rafidah Aziz tentang pemberian isu saham terhadap menantunya. Namun Jabatan Peguam Negara telah membuat keputusan muktamad untuk tidak mendakwa Rafidah Aziz berdasarkan laporan siasatan yang dikemukakan Badan Pencegah Rasuah (BPR) mendapati tiada bukti jelas untuk mengaitkan Rafidah dengan tuduhan rasuah. Lihat *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2000.

kepada parti yang akan mereka bawa dalam pilihan raya yang akan mereka tandingi.

Katanya:

Kalau dari pandangan saya, saya impikan pemimpin sehebat Rasulullah SAW. Namun sememangnya tidak wujud pemimpin sehebat Rasulullah di era yang mencabar ini. Tetapi sekurang-kurangnya beliau tidak lari dari prinsip kepimpinan baginda iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fathonah. Dia harus jujur, adil dan amanah memikul tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Maksud tabligh pula, dia harus mampu berkomunikasi dengan pengundi, mereka juga menjadi medium perantaraan rakyat dan pemerintah. Pemimpin juga harus praktikal dan berpandangan jauh. Pemimpin yang bijaksana harus mampu bina kekuatan masyarakat yang dipimpin dari segi ekonomi, psikologi dan kerohanian. Dalam konteks Malaysia, pemimpin yang dipilih juga harus mampu meraih sokongan pengundi Muslim dan bukan Muslim.<sup>96</sup>

Kenyataan Syakiah ini juga turut diakui oleh Nafisah Tahir<sup>97</sup> dan juga Zurina Hukma tentang contoh kepimpinan Rasulullah dalam mentadbir sebuah negara.<sup>98</sup> Bertepatan dengan ajaran Islam yang merupakan agama rasmi di Malaysia, wanita Islam di bolehkan untuk berpartisipasi dalam politik khususnya sebagai calon dalam pilihan raya dan menjadi anggota parlimen. Jawatan sebagai wakil rakyat dan juga menteri jumbuh ulama berpendapat hukumnya harus kerana tugas wakil rakyat lebih bersifat perwakilan mengenai urusan yang diwakili. Yusuf al-Qaradawi melihat pembabitan kaum wanita sebagai wakil rakyat dalam keadaan ini merupakan satu tuntutan yang penting bagi kemaslahatan ummah. Secara umum, wakil rakyat akan terlibat secara langsung dalam penggubalan undang-undang serta mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar. Maka, wakil rakyat wanita mampu memberi idea dalam proses tersebut. Sebagai contoh menarik di Iran Presiden Mohammed Khatami telah melantik dua orang wanita sebagai Naib Presiden selepas kemenangan beliau pada Mei 1997.<sup>99</sup> Keadaan ini boleh

---

<sup>96</sup> Temuramah dengan Syakiah Ismail melalui laman sosial *Facebook* pada 11 Februari 2015.

<sup>97</sup> Temubual dengan Ustazah Nafisah Tahir Ketua Lujnah Tarbiyyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Gombak di Pasti Al Badar Gombak pada 12 Jun 2014.

<sup>98</sup> Temuramah dengan Zurina Hukma Muhammad bekas Ahli Jawatankuasa Parti Keadilan Rakyat Kuala Lumpur menerusi aplikasi *Whats Application (WhatsApp)* pada 12 Februari 2015.

<sup>99</sup> Lihat Mohd Nasran Mohamad, "Kedudukan Wanita dalam Politik dan Pemerintahan", kertas kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa, Menghadapi Cabaran Globalisasi, Bangi: Jabatan Syariah UKM, 2003, hlm. 434.

dilihat di Malaysia apabila jumlah wanita menyertai proses pilihan raya semakin meningkat selepas 1999. Peningkatan kualiti dan kemahiran tertentu wanita pada zaman ini sebenarnya memberi sumbangan yang amat penting kepada masyarakat. Justeru itu, penglibatan mereka dalam arena politik hendaklah diterima dengan baik tanpa ragu dan prasangka dengan mengambil kira syarat-syarat yang ditetapkan dalam Islam sebagaimana dibincangkan di atas. Maka, pengiktirafan ini membolehkan wanita untuk mengundi dan diundi dalam mana-mana pilihan raya dan bertepatan dengan amalan demokrasi di Malaysia. Proses pembuangan undi bagi memilih wakil rakyat dalam Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat atau Parlimen mempunyai titik persamaan dengan sistem bai'ah dalam Islam. Dalam proses ini juga mereka diberi kebebasan untuk bersuara memberi pendapat dan memberi ketaatan kepada pemimpin yang dipilih.<sup>100</sup> Ayat al-Qu'ran yang menjadi sumber untuk pengiktirafan terhadap wanita untuk menjadi pengundi ialah berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Mumtahanah, ayat ke-12 yang bermaksud:

Wahai Nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatupun dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak akan berzina, dan mereka tidak akan membunuh anak-anak mereka, dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara yang dusta yang mereka adakan dari kemahuan hati mereka dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Surah ini dengan jelas memerintahkan nabi supaya menerima taat setia dari kaum wanita. Janji setia ini merupakan kiasan kepada undi yang dipilih ketika memangkah borang undi ketika pilihan raya berlangsung. Justeru itu, agama Islam memberi peluang kepada wanita untuk menjadi pemimpin dan amat bertepatan dengan proses-proses

---

<sup>100</sup> Lihat Andek Masnah Andek, *Kelawa Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*, Bangi: Penerbit UKM, 2000, hlm.132-136.



pilihan raya yang dijalankan di Malaysia seperti bertanding dalam pilihan raya, menjadi pengundi, menjadi jentera parti sebagai perayu undi, menyertai pelbagai program politik dan memimpin parti-parti politik. Maka, parti-parti politik perlu menjalankan kempen-kempen untuk menjelaskan kepentingan parti-parti masing-masing kepada masyarakat. Rakyat akan menilai sendiri dan membuat pilihan untuk memilih pemimpin yang terbaik. Tanggungjawab dan amanah perlu dilakukan dengan sebaik mungkin selepas berjaya menjadi wakil rakyat. Islam menitikberatkan soal amanah dan keadilan dalam masyarakat dan sama sekali tidak melarang kaum wanita untuk keluar memenuhi tuntutan kehidupan selagi mereka menjaga batas-batas yang ditentukan dalam Islam dengan sebaik mungkin.

### **Faktor Pendidikan**

Pendidikan amat penting untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan bertujuan untuk meningkatkan pemikiran secara rohani dan jasmani. Semenjak Kesultanan Melayu Melaka lagi masyarakat Melayu menyedari tentang kepentingan pendidikan.<sup>101</sup> Wanita di Malaysia telah diberikan hak dan peluang untuk mendapatkan pendidikan. Pada tahun 1933, Maktab Perguruan Perempuan telah ditubuhkan khas untuk wanita di Malaysia. Wanita Melayu pada ketika itu masih mengamalkan proses pendidikan secara informal seperti melakukan tugas-tugas domestik di rumah yang bersesuaian dengan dengan keperluan zaman tersebut.<sup>102</sup> Namun begitu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh golongan cendekiawan termasuk raja-raja Melayu dan golongan reformis Islam untuk memajukan pendidikan dalam kalangan wanita Melayu.<sup>103</sup>

---

<sup>101</sup> Awang Had Salleh (editor), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1980, hlm. 2.

<sup>102</sup> Robiah Sidin, 'Dasar dan Peluang Wanita dalam Pendidikan: Satu Analisis Kuantiti dan Kualiti', dalam buku Noraziah Ali & Jawiah Dakir, *Isu-Isu Wanita di Malaysia.*, Selangor: International Law Book Services, 2008, hlm. 78-79. Lihat juga Arba'iyah Mohd Noor, "Kesedaran Pendidikan Wanita Melayu Awal Abad ke-20", dalam buku, Zalizan Mat Enh & Rohani Abdul Ghani (editor), *Wanita Dan Masyarakat*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn, 2012, hlm. 34-37.

<sup>103</sup> Golongan reformis tersebut antaranya ialah Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin, Sayid Syeikh Ahmad Al-Hadi, Haji Abas Mohd Taha dan Syeikh Mohd Salim al-Kalali. Menurut Ramlah Adam Kesatuan Melayu Singapura (KMS) merupakan persatuan paling awal mempunyai bahagian wanita. Tujuan Penubuhan KMS ialah untuk memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu dalam politik dan dalam bidang pendidikan pada tahun 1926. Pada peringkat awal penglibatan wanita Melayu dalam politik kepartian, terdapat dua kategori wanita yang menjadi pemimpin parti. Golongan pertama yang merupakan perintis kepada kemajuan kaum wanita di Tanah

Jika dilihat dari sudut sejarah politik di Malaysia, penglibatan kaum wanita dalam politik bermula dari pendidikan yang mereka terima di peringkat menengah sama ada aliran sekular dan aliran agama seterusnya di peringkat institusi perguruan dan pendidikan di luar negara. Kesan daripada pendidikan yang mereka terima telah melahirkan ramai golongan wanita Melayu yang semakin sedar tentang keperluan untuk mengubah nasib mereka. Ekoran daripada semangat nasionalisme yang timbul kerana ketidakadilan penjajahan Belanda di Indonesia dan British di Malaya, golongan wanita agak terbuka dan agresif pendekatan mereka dalam politik. Justeru itu, mereka cenderung untuk memilih pergerakan wanita yang dilihat tidak mesra kepada penjajah dan pada masa yang sama mendokong dasar-dasar Islam yang menjadi tunjang pendidikan dan pegangan mereka.<sup>104</sup> Bagi wanita-wanita Melayu seperti Salmah Sheikh Hussein, Sakinah Junid, Shamsiah Fakeh dan juga Aishah Ghani inspirasi pertama mereka dalam memupuk kesedaran politik datangnya daripada tempat mereka menerima pendidikan awal iaitu di Madrasah Diniyah Puteri di Padang Panjang, Sumatra.<sup>105</sup> Salah seorang pejuang wanita terkemuka Indonesia yang turut berjuang untuk kemerdekaan Indonesia serta memperjuangkan kesamarataan di antara lelaki dan wanita iaitu Rasuna Said juga merupakan kelahiran sekolah Diniyah Puteri.<sup>106</sup> Oleh sebab itu pendidikan telah memainkan peranan yang amat penting terhadap kesedaran mereka tentang politik di Tanah Melayu ketika itu.

Selepas kemerdekaan keperluan mendapatkan pendidikan baik kepada lelaki mahupun wanita adalah lebih terbuka berbanding sebelum merdeka. Sebelum merdeka,

---

Melayu terdiri daripada anak bangsawan daripada kelas menengah dan atasan, golongan yang berpendidikan Inggeris di sekolah mubaligh serta guru-guru yang berpendidikan Melayu. Golongan ini kebanyakannya mempunyai legitimasi dalam politik melalui anggota keluarga sama ada bapa atau suami yang merupakan pegawai kerajaan atau mereka sendiri bergiat secara aktif dalam bidang ini. Rujuk Zaireeni Azmi dan Noor Eshah Tom Abdul Wahab 'Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal', kertas kerja Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia, Bandung, Indonesia, 10-12 November 2009. Ramlah Adam, 'Sejarah Awal Pergerakan Kaum Ibu UMNO', *Jurnal Sejarah*, Jil. XL, Penerbit Universiti Malaya, 1977, hlm. 117. Manderson, Lenore, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, 1945-1975*, (terjemahan Samsudin Jaapar), Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1980, hlm. 56. Dancz, Virginia H., *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Oxford: Oxford University Press, 1987, hlm. 7 dan 26.

<sup>104</sup> Zaireeni Azmi dan Noor Eshah Tom Abdul Wahab, 'Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal', kertas kerja Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia, Bandung, Indonesia, 10-12 November 2009.

<sup>105</sup> Mahani Musa, 'Wanita Melayu, Kesedaran Pendidikan dan Pembentukan Masyarakat Malaysia Modern', *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jil. 38, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2010, hlm. 8. Wazir Jahan Karim, *Women, and Culture: Between Malay Adat and Islam*, San Francisco: Westview Press, 1992, hlm. 96.

<sup>106</sup> Zaireeni Azmi dan Noor Eshah Tom Abdul Wahab, 'Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal'.

adat dan tradisi masyarakat Melayu yang konservatif telah meminggirkan pendidikan kanak-kanak Melayu sehingga tertinggal jauh berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Masyarakat Melayu tradisional amat mementingkan budaya dan adat.<sup>107</sup> Situasi ini semakin terhakis apabila sistem pendidikan negara mengalami pelbagai perubahan dengan menukarkan sistem pendidikan penjajah dengan sistem pendidikan kebangsaan. Kemunculan Penyata Razak (1956) dan penyata Rahman Talib (1960) dijadikan asas pembentukan sistem dan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran Kebangsaan 1961.<sup>108</sup> Sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan antara tahun 1970 hingga tahun 1990. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan pada tahun 1982 dan diteruskan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. Pada masa ini juga kerajaan telah memperkenalkan Falsafah Pendidikan Negara bagi membentuk masyarakat yang mempunyai modal insan yang berkualiti, bertanggungjawab, berilmu, patuh kepada tuhan sebagaimana yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara tahun 1987. Pada tahun 1992, kerajaan juga telah memperkenalkan pendidikan umum selama 11 tahun dan mewajibkan masyarakat di Malaysia untuk mengikuti sesi persekolahan bermula dari tahun satu sehingga ke tingkatan lima. Kerajaan juga telah menambahbaik KBSR dan KBSM. Pembangunan dunia pendidikan mengalami perubahan yang pesat. Sebagai contoh penggubalan undang-undang dan Pindaan Akta seperti Akta Pelajaran 1961 digantikan dengan Akta Pendidikan Tinggi Negara 1996.<sup>109</sup>

Penambahbaikan dalam sistem pendidikan diteruskan selaras dengan apa yang terkandung dalam Falsafah Negara iaitu untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam teknologi dan berkemahiran serta berakhlak mulia. Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah diperkenalkan

---

<sup>107</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai wanita Melayu dan juga adat rujuk Wazir Jahan Karim, *Women & Culture, Between Malay Adat and Islam*, Oxford: West View Press, 1992.

<sup>108</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib rujuk Tan Yao Sua., 'Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki', *Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu 1*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, 139-166.

<sup>109</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pembangunan Pendidikan, 2001-2010*, hlm. 6

pada tahun 2003. Namun, hasil keputusan tidak memberangsangkan apabila pencapaian murid semakin merosot pada tahun tersebut dari tempat ke-10 pada tahun 2003 ke 20 pada tahun 2007, bagi matapelajaran Matematik. Manakala mata pelajaran Sains dari tempat ke-20 pada tahun 2003 ke-21 pada tahun 2007. Jurang pencapaian antara sekolah bandar dan luar bandar semakin jauh ketinggalan. Rentetan daripada itu kerajaan telah memansuhkan PPSMI dan digantikan dengan Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Walaupun perubahan ini telah memberi kesan kepada pelajar-pelajar, namun pelajar wanita mampu menandingi kemampuan lelaki dalam sistem pendidikan di negara ini. Sebelum dan selepas merdeka kaum lelaki lebih ramai mendapat peluang belajar berbanding dengan wanita.<sup>110</sup> Kadar peningkatan pelajar di sekolah kerajaan semakin meningkat antara tahun 1970 sehingga tahun 2000. Secara umum penyertaan murid melebihi 95 peratus.

Pada peringkat menengah rendah, kadar penyertaan pelajar meningkat sebanyak 32.8 peratus daripada 52.2 peratus pada tahun 1970 kepada 85.0 peratus pada tahun 2000. Kadar penyertaan yang tinggi ini berlaku terutama pada tahun 1990-an kerana terdapat perubahan dasar yang melaksanakan pendidikan universal daripada 9 tahun kepada 11 tahun secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 1992. Perubahan dasar ini juga mempengaruhi kadar penyertaan pada peringkat menengah atas daripada 20.1 peratus pada tahun 1970 kepada 72.6 peratus pada tahun 2000, iaitu pertambahan sebanyak 52.5 peratus. Pada peringkat lepasan sekolah menengah, kadar penyertaan pelajar meningkat sebanyak 15.8 peratus iaitu 3.1 peratus pada tahun 1970 kepada 18.9 peratus pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2000 berbanding tahun 1990. Penurunan kadar penyertaan pada tahun 2000 adalah kerana ITM telah dinaik taraf menjadi universiti dan perangkaan serta maklumat ITM dikira pada peringkat universiti. Di samping itu, bilangan pelajar

---

<sup>110</sup> Ibid. Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2007.

yang mengikuti pendidikan lepas menengah di IPTS semakin bertambah. Kebanyakan pelajar ini mengikuti program matrikulasi atau prauniversiti yang melayakkan mereka meneruskan pelajaran melalui program berkembar dengan universiti luar negara.<sup>111</sup>

Pada peringkat universiti, terdapat peningkatan yang amat menggalakkan dalam enrolmen pelajar. Kadar penyertaan pelajar telah meningkat daripada 0.6 peratus pada tahun 1970 kepada 1.6 peratus pada tahun 1980, 2.9 peratus pada tahun 1990 dan 8.1 peratus pada tahun 2000. Penyertaan pada peringkat ini dijangka akan meningkat pada masa hadapan kerana jumlah penduduk daripada golongan ini (17+ hingga 23+ tahun) akan meningkat kepada 2.3 juta. Walaupun jumlah penyertaan bertambah pada peringkat universiti, peratus penyertaan bagi kohort ini masih kecil, iaitu kira-kira 24.3 peratus pada tahun 2000. Peningkatan mereka yang celik huruf semakin meningkat. Mengikut Laporan Am Banci Penduduk 1970, 1980, dan 1991, kadar celik huruf bagi penduduk Malaysia yang berumur 10 tahun dan ke atas ialah 58 peratus, 72 peratus, dan 86 peratus bagi tahun-tahun berkenaan. Kajian Perpustakaan Negara pada tahun 1996 mendapati kadar celik huruf bagi kumpulan penduduk yang sama telah meningkat menjadi 93 peratus. Kadar ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan kebangsaan telah berjaya menjadikan sembilan daripada setiap sepuluh orang penduduk Malaysia celik huruf.<sup>112</sup>

Berdasarkan laporan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, jumlah pelajar yang memasuki universiti pada tahun 2007 seramai 204,189 orang dan jumlah lelaki 126, 836 orang, pada tahun 2008 jumlah pelajar wanita 226, 687 orang manakala jumlah pelajar lelaki seramai 143, 687 orang. Kadar literasi wanita sepanjang tempoh 1990 hingga 2000 menunjukkan peningkatan daripada 78.5 kepada 86 peratus. Jumlah

---

<sup>111</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, Pembangunan Pendidikan, 2001-2010, hlm. 6.

<sup>112</sup> Ibid., 9-10.

peningkatan di antara tempoh 2000 hingga 2010 juga telah meningkat kepada 90.3 peratus sepanjang tempoh terbabit.<sup>113</sup>

Peningkatan jumlah literasi wanita turut menyumbang kepada kesedaran politik dalam kalangan wanita sepanjang tempoh kajian antara tahun 1999 hingga 2008. Keadaan ini dibuktikan berdasarkan jumlah pengundi wanita lebih tinggi berbanding dengan kaum lelaki pada tempoh yang dibincangkan membuktikan kesedaran mereka dalam proses menentukan pentadbiran negara.<sup>114</sup> Mereka juga mendapatkan maklumat-maklumat tentang isu-isu yang berlaku dalam negara menerusi pelbagai cara sama ada melalui media cetak dan media elektronik. Anjakan paradigma masyarakat semakin berubah pada abad ke-21. Menurut Razali Ismail, abad ke-21 sering dikaitkan dengan era Teknologi Maklumat yang memungkinkan kepantasan faktor masa dan juga jarak sesuatu tempat. Perkembangan terkini dalam ‘open sky technology’ membawa kesan kepada kehidupan manusia sejagat termasuk sistem pendidikan.<sup>115</sup>

Perkembangan teknologi maklumat dan media baru pada ketika itu menyebabkan pengundi muda termasuk wanita Melayu tidak lagi mengakses maklumat daripada media konvensional tetapi ‘mencipta’ maklumat dan membentuk pandangan tersendiri. Perubahan daya pemikiran masyarakat juga berubah mengikut maklumat yang mudah didapati berbanding tahun sebelumnya. Trend politik semasa pada tempoh yang dibincangkan antara penyumbang kepada senario itu berlaku. Melalui tahap kesedaran celik internet dalam kalangan wanita Melayu juga antara penyumbang kepada berlakunya ‘tsunami’ politik pada tahun 2008. Pada tahun terbabit penggunaan internet bagi mengedarkan maklumat parti kepada pengundi telah digunakan secara meluas

---

<sup>113</sup> [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Muat%20Turun/QUICK\\_FACTS\\_KPWKM\\_2014.pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Muat%20Turun/QUICK_FACTS_KPWKM_2014.pdf) diakses pada 12 Julai 2017.

<sup>114</sup> Jumlah pengundi wanita pada tahun 1999 ialah 5,23476 (54 peratus), tahun 2004 5, 06 juta (52 peratus) dan 5,86 juta (55.1 peratus). : Diubahsui dan anggaran berdasarkan perkiraan penulis yang diambil dari *Utusan Malaysia*, 18 November 1999, *Utusan Malaysia* 1 Disember 1999, *Utusan Malaysia*, 26 April 2012, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008, *Sinar Harian*, 10 Februari 2013.

<sup>115</sup> Razali Ismail, ‘Enhancing Digital Education in Terengganu: The T\_iman Approach’, National Conference on ICT in Education. Kuala Terengganu: Primula Beach Resort, 1-2 Oktober 2002, hlm.2

terutama di kawasan bandar.<sup>116</sup> Menurut Norsham Abu Samah, beliau mengatakan tentang tahap kesedaran wanita Melayu terhadap perkembangan politik di Malaysia ini amat ketara ketika tahun 1999 selepas pemecatan Anwar Ibrahim. Katanya:

Saya sendiri datang memberi sokongan kepada Wan Azizah dan Anwar Ibrahim. Saya dapati ramai dalam kalangan wanita Melayu berpusu-pusu datang dalam demonstrasi gerakan reformasi ketika itu. maklumat juga cepat dengan kemudahan pesanan ringkas melalui telefon bimbit. Perkembangan ini juga memberi gambaran tentang tahap pendidikan wanita Melayu turut menyumbang kepada kesedaran politik wanita Melayu.<sup>117</sup>

Kenyataan ini juga turut di sokong oleh Jaliah Ahmad yang bersama-sama turun untuk memberi sokongan kepada Wan Azizah Wan Ismail.<sup>118</sup>

Dalam tempoh kajian penyertaan wanita dalam pilihan raya dari parti-parti politik seperti PKR, PAS dan UMNO memperagakan calon-calon wanita masing-masing. Menurut Saliha Hassan<sup>119</sup> yang menegaskan tentang nisbah pencalonannya saksama dengan ketokohan wanita yang terdapat di dalam parti mereka adalah suatu yang terus dipersoalkan secara diam-diam atau secara terbuka. Apa yang jelas di sini boleh dikatakan keseluruhan media massa juga memberi liputan kepada keterampilan setiap calon wanita dari segi latar belakang politik, akademik dan kepimpinan mereka. Calon-calon yang dipilih oleh parti-parti UMNO, PAS dan PKR mempunyai latar belakang pendidikan yang baik. Sebagai contoh dari parti UMNO Shahrizat Abdul Jalil, Rafizah Aziz, Napsiah Omar, Azalina Othman dan lain-lain. Manakala dari pihak PAS pula seperti Siti Zailah Binti Mohd Yusoff, Siti Mariah Binti Mahmud, Lo' Lo' Binti Hj

---

<sup>116</sup> Joseph M. Fernando, 'Urban Swing dalam Pilihan Raya Umum ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor dalam Joseph M. Fernando dan Zulkarnain Abdul Rahman et al., (editor), *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 145.

<sup>117</sup> Temubual dengan Norsham Abu Samah dalam satu program Tahlil di kediaman Anwar Ibrahim dan Wan Azizah Wan Ismail, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Naib Ketua Wanita Keadilan (2014-2017).

<sup>118</sup> Temubual dengan Jaliah Ahmad Mahir dalam satu program Tahlil di kediaman Anwar Ibrahim dan Wan Azizah Wan Ismail, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Ketua Wanita Keadilan Padang Rengas, Kuala Kangsar Perak. (2017).

<sup>119</sup> Saliha Hassan, 'Perspektif Ideologi Calon-calon Wanita Malaysia dalam Pilihan Raya 1995', kertas kerja Seminar Politik dan Pilihan Raya di Malaysia: ke Arah Pemantapan Demokrasi, anjuran Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Julai 1995.

Mohamad Ghazali, Mumtaz Nawawi dan lain-lain. Bagi PKR pula calon-calon mereka juga mempunyai tahap pendidikan yang tinggi sebagai contoh Presiden PKR Wan Azizah Wan Ismail, Fuziah Salleh, Nurul Izzah Anwar, Zuraida Kamarudin dan lain-lain. Di pihak calon-calon wanita ini pula terutama yang telah menang masing-masing memberikan ketegasan untuk memenuhi tanggungjawab dan kewajipan wakil rakyat sebagaimana yang mereka sendiri faham mengenai tugas dan amanah yang bakal dipikul tersebut. Gabungan ketokohan dan keazaman mereka untuk berkhidmat kepada rakyat ini menjanjikan sesuatu yang ideal dan bagus serta sentiasa diharap-harapkan daripada wakil rakyat dalam sebuah negara demokrasi yang pesat membangun seperti Malaysia.<sup>120</sup> Ketua Puteri UMNO cawangan DUN Inderapura pula menegaskan tentang perkara tersebut bahawa setiap pemimpin wanita perlu memahami setiap kehendak rakyat.<sup>121</sup>

Perkembangan pendidikan dalam kalangan wanita Melayu di Malaysia pada tempoh kajian tidak menyukarkan parti-parti politik untuk menjalankan aktiviti dan proses pilihan raya. Mereka mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan mereka dalam membangunkan negara dan memilih wakil rakyat berdasarkan jumlah pemilih yang tinggi berbanding lelaki. Berdasarkan temubual yang dijalankan rata-rata mengesahkan peranan pengundi wanita amat penting dalam menentukan kepimpinan negara termasuk Nakhaei Ahmad. Menurut beliau:

Peranan wanita Melayu amat penting dalam proses pilihan raya di Malaysia. Wanita Melayu juga mempunyai tahap pendidikan yang tinggi terutama selepas tahun 90-an. Wanita merupakan pengundi yang paling ramai berbanding kaum lelaki. Keadaan ini membuktikan bahawa wanitalah yang sebenarnya menentukan siapa yang bakal menjadi pemimpin negara.<sup>122</sup>

---

<sup>120</sup> Ibid hlm. 6.

<sup>121</sup> Temubual dengan Zuraida Mohd Nasir Ketua Puteri UMNO, cawangan Kg. S.C. DUN Inderapura, Pahang melalui emel anidanasir@yahoo.com pada 21 Julai 2017.

<sup>122</sup> Temubual dengan Nakhaei Ahmad pada 22 Jun 2017 di Restoran Tuu Dia Pak Tam di Selayang, Selangor. Beliau menyertai UMNO pada tahun 1989 dan pernah menjadi ahli dan Naib Presiden PAS. Beliau merupakan mantan Yang Dipertua Yayasan dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).



Walaupun peningkatan tahap pendidikan wanita di Malaysia begitu membanggakan, namun jumlah kejayaan wanita dalam Pilihan Raya Umum tidak setanding dengan kaum lelaki. Jumlah pencalonan lelaki lebih ramai berbanding dengan wanita. Pada PRU 1999, sebanyak 193 kerusi dipertandingkan di Parlimen dan 394 kerusi dipertandingkan bagi Dewan Undangan Negeri. Wanita berjaya memenangi 19 kerusi Parlimen dan 25 lagi bagi kerusi DUN.<sup>123</sup> Pada PRU 2004, daripada 567 ADUN di seluruh negara seramai 531 adalah lelaki dan 36 orang adalah wanita. Bagi PRU ini juga, kerusi Parlimen berjumlah 219 kerusi hanya 22 wanita yang berjaya menjadi ahli Dewan Rakyat.<sup>124</sup> Pada PRU 2008 pula terdapat 44 orang calon wanita yang bertanding bagi kerusi Parlimen (termasuk dua orang yang turut bertanding bagi kerusi DUN dan 80 kerusi DUN (termasuk dua orang yang turut bertanding di kerusi Parlimen pada masa yang sama. Jumlah kerusi Parlimen yang dipertandingkan dalam PRU 2008 ialah 222 kerusi, manakala DUN pula sebanyak 505 kerusi.<sup>125</sup>

Keadaan ini masih menunjukkan kadar ketidakseimbangan jumlah calon wanita di Parlimen dan DUN berbanding dengan lelaki sepanjang tempoh kajian. Terdapat ruang-ruang yang masih menyukarkan penglibatan wanita terutama wanita Melayu untuk menjadi calon parti-parti yang bertanding. Walaupun terdapat peningkatan jumlah keahlian wanita dalam parti-parti politik, namun peluang untuk mereka menjadi perwakilan masih sedikit. Keadaan ini berlaku berpunca oleh masalah struktur parti yang telah dikuasai oleh perwakilan lelaki berbanding wanita. Malah ruang politik juga sangat kondusif bagi kaum lelaki berbanding wanita. Sebagai contoh, UMNO dan PAS dilihat mengutamakan perwakilan daripada lelaki dan menganggap lelaki lebih layak untuk memegang jawatan kerana mereka lebih berkebolehan, berkemampuan serta mempunyai kemahiran kepimpinan yang lebih baik daripada wanita terutama dalam hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran. Semakin wanita berkuasa sebagai pemimpin,

---

<sup>123</sup> *Utusan Malaysia*, 30 November 1999.

<sup>124</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Februari 2008

<sup>125</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando, et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, hlm. 186.

prejudis kepada golongan wanita akan bertambah hebat.<sup>126</sup> Namun begitu, pengumuman kuota 30 peratus di peringkat pembuat dasar dalam sektor awam pada tahun 2004 telah memberi impak yang positif kepada kaum wanita untuk bergerak lebih aktif dalam politik termasuk menjadi calon pilihan raya. Inisiatif yang dilakukan oleh Parti Keadilan Rakyat telah meletakkan kuota 30 peratus untuk menjadi perwakilan dalam perlembagaan parti membuktikan usaha telah dilakukan oleh parti tersebut untuk meningkatkan tahap penglibatan wanita dalam parti tersebut.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, faktor-faktor penglibatan wanita dalam politik di Malaysia yang telah dibincangkan di atas telah menunjukkan kepentingan wanita dalam mewarnai senario politik baru di Malaysia. Memandangkan negara kita merupakan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen maka empat faktor ini amat bertepatan dengan wanita Melayu yang terlibat dalam politik di negara ini. Faktor-faktor tersebut ialah faktor amalan demokrasi di Malaysia, hak asasi manusia, dasar agama dan faktor pendidikan. Keempat-empat faktor ini dapat memberi dorongan kepada wanita Melayu untuk terlibat dengan politik dan pilihan raya di Malaysia.

Namun, faktor-faktor yang dibincangkan masih tidak digunakan sepenuhnya oleh wanita Melayu dalam proses-proses pilihan raya seperti menjadi perwakilan dan juga calon pilihan raya. Jumlah pencalonan wanita dalam pilihan raya sepanjang tempoh kajian masih berkurangan berbanding dengan lelaki termasuk calon wanita Melayu. Kekangan adat dan tradisi masih lagi menguasai pemikiran masyarakat walaupun tahap pendidikan wanita setanding dengan lelaki. Bahkan peningkatan penguasaan wanita dalam sistem pendidikan negara juga melebihi lelaki terutama di institusi-institusi pengajian tinggi. Hak-hak dalam sistem pendidikan ini telah berjaya dimonopoli dan

---

<sup>126</sup> Nor Rafidah Saidon, Sity Daud dan Mohd Samsudin 'Penglibatan Politik: Pemeraksanaan Kepimpinan Wanita di Malaysia (1980-2013)' Jil. 12, No. 1 (2017) 137-150, *Journal of Social Sciences and Humanities*, e-Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia, Jil. 12, No.1, 2017, 137-150.

dipenuhi oleh wanita. Wanita Melayu juga mempunyai pelbagai pilihan untuk memilih parti-parti yang diinginkan tanpa paksaan. Terdapat pelbagai parti-parti politik yang boleh disertai oleh mereka. Antara parti politik yang menjadi pilihan wanita Melayu ialah UMNO, PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau KEADILAN. UMNO masih digambarkan sebagai parti politik Melayu yang terbesar dan menguasai kerajaan, mempunyai tugas yang cukup berat dan mencabar untuk merealisasikan pelbagai tuntutan yang datang dari wanita Melayu khususnya. Walaupun jumlah wanita Melayu masih tidak setanding dengan lelaki, peranan dan sumbangan wanita dalam pentadbiran negara dapat memberi keseimbangan dan kestabilan dalam pembangunan negara. Peningkatan jumlah pencalonan wanita dan jumlah wanita yang berjaya menjadi ADUN dan Ahli Parlimen dalam tempoh kajian membuktikan wanita telah menyedari tentang hak-hak mereka dalam proses demokrasi di Malaysia walaupun mereka tidak menggunakan peluang tersebut dengan cara yang lebih berkesan. Apa yang penting, wanita Melayu di Malaysia mampu menghadapi cabaran dan halangan dalam memperjuangkan hak dan keperluan mereka seiring dan setanding dengan kaum lelaki di samping memberi saingan kepada kaum lelaki walaupun kekangan daripada budaya dan adat masyarakat Melayu yang mementingkan kaum lelaki masih lagi wujud.

## **BAB 5 : WANITA MELAYU SEBAGAI PENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA**

### **Pengenalan**

Bagi setiap parti-parti politik di Malaysia pengundi merupakan orang yang paling penting ketika proses pilihan raya dijalankan. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh setiap parti politik untuk meraih sokongan pengundi untuk mengundi calon yang diletakkan di kawasan yang bertanding. Peranan wanita dalam memberi undi turut memberi impak yang positif dalam proses pilihan raya. Satu undi sahaja mampu memberi sejuta kejutan dan kemenangan.

Dalam bab ini, kajian akan memfokuskan mengenai penglibatan wanita Melayu sebagai pengundi yang terdiri dari pelbagai golongan sama ada bandar atau luar bandar. Kajian ini akan memperlihatkan pengaruh dan strategi parti politik UMNO, PAS dan PKR terhadap peranan pengundi wanita Melayu terutama berkaitan dengan kempen-kempen yang dijalankan oleh setiap parti berkenaan.

### **Wanita Sebagai Pengundi**

Kehadiran calon-calon wanita di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menunjukkan perkembangan yang menarik dan amat penting sejajar dengan jumlah pengundi wanita di negara ini yang meliputi hampir separuh daripada keseluruhan pengundi yang layak membuang undi. Secara keseluruhannya bermula Pilihan Raya Umum 1959 sehingga 2008, Barisan Nasional masih mengekalkan juara sebagai undi popular melebihi 50 peratus. Pada awal permulaan proses pilihan raya masyarakat mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat amat rendah disebabkan kira-kira 60 peratus rakyat buta huruf. Manakala pendedahan kepada sistem politik jauh berbeza dengan sekarang. Kini sistem kerajaan diajar di peringkat persekolahan

mengenai perjalanan pilihan raya<sup>1</sup> dan kesedaran mengenai sistem pilihan raya di negara ini telah mengalami peningkatan. Menurut Abdul Rashid Abdul Rahman yang mengundi buat pertama kali pada tahun 1969 di kawasan Bangsar yang kini terletak di Bahagian Parlimen Lembah Pantai, katanya:

Keadaan sekarang jauh berbeza dengan apa yang saya alami pada tahun 1959 (ketika negara mengadakan Pilihan Raya Umum Persekutuan yang Pertama). Kebanyakan daripada kita pergi ke tempat mengundi, tidak tahu tujuan mereka berbuat demikian. Kini keadaan berubah, mereka memahami sistem dan proses pilihan raya.<sup>2</sup>

Berikut merupakan jadual yang menunjukkan peratus undi yang berjaya diperolehi oleh Barisan Nasional sepanjang tahun 1959-2008.

Jadual 5:1 Undi Popular BN, 1959-2008

Tahun Pilihan Raya Umum	Peratus Undi BN
1959	51.7 %
1964	58.5%
1969	49.3 %
1974	60.7 %
1978	57.2%
1982	60.5%
1986	55.8%
1990	53.4%
1995	65.2%

<sup>1</sup> *Utusan Malaysia*, 3 September 2004.

<sup>2</sup> Kenyataan Abdul Rashid Abdul Rahman merupakan Pengerusi Suruhan Jaya (SPR) (17 November 2000-30 Disember 2008) dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 3 September 2004.

Jadual 5:1 sambungan

1999	56.5%
2004	63.9%
2008	52.2%

Sumber: Diubahsuai daripada *Sinar Harian*, 17 Jun 2013

Perbandingan awal data aliran pengundian sewaktu Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004 telah menunjukkan sokongan kaum wanita terhadap kerajaan Barisan Nasional semakin meningkat dan sokongan terhadap Barisan Alternatif pembangkang menunjukkan kemerosotan. Menurut Bridget Welsh dari Universiti John Hopkins mengulas mengenai kemerosotan tersebut dan amat jelas di sesetengah kawasan pilihan raya untuk parti-parti tertentu seperti PAS.<sup>3</sup> Beliau turut mendapati perubahan yang amat ketara semasa era reformasi berdasarkan analisis keputusan PRU 1999. Namun begitu, kajian beliau tidak secara keseluruhan dalam negeri di Malaysia. Beliau menggunakan jumlah pengundi di 20 kerusi yang membabitkan 458 tempat pengundian pada Pilihan Raya Umum 1999 dan hanya lima kerusi membabitkan 89 tempat pengundian dalam Pilihan Raya Umum 2004. Walau bagaimanapun, keadaan ini boleh dijadikan sandaran dan mesej kepada parti pembangkang untuk memperbaiki strategi dan gerak kerja mereka untuk menarik minat kaum wanita terhadap parti-parti pembangkang terutama parti PAS. Budaya politik masyarakat Melayu moden telah mengalami perubahan ekoran keputusan PRU 12 yang telah menamatkan ‘dominasi’ UMNO dalam politik di Malaysia. Namun begitu, budaya politik Melayu moden tidak bersifat radikal dan masih tidak bersedia untuk mengambil risiko.<sup>4</sup>

<sup>3</sup>Bridget Welsh merupakan sarjana dalam kajian Asia Tenggara dan telah membentangkan hasil penyelidikannya mengenai pengundian mengikut jantina pada 18 Januari 2005. Untuk keterangan lebih lanjut Lihat *malaysiakini.com*, 24 Januari 2005.

<sup>4</sup>Haris Zalkapli (editor), *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd., 2009, hlm. 31-33.

Pada tahun 1999, jumlah pengundi yang berdaftar di berjumlah 9,564,071. Pada Pilihan Raya Umum tahun ini (1999), 54 peratus daripada jumlah pemilih berdaftar (9,694 juta) merupakan pengundi wanita.<sup>5</sup> Pada tahun 2004 pula jumlah pengundi yang berdaftar di Dewan Rakyat atau Parlimen berjumlah 9,756,097 dan Dewan Undangan Negeri pula seramai 8,88,996. Pengundi wanita pada tahun 2004 mewakili 49.75 peratus atau kira-kira 5.06 juta pemilih berdaftar dengan SPR. Jumlah pengundi wanita sebelum 2004 sepanjang 10 tahun kebelakang menyaksikan jumlah pengundi wanita bertambah hampir 800,000 orang. Begitu juga pada Pilihan Raya Umum ke-12.<sup>6</sup> Ini menunjukkan perkembangan yang sememangnya memberangsangkan berbanding jumlah pemilih lelaki yang berkurangan sedikit. Statistik pemilih 2003 mencatatkan jumlah pemilih lelaki adalah sebanyak 5.11 juta berbanding 4.40 pada tahun 1993 menunjukkan peningkatan kira-kira 700,000 pemilih. Bagi daftar pemilih 2003, Selangor mencatatkan negeri paling ramai pemilih wanita iaitu seramai 689, 611 orang diikuti oleh Johor (615, 909), Perak (580, 177), Sarawak (442, 103) dan Kedah (416, 020) pemilih.<sup>7</sup>

Jadual 5:2 Jumlah Daftar Pemilih, 1999-2008

Tahun	Jumlah Pemilih
1999	9.69 juta
2004	10.3 juta
2008	10. 63 juta

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 18 November 1999, *Utusan Malaysia* 1 Disember 1999, *Utusan Malaysia*, 26 April 2012, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008.

<sup>5</sup> *Utusan Malaysia*, 18 November 1999, *Utusan Malaysia* 1 Disember 1999. Pilihan Raya Umum 1999 berlangsung pada 20 November 1999.

<sup>6</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008. Lihat *Sinar Harian*, 10 Februari 2013. Lihat Laila Suriya Ahmad Apandi dan Mohd Dino Khairri Shariffuddin, 'Islam Dan Kestabilan Politik dan Ekonomi: Kejayaan Malaysia', dalam Mohd Izani Mohd Zain (editor), *Demokrasi dan Dunia Islam, Perspektif Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 246.

<sup>7</sup> *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2004.

Pada Pilihan Raya Umum 2008 pula jumlah pengundi berdaftar ialah 10,632,348. Sebagai perbandingan, jumlah pengundi PRU 2004 ialah 10.3 juta. Pada tahun 2008, jumlah pengundi Melayu seramai 82,309 pengundi atau 53 peratus berdaftar diikuti kaum Cina 29.4 peratus dan kaum India 8.1 peratus.<sup>8</sup> Jumlah pengundi wanita juga meningkat sebagaimana trend pilihan raya sebelum ini iaitu pertambahan sebanyak 800,000 jumlah pengundi berdaftar pada kali ini. Ini bermaksud jumlah tersebut telah meningkat kepada 5.86 juta orang berbanding 5.06 juta orang pada Pilihan Raya Umum 2004.<sup>9</sup> Bagi pengundi pos pula ialah seramai 244,881. Kebanyakan undi pos ini datangnya daripada golongan tentera termasuk keluarga mereka iaitu 135,682 orang dan anggota polis termasuk keluarga berjumlah 83,793 orang. Jumlah pemilih yang pertama kali mengundi pada PRU 2008 ini berjumlah 1,409,000 orang. Golongan muda dilihat menunjukkan jumlah peningkatan yang akan memberi impak kepada pilihan raya nanti. Selain itu juga, jumlah pengundi wanita juga begitu ramai dan hampir mengatasi bilangan pengundi lelaki iaitu 5, 488,542 orang.<sup>10</sup> Dalam daftar pemilih induk (DPI) 2007 yang digunakan dalam Pilihan Raya Umum ke-12, terdapat seramai 5,415 937 pemilih berbangsa Melayu yang merupakan 58.9 peratus dari jumlah keseluruhan pemilih di Semenanjung Malaysia. Secara bandingannya, pengundi berbangsa Cina adalah 2,945,340 orang (32.05 peratus) dalam DPI 2007 dan pemilih berbangsa India 769,114 (8.37 peratus) dalam DPI 2007.<sup>11</sup> Senarai yang diwartakan pada 5 Februari 2008 menunjukkan jumlah pengundi sebanyak 10,922,139 orang

---

<sup>8</sup> *Utusan Malaysia*, 26 April 2012.

<sup>9</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008.

<sup>10</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik Melayu di Persimpangan, Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2009, hlm. 6. Seterusnya pada Pilihan Raya Umum ke-13 pula telah menunjukkan perbezaan yang cukup ketara di mana pengundi wanita telah mengatasi pengundi lelaki. Seramai 13, 268, 002 rakyat Malaysia layak mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-13 di mana daripada jumlah itu, 12, 299, 661 pemilih biasa dan 275,341 pengundi awal. Berdasarkan data dan Statistik Daftar Pemilih yang digunakan telah menunjukkan pengundi wanita lebih ramai berbanding dengan kaum lelaki. Berdasarkan tinjauan dan juga statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Abdul Aziz Mohd Yusof (Tan Sri) berkata peningkatan jumlah pengundi wanita iaitu seramai 6, 664, 474 (50.23 peratus) manakala pengundi lelaki berjumlah 6, 603, 528 (49.77 peratus). Abdul Aziz Mohd Yusof (Tan Sri) berkata: "negeri tertinggi bilangan pengundi wanita ialah Kedah, diikuti Perlis dan Kelantan. Pada hari pengundian, hanya pegawai SPR yang dilantik sahaja berhak meminta kad pengenalan. Jangan beri kepada sesiapa selagi belum sampai di pusat pengundian walaupun mendakwa dia pegawai SPR." Lihat *Utusan Malaysia*, 10 April 2013. Lihat tajuk 'PRU 13: 13, 268,002 Rakyat Malaysia Layak Mengundi 5 Mei ini', *Sinar Harian*, 18 April 2013.

<sup>11</sup> Dengan adanya penekanan kerja pihak SPR dan parti-parti politik melaksanakan pendaftaran pemilih antara 2008 hingga 2012, orang Melayu kekal sebagai kumpulan majoriti pemilih di Semenanjung yang mempunyai 165 kerusi dari 222 kerusi Parlimen. Lihat <http://cikguzain.blogspot.my/2015/07/tanpa-bukan-melayu.html> diakses pada 27 November 2015.




termasuk 221,085 pengundi pos yang layak untuk mengundi.<sup>12</sup> Namun begitu, situasi Pilihan Raya Umum 2008 telah mengalami perubahan apabila pengundi Melayu mula membuat perubahan dengan mengundi parti pembangkang seperti di kawasan Parlimen Shah Alam, Lembah Pantai dan Tititiwangsa. Namun begitu, secara keseluruhannya, pengundi Melayu masih tetap yakin dan setia terhadap parti UMNO berdasarkan kejayaan ramai calon UMNO di Parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri.

Jadual 5:3 Jumlah Daftar Pemilih Wanita 1999-2008

Tahun	Jumlah Pemilih
1999	5.23 juta (54 peratus)
2004	5.06 juta (52 peratus)
2008	5.86 juta (55.1 peratus)


Sumber: Diubahsuai dan anggaran berdasarkan perkiraan penulis yang diambil dari *Utusan Malaysia*, 18 November 1999, *Utusan Malaysia* 1 Disember 1999, *Utusan Malaysia*, 26 April 2012, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008, *Sinar Harian*, 10 Februari 2013.



Carta Pai 5:1 Jumlah Pengundi Wanita, 1999-2008

<sup>12</sup> Rujuk laporan Penyelidikan Norshidah Nordin, Shireen Haron, et al., 'Tingkah laku Pengundi Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12', Selangor: Research Management Institute (RMI), UTM, Shah Alam, Oktober, 2012.

Sumber: Diubahsuai dan anggaran berdasarkan perkiraan penulis yang diambil dari *Utusan Malaysia*, 18 November 1999, *Utusan Malaysia* 1 Disember 1999, *Utusan Malaysia*, 26 April 2012, *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008, *Sinar Harian*, 10 Februari 2013.



Carta Pai 5:2 Peratus Pengundi 2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 26 April 2012.

Abdul Aziz Mohd Yusof mengulas laporan mengenai terdapat pihak yang tertentu yang dikatakan mengganggu proses pengundian dengan meminta pengundi menunjukkan kad pengenalan masing-masing. Kejadian ini seringkali berlaku ketika proses pengundian setiap kali pilihan raya berlangsung. Beliau turut menasihati pengundi supaya tidak membenarkan mana-mana pihak melihat kad pengenalan masing-masing, kecuali semasa di pusat pengundian. Itulah saranan yang cukup penting kepada semua pengundi untuk mengelakkan mereka dari dieksploitasi terutama pengundi wanita.<sup>13</sup>

Selain itu, peningkatan jumlah pemilih wanita menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi di kalangan wanita untuk mengambil bahagian dalam sistem demokrasi di negara ini. Peranan wanita perlu digerakkan bukan sekadar mendaftar sebagai pemilih malah menunaikan tanggungjawab memilih dan mengundi calon-calon yang mampu

<sup>13</sup> *Sinar Harian*, 18 April 2013. Lihat juga <http://www.spr.gov.my/index.php/pendaftaran-pemilih1> diakses pada 27 November 2015.

memartabatkan agama, bangsa dan negara melalui pilihan raya yang berlangsung. Undi adalah penentu siapa yang kelak layak untuk dilantik dan diberi mandat mewakili rakyat bagi sesuatu kawasan konstituensi. Lantaran itu proses pengundian perlu dilaksanakan secara adil, bebas, saksama serta tanpa sebarang desakan fizikal mahupun tekanan emosi dari mana-mana pihak. Oleh itu, proses pengaruh mempengaruhi dari mana-mana pihak yang berkepentingan tidak sepatutnya timbul dalam proses ini.<sup>14</sup> Namun begitu, bagi seorang pemerhati politik, Mohamad Faisol Keling menyatakan bahawa rakyat perlu menggunakan ruang memilih wakil rakyat mereka sebaik mungkin agar kemakmuran dan keamanan negara dapat dikekalkan. Katanya:

Janganlah terpengaruh dengan dakyah dan janji manis golongan tertentu yang belum dapat ditunaikan. Amat malang jika mengambil risiko keruntuhan dengan tindakan kita sendiri. Lihat sahaja contoh di Asia Barat sebagai teladan untuk menilai hala tuju kita ke hadapan.<sup>15</sup>

Zainal Kling, seorang pemerhati politik juga turut menasihati pengundi atas pagar agar tidak memilih mengikut emosi akibat fitnah dan tohmahan tanpa fakta pihak tertentu bagi menjaga kemakmuran dan keamanan negara kelak. Katanya:

Penyokong parti dah tetap, yang tegar dan taksub lagilah tidak boleh ubah. Namun, pengundi atas pagar perlu faham rasional pembangunan dan kebajikan yang disampaikan kerajaan. Jika tersalah pilih kerana menerima janji mentah, kita juga yang akhirnya akan terlibat dalam suasana kacau bilau.<sup>16</sup>

Mohd Zamani Ismail dan Mohd Khairul Azmi Yusof juga mengatakan kuasa wanita sebagai pengundi semakin disegani kerana mereka membuat keputusan berdasarkan maklumat. Jika mereka berpendapat keadaan sekarang tidak adil untuk wanita, mereka akan menunjukkan bantahan itu melalui peti undi. Semua parti politik bergiat untuk memikat undi wanita kerana wanita serba mengetahui dan mereka mengharapkan lebih

---

<sup>14</sup> Rujuk <http://geopolitikus.blogspot.com/2010/01/hak-asasi-dalam-amalan-demokrasi-negara.html> diakses pada 30 Jun 2014.

<sup>15</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Mohamad Faisol Keling kepada wartawan Utusan Malaysia. Lihat *Utusan Malaysia*, 5 April 2004 yang bertajuk 'Kuasa Memilih di Tangan Rakyat' ditulis oleh Nurul Anuar Kari.

<sup>16</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Zainal Kling kepada wartawan Utusan Malaysia. Lihat *Utusan Malaysia*, 5 April 2004 yang bertajuk Kuasa Memilih di Tangan Rakyat ditulis oleh Nurul Anuar Kari.

daripada sekadar janji. Kini terdapat pelbagai tuntutan daripada wanita kerana peranan mereka juga telah bertambah. Keadaan sekarang tidak lagi seperti masa lampau yang mana wanita dilihat hanya sebagai kaum ibu sahaja. Tetapi kini wanita telah menjadi penggerak transformasi negara.<sup>17</sup> Justeru itu, untuk memenangi hati pengundi wanita bukanlah mudah. Pengundi wanita yang berusia sekarang terdedah kepada dunia luar apatah lagi yang muda-muda dan terpelajar. Mereka kini adalah pengundi yang bijak menilai antara benar dan palsu. Golongan ini akan melihat perkembangan di sekeliling dan membuat perbandingan dengan janji-janji yang bakal ditabur oleh calon-calon.<sup>18</sup> Ahmad Fathan bin Mahmood juga bersetuju mengenai perubahan yang berlaku kepada wanita yang terdedah dengan pelbagai maklumat dan ramai dalam kalangan mereka golongan terpelajar dan golongan muda.<sup>19</sup> Selain itu juga, menurut Nooraziah Mohd Awal, pensyarah Fakulti Perundangan UM berkenaan dengan peranan pengundi, beliau berkata :

Dari sudut pengundi wanita jumlahnya adalah ramai. Berdasarkan beberapa penyelidikan yang kita buat, kami mendapati pengundi wanita adalah pengundi setia dan ada trend tersendiri. Tetapi, dalam masa yang sama dia akan memilih calon yang ada kriteria-kriterianya. Sebagai wanita, saya rasa itu mungkin juga memainkan peranan penting ketika meletakkan calon wanita di kawasan pengundi wanita yang agak ramai. Saya setuju dengan apa yang diperkatakan, ia melibatkan *different percentage*. Saya sendiri juga merasakan jumlah calon wanita yang diletakkan tidak mencukupi kerana jumlah calon lelaki lebih ramai dan besar. Saya merasakan dalam semua parti, ramai calon wanita yang berkemampuan dan berkaliber.<sup>20</sup>

Berdasarkan pernyataan Nooraziah, situasi ini menunjukkan kepentingan pengundi wanita yang cukup setia kepada calon yang mereka pilih. Maka parti-parti yang bertanding perlu memilih individu-individu yang berkelayakan dan mampu menunaikan

---

<sup>17</sup> Temubual dengan Ustaz Mohd Zamani Ismail mantan Ketua Ulama Wilayah Persekutuan sekitar tahun 2007 di Prima Gombak pada 1 April 2016 dan temubual bersama Mohd Khairul Azmi Yusof mantan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO cawangan Gua Musang sekitar tahun 2008 di kediaman beliau di Renok Baru Gua Musang pada 21 Mac 2015.

<sup>18</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008.

<sup>19</sup> Temubual dengan Ustaz Ahmad Fathan bin Mahmood Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Cempaka, di kediaman beliau di Pengkalan Chepa pada 20 Mac 2015.

<sup>20</sup> Temuramah oleh Astro Awani berkenaan 'Analisis Pasca Malaysia Memilih' dengan Nooraziah Mohd Awal pensyarah Fakulti Perundangan UM berkenaan dengan peranan pengundi. Ianya diterbitkan oleh Laman web astro Awani pada 6 Mei 2014. Lihat <http://www.astroawani.com/videos/show/buletin-awani/impak-pengundi-wanita-di-pru13-7250?cp> diakses pada 22 September 2014.

tanggungjawab terhadap rakyat yang bakal memilih mereka dalam pilihan raya. Perkara ini turut diakui oleh Shahaniza Shamsuddin seorang Adun Kuala Sentul Pahang. Ujarnya :

Sebenarnya menjadi calon ini merupakan satu tekanan, namun ini membuktikan bahawa kita ini dinamakan sebagai calon oleh pucuk pimpinan kerana menunjukkan sebagai kredibiliti kita yang mampu untuk menggalas tanggungjawab. Begitu juga tekanan sebagai calon muda yang tiada. Sebenarnya politik ini dunia lelaki. 42 kerusi di Pahang ada dua DUN wanita iaitu saya dan Datuk Maznah. Mereka agak *sceptical* dan memandang rendah keupayaan kita. Bagi saya itu sebagai satu cabaran, sebagai contoh ketika kita bertugas sebagai Adun kita terpaksa berhadapan dengan kaum lelaki yang menjadi ketua cawangan dan ketua kampung, ketua pembangkang pun lelaki. Kita kena juga memahami dan membuat *homework* apa masyarakat nak daripada kita jadi, cara bagaimana mereka *aspect from us* kita belajar dan bagi saya masih lagi dalam proses menambahbaik mutu perkhidmatan kita. Ia berbalik *if you give a good services if you will good impact to our party.*<sup>21</sup>

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh Nooraziah Mohd Awal dan juga Shahaniza Shamsuddin jelas menggambarkan perubahan trend pengundi selepas tahun 1999 yang cukup mengejutkan dan boleh dikatakan perubahan dan gelombang ini disebut sebagai ‘Tsunami Politik’ berterusan ketika Pilihan Raya Umum pada 8 Mac 2008. Pilihan Raya Umum 2008 telah mengubah banyak landskap politik negara selepas 50 tahun mencapai kemerdekaan Bagi Parti Keadilan Rakyat, ‘Tsunami Politik’ merupakan mesej rakyat menolak politik fitnah berdasarkan peristiwa yang berlaku terhadap Anwar Ibrahim yang berkaitan dengan isu liwat.<sup>22</sup> Namun begitu, perubahan yang amat ketara ialah sikap, corak dan tingkah laku pengundi. Sikap pengundi pengundi Melayu, sikap pengundi Cina dan India serta sikap pengundi muda telah

---

<sup>21</sup> Temubual oleh wartawan *MobTv* iaitu Haizi Rani dalam rancangan *Women's Power* dengan Shahaniza Shamsuddin, Adun Kuala Sentul Pahang yang disiarkan pada 16 Januari 2013. Di mana beliau merupakan seorang peguam dan berasal dari keluarga yang sememangnya terlibat dalam politik secara langsung. Beliau menyertai Puteri UMNO pada tahun 2001. Beliau juga menjadi Ketua Puteri UMNO Bahagian Maran dan Ketua Penerangan Puteri UMNO Malaysia. Lihat <http://mobtv.my/talkshow-2743> yang diakses pada 15 September 2014.

<sup>22</sup> *Suara Keadilan*, 22 Mac 2013.

berubah sama sekali.<sup>23</sup> Keadaan ini juga turut diakui sendiri oleh Wan Ahmad Wan Omar, Katanya:

Pengundi selepas tahun 2000 sangat berbeza dengan sebelumnya. Begitu juga parti-parti politik dan senario politik tanah air, ia berbeza dari dulu dari segi persaingan, kesedaran politik, harapan dan isu-isu. Apabila keadaan menjadi demikian, pelaksanaan undang-undang bertambah rumit.<sup>24</sup>

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dikemukakan oleh beberapa individu di atas telah membuktikan pengundi wanita begitu setia dalam memberi undi kepada calon yang difikirkan layak untuk dipilih. Mereka membuat pilihan berdasarkan maklumat yang diperolehi. Kebanyakan pengundi muda yang celik teknologi maklumat dan mendapat segala maklumat di hujung jari mengenai isu-isu terkini terutama yang berkaitan dengan politik melalui internet. Shahaniza juga memberi penjelasan mengenai senario masyarakat yang mengalami perubahan dari sudut adat dan tradisi. Maka kerja keras oleh semua calon yang bertanding perlu dipergiatkan lagi bagi menarik semua pengundi–pengundi terutama pengundi wanita. Menurut salah seorang pengundi wanita muda di kawasan Parlimen Kuala Nerus dan DUN Bukit Tunggal iaitu Najihah Harun yang pernah mengundi pada tahun 2008, beliau akan menilai dan melihat bagaimana seorang calon yang akan bertanding dalam pilihan raya. Katanya lagi:

Isu-isu yang berlaku sebelum pilihan raya akan dijadikan sebagai salah satu perkara penting untuk saya membuat pilihan ketika mengundi. Calon-calon dari parti politik yang bakal bertanding dalam pilihan raya juga saya akan pastikan mereka mampu membuat kerja. Keupayaan calon dalam menjalankan tanggungjawab boleh dilihat berdasarkan komitmen mereka terhadap parti masing-masing. Calon yang sentiasa bersama dengan rakyat sebelum menjadi wakil rakyat akan saya nilai dan perhatikan. Sekiranya calon yang bertanding datang dari parti yang hebat sekalipun, namun mereka tidak bersama-sama dengan masyarakat, maka sudah pasti calon itu bukan pilihan saya.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> *Utusan Malaysia* 30 Disember 2011.

<sup>24</sup> Kenyataan Setiausaha SPR, Wan Ahmad Wan Omar kepada wartawan Mingguan Malaysia, G. Manimaran dan Ramli Abdul Karim dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 21 Mac 2004 dalam edisi khas Pilihan Raya Umum 2004 yang bertajuk 'Undang-undang Baru SPR Membolehkan Pilihan Raya 2004 Jadi Tenang-Bukan Medan Balas Dendam'.

<sup>25</sup> Temubual dengan Najihah Harun menerusi laman *facebook* beliau (Abi Umi Tasnim) pada 17 April 2016.

Kenyataan Najihah juga turut diakui oleh Zuraida Mohd Nasir, katanya:

Ahli politik wanita mestilah mempunyai ciri-ciri keprihatinan, rasa tanggungjawab untuk menjaga dan membela hak-hak kaum wanita dalam pembangunan masyarakat kini. Imej seorang calon wanita juga mewakili imej sebuah parti secara tidak langsung.<sup>26</sup>

### **Kategori Pengundi Wanita Melayu**

Pada Pilihan Raya Umum 1999, sokongan pengundi Melayu kepada UMNO merosot daripada 36.5 peratus pada Pilihan Raya 1995 kepada 29.5 peratus. Sokongan kepada PAS pula meningkat kepada 7.3 peratus kepada 15 peratus. Punca utama berlaku perubahan ini kerana ketidakpuasan hati orang Melayu terhadap pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Namun begitu, perubahan yang berlaku pada PRU 2008 di mana etnik seperti Melayu, Cina dan India memberikan sokongan yang tinggi kepada pakatan parti pembangkang terutama di kawasan kubu kuat BN sebelum ini. Keberanian pengundi untuk memilih parti pembangkang jelas menunjukkan corak pengundian agak berlainan berbanding pilihan raya sebelum ini. Keadaan ini menunjukkan peranan isu yang berlaku sepanjang tahun-tahun pilihan raya juga menjadi penyebab berlaku perubahan tersebut.<sup>27</sup>

Walau bagaimanapun, keadaan ini bukanlah bermaksud politik etnik semakin pudar dalam politik di Malaysia tetapi masyarakat moden Malaysia ternyata lebih bertoleransi di antara kaum yang berbeza berdasarkan pencapaian dalam PRU 2008. Kajian Syed Arabi juga mendapati bahawa pengundi di Malaysia telah berubah berdasarkan pengundian mereka tidak lagi berdasarkan parti tetapi berdasarkan calon. Pengundi wanita Melayu juga telah mengalami perubahan tersebut ekoran tahap mereka semakin meningkat.<sup>28</sup> Justeru itu, PAS dan UMNO dan PKR tidak boleh terlalu

<sup>26</sup> Temubual dengan Zuraida Mohd Nasir Ketua Puteri UMNO, cawangan Kg. S.C. DUN Inderapura, Pahang melalui emel anidanasir@yahoo.com pada 21 Julai 2017.

<sup>27</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

<sup>28</sup> Untuk penjelasan lebih lanjut rujuk Syed Arabi idid, 'Kajian Perilaku Pengundi 2002-2012', kertas kerja pembentangan semasa sesi perbincangan bersama YAB Perdana Menteri Malaysia, anjuran Majlis Profesor Negara, 20 Oktober 2012.

bergantung kepada sokongan orang Melayu untuk memperolehi kemenangan dalam pilihan raya. Selain itu, kelompok lain yang perlu diberi tumpuan adalah pengundi wanita terutama wanita Melayu. Pengundi wanita merupakan pengundi terbesar dan mempunyai hak-hak dan peranan yang cukup penting dalam pilihan raya.<sup>29</sup>

Gabriel A. Almond dan Sidney Verba berpendapat bahawa sifat dan budaya politik seorang warganegara atau pengundi di sesebuah negara terdapat tiga bentuk. Ketiga-tiga bentuk tersebut berlaku di Malaysia. Pertama, pengundi *parochial* atau mempunyai pandangan yang sempit. Kelompok ini mempunyai pandangan yang sempit. Kedua pengundi yang boleh dikelompok sebagai *subject*. Pengundi ini sedar mengenai peranan kerajaan, namun tidak bersedia untuk berbeza pendapat dengan kerajaan. Ketiga, pengundi yang boleh dikategori sebagai *participant*. Pengundi ini bergerak cergas, malah kadang-kadang berlainan pandangan dengan kerajaan dan mereka turut terlibat dengan perubahan yang berlaku. Mereka juga bersedia menerima risiko perubahan tersebut. berdasarkan keputusan PRU 12, pengundi India dan Cina dapat dikategorikan sebagai *participant* manakala pengundi Melayu tergolong dalam kategori sama ada *subject* atau *parochial*.<sup>30</sup>

Secara umumnya, pengundi boleh dibahagikan kepada tiga kategori termasuk pengundi wanita Melayu dari UMNO, PAS dan PKR. Kategori pertama adalah para penyokong kuat sesebuah parti politik. Identifikasi parti mereka telah menyebabkan kesetiaan kepada parti tersebut cukup mantap sehingga untuk bertukar kepada parti lawan adalah amat mustahil sekali. Pendirian dan kesetiaan mereka amat kuat sama dan tidak akan berubah walaupun timbul pelbagai isu kontroversi. Kebanyakan dari mereka memegang jawatan tertentu di dalam parti dan mereka sentiasa bekerja keras untuk memastikan kemenangan parti masing-masing dalam pilihan raya. Sebagai contoh, di

---

<sup>29</sup> Untuk keterangan lebih lanjut lihat Amer, Saifude Ghazali, "Politik Etnik dalam Parlimen 2008 Di Malaysia: Suatu Analisis" dalam Worran Hj. Kabul et. al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 601-603

<sup>30</sup> Untuk keterangan lebih lanjut rujuk Gabriel A. Almond dan Sidney Verba, *Budaya Politik, Tingkah laku Politik dan Demokrasi di Lima negara* (terjemahan Sahat Simamora), Jakarta: Bumi Aksara, 1990, hlm. 27-32. Lihat Haris Zalkapli (editor), *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd., 2009, hlm. 28.



dalam borang culaan, pengundi-pengundi ini sudah pasti akan ditanda dengan huruf D iaitu melambangkan (Dacing dari komponen Barisan Nasional) dan huruf B iaitu melambangkan bulan bagi PAS. Manakala kumpulan kedua pula adalah *undecided voters*. Pengundi dalam kumpulan ini sentiasa peka dengan perkembangan politik semasa dan undi mereka juga adalah berdasarkan penilaian mereka terhadap isu dan prestasi sesebuah parti politik. Mereka tidak mempunyai identifikasi parti yang setara dan parti yang diundi adalah sentiasa berubah-ubah di mana keadaan mereka tertakluk kepada isu dan prestasi dalam menentukan siapa pilihan yang dipilih semasa proses pengundian berlangsung. Oleh sebab itu, adalah menjadi kesukaran bagi pencula undi untuk mengelaskan mereka ekoran dari kecenderungan parti yang sama dan kabur. Kumpulan pengundi ketiga adalah mereka yang tidak mempunyai parti identifikasi tetapi mempunyai kecenderungan untuk menyokong sesebuah parti politik. Sebenarnya golongan ini memberikan peranan yang cukup penting dalam menentukan kemenangan sesebuah parti politik, lantas mereka sentiasa menjadi buruan perayu-perayu undi. Keadaan ini telah menyebabkan mereka akan dilimpahi dengan pelbagai hadiah pilihan raya dari parti-parti politik yang bertanding.<sup>31</sup>

Bagi calon yang mempunyai sumber kewangan yang besar sudah pasti dihadiahkan dengan kain pelikat, simen, baja, rumah kos rendah dan duit. Golongan ini akan ditanda dengan huruf A yang menunjukkan pengundi Atas Pagar. Golongan wanita biasanya menyokong parti yang disokong oleh suami mereka dan anak-anak dipengaruhi oleh ibu bapa mereka.<sup>32</sup> Walaupun ada orang politik yang menganggap kumpulan pengundi atas pagar ini mudah dipengaruhi, rata-rata rakyat masih menggunakan akal yang waras dalam menilai semua aspek untuk memilih wakil rakyat mereka, bukan hanya sekadar mendengar omongan dan janji-janji yang dikemukakan oleh calon-calon yang bertanding dalam mana-mana pilihan raya.

---

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghafar, Che Hamdan Che Mohd Razali, et al., 'Pilihan Raya Umum Ke - 12, di Kuala Berang: Suatu Kajian Kes Politik Luar Bandar' dalam Worran Hj. Kabul et. al., Prosiding kertas kerja Seminar Politik Malaysia, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 632-633.

Menurut Fuad, pengundi wanita termasuk wanita Melayu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri iaitu sangat lemah lembut. Mereka juga sangat berhati-hati membuat keputusan terutama wanita Melayu. Selain itu identifikasi parti mereka kepada parti yang tinggi. Selain itu tahap kesetiaan yang ditunjukkan oleh mereka juga tinggi. Pengundi wanita juga kebanyakannya sangat susah beralih kepada parti lain. Oleh sebab itu gerak kerja yang dilakukan oleh parti-parti yang bertanding untuk meraih undi pengundi wanita ini memerlukan usaha yang kuat. Fuad juga membahagikan segmen pengundi wanita kepada tiga iaitu pengundi wanita luar bandar, wanita kelas menengah dan wanita muda.<sup>33</sup>

Nafisah Tahir juga turut memberikan idea yang sama pembahagian di antara bandar dan juga luar bandar juga boleh dibuat untuk membezakan di antara pengundi-pengundi terbabit.<sup>34</sup> Menurut beliau lagi pengundi wanita luar bandar agak konservatif. Kesetiaan mereka kepada parti yang tinggi menyukarkan perayu undi untuk meraih undi-undi daripada mereka. Tetapi pada kebiasaannya mereka akan mengikut parti yang dipilih suami. Sekiranya suami tiba-tiba menukar pilihan parti, isteri juga berkemungkinan akan bertukar. Namun ada juga kes isteri tetap kekal dengan pilihan asal. Mereka juga kurang terdedah dengan media baru berbeza dengan pengundi wanita di bandar-bandar.<sup>35</sup> Kenyataan beliau ini telah disokong oleh Mohd Khairul Azmi Yusof.<sup>36</sup> Seterusnya Nuridah turut berkata:

Pengundi bandar dan luar bandar mempunyai perbezaan dari sudut pendedahan maklumat yang terkini. Wanita Melayu luar bandar agak kurang mengetahui isu-isu semasa. Sepanjang saya menjalankan kempen-kempen pilihan raya keadaan ini amat ketara apabila mereka tidak memberi respon terhadap isu-isu semasa. Namun, suri rumah yang berada di bandar agak berbeza dari luar

---

<sup>33</sup> Mohd Fuad Mat Jali, 'Wanita, Belia dan Minoriti dalam PRU13', Forum Khas anjuran Pusat Kepimpinan Wanita UKM, 6 April 2013.

<sup>34</sup> Temubual dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015 dan Temubual bersama Ustazah Nafisah Tahir Ketua Lujnah Tarbiyyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Gombak di Pasti Al Badar Gombak pada 12 Jun 2014.

<sup>35</sup> Temubual dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>36</sup> Temubual dengan Mohd Khairul Azmi Yusof mantan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan Gua Musang sekitar tahun 2008 di kediaman beliau di Renok Baru, Gua Musang pada 21 Mac 2015.

bandar. Suri rumah di bandar agak terdedah dengan dunia luar seperti penggunaan internet dan juga telefon bimbit yang canggih.<sup>37</sup>

Seterusnya bagi pengundi wanita kelas menengah (*middle class*) mereka amat berdikari, mempunyai kerjaya yang tersendiri, terdedah dengan media baru seperti penggunaan laman sosial. Selain itu mereka tidak terikat dengan pilihan suami dan sangat peka dengan isu-isu wanita dan isu keselamatan wanita. Manakala bagi pengundi wanita Melayu muda pula mereka sebenarnya kurang berminat dengan politik, namun amat mudah mengikut pilihan suami jika sudah berkahwin. Selain itu mereka juga sangat terdedah dengan media baru namun hanya lebih tertumpu kepada sosial. Pengundi wanita Melayu muda juga akan kurang agresif berbanding dengan pengundi lelaki muda yang sentiasa bersemangat mengenai isu-isu terkini dalam masyarakat terutama yang berkaitan dengan politik. Namun begitu berdasarkan hasil kajian khas yang dilakukan oleh Makmal Pemuda BN<sup>38</sup> telah menunjukkan majoriti golongan belia bukan penyokong mana-mana parti. Kajian itu mendapati tiga daripada lima pengundi muda atau sebanyak 62 peratus daripada mereka masih ‘duduk di atas pagar’ mengenai parti pilihan mereka.<sup>39</sup> Golongan belia ini akan mengundi mana-mana calon yang mereka fikir lebih baik pada Pilihan Raya Umum seterusnya. Kajian ini turut disokong oleh Abdullah Hasbullah. Katanya:

Pengundi muda kini lebih berpandangan terbuka dan membina dan mereka tidak menilai sesuatu isu berdasarkan ideologi politik. Sokongan mereka mudah berubah atau bertindak kepada situasi pada bila-bila masa.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>38</sup> *Utusan Malaysia*, 26 Julai 2010.

<sup>39</sup> *Utusan Malaysia*, 26 Julai 2010. Temuramah bersama Yang Berhormat Senator Khairiah Mohamad pada jam 10 malam, 24 Jun 2014 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

<sup>40</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Abu Hassan Hasbullah, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 26 Julai 2010.

Reaksi yang sama turut disuarakan oleh salah seorang bekas penyelidik Pusat Penyelidikan PAS Pusat iaitu Suhaila Ismail. Beliau juga merupakan salah seorang pengundi yang pernah mengundi pada Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008. Katanya:

Keadaan masyarakat sekarang berbanding tahun 1990-an agak berbeza. Saya melihat semakin ramai pengundi mula melihat isu-isu yang berlaku dalam negara. Sebelum ini saya melihat kepada parti yang bertanding semata-mata dan tidak melihat kepada calon yang bakal bertanding. Bagi saya, parti dan calon merupakan salah satu sebab untuk saya membuat pilihan dalam menentukan undi siapa yang akan saya pilih. Apa gunanya calon yang tidak mampu menjalankan amanah yang diberi.<sup>41</sup>

Selepas Pilihan Raya Umum 2008 penganalisis politik seperti Ahmad Atory turut memberi gambaran yang jelas mengenai kecenderungan pengundi muda menjadi pengundi non-partisan pada pilihan raya seterusnya. Trend politik semasa dilihat antara penyumbang kepada senario itu berlaku. Selain itu perkembangan teknologi maklumat dan media baru menyebabkan pengundi muda tidak lagi mengakses maklumat daripada media konvensional tetapi 'mencipta' maklumat dan membentuk pandangan tersendiri. Abu Hassan berpandangan bahawa generasi muda tidak lagi memegang pada kata-kata atau janji politik, sebaliknya menilai bagaimana sesuatu isu dibangkitkan dan ditangani pihak terbabit. Sebagai contoh mengenai isu-isu semasa yang semakin rumit dengan pandangan politik yang seringkali mengelirukan masyarakat seperti isu kalimah Allah dan isu royalti minyak. Menurut oleh Abu Hassan Hasbullah, katanya :

Mereka tiada lagi kepercayaan klasik kepada politik dan pengundi muda kini bersikap konstruktif dan liberal serta menilai sesuatu isu bukan berdasarkan ideologi politik. Mereka boleh ubah sokongan dan bertindak balas bila-bila masa.<sup>42</sup>

Pandangan Abu Hassan Hasbullah ini juga dipersetujui oleh pemerhati politik Universiti Sains Malaysia (USM) Sivamurugan Pandian, katanya :

<sup>41</sup> Temubual dengan Suhaila Ismail pada 18 April 2016 menerusi laman *facebook* beliau Suhaila Ismail. Beliau merupakan bekas penyelidik Pusat Penyelidikan PAS Pusat pada tahun 2001.

<sup>42</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Abu Hassan Hasbullah , Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dan disiarkan dalam *malaysiakini.com* pada 15 Mac 2010.

Perkembangan politik di negara ini mengalami 'defisit perwakilan politik' sejak dua tahun lepas (selepas pilihan raya 2008). Parti politik dilihat masih bergelut mencari legitimasi politik bagi memenuhi janji-janji mereka sejak 'tsunami' politik pada Mac 2008. Ketiadaan struktur yang jelas untuk memberikan laluan kepada pemimpin muda dalam parti-parti politik juga menyebabkan kenapa golongan itu cenderung menjadi non-partisan (golongan atas pagar). Ini kerana pemimpin muda ialah jambatan kepada pengundi muda. Hanya pemimpin muda yang memahami aspirasi golongan muda. Pihak mana yang memberikan lebih ruang kepada pemimpin muda akan mendapat sokongan pengundi muda.<sup>43</sup>

Ketua Pergerakan Puteri UMNO juga memberi ulasan dan pandangan mengenai pengundi atas pagar dari kalangan golongan muda, katanya:

Paling penting menangani masalah pengundi atas pagar adalah melalui gerak saraf pada musim pilihan raya. Mereka perlu diberi perhatian kerana undi yang mungkin boleh berubah bila-bila masa.<sup>44</sup>

Seterusnya penganalisis dan pemerhati politik iaitu Ibrahim Suffian dari Merdeka Centre mengatakan golongan atas pagar terutama di kalangan wanita yang bekerja di rumah dan pengundi muda akan menjadi penting dalam menentukan keputusan pilihan raya. Katanya lagi:

Mereka (pengundi atas pagar) akan menentukan siapa bakal menang atau kalah oleh kerana jumlah besar kerusi (dalam PRU yang lalu iaitu tahun 2008) dimenangi dengan margin kecil. Pengundi atas pagar cenderung sama ada sangat berpengetahuan atau orang-orang yang kurang berpengetahuan. Mereka yang berpengetahuan masih 'ragu-ragu' kepada BN, tetapi 'tidak begitu mesra' kepada Pakatan Rakyat (PR). Wanita yang tidak menjadi tenaga cenderung untuk kurang terdedah kepada perkembangan politik atau sebaliknya (mendapatkan) pandangan berat sebelah dan sukar untuk mendapatkan maklumat alternatif. Pengundi atas pagar akan menjadi lebih penting di kawasan separa bandar atau luar bandar oleh majoriti penduduk bandar menyokong Pakatan Rakyat.<sup>45</sup>

---

<sup>43</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Dr. Sivamurugan Pandian Pemerhati politik dari Universiti Sains Malaysia dan disiarkan dalam *malaysiakini.com* pada 15 Mac 2010.

<sup>44</sup> Kenyataan mantan Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Rosnah Abdul Rashid Shirlin kepada wartawan Utusan. Lihat *Utusan Malaysia*, 21 Julai 2010.

<sup>45</sup> Kenyataan Ibrahim Suffian dari Merdeka Centre kepada *The Malaysian Insider* dan disiarkan dalam *themalaysianinsider.com* pada 24 Ogos 2012.

Anuar Mohd Nor, Pengarah Eksekutif Institut Kajian Asas Kemasyarakatan (INSKA) juga turut berkongsi pandangan Ibrahim dengan mengatakan bahawa adalah menjadi penting bagi kedua-dua BN dan PR untuk mengiktiraf golongan atas pagar terutama generasi baru atau pengundi muda dengan merapati mereka menerusi penggunaan internet dan juga muzik.<sup>46</sup> Selain itu, faktor dan ruang geografi juga turut memberi impak kepada kemenangan calon di mana jika hendak dikaitkan dengan ruang geografi, antara isu dominan adalah wanita dan orang muda. Antara persoalan penting di mana lokasi yang ramai wanita dan orang muda sama ada di bandar, di kampung atau di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Apa yang diperhatikan menurut bahasa geografi sudah pasti mereka berada di bandar dan universiti di mana 70 peratus penguasaan wanita di IPTA. Berdasarkan kajian ini ilmu geografi adalah amat penting bagi meraih kemenangan dalam medan politik sebagai medan pertempuran.<sup>47</sup> Justeru pengundi wanita Melayu yang terdiri dari pelbagai kategori dan peringkat usia mengalami perubahan dalam memberi satu-satu undi berdasarkan pelbagai isu, faktor yang mempengaruhi mereka dalam membuat pilihan ketika proses pengundian dijalankan dalam pilihan raya.

Berdasarkan temubual yang dijalankan, iaitu dengan beberapa pengundi wanita Melayu dan siaran media alternatif seperti MobTv, kenyataan akhbar dari pemerhati politik dan penganalisis politik, kecenderungan pengundi wanita Melayu adalah berdasarkan kategori pengundi itu sendiri yang terbahagi kepada tiga golongan iaitu penyokong kuat parti, Manakala kumpulan kedua pula adalah *undecided voters*. Pengundi dalam kumpulan ini sentiasa peka dengan perkembangan politik semasa dan undi mereka juga adalah berdasarkan penilaian mereka terhadap isu dan prestasi sesebuah parti politik Mereka tidak mempunyai identifikasi parti yang setara dan parti yang diundi adalah sentiasa berubah-ubah di mana keadaan mereka tertakluk kepada isu

---

<sup>46</sup> Lihat *themalaysianinsider.com*, 24 Ogos 2012.

<sup>47</sup> Lihat tajuk 'Melayu Paling Ramai Atas Pagar' oleh Rosmadi Fauzi dalam *Harian Metro*, 4 Mei 2013. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan yang dilakukan oleh Pusat Kajian dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) mendapati golongan atas pagar dalam PRU13 telah berubah majoriti pengundi Cina kepada Pengundi Melayu.

dan prestasi dalam menentukan siapa pilihan yang dipilih semasa proses pengundian berlangsung. Oleh sebab itu adalah menjadi kesukaran bagi pencula undi untuk mengelaskan mereka ekoran dari kecenderungan parti yang sama dan kabur. Kumpulan pengundi ketiga adalah mereka yang tidak mempunyai parti identifikasi tetapi mempunyai kecenderungan untuk menyokong sesebuah parti polititik atau dikenali sebagai golongan atas pagar. Manakala segmen pengundi wanita Melayu juga mempunyai tiga ciri iaitu wanita luar bandar, wanita kelas menengah dan wanita muda.

### **Pengaruh dan Strategi Parti Politik Terhadap Pengundi Wanita Melayu**

Secara realitinya sikap pengundi banyak dibentuk oleh persepsi. Mark Philips bekas petugas CIA pernah menulis ‘bahawa peperangan itu bukannya kemenangan di medan perang tetapi kemenangan untuk menguasai minda manusia.’ Secara ringkas, *winnable candidate* bukan setakat sikap calon terhadap pengundi tetapi yang penting juga sikap pengundi terhadap calon di samping *winnable party*, *winnable policy* dan *winnable strategy*.<sup>48</sup> Sebagai contoh untuk memenangi hati pengundi muda khususnya, pendekatan dan strategi yang boleh memberi impak segera dan berkesan dalam minda dan hati pengundi. Antaranya ialah bijak mengetahui apa yang dikehendaki oleh pengundi muda sebagai contoh mengenai isu pekerjaan dan keselamatan. Kajian juga diperlukan untuk mengatur strategi bagi membantu golongan tersebut di peringkat bawahan. Menurut Ketua Pemuda Sosialis DAP (DAPSY), Anthony Loke Siew Fook menjelaskan:

Kecenderungan pengundi muda kepada parti pembangkang sebahagian besarnya disebabkan faktor tolakan dari BN dan bukan faktor tarikan oleh pembangkang. Perebutan mendapatkan sokongan pengundi muda masih terbuka luas. Pengundi muda akan memilih calon yang dapat membuktikan kelebihan yang ada pada diri mereka. Pembangkang menumpukan kepada dua pendekatan iaitu pendaftaran pengundi baru secara agresif dan memaklumkan kepada golongan itu bahawa

---

<sup>48</sup> Lihat *Utusan Malaysia*, 26 Julai 2010.

mereka boleh membuat keputusan dengan apa yang mereka fikirkan penting.<sup>49</sup>

Ong Kian Ming turut mengkritik Pemuda BN yang tidak mempunyai rancangan bersepadu untuk membabitkan golongan pemuda serta gagal mengetengahkan dasar untuk mereka. Katanya:

Misalnya, isu biasiswa. Kita tidak lihat sebarang usaha bersepadu untuk menyelesaikan isu tersebut sehingga pengumuman oleh Perdana Menteri.<sup>50</sup>

Kritikan tersebut tidak mematah semangat parti UMNO dan Barisan Nasional, komponen Barisan Nasional sendiri mempunyai strategi untuk menarik pengundi muda. Pada ketika itu, Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Rosnah Abdul Rashid Shirlin<sup>51</sup> mengatakan bahawa pihaknya tidak berhenti berusaha menarik pengundi dan buktinya sebanyak 70 peratus atau lebih 370,000 ahlinya telah mendaftar sebagai pengundi di seluruh negara. Puteri UMNO sentiasa melaksanakan pelbagai usaha serta program untuk menarik minat golongan muda menyertai politik. Menurut Rosnah Abdul Rashid Shirlin, beliau mengatakan:

Memang benar pengundi muda merupakan penentu kemenangan sesebuah parti dalam pilihan raya. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Puteri sebagai sayap mewakili orang muda untuk melaksanakan program mendekati mereka secara bersungguh-sungguh terutama bagi membetulkan tanggapan salah terhadap kerajaan BN.<sup>52</sup>

---

<sup>49</sup> Kenyataan yang dikeluarkan Ketua Pemuda Sosialis DAP (DAPSY), Anthony Loke Siew Fook dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 26 Julai 2010.

<sup>50</sup> Kenyataan Ong Kian Ming, pensyarah Sains Politik, Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya (UCSI). Pada 10 Julai 2010, Datuk Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa semua pelajar yang memperolehi keputusan 9A+ dan ke atas pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan ditawarkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pengajian di universiti tempatan atau luar negara. Kian Ming turut mengatakan golongan muda nampak lebih cenderung kepada pembangkang tetapi parti pembangkang tidak boleh mengambil mudah berikutan keputusan Pilihan Raya Umum tahun 2008 terdapat sedikit peningkatan sokongan muda terutama selepas era reformasi iaitu mereka yang berusia antara 21 dan 30 tahun. Sebelum itu, pada Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004, corak pengundian golongan muda telah menunjukkan penurunan terhadap BN. Bagaimanapun, masih ada banyak cabaran bagi pihak pembangkang dan pemerintah tetapi kedua-dua pihak itu telah menampilkan beberapa pemimpin muda yang berjaya mendekatkan diri dengan golongan belia di negara ini. Lihat *Utusan Malaysia*, 26 April 2010.

<sup>51</sup> Selepas Pilihan Raya Umum ke-13, Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Kerjaya. Beliau juga merupakan Ahli Parlimen Papar, Sabah.

<sup>52</sup> Kenyataan Rosnah Abdul Rashid Shirlin (Datuk) kepada wartawan *Utusan Malaysia*. Lihat *Utusan Malaysia*, 27 Julai 2010.



Kepentingan golongan pengundi wanita muda juga mampu mempengaruhi dan menentukan keputusan Pilihan Raya Umum. Menurut seorang pekerja swasta sekitar Shah Alam, Mimi Harainie Alias berkata:

Golongan wanita perlu bijak memilih parti yang bakal memerintah negara kerana kuasa satu undi mereka mengubah segala-galanya. Negara akan terus maju dan rakyat kekal hidup dalam keadaan aman dan damai seandainya kita bijak memilih kerajaan yang prihatin kepada rakyat. Jika tersilap pilih, ia sudah tentu akan merugikan negara dan mampu memusnahkan kemajuan yang dibina selama ini.<sup>53</sup>

Kesedaran mengenai kepentingan mengundi ini juga mendapat reaksi dalam kalangan generasi muda. Antaranya ialah Hasyimah Hanafi, yang mengundi pertama kali dalam Pilihan Raya Umum 2008 di kawasan DUN Kok Lanas dan Parlimen Ketereh. Beliau berkata:

Saya akan memilih calon yang berkeelayakan dan mampu melakukan kerja. Saya harap calon yang akan diletakkan terdiri daripada mereka yang boleh bekerja untuk membangunkan kawasan kami dan mempunyai visi dan misi yang jelas.<sup>54</sup>

Kenyataan yang diperkatakan oleh Hasyimah Hanafi ini menunjukkan beliau merupakan salah seorang pengundi muda yang berstatus 'atas pagar'. Kenyataan ini juga menguatkan lagi wanita Melayu muda memainkan peranan yang terhadap pemilihan kepimpinan negara. Kenyataan ini juga turut disokong oleh seorang pengundi wanita Melayu Zainab Ishak yang mengundi di DUN Ayer Hitam dan Parlimen Jerlun. Beliau mengatakan tentang kepentingan calon yang mempunyai komitmen dan berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin. Katanya:

Calon yang mampu bekerja, bertanggungjawab dan mempunyai latar belakang yang baik maka itulah calon pilihan saya. Apa yang penting di sini calon itu hendaklah mampu memberi

---

<sup>53</sup> Temubual wartawan Kosmo Abdul Razak Idris dengan pekerja swasta, Mimi Harainie Alias 28 tahun, yang disiarkan dalam *Kosmo* yang bertajuk 'Pengundi Wanita Pengaruhi Keputusan Pilihan Raya', 28 Februari 2012.

<sup>54</sup> Temubual dengan Hasyimah Hanafi di kediaman beliau di Taman Melawati, Kuala Lumpur pada 6 Mac 2016. Beliau merupakan pengundi di Kawasan DUN Kok Lanas dan Parlimen Ketereh.

komitmen yang baik dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat.<sup>55</sup>

Justeru itu, parti-parti yang bertanding telah mengambil peluang ini untuk melakukan kempen menerusi cara dan teknik-teknik yang mampu menarik minat golongan muda ini. Oleh sebab itu mereka sebagai golongan pemimpin dan ahli politik juga hendaklah memahami keperluan dan kehendak golongan muda seperti menyesuaikan diri dengan cara baru dalam menyebarkan mesej mereka memandangkan golongan muda masa kini telah beralih kepada penggunaan internet dan laman web. Menurut Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin, katanya:

...dengar luahan mereka dan dengar apa yang menjadi kemarahan mereka dan buat sesuatu mengenainya dan bukan hanya kata dengar apa yang kami kata dan kami akan buat sesuatu.<sup>56</sup>

Bagi Tarmizi Bin Hassan juga turut merasakan pengundi muda perlu didekati dengan lebih bijak dan efektif memandangkan mereka begitu terdedah dengan pelbagai maklumat. Selain itu juga mereka lebih terbuka dalam menerima sesuatu pandangan sama ada dari pihak parti lawan dan parti kerajaan. Beliau turut menambah mengenai pengundi veteran, katanya:

Pengundi lama agak kurang terdedah dengan pelbagai maklumat terkini yang terdapat dalam laman sosial. Mereka juga agak sukar untuk menerima pandangan orang lain. Selain itu juga mereka sangat berpegang teguh dengan adat lama sebagai contoh mereka begitu yakin dengan parti UMNO kerana telah lama memerintah negara Malaysia.<sup>57</sup>

Selain itu juga, menurut Rolisma Abdul Manaf yang merupakan salah seorang pengundi wanita Melayu muda di Kawasan Salor, Kelantan pada Pilihan Raya Umum 2004,

---

<sup>55</sup> Temubual dengan Zainab Ishak di Leha KELF Food Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada 12 April 2015. Beliau merupakan pengundi wanita Melayu di Kawasan DUN Ayer Hitam dan Parlimen Jerlun.

<sup>56</sup> Kenyataan Khairy Jamaluddin sebagai ahli panel sidang pleno pada Forum Antarabangsa UMNO bertajuk '*Konflik dan Pendamaian dalam Politik Rakyat*' yang diadakan sempena Perhimpunan Agung UMNO 2012 di Pusat dagangan Dunia Putra pada 26 November 2012. Lihat <http://www.umno-online.my> yang diakses pada 25 September 2014.

<sup>57</sup> Temubual dengan Tarmizi Bin Hassan menerusi laman *Facebook* pada 16 April 2015. Beliau merupakan bekas Setiausaha Ulama PAS Gombak, Bekas Bendahari PAS Gombak, Ahli Jawatankuasa Pas Kawasan Gombak, (antara tahun 2001-2005) Bekas Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Kulai Jaya, bekas Ketua Urusan Ulama' PAS Kulai Jaya. (antara 2009-2011). Sekarang beliau merupakan pendakwah bebas secara sambilan.

Pilihan Raya Umum tahun 2008 dan 2013. Beliau menyatakan sokongan kepada pemimpin yang boleh membawa masyarakat kepada kebaikan. Katanya:

Sudah pasti saya akan memilih calon yang meletakkan Islam pada tempat yang teratas. Saya juga akan melihat latar belakang dan keperibadian yang dimiliki oleh calon berkenaan. Yang penting calon tersebut seorang yang menjaga solat, seorang yang bertanggungjawab dan mampu menunaikan amanah yang diberi.<sup>58</sup>

Manakala menurut Najihah Harun, beliau mengatakan masih ramai golongan wanita muda yang belum mendaftar sebagai pengundi sedangkan undi mereka boleh mengubah senario negara melalui pilihan raya. Katanya lagi:

Ramai dalam kalangan wanita muda yang masih belum mendaftar. Kempen kesedaran perlu dilakukan dengan lebih agresif bagi menarik lebih ramai wanita muda untuk menjadi pengundi. Amat rugi jika mereka tidak turut keluar mengundi. Satu undi mampu mengubah sebuah kerajaan. Suruhanjaya Pilihan Raya perlu membuka lebih banyak kaunter di tempat-tempat orang muda selalu berada seperti di pusat membeli-belah dan di kawasan panggung wayang.<sup>59</sup>

Sebagai contoh yang agak menarik ketika Pilihan Raya Kecil Kawasan Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit yang diadakan pada tahun 18 Julai 2002, bilangan pengundi muda bagi kedua-dua kawasan berumur 31 tahun hingga 50 tahun, merupakan kelompok pengundi yang terbesar. Manakala kumpulan umur 51 hingga 60 tahun adalah yang paling sedikit. Pemilih berketurunan Melayu merupakan kumpulan yang paling ramai dalam kedua-dua kawasan PRK tersebut. Di kawasan Parlimen Pendang pengundi Melayu adalah 87.77 peratus atau 46,630 orang, Cina 6.40 peratus (3,402 orang), India 0.92 peratus (487 orang) manakala lain-lain 4.91 peratus (2,608 orang). Di DUN Anak Bukit pula, membabitkan 16,889 orang pengundi Melayu, pengundi Cina berjumlah 2,151 orang, pengundi India berjumlah 290 orang dan lain-lain ialah 69 orang. Pengundi wanita juga melebihi jumlah pengundi lelaki sebanyak dua peratus. Di kawasan

<sup>58</sup> Temubual dengan Rolisma Abdul Manaf melalui laman sosial *Facebook* pada 10 Februari 2015.

<sup>59</sup> Temubual dengan Najihah Harun menerusi laman *facebook* beliau (Abi Umi Tasnim) pada 17 April 2016. Beliau merupakan pengundi muda di Kawasan Parlimen Kuala Nerus dan DUN Bukit Tunggai, Terengganu pada tahun 2008.

Parlimen Pendang sebanyak 27,267 peratus adalah pengundi wanita sementara di DUN Anak Bukit pula 10,051 pengundi atau 51.81 peratus<sup>60</sup> PRK ini diadakan berikutan kematian Presiden PAS, Fadzil Noor yang merupakan penyandang kedua-dua kerusi berkenaan. Kesenambungan PRU 1999 banyak memberi kesan dan pengaruh ke atas pengundi di kawasan terbabit terutama bagi golongan muda yang semakin sedar tentang kepentingan pengaruh undi yang diberikan.

Pengarah Pusat Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL), Amer Saifude Ghazali turut mengulas mengenai pengundi atas pagar sebagai penentu kepada parti politik yang bakal memerintah. Menurut beliau juga, kumpulan tersebut merupakan sebahagian besar adalah pengundi yang bakal mengundi buat pertama kali. Mereka adalah terdiri dari kalangan kelas menengah dan atasan, berpendidikan tinggi, berumur kurang 40 tahun dan majoritinya adalah merupakan lepasan dari institusi pengajian tinggi. Katanya :

Mereka merupakan golongan kritikal kerana memilih parti berdasarkan prestasi, akses kepada maklumat, selalu membuat perbandingan dan pemilihan yang rasional. Ini bermakna golongan ini akan hanya memberikan undi kepada mana-mana parti yang boleh mempengaruhi mereka. Hasil kajian mendapati pengundi atas pagar ini tidak dapat menyatakan pendirian parti politik pilihan mereka kerana tidak yakin dengan ahli politik, institusi politik, politik sedia ada dan politik gagal menarik minat mereka.<sup>61</sup>

Namun begitu, sokongan yang diberikan oleh wanita agak memberangsangkan apabila pelbagai program yang dianjurkan oleh Barisan Nasional dihadiri oleh ramai wanita termasuk kaum Cina dan India. Pengundi wanita meliputi separuh daripada

---

<sup>60</sup> Lihat *Utusan Malaysia*, 3 Julai 2002 dan *malaysiakini.com*, 29 Jun 2002 dan 18 Julai 2002. BN menerusi calon Othman Abdul memenangi kerusi Parlimen Pendang dengan menumpaskan calon PAS, Mohd Hayati Othman dengan memperolehi 22,825 undi dan majoriti 283 undi. Calon PAS, Amiruddin Hamzah memenangi kerusi DUN Anak Bukit dengan memperolehi undi 8,298 undi dengan majoriti 508 undi. Lihat *Utusan Malaysia*, 19 Julai 2002.

<sup>61</sup> Ucapan Amer Saifude Ghazali dalam seminar Pilihan raya Umum Ke – 13: Memperkasakan Demokrasi anjuran Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 4 April 2013 dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 5 April 2013.. Amer juga ada mengulas mengenai kajian yang dijalankan oleh UMCEDEL sepanjang 2011 hingga Januari 2013 mendapati, jumlah pengundi muda yang mahu mengundi Barisan Nasional (BN) adalah 42 peratus dan Pakatan pembangkang (37 peratus) manakala 21 peratus masih tidak pasti. Lihat juga *Kosmo*, 4 April 2013. Rujuk Amer Saifude Ghazali ‘Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis Tsunami politik Bandar’ kertas kerja seminar Pilihan Raya Umum Ke – 13: Memperkasakan Demokrasi, anjuran Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4 April 2013.

keseluruhan 13.1 juta pengundi negara. menurut Ketua Wanita UMNO Pahang, Rosni Zahari, berdasarkan gerak kerja berterusan UMNO di peringkat akar umbi, dipercayai 10 peratus daripada keseluruhan jumlah pengundi wanita muda terpengaruh dengan khabar angin dan cerita palsu tersebar melalui laman media sosial dan internet menjelang Pilihan Raya Umum. Katanya lagi:

Sokongan pengundi wanita terhadap BN semakin baik bercanggah dengan data yang diberikan penganalisis politik yang mengecilkan data (*crunch data*). Ramai pengundi wanita dah serik dengan tipu daya pembangkang sudah berubah arah dan berbaik kepada kita.<sup>62</sup>

Apa yang diperkatakan oleh Rosni Zahari berdasarkan pemerhatian beliau dalam siri program dan ceramah yang dianjurkan oleh parti komponen BN termasuk UMNO. Bagi pihak pembangkang pula, mereka juga mempunyai strategi untuk menarik masyarakat untuk keluar mengundi terutama pengundi wanita menerusi kempen dan juga ceramah-ceramah. Sebagai contoh antara usaha yang dilakukan sebelum PRU 2008, PAS dan PKR telah mengadakan satu bengkel yang dikhususkan kepada pimpinan Muslimat PAS dan Wanita Parti Keadilan Rakyat yang berlangsung pada 3 Februari 2007 di Kuala Lumpur. Bengkel kepimpinan wanita Barisan Rakyat yang bertemakan ‘Wanita Barisan Rakyat Penggerak Kemenangan’. Lebih kurang 100 peserta hadir dari seluruh negara. Menurut Lo’Lo Ghazali kerjasama dari semua pihak adalah untuk memastikan semua strategi yang diatur dari pelbagai aspek berjalan mengikut perancangan. Peserta yang hadir merupakan petugas parti untuk memastikan strategi atau langkah dilaksanakan dalam PRU 2008 berjaya dengan sebaiknya. Keikhlasan amat penting ketika mengatur pelbagai strategi semasa menjalankan kempen-kempen pilihan raya. Azmin Ali juga turut menyarankan agar memberi sokongan yang kuat kepada kepimpinan wanita dalam kalangan PAS dan PKR untuk bergerak dengan Barisan

---

<sup>62</sup> Kenyataan Rosni Zahari kepada wartawan ABN News dan disiarkan dalam <http://news.abnxc.com> pada 3 April 2013.

Rakyat bagi melakukan perubahan dalam PRU 2008.<sup>63</sup> Terbukti kejayaan Pakatan pembangkang yang amat membanggakan ketika PRU 2008 dengan keputusan yang mengejutkan semua pihak termasuk peningkatan calon wanita Melayu dalam DUN dan Parlimen.

### **Kempen dan Jentera Wanita Melayu dalam Pilihan Raya**

Ibarat isi dengan kuku kempen dan pilihan raya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Setiap parti mahupun individu yang terlibat sebagai calon dalam pilihan raya sudah pasti menggunakan pelbagai kaedah dan cara untuk berkempen demi untuk menjamin kemenangan parti masing-masing dalam pilihan raya. Kempen dapat diertikan sebagai tindakan-tindakan merancang, usaha-usaha berancang, kegiatan-kegiatan berancang yang dilakukan oleh mana-mana individu mahupun parti politik.<sup>64</sup> Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melakukan satu perubahan di mana selepas mengurangkan jumlah peruntukan untuk berkempen selama sehari untuk Pilihan Raya Umum ke-11 berbanding Pilihan Raya Umum ke-10 pada tahun 1999. Keadaan ini merupakan satu tempoh yang paling singkat dalam sejarah Pilihan Raya di Malaysia. SPR juga merasakan suasana Pilihan Raya Umum tahun 2004 agak berlainan berbanding Pilihan Raya Umum-Pilihan Raya Umum yang lalu. Salah satu faktor yang dilihat mempengaruhi perubahan suasana pilihan raya ialah undang-undang pilihan raya itu sendiri yang lebih ketat pada ketika itu. Akta Pilihan Raya dan Akta Kesalahan Pilihan Raya dipinda ekoran suasana kempen Pilihan Raya Umum yang lalu. Menurut Setiausaha SPR, Wan Ahmad Wan Omar, katanya:

Kalau dibandingkan dengan tahun 1999, menguruskan Pilihan Raya Umum pada tahun itu seperti persiapan menghadapi tempoh berkempen, memang ia lebih tertekan dan banyak cabarannya. Pada waktu itu isu politik negara

---

<sup>63</sup> *Harakah*, 3 Februari 2007.

<sup>64</sup> S.Salahudin Suyumo et al., 'Penggunaan Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan dalam Kempen Pilihan Raya Umum ke-12: Kajian Terhadap Fungsi dan Cabaran' dalam Worrain Hj. Kabul et. al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 325.

betul-betul memenuhi cabaran besar kepada pilihan raya dan juga pengurusan pilihan raya itu sendiri.<sup>65</sup>

Beliau juga turut mengulas mengenai perjalanan Pilihan Raya Umum pada tahun 2004 di mana cukup berbeza berbanding kempen pada tahun 1999 yang lebih hebat. Ceramah dan penggunaan bahan kempen juga berkurangan disebabkan undang-undang baru yang sedikit sebanyak mengurangkan aktiviti kempen yang tidak sihat. Kebiasaannya kempen sebelum ini kelihatan agak di luar batasan dan etika antaranya seperti menyerang peribadi, bercakap cerita yang tidak benar dan berceramah perkara palsu. Selain itu juga permit ceramah yang dikeluarkan di seluruh negara hanya kira-kira 3,800 permit. Keadaan ini berbeza daripada keadaan kempen sebelum ini di mana tanpa sebarang permit pun mereka tetap mengadakan ceramah pilihan raya. Aduan mengenai kekacauan juga dilihat semakin berkurangan.<sup>66</sup>

Sebenarnya kempen dalam pilihan raya juga diibaratkan menguji teknik pemasaran politik atau disebut juga pengiklanan politik yang akan diaplikasikan secara efektif dalam usaha calon dan parti yang bertanding memenangi hati rakyat untuk meraih undi. Pemasaran politik sebenarnya adalah bidang baru di dalam dunia akademik. Namun, teknik dan ilmu pemasaran politik ini semakin berkembang dan diterima umum khususnya di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) ketika pemilihan Presiden. Pemasaran politik juga bentuk komunikasi politik iaitu teknik pemasaran perniagaan di dalam kempen pilihan raya. Di sini, ia seolah-olah menggambarkan bagaimana parti politik dijadikan seolah-olah jenama barangan dan penjual serta calon dijadikan produk jual beli kepada pengguna yakni pengundi. Walaupun dunia perniagaan dan politik berbeza, namun pendekatan dalam mempromosikan parti dan calon boleh disetarakan sebagaimana ahli perniagaan mempromosi jenama dan produk di pasaran. Jika produknya bermutu yakni calon yang

---

<sup>65</sup> Kenyataan Setiausaha SPR, Wan Ahmad Wan Omar kepada wartawan *Mingguan Malaysia*, G. Manimaran dan Ramli Abdul Karim dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 21 Mac 2004 dalam edisi khas Pilihan Raya Umum 2004 yang bertajuk 'Undang-undang Baru SPR Membolehkan Pilihan Raya 2004 Jadi Tenang-Bukan Medan Balas Dendam'.

<sup>66</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Mac 2004.

berkualiti dan pengundi memilih mereka, maka manfaat yang akan diperolehi rakyat adalah besar khususnya yang membabitkan kestabilan politik dan kemakmuran sosio ekonomi di Malaysia.<sup>67</sup> Justeru itu, produknya iaitu calon perlulah memiliki berkualiti, berkaliber bertenaga, muda dan bermutu tinggi untuk memimpin rakyat Malaysia ke arah kemakmuran dan kestabilan dalam negara. Sebagaimana perniagaan pasaran masa kini memerlukan persaingan. Dalam konteks ini, pembangkang dan calonnya adalah jenama yang memberi saingan kepada Barisan Nasional. Pembangunan imej dan promosi yang baik perlu dipertingkatkan serta mereka perlu bijak mepakejkan agenda mereka melalui satu manifesto yang realistik dan praktikal.<sup>68</sup> Parti kerajaan dan pembangkang sudah pasti akan memperagakan produk atau calon masing-masing untuk meraih sokongan para pengundi yang terdiri dari pelbagai golongan sama ada tua, muda, lelaki atau wanita. Selain itu juga semasa kempen dijalankan oleh calon yang bertanding hendaklah berhati-hati dalam penggunaan semasa berkempen dan mengadakan perjumpaan dengan penduduk di kawasan berkenaan agar tidak menyinggung perasaan penentangannya. Keadaan ini dinyatakan sendiri oleh Shahrizat Abdul Jalil ketika menjalankan kempen Pilihan Raya Umum ke-12 pada tahun 2008.<sup>69</sup> Menurut Zuraida Mohd Nasir, katanya:

Jentera Pilihan Raya dari kalangan wanita mestilah bijak dan tidak boleh terlalu emosi kerana terdapat banyak cabaran yang perlu dihadapi ketika menjalankan gerak kerja pilihan raya.<sup>70</sup>

Kesemua parti-parti politik yang akan mengambil bahagian dalam pilihan raya sudah pasti memiliki jentera pilihan raya dalam memastikan parti masing-masing menang dalam pilihan raya umum. Kempen tidak dapat berjalan dengan lancar tanpa mempunyai jentera-jentera yang mampu menjalankan tugas dan tanggungjawab yang

---

<sup>67</sup> *Berita Harian*, 23 April 2014.

<sup>68</sup> *Utusan Malaysia*, 27 April 2013.

<sup>69</sup> Lihat [www.bernama.com](http://www.bernama.com) yang bertajuk 'Pilihlah Calon yang Boleh Terus Berkhidmat untuk Anda Mulai 9 Mac-Sharizat' oleh Yong Soo Heong diakses pada 18 Disember 2014.

<sup>70</sup> Temubual dengan Zuraida Mohd Nasir Ketua Puteri UMNO, cawangan Kg. S.C. DUN Inderapura, Pahang melalui emel anidanasir@yahoo.com pada 21 Julai 2017.



besar itu. Menurut Ketua Badan Perhubungan UMNO negeri Terengganu, Ahmad Said, kempen-kempen yang dilakukan oleh Pergerakan Wanita UMNO adalah bertujuan untuk memastikan undi mereka tidak ‘berpaling’ kepada parti pembangkang sebaliknya terus memihak kepada calon Barisan Nasional iaitu UMNO. Berkenaan dengan perayu undi Pergerakan wanita UMNO Terengganu, Ahmad Said berkata:

Bila bekerja dengan kita, mereka akan undi calon kita.  
Dengan ini saya percaya sekurang-kurangnya 99 peratus undi mereka akan memihak kepada kita.<sup>71</sup>

Bagi Pergerakan Wanita Umno strategi kempen dan senjata Jentera Pilihan Raya Wanita Barisan Nasional mampu menentukan pengundi wanita kekal menjadi deposit tetap BN pada Pilihan Raya Umum. Senjata yang digunakan dalam Pilihan Raya Umum yang ke-10 hingga ke-12 yang telah berlangsung itu sebenarnya telah diperbaiki dan diyakini mampu menghadapi sebarang kemungkinan sabotaj dalam parti di dua atau tiga negeri. Ketika kempen Pilihan Raya Umum 1999, Pergerakan Wanita UMNO telah menggerakkan seluruh jenteranya termasuk 12,600 orang perayu undi ke seluruh negeri dan menjalankan kempen dari rumah ke rumah secara bersepadu dengan barisan komponennya yang lain.<sup>72</sup> Wanita UMNO tetap memberikan penumpuan dalam perjuangannya untuk memastikan BN menang dalam Pilihan Raya Umum walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Ketua Wanita UMNO, Shahrizat Abdul Jalil mengenai jentera pilihan raya pergerakan itu yang sentiasa komited dan bersedia serta berdedikasi untuk melaksanakan amanah tersebut dalam pasukan yang kuat. Katanya:

Hari-hari ada sahaja cabaran tetapi dengan jentera wanita yang berpengalaman dan telah terdedah dengan pelbagai cabaran, ia menjadi satu jalinan kuat bagi parti. Malah, kekuatan Wanita UMNO bukan hanya pada jumlah ahlinya, tetapi ia sangat stabil, mahukan parti menang. Kita adalah ibu, jadi sudah biasa dengan semua cabaran.<sup>73</sup>

---

<sup>71</sup> Kenyataan Ahmad Said ketika melancarkan Jentera Perayu Undi Wanita UMNO Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 4 Januari 2009.

<sup>72</sup> *Bernama*, 25 November 1999.

<sup>73</sup> Kenyataan Ketua Wanita UMNO, Shahrizat Abdul Jalil pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Wanita UMNO pada 22 April 2013 dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 23 April 2013.

Shahrizat Abdul Jalil juga turut mengulas mengenai jentera wanita dalam Pilihan Raya

Umum, Katanya:

Selama empat tahun, saya telah tentukan dan kemaskinkan satu sistem jentera wanita Pilihan Raya Umum yang sistematik dan mantap untuk Wanita UMNO dan Wanita BN, termasuklah untuk menghadapi apa jua situasi yang luar biasa (*contingencies*). Jentera Wanita dinamakan Jentera Jalinan Rakyat (JR) telah bertugas di semua peringkat, terutama di peringkat akar umbi dengan baik, penuh komitmen dan kesetiaan kepada perjuangan parti, walaupun menghadapi pelbagai cabaran termasuk tidak dapat peluang untuk menjadi calon. Ini adalah kerana perjuangan mereka ikhlas, tidak pentingkan diri dan sabar dalam perjuangan. Jentera Jalinan Rakyat akan berjalan dengan penuh disiplin tidak kira sesiapa pun yang membelot atau mengkhianati parti kerana kepentingan diri sendiri.<sup>74</sup>

Antara program yang dijalankan oleh BN ialah Program Jalinan Rakyat BN sebelum ini dikenali sebagai Konsep Ketua 10 (K10) dan kempen rumah ke rumah dengan seorang petugas menjaga 30 orang bakal pengundi dijangka dapat menentukan mereka mengundi BN. Ketua Wanita UMNO Pahang iaitu Rosni Zahari berkata mengenai strategi kempen tersebut yang berbeza dari yang sebelumnya. Katanya:

Kita tidak boleh beritahu apa senjata kita tapi kita bersedia dan hanya perlu memperbaiki sedikit lagi. Kita ada manual untuk sabotaj. Sekiranya pelan A tidak menjadi, kita ada pelan B. Orang yang sabotaj ini pentingkan diri sendiri.<sup>75</sup>

Sebagai contoh tentang persediaan Pergerakan Wanita UMNO ketika Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, Pahang yang diadakan pada 31 Mac 2002. Pergerakan Wanita UMNO menghantar jumlah ahli yang mencukupi untuk menjalankan kempen dari rumah ke rumah. Menurut Rafidah Aziz, beliau berkata:

---

<sup>74</sup> Kenyataan Shahrizat Abdul Jalil ketika menjawab isu Kamalia Ibrahim, Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia menjadi Calon BEBAS Parlimen Kuala Kangsar. Lihat *Utusan Malaysia*, 20 April 2013 yang bertajuk 'PRU-13: Kenyataan Penuh Reaksi Shahrizat Isu Kamalia Tanding Bebas'. Jalinan Rakyat merupakan kesinambungan daripada Konsep Ketua 10 (K10) yang dijenamakan semula dengan nama baru untuk memantapkan lagi jentera parti.

<sup>75</sup> Kenyataan Rosni Zahari kepada wartawan ABN News iaitu Izatun Hanim Shari yang disiarkan dalam <http://news.abnxc.com> pada 3 April 20013.

Secara dasarnya fungsi jentera wanita adalah mendapatkan maklum balas dan meneliti serta menganalisis maklum balas, selain memantau sikap pengundi. Dari segi isu, kita akan menerangkan isu bergantung kepada isu tempatan kerana isu di Indera Kayangan berbeza dengan Ketari, malah profail penduduknya juga berbeza, kerana jangkauan di Ketari lebih meluas. Pertamanya, kita akan memberi tumpuan kepada ahli UMNO sendiri dan kedua dalam kalangan orang Melayu. Adalah lebih berkesan kalau kita memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran yang mampu kita jangkau, di kawasan orang Melayu, khususnya pengundi Melayu. Wanita UMNO akan menjalankan kerja dalam konteks kerja keseluruhan yang disusun atur oleh bilik gerakan pusat. Kita juga akan membuka gerakan wanita UMNO khas untuk menyelaras kerja wanita daripada pelbagai tempat seluruh negara.<sup>76</sup>

Walaupun pelbagai strategi telah digunakan, namun tidak mampu menewaskan negeri Kelantan, Selangor dan juga Pulau Pinang dari tangan komponen Pakatan Rakyat. Begitu juga parti Pembangkang khususnya PKR dan PAS juga mempunyai jentera pilihan raya masing-masing. Namun kedua-dua parti ini sentiasa bekerjasama ketika menjalankan kempen pilihan raya tanpa mengira calon yang bertanding sama ada dari PAS, PKR dan juga DAP. Mereka akan bersama-sama meraih dan merayu undi bagi calon Pakatan Rakyat yang bertanding dalam pilihan raya. Secara kasarnya jentera pilihan raya dari pembangkang dilihat mempunyai kekurangan dan kelemahan berbanding pihak Barisan Nasional yang merupakan kerajaan di Malaysia. Gerak kerja sesebuah jentera parti sudah pasti memerlukan dana dan kewangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap parti masing-masing.

Sebagai contoh bagi Parti PAS pula, peranan Muslimat sebagai jentera parti cukup besar dalam membantu calon yang bertanding. Jentera Muslimat sentiasa bersedia menghadapi Pilihan Raya Umum dan juga Pilihan Raya Kecil dengan penuh

---

<sup>76</sup> Temuramah yang dijalankan oleh wartawan Berita Harian dengan Rafidah Aziz selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Wanita UMNO di Ibu pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra dan disiarkan dalam Berita Harian, 9 Mac 2002. Pilihan Raya Kecil Ketari diadakan berikutan kematian penyandang, Loke Koon Kam, (Datuk) pada 3 Mac 2002 akibat barah rahang. Komponen Barisan Nasional dari parti MCA mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, Pahang dengan majoriti undi lebih besar apabila calonnya, Yum Ah Ha menewaskan Choong Siew Onn dari DAP. Yum AH Ha menang dengan majoriti 2,204 undi. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pilihan\\_raya\\_kecil\\_Ketari\\_2002](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pilihan_raya_kecil_Ketari_2002) diakses pada 23 November 2015.

kesedaran dan tanggungjawab di samping melakukan pelbagai kerja untuk mendekati pengundi. Bagi mereka, tiada istilah gentar apabila SPR mengumumkan tarikh pilihan raya walaupun tempoh berkempen panjang atau pendek. Tempoh berkempen ketika pentadbiran Mahathir Mohamad bagi empat pilihan raya (1986, 1990, 1995 dan 1999) telah diadakan dalam tempoh sembilan atau sepuluh hari sahaja. Manakala tahun 2004 selama lapan hari saja. Menurut Naib Ketua Muslimat PAS pada ketika itu (sekarang mantan Ketua Dewan Muslimat PAS) Siti Zailah Mohd Yusof berkata:

Kak Lah mengharapkan semua muslimat dan jentera Halwa di seluruh negara membuat persiapan sungguh-sungguh dan mengambil iktibar daripada pengalaman lalu supaya kita tidak terjun di lubang yang sama.<sup>77</sup>

Dalam Pilihan Raya Kecil juga Muslimat PAS Pusat juga turut memperkemaskan jentera kempen sebagai contoh seperti Pilihan Raya Kecil Dun Sungai Limau. Dewan Muslimat PAS Pusat juga turut menyusun dan melaksanakan gelombang PRK Sungai Limau yang dilaksanakan oleh muslimat dari negeri-negeri yang turun membantu di setiap Unit Peti Undi (UPU). Sambutan yang diberikan amat menggalakkan oleh semua peringkat, gabungan jentera peringkat pusat, negeri, kawasan dan UPU telah memberikan keyakinan bagi PAS untuk mengekalkan kemenangan. Ketua Dewan Muslimat PAS juga berkata:

Kita telah susun strategi serta memperkemaskan jentera dan telah mengatur beberapa program terutama peringkat negeri dan Unit Peti Undi (UPU).<sup>78</sup>

Komitmen yang tinggi telah ditunjukkan oleh jentera muslimat PAS pada Pilihan Raya Kecil di DUN Sungai Limau walaupun calonnya adalah dari kalangan lelaki.<sup>79</sup> Mereka cukup komited menjalankan kempen bagi meraih undi di kalangan penduduk di kawasan

---

<sup>77</sup> Kenyataan Siti Zailah Mohd Yusof yang disiarkan dalam *harakahdaily.net* pada 1 November 2007.

<sup>78</sup> Kenyataan Ketua Dewan Muslimat PAS, YB Siti Zailah Mohd Yusof dan disiarkan dalam *Harakahdaily.net* pada 23 Oktober 2013.

<sup>79</sup> Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Sungai Limau N20, Kedah calon PAS, Mohd Azam Abd Samat menewaskan calon BN, Ahmad Sohaimi Lazim dengan majoriti 1, 084 undi. Beliau memperolehi 12,069 undi manakala Ahmad Sohaimi Lazim mendapat 10,985 undi. PRK ini berlangsung ekoran kematian Azizan Abdul Razak dari PAS di mana beliau memperolehi 13,294 undi pada Pilihan Raya Umum ke -13. Lihat *Utusan Malaysia*, 5 November 2013. Lihat juga *Sinar Harian*, 4 November 2013.

tersebut. Selain itu juga PRK di Kuala Besut telah berlaku perubahan calon di mana PAS telah meletakkan calon lelaki iaitu Endot@Azlan Yusof yang merupakan Bendahari PAS Besut. Menurut ketua Jentera Muslimat Hal Ehwal Wanita (HALWA) ) iaitu Safinah Jusof, muslimat tidak pernah berkecil hati soal pemilihan calon kerana ia adalah keputusan parti dan selaku sayap kiri dalam parti PAS muslimat sentiasa menerima segala keputusan bahkan muslimat sendiri telah mengerahkan jenteranya dari seluruh negara membantu kempen PRK di Kuala Besut. Ketua Jentera Muslimat Hal Ehwal Wanita (HALWA) Safinah Jusof berkata:

Kami (muslimat) akan turun 'padang' semaksima mungkin untuk membantu calon (PAS) yang bertanding pada PRK Kuala Besut ini. Sebab ini, bukan soal siapa calon tetapi soal perjuangan untuk kemenangan Islam. Jadi tidak timbul langsung kepada kami (muslimat) soal calon walaupun pada Pilihan Raya Umum (PRU) 5 Mei, calon muslimat bertanding iaitu Puan Napisah Ismail.<sup>80</sup>

Pendekatan yang dilakukan oleh PAS sudah semakin terbuka apabila PAS mendapat sokongan besar dalam PRU 2008 dari kalangan pengundi bukan Melayu. Sosial dan politik PAS semakin terbuka dan meluas dengan mengungkap ideologi politiknya dalam kaedah dan laras bahasa yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Sebagai contoh, isu negara Islam diteruskan dengan ideologi yang sama menerusi tawaran manifesto 'kerajaan yang beramanah, adil dan bersih; menuju negara berkeadilan'.<sup>81</sup> Selain itu juga, calon-calon yang diletakkan oleh parti PAS dan PKR juga terdiri dari golongan profesional sama ada di kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Pengundi wanita Melayu yang bijak pasti akan membuat penilaian dan akan mengundi mengikut apa yang difikirkan wajar. Kerjasama yang dilakukan antara Pakatan Pembangkang PKR dan PAS ketika menjalankan kempen-kempen pilihan raya membawa impak yang lebih besar.

---

<sup>80</sup> Kenyataan Ketua jentera Pilihan Raya Muslimat HALWA, Safinah Yusof kepada wartawan buletinonline dan disiarkan dalam *www.buletinonline.net* pada 11 Julai 2013.

<sup>81</sup> Haris Zalkapli (editor), *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, hlm. 25.

## **Cara Wanita Melayu Berkempen dan Cabaran Ketika Berkempen**

Wanita Melayu juga mempunyai cara dan teknik berkempen untuk memastikan rakyat akan mengundi calon yang berkaliber. Antara cara-cara yang digunakan oleh mereka ialah melalui media alternatif, penggunaan poster dan *Bunting* serta ceramah. Pilihan raya sangat sinonim dengan suasana perang poster, namun pengundi lebih cenderung untuk didekati secara kunjungan dari rumah ke rumah selain mendapatkan maklumat mengenai wakil rakyat atau parti yang bertanding menerusi televisyen, akhbar, internet dan radio. Teknik berkempen ini juga menunjukkan pola pilihan yang sama dalam kalangan pengundi lelaki dan wanita sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar. Bagi Barisan Nasional mereka mempunyai kelebihan apabila mampu menggunakan media seperti akhbar arus perdana serta penyiaran televisyen dan radio untuk berkempen bagi pihak BN. Kempen-kempen sebegini cukup berkesan kepada penduduk luar bandar yang setia kepada rancangan dan laporan disediakan media terbabit.<sup>82</sup> Manakala Pakatan Pembangkang agak ketinggalan kerana bergantung kepada media cetak keluaran sendiri seperti Harakah (PAS), Aliran (PRM), Roket (DAP) dan Suara Keadilan (PKR) serta akhbar-akhbar picisan yang lain. Kekuatan Pakatan Pembangkang juga bergantung kepada ceramah-ceramah umum dan aktiviti merayu undi ketika kempen pilihan raya dijalankan.<sup>83</sup>

Menurut Mohd Rizal, kempen Pilihan Raya Umum tahun 2008 semakin menyerlahkan sisi baru dalam arena politik tempatan. Kemunculannya juga mula dilihat pada Pilihan Raya Umum 1999 dan Pilihan Raya Umum 2004 lagi. Bermula Pilihan Raya Umum 1999, politik baru ini merupakan peralihan tumpuan dan kecenderungan pengundi kepada isu-isu yang diperjuangkan oleh parti secara keseluruhan. Berbanding

---

<sup>82</sup> Sekumpulan penganalisis politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah membentangkan hasil kajian mengenai Pilihan Raya Umum ke-12. Antara hipotesis yang ditemui adalah ceramah masih lagi menjadi amalan berkempen yang paling popular. Antara ahli panel ialah Rashila Ramli dan Mohd Rizal Yaakop.

<sup>83</sup> Muhammed Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman et al., "Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor", *Jurnal Kemanusiaan*, (2), 2003, hlm. 193.

politik lama yang menjurus kepada persoalan kerajaan, perundangan dan institusi rasmi pemerintah, pengundi dalam era politik baru kini lebih berminat kepada kempen yang menyentuh isu-isu seperti kesejagatan, etnik, keadilan dan ketelusan. Antara isu yang diberi perhatian oleh pengundi sepanjang kempen tersebut termasuklah isu berkaitan korupsi dan nepotisme, peluang menyuarakan pendapat dan isu berkenaan alam sekitar.<sup>84</sup>

Pada masa yang sama, peranan yang dimainkan oleh laman web melalui internet turut memeriahkan lagi kaedah kempen yang digunakan oleh pihak kerajaan dan juga pembangkang. Media alternatif seperti blog mula menarik minat pengguna bermula tahun 1998 dan semakin bercambah pada tahun 2008. Pengguna ternyata lebih mempercayai maklumat yang disiarkan menerusi laman web dan juga blog berbanding media arus perdana. Penyebaran maklumat menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) juga memainkan peranan yang penting untuk kempen-kempen PRU ke 10 hingga ke-12.<sup>85</sup> Keadaan ini turut diakui oleh Teh Boon Teck katanya:

Internet menyediakan ruang tanpa had yang memberi inspirasi kepada kreativiti dan mampu menarik perhatian generasi muda dan minat mereka untuk mengundi pada Pilihan Raya Umum.<sup>86</sup>

Menurut Zurina Hukma Muhammad yang merupakan salah seorang Ahli Jawatan Kuasa wanita PKR yang selalu mengikuti siri kempen seperti ceramah pilihan raya di sekitar Lumpur turut menyatakan mengenai kepentingan media alternatif seperti laman web dan blog. Katanya:

Sebenarnya saya tidak pernah keluar berkempen tetapi pernah mengikuti ceramah bersama suami dan pernah duduk di dalam khemah beberapa lama tempoh berkempen dibenarkan. Sebagai contoh dalam Pilihan Raya Umum ke-13 baru-baru ini. Selain itu juga media sosial PKR agak aktif seperti laman sesawang dan blog-

---

<sup>84</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008.

<sup>85</sup> Muhammad Hakimi Tew Abdullah, Abdul Latiff Ahmad dan Hasan Bahrom, 'Pengaruh Blog ke Arah Pencapaian Demokrasi di Malaysia', *Proceeding of the First Academic Symposium on Integrating Knowledge*, UIN, Makassar, 20-21 Jun 2014, hlm. 46-54.

<sup>86</sup> Kenyataan ini dinyatakan oleh Teh Boon Teck yang disiarkan dalam *Sinar Harian*, 1 Mei 2013. Beliau merupakan pensyarah kewartawanan dari Universiti Tunku Abdul Rahman Kampus Kampar.

blog. Bagi saya, kempen di media alternatif dan penggunaan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dilihat lebih berkesan berbanding dengan siri ceramah yang sememangnya diikuti oleh mereka yang begitu bersemangat. Kebanyakan warga kota yang begitu sibuk bekerja dengan suasana yang agak meletihkan seperti kesesakan jalan raya. Maka media alternatif adalah cara dan wadah yang paling berkesan dalam menjalankan kempen-kempen pilihan raya untuk meraih undi.<sup>87</sup>

Kenyataan Zurina ini disokong oleh Puan Nuridah Salleh dan Puan Maznah Ahmad yang bersetuju tentang peranan media alternatif ini memberi kesan kepada pengundi-pengundi yang tidak berminat untuk keluar mendengar ceramah-ceramah umum termasuk pengundi wanita.<sup>88</sup> Puan Nuridah sendiri pernah menjadi calon Pilihan Raya Umum di DUN kawasan Luit, Pahang. Bagi beliau, teknik promosi ini mampu menarik minta dan sokongan pengundi muda, belia dan penduduk bandar. Menurut Sassi, internet seperti juga media lain turut memainkan peranan yang penting dalam demokrasi yang akan ditentukan oleh orientasinya sama ada sebagai entiti awam atau swasta. Begitu juga Hayes dan Abbe berpendapat bahawa media boleh membantu calon pilihan raya mengetengahkan isu-isu tertentu untuk dijadikan agenda perbincangan dalam kempen pilihan raya dan jika pengundi bersetuju dengan isu tersebut ia akan mempengaruhi tingkah laku pengundinya. Seterusnya Keane turut menyuarakan bahawa internet berpotensi membentuk ruang awam mikro di mana ia boleh meningkatkan jaringan di peringkat global atau regional.<sup>89</sup> Sebagai contoh, para penyokong parti yang bertanding dapat memanfaatkan laman sosial dengan memuat naik status sokongan mereka kepada parti serta calon pilihan serta turut menyakinkan rakan-rakan serta

---

<sup>87</sup> Temubual dengan Zurina Hukma Muhammad menerusi aplikasi *What's Application (WhatsApp)* pada 10 Februari 2015. Beliau merupakan Ahli Jawatan Kuasa Serikandi Keadilan, Kuala Lumpur.

<sup>88</sup> Temubual dengan Puan Maznah Ahmad, Naib Ketua Wanita UMNO Cawangan Kepong, pada 14 Mei 2015 di Masjid al Azhar Kolej Universiti Islam Selangor, Persiaran Seri Putra 1, Bandar Seri Putra, Kajang Selangor dan Temubual dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>89</sup> Lihat Sassi.S, 'The Controversies of the Internet and The Revitalization of Local Political Life', dalam K.Hacker and J.Van Dijk (editor), 'Digital Democracy: Issues of Theory and Practice', *Sage Publications*, Thousand Oaks, 2000. Lihat juga Abbe, O., Goodliffe, J., Hernson, P., Peterson, K. 'Agenda Setting in Congressional Elections: The Impact of Issues and Campaigns on Voting Behaviour'. *Political Research Quarterly*. Jil. 56, No. 4, 2003, hlm . 419-430. lihat Juga Samsudin A.Rahim, "Media, Demokrasi Dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke -12", dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor.), *Jurnal Komunikasi*, Jil. 26, No.2 , 2010, hlm. 1-15.



penyokong mereka untuk mengundi parti tersebut. Secara umum penggunaan internet begitu meluas dalam berkempen untuk pilihan raya. Menurut Nasrudin Mohammed mengulas mengenai tempoh berkempen dalam Pilihan Raya Umum 2008 selama 13 hari berlangsung dalam keadaan yang agak panas dan agresif. Katanya:

Keadaan itu membayangkan seolah-olah parti yang bertanding berdepan dengan situasi atau corak sokongan yang sukar dijangka termasuk ketidakpastian sentimen di kalangan pengundi. Saya melihat ada perubahan yang besar dalam kempen pilihan raya kali ini di mana setiap saluran berkempen sama ada secara ceramah, rumah ke rumah, akhbar, televisyen dan radio digunakan sepenuhnya. Apa yang dapat saya jangkakan, trend baru dalam berkempen ini akan dapat disaksikan dengan lebih jelas dalam pilihan raya yang akan datang. Antara faktor yang dilihat mendorong kepada trend baru dalam berkempen itu adalah kehadiran muka baru dan calon muda yang lebih bersemangat untuk menonjolkan kelebihan masing-masing. Faktor lain termasuk pertandingan sengit di kerusi-kerusi panas yang menyaksikan seluruh jentera parti menumpukan kekuatan di kawasan tersebut dalam usaha memastikan kemenangan.<sup>90</sup>

Parti pembangkang juga lebih efektif dalam penggunaan internet di mana laman web, berita online, blog-blog peribadi dalam kalangan calon, terutama calon muda cukup popular untuk menyalurkan berita. Mereka juga turut memaparkan perbincangan mengenai isu-isu politik dan dasar kerajaan secara terbuka dan kritikal serta maklumat terkini di samping kempen-kempen untuk meraih undi dari pengundi yang melayari laman web dan blog tersebut. Sebagai contoh laman web yang cukup berpengaruh dalam kempen pilihan raya ialah *Malaysiakini.com*, *Malaysia Today* dan *Malaysia Insider*. Sebenarnya ia juga turut memberi imej yang negatif kepada parti pemerintah dan berkemungkinan terdapat perbincangan yang berbentuk fitnah. Namun begitu media alternatif ini banyak membantu pihak parti pembangkang yang sememangnya kurang mendapat perhatian dari media konvensional. Pengguna internet juga turut meningkat

---

<sup>90</sup> Temubual wartawan Utusan Malaysia dengan Penyelaras Siswazah Fakulti Sains dan Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nasrudin Mohammed dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008.

pada tahun 2008 iaitu hampir sebanyak 62.6 peratus bersamaan 17,358,266,2 di mana jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2008 ialah seramai 27,728,700 orang.<sup>91</sup> Selain itu juga penggunaan telefon pintar yang mudah digunakan untuk mengakses maklumat dan khidmat pesanan ringkas (SMS) dilihat cukup berkesan untuk penghantaran maklumat secara pantas.

Kepantasan rekaan baru teknologi maklumat dan komunikasi merupakan fenomena yang dikenali ramai bermula abad ke-20 lagi. Ia merupakan salah satu proses yang dikenali sebagai proses difusi.<sup>92</sup> Tranformasi kempen pilihan raya ini bukan lagi suatu yang janggal. Penguasaan dunia teknologi maklumat dalam kehidupan sedikit sebanyak mengubah corak pemikiran serta gaya hidup masyarakat masa kini. Selain daripada mudah untuk menyasarkan kumpulan tertentu, calon-calon yang bertanding juga boleh berinteraksi secara terus dengan individu mahupun rakyat tanpa sebarang halangan.<sup>93</sup> Penggunaan media alternatif tidak dinafikan cukup penting kerana lebih mudah, menjimatkan masa, tenaga dan juga wang. Justeru itu, wanita Melayu yang agak sukar untuk keluar mendengar ceramah-ceramah menggunakan peluang ini untuk mencari maklumat dengan jaminan keselamatan diri. Walau bagaimanapun, fenomena ini juga merupakan satu cabaran besar buat kerajaan dalam menangani serta mengawal maklumat yang bakal sampai kepada masyarakat. Berkemungkinan terdapat berita-berita yang disampaikan tersebut tidak sahih mahupun sengaja direka-reka oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu kredibiliti serta kesahihan maklumat yang disebarakan boleh dipertikaikan, etika penyebaran maklumat juga sukar untuk dipantau serta dikuatkuasakan berikutan dunia maya yang begitu luas dan pantas

---

<sup>91</sup> *Berita Harian*, 25 Oktober 2013. Lihat <http://aplikasi-ict.blogspot.com/2010/12/kajian-mengenai-penggunaan-internet-di.html> diakses pada 23 Mei 2014. Lihat juga Joseph M. Fernando, 'Urban 'Swing' dalam Pilihan Raya Umum ke - 12: Kajian Kes Negeri Selangor' dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman, et.al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 2011, hlm. 156. Lihat Harold Crouch, *Government and Society in Malaysia*, Cornell: Cornell University Press, 1996, hlm. 56-76.

<sup>92</sup> Menurut Rogers and Shoemaker difusi ialah suatu proses komunikasi yang istimewa dalam erti kata ia melibatkan penyebaran sesuatu yang baru atau inovasi baru di dalam sesuatu sistem sosial. Wacana awal tentang difusi boleh digalur dalam ilmu antropologi, sosiologi, pengajian politik, pemasaran dan komunikasi. Sila rujuk Fuziah Kartini Hassan Basri, "Proses Difusi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi", dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor.), *Jurnal Komunikasi*, Jil. 17, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm .21-4. Rujuk juga Rogers, E.M, *Diffusion of Innovations*, edisi 4, New York: Free Press, 1995 dan Rogers, E.M dan Shoemaker, F.F, *Communication of Innovations: A Cross-Cultural Approach*, edisi 2, New York: Free Press, 1971.

<sup>93</sup> *Utusan Malaysia*, 29 April 2013.

bergerak. Golongan muda masa kini lebih menggemari gajet pintar yang mana lebih mudah untuk mengakses media sosial sebagai teman pendamping. Kesemua maklumat yang negatif mahupun positif tersebar dan mempengaruhi corak pemikiran mereka kerana halangan ataupun tapisan sukar dilakukan berbanding kaedah konvensional.

Oleh sebab itu, calon wanita Melayu muda dan pemimpin wanita Melayu senior perlu memahami selok belok kempen cara baru di media alternatif menerusi internet ini agar dapat menarik dan meyakinkan ramai pengundi akan hasrat mereka sebagai calon. Malah interaksi antara calon muda dengan pengundi muda amat berkesan sekali di media alternatif walaupun calon yang senior masih kurang aktif dalam media baru ini.<sup>94</sup> Zuraida Mohd Nasir juga mengakui tentang kebijaksanaan perayu undi ketika kempen-kempen pilihan raya dijalankan.<sup>95</sup>

Untuk mengawal keadaan ini juga, kerajaan tetap memiliki cara untuk memantau fenomena tersebut agar kempen pilihan raya berjalan tanpa ada gejala-gejala yang tidak sihat. Antara penguatkuasaan yang diberikan tanggungjawab memantau laman-laman sosial adalah seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan *Cyber Security Malaysia*.<sup>96</sup> Keadaan dan kesan dari fenomena penggunaan media baru ini terhadap UMNO dalam Pilihan Raya Umum 2008 turut diakui oleh manantan Timbalan Perdana Menteri iaitu Najib Tun Abdul Razak. Katanya:

Contohnya yang paling mudah, jika diimbau Pilihan Raya Umum tahun 1999, pada peringkat awal munculnya pengaruh media baru, kita bersikap acuh tidak acuh pada perkembangan itu. Lima tahun kemudian, semasa Pilihan Raya Umum tahun 2004, kita masih mengambil mudah kebangkitan media alternatif. Kita telah alpa dengan mandat besar yang diberikan oleh rakyat hatta tidak bersiap siaga untuk menghadapi peperangan alam siber. Suka atau tidak, kita tidak boleh menjadikan hambatan media ini sebagai musuh. Generasi muda kepimpinan UMNO juga mesti menjadi pemuka kepada penggunaan teknologi sebagai senjata politik. Barulah kita boleh mengaku sebagai parti yang mewakili bisikan nurani

---

<sup>94</sup> *Berita Harian*, 30 Mac 2013.

<sup>95</sup> Temubual dengan Zuraida Mohd Nasir Ketua Puteri UMNO, cawangan Kg. S.C. DUN Inderapura, Pahang melalui emel anidanasir@yahoo.com pada 21 Julai 2017.

<sup>96</sup> *Ibid.*

sebenar rakyat terutamanya di kalangan generasi muda. Barulah kita boleh menang dalam persaingan idea dan pertarungan pengaruh di antara parti-parti politik.<sup>97</sup>

Bagi wanita PKR pula penggunaan internet melalui *youtube* turut memberi ruang dan peluang bagi mereka untuk menyebarkan maklumat dan sekaligus untuk berkempen. Platform *youtube* ini telah digunakan untuk menarik pengundi wanita dan juga merupakan salah satu kaedah kempen melalui media sosial untuk pilihan raya. Presiden Parti Keadilan Rakyat iaitu Wan Azizah Ismail berkata :

Sama seperti wanita di Malaysia. Surirumah mempunyai pelbagai tugas yang mencabar. Namun, kos sara hidup semakin meningkat. Pendapatan jadi tidak mencukupi. Keganasan terhadap wanita juga meningkat.<sup>98</sup>

Kenyataan Wan Azizah ini berdasarkan kempen yang dijalankan melalui penggunaan *youtube* untuk meraih undi yang menggunakan seorang wanita yang memainkan peranan sebagai seorang suri rumah. Selain itu juga, antara contoh pemasaran politik atau pengiklanan politik yang digunakan di Malaysia terutamanya Barisan Nasional ialah menggunakan iklan politik berbentuk iklan karikatur dalam kempen Pilihan Raya Umum 1986. Pada masa itu penggunaan iklan karikatur ini telah menarik perhatian pembaca semasa itu. Suhaimi Saahar @ Saabar dan Fuziah Kartini turut bersetuju dan menyokong kenyataan daripada Arfah yang memperkatakan bahawa Malaysia dianggap mencatatkan sejarah apabila buat pertama kalinya iklan politik digunakan secara meluas dalam kempen Pilihan Raya Umum 1999 berbanding Pilihan

---

<sup>97</sup> Najib Tun Abdul Razak telah mengeluarkan kenyataan ketika merasmikan serentak Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di PWTC pada 24 Mac 2009. Kenyataan ini disiarkan dalam *malaysiakini.com* pada 24 Mac 2009. Beliau turut mengakui media alternatif di internet telah menjadi sumber rujukan utama rakyat untuk mengetahui perkembangan politik semasa, terutama mengenai aktiviti pembangkang. Pada perhimpunan Umno iaitu pada 25 Mac 2009, enam media internet seperti *The Nut Graph*, *Malaysian Insider*, *Siasah* dan *Merdeka review* termasuk *Malaysiakini* telah gagal mendapat pas media dari UMNO untuk membuat liputan perhimpunan agung parti itu yang bermula pada 24 Mac 2009. Perhimpunan itu juga turut menyaksikan pemilihan sengit bagi jawatan-jawatan tertinggi parti. Tiada alasan rasmi diberikan mengapa parti itu enggan mengeluarkan kad media kepada pertubuhan berkenaan untuk membuat liputan perhimpunan agung selama lima hari itu.

<sup>98</sup> Kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden PKR Wan Azizah Ismail ketika melancarkan video yang memaparkan seorang ibu tunggal Melayu tinggal di flat di tengah bandaraya menjaga dua anaknya. dan dia juga menjaga anak perempuannya yang sedang membesarkan anak lelaki yang masih bersekolah dengan menjual kuih. Antara setiap babak, Turut dipaparkan beberapa kapsyen yang menunjukkan si ibu memegang tangan menunjukkan rasa kasih sayang dan mesej simbolik kepada segalanya, termasuk pendidikan yang bermula di rumah. Dihujung video itu kemudiannya tertera kapsyen, 'undilah untuk perubahan, undilah untuk masa depan yang lebih baik.' Video ini juga merupakan salah satu siri daripada beberapa kompilasi video klip yang menyentuh isu kos sara hidup yang dihasilkan Pakatan Rakyat. Lihat *themalaysianinsider.com* yang disiarkan pada 11 April 2013.

Raya Umum 1995 yang telah mula menunjukkan perkembangan iklan-iklan politik ini.<sup>99</sup>

Oleh sebab itu, landskap media telah mengalami perubahan dalam memaparkan iklan politik pada siri-siri pilihan raya selepas itu terutama dalam tempoh berkempen. Penggunaan cara berkempen menerusi iklan semakin hebat menjelang Pilihan Raya Umum yang seterusnya baru-baru ini. Parti-parti politik sama ada dari kerajaan mahupun pembangkang telah berusaha dan berlumba-lumba mengoptimumkan kuasa pengiklanan untuk menjayakan kempen memancing undi untuk parti masing-masing. Penyebaran mesej-mesej kempen juga tidak terhad pada akhbar dan papan iklan di jalanan, terdapat kempen-kempen yang disampaikan melalui persembahan lagu dan klip video, pesanan ringkas di radio yang diterajui artis popular. Menurut Mohd Adnan Hashim, beliau mengatakan:

Pada pengamatan saya, iklan telah banyak digunakan sebagai 'senjata' kempen kali ini. Iklan, khasnya yang sangat bagus memang tidak boleh dinafikan mempunyai kekuasaan yang tinggi sebagai ejen yang mampu mempengaruhi pendapat seseorang dalam membuat keputusan.<sup>100</sup>

Beliau juga bersetuju mengenai pengiklanan teknik lembut adalah lebih berkesan dalam menyampaikan mesej-mesej tertentu parti politik kepada pengundi berbanding pendekatan *hard sell*. Mohd Adnan Hashim juga mengatakan:

Mengambil contoh penggunaan lagu dan muzik, artis-artis yang menyokong sesebuah parti itu akan meluahkan sokongan mereka melalui saluran tersebut. Dan jika diamati, kalau melodi lagu tersebut sedap, ia akan berkumandang dalam fikiran kita, dan ini saya percaya sedikit sebanyak memberi kesan kepada individu tersebut.<sup>101</sup>

---

<sup>99</sup> Suhaimie Saahar @ Saabar dan Fuziah Kartini Hassan Basri, 'Strategi Kreatif Iklan Politik Barisan Nasional Pilihan Raya Umum Ke-12: Makna dan Ideologi' dalam Worrn Hj. Kabul et. al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 706. Sila rujuk M. Arfah Yusof, 'Iklan Politik dalam Pilihan Raya Umum ke -10 (1999): Satu Analisis Kandungan', dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor), *Jurnal Komunikasi*, Jil.17, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 1-19.

<sup>100</sup> Kenyataan ini dinyatakan oleh Mohd Adnan Hashim yang disiarkan dalam *Sinar Harian*, 1 Mei 2013. Beliau merupakan Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka pada ketika itu di mana bidang pengkhususan beliau dalam bidang komunikasi dan pengajian media.

<sup>101</sup> *Ibid.*

Manakala teknik yang lama juga masih digunakan iaitu menggunakan poster dan banting yang digantung pada tiang, pokok di tepi jalan raya. Teknik ini juga amat berkesan untuk memberikan satu suasana pesta kepada penduduk ketika berlangsungnya pilihan raya. Di Malaysia, parti-parti yang bertanding akan meletakkan poster calon, bendera parti dan kain rentang berwarna-warni. Kain rentang ini mempunyai slogan tertentu di sepanjang jalan raya serta di bangunan-bangunan yang strategik dan terpilih. Parti kerajaan iaitu Barisan Nasional sudah pasti akan menampal gambar calon dan gambar Perdana Menteri. Sebagai contoh pada Pilihan Raya Umum 2008, poster Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Tun Abdul Razak ditampal dengan menekankan pembangunan dan kestabilan ekonomi berterusan. Manakala parti pembangkang pula menggunakan poster dan kain rentang Anwar Ibrahim yang mengandungi slogan ‘A New dawn’ dan gambar calon di kawasan pilihan raya berkenaan. Parti PAS juga menggunakan strategi ini dengan menampalkan poster gambar presiden PAS iaitu Abdul Hadi Awang dan mantan Menteri Besar Kelantan iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat.<sup>102</sup>

Namun begitu, teknik ini juga dianggap suatu pembaziran serta mencemarkan pemandangan dan alam sekitar. Sebagai contoh di negara Eropah seperti Amerika Syarikat dan Britain tidak lagi menggunakan cara kempen sebegini. Pengedaran risalah ke kawasan perumahan, pejabat dan tempat awam merupakan satu cara kempen yang biasa digunakan oleh parti-parti yang bertanding. Risalah dan poster-poster mengandungi maklumat yang ringkas turut diedarkan. Teknik ini juga boleh memberi kesan yang cepat dan dapat mempengaruhi pengundi untuk mengundi sesebuah parti. Risalah setempat sering digunakan untuk memuji calon parti yang disokong dan mengkritik calon parti lawan. Seterusnya ibarat teknik jualan langsung dengan kempen

---

<sup>102</sup> Lihat Joseph M. Fernando, “Urban Swing dalam Pilihan Raya UMum ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor” dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman et.al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 144.

dari rumah ke rumah dan membuka meja penerangan di pasaraya serta tempat awam dilihat amat berkesan kerana ia membabitkan cara penerangan langsung kepada pengundi. Mereka juga boleh mengedarkan poster dan juga risalah ketika melakukan kempen. Di sini calon juga boleh ‘menjual’ diri mereka untuk dikenali pengundi dengan memberi ceramah dan penerangan secara langsung ketika risalah dan poster disebarkan.

Seterusnya kaedah komunikasi yang sangat popular dan masih meluas digunakan untuk menjangkau khalayak sasaran iaitu kempen menerusi ceramah dikhalayak ramai juga amat penting untuk memancing undi. Kaedah ini menjadi ukuran respon pengundi kepada populariti tokoh, parti politik yang diwakilinya dan isu yang disampaikan itu mampu memancing dan menarik perhatian pengundi. Mana-mana kempen pilihan raya yang diadakan di Malaysia termasuk Pilihan Raya Umum ke-12 menyaksikan perkara yang serupa. Ia bukan lagi menjadi suatu rahsia apabila kempen melalui ceramah-ceramah besar ini perlu dibantu untuk memastikan isu yang dibangkitkan benar-benar sampai kepada pengundi. Kerja keras perlu dilakukan oleh jentera parti untuk memancing undi lebih-lebih lagi kepada kaum wanita. Kebanyakan kaum wanita terutama wanita Melayu tidak semua gemar menghadiri ceramah hingga ke larut malam atau bersesak dengan kaum lelaki pada majlis sedemikian.

Berkenaan proses Pilihan Raya Umum 2008, teknik berceramah masih lagi menjadi amalan berkempen yang paling popular pada ketika itu. Menurut Rashila Ramli, kempen Pilihan Raya Umum sebenarnya bermula sejak 24 Mac 2004, iaitu sebaik-baik wakil rakyat memenangi kerusi yang ditandingi pada Pilihan Raya Umum ke-11. Dalam tempoh kira-kira empat tahun itu, kempen pilihan raya terbahagi kepada tiga peringkat iaitu fasa jangka panjang (3-5 tahun), fasa jangka sederhana (1-3 tahun) dan fasa jangka pendek (kurang setahun). Fasa jangka masa panjang adalah penilaian wakil rakyat dalam mengenal pasti keperluan kawasan dan pengundinya, seterusnya menetapkan sasaran kerja. Fasa jangka sederhana pula merupakan penilaian sasaran

kerja yang telah dilaksanakan manakala fasa ketiga pula adalah peringkat di mana strategi berkempen diisytiharkan secara terbuka. Tempoh berkempen untuk Pilihan Raya Umum 2008 ini adalah 13 hari.<sup>103</sup> Sebagaimana yang diperkatakan sebelum ini peranan kaum wanita amat diperlukan di mana undi mereka menjadi kiraan besar, sebagai penentu kalah menang calon bertanding. Justeru itu, setiap jentera parti yang ajak bertanding telah berusaha untuk menarik minat kaum wanita. Terdapat segelintir pengundi secara terang-terangan mengatakan mereka masih tidak yakin untuk mengundi siapa dan masih berada di atas pagar, mereka merujuk dan mendapatkan nasihat mereka secara peribadi melalui wanita.<sup>104</sup>

Teknik yang seterusnya digunakan oleh jentera pilihan raya ialah proses merayu undi oleh jentera parti-parti yang bertanding sama ada dari pihak kerajaan mahupun pembangkang. Kaedah ini digunakan bagi memastikan pengundi lebih mengenali dan mengetahui mengenai parti dan calon-calon yang bakal bertanding dalam pilihan raya. Proses merayu undi ini kebiasaannya dijalankan oleh jentera parti di kalangan wanita kerana kebiasaannya wanita berkemahiran untuk merayu undi. Mereka akan merayu undi dari rumah ke rumah. Bagi Pergerakan Wanita UMNO mereka sememangnya menyediakan jentera parti yang akan ditugaskan untuk melakukan aktiviti merayu undi ini. Antara gerak kerja mereka ialah dengan mengadakan Program Jalinan Rakyat dan juga Skwad Sayang serta Salam Sayang di mana program ini dijalankan dengan kerjasama badan bukan kerajaan serta mereka yang mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan masing masing. Sebagai contoh bagi program Jalinan Rakyat yang sebelum ini dikenali sebagai Ketua 10 atau kepala 10, seorang petugas wanita atau jentera wanita dikehendaki mendampingi 10 pengundi atau 10 buah rumah untuk mengetahui masalah

---

<sup>103</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008.

<sup>104</sup> *Utusan Malaysia*, 23 November 1999.



yang dihadapi oleh mereka. Di sini jentera wanita akan berusaha untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.<sup>105</sup>

Kumpulan perayu undi ini hendaklah memastikan kesemua pengundi di rumah tersebut mengundi BN. Namun begitu berlaku perubahan pada Pilihan Raya Umum yang ke-13, di mana seorang petugas Jalinan Rakyat dikehendaki menjaga lebih kurang 35 orang.<sup>106</sup> Menurut Shahrizat Abdul Jalil program-program yang dijalankan oleh Wanita UMNO itu, katanya :

Ini senjata kita bukan seperti pembangkang yang cakap atas angin. Saya percaya walaupun kita berdepan pelbagai cabaran, akhirnya, doa saya supaya rakyat Malaysia memilih kerajaan atau parti dengan waras, berhikmah serta berfikir panjang. saya yakin sentuhan kemanusiaan dan khidmat bakti selama ini mendekatkan wanita UMNO dengan semua lapisan masyarakat masih mempunyai kuasa. Pendekatan itu juga menjadikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mendapat sokongan serta kepercayaan rakyat.<sup>107</sup>

Bagi parti pembangkang pula mereka juga menjalankan kempen-kempen menerusi aktiviti berkunjung dari rumah ke rumah. Sebagai contoh PAS akan berkempen di rumah yang bertanda A (Atas Pagar) dalam borang culaan. Kebiasaannya mereka tidak akan berkempen di rumah penyokong BN kerana perbuatan tersebut hanyalah membuang masa. Keadaan akan menjadi lebih merbahaya jika kempen dijalankan di kubu kuat sesebuah parti politik. Namun begitu kumpulan perayu undi sudah pasti akan terus menjalankan kempen berkenaan dengan diawasi oleh beberapa petugas lelaki bagi tujuan mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Bagi Dewan Muslimat PAS Pusat (DMPP) sentiasa memastikan jentera pilihan raya Pakatan Rakyat khususnya muslimat dan wanita agar tidak leka dan terus bekerja dengan lonjakan berlipat kali ganda bagi memastikan kemenangan setiap kali Pilihan Raya Umum yang bakal berlangsung. Pada Pilihan Raya Umum ke-12 gerak kerja jentera

---

<sup>105</sup> *Berita Harian*, 23 November 2012.

<sup>106</sup> *Kosmo*, 19 April 2013.

<sup>107</sup> Temubual wartawan Berita Harian dengan Shahrizat Abdul Jalil yang disiarkan dalam *Berita Harian*, 23 November 2012.

pilihan raya Muslimat iaitu Hal Ehwal Wanita atau HALWA di seluruh negara telah menunjukkan peningkatan prestasi dan komitmen yang cukup tinggi. Setiausaha DMPP pada ketika, Aiman Athirah Al-Jundi telah membuktikan kenyataan beliau tentang kejayaan PAS dapat mengekalkan Kelantan. Menurut beliau pada ketika itu, katanya:

DMMP yakin dan percaya bahawa regim Barisan Nasional akan tumbang akhirnya dengan kerjasama yang erat dan ikhlas di kalangan semua parti-parti pembangkang dan badan-badan NGO yang mendokong hasrat bersama. Kami juga menyeru agar petugas-petugas jentera pilihan raya PAS khususnya HALWA memainkan peranan secara berkesan mendampingi dan menyampaikan maklumat serta penerangan berkaitan tawaran-tawaran PAS kepada para pengundi di seluruh negara. Hadapi mereka dengan tabah, sabar dan berani.<sup>108</sup>

Semasa menjalankan proses merayu undi dari rumah ke rumah tidak akan lari dari menghadapi cabaran dan halangan ketika berhadapan dengan tuan rumah. Petugas dari pihak kerajaan mahupun pembangkang sudah pasti akan berhadapan dengan situasi yang cukup getir dan menakutkan. Keadaan ini seringkali berlaku setiap kali proses merayu undi ketika musim pilihan raya termasuk PRU 1999 sehingga PRU 2008. Menurut salah seorang petugas Jalinan Rakyat dari Barisan Nasional iaitu Zainab berkenaan dengan halangan dan dugaan ketika merayu undi, beliau berkata:

Tidak dibenarkan masuk ke rumah pengundi merupakan pengalaman yang biasa ditempuh. Jika tidak dibenarkan masuk, kami akan beredar dari rumah tersebut.<sup>109</sup>

Namun, keadaan dan situasi yang melucukan dan menakutkan turut berlaku ketika merayu undi, menurut Jamiah Buang:

Tuan rumah yang saya kunjungi menganggap saya sebagai peminta sedekah lalu menghulurkan duit seringggit. Dia memberitahu itu sahaja wang yang dia ada untuk diberikan kepada saya.<sup>110</sup>

<sup>108</sup> Kenyataan Setiausaha DMPP, Aiman Athirah Al-Jundi kepada *Harakahdaily* 26 Februari 2014 pada ketika itudan disiarkan dalam *www.terangganukite.net* pada 27 Februari 2014. Beliau telah keluar dari PAS selepas pemilihan kepimpinan PAS pada tahun 2015 dan menyertai parti baru yang dikenali sebagai AMANAH.

<sup>109</sup> Temubual wartawan Nurul Izza Rosly dengan dengan perayu undi jalinan Rakyat (JR) Puan Zainab Dahalan yang berusia 63 tahun yang disiarkan dalam *Kosmo*, 19 April 2013.

<sup>110</sup> Temubual wartawan Nurul Izza Rosly dengan perayu undi jalinan Rakyat (JR) Puan Jamiah Buang, yang berusia 55 tahun yang disiarkan dalam *Kosmo*, 19 April 2013. Beliau bermastautin di Kampung Tasek Tambahan, Ampang lebih 30 tahun.

Tambah beliau lagi :

Dalam kalangan kami pernah dikejar dengan parang dan dikepung ketika masuk ke kawasan parti lawan. Ia tidak melunturkan semangat kami malah kami lebih bersemangat untuk meraih undi.<sup>111</sup>

Keadaan yang sama juga turut berlaku kepada salah seorang bekas mantan Ketua Penerangan PAS Selangor dan Timbalan Ketua PAS Ampang sekitar awal 90-an.

Katanya;

Saya aktif dalam pelbagai aktiviti dan kegiatan di bawah anjuran PAS. Saya juga pernah bertugas menjadi perayu undi merayu dari rumah ke rumah. Antara kawasan yang terlibat ialah di sekitar Ampang dan juga Cheras. Salah seorang penghuni sebuah rumah menerjah kami dengan parang dan juga kapak. Lantas melaungkan perkataan “PAS Ke neraka’ berulang kali dengan menunjukkan kapak kepada saya dan rakan-rakan aktivitis wanita yang lain. antara yang terlibat juga ialah mahasiswa universiti yang mengambil bahagian dalam kempen pilihan raya. Pada ketika itu saya terus membawa beberapa ayat-ayat suci al-Quran dengan harapan semua selamat dan terhindar dari malapetaka ketika melakukan kempen dari rumah ke rumah termasuk ketika peristiwa tersebut berlaku. Pelbagai peristiwa pahit dan juga manis. Namun konsep kerjasama dalam parti cukup bagus dalam melaksanakan semua kerja.”<sup>112</sup>

Seterusnya Rohayati Binti Mohd Hashim juga menjalankan kempen dari rumah ke rumah. Beliau turut mengakui turut menerima kata-kata kesat dari penghuni yang dikunjungi dan pernah disimbah dengan air oleh individu yang tidak menerima kehadiran mereka. Menurut beliau:

Berdasarkan maklumat senarai nama penduduk mereka akan menjalankan kempen dari rumah ke rumah. Namun begitu terdapat segelintir masyarakat tidak menerima kehadiran kami. Bila kehadiran mereka diterima sudah pasti mereka akan menunjukkan minat dan keprihatinan terhadap kempen yang dijalankan. Penerimaan dan

---

<sup>111</sup> Lihat *Kosmo*, 19 April 2013.

<sup>112</sup> Temubual dengan Hajjah Nik Faridah binti Haji Nik Mat pada 17 Mei 2014 di kediaman beliau di Taman Tasik Permai, Ampang. Beliau merupakan Mantan Ketua Penerangan PAS Selangor dan Timbalan Ketua Pas Ampang sekitar awal 90-an.

penolakan mereka akan menunjukkan kecenderungan terhadap parti yang menjadi pilihan. Apa yang penting ialah ketika menjalankan kempen kepada golongan di atas pagar. Mereka inilah yang penting dalam memberi undi. Di sini, para perayu undi perlu mengambil peluang menerangkan agenda parti yang bertanding kepada golongan ini.<sup>113</sup>

Menurut Buku Panduan Jentera Pilihan Raya yang diterbitkan oleh Biro Latihan dan Keahlian UMNO Malaysia tahun 2008, kajian sikap diletakkan di bawah salah satu portfolio penting jentera pilihan raya setiap kali Pilihan Raya Umum iaitu K10 (Kepala 10) atau Ketua Rumah 10. Sebagai contoh, kelazimannya tugas tersebut di bawah Pergerakan Wanita UMNO bahagian di dalam kawasan daerah mengundi tersebut. Buku panduan tersebut juga menggariskan di antara skop tugas utama K10 ialah mendapatkan maklumat berhubung sikap serta mirip pengundi. Setiap kumpulan perayu undi dikehendaki berkempen ke sepuluh rumah yang dikenal pasti sahaja. Gerak kerja membanji sikap pengundi ini dilakukan secara berterusan dan berkala sebelum penamaan calon, semasa berkempen dan pada hari mengundi. Di sini wanita diberikan peranan memandangkan sifat-sifat mesra kewanitaan, sifat keibuan, kelembutan, kematangan dan imej yang dihormati di mana pendekatan melalui sifat-sifat ini dikira dapat mempengaruhi pengundi untuk memangkah BN semasa hari pembuangan undi kelak.<sup>114</sup>

Selain itu, antara faktor lain juga ialah wanita dilihat sentiasa berada di rumah dan mereka boleh masuk sehingga ke dapur di samping berkeupayaan membaca *body language* dan umumnya sifat semula jadi wanita yang pandai merayu dan memujuk sebagaimana yang dinyatakan oleh perayu undi seperti Rohayati Binti Mohd Hashim

---

<sup>113</sup> Temubual dengan Puan Rohayati Binti Mohd Hashim di kediaman beliau, Au3 keramat pada 16 september 2014. Beliau merupakan mantan Ketua Unit Amal bahagian Gombak dan sebagai AJK Muslimat PAS Pusat. Pada Pilihan Raya Umum tahun 1990-an, beliau ditugaskan membawa beberapa individu untuk keluar merayu undi di mana setiap perayu undi perlu memberi perhatian kepada 10 individu yang terpilih untuk dibawa keluar mengundi pada hari mngundi. Mereka akan menyediakan kenderaan untuk ke tempat mengundi. Pernah satu ketika Puan Rohayati sendiri menolong warga tua yang uzur untuk memakai baju dan mendapat keizinan daripada penjaga untuk membawanya ke tempat mengundi.

<sup>114</sup> Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghafar, Che Hamdan Che Mohd Razali, et.al ‘ *Pilihan Raya Umum Ke – 12 Di Kuala Berang: Suatu Kajian Kes Politik Luar Bandar* ’ dalam Worrnan Hj. Kabul et. al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 636.

membuktikan keupayaan wanita ketika menjalankan aktiviti kempen tersebut. Data-data dan analisis bancian sikap pengundi ini adalah sulit dan terhad.<sup>115</sup> Ia di kawal dan ditutup rapi dengan kain kerana maklumat ini adalah ‘rahsia’ besar ditakuti jatuh ke tangan parti lawan. Ia akan diselak dan diberi taklimat kepada calon yang bertanding semasa calon berkenaan membuat lawatan kebilik-bilik gerakan. Calon akan tersenyum, lebar apabila melihat garisan graf putih lebih tinggi daripada graf hitam. Jika terdapat garisan kelabu lebih tinggi, perayu-perayu undi K10 diasak supaya ‘menggoda’ pengundi untuk menyokong agar garisan graf putih mencanak naik. Calon yang rajin akan membuat lawatan susulan pada pusingan kedua, ketiga dan seterusnya, apa pun bergantung sejauh mana kerajinan calon tersebut. Sejauh mana kejituan dan kejujuran data-data sikap pengundi ini diperolehi sentiasa boleh dicabar malah boleh mencetuskan perdebatan dan berakhir dengan suasana yang tidak harmoni. Jika nasib tidak baik ia akan berkesudahan dengan suasana tegang dan emosional sehingga mengakibatkan jawatankuasanya merajuk kerana merasakan penat lelah mereka tidak dihargai.

Secara umumnya, begitulah tugas-tugas kajian sikap pengundi yang dinyatakan di dalam buku panduan tersebut dan menjadi *standard operating procedure* setiap kali pilihan raya. Kedinamikan perkembangan maklumat mengakibatkan pendekatan dahulu mungkin berkesan dengan sekelip mata telah menjadi lapuk pada hari ini. Pendekatan kajian sikap seharusnya berjalan berterusan dan kajiannya harus mendalam. Parti pembangkang telah mengimport pendekatan-pendekatan liberisasi, hak kemanusiaan dan menanam berbagai-bagai persepsi untuk mencorak sikap pengundi. Mereka cuba mewujudkan *branding* atau penjenamaan terhadap BN dan UMNO. Pengundi diasak dengan persepsi UMNO adalah parti elitis, kerakusan kuasa dan penuh birokrasi. Contohnya pengikut-pengikut PAS telah diwayangkan dengan momokan takut kepada

---

<sup>115</sup> Temubual dengan Puan Rohayati Binti Mohd Hashim mantan Ketua Unit Amal PAS Bahagian Gombak dan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat sekitar 1990-an di kediaman beliau, AU3 keramat pada 16 september 2014.

UMNO melebihi takutnya kepada DAP. Khalid Abdul Samad turut mengakui parti itu juga banyak bergantung kepada DAP dalam usaha membantu memulihkan imej mereka daripada label ekstremis dan pelampau sebelum ini. PAS juga bersedia membantu DAP untuk memulihkan imej parti itu yang dilabelkan sebagai parti chauvinis bagi memastikan mereka sama-sama dapat memenangi pilihan raya.<sup>116</sup> Menurut Ketua Wanita Keadilan terdapat ugutan yang sering diterima pengundi wanita antaranya ialah suami mereka akan ditukarkan tempat bertugas, hilang pekerjaan dan pencen serta anak mereka tidak akan mendapat biasiswa bagi melanjutkan pelajaran. Zuraida Kamaruddin mengatakan:

Wanita di negara ini juga mudah diugut dan menyebabkan mereka nekad tidak memberikan sokongan kepada pembangkang. Ugutan itu pula datang dalam pelbagai bentuk. Adakah menjadi tanggungjawab kita menyediakan wanita yang lebih berkualiti untuk membimbing rakan lain menempuhi kehidupan. Hal ini berlaku terutama wanita Melayu berbanding kaum lain. sebab itu saya akan pastikan petugas pilihan raya kita akan mendekati mereka dan menjelaskan perkara ini.<sup>117</sup>

Seterusnya cara berkempen yang dijalankan oleh Fuziah Salleh dan Zuraida Kamaruddin dari Parti Keadilan Nasional mempertahankan kerusi Parlimen Kuantan pada Pilihan Raya Umum ke-12 ialah dengan meneruskan kempen menemui rakyat pelbagai kaum dan latar belakang.<sup>118</sup> Ceramah dan gerak kerja yang dilakukan oleh calon sendiri bertujuan menjelaskan pelbagai isu yang dibangkitkan dan menarik ramai masyarakat untuk memberi undi ketika pilihan raya berlangsung. Menurut Wan Azizah Wan Ismail, katanya:

---

<sup>116</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Disember 2011.

<sup>117</sup> Ucapan Ketua Wanita Keadilan Zuraida Kamaruddin dan disiarkan dalam *Sinar Harian* pada 9 Julai 2012.

<sup>118</sup> Fuziah Salleh melakukan *walkabout* sekitar Sungai Isap, menghadiri Projek Bubur Lambuk di Surau Isap, menyertai kenduri di Sungai Isap, menjalankan Majlis Ramah Mesra bersama PASTI dan KAFA di Pasti Mawaddah, mengadakan Majlis Perjumpaan Kesyukuran Rakyat pada 22 Mac 2008 dan pelbagai aktiviti yang dijalankan bagi meneruskan kempen-kempen Pilihan Raya Umum. Zuraida Kamaruddin telah melakukan kempen di sekitar lot Bukit Indah, melakukan lawatan Balai Polisi Bukit Indah, Balai Bomba, Trafik Ampang dan lawatan Balai Polis Ampang. Beliau juga memberi ceramah di pentas wanita merdeka Villah dan di Flat Jalan 4M dan kawasan sekitar Flat Permai Court dan di sekitar Hulu Kelang [http://fuziahsalleh.my/?page\\_id=596](http://fuziahsalleh.my/?page_id=596) diakses 4 Julai 2017, *Sinar Harian*, 21 Mac 2008, Lihat juga *keadilandaily.com*, 27 April 2013.

Banyak cabaran yang dilalui ketika menjalankan kempen tersebut memandangkan saya kurang pengalaman dalam politik kerana latar belakang saya sebelum itu ialah seorang doktor. Namun, kejayaan saya di Permatang Pauh telah menunjukkan rakyat memandang keikhlasan saya untuk dalam perjuangan menentang kezaliman. Saya sendiri keluar menjalankan kempen-kempen pilihan raya untuk membuktikan kejujuran dan keikhlasan saya dalam perjuangan menuntut keadilan.<sup>119</sup>

Cabaran yang dihadapi ketika menjalankan kempen-kempen pilihan raya juga turut diakui oleh Norsham Abu Samah. Katanya:

Saya berkecimpung dalam PKR bermula pemecatan Anwar Ibrahim dan meneruskan pelbagai aktiviti termasuk kempen-kempen pilihan raya. Saya sendiri menjalankan kempen-kempen pilihan raya bersama Wan Azizah ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dan menghadapi pelbagai cabaran-cabaran ketika kempen pilihan raya dijalankan sama ada cabaran dari pihak pengundi dan parti-parti lawan.<sup>120</sup>

Apa yang penting dalam sesebuah kempen politik yang menggunakan pelbagai kaedah dan teknik parti masing-masing, namun perancangan yang teliti, teratur dan sistematik perlu dilakukan dengan menggunakan komponen komunikasi secara sistematik, kreatif, teratur dan beretika untuk membantu objektif kempen yang telah ditetapkan oleh mana-mana parti yang akan bertanding dalam pilihan raya. Proses merancang ini membabitkan langkah-langkah yang perlu diikuti oleh para perancang kempen. Langkah-langkah itu adalah membuat penilaian formatif, membentuk objektif kempen, mengolah mesej, memilih media atau saluran serta penjadualan.<sup>121</sup> Namun begitu, dalam keghairahan calon-calon dan penyokong mana-mana parti yang berkempen bagi tujuan meraih undi, etika dan adab-adab berkempen dijaga dan dipelihara bagi tujuan

---

<sup>119</sup> Temubual dengan Wan Azizah Wan Ismail dalam satu program Tahlil di kediaman beliau, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Presiden Parti Keadilan Rakyat dan Ahli Parlimen Permatang Pauh (1999, 2004, 2008, 2015) dan ADUN Kajang (2014).

<sup>120</sup> Temubual dengan Norsham Abu Samah satu program Tahlil di kediaman Anwar Ibrahim dan Wan Azizah Wan Ismail, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Naib Ketua Wanita Keadilan (2014-2017).

<sup>121</sup> Sila rujuk Arfah Yusof, 'Merancang Kempen Komunikasi Berasaskan Penilaian Formatif' dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor), *Jurnal Komunikasi*, Jil. 17, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002, hlm. 45.

mengelakkan kemarahan dan, hinaan dan sentimen kebencian dan perkauman kepada pihak lawan.

Ketika kempen dijalankan sudah pasti isu-isu yang berlaku sebelum pilihan raya berlangsung digunakan bagi meraih undi-undi bagi parti-parti yang bertanding. Jentera Pilihan raya parti yang bertanding memainkan peranan yang penting untuk menggunakan isu-isu yang boleh dijadikan senjata untuk melawan pihak lawan dengan pelbagai strategi kempen termasuk bijak menganalisis isu-isu termasuk yang rumit seperti isu pembangunan, pendidikan, pengangguran dan isu besar yang lain. Isu pemecatan Anwar Ibrahim pada tahun 1998 turut memberi kesan kepada kempen-kempen pihak kerajaan mahupun pembangkang dalam beberapa pilihan raya. Kempen-kempen yang dijalankan sudah pasti menggunakan isu-isu yang mendatangkan kebaikan dan kepentingan kepada rakyat yang bakal mengundi dalam pilihan raya.

### **Kesimpulan**

Secara ringkasnya undi wanita merupakan salah faktor kejatuhan dan kemenangan sesebuah parti dalam proses pilihan raya di Malaysia. Jumlah pengundi wanita semakin meningkat berbanding lelaki berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh SPR. Selepas tahun 1999, trend perubahan dan gelombang pengundi termasuk golongan wanita agak mengejutkan kerana peningkatan jumlah sokongan kepada pembangkang dan berterusan sehingga Pilihan Raya Umum pada 8 Mac 2008.

Walau bagaimanapun, secara umumnya pengundi Melayu sama ada wanita atau lelaki boleh dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama adalah para penyokong kuat sesebuah parti politik. identifikasi parti mereka telah menyebabkan kesetiaan kepada parti tersebut cukup mantap sehingga untuk bertukar kepada parti lawan adalah amat mustahil sekali. Manakala kumpulan kedua pula adalah *undecided voters*. Pengundi dalam kumpulan ini sentiasa peka dengan perkembangan politik semasa dan



undi mereka juga adalah berdasarkan penilaian mereka terhadap isu dan prestasi sesebuah parti politik. Mereka tidak mempunyai identifikasi parti yang setara dan parti yang diundi adalah sentiasa berubah-ubah di mana keadaan mereka tertakluk kepada isu dan prestasi dalam menentukan siapa pilihan yang dipilih semasa proses pengundian berlangsung. Kumpulan pengundi ketiga adalah mereka yang tidak mempunyai parti identifikasi tetapi mempunyai kecenderungan untuk menyokong sesebuah parti politik. Sebenarnya golongan ini memberikan peranan yang cukup penting dalam menentukan kemenangan sesebuah parti politik, lantas mereka sentiasa menjadi buruan perayu-perayu undi. Keadaan ini telah menyebabkan mereka akan dilimpahi dengan pelbagai hadiah pilihan raya dari parti-parti politik yang bertanding.

Seterusnya pengundi wanita Melayu pula mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Secara umum ciri-ciri pengundi wanita termasuk wanita Melayu dilihat agak sangat lemah lembut. Mereka juga sangat berhati-hati membuat keputusan. Selain itu identifikasi parti mereka kepada parti yang tinggi. Selain itu tahap kesetiaan yang ditunjukkan oleh mereka juga tinggi. Pengundi wanita juga kebanyakannya sangat susah beralih kepada parti lain. Oleh sebab itu gerak kerja yang dilakukan oleh parti-parti yang bertanding untuk meraih undi pengundi wanita ini memerlukan usaha yang kuat. Segmen pengundi wanita Melayu boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu pengundi wanita luar bandar, wanita kelas menengah dan wanita muda. Seterusnya bagi pengundi wanita kelas menengah (*middle class*) mereka amat berdikari, mempunyai kerjaya yang tersendiri, terdedah dengan media baru seperti penggunaan laman sosial. Selain itu mereka tidak terikat dengan pilihan suami dan sangat peka dengan isu-isu wanita seperti kesaksamaan gender dan isu keselamatan wanita. Manakala bagi pengundi wanita Melayu muda pula mereka sebenarnya kurang berminat dengan politik, namun amat mudah mengikut pilihan suami jika sudah berkahwin. Walaupun mereka juga sangat terdedah dengan media baru, namun mereka hanya lebih tertumpu kepada kegiatan

sosial. Pengundi wanita Melayu muda juga akan kurang agresif berbanding dengan pengundi lelaki muda yang sentiasa bersemangat mengenai isu-isu terkini dalam masyarakat terutama yang berkaitan dengan politik. Kuasa wanita sebagai pengundi semakin disegani kerana mereka membuat keputusan berdasarkan maklumat. Keupayaan kuasa wanita sebagai pemilih mampu mengubah kepimpinan negara. Dorongan amalan demokrasi, hak asasi sebagai seorang wanita Melayu yang beragama Islam dan pendidikan yang baik telah memberi ruang yang terbaik bagi mererka untuk meluahkan sebarang bantahan dan sokongan menerusi medan pilihan raya. Jika mereka berpendapat keadaan dan suasana tidak adil untuk wanita, mereka akan menunjukkan bantahan itu melalui peti undi. Berdasarkan jumlah pengundi wanita yang melebihi lelaki membuktikan kemampuan tersebut boleh berlaku. Namun, terdapat batasan yang dalam budaya masyarakat Melayu yang mengekang wanita menjadi calon pilihan raya. Kekangan budaya ini dibuktikan dengan jumlah calon Parlimen yang berjaya dalam tempoh dibincangkan hanya antara 10.3 hingga 10.8 peratus sahaja walaupun jumlah tersebut meningkat berbanding sebelum tempoh 1995. Namun, terdapat perubahan kesedaran pemikiran dalam kalangan wanita Melayu berdasarkan peningkatan wanita dalam pendidikan tertinggi di Malaysia begitu membanggakan dan mampu menyaingi lelaki. Keadaan ini menunjukkan wanita Melayu bukan seperti masa lampau yang mana dilihat hanya sebagai kaum ibu sahaja tetapi kini wanita Melayu mampu menjadi penggerak transformasi negara.

## **BAB 6 : PENGLIBATAN WANITA MELAYU SEBAGAI WAKIL RAKYAT DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)**

### **Pengenalan**

Wanita Melayu telah diberi peluang menjadi calon yang bertanding di Dewan Undangan Negeri di Malaysia bermula pada Pilihan Raya Umum 1959 sehingga sekarang. Justeru itu selepas tahun 1999 keadaan menunjukkan perkembangan yang begitu membanggakan apabila ramai calon wanita telah mengambil peluang untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum.

Bab enam ini membincangkan mengenai wakil rakyat wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam parti UMNO, PAS dan PKR. Tumpuan kajian ini berdasarkan tiga pilihan raya umum iaitu pilihan raya umum 1999, 2004 dan 2008. Sepanjang tempoh 1999-2008 ini, pencapaian wanita dapat dilihat menerusi jumlah undi yang diperolehi. Kajian ini juga dapat memperlihatkan perbandingan pencapaian wanita Melayu antara tiga parti politik dari UMNO, PAS dan PKR di Malaysia.

### **Wanita Sebagai Wakil Rakyat DUN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana dua daripada tiga komponen penting yang mendukung institusi parlimennya, iaitu Yang di-Pertuan Agong dan Dewan Negara melibatkan ahli-ahli yang dilantik ke jawatan mereka tanpa melalui proses pemilihan. Dalam konteks ini, apa yang berlaku di Malaysia merujuk secara khusus kepada institusi Yang di-Pertuan Agong yang lebih demokratik berbanding di United Kingdom. Di United Kingdom, institusi Raja tidak didedahkan kepada sistem penggiliran sebagaimana yang berlaku kepada Majlis Raja-raja di Malaysia.

Demokrasi merupakan satu konsep yang cukup bererti untuk sesebuah negara yang mendaulatkan kebebasan individu dalam menentukan kepimpinan negara. Di sini

juga politik dan pentadbiran kerajaan berkait rapat di antara satu sama lain. Di dalam kerajaan, ahli-ahli pentadbiran dilantik daripada orang-orang yang mempunyai kebolehan dan kelulusan tertentu bagi menjalankan dasar-dasar kerajaan yang digariskan oleh ahli-ahli politik yang memerintah. Keadaan menunjukkan betapa politik itu terletak di atas sekali dalam sebuah hieraki negara apabila menggubal sesuatu dasar.<sup>1</sup> Di Malaysia pilihan raya merupakan saluran rasmi dan sah di sisi undang-undang bagi semua rakyat Malaysia yang cukup syarat-syaratnya membuang undi bagi menentukan atau memilih pemimpin atau wakil mereka di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.<sup>2</sup> Berdasarkan undang-undang dan peraturan yang digariskan dalam pilihan raya Malaysia. Kesemua rakyat sama ada lelaki dan perempuan boleh menjadi calon wakil rakyat berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.<sup>3</sup> Penerimaan undang-undang ini dalam kalangan semua parti di Malaysia telah memberi ruang kepada wanita untuk menjadi pemimpin dan seterusnya membawa suara wanita kepada pentadbiran tertinggi negara menerusi wakil rakyat yang terpilih. Namun begitu, setiap komponen parti di negara kita mempunyai perlembagaan tersendiri yang dikhususkan kepada kaum wanita sebagai sayap kiri parti masing-masing. Dalam perlembagaan itu menyentuh tentang cara pemilihan sebagai ketua wanita masing-masing. Tiada dasar-dasar khas yang menyebut tentang jumlah

---

<sup>1</sup> Orang-orang yang menggubalkan dasar-dasar dalam kerajaan adalah dari mereka yang terpilih semasa proses pilihan raya dan parti yang menang itu akan membentuk sebuah kerajaan. Dalam konteks negara Malaysia yang mengamalkan demokrasi berparlimen, maka fungsi politik dan ahli-ahli politik bertukar menjadi Ahli Parlimen, Wakil Rakyat, Ahli Majlis Kerja Negeri, Menteri Besar, Menteri-menteri Pusat dan Perdana Menteri itulah yang sebenarnya memerintah negara ini dengan polisi-polisi yang digubal oleh mereka. Lihat Ahmad Atory Hussain, *Politik Dan Dasar Awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1990, hlm. 102-103. Lihat juga *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, 1994, hlm. 6-7.

<sup>2</sup> Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif, 'Islam, Demokrasi dan Pilihan Raya Di Malaysia' dalam Mohd Izani Mohd Zain (editor), *Demokrasi dan Dunia Islam, Perspektif Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 49-50.

<sup>3</sup> Dalam sistem pilihan raya di Malaysia, calon yang bertanding boleh mewakili sesuatu parti atau bertanding sebagai calon bebas. Seseorang itu layak menjadi calon dalam mana-mana pilihan raya jika memenuhi syarat berikut:

- i) Merupakan warganegara Malaysia.
- ii) Berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada hari penamaan calon.
- iii) Tinggal di negeri di mana dia bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan di mana-mana negeri dalam Malaysia bagi kerusi Parlimen.
- iv) Tidak hilang kelayakan. Seseorang calon hilang kelayakan jika dia;
  - a) Telah didapati atau diisytiharkan tidak siuman atau
  - b) Didapati seorang bankrap atau
  - c) Memegang jawatan berkepentingan 'office of profit' atau
  - d) Gagal mengemukakan laporan perbelanjaan pilihan raya; atau
  - e) telah didapati bersalah oleh Mahkamah di Malaysia dan dijatuhi hukuman penjara untuk tempoh tidak kurang dari 1 tahun atau denda tidak kurang dari RM2000 dan belum mendapat pengampunan atau
  - f) telah memperolehi kewarganegaraan asing.

Lihat Nazaruddin Hj. Mohd Jali dan Ma'rof Redzuan et al., *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, 2003, hlm. 136.

yang tertentu wanita yang terbabit sebagai wakil suara wanita dalam masyarakat kecuali Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) telah meminda perlembagaan mereka pada tahun 2008. Pimpinan parti berkenaan telah memperuntukkan 30 peratus kedudukan dalam parti untuk golongan wanita di setiap peringkat cabang, negeri dan pusat. Bagi parti-parti lain, Dasar Wanita Negara<sup>4</sup> telah dijadikan asas kepada kuota sebanyak 30 peratus wanita sebagai wakil rakyat dalam kerajaan sebagaimana yang dipersetujui dalam mesyuarat ke lima Menteri yang menjaga Hal Ehwal Wanita Negara-negara Komanwel November 1996 di Trinidad Tobago. Mereka memutuskan menjelang tahun 2005 Negara-negara Komanwel hendaklah mencapai 30 peratus penyertaan wanita dalam bidang membuat keputusan.<sup>5</sup>

Namun begitu, menurut Zaleha Ismail maksud utama perjuangan politik ialah untuk mencorakkan kepimpinan negara sesuai dengan cita-cita luhur bangsa. Pemimpin wanita pastinya dapat lebih memahami hasrat dan kepentingan kaum wanita sendiri. Wanita sememangnya bergiat cergas dalam menjalankan kempen-kempen dan juga ceramah menerusi agenda yang dijalankan untuk memberi kesedaran kepada golongan wanita. Secara tidak langsung, kaum wanita akan lebih terdedah dengan isu-isu dan keadaan politik semasa. Semangat cintakan tanah air dapat disatukan menerusi ceramah-ceramah yang dijalankan.

Seterusnya barisan pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat juga mempunyai dasar yang khusus<sup>6</sup> mengenai pembabitan wanita dalam politik. Manakala

---

<sup>4</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai dasar wanita sila rujuk *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2009 dan *Dasar-dasar Pembangunan Malaysian*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, 1994.

<sup>5</sup> Zaleha binti Ismail, *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 2002, hlm. 42-43.

<sup>6</sup> Menurut Dasar Pakatan Rakyat pada bahagian tiga iaitu berkaitan dengan Keadilan Sosial dan Pembangunan Insan menyentuh beberapa perkara mengenai wanita iaitu:

a) Wanita Dan Institusi Keluarga

Pakatan Rakyat meyakini bahawa dasar-dasar yang mencerminkan penghormatan, pengiktirafan dan pemahaman terhadap status dan potensi wanita dapat menjamin kesejahteraan masa hadapan negara. Hakikat ini kerana wanita mewakili separuh dari penduduk negara, justeru penyertaan mereka dalam proses pembangunan negara tidak boleh diabaikan. Pakatan Rakyat akan:

- i. Menggubal akta bagi memastikan golongan wanita mendapat layanan dan yang adil dalam segala bidang.
- ii. Memberi penekanan ke arah meningkatkan Kadar Guna Tenaga bagi Wanita kepada tahap 60 peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang berbanding 46 peratus sepanjang tempoh 20 tahun yang lalu.
- iii. Memperuntukkan 30 peratus perwakilan wanita dalam semua barisan pimpinan politik dan kerajaan.

proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia juga telah memberi peluang kepada kaum wanita untuk menjadi wakil rakyat sama ada di DUN dan Parlimen. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terpilih dalam Pilihan Raya Umum akan menganggotai Dewan Undangan Negeri sekaligus membentuk kerajaan negeri. Di samping itu Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri bagi sesebuah negeri akan melantik seorang Menteri Besar/ Ketua Menteri bagi kerajaan negeri yang dipilih dari kalangan mereka yang dipercayai boleh mendapat sokongan dari anggota-anggota Dewan Undangan Negeri. Perlantikan seseorang calon sebagai Ahli DUN atau Pemimpin dibuat melalui satu upacara yang formal bagi memelihara kemurnian amalan demokrasi di negara ini. Ini bermaksud sebelum layak dipanggil Yang Berhormat (YB), setiap seorang daripada mereka dikehendaki mengangkat sumpah taat setia kepada Malaysia dan Perlembagaan terlebih dahulu. Bagi Dewan Undangan Negeri, upacara angkat sumpah ini harus dilakukan di hadapan Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri.

Bagi tempoh seseorang calon menjadi ahli DUN adalah sehingga Dewan Undangan Negeri dibubarkan oleh Raja/Sultan atau Yang Dipertua Negeri. Bagi tempoh seseorang calon menjadi ahli DUN adalah sehingga Dewan Undangan Negeri dibubarkan oleh Raja/Sultan atau yang Dipertua Negeri. Namun seseorang calon boleh hilang kelayakan sebagai Yang Berhormat sekiranya disabitkan kesalahan yang disebutkan. Selain itu, seseorang ahli DUN boleh juga secara sukarela berundur dengan menulis surat rasmi kepada Yang Dipertua. Sebagai wakil rakyat,<sup>7</sup> beliau boleh dilucutkan jawatannya sekiranya tidak hadir dalam setiap mesyuarat selama enam

- 
- iv. Menangani segala bentuk keganasan terhadap wanita dan anak-anak dengan hukuman yang lebih berat dijatuhkan ke atas pesalah serta memastikan keberkesanan pusat krisis di setiap hospital dan balai polis.
  - v. Memastikan kewujudan sistem sokongan dan bantuan seperti pusat jagaan kanak-kanak dan sebagainya untuk ibu yang bekerja di pejabat kerajaan dan sektor swasta.
  - vi. Memberikan bantuan untuk meringankan beban keluarga ibu tunggal yang miskin dan memerlukan.
  - vii. Mengambil kira perspektif gender dalam merangka belanjawan dan dasar-dasar negara.
  - viii. Memperkenalkan program kepekaan jantina ke dalam kurikulum sekolah.
  - ix. Mengiktiraf peranan suri rumah di dalam pengukuhan institusi keluarga dan sumbangannya kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Sila rujuk Dasar Pakatan Rakyat, diterbitkan pada 19 Disember 2009 ditandatangani oleh Anwar Ibrahim, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Lim Kit Siang, Ketua Ahli Parlimen *Democratic Action Party* (DAP), Haji Abdul Hadi Awang, Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada 8 September 2008.

<sup>7</sup> Untuk keterangan lebih lanjut mengenai wakil rakyat sila rujuk Malike Brahim, Mohd. Fo'ad Sakdan, Musliza Mohamad, 'Peranan Wakil Rakyat dalam Parti Politik: Isu dan Cabaran', *Jebat: Malaysian Journal of History Politics & Strategy*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jil. 40, No. 4, (Julai 2013), hlm. 92-93.

bulan dengan tidak mendapat izin Dewan berkenaan. Penentu yang paling penting bagi seseorang itu menjadi calon Pemimpin ialah nama beliau dipersetujui oleh pucuk pimpinan parti untuk bertanding di sesuatu kawasan.

Sebenarnya peranan ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen sebagai penggubal undang-undang dan membawa masalah rakyat untuk dikemukakan kepada kabinet.<sup>8</sup> Umumnya terdapat tiga fungsi utama para wakil rakyat. Pertama, sebagai mekanisme penyampai pendapat dan kehendak rakyat; Kedua, sebagai Pembuat atau Penggubal Undang-undang (Legislatif)<sup>9</sup> dan Ketiga, sebagai mekanisme semak dan imbang ke atas kuasa-kuasa Eksekutif terutama Jemaah Menteri.<sup>10</sup> Namun begitu, seorang pemimpin atau wakil rakyat umumnya difahami oleh rakyat tertumpu mengenai peranan dalam aspek khidmat sosial iaitu khidmat mereka dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan bertanggungjawab menyelesaikan pelbagai permasalahan masyarakat. Program dan aktiviti kebajikan yang dijalankan akan membawa imej yang baik kepada wakil rakyat dan calon serta parti yang akan bertanding dalam PRU.

Pada Pilihan Raya Umum 1999, Barisan Nasional berjaya memperolehi 281 kerusi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia, PAS mendapat 99 kerusi, KEADILAN mendapat 4 kerusi dan DAP mendapat 11 kerusi kesemuanya berjumlah 394 kerusi.<sup>11</sup> Pada PRU 1999 penyertaan wanita Melayu agak menurun berbanding 1995 iaitu 22 orang. Pada Pilihan Raya Umum 2004 telah menyaksikan 1,121 calon bertanding untuk merebut 505 buah kerusi Dewan Undangan Negeri. Mereka ini merupakan calon-calon bagi lapan buah parti politik termasuk 86 orang calon Bebas. Walaupun begitu, hanya calon-calon dari tiga parti politik dan seorang calon Bebas sahaja, iaitu dari Barisan Nasional (BN), Parti Islam SeMalaysia (PAS), *Democratic*

---

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Lihat <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian-dr-shamrahayu/9180-peranan-wakil-rakyat> diakses pada 9 Disember 2015. Rujuk Nazaruddin Hj.Mohd Jali dan Ma'rof Redzuan et al., *Pengajian Malaysia Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, Selangor: Prentice Hall, 2003 dan Nazarudin Mohd Jali dan Ismail M.Rashid et al., *Kenegaraan Malaysia 1, Sejarah Awal dan Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

<sup>10</sup> <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian-dr-shamrahayu/9180-peranan-wakil-rakyat> diakses pada 9 Disember 2015.

<sup>11</sup> *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 1225.

*Action Party* (DAP) dan seorang calon Bebas yang berjaya memenangi kerusi yang dipertandingkan. Barisan Nasional telah berjaya memenangi 453 kerusi, PAS 36 kerusi, DAP 15 kerusi manakala Parti Keadilan Rakyat dan BEBAS tidak memenangi sebarang kerusi Dewan Undangan pada PRU 2004.<sup>12</sup>

Manakala pada PRU 2008 yang diadakan pada 8 Mac 2008, terdapat 505 kerusi DUN di mana 80 kerusi DUN ditandingi oleh wanita termasuk dua orang calon yang bertanding serentak bagi kerusi Parlimen. Calon-calon tersebut mewakili parti-parti utama iaitu UMNO, *Malaysian Chinese Association* (MCA), *Malaysian Indian Congress* (MIC), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBS), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau (KEADILAN).<sup>13</sup>

### **Wakil Rakyat Wanita UMNO, 1999-2008**

Pada Pilihan Raya Umum ke-10 iaitu pada 29 November 1999, UMNO telah mengalami kemerosotan apabila hanya berjaya memenangi 175 kerusi berbanding 231 kerusi pada tahun 1995.<sup>14</sup> Namun begitu, wakil rakyat wanita daripada Barisan Nasional iaitu UMNO telah berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia seramai 18 orang. Pada Pilihan Raya ini PAS tidak meletakkan calon wanita untuk bertanding manakala Wanita KEADILAN tidak memperolehi sebarang kerusi Dewan Undangan Negeri. Apa yang jelas pada tahun ini wanita UMNO masih lagi dipercayai oleh masyarakat setempat untuk menjadi wakil mereka seterusnya membawa suara wanita dalam Dewan Undangan Negeri. Berikut merupakan jadual

---

<sup>12</sup> <http://putrawangsa.com/keputusan-pilihanraya-umum-2004-dun/> diakses pada 19 November 2015. Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita Dalam Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando, et al., *Pilihanraya Umum Malaysia Ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 186-187. Lihat *malaysiakini.com*, 9 April 2013.

<sup>13</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando, et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, hlm. 186-187. Lihat *malaysiakini.com*, 9 April 2013.

<sup>14</sup> Thock Ker Pong, *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 225.



Ahli Dewan Undangan Negeri yang berjaya menjadi wakil rakyat antara tahun 1999 hingga 2008.

Jadual 6:1 Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO 1999

Calon dan parti	Kawasan Parlimen dan DUN	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Azihani Binti Ali (BN) mengalahkan Mohammad Faisal bin Abd. Rahman (PAS)	P002/N007 Dun Sena, Perlis	7, 490 (80.91)	3, 211	544 (9.14 %)	53.94 %
2. Barishah @ Habshah Binti Saad (BN) mengalahkan Abu Kasim Bin L. Abdullah (PAS)	P006/N005 Dun Tunjang, Kedah	18, 082 (79.02 %)	10, 734	4, 627 (26.30 %)	61.02 %
3. Rosnah Binti Abd. Majid (BN) mengalahkan Mohd. Yusof Bin Omar (PAS)	P014/N026 Dun Tanjong Dawai, Kedah	15, 141 (75.28 %)	8, 285	1, 881 (12.80 %)	56.36 %
4. Marlia Bt Abd. Latiff (BN) mengalahkan Abdul Talib Bin Yaacob (PAS)	P017/N033 Dun Merbau Pulas, Kedah	15, 915 (73.40 %)	9, 718	4, 031 (26.14 %)	63.02 %
5. Jahara Binti Hamid (BN) mengalahkan Mohd Ghazali bin Ibrahim (PKN)	P042/N006 Dun Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang	9, 990 (73.43 %)	5, 525	1, 293 (13.25 %)	56.62 %
6. Mazidah Binti Zakaria (BN) mengalahkan Yahya Ariff Bin Kamaruzzaman (PAS)	P060/N021 Dun Hulu Kinta, Perak	22, 223 (75.83 %)	12, 174	4, 717 (21.87 %)	56.44

Jadual 6:1 sambungan

7. Ainon Khariyah Binti Mohd Abas (BN) mengalahkan Mustafa Bin Shaari (PAS)	P070/N043 Dun Kampong Gajah, Perak	14, 996 (68.09 %)	7, 725	1, 043 (7.22 %)	53.44
8. Rosni Binti Zahari (BN ) mengalahkan Manaf Bin Othman (PAS)	P081/N022 Dun Hulu Jempul, Pahang	8, 259 (75.85 %)	4, 770	1, 245 (14.97 %)	57.34 %
9. Maznah Binti Mazlan (BN) mengalahkan Abd Kadir bin Raman Sharif (PKN)	P085/N37 Dun Muadzam Shah, Pahang	8, 444 (78.77 %)	5, 200	2, 306 (28.43 %)	64.12 %
10. Ramlah Bt Abas (BN) mengalahkan Zulkefly Bin Othman (PKN)	P124/N022 DUN Rim, Melaka	6, 146 (77.54 %)	3, 980	1, 966 (32.77 %)	66.34 %
11. Jamilah Binti Othman (BN) mengalahkan Sheikh Ibrahim Bin Salleh (PAS)	P132/N015 DUN Bukit Naning, Johor	17, 228 (77.34 %)	10, 455 (63.16 %)	4, 446 (26.86 %)	63.16
12. Halimah Binti Mohd Sadique (BN) mengalahkan Hj. Salleh Bin Farmin (PAS)	P136/N024 DUN Gunung Lambak, Johor	25, 283 (79.43 %)	19, 348	14, 368 (58.39 %)	78.63 %
13. Asiah Binti Md Ariff (BN) mengalahkan Haji Abdullah @ Abd Jalil Bin Shahadan (PAS)	P139/N029 DUN Sedili, Johor	21, 567 (77.30 %)	17, 481	14,174 (68.12 %)	84.02
14. Mesrah Binti Selamat mengalahkan Ustaz Hj. Abd Muhaimin Bin Hj. Mohd Shahr (PAS)	P089/N012, DUN Jeram, Selangor	11, 919 (76.37 %)	7, 225	2, 951 (25.60 %)	62.67

Jadual 6:1 sambungan

15. Jadual 6:1 sambungan Norkhaila Binti Jamaluddin (BN) mengalahkan Supian bin Md Nordin (PAS)	P095/N028, DUN Taman Medan, Selangor	23, 768 (70.95%)	13, 258	3, 123 (13.35 %)	56.66
16. Norhayati Binti Omar (BN) mengalahkan Nordin bin Ismail (PKN)	P116/N016 DUN, Pilah, Negeri Sembilan	7, 419 (69.54%)	3, 758	312 (4.30 %)	51.85
17. Jamaliah @ Jamilah Binti Endan (BN) mengalahkan Rosdantaha Bin Abd. Rahman (PKN)	P144/N040, DUN Kukup, Johor	21, 414 (73.78%)	16, 660	12, 701 (61.55 %)	80.74
1. Sarinum Sadikum (BN) mengalahkan Yusop Judin (PBS), Abdul Sulaiman Omar (BERSEKUTU) dan Johari Mohd Dun (SETIA)	N23, DUN Lumadan, Sabah	8,285 (77.94 %)	4,878	2,362 (26.76%)	56.46%

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14.

Berdasarkan jadual di atas wanita UMNO berjaya menjadi wakil rakyat Dewan Undangan Negeri seramai 18 orang di negeri Perlis satu ADUN, di Kedah tiga ADUN, di Pulau Pinang satu adun, di Perak dua ADUN, di Pahang dua ADUN, di Melaka satu ADUN, di Johor empat ADUN, di Selangor dua ADUN dan di Negeri Sembilan satu ADUN. Pencapaian mereka juga agak memberangsangkan dengan peratusan undi yang diperolehi antara 53 peratus sehingga 84 peratus. Pada Pilihan Raya Umum ke-10 ini, calon yang paling rendah peratus kemenangan ialah Azihani Binti Ali (BN) yang mengalahkan Mohammad Faisol bin Abd. Rahman (PAS), dari kawasan Parlimen dan

DUN P002/N007 Dun Sena, Perlis. Beliau telah memperolehi undi sebanyak 3,211 iaitu 53.94 peratus dengan majoriti sebanyak 544 undi. Peratusan pengundi yang keluar mengundi seramai 7,490 orang iaitu 80.91 peratus. Manakala calon yang memperolehi jumlah yang tertinggi pada Pilihan Raya Umum ke-10 ini ialah Asiah Binti Md Ariff (BN) mengalahkan Haji Abdullah @ Abd Jalil Bin Shahadan (PAS) dari P139/N029 DUN Sedili, Johor. Beliau memperolehi 17,481 undi dengan peratusan kemenangan berjumlah 84.02 peratus. Pengundi keluar mengundi pula ialah seramai 21, 567 orang iaitu 77.30 peratus dengan majoriti kemenangan berjumlah 14,174 undi iaitu 68.12 peratus. Pada kali ini, dua calon wanita UMNO di Selangor iaitu Mesrah Selamat di kawasan Jeram (N12) dan Norkhaila Jamaluddin di kawasan Taman Medan (N28) berjaya mengalahkan calon-calon dari PAS. Calon wanita UMNO yang kalah pula ialah Kelthum Mohamed yang bertanding di kawasan Mengkebang (N39), di Kelantan. Beliau hanya memperolehi 4,754 undi dan ditewaskan oleh calon PAS iaitu Ibrahim Mahmood dengan majoriti 1,703 undi. Calon UMNO yang kalah di Kedah pula ialah Siti Meriam Salleh yang bertanding di kawasan Belantek (N22) dengan mendapat 6,031 undi, beliau kalah di tangan calon dari PAS iaitu Mohd Isa Shafie yang memperolehi undi 6,556.<sup>15</sup> Namun begitu, terdapat calon yang tidak dicalonkan pada Pilihan Raya Umum kali ini ialah Fatimah Ismail, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kedah pada ketika itu. Beliau memenangi kerusi DUN Sungai Tiang pada PRU 1995. Bagi Fatimah, penggugurannya kali ini, tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjasa kepada parti dan tidak meluntur keyakinan bahawa BN dan calon-calon wanitanya mencatatkan kemenangan. Menurut Fatimah, katanya:

Apabila nama saya tidak diumumkan sebagai calon bagi penggal ketiga, pembangkang fikir saya kecewa dan ada yang cuba mempengaruhi saya supaya menyokong mereka tetapi mereka silap kerana saya tetap setia dengan UMNO.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999, Anzagain Sdn. Bhd., 2004.

<sup>16</sup> Lihat temubual wartawan Bernama bersama Fatimah Ismail dan disiarkan dalam *Bernama*, 25 November 1999.

Secara ringkas mengenai keputusan calon UMNO yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia pada Pilihan Raya Umum 1999 bermula di negeri Perlis, Azihani Binti Ali (BN) yang bertanding di kawasan N7 DUN Sena telah mendapat 3,211 undi dan majoriti 544 serta mengalahkan Mohammad Faisal bin Abd. Rahman (PAS) yang memperolehi 2,667 undi. Di negeri Kedah, Barishah @ Habshah Binti Saad (BN) bertanding di N5 DUN Tunjang berjaya dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 10,734 undi dan majoriti 4627 serta mengalahkan Abu Kasim Bin Abdullah (PAS) yang mendapat 6,107 undi. Rosnah Binti Abd. Majid (BN) yang bertanding di kawasan N26 DUN Tanjong Dawai, Kedah berjaya memperolehi 8,285 undi dan majoriti mengalahkan Mohd. Yusof Bin Omar (PAS) yang mendapat 1,881 undi. Seterusnya Marlia Bt Abd. Latiff (BN) berjaya memperolehi kerusi N33 DUN Merbau Pulas, Kedah dengan jumlah undi 9,718 undi dan majoriti 4.031 undi serta mengalahkan Abdul Talib Bin Yaacob (PAS) yang mendapat 5,687 undi. Jahara Binti Hamid (BN), mendapat 5,252 undi dan majoriti 1,293 undi serta menewaskan Mohd Ghazali bin Ibrahim Parti Keadilan Nasional (PKN) yang memperolehi 4,232 undi di kawasan N6 DUN Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang. Mazidah Binti Zakaria (BN), berjaya memperolehi 12,174 dan majority 4,717 undi. Beliau mengalahkan Yahya Ariff Bin Kamaruzzaman (PAS) yang mendapat 7,457 undi di kawasan N21 DUN Hulu Kinta, Perak. Ainon Khariyah Binti Mohd Abas (BN) menang dengan jumlah undi yang diperolehi 7,725 dan majoriti 1,043 undi. Beliau juga dapat mengalahkan Mustafa Bin Shaari (PAS) di kawasan N43 DUN Kampong Gajah, Perak yang mendapat 6,682 undi.<sup>17</sup>

Di kawasan N37 DUN Muadzam Shah, Pahang, Rosni Binti Zahari (BN ) berjaya dengan jumlah undi sebanyak 4,770 undi dan majoriti yang diperolehi sebanyak 1,245 undi serta mengalahkan Manaf Bin Othman (PAS) yang memperolehi

---

<sup>17</sup> Lihat Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 1056.

3,252 undi. Manakala di Melaka, Ramlah Bt Abas (BN) bertanding di kawasan N22 DUN Rim, menang dengan jumlah undi yang diperolehi 3,980 dan majoriti 1,966 undi serta menewaskan Zulkefly Bin Othman Parti Keadilan Nasional (PKN) yang mendapat 2,014 undi. di Johor pula, calon BN, Jamilah Binti Othman telah memenangi kerusi N015 DUN Bukit Naning dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 10,455 dan majoriti 4,446 undi serta berjaya mengalahkan Dr. Sheikh Ibrahim Bin Salleh (PAS) yang mendapat 6,009 undi. Calon BN, Halimah Binti Mohd Sadique (BN) telah bertanding di N24 DUN Gunung Lambak, Johor. Beliau menang dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 19,348 dan majoriti yang agak besar sebanyak 14,368 undi serta mengalahkan Hj. Salleh Bin Farmin (PAS), yang memperolehi 4,980 undi.<sup>18</sup>

Di kawasan N029 DUN Sedili, Johor, Asiah Binti Md Ariff (BN) telah mendapat 17,481 undi dan majoriti 14,174 undi serta mengalahkan Haji Abdullah @ Abd Jalil Bin Shahadan (PAS) yang memperolehi 3,307 undi. Di kawasan N40, DUN Kukup, Johor Jamaliah @ Jamilah Binti Endan (BN), telah mendapat 16,680 undi dan majoriti yang besar sebanyak 12,736 serta mengalahkan Rosdan Taha Bin Abd. Rahman (PKN) yang hanya mendapat 3,944 undi. Di Selangor pula, Mesrah Binti Selamat yang bertanding di N12, DUN Jeram, Selangor telah memperolehi 7,225 undi dan majoriti 2,951 undi mengalahkan Ustaz Hj. Abd Muhaimin Bin Mohamad Shahr (PAS) yang mendapat undi sebanyak 4,274. Di Kawasan N28, DUN Taman Medan, Selangor, calon BN, Norkhaila Binti Jamaluddin telah menang dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak, 13,258 dan majoriti 3,123 undi. Beliau telah berjaya mengalahkan Sufian bin Md Nordin (PAS) yang memperolehi 10,135 undi. Seterusnya di Negeri Sembilan pula Norhayati Binti Omar (BN), telah bertanding di kawasan N16 DUN, Pilah, Negeri Sembilan telah berjaya mendapat 3,758 undi dan majoriti kecil 312 undi. Beliau juga turut mengalahkan Nordin bin Ismail Parti Keadilan Nasional (PKN)

---

<sup>18</sup> Lihat *Utusan Malaysia*, 1 Mac 1999, *Utusan Malaysia*, 26 November 1999. Lihat Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, hlm. 1056.

yang memperolehi 3,446 undi. Manakala pada Pilihan Raya Umum 1999 di Sabah pada 12 dan 13 Mac 1999, Ketua Wanita UMNO Sepitang, Sarinum binti Sadikun yang bertanding di kawasan Lumadan (N23), telah berjaya mendapat 4,678 undi dan majoriti 2,362 undi. Beliau mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Yusop Judin yang mendapat undi sebanyak 2,316, Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (BERSEKUTU), Abdul Sulaiman Omar yang memperolehi 847 undi dan Parti Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (SETIA), Jahari @ Jahari Mohd Dun dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 312 sahaja.<sup>19</sup> Secara keseluruhan pencapaian wanita UMNO pada 1999, Asiah Binti Md Ariff, memperolehi jumlah tertinggi peratus kemenangan dengan memperolehi 80.74 peratus di kawasan N029 DUN Sedili, Johor, berbanding calon UMNO yang lain. Manakala peratus kemenangan yang paling rendah telah diperolehi oleh Norhayati Binti Omar di kawasan P116/N016 DUN, Pilah, Negeri Sembilan sebanyak 51.85 peratus.

Jadual 6:2 Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO 2004

Calon dan parti	Kawasan Parlimen dan DUN	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Azihani Binti Ali (BN) mengalahkan Ahmad Adnan Bin Fadzil (PAS)	P002/ N007 Dun Sena, Perlis	6, 496 (81.41 %)	4, 001	1, 584 (24.66 %)	62.28 %
2. Khalidah Adibah Binti Ayob (BN) mengalahkan Mat Nanyan Bin Saad (PAS)	P006/N005 Dun Bukit Kayu Hitam, Kedah	20, 333 (86 %)	12, 945	6,972 (34.97)	64.93

<sup>19</sup> Ibid.

Jadual 6:2 Sambungan

3. Suraya Binti Yaacob (BN) mengalahkan Ab Muthalib Bin Awang (PAS)	P011/ N019 Dun Sungai Tiang, Kedah	24, 926 (86.24 %)	13, 948	4, 250 (17.93)	58.85
4. Jahara Binti Hamid (BN) mengalahkan Johari Bin Kassim (KEADILAN)	P042/N006 Dun Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang	10, 583 (78.51 %)	7, 181	3, 984 (38.39 %)	69.19%
5. Siti Faridah Binti Arshad (BN) mengalahkan Abdul Aziz Bin Ismail (PAS)	P053/N040 Dun Telok Bahang, Pulau Pinang	8, 391 (77.76 %)	5, 797	3, 375 (41.06 %)	70.53 %
6. Siti Salmah Binti Mat Jusak (BN) mengalahkan Mohammad Yassin Bin	P061/N019 Dun Chenderoh, Perak	8, 889 (72.49 %)	5, 761	2, 826 (32.42 %)	66.09
7. Mazidah Bt Zakaria (BN) mengalahkan Zulkurnain Bin Ibrahim (PAS)	P063/N04 Dun Hulu Kinta, Perak	20,787 (73.42 %)	14, 104	8, 261 (41.41 %)	70.71 %
8. Hamidah Binti Osman (BN) mengalahkan Roslan Bin Shahrarum (PAS) dan Balakrishnan S/O Rengasamy (BEBAS)	P071/N043 Dun Sungai Rapat, Perak	18, 500 (71.81 %)	11, 574	6,048 (33.21 %)	63.56 %
9. Rosni Binti Zahari (BN) mengalahkan Ahmad Nizam Bin Hamid (KEADILAN)	P086/N025 Dun Kuala Sentul, Pahang	8, 137 (77.25 %)	5, 463	3,000 (37.67)	68.60 %
10. Maznah binti Mazlan (BN) mengalahkan Long Bin Jidin (KEADILAN)	P091/N041 Dun Muadzam Shah, Pahang	9, 300 (79.82 %)	6, 114	3, 231 (35.85 %)	67.84 %



Jadual 6:2 Sambungan

11. Seripah Noli Binti Syed Hussin (BN) mengalahkan Mastura Binti Hj Muhamad (PAS)	P104/N032 Dun Seri Setia, Selangor	23, 384 (68.95%)	16, 911	11, 141 (48.54 %)	73.68 %
12. Norliza Binti Ahmad (BN) mengalahkan Halimah Ali (PAS)	P0109/N045, Dun Selat Klang, Selangor	19, 447 (71.68 %)	12, 593	6, 085 (31.85 %)	65.07 %
13. Norhayati binti Omar (BN) mengalahkan Asmaon Bin Basir (KEADILAN)	P129/N018 Dun Pilah, Negeri Sembilan	7, 455 (70.79 %)	4, 714	2, 185 (30.00 %)	64.73 %
14. Bibi Sharliza Binti Mohd Khalid (BN) mengalahkan Rosli Bin Yaakop (PAS)	P131/N025 Dun Paroi, Negeri Sembilan	11, 250 (75.70 %)	7, 524	4, 107 (37.33 %)	68.39 %
15. Ramlah Binti Abas (BN) mengalahkan Mohd Aris Bin Omar (PAS)	P139/N025 Dun Rim, Melaka	7, 032 (75.74 %)	5, 405	3, 950 (57.54 %)	78.73 %
16. Robia Binti Kosai (BN) mengalahkan Malik Bin Mohamed Diah (PAS)	P146/N016 Dun Sungai Balang, Johor	13, 593 (72.83 %)	9, 701	6, 205 (46.95 %)	73.40 %
17. Halimah Binti Sadique (BN) mengalahkan Sanip Bin Ithnin (PAS)	P155/N035 Dun Pasir Raja, Johor	12, 203 (75.63 %)	10, 402	8, 965 (75.32 %)	87.40 %
18. Asiah Binti Md Ariff (BN) mengalahkan Monaim Bin Hassan (PAS)	P156/N037 Dun Johor Lama, Johor	11, 258 (74.10 %)	10, 039	9, 051 (81.79 %)	90.72 %
19. Jamaliah '@ Jamaliah Binti Endam (BN) mengalahkan Ahmad Sani Bin Kemat (PAS)	P165/N056 Dun Kukup, Johor	13, 626 (75.83 %)	11, 544	9, 941 (75.61 %)	87

Jadual 6:2 Sambungan

20. Jainab Datuk Ahmad (BN) mengalahkan Datin Saidatul Badru Tun Said (Keadilan)	N12 DUN Karambunai, Sabah	10,495 (62.64 %)	6,360	2,526	60.6 %
21. Datuk Surinam Sadikun (BN) Mengalahkan Dogit Muda (SETIA)	N27 DUN Lumadan, Sabah	7,676 70.53%	4,269	999	55.62 %

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.

Berdasarkan jadual di atas, wanita UMNO berjaya menjadi wakil rakyat Dewan Undangan Negeri seramai 21 orang iaitu di negeri Perlis satu ADUN, di Kedah dua ADUN di mana pada kali ini Kedah tidak dapat mengekalkan tiga kerusi sebelum ini, di Pulau Pinang pula dua adun berjaya mendapat kerusi di mana bertambah satu kerusi berbanding tahun 1999. Mereka ialah Jahara Hamid di Telok Ayer Tawar (N6) dan Siti Faridah Arshad di Telok Bahang (N40), di Perak<sup>20</sup> tiga ADUN di mana bertambah lagi satu kerusi berbanding tahun 1999. Mereka yang berjaya ialah Siti Salmah Binti Mat Jusak di Chenderoh atau Lenggong (N19), Mazidah Bt Zakaria Hulu Kinta (N24) dan Hamidah Binti Osman di Sungai Rapat (N43). Manakala di Pahang dua ADUN yang berjaya iaitu sama pada Pilihan Raya Umum ke-10 namun kawasan sahaja yang berbeza di mana di kawasan calon wanita UMNO Jempol telah berjaya menjadi wakil rakyat pula. Mereka ialah Rosni Zahari di Hulu Jempol (N22) dan Maznah Mazlan di

<sup>20</sup> Antara calon yang berjaya di Perak ialah Mazidah Zakaria. Beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur sehingga tahun 1985 sebelum dilantik menjadi Senator Dewan Negara Malaysia dari 15 Februari 1986 sehingga Oktober 1990. Selain bidang pendidikan dan politik, beliau juga terlibat dalam bidang perniagaan dan pernah memegang jawatan sebagai Pengarah *Urban Development Authority* (UDA) dan Pengerusi Sungai Wang Plaza Sdn. Bhd. Beliau terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Perak bagi kawasan Sungai Rokam pada Oktober 1990 di bawah tiket Barisan Nasional. Kemudiannya beliau terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Perak bagi kawasan Ulu Kinta pada April 1995 dan kekal memenangi kerusi bagi kawasan tersebut pada Pilihan Raya Umum tahun 1999 dan 2004. Namun begitu, beliau tidak mahu bertanding semula pada Pilihan Raya Umum 2008. Mungkin disebabkan penarikan beliau telah menyebabkan kekalahan calon UMNO di kawasan tersebut pada tahun 2008. Beliau telah dilantik menjadi Exco Kerajaan Negeri Perak pada Oktober 1990. Beliau juga aktif dalam Pertubuhan Wanita Islam Malaysia (PERTIWI) sejak awal penubuhan lagi. Lihat *Utusan Malaysia*, 28 Januari 2008 dan lihat juga <http://www.arkib.gov.my/web/guest/datuk-mazidah-zakaria> diakses pada 26 Mei 2015.

Muadzam Shah (N37). Manakala di Melaka satu ADUN iaitu tempat yang sama pada tahun 1999, di Johor empat ADUN, di Selangor dua ADUN tetapi berbeza kawasan yang berjaya pada Pilihan Raya Umum tahun 1999 yang lalu dan di Negeri Sembilan dua ADUN iaitu penambahan satu kerusi lagi pada pilihan raya kali ini.

Namun begitu, pada Pilihan Raya Umum kali ini terdapat penambahan jumlah kerusi sebanyak dua kerusi berbanding PRU ke-10 di mana calon wanita UMNO berjaya mendapat 17 kerusi. Pada tahun ini UMNO telah meletakkan dua calon dan berjaya memperolehi kerusi tersebut iaitu Seripah Noli Syed Husin Seri Setia (N32) dan Norliza Ahmad di Selat Kelang (N45). Mereka berjaya menewaskan dua calon wanita dari PAS di kedua-dua kawasan tersebut. Namun begitu, Di Perlis pula, calon UMNO Mastika Junaidah pula gagal di tangan PAS iaitu Hashim Bin Hj Jasin yang berjaya mendapat 3,221 undi di kawasan Sanglang. Mastika Junaidah memperolehi undi sebanyak 3,176. Di Kelantan pula berlaku kekalahan pada PRU 2004 apabila Siti Jeliha @ Zaleha Hussin yang bertanding di Salor (N17) mendapat undi 5,508. Manakala di Kemahang (N28) pula calon wanita UMNO mengalami kekalahan ialah Shuhaimi Deraman dengan mendapat 3,345 undi. Beliau tewas di tangan calon PAS iaitu Major (B) Md Anizam Ab Rahman yang mendapat majoriti 765 undi.<sup>21</sup>

Secara ringkas mengenai keputusan calon UMNO yang berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia pada PRU 2004 pula ialah di Perlis. Azihani Binti Ali (BN) bertanding di kawasan N7 DUN Sena, Perlis berjaya mendapat 4,001 undi dan majoriti 1,584 undi serta mengalahkan Ahmad Adnan Bin Fadzil (PAS) yang mendapat 2,417 undi. Di Kedah pula, Khalidah Adibah Binti Ayob (BN), telah memperolehi 12,945 undi dan majoriti sebanyak 6,972 mengalahkan Mat Nanyan Bin Saad (PAS) yang mendapat 5,973 undi. Seterusnya di kawasan N19 Dun Sungai Tiang, Kedah calon BN yang bertanding ialah Suraya Binti Yaacob yang memperolehi 13,948 undi dan majoriti 4,250 undi. Beliau menewaskan Ab. Muthalib Bin Awang dari PAS

---

<sup>21</sup> *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.

yang berjaya dengan jumlah undi sebanyak 9,698. Di Negeri Pulau Pinang pula, Jahara Binti Hamid (BN) telah berjaya merebut kerusi DUN N6 Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang dan berjaya dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 7,181 dan majoriti 3,984 undi serta mengalahkan Johari Bin Kassim Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) yang mendapat 3,197 undi. Di kawasan N40 DUN Telok Bahang, Pulau Pinang, Siti Faridah Binti Arshad (BN) berjaya dengan memperolehi 5,797 dan majoriti sebanyak 3,375 undi. Beliau telah menewaskan Abdul Aziz Bin Ismail (PAS) yang mendapat 2,422 undi.<sup>22</sup>

Di negeri Perak pula menyaksikan calon BN, Siti Salmah Binti Mat Jusak telah berjaya menguasai kerusi di DUN N19 Chenderoh, Perak dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 5,761 dan majoriti kemenangan sebanyak 2,826 undi. Beliau telah mengalahkan Mohammad Yassin Bin Mohamed Yusof (PAS) yang telah mendapat undi sebanyak 2,935 undi. Di kawasan N4 DUN Hulu Kinta, Perak menampilkan calon BN, Mazidah Bt Zakaria telah mendapat 14,104 undi dan majoriti 8,261 undi mengalahkan Zulkurnaini Bin Ibrahim yang merupakan calon PAS telah memperolehi 5,843 undi sahaja. Hamidah Binti Osman (BN) telah menjuarai pertandingan dan perebutan kerusi di kawasan N43 DUN Sungai Rapat, Perak dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 11,574 dan majoriti yang diperolehi sebanyak 6,048 undi. Beliau telah menewaskan dua calon iaitu Roslan Bin Shahrarum (PAS) yang mendapat 5,526 undi dan Balakrishnan S/O Rengasamy (BEBAS) hanya memperolehi undi yang sedikit sebanyak 536 sahaja. Seterusnya di Pahang pula menyaksikan calon BN, Rosni Binti Zahari berjaya menawan kerusi di kawasan N25 DUN Kuala Sentul, Pahang dengan mendapat 5,463 undi dan majoriti 3,000 undi serta mengalahkan Ahmad Nizam Bin Hamid Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) yang memperolehi 2,463 undi. Maznah binti Mazlan calon BN, telah berjaya memperolehi 6,114 undi dan majoriti 3,231 undi. Beliau juga telah mengalahkan Long Bin Jidin Parti Keadilan

---

<sup>22</sup> Ibid.

Rakyat (PKR atau KEADILAN) N41 DUN Muadzam Shah, Pahang yang telah mendapat 2,883 undi. Di negeri Selangor menyaksikan Seripah Noli Binti Syed Hussin (BN) telah berjaya mendapat 16,911 undi dan majoriti 11,141 undi di mana Mastura Binti Hj Muhamad (PAS) telah ditewaskan dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 5,770. Di N45 DUN Selat Klang, Selangor menampilkan calon BN, Norliza Binti Ahmad yang berjaya mendapat undi sebanyak 12,593 undi dan majoriti 6,085 undi serta mengalahkan Halimah Ali (PAS) yang memperolehi 6,508 undi.

Manakala di Negeri Sembilan pula, Norhayati binti Omar (BN) telah menguasai kerusi di kawasan N18 DUN Pilah, dengan memperolehi 4,714 undi dan majoriti 2,185 undi serta menewaskan Asmaon Bin Basir (PKR atau KEADILAN) yang mendapat undi sebanyak 2,529. Di kawasan N25 DUN Paroi, Negeri Sembilan, calon BN Bibi Sharliza Binti Mohd Khalid berjaya memenangi kerusi tersebut dengan memperolehi 7,524 undi dan majoriti kemenangan sebanyak 4,107 undi. Beliau turut mengalahkan Rosli Bin Yaakop (PAS) yang mendapat 3,417 undi.

Di negeri Melaka pula, Ramlah Binti Abas (BN) berjaya memperolehi 5,405 undi dan majoriti 3,950 undi serta mengalahkan Mohd Aris Bin Omar (PAS) di kawasan N25 DUN Rim, Melaka yang mendapat undi sebanyak 1,455. Di Negeri Johor pula turut menyaksikan empat calon UMNO yang bertanding. Di kawasan N16 DUN Sungai Balang, Johor, Robia Binti Kosai (BN) telah mendapat undi sebanyak 9,701 dan majoriti 6,205 undi. Beliau turut mengalahkan Malik Bin Mohamed Diah (PAS) yang memperolehi 3,496 undi. Halimah Binti Sadique dari BN telah bertanding di kerusi N35 DUN Pasir Raja, Johor dan menawan kerusi tersebut dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 10,402 undi dan majoriti 8,965 undi serta menewaskan calon PAS, Sanip Bin Ithnin yang telah memperolehi 1,437 undi. Di kawasan N37 DUN Johor Lama, Johor menyaksikan perlawanan di antara Asiah Binti Md Ariff (BN) dan Monaim Bin Hassan (PAS) dan Asiah memenangi kerusi dengan jumlah undi yang

diperolehi sebanyak 10,039 dan majoriti 9,051 undi. Calon yang gagal iaitu Monaim Bin Hassan dari PAS hanya mendapat 988 undi sahaja. Calon UMNO Johor yang terakhir, Jamaliah '@ Jamaliah Binti Endam (BN) telah menawan kerusi N56 DUN Kukup, Johor dengan memperolehi undi sebanyak 11,544 undi dan majoriti yang diperolehi sebanyak 9,941 Beliau juga berjaya mengalahkan Ahmad Sani Bin Kemat dari PAS yang mendapat 1,603 undi. Manakala di Sabah pula UMNO telah meletakkan dua orang calon. Calon Jainab Datuk Ahmad memenangi kerusi DUN N12, dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 6,360 dan majoriti 2,526 undi serta mengalahkan Datin Saidatul Badru Tun Said dari Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) yang memperolehi undi sebanyak 3,834. Manakala calon BN Surinam Sadikun berjaya memenangi kerusi DUN N27 Lumadan dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 4,269 dan majoriti 999 undi serta mengalahkan Dogit Muda dari SETIA yang memperolehi undi sebanyak 3,270.<sup>23</sup>

Secara keseluruhan pencapaian wanita UMNO pada 2004, Asiah Binti Md Ariff N37 DUN Johor Lama, Johor memperolehi jumlah tertinggi peratus kemenangan dengan memperolehi 90.72 peratus berbanding calon UMNO yang lain. Manakala peratus kemenangan yang paling rendah telah diperolehi oleh Surinam Sadikun di kawasan DUN N27 Lumadan, Sabah sebanyak 55.62 peratus.

---

<sup>23</sup> *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004. Lihat <http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&pg=keputusan.htm> diakses pada 20 Disember 2015.

Jadual 6:3 Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO 2008

Calon dan parti	Kawasan Parlimen dan DUN	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemena ngan
1. Suraya Binti Yaacob (BN) mengalahkan Ab Muthalib bin Awang (PAS)	P011/N19 Dun Sungai Tiang, Kedah	25, 296 (83.68 %)	13, 871	3, 006 (12.15 %)	56.08%
2. Zabariah Binti Wahab (BN) mengalahkan Noorsiah Binti Md. Arshad (PKR)	P041/N02 Dun Bertam, Pulau Pinang	11, 233 (82.23 %)	6, 794	2, 652 (24.17 %)	61.92%
3. Jahara Binti Hamid (BN) mengalahkan Norhayati Binti Jaafar (PKR)	P042/N06 Dun Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang	11, 705 (93.57)	6, 478	1, 470 (12.78 %)	56.30%
4. Siti Salmah Binti Mat Jusak (BN) mengalahkan Mohammad Yassin Bin Mohamed Yusof (PAS)	P061/N19 Dun Chenderoh , Perak	11, 848 (75.16 %)	4, 858	1, 039 (11.92 %)	55.73%
5. Rusnah Binti Kassim (BN) mengalahkan Ayyathurai A/L Achutharaman (PKR) dan Sathiya Seelan A/L Munisamy (BEBAS)	P063/N24 dun Hulu Kinta, Perak	22, 122 (75.43 %)	13, 057	5, 232 (24.34 %)	60.75%
6. Nolee Ashilin Binti Mohammed Radzi (BN) mengalahkan Nadarajah A/L Manikam(PKR)	P070/N42 Dun Tualang Sekah, Perak	11, 578 (69.53 %)	6, 366	1, 569 (13.99%)	56.75%

Jadual 6:3 Sambungan

7. Hamidah Binti Osman (BN) mengalahkan Radzi Bin Zainon (PAS)	P071/N43 Dun Sungai Rapat, Perak	21, 040 (72.98 %)	10, 635	636 (3.08%)	51.54%
8. Wan Norashikin Binti Wan Noordin (BN) mengalahkan Mustafa Bin Shaari (PAS)	P073/049 Dun Kampong Gajah, Perak	16, 624 (76.53 %)	8, 818	1, 416 (8.73 %)	54.35%
9. Shaniza Bt Shamsuddin (BN) mengalahkan Bostamin Bin Bakar (PKR)	P086/N25 Dun Kuala Sentul, Pahang	8, 369 (76.77%)	5, 420	2, 697 (33.05%)	66.42%
10. Maznah binti Mazlan (BN) mengalahkan Rabidin bin Kasmawi (PKR)	P091/N41 Dun Muadzam Shah, Pahang	10, 145 (79.62 %)	6, 681	3, 520 (35.69 %)	67.74%
11. Zainab Binti Nasir (BN) mengalahkan Hj Mohd Ali Bin Hj Maarof (PAS)	P133/N34 Dun Gemas, Negeri Sembilan	14, 226 (79.18 %)	10, 811	7, 965 (57.38 %)	77.88 %
12. Latipah Binti Omar (BN) mengalahkan Abd Halim Said (PAS)	P134/N05 Dun Taboh Naning, Melaka	5, 648 (76.90 %)	3, 873	2, 247 (40.72 %)	70.19 %
13. Norpipah Binti Abdol (BN) mengalahkan Md. Yusof Bin Abdullah (PKR)	P135/N06 Dun Rembia, Melaka	8, 613 (78.69 %)	5, 605	2, 842 (33.84 %)	66.73 %
14. Robia Binti kosai (BN) mengalahkan Malik Bin Mohamed Diah (PAS)	P146/N16 Dun Sungai Balang, Johor	13, 722 (75.74 %)	7, 667	2, 018 (15.14 %)	57.51 %



Jadual 6:3 Sambungan

15. Asiah Binti Md Ariff (BN) mengalahkan Kamaldin Bin Tahir (PAS)	P156/N37 Dun Johor Lama, Johor	11, 259 (75.06%)	8, 668	6, 305 (57.16 %)	78.58 %
16. Hamimah Binti Mansor (BN) mengalahkan Md Paimon Bin Jasmin (PAS)	P157/N38 Dun Penawar, Johor	13, 056 (79.14 %)	11, 466	10, 102 (78.41 %)	88.99 %
17. Jainab Datuk Ahmad (BN) mengalahkan Ag. Maidin Ag. Apong (PKR)	N12 DUN Karambun ai, Sabah	13,209 66.21%	7,914	3,018	59.91 %
18. Datuk Hamisa Samat (BN) Mengalahkan Mohd. Jeffry Rosman (BEBAS), Dasun Sumbin (BEBAS) dan Dullah Hashim (PKR)	N27 DUN Lumadan, Sabah	7,690 61.1%	5,911	4,422	78.87 %

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU12*, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berdasarkan jadual di atas wanita UMNO berjaya menjadi wakil rakyat Dewan Undangan Negeri seramai 18 orang. Di negeri Kedah, hanya satu ADUN sahaja berjaya di Dun Sungai Tiang, di mana Kedah tidak dapat mengekalkan dua ADUN pada PRU ke-10 dan tiga kerusi pada PRU ke-11. Manakala di Pulau Pinang pula dua ADUN berjaya mendapat kerusi dan mengekalkan jumlah sebelum ini iaitu dua kerusi di kawasan DUN Sungai Tiang dan DUN Bertam. Seterusnya di Perak pula lima ADUN berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri yang menunjukkan penambahan dua kerusi lagi berbanding tahun 2004. Kerusi tersebut ialah di kawasan DUN Chenderoh, DUN Hulu Kinta, DUN Tualang Sekah, DUN Sungai Rapat, DUN

Kampong Gajah. Manakala di Pahang pula dua ADUN yang berjaya sekaligus mengekalkan jumlah kerusi iaitu sama pada PRU ke-11 iaitu di kawasan DUN Kuala Sentul dan DUN Muadzam Shah walaupun berbeza kawasan. Melaka pula telah berjaya menambah satu kerusi lagi pada Pilihan Raya Umum kali ini berbanding satu kerusi pada PRU ke-11. Bagi Negeri Sembilan berjaya mengekalkan satu kerusi sahaja pada Pilihan Raya Umum ini di kawasan DUN Gemas di mana sebelum ini Negeri Sembilan memperolehi dua kerusi.<sup>24</sup>

Seterusnya Johor juga mengalami kemerosotan jumlah kerusi pada PRU 2008 ini apabila satu kerusi telah berkurangan. Tiga ADUN berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri pada kali ini ialah di kawasan DUN Sungai Balang, DUN Johor Lama dan di DUN Penawar. Bagi Negeri Sembilan, satu kerusi sahaja yang berjaya diperolehi iaitu di kawasan DUN Gemas. Pada tahun 2008, di negeri Selangor pula calon-calon UMNO yang tidak berjaya pula ialah Roselinda Abdul Jamil kawasan Pelabuhan Klang (N46) yang memperolehi undi sebanyak 7,990, Di Bukit Antarabangsa (N19) iaitu Haslinda Mohd Zerain mendapat undi sebanyak 10,350 dan Nosimah Hasim di kawasan Cempaka (N21) di mana beliau hanya mendapat 11,480 undi. Selangor pada kali ini telah memulakan langkah yang cukup membanggakan apabila jumlah penyertaan tertinggi calon wanita iaitu seramai 9 orang bertanding dalam Dewan Undangan Negeri.

Calon wanita UMNO yang berjaya memperolehi jumlah peratus kemenangan yang tertinggi berbanding calon wanita UMNO di kawasan DUN Penawar, Johor, iaitu Hamimah Binti Mansor berjaya mengalahkan Md Paimon Bin Jasmin dari parti PAS. Beliau berjaya memperolehi 88.99 peratus kemenangan di mana majoriti kemenangan yang diperolehi ialah 10,102 undi atau 78.41 peratus. Peratusan undi yang paling rendah pula telah diperolehi oleh calon dari kawasan DUN Sungai Rapat, Perak iaitu

---

<sup>24</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

sebanyak 51.54 peratus. Beliau ialah Hamidah Binti Osman mengalahkan Radzi Bin Zainon dari parti PAS, beliau telah berjaya memperolehi 10,635 undi dengan majoriti 636 undi iaitu 3.08 peratus. Pada pilihan raya kali ini juga jelas menunjukkan penurunan jumlah kerusi yang diperolehi oleh wanita UMNO sebelum ini.<sup>25</sup>

Namun begitu, pada Pilihan Raya Umum 2008 ini, calon wanita UMNO yang tewas ialah Nooraesah Mohamad di kawasan Balik Pulau (P53) dengan mendapat undi 15,041. Beliau ditewaskan oleh Yusmadi Yusoff dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) dengan 15,749 undi iaitu majoriti 708 undi.<sup>26</sup> Di Kelantan pula, dua calon UMNO yang kalah ialah Khazuni Osman yang bertanding di Tanjong Mas (N8) dengan mendapat undi 4,983. Kekalahan beliau di tangan calon PAS iaitu Rohani Ibrahim dengan majoriti 6,112 undi. Manakala calon yang kedua UMNO yang kalah iaitu Rahimah Mohamad di kawasan Temangan (N34) dengan memperolehi 5,881 undi. Beliau ditewaskan oleh Mohamed Fadzli Hassan dari PAS dengan majoriti 1,239 undi. Di Kedah pula, calon UMNO yang kalah pula ialah Fatimah Ismail di mana beliau mendapat undi sebanyak 9,693 undi di kawasan Tokai (N18). Beliau ditewaskan oleh Mohd Taulan Mat Rasul dari calon PAS dengan memperolehi jumlah undi yang agak tinggi iaitu sebanyak 16,231 undi dengan majoriti 6,538 undi.

Secara ringkas pula mengenai analisis keputusan calon wanita UMNO yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia pada PRU 2008 bermula di Negeri Kedah iaitu Suraya Binti Yaacob (BN) yang bertanding di N19 DUN Sungai Tiang, Kedah berjaya memperolehi 13,871 undi dan majoriti 3,006 undi serta mengalahkan Ab. Muthalib bin Awang (PAS) yang mendapat 10,865 undi. Di Pulau Pinang pula pertandingan di kawasan N2 DUN Bertam, menampilkan Zabariah Binti Wahab (BN) yang memperolehi 6,794 undi dan majoriti kemenangan sebanyak 2,652 undi serta mengalahkan Noorsiah Binti Md. Arshad (PKR) yang mendapat 4,142 undi.

---

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> [http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihanraya2008&pg=kawasan/pulaupinang\\_p53.htm](http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihanraya2008&pg=kawasan/pulaupinang_p53.htm) diakses pada 8 Disember 2015.

Jahara Binti Hamid (BN) telah berjaya menawan kerusi di kawasan N6 DUN Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 6,478 undi dan majoriti sebanyak 1,470 undi. Beliau berjaya mengalahkan Norhayati Binti Jaafar Parti keadilan Rakyat (PKR ) yang mendapat 5,008 undi. Di Perak pula menampilkan Siti Salmah Binti Mat Jusak (BN) yang memperolehi 4,858 undi dan majoriti 1,038 undi serta menewaskan Mohammad Yassin Bin Mohamed Yusof (PAS) yang mendapat 3,819 undi. Mereka bertanding merebut kerusi di kawasan N19 DUN Chenderoh, Perak. Di Kawasan N24 DUN Hulu Kinta, Perak pula menyaksikan Rusnah Binti Kassim (BN) berjaya memperolehi 13,057 undi dan majoriti 5,232 undi. Beliau telah mengalahkan dua calon iaitu, Ayyathurai A/L Achutharaman (PKR) yang mendapat 7,825 undi dan Sathiya Seelan A/L Munisamy (BEBAS) yang hanya mendapat 360 di mana beliau hilang wang pertaruhan atau wang deposit. Di kawasan N42 DUN Tualang Sekah, Perak, calon BN, Nolee Ashilin Binti Mohammed Radzi telah berjaya memperolehi 6,366 undi dan majoriti 1,569 undi serta mengalahkan Nadarajah A/L Manikam (PKR) yang mendapat 4,797 undi.<sup>27</sup>

Hamidah Binti Osman dari BN berjaya memenangi kerusi di kawasan N43 DUN Sungai Rapat, Perak dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 10,635 dan majoriti yang agak kecil sebanyak 636 undi. Beliau telah mengalahkan Radzi Bin Zainon (PAS) yang mendapat 9,999 undi. Di kawasan N49 DUN Kampong Gajah, Perak menyaksikan Wan Norashikin Binti Wan Noordin (BN) berjaya memperolehi 8,818 undi dan majoriti 1,416 undi serta mengalahkan Mustafa Bin Shaari (PAS) yang mendapat 7,402 undi. Seterusnya di Pahang pula, Shaniza Bt Shamsuddin (BN) turut berjaya menguasai kerusi kawasan N25 DUN Kuala Sentul, Pahang dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 5,420 dan majoriti sebanyak 2,697 undi serta mengalahkan Bostamin Bin Bakar (PKR) yang memperolehi 2,723 undi. Di kawasan N41 DUN Muadzam Shah, Pahang Maznah binti Mazlan (BN) berjaya mendapat

---

<sup>27</sup> Ibid.


kerusi di situ dengan undi sebanyak 6,681 undi dan majoriti 3,520 undi serta mengalahkan Rabidin bin Kasmawi (PKR) yang mendapat 3,161 undi. Seterusnya di Negeri Sembilan, Zainab Binti Nasir (BN) telah berjaya mendapat 10,811 undi dan majoriti 7,965 undi serta mengalahkan Hj Mohd Ali Bin Hj Maarof (PAS) yang mendapat 2,846 undi di kawasan N34 DUN Gemas, Negeri Sembilan. Di negeri Melaka pula, calon UMNO Latipah Binti Omar (BN) menang di kawasan N5 DUN Taboh Naning, Melaka dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 3,873 dan majoriti 2,247 undi. Beliau mengalahkan Abd Halim Said (PAS) yang memperolehi 1,626 undi. Di kawasan N6 DUN Rembia, Melaka calon BN, Norpipah Binti Abdol (BN) telah berjaya mendapat 5,605 undi dan majoriti 2,842 undi serta mengalahkan Md.Yusof Bin Abdullah (PKR) yang memperolehi 2,763 undi.<sup>28</sup>

Di Negeri Johor pula, menyaksikan Robia Binti Kosai (BN) telah berjaya memenangi kerusi N16 DUN Sungai Balang, Johor dengan jumlah undi diperolehi sebanyak 7,667 dan majoriti 2,018 undi. Beliau juga mengalahkan Malik Bin Mohamed Diah (PAS) yang memperolehi 5,649 undi. Asiah Binti Md Ariff (BN) pula telah berjaya mendapat kerusi N37 DUN Johor Lama, Johor dengan jumlah undi diperolehi sebanyak 8,668 dan majoriti 6,305 undi. serta berjaya mengalahkan Kamaldin Bin Tahir (PAS) yang memperolehi undi sebanyak 2,363. Calon terakhir di Johor ialah Hamimah Binti Mansor (BN) telah menang dengan memperolehi 11,466 undi dengan majoriti yang agak besar dan membanggakan sebanyak 10,102 undi serta mengalahkan Md Paimon Bin Jasmin (PAS) yang bertanding di kawasan N38 DUN Penawar, Johor dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 1,364 dan beliau hilang wang pertaruhan atau wang deposit. Manakala di Sabah dua calon Wanita UMNO telah dipertandingkan iaitu Jainab Ahmad mewakili kawasan Karambunai (N12). Beliau berjaya memperolehi undi sebanyak 7,914 dan majoriti 3,018 undi dengan mengalahkan Ag. Maidin Ag. Apong dari PKR yang mendapat 4,896 undi. Hamisa

---

<sup>28</sup> Ibid.

Samat mewakili UMNO di kawasan N27 DUN Lumadan, memperoleh 5,921 undi dan majoriti 4,422 undi. Beliau mengalahkan calon BEBAS Mohd Jeffry Rosman yang mendapat 178 undi, Dasun Sumbin dari parti BEBAS tiada undi yang diperolehi dan Calon PKR, Dullah Hashim yang mendapat 1,499 undi.<sup>29</sup> Secara keseluruhan pencapaian wanita UMNO pada 2008 telah menunjukkan Hamimah Binti Mansor berjaya membuktikan kejayaan yang dengan mendapat jumlah undi paling tinggi berbanding wakil rakyat yang lain di kawasan P157/N38 DUN Penawar, Johor iaitu sebanyak 88.99 peratus. Peratus kemenangan yang paling rendah telah diperolehi oleh Hamidah Binti Osman di kawasan P071/N43 DUN Sungai Rapat, Perak iaitu sebanyak 51.54 peratus.



Graf 6.1 Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO (DUN), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14, *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Graf di atas merupakan graf perbandingan pencapaian Wanita UMNO sepanjang tempoh tiga pilihan raya. Berdasarkan graf di atas wanita UMNO berjaya memperolehi

<sup>29</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita Dalam Pilihanraya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando, et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 186-187. Lihat *malaysiakini.com*, 9 April 2013.

21 kerusi yang paling tinggi berbanding tahun 1999 dan 2008. Penurunan jumlah calon wanita UMNO yang berjaya begitu ketara pada tahun 2008 kepada 18 orang calon berbanding 2004. Inilah 'tsunami' dan gelombang besar PRU 2008 turut memberi kesan kepada penurunan jumlah pencapaian ADUN wanita UMNO pada tahun tersebut. Namun begitu, kedudukan calon wanita Melayu dari UMNO masih lagi diterima oleh masyarakat dengan mengekalkan jumlah tertinggi calon yang berjaya sebagai wakil rakyat DUN berbanding PAS dan PKR. Menurut Tarmizi Hassan dan Noraizah Abdul Hamid mengenai kemenangan calon UMNO yang berjaya mengekalkan kemenangan dalam PRU itu kerana kesetiaan pengundi dan penyokong tegar dari akar umbi tidak mampu menggugat sokongan mereka walaupun terdapat isu-isu yang berlaku sepanjang tempoh pilihan raya dijalankan.<sup>30</sup>

Pada tahun 2004, peningkatan jumlah calon wanita UMNO yang berjaya membuktikan pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi diterima oleh masyarakat Malaysia. Gaya kepimpinan beliau berbeza dengan Mahathir Mohamad. Beliau membawa visi islam yang membawa konsep kesederhanaan menerusi pengenalan kepada Islam Hadhari sebagai salah satu agenda pembangunan negara.

### **Wakil Rakyat DUN PAS, 1999-2008**

Pada Pilihan Raya Umum 1999, PAS tidak meletakkan seorang pun calon wanita untuk bertanding pada kali ini. Bagi pucuk pimpinan PAS keadaan dan suasana politik pada ketika itu masih membawa kemudaratkan kepada wanita untuk menjadi wakil rakyat dan tidak membenarkan penglibatan mereka Menurut Presiden PAS, Katanya,

Halangan sekarang ialah suasana dan adab pertandingan yang melibatkan muslimat sangat tidak sesuai. Kita tidak mahu muslimat kita terdedah dengan

---

<sup>30</sup> Temubual dengan Tarmizi Bin Hassan menerusi Facebook pada 16 April 2015. Beliau merupakan bekas Setiausaha Ulama PAS Gombak, Bekas Bendahari PAS Gombak, Ahli Jawatankuasa Pas Kawasan Gombak, (antara tahun 2001-2005) Bekas Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Kulai Jaya, bekas Ketua Urusan Ulama' PAS Kulai Jaya. (antara 2009-2011). Sekarang beliau merupakan pendakwah secara sambilan di sekitar Kulai Jaya, Johor dan Temubual dengan Noraizah Abdul Hamid pada 17 April 2016 di kediaman beliau di Seksyen 7, Shah Alam Selangor. Beliau merupakan seorang guru di salah sebuah sekolah di Selangor dan pernah bertugas sebagai kerani Suruhan Jaya Pilihan Raya kawasan DUN Anggerik pada Pilihan Raya Umum 2013.

suasana sedemikian rupa. Bagaimanapun jika adab yang dikehendaki di dalam Islam itu wujud, kaum wanita boleh diiberi peluang untuk bertanding dalam pilihan raya.<sup>31</sup>

Namun begitu, pencapaian PAS pada kali ini adalah yang terbaik dalam sejarah buat pertama kali apabila berjaya mendapat 27 kerusi Parlimen dan menawan dua negeri iaitu Kelantan dan Terengganu. Secara ringkas mengenai Pilihan Raya Umum ini menurut Naib Presiden PAS pada ketika itu, Mustafa Ali telah berkata:

PAS mula menunjukkan tanda-tanda dapat bertapak di Pahang apabila memenangi enam daripada 38 kerusi yang dipertandingkan untuk Dewan Undangan Negeri (DUN). PAS pada pilihan raya umum ke-10 lepas mensasarkan untuk menawan Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis. Kita dapat kekalkan Kelantan dan tawan Terengganu, kini mungkin Pahang untuk negeri kelima sasaran kita.<sup>32</sup>

Sebenarnya PAS mendapat faedah yang paling banyak melalui pembentukan pakatan pembangkang dan merupakan antara faktor yang membantu kemenangan mereka di Pahang pada kali ini begitu juga di kawasan-kawasan yang lain seperti di Kedah dan Perak. Sebelum ini PAS tidak mempunyai seorang pun wakil di Dewan Undangan Negeri Perlis, Pahang, Perak dan Selangor dan hanya dua wakil di Kedah, tujuh di Terengganu dan 26 di Kelantan.<sup>33</sup> Keadaan ini juga turut membuka ruang kepada wanita untuk menyertai pilihan raya yang berikutnya apabila melihat perubahan masyarakat menerima parti PAS sebagai wakil rakyat mereka pada kali ini agak membanggakan. Situasi ini juga menunjukkan tentang perubahan pandangan yang terdapat dalam parti PAS apabila menerima kehadiran wanita. Sebagai contoh perlantikan Senator Hajjah Kalthom Othman Mantan Ketua Dewan Muslimat PAS telah diberi kepercayaan selama dua penggal sebagai Senator (1991-1999) demi membawa suara muslimat atau wanita ke Dewan Negara. Selepas itu juga Hajjah

---

<sup>31</sup> Kenyataan Ustaz Haji Fadzil bin Muhammad Noor mantan presiden PAS (1989-2002) dan disiarkan dalam *Harakah*, 4 Jun 1999. Ustaz Haji Fadzil bin Muhammad Noor juga pernah menjadi Ketua Pembangkang dalam Parlimen Malaysia dari tahun 1999 sehingga 2002.

<sup>32</sup> Temuramah wartawan Bernama dengan Mustafa Ali Naib Presiden PAS pada ketika itu, di Pejabat Menteri Besar Terengganu dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 2 Disember 1999. Lihat juga *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

<sup>33</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.



Jamilah Ibrahim dan Hajjah Hunaizah pula dilantik sebagai Senator. Pada muktamar tahunan PAS kali ke-49, menerusi ucapan Dasar Presiden PAS, PAS akan memberikan peranan yang lebih besar kepada wanita dalam parti dan juga masyarakat serta akan meletakkan calon wanita untuk bertanding dalam pilihan raya. Sebagai contoh di Terengganu, PAS sudah menyediakan peruntukan undang-undang sekiranya tiada calon wanita yang menang, wakil wanita akan dilantik menjadi wakil rakyat tanpa kawasan.<sup>34</sup> Seterusnya pada PRU 2004 barulah PAS membuka ruang wanita untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum. Berikut merupakan jadual ahli Dewan Undangan Negeri yang berjaya menjadi wakil rakyat di seluruh negara.

Jadual 6:4 Ahli Dewan Undangan Negeri DUN PAS 2004

Calon dan parti	Kawasan Parlimen dan DUN	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Rohani Binti Ibrahim (PAS) mengalahkan Che Mansor Adabi Bin Che Hassan (BN)	P021/N008 Dun Tanjong Mas, Kelantan	13,375 (77.43 %)	8,015	2,789 (21.06 %)	60.53 %

Sumber: Diubasuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.

Berdasarkan jadual di atas calon wanita PAS iaitu Rohani Binti Ibrahim yang bertanding di kawasan N8 DUN Tanjong MAS, Kelantan berjaya mengalahkan Che Mansor Adabi bin Che Hassan dengan memperolehi undi sebanyak 8,015 dengan majoriti 2,789. Calon BN, Che Mansor Adabi berjaya memperolehi undi sebanyak 5,226. Pada tahun itu, beliau merupakan satu-satunya wanita Melayu dari Parti PAS yang berjaya menjadi wakil rakyat. Keadaan ini menunjukkan wanita PAS juga turut

<sup>34</sup> Lihat teks Ucapan Dasar Muktamar tahunan PAS Kali Ke-49, pada 12 September 2003 bertempat di Markaz Tarbiah PAS Pusat Teman Melewar. Rujuk Riduan Mohamad Nor, *Abdul Hadi Awang, Murabbi, Ideologue, Pemimpin*, Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009, hlm. 136-139.

diberi peluang dan diterima oleh masyarakat di Kelantan menjadi wakil rakyat mereka dalam sidang Dewan undangan Negeri bagi mewakili suara wanita di situ. Di Negeri Selangor, PAS turut meletakkan dua orang calon untuk bertanding pada tahun ini namun mereka gagal dalam pilihan raya ini. Mereka ialah Halimah Ali yang bertanding di Selat Kelang (N45) yang berjaya memperolehi undi sebanyak 6,508. Manakala Mastura Muhamad di Seri Setia (N32) hanya berjaya memperolehi undi sebanyak 5,770. Walaupun hanya seorang calon wanita yang berjaya mewakili wanita PAS pada kali ini. Perubahan ini sedikit sebanyak membawa impak yang positif kerana PAS yang dilabelkan sebagai parti yang tidak mementingkan kaum hawa. Perubahan yang dilakukan oleh PAS mengenai isu pencalonan wanita dalam pilihan raya telah dibincangkan dalam bab ketiga kajian ini.

Jadual 6:5 Ahli Dewan Undangan Negeri DUN PAS 2008

Calon dan parti	Kawasan Parlimen dan DUN	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Siti Aishah Binti Ghazali (PAS) mengalahkan Mohd Hadzir Bin Ismail (BN)	P017/N33 Dun Merbau Pulas, Kedah	21, 355 (79.59 %)	12, 224	3, 576 (17.13 %)	58.57
2. Wan Ubaidah Binti Omar (PAS)	P020/N05, Dun Kijang, Kelantan				Menang tanpa bertanding
3. Rohani Binti Ibrahim (PAS) mengalahkan Khazuni Binti Othman (BN)	P021/N08 Dun Tanjong Mas, Kelantan	16, 273 (79.24 %)	11, 095	6, 112 (37.92 %)	68.84 %

Jadual 6:5 Sambungan

4. Halimah Ali (PAS) mengalahkan Norliza Binti Ahmad (BN)	P109/N45 Dun Selat Klang, Selangor	21, 787 (75.37 %)	11, 437	1, 459 (6.80%)	53.31 %
---	------------------------------------	-------------------	---------	----------------	---------

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berdasarkan jadual di atas terdapat empat calon PAS yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) di Malaysia pada tahun 2008. Mereka ialah Siti Aishah Binti Ghazali mengalahkan Mohd Hadzir Bin Ismail (BN) di N33 DUN Merbau Pulas, Kedah dengan memperolehi 58.57 peratus. Majoriti yang beliau perolehi ialah sebanyak 17.13 peratus. Rohani Binti Ibrahim pula mengalahkan Khazuni Binti Othman (BN) di DUN Tanjong Mas Kelantan dengan memperolehi 68.84 peratus kemenangan. Beliau merupakan calon yang tertinggi peratus kemenangan dalam kalangan empat wakil rakyat wanita PAS pada tahun 2008. Jumlah ini cukup membanggakan kerana melebihi 60 peratus daripada pengundi yang keluar mengundi menyokong wakil wanita PAS. Seterusnya Halimah Ali mengalahkan Norliza Binti Ahmad (BN) di DUN Selat Klang, Selangor dengan majoriti kemenangan sebanyak 53.31 peratus dan merupakan peratus terendah berbanding wakil rakyat wanita PAS yang lain. Jumlah undi yang diperolehi sebanyak 21,787 undi iaitu 75.37 peratus. Manakala bagi Wan Ubaidah Binti Omar pula, beliau berjaya dan menang tanpa bertanding di DUN Kijang, Kelantan. Kejayaan yang diperolehi oleh keempat-empat calon wanita Melayu dari parti PAS ini turut memberi makna dan kesan kepada parti itu kerana masyarakat telah mulai menerima calon wanita PAS.

Namun begitu, Di Pulau Pinang pula, PAS telah meletakkan seorang calon sahaja iaitu Asnah Hashim yang bertanding di kawasan Bayan Lepas (N38). Namun,


beliau tewas dengan undi sebanyak 6,164 sahaja. Di Pahang pula PAS meletakkan dua orang calon wanita namun gagal di tangan calon Barisan Nasional. Mereka ialah Nuridah Mohd Salleh yang bertanding di kawasan Tahan (N9) dengan mendapat undi sebanyak 3,755 dan Azizah Khatib di kawasan Kuala Sentul (N25) di mana beliau berjaya memperolehi undi sebanyak 3,008. Di Kedah pula, calon wanita PAS yang kalah ialah Rohani Abdul Mutalib di Jitra (N6) dengan mendapat undi 9,807.<sup>35</sup>

Secara ringkas mengenai keputusan calon wanita PAS yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia pada Pilihan Raya Umum 2008 bermula di Kedah iaitu Siti Aishah Binti Ghazali (PAS) telah berjaya memperolehi undi sebanyak 12,224 undi dan majoriti kemenangan sebanyak 3,576 undi. Beliau turut menewaskan Mohd Hadzir Bin Ismail (BN) yang mendapat 8,648 undi di kawasan N33 DUN Merbau Pulas, Kedah. Wan Ubaidah Binti Omar (PAS) N5 DUN Kijang, Kelantan telah berjaya menawan kerusi di situ dengan menang tanpa bertanding. Rohani Binti Ibrahim (PAS) pula telah berjaya dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 11,095 dan majoriti 6,112 undi. Beliau telah berjaya mengalahkan Khazuni Binti Othman (BN) dengan undi sebanyak 4,983 di kawasan N08 DUN Tanjong Mas, Kelantan. Di Selangor pula, Halimah Ali (PAS) berjaya memperolehi 11,437 undi dengan majoriti 1,459 undi serta mengalahkan Norliza Binti Ahmad (BN) yang bertanding di kawasan N45 DUN Selat Klang, Selangor. Norliza mengalami kegagalan dengan memperolehi undi sebanyak 9,978.<sup>36</sup>

---

<sup>35</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

<sup>36</sup> *Ibid.*



Graf 6:2 Perbandingan Pencapaian Wanita PAS (DUN), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berikut merupakan perbandingan pencapaian wanita PAS sepanjang tempoh tiga pilihan raya di mana pada tahun 1999 PAS tidak meletakkan sebarang calon wanita. Berdasarkan graf di atas, calon wanita dalam PAS telah berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri bermula pada tahun 2004 apabila PAS telah meletakkan calon wanita dalam Pilihan Raya Umum. Pada tahun 2008 kelihatan agak memberangsangkan apabila jumlah calon wanita yang berjaya meningkat kepada 4 orang berbanding satu calon pada tahun 1999. Keadaan yang berlaku ini juga sekaligus menolak dakwaan kepada segelintir masyarakat yang melihat PAS parti yang tidak mementingkan penglibatan wanita sebagai calon atau wakil rakyat dalam Dewan Undangan Negeri.

### **Wakil Rakyat DUN PKR, 1999-2008**

Walaupun Parti Keadilan Rakyat atau KEADILAN ditubuhkan pada tahun 1999, penerimaan masyarakat kepada calon wanita dari Parti itu masih dianggap agak baik memandangkan penubuhannya yang agak baru. Namun begitu, pada tahun 1999 dan 2004 tiada seorang calon yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri. Berkemungkinan calon wanita Melayu dari parti ini memerlukan strategi yang lebih baik bagi mendapatkan sokongan masyarakat khususnya dari pengundi wanita Melayu

dan juga bukan Melayu. Pada tahun 1999, Parti Keadilan Rakyat telah meletakkan seorang calon di Pulau Pinang iaitu Salma Ismail di Batu Uban (N30). Beliau memperoleh undi sebanyak 7,241. Di Melaka pula pada PRU ke-10 ini, Parti Keadilan Nasional<sup>37</sup> telah meletakkan calon di Bukit Asahan (N8) dengan memperoleh undi sebanyak 3,265. Zainon Jaafar telah ditewaskan oleh calon dari BN iaitu Datuk R. Raghavan dengan majoriti 2,293. Seterusnya Pilihan Raya Umum 1999 ini pula, calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Nor'aini Saidi di Johor telah mengalami kekalahan di kawasan Simpang Renggam (N25) dengan mendapat undi 5,956. Beliau dikalahkan oleh calon BN iaitu Law Boon King @ Low Boon Hong yang mendapat 17,534 undi dengan majoriti 11,578 undi.<sup>38</sup>

Pada tahun 2004 calon yang diletakkan di kawasan kota Anggerik (N40) di Selangor iaitu Annette Syed Mohameed @ Animah Ferrar Syed Mohamed hanya berjaya mendapat 8,652 undi. Manakala di Pulau Pinang pada tahun 2004 pula telah meletakkan seorang calon iaitu Salma Ismail di Tualang Sekah (N42). Beliau mendapat undi 3,919 dan dikalahkan oleh pesaing dari BN iaitu Datuk Mohd. Radzi Manan dengan memperoleh majoriti 3,311 undi. Di Melaka pula, pada Pilihan Raya Umum kali ini, PKR (KEADILAN) telah meletakkan seorang calon di Ayer Limau (N3) iaitu Zainon Jaafar dengan mendapat 1,188 undi. Beliau telah dikalahkan oleh Idderis Kassim dari BN dengan majoriti 4,018 undi. Pada pilihan 2004 juga, calon PKR (KEADILAN) yang gagal ialah Zaliha Mustafa dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 6,515 di mana beliau tewas di tangan calon BN iaitu Ali Muhammad dengan majoriti 19,767 undi. Mereka bertanding merebut kerusi DUN di Tanjong Puteri (N44).<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Pendokong reformasi telah menubuhkan Pergerakan Keadilan Sosial (Adil) sebagai platform perjuangan ekoran pemecatan Anwar Ibrahim. Namun, mereka gagal untuk mendaftarkan parti tersebut. Pendokong reformasi mengambil keputusan untuk mengambil alih sebuah parti yang sedia ada iaitu Ikatan Islam Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1990. Parti Keadilan Nasional berjaya ditubuhkan pada 4 April 1999. Namun, pada 3 Ogos 2003, Parti Keadilan Nasional dan Parti rakyat Malaysia (PRM) melancarkan penubuhan Parti Keadilan Rakyat namun berjaya didaftarkan selepas Pilihan Raya Umum 2004. Lihat <http://www.keadilanrakyat.org/sejarah-parti/> diakses pada 6 April 2016.

<sup>38</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

<sup>39</sup> *Ibid.*


Jadual 6:6 Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) 2008

Calon dan parti	Kawasan Parlimen dan DUN	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Haniza Binti Mohamed Talha (PKR) mengalahkan Munaliza Binti Hamzah (BN)	P105/N33 dun Taman Medan, Selangor	29, 652 (74.11 %)	16, 803	4, 433 (15.18 %)	57.52 %
1. Rodziah Binti Ismail (PKR) mengalahkan Salamon Bin Selamat (BN)	P108/N41 Dun Batu Tiga, Selangor	28, 526 (77.32 %)	15, 852	3, 563 (12.64 %)	56.25 %

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berdasarkan jadual di atas terdapat dua orang calon PKR telah berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri. Haniza Binti Mohamed Talha telah mengalahkan calon UMNO Munaliza Binti Hamzah (BN) dengan majoriti kemenangan sebanyak 4,433 undi atau 15.18 peratus dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 16,803 undi iaitu 57.52 peratus. Beliau berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri N33 DUN Taman Medan, Selangor. Calon PKR memperolehi undi sebanyak 12,370. Seterusnya Rodziah Binti Ismail juga berjaya mengalahkan Salamon Bin Selamat (BN) di kawasan Dun Batu Tiga, Selangor dengan memperolehi undi sebanyak 15,852 iaitu 56.25 peratus kemenangan. Beliau berjaya dengan majoriti kemenangan sebanyak 3,563 undi iaitu 12.64 peratus dengan mengalahkan calon BN Salamon Bin Selamat yang mendapat 12,289 undi. Di negeri Perlis pula, Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) telah meletakkan seorang calon iaitu Pozyah Hamzah di Indera

Kayangan (N8) namun beliau tewas kepada calon BN yang mendapat undi sebanyak 2,451. Manakala di Pulau Pinang Noorhayati Jaafar ditewaskan oleh Jahara Hamid dari UMNO. Mereka bertanding di Telok Ayer Tawar (N6) di mana Noorhayati mendapat 5,008 undi. Seorang lagi calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) yang kalah ialah Noorsiah Arshad yang bertanding di Bertam Pulau Pinang, (N2) dengan mendapat 4,142 undi. Seterusnya di Perlis pula, PKR meletakkan seorang calon iaitu Pozyah Hamzah di Indera Kayangan (N8) dan mendapat undi 2, 451 undi, namun beliau tewas di tangan calon BN iaitu Dr. Por Choo Chor yang mendapat undi 3,714. Di Negeri Sembilan pula, calon PKR iaitu Aisah Lamsah telah ditewaskan oleh Mohamad Hassan dari BN dengan majoriti 3, 783 undi. Aisah Lamsah bertanding di Rantau (N27) dan mendapat 3, 956 undi. Calon Yang kalah bagi kerusi DUN di negeri Kedah pula ialah Rohani Bakar yang bertanding di kawasan Bakar Bata (N12) dengan memperolehi undi 7,874. Beliau ditewaskan oleh Ahmad Bashah Md. Hanipah dari calon BN dengan mendapat undi 8,232 undi dan majoriti 358 undi.



Graf 6:3 Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO, PKR dan PAS (DUN), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14, *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.



Berdasarkan graf di atas, pencapaian wanita UMNO dilihat masih lagi menguasai kerusi Dewan Undangan Negeri di walaupun sedikit terjejas pada tahun 2008. Penguasaan calon wanita UMNO di sini menunjukkan mereka masih lagi diberi kepercayaan dalam memegang jawatan sebagai wakil rakyat di kawasan masing-masing. Namun begitu, parti pembangkang dari PAS dan PKR dilihat berjaya menguasai kerusi DUN pada tahun 2008. Jumlah peningkatan kejayaan calon wanita agak ketara pada tahun berkenaan berbanding tahun 1999 dan tahun 2004. Kejayaan ini merupakan kejayaan yang cukup besar bagi calon wanita Melayu dalam kalangan parti pembangkang ini. Di sini juga telah memperlihatkan kepada kita perubahan politik baru sudah memberi kesan kepada lanskap politik semasa. Malah UMNO perlu bekerja keras bagi mengekalkan kejayaan mereka sebagai calon wanita yang dominan dalam Dewan Undangan Negeri. Pada PRU ke-10 ini BN berjaya mendapat kemenangan lebih dua pertiga. Menurut Mahathir, katanya :

BN sudah mendapat kemenangan dua pertiga. Kemenangan ini adalah lebih besar dari tahun 1995. BN masih pilihan rakyat Malaysia. BN akan tunaikan janji-janjinya. Kita teruskan usaha untuk bangunkan negara kita, untuk tebus maruah bangsa kita.<sup>40</sup>

Walaupun Barisan Nasional berjaya menguasai dan membentuk kerajaan perubahan telah berlaku dalam masyarakat di Malaysia setelah komponen parti pembangkang telah membuat satu pakatan bersama yang dikenali sebagai Barisan Alternatif pada Pilihan Raya Umum 1999. Dalam pengkajian ini, penumpuan diberikan kepada calon wanita Melayu yang berjaya dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008 daripada parti UMNO, PAS dan PKR. Isu-isu yang berlaku dalam tempoh tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi jumlah calon yang berjaya.

---

<sup>40</sup> Ucapan Mahathir Mohamad pada sidangMedia selepas BN secara rasmi diumumkan memenangi dua pertiga daripada kerusi Parlimen di Pusat Dagangan Dunia (PWTC) pada jam 3 pagi, 1 Disember 1999. Ucapan ini disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

Menurut Muhd Zaiemuddin Bin Hj Osman yang turut memberi respon mengenai usaha untuk meletakkan jumlah wanita berdasarkan jumlah kerusi DUN dan juga Parlimen. Katanya:

Penambahan jumlah wanita sebagai calon adalah perlu bagi memenuhi sekurang-kurangnya 40 peratus kuota. Namun begitu ianya bergantung kepada kawasan DUN atau Parlimen yang memerlukan tenaga wanita.<sup>41</sup>

Tajol Rosli juga turut mengakui tentang kepentingan wanita sebagai calon wakil rakyat di mana katanya bukti calon wanita lebih digemari pengundi berdasarkan pengalamannya ketika bertanding dengan Ahli Parlimen Lenggong, Khamsiyah Yeop suatu ketika dulu di mana Khamsiyah berjaya memperolehi undi jauh lebih tinggi berbanding dirinya. Katanya:

Salah satu faktor yang dikenal pasti ialah ramai pengundi wanita 'atas pagar' lebih gemar mengundi calon wanita. Pengundi wanita lebih cenderung mengundi Khamsiyah kerana beliau seorang calon wanita dan kita tidak lari daripada sentimen ini. Setiap calon wanita yang dipilih mestilah benar-benar berwibawa dan boleh memberi kemenangan kepada parti. Calon wanita juga perlu mampu bersaing dengan calon parti pembangkang yang selalunya memilih calon wanita yang berwibawa. Bukan semestinya mereka mempunyai jawatan dalam parti sahaja boleh dipilih. Ketua Puteri, misalnya, tidak semestinya menjadi calon kerana ahli biasa juga boleh dipilih asalkan mereka memenuhi kriteria. Tetapi lazimnya kita kena ada calon yang berwibawa, baik budi pekerti dan mendapat sokongan rakyat biarpun mereka kurang dari segi pendidikan. Mereka juga perlu bercakap.<sup>42</sup>

Sokongan pengundi kepada Khamsiyah Yeop ini menunjukkan kecenderungan pengundi untuk memilih calon yang difikirkan layak untuk menjalankan tanggungjawab. Justeru itu, bagi Tajol Rosli ahli yang mampu melakukan tugas dan memenuhi kriteria sebagai calon juga berhak mendapat peluang untuk menjadi seorang calon dalam pilihan raya. Seterusnya Menurut Nuridah Mohd Salleh, katanya:

---

<sup>41</sup> Temubual dengan Muhd Zaiemuddin Bin Hj Osman Ketua Biro Agama Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Kedah, Timbalan Ketua Parti Keadilan Cabang Jerai, Kedah dan Bendahari Jabatan Pilihan Raya Kedah menerusi *Facebook* pada 6 Mei 2015.

<sup>42</sup> Temubual wartawan *Utusan Malaysia* dengan Tajol Rosli dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 28 Januari 2008.

Wanita Melayu mulai semakin diterima oleh masyarakat terutama wanita dalam kalangan muslimat PAS untuk menjadi calon. Masyarakat mulai percaya kepada kewibawaan kaum wanita apabila melihat kepada gerak kerja yang dilakukan oleh Yang Berhormat wanita muslimat PAS sebagai contoh YB Siti Zailah Mohd Yusoff yang berjaya mengekalkan kepimpinannya di Rantau Panjang dan mampu melakukan kerja setanding dengan kaum lelaki. Keadaan ini juga menunjukkan pelaksanaan tanggungjawab itu telah dilakukan sebaik mungkin. Bahkan saya yakin wanita sebenarnya lebih teliti dan tekun berbanding dengan kaum lelaki dari sudut pelaksanaan tugas yang diberikan.<sup>43</sup>

Wakil rakyat yang telah dipilih melalui proses pilihan raya hendaklah berkhidmat dengan cekap dan berkesan kepada seluruh rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya sama ada dari komponen parti yang berjaya membentuk kerajaan atau parti-parti pembangkang. Tugas dan tanggungjawab mesti dipikul dan dilaksanakan dengan sepenuh hati. Melalui parti politik yang diwakili oleh wakil rakyat itu menyampaikan perkhidmatan yang terbaik untuk menunjukkan bukti kebaikan ideologi yang dibawa oleh parti masing-masing. Secara tidak langsung keadaan ini memberi kesan kepada parti politiknya untuk mendapat sokongan daripada rakyat dan seterusnya mengekalkan kuasa untuk memerintah. Perkhidmatan yang terbaik menjadi daya tarikan kepada rakyat untuk memberi sokongan. Keadaan ini menunjukkan rakyat mempunyai kuasa dalam sistem demokrasi bagi menentukan bakal perwakilan dalam Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen dan juga membentuk sebuah kerajaan yang bakal memerintah. Peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dan parti politik memang tidak dapat dipisahkan. Walau bagaimanapun, terdapat fenomena wakil rakyat

---

<sup>43</sup> Temubual dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS (2015-2017), di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015. Ustazah Nuridah adalah Ketua Dewan Muslimat pada tahun 2007 sehingga 2011. Beliau pernah bertanding kerusi DUN N9 Tahan, Pahang pada tahun 2008 tetapi tewas kepada calon BN. Pada tahun 2009, beliau pernah menyatakan sokongan kepada amalan bai'ah atau sumpah taat setia talak tiga terhadap wakil rakyat parti PAS yang melompat parti, Beliau menyatakan bahawa " kami sangat setuju dengan bai'ah ini, ikrar ini bukan bermakna mereka tidak sayang tetapi satu istiqamah terhadap parti, perjuangan ini satu amanah. Bagaimana mereka kasihkan isteri, begitu juga mereka perlu kasih parti...sama kasihnya. Lihat *Utusan Malaysia* 8 November 2009 dengan tajuk 'Muslimat PAS Pertahan bai'ah. Lihat juga [https://ms.wikipedia.org/wiki/Nuridah\\_Mohd\\_Salleh](https://ms.wikipedia.org/wiki/Nuridah_Mohd_Salleh) diakses pada 23 Oktober 2015.

yang melompat parti selepas berlakunya proses pilihan raya ianya masih lagi tidak menjejaskan fungsi parti politik dalam sistem demokrasi di negara ini.<sup>44</sup>

Abd. Manaf Ahmad<sup>45</sup> mengulas tentang kejayaan Barisan Nasional dalam membentuk sebuah kerajaan pada Pilihan Raya Umum tahun 2004. Beliau menyarankan tentang komitmen yang perlu ada sebagai wakil rakyat agar menjalankan tanggungjawab kerana sejarah telah membuktikan ada wakil rakyat yang mengabaikan tanggungjawab mereka hingga sukar bagi parti untuk mengembalikan kepercayaan rakyat. Dalam membicarakan tanggungjawab wakil rakyat ini, pihak terbabit perlu mengetahui dan mengkaji mengenai harapan para pengundi terhadap mereka. Sememangnya harapan pengundi adalah berbeza-beza tetapi ia perlu dihalusi oleh setiap wakil rakyat. Bagi rakyat yang sudah biasa mengundi atau pengundi lama, harapan mereka adalah mudah. Mereka hanya mahukan wakil rakyat yang dipilih itu sentiasa mudah ditemui dan berada di kawasan masing-masing. Manakala harapan pengundi muda pula berbeza kerana mereka dilahirkan di dalam dunia yang serba lengkap dengan segala kemudahan. Ramai dalam kalangan mereka terpengaruh dengan kehidupan di luar negara ketika mereka belajar atau kehidupan di bandar-bandar besar di neegara kita.

Dalam pada itu, kerajaan juga tidak boleh melupakan pengundi wanita yang membentuk separuh daripada jumlah pengundi di negara ini. Kesetiaan mereka agak tinggi walaupun jumlah calon wanita tidak ramai yang diketengahkan. Namun, usaha yang dilakukan oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya mula menambahkan jumlah pencalonan wanita dan pencapaian wanita dalam pilihan raya juga menunjukkan pertambahan yang baik. Sememangnya tugas dan peranan kerajaan dan wakil rakyat yang dipilih adalah sangat penting dalam menjana pembangunan negara.

---

<sup>44</sup> Malike Brahim, Mohd. Fo'ad Sakdan, Musliza Mohamad, 'Peranan Wakil Rakyat dalam Parti Politik: Isu dan Cabaran', *Jebat: Malaysian Journal of History Politics & Strategy*, Universiti Kebangsaan Malaysia Volume 40, No. 4, (Julai 2013)., hlm. 93.

<sup>45</sup> Abd. Manaf Ahmad merupakan bekas Timbalan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Inilah cabaran sebenar yang sedang dihadapi oleh wakil rakyat yang terpilih. Tanggungjawab mereka berat tetapi tidaklah susah atau rumit untuk dilaksanakan sekiranya dilakukan secara berhemah dan berhikmah.<sup>46</sup>

### **Isu-isu yang Mempengaruhi Keputusan Wanita Melayu dalam PRU, 1999-2008**

Seterusnya isu-isu yang berlaku antara tahun 1999 hingga 2008 turut mempengaruhi keputusan calon wanita Melayu yang bertanding dalam pilihan raya. Sebelum pilihan raya dijalankan, pelbagai isu sepanjang tempoh proses pilihan raya akan digunakan oleh parti-parti politik bertujuan untuk mendapatkan sokongan dari masyarakat. Pada pilihan raya umum 1999 pelbagai isu telah digunakan dan dijadikan bahan kempen oleh parti kerajaan dan juga parti pembangkang. Dua isu penting yang mewarnai senario politik di Malaysia sebelum PRU 1999. Isu yang pertama ialah mengenai krisis kewangan Asia 1997. Krisis ini melanda sebahagian besar Asia, mulai dari Julai 1997 dan menimbulkan ketakutan terhadap keruntuhan ekonomi di seluruh dunia. Krisis ini bermula di Thailand dengan kejatuhan nilai wang baht Thailand. Krisis di Thailand itu dicetuskan oleh keruntuhan sektor harta tanahnya yang membawa kepada bebanan hutang asing dan mengakibatkan negara itu muflis sebelum keruntuhan mata wangnya. Seterusnya krisis ini menyusup ke negara-negara lain di rantau Asia Timur. Sewaktu krisis itu merebak, Jepun dan kebanyakan negara di Asia Tenggara memperlihatkan nilai-nilai mata wang, pasaran saham dan harga asetnya merosot, dengan kenaikan hutang swasta yang ketara. Pada awal tahun 1998 nilai ringgit teah mengalami kemerosotan dan kesusutan dari RM2.47 pada Julai 1997 kepada RM4.88 berbanding dollar Amerika Syarikat. Manakala Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur

---

<sup>46</sup> Lihat *Utusan Malaysia*, 26 Mac 2004.

pula menjunam dari 1, 300 kepada 500 mata dalam tempoh yang sama. Keadaan ekonomi yang sangat gawat itu membawa keperitan kepada para usahawan.<sup>47</sup>

Di Indonesia pula, presiden Suharto yang berkuasa selama 30 tahun terpaksa meletak jawatannya pada 21 Mei 1998 di tengah-tengah rusuhan yang berlaku pada 13 Mei 1998 yang tersebar luas ekoran kenaikan harga yang mendadak akibat penurunan nilai rupiah yang teruk. Di Malaysia, krisis ini dengan serta merta telah menggentakan pembangunan negara dan perkembangan struktur lain di dalam institusi serta perbadanan, baik yang dimiliki dan ditadbirkan oleh kerajaan mahupun swasta. Pada peringkat ini, pemimpin dan kerajaan perlu melindungi rakyat daripada tekanan serta kesan krisis ekonomi itu dan pada waktu yang sama mengemukakan strategi untuk mengukuhkan mata wang serta memulihkan persekitaran ekonomi supaya menjadi kondusif semula untuk iklim pelaburan dan meningkatkan pencapaian ekonomi negara.<sup>48</sup>

Kerajaan perlu memastikan krisis ini tidak merebak ke arena politik tanah air kerana kegawatan ekonomi mempunyai potensi yang tinggi untuk mengancam kedudukan politik sebagaimana berlaku di Korea Selatan, Indonesia dan Thailand. Pada Disember 1997 memperlihatkan kepada kita kejatuhan Presiden Korea Selatan, Kim Young San, manakala Thailand pula kehilangan dua perdana Menteri iaitu Banhan Slipa-Archa dan Chaovalit. Pertukaran kepimpinan sewaktu krisis lazimnya hanya membawa kepada krisis yang lebih buruk sebagaimana yang dapat dilihat di benua Amerika utara, tetapi ia juga mampu memberi nafas baru jika sekiranya ia merupakan pilihan rakyat dan bukan kepimpinan lama. Walaupun begitu perkembangan di rantau Asia Timur tidak menggugat kedudukan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

---

<sup>47</sup> Thock Ker Pong, *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 211. Lihat Jomo, K.S, 'Malaysia: From Miracle to Debacle' dalam Jomo, K.S. (editor), *Tiger in Trouble Financial Governance, Liberalisation and Crises in East Asia*, London: Zed Books, 1998 hlm. 182. M.L. Weiss, 'The 1999 Malaysian General Election: Issues, Insulting and Irregularities', *Asian Survey*, Jil. 40, No. 3, 2000, hlm. 413-435.

<sup>48</sup> Lihat Sivamurugan Pandian, 'Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004: Perubahan dan Kesenambungan', dalam Mohd Fauzi Yaacob (editor), *Malaysia Menangani Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006 hlm.76. Lihat juga Beeson, Mark, *Mahathir Mohamad and the Markets: Globalisation and the Pursuit of Economic Autonomy in Malaysia, Pacific Affair*, Kanada: University of British Columbia, 2000.

Malaysia ketika itu. Sebagai seorang *strategist* dan lebih dikenali sebagai ‘mahaguru ekonomi’, beliau berjaya memantau kesan-kesan negatif krisis ekonomi ini dan melindungi rakyat daripada kesan sosialnya. Dasar kawalan mata wang asing yang diperkenalkan pada September 1998 membolehkan Malaysia menyuntik langkah pemulihan tanpa sebarang bantuan daripada institusi seperti *World Bank* dan *International Monetary Fund (IMF)*.<sup>49</sup>

Isu kedua ialah peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim.<sup>50</sup> Isu pertama dikemukakan di atas merupakan antara faktor yang membawa kepada kejatuhan Anwar pada tahun 1998. Sehari selepas kawalan mata wang asing diperkenalkan, Anwar dipecat daripada memegang sebarang jawatan di dalam kerajaan dan diikuti dengan jawatan di dalam parti pada hari berikutnya. Pertembungan dasar pemulihan ekonomi negara boleh dianggap sebagai punca konflik dua personaliti ini. Apatah lagi kesetiaan Anwar terhadap Perdana Menteri diragui. Sikap Anwar Ibrahim seolah-olah mempertahankan dasar IMF juga menyebabkan Mahathir Mohamad sangsi dengan kemampuan Anwar sebagai Menteri Kewangan ketika itu. Anwar pula menggunakan pentas antarabangsa untuk menonjolkan diri ketika persekitaran dalaman negara penuh dengan ancaman politik sehingga menular masuk ke dalam parti UMNO, malahan, penyokong beliau bangun menentang pemecatan ini di bawah suara ‘reformasi’. Sebagaimana bekas Timbalan Presiden Amerika, Al-Gore sewaktu menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Malaysia pada tahun 1998 menyamakan dengan Indonesia, Korea Selatan dan Thailand serta Vietnam.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Kronologi pemecatan Anwar Ibrahim ialah menjelang Perhimpunan Agung UMNO 1996, buku ‘50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri’ karangan Khalid Jefri diedarkan secara meluas. Malah, pihak sekretariat penganjur sendiri terlibat memasukkan buku-buku itu di dalam beg persidangan yang diberikan kepada semua perwakilan yang hadir. Pengedaran buku tersebut mengesahkan wujudnya konspirasi yang didalangi pemimpin tertinggi UMNO untuk menjatuhkan Anwar Ibrahim. Untuk keterangan lebih lanjut lihat *Utusan Malaysia*, 21 Januari 2012, 7 Mac 2013. Lihat [www.tranungkite.net/lama/c03/kempen2/pdf](http://www.tranungkite.net/lama/c03/kempen2/pdf) diakses pada 23 Mei 2014. Lihat juga [ms.wikipedia.org/wiki/Anwar\\_Ibrahim](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anwar_Ibrahim) diakses pada 23 Mei 2014.

<sup>51</sup> Lihat Sivamurugan Pandian, ‘Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004: Perubahan dan Kesenambungan’, Mohd Fauzi Yaacob (editor), dalam *Malaysia Menangani Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm.76. Lihat juga dalam Beeson, Mark, *Mahathir Mohamad and the Markets: Globalisation and the Pursuit of Economic Autonomy in Malaysia, Pacific Affair*, Kanada: University of British Columbia, 2000., *New Straits Times*, 3 September 1998, *Majalah Time*, Oktober 1998.

Perkembangan ini menyebabkan Anwar ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan kemudiannya didakwa di mahkamah atas beberapa tuduhan termasuk kesalahan rasuah dan aktiviti seks luar tabii. Mahkamah kemudiannya mendapati beliau bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara 14 tahun, sehinggalah beliau dibebaskan pada September 2004 selepas beberapa kali rayuannya diperdengarkan.<sup>52</sup> Ada yang berpendapat dakwaan ke atas Anwar berkaitan aktiviti seks luar tabii agak keterlaluan, apatah lagi perbuatan itu menyalahi nilai, adat dan gaya hidup masyarakat Melayu. Terdapat segelintir berpendapat beliau dikorbankan untuk kepentingan majoriti masyarakat Malaysia. Ada juga Tindakan Mahathir Mohamad ini juga dianggap sebagai anti-demokrasi dan authorian.<sup>53</sup> Walaupun begitu, isu ini merupakan antara faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundi terutama dengan penyebaran gambar 'mata lebam' Anwar yang dipukul oleh Ketua Polis Negara sewaktu di dalam tahanan. Kedua-dua isu di atas telah memberi kesan yang besar ke atas keputusan pilihan raya 1999. Ia seolah-olah membawa perubahan kepimpinan sebagaimana yang berlaku di negara-negara lain di Asia, terutama dengan penyebaran maklumat melalui media alternatif iaitu internet, Harakah, Aliran dan *Rocket*.<sup>54</sup>

Kemerosotan manifestasi BN pada PRU 1999 dan pihak pembangkang telah mendapat kemenangan yang agak besar dengan menguasai lebih 21 peratus daripada kerusi parlimen iaitu 42 kerusi parlimen daripada keseluruhan 193 buah kerusi.<sup>55</sup> Kesannya juga boleh dilihat apabila UMNO kehilangan Terengganu kepada PAS yang besar, bahkan menang di 98 DUN di seluruh negara serta 27 kerusi Parlimen. Kejayaan PAS ini membanggakan memandangkan PAS mempunyai satu kerusi dalam PRU

---

<sup>52</sup> *Utusan Malaysia*, 3 September 2004.

<sup>53</sup> Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin dan Badrul Azmier Mohamed @ Bakar, 'Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12, kertas kerja Seminar on National Resilience (SNAR), Political Managements and Policies In Malaysia, anjuran Institut of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thought (IPDM), Universiti Utara Malaysia, 13-15 Julai 2010, hlm . 422.

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> Amer Saifude Ghazali dan Zulkarnain Abdul Rahman, 'Pilihan Raya Umum ke-12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian', dalam Joseph M.Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman dan Suffian Mansor (editor), *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12, Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 52-53. Lihat juga dalam Biro Analisa Politik, *Dilema UMNO, Analisis Pilihan Raya Umum 1999*, Petaling Jaya: Strategy Info Research Development, 2000, hlm. 15.



1995.<sup>56</sup> Keadaan ini tidak menggugat kejayaan wanita Melayu dalam PRU 1999 apabila berjaya mengekalkan jumlah 18 orang di kerusi DUN. Namun begitu jumlah penyertaan mereka agak menurun iaitu kepada 22 orang berbanding tahun 1995 seramai 24 orang. Penyertaan wanita Melayu dari Parti Keadilan Rakyat agak membanggakan pada PRU 1999 walaupun kesemua mereka kalah dalam pilihan raya tersebut.

Bagi Abdullah Badawi, realiti politik 2004<sup>57</sup> iaitu PRU 2004 pada 21 Mac itu merupakan yang pertama beliau turun ke gelanggang sebagai Perdana Menteri dan Ketua parti memerintah untuk mendapatkan mandat daripada rakyat bagi melaksanakan segala agenda kerja yang telah dizahirkan kepada umum sepanjang tempoh 100 harinya. Pemerhati politik sekata bahawa beliau bukan saja perlu memenangi pilihan raya umum ini bagi meneruskan kesinambungan perjuangan UMNO dan Barisan Nasional untuk bangsa, agama dan negara, tetapi mesti menang dengan rekod yang lebih baik jika ingin berasa selesa dari segi kedudukan politik. Jika tidak, kepimpinannya dalam UMNO mungkin dicabar apabila tiba pemilihan parti selepas pilihan raya umum selesai diadakan. Sewaktu menghadapi pilihan raya umum 1999 dulu, BN atau lebih tepat lagi UMNO, berada pada kedudukan yang agak goyang berikutan krisis dalaman yang tidak dapat diatasi ketika pilihan raya itu diadakan.<sup>58</sup>

Keupayaan Mahathir Mohamad mengeluarkan negara daripada krisis kewangan pada tahun 1997/1998 telah memberi keuntungan kepada prestasi BN. Namun, keputusannya memecat Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada awal September 1998 telah menyebabkan parti itu sedikit tempang ketika melangkah menghadapi rakyat. Sebahagian penyokong setia dan taksab terhadap reformasi yang beliau pelopori. Sebahagian yang lain kekal bersama UMNO, tetapi mengambil sikap 'endah tak endah' untuk membantu

---

<sup>56</sup> Riduan Mohamad Nor, *Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologue, Pemimpin*, Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009, hlm. 23-24.

<sup>57</sup> Chamil Wariya, *Kesinambungan dan Perubahan, Malaysia di Bawah Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2004, hlm.123-125.

<sup>58</sup> *Harakah*, 7 Mac 2008.

kemenangan parti semasa pilihan raya terutama setelah mereka digugurkan sebagai calon. Malah, ada dakwaan menyatakan mereka melakukan pengkhianatan dari dalam. Menurut Elias, mereka berlagak seperti, “musang berbulu ayam”. Orang Melayu di luar UMNO, terutama kelas menengah dan pegawai-pegawai kerajaan yang “berdiri di atas pagar”, yang pada Pilihan Raya Umum lalu sentiasa menyokong UMNO, turut mengambil pendirian berbeza. Marah dengan cara pemecatan dan pendakwaan Anwar dikendalikan, mereka menyatakan undi protes. Mereka mengundi pembangkang bukan kerana mereka percaya pembangkang lebih baik daripada BN, tetapi sekadar untuk merakamkan rasa tidak puas hati terhadap kepimpinan negara.

Menjelang PRU 1999 itu, para penyokong Anwar Ibrahim sudah pun membentuk parti politik mereka sendiri dan dikenali sebagai Parti Keadilan Nasional, yang dipimpin oleh Wan Azizah sebagai presidennya. Para pembantu rapat Anwar turut serta dalam parti itu. Parti Keadilan kemudian bekerjasama dengan Parti Islam se-Malaysia (PAS), Parti Rakyat Malaysia dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dalam satu pakatan yang diberi nama sebagai Barisan Alternatif (BA) untuk mencabar dominasi BN. Pada Pilihan Raya Umum ke- 12, isu kenaikan harga minyak bahan api. Harga petrol hanya stabil sepanjang tahun 1990 hingga ke tahun 1999, pada harga asal RM1.35 seliter. Namun setelah Abdullah Ahmad Badawi mengambil-alih tampuk pemerintahan, harga bahan api telah dinaikkan sebanyak 42 peratus daripada RM1.35 kepada RM1.92 seliter. Kadar kenaikannya ialah 10 peratus setahun pada Februari 2006.<sup>59</sup>

Pada 1 Januari 2007, kadar bayaran tol dinaikkan di antara 20 hingga 60 peratus. Paling tinggi ialah kenaikan yang dibuat di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dengan kenaikan sebanyak 60 peratus menjadikannya RM1.60. Kenaikan kadar tol di Lebuhraya Cheras-Kajang Batu 11 sebanyak 50 peratus (menjadi 90 sen), Lebuhraya Kesas 47 peratus (menjadi RM2.20), Lebuhraya Cheras-Kajang Batu 9

---

<sup>59</sup> Elias Hj Idris, *Siapa Perdana Menteri Selepas ini?*, Selangor: Sungai Beruas Mart Sdn.Bhd, 2008, hlm. 5.

sebanyak 43 peratus (menjadi RM1.00), Lebuhraya Guthrie 40 peratus (menjadi RM1.40), Lebuhraya KL-Karak di Gombak sebanyak 25 peratus (menjadi RM5.00) dan KL-Karak di Bentong 20 peratus (menjadi RM3.00). Malah lebih teruk lagi, kerajaan telah membayar pampasan kepada pemegang konsesinya jauh lebih tinggi daripada kos pembinaan lebuhraya itu sendiri, RM4.13 bilion. Bayaran yang telah dibuat ialah sebanyak RM4.86 bilion.<sup>60</sup>

Sepanjang pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi, indeks jenayah telah naik sebanyak 50 peratus. Ia cukup membimbangkan di mana kemuncaknya ialah dengan kes pembunuhan Altantuya Shariibu yang masih belum selesai. Apa yang paling ketara dan membimbangkan ialah kes penculikan dan pembunuhan kanak-kanak. Antaranya ialah Kes kehilangan adik Sharlinie yang hilang pada 9 Januari 2008, kematian adik Nurin Jazlin, penculikan adik Nur Fatiha Zaidi, 6 tahun, kematian adik Siti Syazwani, 9 tahun ditemui mati 100 meter dari rumahnya. Dia dirogol dan dibunuh oleh pekerja Indonesia, kes rogol dan liwat begitu menakutkan seluruh masyarakat di Malaysia. Ramai lagi yang menjadi mangsa oleh mereka yang tidak mempunyai nilai dan akhlak dalam diri sehingga sanggup menjadi pembunuh, perogol yang amat kejam.<sup>61</sup>

Namun, isu tahun 2004 walaupun amat membimbangkan namun tidak menafikan kejayaan besar BN dalam PRU kali ini. Faktor 'Pak Lah' dengan imej Islam, gaya kepimpinan dan mesra rakyat serta ketiadaan isu besar ketika itu juga memberi impak yang positif kepada kejayaan calon wanita UMNO dalam PRU, strategi persempadanan semula kawasan pilihan raya dan kerja keras BN untuk menarik semua golongan masyarakat telah membawa kejayaan yang besar kepada BN. Bahkan wanita Melayu UMNO juga amat memberangsangkan berbanding 1999 iaitu meningkat kepada 21 orang pada PRU 2004.

---

<sup>60</sup> Ibid., hlm 14-19.

<sup>61</sup> Ibid.

Isu-isu yang dibincangkan di atas sememangnya mempengaruhi perkembangan politik tanah air sepanjang tahun 1999 hingga 2008. Kemunculan penyertaan wanita Melayu dalam DUN agak membanggakan sehingga mencecah kepada 41 orang pada tahun 2008. Perkara ini memberi impak kepada parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Calon-calon wanita yang bertanding sudah pasti akan mencari idea untuk membahaskan isu-isu terbabit untuk meraih sokongan dari pelbagai etnik, lelaki dan wanita terutama dalam kalangan pengundi muda. Sebagai contoh, punca kekalahan yang berlaku ketika PRU ke-12 turut diakui oleh YB Shahrir Samad sekarang merupakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Ahli Parlimen Johor) mengenai calon yang diturunkan juga merupakan salah satu punca. Menurut kenyataan beliau:

...Itu salah satu daripada faktornya. Sebelum pilihan raya berlangsung saya pernah menerima maklumat daripada pihak-pihak tertentu yang memaklumkan sekiranya seorang pemimpin itu diturunkan maka seluruh undi masyarakat yang dipimpinnya tidak akan sampai kepada BN. Tetapi disebabkan konsep BN yang tetap memberi peluang kepada pemimpin parti komponennya, maka perubahan tidak dapat dilakukan. Dan sebagai pemimpin politik, kita tidak percaya bahawa kadangkala kita dibenci oleh masyarakat sendiri. Akhirnya apabila pemimpin itu dicalonkan juga maka janji itu ditepati dan undi beralih kepada calon-calon lawan. Ada juga berlaku calon yang tidak mengikut kesesuaian pengundi-pengundi tempatan sebaliknya mengikut kesesuaian parti. Contohnya ada calon sedia ada yang berkhidmat dengan baik tetapi kerana kalah di dalam pemilihan parti, calon berkenaan diketepikan. Apabila calon baru ditonjolkan dan pengundi kurang mesra dengan calon ini, jentera di kawasan berkenaan tidak dapat berjalan dengan baik. Akhirnya jentera yang tidak mahir mengambil alih dan tidak dapat berfungsi dengan baik. Faktor calon juga penting sama ada mereka ini mahu berkhidmat untuk kepentingan sendiri atau masyarakat.<sup>62</sup>

---

<sup>62</sup> Wawancara ini dilakukan oleh wartawan mingguan Malaysia dan di siarkan dalam laman web Shahrir Samad. Rujuk <http://www.shahrir-umno.com/main.php?i=wawancara&wawancara=9> diakses pada 12/05/2014. Dalam wawancara ini beliau mengulas tentang keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 yang menjadi kejutan kepada parti UMNO itu sendiri. Beliau turut memberikan pandangan mengenai rakyat yang sememangnya inginkan perubahan. Dari kacamata rakyat pemimpin masih ditakuk lama dan tidak menunaikan janji-janji dalam pilihan raya tahun 2004. Contohnya mengenai isu rasuah di mana integriti kerajaan membanteras gejala ini tidak berjalan dengan berkesan terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan laporan Ketua Audit Negara.

Kenyataan ini turut di sokong oleh Sivamuragam, Pensyarah Pusat Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, katanya:

Terdapat banyak faktor menjadi penarik dan penolak ke atas terhakisnya sokongan BN. Antaranya, nilai dan legitimasi moral kepimpinan ketika itu; strategi BN yang seolah-olah dalam zon selesa sehingga lahirnya pemimpin angkuh dan bongkak, mensabotaj jentera parti, dana tidak sampai kepada akar umbi, mandat besar 2004 disalahguna atau diambil mudah oleh kepimpinan, pemilihan calon yang berubah pada saat-saat akhir akibat campur tangan kuasa 'ketiga', demonstrasi Hindraf, kritikan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, kemunculan Datuk Seri Anwar Ibrahim, pergerakan generasi Y yang pernah melihat reformasi 1998-1999, peranan badan bukan kerajaan, media sosial dan janji manifesto (2004-2008) yang tidak dipenuhi.<sup>63</sup>

Selain itu juga Elias Hj Idris turut menyenaraikan beberapa punca kegagalan utama dalam pentadbiran UMNO ialah dalam menangani beberapa kes iaitu kes BMF yang turut mengorbankan seorang pegawai Bank Bumiputra di Hong Kong, kes Maika Holdings yang melibatkan 66 ribu pelabur dengan nilai RM106 juta dan melibatkan Samy Vellu, kes agihan 1.5 juta saham Leader Universal kepada menantu sendiri dan pemberian AP yang melampau oleh Rafidah Aziz, 17 aduan rasuah Khir Toyo telah dibuat oleh Lutfi Othman dimana terdapat lagi lapan kes yang lain, skandal Perwaja Steel RM10 billion, kes anak pemimpin MCA yang mempunyai kekayaan melebihi RM1 Billion pada umur 28 tahun, skandal PPRT RM37 juta masih tidak selesai pada ketika itu, Nazri Aziz meluluskan 6,000 permit teksi kepada hanya sebuah syarikat, kematian overdos seks Norita Samsuddin yang masih tidak diketahui pembunuhnya, pembunuhan yang melibatkan pembebasan Man Datuk disebabkan kecuaiannya polis, dan kes pembelian kapal selam Scopene Najib dengan komisen RM531 juta.<sup>64</sup> Isu-isu ini telah dijadikan modal kepada parti pembangkang untuk meraih sokongan pengundi

<sup>63</sup> Temubual yang dijalankan oleh wartawan Utusan Malaysia dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 26 Jun 2012. Sivamurugan Pandian menyatakan tentang kepentingan melihat pengajaran yang berlaku dalam PRU ke-12 pada tahun 2008 sebagai satu amaran kepada kerajaan Barisan Nasional untuk melakukan segala persediaan dalam menghadapi PRU ke -13.

<sup>64</sup> Untuk keterangan lebih lanjut senarai punca kegagalan utama dalam pentadbiran UMNO sila rujuk Elias Hj Idris, *Siapa Perdana Menteri Selepas ini?*, Selangor: Sungai Beruas Mart Sdn.Bhd, 2008, hlm. 12-13. Lihat juga *Suara Keadilan*, 17 Mac 2012.

terutama pengundi wanita Melayu. Mereka juga dijadikan sasaran untuk meraih sokongan terutama rentetan isu pemecatan Anwar Ibrahim.

Parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya sama ada pihak kerajaan ataupun pembangkang sudah pasti akan menjawab segala bentuk tohmahan dan isu-isu yang dilemparkan menerusi saluran masing-masing menerusi media cetak, elektronik dan media sosial. Keadaan ini memberikan impak yang negatif dan positif dalam memberi penerangan kepada masyarakat dari pihak kerajaan dan juga pembangkang. Keterangan berdasarkan bukti dan fakta-fakta yang jelas turut memberi kesan kepada pengundi untuk membuat pilihan. Justeru, bagi parti kerajaan sudah pasti akan menyediakan jawapan terhadap isu-isu dibangkitkan dengan menangkis segala persoalan pembangkang dengan bukti-bukti yang kukuh. Perubahan masyarakat sekarang yang memerlukan bukti berdasarkan fakta turut menyumbang kepada kuasa pilihan mengundi semakin mengemparkan terutama pengundi di atas pagar yang jelas akan memberikan undi berdasarkan situasi semasa dan kepandaian semua pihak dalam memainkan isu-isu yang berlaku sepanjang tempoh pilihan raya. Peranan parti UMNO, PAS dan PKR akan dinilai oleh masyarakat menerusi pelbagai aktiviti dan penyertaan masyarakat dalam program yang mereka jalankan. Aktiviti dan program itu sebagai satu cara untuk memberi penerangan kepada isu yang berbangkit. Kepandaian komponen parti khususnya pergerakan wanita UMNO, Puteri UMNO, Muslimat PAS, Nisa' dan Wanita PKR dalam menerangkan isu-isu yang berlaku sepanjang tahun 1999 hingga 2008. Impak ini dapat dilihat kepada jumlah calon yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam Dewan Undangan Negeri. Namun begitu, wanita UMNO tetap menjuarai kejayaan mereka dalam DUN dengan jumlah yang besar berbanding PAS dan PKR, namun merosot pada tahun 2008.

## **Kesimpulan**

Secara ringkasnya, pada Pilihan Raya Umum ke-10 iaitu pada 29 November 1999, wakil rakyat daripada Barisan Nasional iaitu UMNO telah berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di Malaysia seramai 18 orang. Pada Pilihan Raya ini PAS tidak meletakkan calon wanita untuk bertanding manakala Wanita Keadilan tidak memperolehi sebarang kerusi Dewan Undangan Negeri. Apa yang jelas pada tahun ini wanita UMNO masih lagi dipercayai oleh masyarakat setempat untuk menjadi wakil mereka seterusnya membawa suara wanita dalam Dewan Undangan Negeri. Wanita UMNO berjaya memperolehi 21 kerusi yang paling tinggi berbanding tahun 1999 dan 2008.

Pencapaian wanita UMNO menurun sedikit berbanding 2004 penurunan dua calon dan sama jumlah dengan tahun 2004. Inilah 'tsunami' dan gelombang besar Pilihan Raya Umum tahun 2008 turut memberi kesan kepada penurunan jumlah pencapaian ADUN wanita UMNO pada tahun tersebut. Bagi calon wanita dalam PAS, mereka berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri bermula pada tahun 2004 apabila PAS telah meletakkan calon wanita dalam Pilihan Raya Umum. Pada tahun 2008 kelihatan agak memberangsangkan apabila jumlah calon wanita yang berjaya meningkat kepada 4 orang berbanding satu calon pada tahun 1999. Seterusnya bagi Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) pula, terdapat dua orang calon wanita telah berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri pada tahun 2008. Namun pada tahun 1999 dan 2004 tiada seorang calon yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri.

Secara keseluruhannya, jumlah wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat telah meningkat dan begitu ketara pada tahun 2008. Peningkatan jumlah wanita Melayu dalam Dewan Undangan Negeri ini memberi peluang kepada mereka bagi mewakili suara wanita dan sekaligus memberi peluang untuk menunjukkan daya

kepimpinan mereka ketika menjalankan tanggungjawab sebagai wakil rakyat. Apa yang paling penting sekarang ialah mereka yang mampu menjalankan tugas sebagai wakil rakyat dengan cemerlang dan berjaya tak kira wakil rakyat itu lelaki atau wanita. ADUN yang berjaya menarik minat dan disenangi pihak kawan dan lawan mampu mengekalkan mereka sebagai wakil rakyat yang diterima oleh semua lapisan masyarakat. Kerajaan Malaysia telah membuka peluang kepada wanita berdasarkan faktor-faktor seperti amalan demokrasi, hak asasi manusia, ajaran agama Islam memberi ruang kepada wanita untuk terlibat dengan politik dan proses pilihan raya. Namun, peluang tersebut masih tidak dipenuhi apabila kadar peningkatan jumlah ADUN yang berjaya menjadi wakil rakyat masih tidak seimbang dengan jumlah pengundi wanita yang begitu tinggi berbanding dengan lelaki.



## **BAB 7 : PENGLIBATAN WANITA MELAYU SEBAGAI WAKIL RAKYAT PARLIMEN**

### **Pengenalan**

Wanita Melayu telah diberi peluang oleh parti-parti untuk menjadi calon dan menyertai pertandingan untuk menjadi wakil rakyat di Dewan Rakyat atau Parlimen. Penyertaan mereka menjadi calon yang bertanding semakin meningkat terutama pada Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008.

Bab tujuh ini membincangkan mengenai wakil rakyat wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat dalam parti UMNO, PAS dan PKR. Tumpuan kajian ini berdasarkan tiga Pilihan Raya Umum iaitu Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008. Sepanjang tempoh 1999-2008 ini, pencapaian wanita dapat dilihat menerusi jumlah undi yang diperolehi. Kajian ini juga dapat memperlihatkan perbandingan pencapaian wanita Melayu antara tiga parti politik dari UMNO, PAS dan PKR.

### **Wanita Sebagai Wakil Rakyat Parlimen**

Penglibatan wanita dalam menerajui jabatan-jabatan besar korporat mahupun kerajaan sudah semakin meningkat sejak mutakhir ini. Selain itu juga wanita mampu memacu dan berusaha sendiri untuk menjadi wanita berjaya dan bergelar ‘usahawan wanita’ yang berkaliber. Keupayaan mereka mengurus sesebuah organisasi menunjukkan kehebatan dan daya kepimpinan mereka semakin memberangsangkan. Wanita sekarang sudah dilihat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki. Bahkan sudah begitu jelas keupayaan wanita dalam menguruskan sesuatu perkara lebih baik berbanding dengan lelaki. Mereka bukan lagi dipandang sekadar layak untuk menguruskan rumahtangga dan berada di dapur serta hanya untuk mendidik dan mengasuh anak-anak. Malah mereka kini berada di barisan hadapan seiring dengan

lelaki dalam membuat keputusan penting untuk kestabilan dan keharmonian negara. Secara umum di seluruh dunia, bilangan wanita dalam Parlimen adalah sedikit iaitu 18.2 peratus berbanding kaum lelaki sebanyak 82 peratus. Keadaan ini membuktikan ketidakseimbangan penglibatan mereka dalam politik peringkat antarabangsa berdasarkan *Inter-Parliamentary Union sehingga 28 Ogos 2008* tentang keahlian wanita di Parlimen seluruh dunia.<sup>1</sup>

Namun begitu, selepas tahun 2008, penglibatan wanita dalam Parlimen juga menunjukkan peningkatan yang cukup membanggakan di seluruh dunia apabila ramai wanita sudah menjawat jawatan sebagai Menteri Kabinet, Majlis Tempatan, badan Kehakiman dan beberapa bidang pembuat keputusan yang lain. Jumlah peratusan Menteri wanita di beberapa negara Eropah telah meningkat, sebagai contoh di Sepanyol dan Norway, wanita mewakili 50 peratus di kabinet. Di Perancis pula daripada 16 ahli kabinetnya adalah wanita dan manakala di Denmark, Menteri wanita merangkumi 46 peratus di kabinet.<sup>2</sup> Berikut merupakan Pencapaian yang dicapai oleh negara melebihi sasaran 30 peratus.

---

<sup>1</sup> Untuk keterangan lebih lanjut lihat Nadrawina Haji Isnin, 'Refleksi wanita dan Politik di Negeri Sarawak: Satu Kajian Perbandingan dalam Pilihan Raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sarawak' dalam Worrnan Hj. Kabul et.al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 661.

<sup>2</sup> Lihat artikel yang bertajuk 'Pembabitan Wanita dalam Politik' yang ditulis oleh Nurul Izza Rosly dalam *Kosmo*, 21 Mac 2011. Lihat CEDAW & Malaysia, *Laporan Alternatif Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia*, April 2012. Lihat *The Star*, 18 Februari 2009 artikel yang bertajuk, *Elizabeth Wong Offers to quit her Posts to protect party*, Lihat *The Star*, 13 Mac 2011 iaitu Artikel Zainah Anwar, *Closing the gender gap*, Selangor: Pertubuhan Wanita (WAO), 2013, hlm. 111-112. Lihat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *Statistic on Women, Family and Community*, 2010, hlm. 65-68, Cecilia Ng, *Gender and Rights: Analysis for Action*, Persatuan Untuk Tadbir Urus Baik dan Kesaksamaan Gender Pulau Pinang, (3Gs) dan Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Neo Sentuhan Sdn. Bhd, 2011, hlm. 13, Abdul Rashid Moten, "2008 General Elections in Malaysia: Democracy at Work", *Japanese Journal of Political Science*, 10 (1), United Kingdom: Cambridge University Press, 2009, hlm. 21-25. Lihat juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, 2010, hlm. 184-194.

Jadual 7:1 Jumlah wanita dalam Parlimen yang melebihi 30 peratus seluruh Negara  
(*World Classification of Women in Parliament*)

Kedudukan	Negara	Pilihan raya	Kerusi	Wanita	Peratusan
1.	Rwanda	9 2013	80	51	63.8 %
2.	Andorra	4 2011	28	14	50 %
3.	Cuba	2 2013	612	299	48.9 %
4.	Seychelles	9 2011	32	14	43.8 %
5.	Sweden	9 2014	349	152	43.6 %
6.	Senegal	7 2012	150	65	43.3 %
7.	Finland	4 2011	200	85	42.5 %
8.	Nicaragua	11 2011	92	39	42.4 %
9.	Ecuador	2 2013	137	57	41.6 %
10.	South Afrika	5 2014	400	163	40.8 %
11.	Iceland	4 2013	63	25	39.7 %
Sama	Spain	11 2011	350	139	39.7 %
12.	Norway	9 2013	169	67	39.6 %
13.	Belgium	5 2014	150	59	39.3 %
14.	Mozambique	10 2009	250	98	39.2 %
15.	Denmark	9 2011	179	70	39.1 %
16.	Netherlands	9 2012	150	58	38.7 %
17.	Timor-Leste	7 2012	65	25	38.5 %
18.	Mexico	7 2012	500	187	37.4 %
19.	Angola	8 2012	220	81	36.8 %
20.	Argentina	10 2013	257	94	36.6 %
21.	Germany	9 2013	631	230	36.5 %
22.	United Republic of Tanzania	10 2010	350	126	36 %
23.	Slovenia	7 2014	90	32	35.6 %
24.	Uganda	2 2011	386	135	35 %
25.	Serbia	3 2014	250	85	34 %
26.	Costa Rica	2 2014	57	19	33.3 %
Sama	Grenada	2 2013	15	5	33.3 %
Sama	The F.Y.R of Macedonia	4 2014	123	41	33.3 %
27.	Austria	9 2013	183	59	32.2 %
28.	Algeria	5 2012	462	146	31.6 %
29.	Zimbabwe	7 2013	270	85	31.5 %
30.	Italy	2 2013	630	198	31.4 %

Jadual 7:1 Sambungan

31.	Guyana	11 2011	67	21	31.3 %
Sama	Portugal	6 2011	230	72	31.3 %
32.	Cameroon	9 2013	180	56	31.1 %
33.	Switzerland	10 2011	200	62	31 %
34.	Burundi	7 2010	105	32	30.5 %

Sumber: Laporan International Parliament Union 1 Oktober 2014. lihat <http://www.ipu.org/wmn-/arc/classif011014.htm>

Menurut bekas Penasihat dan ahli jawatankuasa Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW), Shanthi Dairiam mengatakan mengenai penglibatan wanita dalam Parlimen, katanya:

Penglibatan wanita sebagai wakil Parlimen di Malaysia berada di tangga 102 di dunia dengan 9.9 peratus dan tangga kelapan (terakhir) di Asia Tenggara. Malaysia ketinggalan jauh berbanding negara-negara jiran yang lain. Apabila 30 peratus wanita berada di peringkat pembuat keputusan, banyak impak akan berlaku. Saya percaya bahawa wanita akan lebih efektif dalam membuat keputusan jika isu-isu tersebut berkaitan dengan isu-isu wanita. Berikanlah golongan wanita peluang dalam masa yang sama hulkanlah bimbingan dan sokongan kepada mereka.<sup>3</sup>

Walaupun Malaysia masih lagi dilihat agak ketinggalan berbanding di negara-negara jiran yang lain, namun kepimpinan wanita yang berjaya di mata mata dunia dilihat telah banyak memberi kesan yang positif kepada sistem pentadbiran di Malaysia. Halangan-halangan untuk wanita menyertai Parlimen di peringkat kebangsaan dan tempatan telah dihapuskan hampir di setiap negara termasuk di Malaysia. Keadaan ini dapat dilihat apabila ramai dalam kalangan kaum wanita telah berjaya dan telah diberi peluang untuk menerajui beberapa portfolio dan tugas dalam kabinet di Malaysia sebagai contoh Zaleha Ismail, Azalina Othman, Siti Zaharah Sulaiman dan Rafidah Aziz. Usaha-usaha yang diberikan kepada mereka ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada

<sup>3</sup> Kenyataan bekas Penasihat dan ahli jawatankuasa Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Shanti Dairiam pada sambutan Hari Wanita Sedunia kali ke-100 di Menara Yayasan Tun Razak, Kuala Lumpur pada 8 Mac 2011 dan disiarkan dalam *Kosmo* pada 21 Mac 2011.

pembangunan negara khususnya mewakili suara wanita dalam Parlimen. Sebagai bukti kepentingan wanita dalam menyuarakan pandangan dan pendapat apabila wujudnya Dasar Wanita Negara di awal tahun 1990 telah dijadikan landasan untuk membolehkan kaum wanita turut menyertai pelbagai bidang untuk sama-sama membangunkan negara.<sup>4</sup>

Pada Laporan *International Parliament Union 2005* telah menunjukkan 20 buah negara telah melebihi sasaran 30 peratus. Tetapi dalam Laporan *International Parliament Union* berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Parlimen negara bermula 1 Oktober 2014 telah menunjukkan penambahan jumlah yang cukup membanggakan di mana 38 buah negara telah melebihi sasaran 30 peratus. Antara negara-negara tersebut ialah Rwanda (63.8 peratus), Andorra (50 peratus), Cuba (48.9 Peratus), Seychelles (43.8 peratus), Sweden (43.6 peratus), Senegal (43.3 peratus), Finland 42.5 peratus, Nicaragua (42.4 peratus), Ecuador (41.6 peratus), South Afrika (40.8 peratus). Malaysia terletak pada kedudukan 124 daripada 189 buah negara yang terdapat dalam laporan tersebut di mana terdapat sedikit peningkatan daripada 10.3 kepada 10.8 peratus pada tahun 2008.<sup>5</sup>

Namun begitu, jumlah wanita yang menjadi ahli kabinet hampir mencapai sasaran 30 peratus iaitu sebanyak 28.8 peratus. Pada Mac 2004 senarai ahli kabinet wanita Melayu pula ialah Rafidah Aziz yang menjadi Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Azalina binti Othman di Kementerian Belia dan Sukan. Manakala Setiausaha Parlimen pula dipegang oleh Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipegang oleh Azizah Mohd Dun dan Setiausaha Parlimen di bawah Kementerian Penerangan dipegang oleh Noriah Binti Kasnon serta Setiausaha Parlimen di bawah Kementerian

---

<sup>4</sup> Nor Shamsinar Baharin, 'Suara Wanita Tenggelam di Parlimen', *Massa*, 21 Jun, 1997, hlm. 49-50.

<sup>5</sup> Untuk keterangan lebih lanjut lihat Nadrawina Haji Isnin, 'Refleksi Wanita dan Politik di Negeri Sarawak: Satu Kajian Perbandingan dalam Pilihan Raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sarawak' dalam Worrn Hj. Kabul et.al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008. Lihat juga Laporan *Inter-Parliamentary Union Towards Partnership Between Men and Women in Politics*, February 14-18, Series Reports and Documents No. 29, Geneva: Inter-Parliamentary Union, 1997. Rujuk juga Rujuk <http://www.ipu.org/wmn-e/arc/classif011014.htm> yang diakses pada 8 Disember 2014.

Pertanian Dan Industri Tani iaitu Rohani Binti Abdul Karim. Mereka merupakan Ahli Kabinet wanita Melayu yang dilantik oleh Perdana Menteri. Seterusnya anggota pentadbiran baru kabinet bermula Febuari 2006 sehingga 15 Februari 2008 juga turut dianggotai oleh ahli-ahli wanita Melayu yang sama sebagaimana pada tahun 2004.<sup>6</sup>

Berikut merupakan jadual perbandingan pencapaian calon wanita dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004, 2008.<sup>7</sup>


Jadual 7:2 Perbandingan Pencapaian Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004, 2008

Tahun	Jumlah wanita	Jumlah kerusi	Peratusan
1999	20	193	10.3
2004	23	219	10.5
2008	24	222	10.8

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2008, *Mingguan Malaysia*, 9 Mac 2008, *Sunday Star*, 9 March 2008, *New straits Times*, 23 March 2004, *New Straits Times*, 1 Disember 1999.

<sup>6</sup> Lihat [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?pg=special/senarai\\_kabinet/senarai\\_kabinet.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?pg=special/senarai_kabinet/senarai_kabinet.htm) diakses pada 17 November 2015. Kabinet Malaysia atau Jemaah Menteri ialah sebuah badan eksekutif kerajaan Malaysia. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Kabinet\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kabinet_Malaysia) diakses pada 17 November 2015. Lihat juga Lembaga Penyelidik Undang-undang (editor), *Perlembagaan Persekutuan (hingga 15hb Januari 2002)*, Selangor: International Law Books Services, 2002, hlm. 27

<sup>7</sup> *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2008, *Mingguan Malaysia*, 9 Mac 2008, *Sunday Star*, 9 March 2008, *New straits Times*, 23 March 2004, *New Straits Times*, 1 Disember 1999, *malaysiakini.com*, 29 April 2008.



Carta Pai 7.1 Perbandingan Pencapaian Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004, 2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2008, *Mingguan Malaysia*, 9 Mac 2008, *Sunday Star*, 9 March 2008, *New straits Times*, 23 March 2004, *New Straits Times*, 1 Disember 1999.

Berdasarkan pencapaian calon wanita dalam ketiga-tiga pilihan raya di atas menunjukkan peningkatan walaupun hanya berbeza satu calon pada PRU 2008. Mengikut carta pai di atas jumlah wanita sebagai ahli Parlimen pada tahun 1999 sebanyak 20 orang, pada tahun 2004 pula meningkat kepada 23 orang. Manakala pada tahun 2008 pula semakin meningkat kepada 24 orang. Peningkatan ini telah banyak memberi ruang kepada kepada wanita untuk menyuarakan pandangan dan pendapat di dewan rakyat sekaligus membawa manfaat kepada golongan wanita yang diperjuangkan oleh setiap komponen parti yang bertanding. Namun bagi tiga parti komponen yang dibincangkan dalam bab ini iaitu UMNO, PAS dan PKR telah menunjukkan jumlah wanita Melayu melebihi wanita bukan Melayu dalam Dewan Rakyat. Berikut merupakan keputusan yang diperolehi oleh Ahli Dewan Rakyat atau Parlimen sepanjang tiga Pilihan Raya Umum 1999-2008.

## **Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita dalam Pilihan Raya Umum 1999**

Pada pilihan raya tahun 1999, terdapat 20 wakil rakyat yang menjadi ahli Dewan Rakyat. Calon yang pertama ialah Calon BN iaitu Mastika Junaidah Binti Husin bagi kerusi Parlimen Arau P003, negeri Perlis. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 36,031 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 29,473 iaitu 81.80 peratus, undi rosak pula berjumlah 414 undi iaitu 1.40 peratus. Beliau memenangi Pilihan Raya dengan majoriti 1,586 undi iaitu 5.46 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 15,297 iaitu 52.64 peratus mengalahkan calon PAS, Abd Aziz Bin Hanafi yang mendapat undi sebanyak 13,711 (47.18 peratus).<sup>8</sup>

Calon yang kedua ialah Calon BN iaitu Lim Bee Kau bagi kerusi Parlimen Padang Serai P017, Kedah. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 64,294 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 46,778 iaitu 72.76 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,349 undi iaitu 2.88 peratus. Beliau juga memenangi kerusi Parlimen Padang Serai dengan majoriti 9,372 undi iaitu 20.63 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 27,935 iaitu 60.30 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Saifuddin Nasution Bin Ismail yang mendapat undi sebanyak 18,023 (39.67 peratus). Calon yang ketiga ialah calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Wan Azizah Binti Wan Ismail bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh P044, Pulau Pinang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 49,666 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 39,210 iaitu 78.95 peratus, undi rosak pula berjumlah 647 undi iaitu 1.65 peratus. Beliau memenangi kerusi Parlimen di situ dengan majoriti 9,077 undi iaitu 23.54 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 23,820 iaitu 61.77 peratus dan mengalahkan calon BN Ibrahim Bin Saad yang mendapat undi sebanyak 14,743 (38.23 peratus).<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, Majalah *Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14.

<sup>9</sup> *New Straits Times*, 1 Disember 1999, *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, Majalah *Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14.



Seterusnya pula calon yang keempat ialah calon DAP iaitu Chong Eng bagi kerusi Parlimen Bukit Mertajam P045, negeri Pulau Pinang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 66,607 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 51,967 iaitu 78.02 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,107 undi iaitu 2.13 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 2,937 undi iaitu 5.77 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 26,874 iaitu 52.84 peratus mengalahkan calon BN Dr Tan Chong Keng yang mendapat undi sebanyak 23,937 (47.06 peratus). Calon yang kelima ialah calon BN iaitu Khansiyah @ Khamsiyah Binti Yeop bagi kerusi Parlimen Gerik P052, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 36,810 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 26,167 iaitu 71.09 peratus, undi rosak pula berjumlah 503 undi iaitu 1.92 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 6,175 undi iaitu 24.06 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 15,297 iaitu 59.60 peratus dan mengalahkan calon PAS Zulkapely' @ Zulkifly Bin Abu yang mendapat undi sebanyak 9,122 (35.54 peratus).<sup>10</sup>

Manakala calon yang keenam pula ialah dari calon DAP iaitu Fong Po Kuan bagi kerusi Parlimen Batu Gajah P063, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 57,406 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 38,774 iaitu 67.54 peratus, undi rosak pula berjumlah 925 undi iaitu 2.39 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 2,071 undi iaitu 5.47 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 19,867 iaitu 52.49 peratus mengalahkan calon BN Yeong Chee Wah yang mendapat undi sebanyak 17,796 (47.02 peratus) dan Calon Parti Demokratik Malaysia, MDP iaitu Yang Kar Ming yang mendapat undi sebanyak 186 (0.49 peratus) di mana beliau kehilangan wang deposit.<sup>11</sup>

Calon yang ketujuh dari BN iaitu Rafidah Binti Aziz bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar P064, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah

---

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Ibid.

32,589 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 21,886 iaitu 67.16 peratus, undi rosak pula berjumlah 434 undi iaitu 1.98 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 2,774 undi iaitu 12.93 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 12,074 iaitu 56.28 peratus mengalahkan calon PAS Asmuni Bin Awi yang mendapat undi sebanyak 9,300 (43.35 peratus). Calon yang kelapan ialah dari BN iaitu Oei Yang Yang @ Ng Yen Yen bagi kerusi Parlimen Raub P076, Pahang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 52,389 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 36,779 iaitu 70.20 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,278 undi iaitu 3.47 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 5,601 undi iaitu 15.78 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 20,412 iaitu 57.50 peratus mengalahkan calon DAP Ng Kwi Ling yang mendapat undi sebanyak 14,811 (41.72 peratus).<sup>12</sup>

Calon yang kesembilan pula calon BN iaitu Siti Zaharah Binti Sulaiman bagi kerusi Parlimen Paya Besar P076, Pahang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 53,281 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 42,221 iaitu 79.24 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,53 undi iaitu 3.68 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 3,563 undi iaitu 8.76 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 20,749 iaitu 51.02 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Wan Jusoh Bin Wan Kolok yang mendapat undi sebanyak 17,186 (42.26 peratus). Manakala calon kesepuluh pula ialah calon BN iaitu Zaleha Binti Ismail bagi kerusi Parlimen Gombak P091, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 73,945 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 56,077 iaitu 75.84 peratus, undi rosak pula berjumlah 649 undi iaitu 1.16 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 1,176 undi iaitu 2.12 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 28,299 iaitu 51.06 peratus mengalahkan calon PAS Dr. Hatta Bin Md Ramli yang mendapat undi sebanyak 27,123 (48.93 peratus). Calon kesebelas pula ialah calon BN iaitu Chew Mei Fun bagi kerusi Parlimen PJ Utara P094, Selangor. Kawasan

---

<sup>12</sup> Ibid.

ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 70,634 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 49,981 iaitu 70.76 peratus, undi rosak pula berjumlah 517 undi iaitu 1.03 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 2,481 undi iaitu 5.02 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 25,603 iaitu 51.76 peratus mengalahkan calons DAP Liu Tian Khiew yang mendapat undi sebanyak 23,122 (46.75 peratus) dan calon Parti Demokratik Malaysia, MDP iaitu Wee Chek Aik yang mendapat undi sebanyak 706 (1.43 peratus) di mana beliau kehilangan wang deposit.<sup>13</sup>

Calon kedua belas pula ialah calon BN iaitu P. Komala Devi bagi kerusi Parlimen Kapar P099, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 74,502 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 56,028 iaitu 75.20 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,116 undi iaitu 1.99 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 2,860 undi iaitu 5.21 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 27,830 iaitu 50.68 peratus mengalahkan calon PAS Dr. Dzulkefly Bin Ahmad yang mendapat undi sebanyak 24,970 (45.47 peratus) dan calon Parti Bebas iaitu N. Tamilarasan @ Kim Chai yang mendapat undi sebanyak 2,112 (3.85 peratus) di mana beliau kehilangan wang deposit. Calon yang ketiga belas ialah calon BN iaitu Tan Yee Kew bagi kerusi Parlimen Klang P100, negeri Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 80,673 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 56,325 iaitu 69.82 peratus, undi rosak pula berjumlah 956 undi iaitu 1.70 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 5,673 undi iaitu 10.25 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 30,201 iaitu 54.54 peratus mengalahkan calon DAP Teng Chang Khim yang mendapat undi sebanyak 24,528 (44.30 peratus) dan calon Parti Demokratik Malaysia, MDP iaitu Tan Siow Eng yang mendapat undi sebanyak 570 (1.03 peratus) di mana beliau kehilangan wang deposit. Calon keempat belas ialah calon BN iaitu Seripah Noli Binti Syed Hussin bagi kerusi Parlimen Sepang P102, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 54,161 orang. Pengundi

---

<sup>13</sup> Ibid.

telah keluar mengundi sebanyak 40,145 iaitu 74.12 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,131 undi iaitu 2.82 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 7,162 undi iaitu 18.36 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 23,069 iaitu 59.13 peratus mengalahkan calon PAS Mohamed Makki Bin Ahmad yang mendapat undi sebanyak 15,907 (40.77 peratus).<sup>14</sup>

Calon yang kelima belas ialah calon BN iaitu Shahrizat Binti Abdul Jalil bagi kerusi Parlimen Lembah Pantai P109, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 52,607 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 36,210 iaitu 68.83 peratus, undi rosak pula berjumlah 184 undi iaitu 0.51 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti undi 1,417 iaitu 3.93 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 18,689 iaitu 51.88 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Zainur Bin Zakaria yang mendapat undi sebanyak 17,272 (47.94 peratus). Calon yang keenam belas ialah calon DAP iaitu Teresa Kok Suh Sim bagi kerusi Parlimen Seputeh P110, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 72,014 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 52,995 iaitu 73.59 peratus, undi rosak pula berjumlah 249 undi iaitu 0.47 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti undi 5,200 iaitu 9.86 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 28,657 iaitu 54.33 peratus mengalahkan calon BN Sua Chong Keh yang mendapat undi sebanyak 23,457 (44.47 peratus) dan calon Parti Demokratik Malaysia, MDP iaitu Liew Ah Kim yang mendapat undi sebanyak 457 (0.87 peratus) di mana beliau kehilangan wang deposit serta calon Parti Bebas iaitu Duraichelvan a/l Murugeson yang mendapat undi sebanyak 134 (0.25 peratus) di mana beliau juga kehilangan wang deposit. Calon yang ketujuh belas ialah calon BN iaitu Napsiah Binti Omar bagi kerusi Parlimen Kuala Pilah P116, Negeri Sembilan. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 43,900 orang.

---

<sup>14</sup> Ibid.

Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 31,232 iaitu 71.14 peratus, undi rosak pula berjumlah 909 undi iaitu 2.91 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 2,818 undi iaitu 9.29 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 16,494 iaitu 54.39 peratus dan mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Ruslan Bin Kasim yang mendapat undi sebanyak 13,676 (45.10 peratus). Calon yang kelapan belas ialah calon BN iaitu Robia Binti Kosai bagi kerusi Parlimen Muar P133, Johor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 41,537 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 29,090 iaitu 70.03 peratus, undi rosak pula berjumlah 852 undi iaitu 2.93 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 7,182 undi iaitu 25.43 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 17,693 iaitu 62.66 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Abdul Rahman Bin Othman yang mendapat undi sebanyak 10,511 (37.22 peratus).<sup>15</sup>

Calon yang kesembilan belas ialah calon BN iaitu Rohani Binti Abdul Karim bagi kerusi Parlimen Santubong P167, Sarawak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 21,057 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 14,255 iaitu 67.55 peratus, undi rosak pula berjumlah 210 undi iaitu 1.48 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 1,895 undi iaitu 13.52 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 7,955 iaitu 56.76 peratus mengalahkan calon Keadilan yang mendapat undi sebanyak 6,060 (43.24 peratus). Calon yang kedua puluh ialah calon BN iaitu Hajjah Sukiman Domo bagi kerusi Parlimen Batang Sadong P174, Sarawak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 18,034 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 10,990 iaitu 60.94 peratus, undi rosak pula berjumlah 174 undi iaitu 1.58 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 5,218 undi iaitu 48.24 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 7,656 iaitu 70.78 peratus mengalahkan calon PAS Othman Bin Mustapha @ Mos yang mendapat undi

---

<sup>15</sup> Ibid.

sebanyak 2,438 (22.54 peratus) dan calon Keadilan Sahari Bin Pet yang mendapat undi sebanyak 701 (6.48 peratus) di mana beliau kehilangan wang deposit.<sup>16</sup>

Analisis mengenai keputusan PRU 1999 di mana 6,631,094 daripada 9,564,071 pengundi berdaftar mengundi dalam pilihan raya ini yang melihat Barisan Nasional dikembalikan untuk membentuk kerajaan Malaysia. Walaupun jumlah kerusi parlimennya sebanyak 148 (8.6 peratus) menurun berbanding 162 kerusi yang diperolehi pada tahun 1995, pencapaian BN masih jauh lebih tinggi berbanding 129 kerusi yang diperlukan untuk memperolehi satu majoriti dua pertiga. Selain itu, BN juga memenangi semua pilihanraya negeri kecuali Kelantan dan Terengganu. PAS mencapai prestasi yang amat baik selain daripada mengekalkan negeri Kelantan, parti ini juga mengambil alih kerajaan Terengganu daripada BN. Kekuatan PAS di Parlimen bertambah dari 7 kerusi pada tahun 1995 sehingga 27 kerusi. Sama juga pada peringkat negeri, jumlah kerusi bertambah dari 33 kerusi sehingga 98 kerusi dalam pilihanraya ini. Berdasarkan keputusan ini, PAS mengambil alih kepimpinan pembangkang dalam Parlimen yang dipegang oleh Lim Kit Siang daripada parti DAP.<sup>17</sup> Pilihan Raya Umum Malaysia 1999 tidak begitu baik untuk parti DAP. Walaupun parti ini berjaya untuk mendapat lagi satu kerusi berbanding 9 kerusi pada tahun 1995, iaitu satu kenaikan 11peratus, kedua-dua ahli kuatnya iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh ditewaskan. Perikatan DAP dengan PAS telah menjejaskan parti ini sehingga mengalami kehilangan sokongan pengundi-pengundi bukan Melayu. Parti Keadilan telah memenangi 5 kerusi Parlimen dan 4 kerusi dalam Pilihanraya Umum 1999.<sup>18</sup>

Pada pilihan raya ini juga, seramai 62 wanita dicalonkan untuk bertanding merebut 192 kerusi Parlimen dan 394 kerusi Dewan Undangan Negeri. Jumlah calon wanita yang bertanding hanyalah 10 peratus daripada jumlah keseluruhan calon pilihan raya. Peluang yang diberikan kepada wanita untuk maju di dalam politik amat kecil.

---

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Norshidah Nordin dan Shireen Haron, et. al., Laporan Penyelidikan Tingkahlaku Pengundi Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12, UTM, Selangor, Oktober 2012. Lihat *New Straits Times*, 1 Disember 1999, *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

<sup>18</sup> Ibid.

Peningkatan 5 peratus berbanding pilihan raya 1995 memang suatu perkara yang memberangsangkan. Tetapi nilai ini dilihat masih kecil berbanding dengan jumlah 5.2 juta penduduk wanita yang boleh mengundi. Setiap kali pilihan raya diadakan, isu mengenai pencalonan wanita sentiasa hangat. Parti pemerintah memberi harapan bahawa bilangan calon wanita dalam pilihan raya akan ditambah. Tetapi wanita terus menjadi golongan yang ‘*underrepresent*’ dalam bidang politik.<sup>19</sup> Ahli Parlimen wanita berpengalaman daripada BN seperti Rafidah Aziz (Kuala Kangsar), Zaleha Ismail (Gombak), Siti Zaharah Sulaiman (Paya Besar), Shahrizat Jalil (Lembah Pantai) dan Seripah Noli Syed Husin (Sepang) berjaya mempertahankan kerusi masing-masing. Calon muka baru yang diberi tanggungjawab untuk merampas semula kerusi Parlimen Arau dari tangan Pas, Senator Mastika Junaidah Husin, pula berjaya melaksanakannya dengan majoriti 1,586 undi. Muka-muka baru lain yang turut memenangi kerusi masing-masing ialah Ketua Wanita MCA, Datuk Dr. Ng Yen Yen (Parlimen Raub) dan bekas wartawan *China Press*, Chew Mei Fun (Parlimen Petaling Jaya Utara). Kedua-dua calon BN dari MIC, Komala Krishnamoorthy yang bertanding di Parlimen Kapar dan Kamala Ganapathy (DUN Kota Raja) berjaya dalam percubaan pertama mereka pada Pilihan Raya Umum ini. Sementara itu, muka baru daripada MCA, Lim Bee Kau yang diturunkan menentang calon Parti Keadilan Nasional (Nasional), Saifuddin Nasution Ismail di Parlimen Padang Serai, menang dengan majoriti 9,372 undi. Calon pembangkang yang paling diberikan tumpuan iaitu Presiden Keadilan, Wan Azizah Ismail berjaya mempertahankan kerusi yang dimenangi suaminya pada 1995 dengan majoriti 9,077 undi. Timbalan Setiausaha Agung DAP Kebangsaan, Chong Eng menunjukkan penguasaannya dengan memenangi kedua-dua kerusi Parlimen Bukit Mertajam dan DUN Berapit yang ditandinginya di Pulau Pinang.

---

<sup>19</sup> Norshidah Nordin dan Shireen Haron, et. al., Laporan Penyelidikan Tingkahlaku Pengundi Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12, UTM, Selangor, Oktober 2012.

Aktivis Pertubuhan Hak Asasi Manusia (Suaram), Teresa Kok pula menang di kawasan kubu kuat DAP di Seputeh. Bagaimanapun, lima lagi calon wanita yang diturunkan Keadilan semuanya tewas dalam pilihan raya ke-10 ini. Ini termasuk Naib Presidennya, Marina Yusoff yang memberikan tentangan sengit kepada calon muka baru BN, Datuk Zulhasnan Rafique di Parlimen Wangsa Maju. Marina yang memperoleh 24,279 undi ditewaskan dengan majoriti 5,718 undi.<sup>20</sup> Hal ini terdapat 20 orang wanita berada bersama-sama dengan 173 orang lelaki dalam parlimen. Daripada jumlah ini, 9 wanita UMNO, 4 orang MCA, seorang MIC, 3 DAP dan seorang lagi daripada Parti Keadilan.<sup>21</sup> Ini merupakan kali pertama wanita berjaya mencapai 10.4 peratus orang wakil di peringkat Parlimen.

#### **Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita dalam Pilihan Raya Umum 2004**

Calon yang pertama ialah calon BN Mashitah Binti Ibrahim bagi kerusi Parlimen Baling P016, Kedah. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 74,698 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 62,202 iaitu 80.31 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,075 undi iaitu 2.48 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 10,316 undi iaitu 24.43 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 26,269 iaitu 62.20 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Saifuddin Nasution Bin Ismail yang mendapat undi sebanyak 15,953 (37.77 peratus). Calon yang kedua ialah calon BN iaitu Lim Bee Kau bagi kerusi Parlimen Padang Serai P017, Kedah. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 53,925 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 43,307 iaitu 83.27 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,109 undi iaitu 1.78 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 4,229 undi iaitu 6.92 peratus. Undi yang diperolehi oleh

---

<sup>20</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

<sup>21</sup> Norshidah Nordin dan Shireen Haron, et. al., Laporan Penyelidikan Tingkahlaku Pengundi Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12, UTM, Selangor, Oktober 2012.



beliau berjumlah 32,661 iaitu 53.46 peratus mengalahkan calon PAS Taib Azamuddin bin Md. Taib yang mendapat undi sebanyak 28,432 (46.54 peratus). Calon yang ketiga ialah calon PAS iaitu Kalthom Binti Othman bagi kerusi Parlimen Pasir Puteh P028, Kelantan. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 57, 308 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 51, 676 iaitu 90.17 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,184 undi iaitu 2.29 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 3,810 undi iaitu 7.55 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 27,018 iaitu 53.51 peratus mengalahkan calon BN Che Min Bin Che Ahmad yang mendapat undi sebanyak 23,208 (45.96 peratus).<sup>22</sup>

Seterusnya calon yang keempat ialah calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) iaitu Wan Azizah Binti Wan Ismail bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh P044, Pulau Pinang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 54,041 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 43,734 iaitu 80.93 peratus, undi rosak pula berjumlah 665 undi iaitu 1.52 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 590 undi iaitu 1.37 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 21,737 iaitu 50.47 peratus mengalahkan calon BN Firdaus Bin Ismail yang mendapat undi sebanyak 21, 147 (49.10 peratus). Calon yang kelima ialah calon DAP iaitu Chong Eng bagi kerusi Parlimen Bukit Mertajam P045, Pulau Pinang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 58,736 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 45,442 iaitu 77.37 peratus, manakala undi rosak pula berjumlah 1148 undi iaitu 2.53 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 8,564 undi iaitu 19.33 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 26,215 iaitu 59.18 peratus mengalahkan calon BN Ma Kok Ben yang mendapat undi sebanyak 17,651 (39.85 peratus). Calon yang keenam ialah BN iaitu Khansiyah @ Khamsiyah Binti Yeop bagi kerusi Parlimen Lenggong P055, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 23,159 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 16,531 iaitu 71.38 peratus, undi rosak

---

<sup>22</sup> *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.

pula berjumlah 295 undi iaitu 1.78 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 5,632 undi iaitu 34.69 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 10,924 iaitu 67.28 peratus mengalahkan calon PAS Zulkapely' @ Zulkifly Bin Abu yang mendapat undi sebanyak 5, 292 (32.59 peratus). Calon yang ketujuh ialah dari BN iaitu Tan Lian Hoe bagi kerusi Parlimen Bukit Gantang P059, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 53,880 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 27,699 iaitu 51.41 peratus, undi rosak pula berjumlah 655 undi iaitu 2.36 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 6,702 undi iaitu 24.78 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 16,846 iaitu 62.29 peratus mengalahkan calon PAS, Lo' Lo' Binti Hj. Mohamad Ghazali yang mendapat undi sebanyak 10,144 (37.51 peratus).<sup>23</sup>

Seterusnya pula calon yang kelapan ialah DAP iaitu Fong Po Kuan bagi kerusi Parlimen Batu Gajah P066, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 73,148 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 50,952 iaitu 69.66 peratus, undi rosak pula berjumlah 771 undi iaitu 1.51 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 7,927 undi iaitu 15.80 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 28,662 iaitu 51.12 peratus mengalahkan calon BN Ong Ka Chuan yang mendapat undi sebanyak 20,735 (41.32 peratus). Calon yang kesembilan ialah BN iaitu Rafidah Aziz bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar P067, Perak. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 28,391 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 17, 484 iaitu 61.58 peratus, undi rosak pula berjumlah 305 undi iaitu 1.74 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 5,557 undi iaitu 32.35 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 11,305 iaitu 65.81 peratus mengalahkan calon PAS Mohammad Nizar Bin Jamaluddin yang mendapat undi sebanyak 5,748 (33.46 peratus). Calon yang kesepuluh ialah calon BN iaitu Oei Yang Yang @ Ng Yen Yen bagi kerusi Parlimen Raub P080, Pahang. Kawasan ini mempunyai pemilih

---

<sup>23</sup> Ibid.

berdaftar berjumlah 44,543 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 32,546 iaitu 73.07 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,280 undi iaitu 3.93 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 9,752 undi iaitu 31.19 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 20,472 iaitu 65.48 peratus mengalahkan calon DAP Choong Siew Onn yang mendapat undi sebanyak 10,720 (34.29 peratus).<sup>24</sup>

Calon yang kesebelas ialah calon BN iaitu Siti Zaharah Sulaiman bagi kerusi Parlimen Paya Besar P084, Pahang. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 37,440 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 29,001 iaitu 77.46 peratus, undi rosak pula berjumlah 564 undi iaitu 1.94 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 12,518 undi iaitu 44.02 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 20,474 iaitu 72 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Saari Bin Sungib yang mendapat undi sebanyak 7,956 (27.98 peratus). Calon yang kedua belas ialah calon BN iaitu Noriah Binti Kasnon bagi kerusi Parlimen Sungai Besar P093, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 31,001 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 24,120 iaitu 77.80 peratus, undi rosak pula berjumlah 795 undi iaitu 3.3 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 7,349 undi iaitu 31.51 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 15,337 iaitu 65.75 peratus mengalahkan calon PAS Sallehen Bin Mukhyi yang mendapat undi sebanyak 7,988 (34.25 peratus). Calon yang ketiga belas ialah calon BN iaitu Rozaidah Binti Talib bagi kerusi Parlimen Ampang P099, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 66,626 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 47,479 iaitu 71.26 peratus, undi rosak pula berjumlah 710 undi iaitu 1.5 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 19,732 undi iaitu 42.19 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 33,214 iaitu 71.02 peratus mengalahkan calon PKR Xavier Jayakumar A/L Arulanandam yang mendapat undi sebanyak 13,482 (28.83 peratus). Calon yang keempat belas ialah calon BN iaitu

---

<sup>24</sup> Ibid.

Che Mei Fun bagi kerusi Parlimen Petaling Jaya Utara P106, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 75,935 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 52,460 iaitu 69.09 peratus, undi rosak pula berjumlah 619 undi iaitu 1.18 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 13,043 undi iaitu 25.16 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 32,422 iaitu 62.54 peratus mengalahkan calon DAP Liu Tian Khiew yang mendapat undi sebanyak 17,379 (33.52 peratus).<sup>25</sup>

Calon yang kelima belas ialah calon BN iaitu Komala Devi A/P P.M. Perumal bagi kerusi Parlimen Kapar P109, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 104,185 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 75,789 iaitu 72.74 peratus, undi rosak pula berjumlah 2,356 undi iaitu 3.11 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 14,588 undi iaitu 19.87 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 44,007 iaitu 59.93 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Ang Hiok Gai yang mendapat undi sebanyak 29,419 (40.06 peratus). Calon yang keenam belas ialah calon BN iaitu Tan Yee Kek bagi kerusi Parlimen Klang P110, Selangor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 74,062 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 52,265 iaitu 70.57 peratus undi rosak pula berjumlah 1,215 undi iaitu 2.32 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 13,281 undi iaitu 26.02 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 32,158 iaitu 62.95 peratus mengalahkan calon DAP Wong Ah Peng yang mendapat undi sebanyak 18,857 (36.94 peratus). Calon yang ketujuh belas ialah calon BN iaitu Shahrizhat @ Shahrizat Binti Abdul Jalil bagi kerusi Parlimen Lembah Pantai P121, Wilayah Persekutan Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 56,562 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 37,958 iaitu 67.11 peratus, undi rosak pula berjumlah 213 undi iaitu 0.56 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 15,288 undi iaitu 40.50 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 26,474 iaitu 70.14 peratus dan mengalahkan calon Parti Keadilan

---

<sup>25</sup> Ibid.

Rakyat (PKR atau KEADILAN) Sanusi Bin Osman yang mendapat undi sebanyak 11,186 (29.64 peratus).<sup>26</sup>

Calon yang kelapan belas ialah DAP iaitu Teresa Kok Suh Sim bagi kerusi Parlimen Seputeh P122, Wilayah Persekutan Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 74,702 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 46,532 iaitu 62.29 peratus, undi rosak pula berjumlah 164 undi iaitu 0.35 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 11,503 undi iaitu 24.81 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 28,921 iaitu 62.37 peratus mengalahkan calon BN Chin Yen Foo yang mendapat undi sebanyak 17,418 (37.56 peratus). Calon yang kesembilan belas ialah calon BN iaitu Azalina Binti Othman bagi kerusi Parlimen Pengerang P157, Johor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 30,957 orang. Beliau memenangi kawasan ini tanpa bertanding. Calon yang kedua puluh ialah calon BN iaitu Tan Ah Eng bagi kerusi Parlimen Gelang Patah P162, Johor. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 70,023 orang. Pengundi telah keluar mengundi sebanyak 52,297 iaitu 74.69 peratus, undi rosak pula berjumlah 1,903 undi iaitu 3.64 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 31,666 undi iaitu 62.84 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 41,000 iaitu 81.36 peratus mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Song Sing Kwee yang mendapat undi sebanyak 9,335 (18.52 peratus). Calon yang kedua puluh satu ialah calon BN iaitu Rosnah Bte Hj Abd Rashid Shirlin bagi kerusi Parlimen Papar P175, negeri Sabah. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 31,275 orang. Beliau memenangi kawasan ini tanpa bertanding. Calon yang kedua puluh dua ialah calon BN iaitu Azizah Mohd Dun bagi kerusi Parlimen Beaufort P177, Sabah. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 26,461 orang. Beliau memenangi kawasan ini tanpa bertanding. Calon yang kedua puluh tiga ialah calon BN iaitu Rohani Binti

---

<sup>26</sup> Ibid.

Abdul Karim bagi kerusi Parlimen Batang Lupar P201, Sarawak Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 30,957 orang. Beliau memenangi kawasan ini tanpa bertanding.<sup>27</sup>

Analisis bagi PRU 2004 ini pula, Barisan Nasional (BN) mencapai kenaikan undi popular sebanyak 63.9 peratus, tetapi sepatutnya mendapat undi yang lebih tinggi sekiranya kesemua kerusi dipertandingkan. Barisan Nasional (BN) telah memenangi 198 kerusi Parlimen berbanding 20 kerusi gabungan parti pembangkang dengan satu parti calon bebas. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), parti utama dalam Barisan Nasional, memenangi 109 kerusi, iaitu satu kenaikan peningkatan sebanyak 32 kerusi. Parti-parti sekutu UMNO juga memperoleh kenaikan bilangan kerusi dengan Persatuan Cina Malaysia (MCA) memenangi 31 kerusi iaitu kenaikan 2 kerusi dan Kongres India Se-Malaysia (MIC) memenangi 9 kerusi, iaitu kenaikan 2 kerusi juga. Parti Islam Se-Malaysia (PAS) hanya dapat mengekalkan 7 daripada 27 kerusinya. PAS bertanding berdasarkan manifesto yang menjanjikan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.<sup>28</sup>

Abdul Hadi Awang, ketua pembangkang PAS, gagal untuk mengekalkan kerusi Parlimennya. Parti Keadilan juga merupakan sebuah parti pembangkang, gagal untuk mengekalkan 4 daripada 5 kerusinya. Selepas pengiraan semula undi sebanyak 5 kali, Wan Azizah Wan Ismail mengekalkan kerusinya dengan majoriti sebanyak 590 undi. Parti Tindakan Demokratik (DAP), parti pembangkang yang ditewaskan dengan begitu teruk dalam PRU 1999, memperbaiki prestasinya dengan pemilihan semula pengerusinya Lim Kit Siang serta timbalannya, Karpal Singh. DAP memenangi 12 kerusi dan memperolehi semula kepimpinan pembangkang yang rasmi dalam Parlimen negara daripada PAS. Kemenangan 47 daripada 54 calon wanita BN pada PRU kali ini. Bagaimanapun hanya tiga menteri wanita dilantik dalam Kabinet berbanding 30 menteri

---

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Februari 2008, *News Straits Times*, 23 March 2004,

lelaki atau 9.1 peratus. Daripada sumber Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga menunjukkan bagi jawatan Timbalan Menteri, wanita cuma tiga orang berbanding dengan lelaki 35 orang atau 7.9 peratus dan Setiausaha Parlimen wanita mendapat enam tempat manakala lelaki 16 (27 peratus). Jumlah 57 orang Senator pada 2004 hanya 19 Senator atau 33 peratus wanita, dengan tujuh ahli dipilih DUN dan 12 lagi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.<sup>29</sup> Perangkaan Ahli Dewan Rakyat bagi 2004 menunjukkan 197 ahlinya adalah lelaki dan 22 wanita atau 10 peratus daripada 219 kerusi Parlimen yang ada. BN mempunyai 198 wakil dan daripada jumlah itu, 17 adalah wanita. Bagi parti pembangkang pula, PAS mempunyai enam wakil lelaki dan seorang wanita, DAP mempunyai 10 wakil lelaki dan tiga wanita, manakala Parti Keadilan Rakyat seorang wanita.<sup>30</sup>

### **Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita Dalam Pilihan Raya Umum 2008**

Calon pertama ialah calon PAS iaitu Siti Zailah Binti Mohd Yusoff bagi kerusi Parlimen Rantau Panjang P023, Kelantan. Kawasan ini mempunyai pemilih berdaftar berjumlah 45,384, pengundi telah keluar mengundi sebanyak 35,384 iaitu 78.11 peratus, undi rosak pula berjumlah 837 undi iaitu 2.36 peratus. Beliau memenangi pilihan raya dengan majoriti 4,486 undi iaitu 12.96 peratus. Undi yang diperolehi oleh beliau berjumlah 19,344 iaitu 55.88 peratus mengalahkan calon BN Mohd Afandi bin Yusof sebanyak 14, 858 (42.92 peratus) dan BEBAS Isma Airfath Bin Hassanuddin 330 orang (0.95 peratus). Calon kedua ialah calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) iaitu Wan Azizah binti Wan Ismail bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh P044, Pulau Pinang. Kawasan ni mempunyai 58,449 pemilih berdaftar, pengundi yang keluar mengundi sebanyak 47,442 iaitu sebanyak 81.17 peratus, undi rosak sebanyak 110 undi iaitu 0.23 peratus dengan majoriti kemenangan yang agak membanggakan sebanyak

---

<sup>29</sup> Norshidah Nordin dan Shireen Haron, et. al., Laporan Penyelidikan Tingkahlaku Pengundi Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12, UTM, Selangor, Oktober 2012, *News Straits Times*, 23 March 2004.

<sup>30</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Februari 2008, *News Straits Times*, 23 March 2004,

13,388 undi iaitu 28.29 peratus. Undi yang diperolehi berjumlah 30,338 undi iaitu 64.10 peratus mengalahkan calon BN Pirdaus bin Ismail yang memperolehi 16,950 undi (35.81 peratus). Calon ketiga ialah calon DAP iaitu Chong Eng bagi kerusi Parlimen Bukit Mertajam P045, Pulau Pinang. Kawasan ini mempunyai 64,080 pemilih berdaftar, pengundi yang keluar mengundi sebanyak 50,823 iaitu sebanyak 79.31 peratus, undi rosak sebanyak 931 undi iaitu 1.83 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 5,767 undi iaitu 11.56 peratus. Undi yang diperolehi berjumlah 27,817 undi iaitu 55.75 peratus mengalahkan calon BN Ong Tang Chuan yang memperolehi 22,050 undi (44.20 peratus).<sup>31</sup>

Calon keempat ialah Calon BN iaitu Tan Lian Hoe Ismail bagi kerusi Parlimen Gerik P054, Perak. Kawasan ni mempunyai 26,229 pemilih berdaftar, pengundi yang keluar mengundi sebanyak 20,493 iaitu sebanyak 78.13 peratus, undi rosak sebanyak 649 undi iaitu 3.17 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 5,573 undi iaitu 28.08 peratus. Undi yang diperolehi berjumlah 12,256 iaitu 63.12 peratus mengalahkan calon PAS, Mohd Noor Bin Abdul Rahman yang memperolehi 6,953 undi (35.04 peratus). Calon kelima ialah Calon DAP iaitu Fong Po Kuan bagi kerusi Parlimen Batu Gajah P066, Perak. Kawasan ini mempunyai 77,313 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 56,270 iaitu 72.78 peratus, undi rosak sebanyak 911 undi iaitu 1.62 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 24,627 undi iaitu 44.49 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 39,922 (72.11 peratus) mengalahkan calon BN Cheah Yoke Can yang memperolehi undi sebanyak 15,295 (27.63 peratus). Calon keenam ialah calon BN iaitu Rafidah Aziz bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar P067, Perak. Kawasan ini mempunyai 28,325 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 20,773 iaitu 73.34 peratus, undi rosak sebanyak 373 undi iaitu 1.80 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 1,458 undi iaitu 7.15 peratus dengan undi yang

---

<sup>31</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat Edisi*, Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.



diperolehi berjumlah 10,735 (52.62 peratus) mengalahkan calon PAS, Khairuddin Bin Abd Malik yang memperolehi undi sebanyak 9,277 (45.48 peratus). Seterusnya calon ketujuh ialah calon BN iaitu Oei Yang Yang @ Ng Yen Yen bagi kerusi Parlimen Raub, P080, Pahang. Kawasan ini mempunyai 46,454 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 34,459 iaitu 74.18 peratus, undi rosak sebanyak 915 undi iaitu 2.66 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 2,752 undi iaitu 8.20 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 18,078 (53.89 peratus) mengalahkan calon DAP Abu Bakar Bin Lebai Sudin yang memperolehi undi sebanyak 15,326 (45.69 peratus).<sup>32</sup>

Calon kelapan iaitu calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) iaitu Fuziah Binti Salleh bagi kerusi Parlimen Kuantan, P083, Pahang. Kawasan ini mempunyai 47,745 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 35,771 iaitu 74.92 peratus, undi rosak sebanyak 623 undi iaitu 1.74 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 1,826 undi iaitu 5.20 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 18,398 (52.34 peratus) mengalahkan calon BN Fu Ah Kiow @ Oh (Fu) Soon Guan yang memperolehi undi sebanyak 16,572 (47.15 peratus). Calon kesembilan ialah calon BN iaitu Noriah Binti Kasnon bagi kerusi Parlimen Sungai Besar, P093, Selangor. Kawasan ini mempunyai 34,073 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 27,927 iaitu 81.96 peratus, undi rosak sebanyak 656 undi iaitu 2.35 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 5,009 undi iaitu 18.37 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 16,069 (58.92 peratus) mengalahkan calon PAS, Osman Bin Sabran yang memperolehi undi sebanyak 11,060 (40.56 peratus).

Calon kesepuluh ialah calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) iaitu Zuraida Binti Kamaruddin bagi kerusi Parlimen Ampang, P099, Selangor. Kawasan ini mempunyai 69,132 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 51,097 iaitu 73.91 peratus, undi rosak sebanyak 636 undi iaitu 1.24 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 3,676 undi iaitu 7.28 peratus dengan undi yang

---

<sup>32</sup> Ibid.

diperolehi berjumlah 26,995 (53.50 peratus). Beliau mengalahkan calon BN Azman Bin Wahid yang memperolehi undi sebanyak 23,319 (46.21 peratus). Calon kesebelas ialah calon DAP iaitu Teo Nie Ching bagi kerusi Parlimen Serdang, P102, Selangor. Kawasan ini mempunyai 94,877 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 76,236 iaitu 80.35 peratus, undi rosak sebanyak 2,072 undi iaitu 2.72 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 21,025 undi iaitu 28.35 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 47,444 (63.97 peratus) serta mengalahkan calon BN Hoh Hee Lee yang memperolehi undi sebanyak 26,419 (35.62 peratus).<sup>33</sup>

Calon kedua belas ialah calon PAS Siti Mariah Binti Mahmud bagi kerusi Parlimen Kota Raja, P111, Selangor. Kawasan ini mempunyai 71,877 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 57,323 iaitu 79.74 peratus, undi rosak sebanyak 814 undi iaitu 1.42 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 20,751 undi iaitu 36.72 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 38,630 (68.36 peratus). Beliau mengalahkan calon BN S.Vigneswaran A/L M. Sanasee yang memperolehi undi sebanyak 18,879 (31.64 peratus). Calon ketiga belas ialah calon PAS, Lo' Lo' Binti Hj Mohamad Ghazali bagi kerusi Parlimen Titiwangsa, P119, Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai 49,892 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 33,933 iaitu 68.01 peratus, undi rosak sebanyak 191 undi iaitu 0.56 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 1,972 undi iaitu 5.84 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 17,857 (52.92 peratus) serta mengalahkan calon BN Aziz Jamaludin Bin Hj Mhd Tahir yang memperolehi undi sebanyak 15,885 (47.08 peratus). Calon keempat belas ialah calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Nurul Izzah Binti Anwar bagi kerusi Parlimen Lembah Pantai, P121, Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai 56,650 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 41,289 iaitu 72.88 peratus, undi rosak sebanyak 239 undi iaitu 0.58 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 2,895 undi iaitu 7.05 peratus dengan undi yang diperolehi

---

<sup>33</sup> Ibid.

berjumlah 21,728 (52.93 peratus). Beliau mengalahkan calon BN, Shahrizat Binti Abdul Jalil yang memperolehi undi sebanyak 18,833 (45.88 peratus) dan Calon BEBAS Periasamy A/L Nagarathnam yang memperolehi 489 undi (1.19 peratus) di mana beliau juga hilang wang deposit. Calon kelima belas ialah calon DAP iaitu Teresa Kok Suh Sim bagi kerusi Parlimen Seputeh, P122, Kuala Lumpur. Kawasan ini mempunyai 76,891 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 58,207 iaitu 75.70 peratus, undi rosak sebanyak 174 undi iaitu 0.30 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 36,492 undi iaitu 62.88 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 47,230 (81.38 peratus) mengalahkan calon BN, Chew Chee Lin yang memperolehi undi sebanyak 10,738 (18.50 peratus).<sup>34</sup>

Calon keenam belas ialah calon BN iaitu Noraini Binti Ahmad bagi kerusi Parlimen Parit Sulong, P147, Johor. Kawasan ini mempunyai 50,234 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 39,637 iaitu 78.90 peratus, undi rosak sebanyak 1,033 undi iaitu 2.61 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 13,599 undi iaitu 35.23 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 26,066 (67.52 peratus). Beliau berjaya mengalahkan calon PAS Faisal Bin Ali yang memperolehi undi sebanyak 12,467 (32.29 peratus). Calon ketujuh belas ialah calon BN iaitu Halimah Binti Mohd Sadique bagi kerusi Parlimen Tenggara, P155, Johor. Kawasan ini mempunyai 32,297 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 25,349 iaitu 78.49 peratus, undi rosak sebanyak 1,336 undi iaitu 5.27 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 14,049 undi iaitu 58.51 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 19,031 (79.25 peratus) mengalahkan calon PAS, Salleh Bin Farmin yang memperolehi undi sebanyak 4,982 (20.75 peratus). Calon kelapan belas ialah calon BN iaitu Azalina Binti Othman bagi kerusi Parlimen Pengerang, P157, Johor. Kawasan ini mempunyai 32,002 pemilih berdaftar. Beliau menang tanpa bertanding.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Ibid.

Kemudian calon kesembilan belas ialah calon BN iaitu Tan Ah Eng bagi kerusi Parlimen Gelang Patah, P162, Johor. Kawasan ini mempunyai 78,676 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 60,728 iaitu 77.19 peratus, undi rosak sebanyak 2,244 undi iaitu 3.70 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 8,851 undi iaitu 15.13 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 33,630 (57.50 peratus) mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Zaliha Binti Mustafa yang memperolehi undi sebanyak 24,779 (42.37 peratus). Calon kedua puluh ialah calon BN iaitu Rosnah Bte Hj Abd Rashid Shirlin bagi kerusi Parlimen Papar, P175, Sabah. Kawasan ini mempunyai 32,279 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 24,913 iaitu 77.18 peratus, undi rosak sebanyak 651 undi iaitu 2.61 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 9,574 undi iaitu 39.46 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 15,352 (63.28 peratus) mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Wahap Bin Idris yang memperolehi undi sebanyak 5,778 (23.82 peratus), manakala dua calon BEBAS hilang wang deposit iaitu Patrick Bin Sindu memperolehi undi sebanyak 2,268 (9.35 peratus) dan Mohd Hashim Bin Yussup @ Yusof memperolehi undi sebanyak 429 (1.77 peratus).<sup>36</sup>

Calon kedua puluh satu ialah calon BN iaitu Chua Soon Bui bagi kerusi Parlimen Tawau, P190, Sabah. Kawasan ini mempunyai 42,560 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 27,071 iaitu 63.61 peratus, undi rosak sebanyak 735 undi iaitu 2.72 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 4,867 undi iaitu 18.48 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 13,943 (52.94 peratus) mengalahkan calon DAP Chan Foong Hin yang memperolehi undi sebanyak 9,076 (3.46 peratus). Manakala calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) iaitu Berhan @ Birhan Bin Ruslan hilang wang deposit dengan memperolehi undi sebanyak 3,278 (12.45 peratus). Calon kedua puluh dua ialah calon BN iaitu Nancy Binti Syukri bagi kerusi Parlimen Batang Sadong, P200, Sarawak. Kawasan ini mempunyai 16,794

---

<sup>36</sup> Ibid.

pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 11,120 iaitu 66.21 peratus, undi rosak sebanyak 170 undi iaitu 1.53 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 5,425 undi iaitu 49.54 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 8,183 (74.73 peratus) serta mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Piee Bin Ling yang memperolehi undi sebanyak 2,758 (25.19 peratus).<sup>37</sup>

Calon kedua puluh tiga ialah calon BN iaitu Rohani Binti Abdul Karim bagi kerusi Parlimen Batang Lupar, P201, Sarawak. Kawasan ini mempunyai 22,417 pemilih berdaftar, pengundi keluar mengundi sebanyak 14,393 iaitu 64.21 peratus, undi rosak sebanyak 193 undi iaitu 1.34 peratus dengan majoriti kemenangan sebanyak 8,092 undi iaitu 56.99 peratus dengan undi yang diperolehi berjumlah 11,015 (77.57 peratus) mengalahkan calon PAS, Abang Eddy Allyanni Bin Abang Fauzi yang memperolehi undi sebanyak 2,923 (20.58 peratus). Manakala calon BEBAS Ali Bin Semsu memperolehi undi sebanyak 250 (1.76 peratus). Seterusnya calon terakhir kedua puluh empat ialah calon BN iaitu Norah Binti Abd Rahman bagi kerusi Parlimen Tanjong Manis, P206, Sarawak. Kawasan ini mempunyai 17,052 pemilih berdaftar. Beliau memenangi kerusi ini tanpa bertanding.<sup>38</sup>

Analisis mengenai Pilihan Raya Umum kali ini, kemenangan besar Pakatan rakyat apabila memperolehi sebanyak 49.7 peratus undi pada PRU 2008 memperlihatkan suatu ajakan paradigma yang ingin dizahirkan oleh rakyat Malaysia. BN Berjaya mendapat 50.28 peratus undi untuk terus kekal memerintah di peringkat pusat. BN Berjaya mendapatkan 140 kerusi Parlimen dan Pakatan Rakyat sebanyak 82 kerusi.<sup>39</sup> Empat buah negeri dan satu wilayah persekutuan telah dikuasai oleh pakatan pembangkang iaitu Pulau Pinang, kedah, Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Prestasi parti-parti komponen BN seperti UMNO, MCA, gerakan dan MIC juga merosot termasuk beberapa pimpinan tertinggi dan menteri Kabinetnya telah

---

<sup>37</sup> Ibid.

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> *Harian Metro*, 10 Mac 2008, *News Straits Times*, 16 Mac 2008.

kecundang seperti Zainuddin Maidin, Aziz Samsudin, S. Samy Vellu, Koh Tsu Koon dan M. Kayveas.<sup>40</sup> 44 orang calon wanita bertanding bagi kerusi parlimen. Tujuh wanita MCA, seorang calon wanita MIC, parti GERAKAN telah meletakka 12 orang calon, seorang dari SAPP Sabah dan tiga di Sarawak oleh parti PBB. PAS meletakkan lima calon, PKR lapan calon, DAP lapan orang calon manakala BEBAS dua orang. Namun begitu pada tahun ini keseluruhan wanita yang berjaya menjadi ahli Parlimen ialah seramai 24 orang. Terdapat 13 ahli Parlimen wanita Barisan Nasional (BN) 10 dari Pakatan Rakyat (PR), terdiri daripada empat daripada DAP, tiga masing-masing dari PAS dan empat PKR selepas Pilihan Raya Umum ke-12.

#### **Keputusan Ahli Dewan Rakyat Wanita Melayu dalam Pilihan Raya, 1999-2008**

Pada Pilihan Raya Umum 1999, menyaksikan parti pembangkang di kawasan majoriti orang Melayu berjaya menguasai beberapa kerusi Parlimen yang sebelum ini dimenangi oleh UMNO. Justeru, UMNO telah merosot sebanyak 16 kerusi berbanding 1995 (88 kerusi) lalu menjadikannya 72 kerusi. BN memenangi 148 kerusi pada pilihan raya tersebut. Rekod terbilang PAS tercapai apabila memenangi 27 kerusi, iaitu peningkatan 4 kali ganda berbanding sebelum ini. Manakala Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) yang bertanding buat pertama kali memenangi 5 kerusi. Bagaimanapun, lima calon wanita yang diturunkan oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) semuanya tewas dalam Pilihan Raya Umum ke-10 ini. Ini termasuk Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Marina Yusoff yang memberi tentangan segit kepada calon muka baru BN, Zulhasnan Rafique di Parlimen Wangsa Maju. Marina yang memperolehi 24,279 undi ditewaskan dengan majoriti 5,718 undi. PAS pada

---

<sup>40</sup> Amer Saifude Ghazali dan Zulkarnain Abdul Rahman , Pilihan Raya Umum Ke-12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian' dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke -12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 2011, hlm. 55-56.

ketika itu telah menjadi ketua pembangkang di Parlimen. Namun begitu PAS tidak meletakkan sebarang calon wanita sebagai calon pilihan raya pada tahun 1999.<sup>41</sup>

Pada Pilihan Raya Umum 2004 pula merupakan rekod terbilang bagi parti UMNO dan kerajaan Barisan Nasional. Perdana Menteri yang kelima Tun Abdullah Ahmad Badawi telah memimpin Barisan Nasional dan bertanggungjawab menjaga pentadbiran negara. Beliau dianggap sebagai penerus kegemilangan negara menjelang 2020 dan merupakan pemimpin yang berhemah dan mengajak pemimpin dan rakyat untuk 'bekerja bersama-sama saya dan bukan bekerja untuk saya'. Pada PRU 2004 ini, BN telah memenangi 198 dari 219 kerusi yang dipertandingkan, manakala pembangkang hanya memiliki 21 kerusi. Penganalisis politik seperti Haris Zalkaply dan Samsuri Roslan memberi tafsiran kemenangan berdasarkan landskap kemakmuran negara yang dilandaskan mantan Perdana Menteri ke-4 iaitu Mahathir Mohamad.<sup>42</sup> Seterusnya, wanita Melayu berjaya menjadi ahli Parlimen seramai 10 orang, pada tahun 2004 pula telah meningkat kepada 12 orang. Manakala pada tahun 2008 pula seramai 13 orang.

Pada Pilihan Raya Umum 2008, gelombang besar politik telah melanda negara apabila parti-parti pembangkang yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah berjaya menafikan majoriti dua pertiga BN dalam Parlimen buat pertama sejak 1969. Pakatan pembangkang yang kemudiannya bersatu menubuhkan satu perikatan bergelar Pakatan Rakyat (PR), telah berjaya memperolehi sejumlah 82 buah daripada 222 kerusi di Dewan Rakyat. Malahan, PR telah berjaya merampas beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak (sebelum dikuasai semula oleh BN secara kontroversi) dan masih gagal menggugat kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz

---

<sup>41</sup> Azman Zakaria, 'Analisis Sejarah Keputusan Pilihan Raya di Malaysia' dalam Worrn Hj. Kabul et. al., *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008, hlm. 46. Lihat *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999. Lihat *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

<sup>42</sup> Ibid. 28. Lihat juga <http://www.ugmc.bizland.com/Malaysia-Elections.html> diakses pada 19 November 2015. Lihat juga Samsuri Roslan, 'Sorotan 2008, Tahun Duka BN, Gemilang Pakatan Rakyat' dalam Haris Zalkapli (editor), *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd., 2009, hlm. 89-93.


Nik Mat sebagai Menteri Besar di Kelantan pada ketika itu. Kemerosotan mendadak jumlah undi yang diterima oleh Barisan Nasional tidak menghalang mereka untuk membentuk kerajaan pusat walaupun dengan majoriti asas lebih daripada  $\frac{1}{2}$  jumlah kerusi, tetapi kurang daripada  $\frac{2}{3}$  jumlah kerusi, sepanjang lima dekad kemerdekaan Malaysia, BN merupakan parti yang paling dominan di dalam negara. BN berjaya menguasai kesemua dua belas Pilihan Raya Umum di Malaysia dan sekaligus merupakan satu-satunya gabungan parti yang berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan sehingga kini. Walaupun dihimpit oleh pelbagai isu seperti krisis kepimpinan di kalangan parti-parti komponen BN disebabkan kekalahan besar semasa Pilihan Raya Umum 2008, namun ternyata keadaan itu tidak memberi kesan terhadap pentadbiran negara. Bahkan, proses peralihan kepimpinan utama di antara Perdana Menteri ketika itu, Abdullah Ahmad Badawi dengan Timbalan Perdana Menteri Najib Tun Abdul Razak berjalan lancar tanpa sebarang masalah.<sup>43</sup>

Kemunculan wanita Melayu dalam kalangan Parti UMNO, Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) dan PAS juga begitu memberangsangkan walaupun jumlah penurunan wakil rakyat wanita UMNO dalam Pilihan Raya Umum pada 2008. Penurunan ini dapat diseimbangkan dengan kehadiran wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat dari parti Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) dan juga PAS. Walau bagaimanapun, keadaan ini menunjukkan peningkatan jumlah wanita Melayu sebagai ahli Parlimen secara keseluruhannya. Berikut merupakan graf yang menunjukkan perbandingan wanita Melayu sepanjang tiga tempoh Pilihan Raya Umum ke iaitu pada Pilihan Raya Umum ke-10 hingga ke-12.

---

<sup>43</sup> Joseph M. Fernando, 'Pola Pengundian dan Isu-isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12' dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke -12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 2011, hlm. 1-2. <http://www.scribd.com/doc/31352697/Esei-Analisis-Pilihan-Raya-Individu-Zainal#scribd> diakses pada 18 November 2015.





Graf 7:1 Jumlah Wanita Melayu dalam Parlimen, 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2008, *Mingguan Malaysia*, 9 Mac 2008, *Sunday Star*, 9 March 2008, *New Straits Times*, 23 March 2004, *New Straits Times*, 1 Disember 1999.

Kejayaan perjuangan Wanita Barisan Nasional khususnya UMNO dalam memartabatkan wanita dapat dilihat ekoran kejayaan pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 (2) pada tahun 2001 bahawa 'tidak ada lagi diskriminasi gender' menjadi instrumen penting untuk mengangkat martabat kaum wanita. Pindaan ini disusuli dengan pelbagai pindaan perundangan, dasar dan peraturan. Antaranya ialah kejayaan mencapai sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam.<sup>44</sup> Kemunculan calon-calon Pakatan Pembangkang dari PAS dan PKR antara tahun 1999 hingga 2008 menunjukkan perubahan berikutan kejayaan beberapa orang calon dalam PRU iaitu seorang wakil rakyat PAS pada tahun 2004 dan tiga orang ahli Parlimen pada tahun 2008. Manakala pada tahun 1999 dan 2004 pula seorang calon Parti Keadilan Rakyat berjaya menjadi ahli Parlimen dan tahun 2008 pula empat orang calon berjaya menjadi ahli Parlimen.

<sup>44</sup> *Utusan Malaysia*, 7 April 2013. Setelah kejayaan mencapai sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam, dasar baharu diumumkan pada 2012 agar kuota itu turut merangkumi sektor swasta.

### Wakil Rakyat Parlimen UMNO, 1999-2008

Penglibatan wanita UMNO sebagai ahli Parlimen menyaksikan calon-calon wanita mencatat pencapaian yang memberangsangkan sepanjang tempoh 1999 hingga 2008. Wanita Melayu dalam parti UMNO seperti Rafidah Aziz, Zaleha Ismail dan Shahrizat Abdul Jalil memiliki pengalaman yang lama dalam mengekalkan jawatan dalam parti mahupun sebagai ahli Parlimen.<sup>45</sup> Secara ringkas mengenai calon-calon UMNO yang berjaya dalam Pilihan Raya Umum adalah seperti jadual berikut.

Jadual 7:3 Ahli Parlimen Wanita UMNO 1999

Calon UMNO	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Mastika Junaidah Binti Husin (BN)	Arau P003, Perlis.	29, 473 (81.80 %)	15, 297	1, 586	52.64 %
2. Khansiyah @ Khamsiyah Binti Yeop (BN)	Gerik P052, Perak	26, 167 (71.09 %)	15, 297	6, 175	59.60 %
3. Rafidah Binti Aziz (BN)	Kuala Kangsar P064, Perak	21, 886 (67.16 %)	12, 074	2, 774	56.28 %
4. Siti Zaharah Binti Sulaiman (BN)	Paya Besar P076, Pahang	42, 221 (79.24 %)	20, 749	3, 563	51.02 %
5. Zaleha Binti Ismail (BN)	Gombak P091, Selangor	56, 077 (75.84 %)	28, 299	1, 176	51.06 %
6. Seripah Noli Binti Syed Hussin (BN)	Sepang P102, Selangor	40, 145 (74.12 %)	23, 069	7, 162	59.13 %
7. Shahrizat Binti Abdul Jalil (BN)	Lembah Pantai P109, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	36, 210 (68.83 %)	18, 689	1, 417	51.88 %

<sup>45</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999.

Jadual 7:3 Sambungan

8. Napsiah Binti Omar (BN)	Kuala Pilah P116, Negeri Sembilan.	31, 232 (71.14 %)	16, 494	2, 818	54.39 %
9. Robia Binti Kosai (BN)	Muar P133, Johor	29, 090 (70.03 %,)	17, 693	7, 182	62.66 %

Sumber : Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, Majalah *Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14.

Pada Pilihan Raya Umum kali ini, pencapaian bagi calon wanita cukup memberangsangkan di mana seramai 44 orang daripada 61 orang pencalonan menang dengan 9 orang dari untuk kerusi Parlimen dan 25 orang untuk kerusi DUN. Walau bagaimanapun amat malang bagi BN kerana daripada 43 orang calon 5 orang telah tewas dan 3 orang lagi tewas di Kelantan. Senator Mastika Junaidah Husin<sup>46</sup> daripada Parlimen Arau merupakan muka baru yang berjaya dalam Pilihan Raya Umum kali ini. Selain itu juga lima antara ahli Parlimen wanita yang cukup berpengalaman yang masih mempertahankan kerusi mereka iaitu:

1. Rafidah Aziz (Kuala Kangsar P064, Perak)
2. Siti Zaharah Sulaiman (Paya Besar P076, Pahang)
3. Zaleha Ismail (Gombak P091, Selangor)
4. Sharizat Abdul Jalil (Lembah Pantai P109, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
5. Seripah Noli Binti Syed Hussin (Sepang P102, Selangor)

Seterusnya pembentukan kabinet baru yang telah diadakan pada 10 Disember 1999 menyaksikan hanya dua wanita dilantik Menteri penuh di mana sebelum ini adalah tiga orang. Mereka ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Rafidah

<sup>46</sup> Sebelum dilantik sebagai ahli Dewan Negara pada 1994, Mastika Junaidah Husin bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah dan Penolong Kanan pegawai pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Antara jawatan yang disandang oleh beliau ialah Naib Ketua Wanita UMNO Perlis dan Ahli Exco UMNO Perlis. Pada tahun 2003 beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan keluarga sehingga 2004. Beliau merupakan lulusan Universiti Malaya dalam bidang pertanian. Lihat *Bernama*, 24 Jun 2003.

Aziz dikekalkan memegang portfolio yang sama. Manakala Ketua Pergerakan Wanita UMNO pada ketika iaitu, Siti Zaharah Sulaiman dilantik sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggantikan Zaleha Ismail yang digugurkan daripada senarai kabinet. Siti Zaharah sebelum ini merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Napsiah Omar bekas Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang juga Ahli Parlimen Kuala Pilah tidak tersenarai dalam susunan kabinet baru itu. Walaupun bilangan Menteri wanita dikurangkan kepada dua orang, kuota Timbalan Menterinya dikembalikan kepada dua orang seperti ditinggalkan oleh bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Siti Zainab Abu Bakar. Sharizat Abdul Jalil<sup>47</sup> dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di mana sebelum ini beliau merupakan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan.<sup>48</sup>

Ketua Pergerakan Wanita UMNO pada ketika itu<sup>49</sup> melahirkan rasa bangga dengan pencapaian calon wanita UMNO yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1999 apabila memenangi sembilan kerusi Parlimen daripada 11 kerusi yang dipertandingkan. Beliau berkata:

Dua kerusi Parlimen yang gagal direbut membabitkan Zaleha Hussin bagi Parlimen Kubang Kerian dan Ilani Isahak Parlimen Kota Bharu. Kejayaan calon wanita UMNO membuktikan prestasi mereka cukup membanggakan sehingga mampu mencabar calon parti pembangkang dalam suasana pilihan raya yang sangat mencabar tahun ini, berikutan pembangkang menggunakan

---

<sup>47</sup> Shahrizat Abdul Jalil dilahirkan di Pulau Pinang pada 15 Ogos 1953 dan bekas Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia dan bekas ahli Parlimen Lembah Pantai. Beliau memegang jawatan Ketua Wanita UMNO setelah mengalahkan pencabarnya yang juga merupakan penyandang terdahulu iaitu Rafidah Aziz semasa perhimpunan Agung UMNO 2009. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Jalan Northam dan Madrasah Tarbiah Islamiah, Pulau Pinang. Beliau meneruskan pendidikan menengah rendah di Sekolah Perempuan St. George, Pulau Pinang dan kemudian ke Kolej Tunku Kursiah, Seremban Negeri Sembilan. Beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang Undang-Undang pada tahun 1973 dan dianugerahkan Ijazah LLB (\*Hons) pada tahun 1976. Setelah berkhidmat selama tiga tahun sebagai Majistret, beliau dilantik sebagai Penolong Peguamcara Perbendaharaan dan telah meletakkan jawatan daripada Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Malaysia pada tahun 1980 dan menjadi rakan kongsi selama 16 tahun dengan SooThein Ming & Shahrizat. Beliau memulakan perkhidmatan Peguambela dan Peguamcara di Tuetuan Shahrizat & Tan pada 1 Julai 1983. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Dr. Mohamad Salleh Ismail dan dikurniakan tiga orang anak, dua lelaki dan satu perempuan. Penglibatan beliau dalam politik bermula pada tahun 1982 apabila beliau terpilih sebagai Ketua Wanita UMNO Cawangan Kepong Baru. Bermula tahun 1987, beliau telah menjawat beberapa jawatan di dalam biro-biro Wanita UMNO seperti Ahli Jawatankuasa Biro Undang-undang, Biro Ekonomi dan Biro Hal Ehwal Wanita UMNO Malaysia. Pada tahun 1989, beliau dipilih sebagai Ketua Wanita UMNO Bahagian Kepong dan dipilih sebagai Ahli Exco Wanita UMNO Malaysia. Lihat [biodatatokoh.blogspot.my/2008/03/shahrizat-abdul-jalil-datuk-seri.html](http://biodatatokoh.blogspot.my/2008/03/shahrizat-abdul-jalil-datuk-seri.html) yang diakses pada 11 Disember 2015.

<sup>48</sup> *Utusan Malaysia*, 11 Disember 1999.

<sup>49</sup> Siti Zaharah Sulaiman merupakan Ketua Pergerakan Wanita UMNO pada tahun 1999.

isu nasional bagi meraih undi. Kemampuan wanita semakin bermakna apabila BN mampu menebus kembali kekalahan di Parlimen Arau menerusi calonnya, Mastika Junaidah Husin dan ini membuktikan calon turut menentukan kejayaan untuk merampas kerusi pembangkang. Kejayaan wanita pada pilihan raya kali ini sebagai membalas amanah yang diberikan oleh Dr. Mahathir Mohamad yang bersedia menambah kerusi bagi wanita bertanding iaitu tambahan empat kerusi Parlimen berbanding tujuh kerusi yang diperuntukkan pada tahun 1995. Berdasarkan keputusan, walaupun kita tewas dua kerusi Parlimen tetapi kita memiliki dua tambahan kerusi parlimen berbanding pilihan raya lalu. Secara keseluruhan, saya sangat berbangga dengan keputusan yang membuktikan prestasi calon wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-10 ini.<sup>50</sup>

Namun begitu, menurut Rafidah Aziz pula mengatakan penurunan majoriti yang diperolehi oleh Barisan Nasional menunjukkan parti berkenaan perlu bekerja lebih keras bagi memberi penerangan kepada rakyat untuk memulihkan keadaan. Tumpuan penerangan itu perlu diberikan kepada golongan muda yang terbukti tidak berpandangan jauh dan terlalu mengikut emosi ketika membuat pilihan. Katanya lagi:

Kita perlu memberi penerangan kepada anak muda bagaimana mereka harus berpandangan jauh dan jangan mengikut emosi dengan menujar corak serta haluan politik. Ini kerana dalam jangka masa panjang akan memberi kesan negatif kepada mereka sendiri. Antara punca kekurangan majoriti BN itu ialah penggunaan ramai orang luar untuk berkempen oleh pembangkang, terutama penuntut Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Kedatangan pelajar terbabit dari rumah ke rumah bukan membawa cerita pembangunan, tetapi pendekatan beremosi.<sup>51</sup>

Secara keseluruhan pencapaian wanita UMNO sebagai wakil rakyat pada PRU 1999 ini, Robia Binti Kosai memperolehi peratus kemenangan yang tertinggi iaitu 62.66 peratus di kawasan Parlimen Muar P133, Johor. Calon yang memperolehi peratus terendah pula ialah Siti Zaharah Binti Sulaiman iaitu sebanyak 51.02 peratus di kawasan Paya Besar P076, Pahang.

---

<sup>50</sup> Temuramah wartawan Berita Harian dengan Siti Zaharah Sulaiman Ketua Pergerakan Wanita UMNO pada tahun 1999 dan disiarkan dalam *Berita Harian* 1 Disember 1999.

<sup>51</sup> Temuramah wartawan Berita Harian dengan Rafidah Aziz Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada tahun 1999 di Ipoh Perak, dan disiarkan dalam *Berita Harian*, 1 Disember 1999.

Jadual 7:4 Ahli Parlimen Wanita UMNO 2004

Calon UMNO	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Rafidah Aziz	Kuala Kangsar P067, Perak	17, 484 (61.58 %)	11, 305	5, 557	65.81 %
2. Dato Seri Shahrizhat @Shahrizat Abdul Jalil	Lembah Pantai P121, Wilayah Persekutan Kuala Lumpur.	37, 958 (67.11 %)	26, 474	15, 288	70.14 %
3. Dato' Seri Dr. Siti Zaharah Sulaiman	Paya Besar P084, Pahang	29, 001 (77.46 %)	20, 474	12, 518	72 %
4. Dato' Dr. Mashitah Ibrahim	Baling P016, Kedah	62, 202 (80.31 %)	26, 269	10, 316	62.20 %
5. Dato' Azalina Othman	Pengerang P157, Johor				MTB
6. Rosnah Abdul Rashid Shirlin	Papar P175, Sabah				MTB
7. Dato' Azizah Mohd Dun	Beaufort P177, Sabah				MTB
8. Dato' Khansiyah @ Khamsiyah Yeop	Lenggong P055, Perak	16, 531 (71.38 %)	10, 924	5, 632	67.28 %
9. Noriah Kasnon	Sungai Besar P093, Selangor.	24, 120 (77.80 %)	15, 337	7, 349	65.75%
10. Dr. Rozaidah Talib	Ampang P099, Selangor	47, 479 (71.26 %)	33, 214	19, 732	71.02 %

#MTB : Menang Tanpa Bertanding

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.

Pada PRU 2004 menunjukkan peningkatan jumlah calon wanita UMNO yang berjaya iaitu seramai 10 orang berbanding 9 orang pada tahun 1999. Walau bagaimanapun

terdapat tiga calon yang menang tanpa bertanding iaitu Azalina Othman di Parlimen P157 Pengerang, Johor, Rosnah Abdul Rashid Shirlin di Parlimen P175 Papar, Sabah dan Azizah Mohd Dun<sup>52</sup> di Parlimen P177 Beaufort, Sabah. Ketiga-tiga mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang baik. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam pencalonan tersebut. Sebagai contoh Azizah dilihat menceburkan diri dalam politik disebabkan oleh pengaruh daripada bapanya Mohd Dun Banir yang pernah menjadi ahli Parlimen dan wakil rakyat di Beaufort. Minat beliau dalam politik merupakan kesinambungan daripada perjuangan ayahnya sebelum ini.

Selain itu kemunculan tokoh agamawan iaitu Mashitah Ibrahim<sup>53</sup> menyemarakkan lagi perjuangan wanita UMNO setelah mencapai kejayaan dalam pilihan raya dan memenangi kerusi Parlimen di Baling. Beliau berjaya mengalahkan bekas imam Masjid Negara, Kuala Lumpur iaitu Taib Azamudden Md Taib dari PAS dengan majoriti 4,229. Ketokohan dan kewibawaan yang ada pada pendakwah bebas dan bekas Pesyarah Jabatan al-Quran dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu dilihat mampu meraih sokongan padu penduduk kawasan itu, khususnya wanita. Beliau mengatakan bahawa pengalaman luas dalam bidang politik akan digunakan sepenuhnya bagi menjamin kemenangan BN, sekaligus merampas kawasan yang menjadi kubu kuat pembangkang iaitu PAS. Menurut beliau lagi, tugas sebagai pendakwah memberi kekuatan dan semangat untuknya memperjuangkan nasib wanita. Menurut Mashitah Ibrahim lagi, katanya:

Berdasarkan pengalaman politik, saya lihat sikap dan penampilan calon yang bertanding mempengaruhi pengundi bagi menentukan siapa menjadi pilihan mereka, Di Baling, wanita selama ini kehausan tokoh untuk

---

<sup>52</sup> Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun merupakan anak bekas Ahli Parlimen Beaufort iaitu Panglima Mohd Dun Banir dan juga wakil rakyat yang dihormati ramai. Beliau dilahirkan pada 4 November 1960. Beliau berkelulusan Barrister at Law dari Lincoln's Inn, United Kingdom, Azizah kembali ke tanah Air pada 1981. Beliau dicalonkan bertanding dalam pilihan raya negeri Sabah pada 1985 dan telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Klias. Seterusnya pada 1995 beliau dilantik menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO Sabah dan menjadi Ahli Dewan Negara pada Jun 2003. Beliau cukup yakin dan percaya kesedaran politik di kalangan orang ramai, termasuk kaum wanita yang semakin meluas dapat membimbing mereka memilih calon-calon yang layak untuk bertanding sebagai pemimpin. [https://en.wikipedia.org/wiki/Azizah\\_Mohd\\_Dun](https://en.wikipedia.org/wiki/Azizah_Mohd_Dun) diakses pada 2 Mac 2016.

<sup>53</sup> Mashitah Binti Ibrahim merupakan bekas ahli Parlimen Baling, Kedah dan bekas pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak Selangor. Beliau memperolehi Ijazah doktor falsafah daripada universiti al-Azhar Mesir. Beliau juga merupakan Ketua Wanita UMNO bahagian Baling setelah mengalahkan pencabarnya pada persidangan UMNO Bahagian pada 1 November 2008. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Mashitah\\_Binti\\_Ibrahim](https://ms.wikipedia.org/wiki/Mashitah_Binti_Ibrahim) diakses pada 2 Mac 2016.

mewakili mereka dan diharapkan hasrat mereka dapat diterjemahkan pada kertas undi.<sup>54</sup>

Beliau juga seringkali muncul dalam majlis ilmu dan forum-forum yang dianjurkan oleh media elektronik seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam di TV 1. Keadaan ini juga dilihat sebagai salah satu faktor kejayaan Mashitah dalam Pilihan Raya Umum ini. Selain itu pengekalan kejayaan Shahrizat Abdul Jalil berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Lembah Pantai buat kali ketiga berturut-turut bermula pada Pilihan Raya Umum 1995 apabila berjaya menewaskan calon parti Semangat 46 yang juga bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dengan majoriti 13,359 undi. Kejayaan itu diteruskan pada Pilihan Raya Umum 1999 apabila mengekalkan kemenangan BN dengan menewaskan pencabar yang tidak kurang hebatnya daripada parti Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Zainur Zakaria, juga peguam terkenal dengan majoriti undi sebanyak 1,417. Khansiyah @ Khamsiyah Yeop juga memperolehi majoriti undi sebanyak 5,632. Seterusnya Noriah Binti Kasnon<sup>55</sup> juga berjaya menjadi ahli Parlimen Sungai Besar Selangor dengan majoriti 5,009.

Jadual 7:5 Ahli Parlimen Wanita UMNO 2008

Calon dan parti	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Rafidah Aziz	Kuala Kangsar P067, Perak	20,773 (73.34 %)	10,735	1,458	52.62%
2. Noriah Binti Kasnon	Sungai Besar, P093, Selangor	27,927 (81.96 %)	16,069	5,009	58.92%
3. Noraini Binti Ahmad	Parit Sulong, P147, Johor	39,637 (78.90 %)	26,066	13,599	67.52%

<sup>54</sup> Temubual dijalankan oleh wartawan *Harian Metro* edisi Ahad pada 21 Mac 2004.

<sup>55</sup> Puan Noriah Kasnon berasal dari Sungai Burung, Selangor. Beliau berkelulusan Sarjana Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa. Noriah pernah bertugas sebagai peguam di beberapa firma guaman sebelum menceburi politik. Ibu kepada anak empat ini menyertai perjuangan UMNO atas dasar ingin melihat wanita sentiasa maju dan membangun dalam apa jua bidang memandangkan kuasa politik amat penting sebagai asas perjuangan. Noriah pernah menjadi setiausaha Wanita UMNO Selangor pada tahun 2001 sehingga 2003 beliau pernah menjadi Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2008-2009 dan Timbalan Menteri Tenaga dan, Teknologi Hijau dan air pada tahun 2009. Lihat *Sarawakvoice.com*, 6 Mei 2016.



Jadual 7:5 sambungan

4. Halimah Binti Mohd Sadique	Tenggara, P155, Johor	25, 349 (78.49 %)	19, 031	14, 049	79.25%
5. Azalina Binti Othman	Pengerang, P157, Johor				MTB
6. Rosnah Bte Hj Abd Rashid Shirlin	Papar, P175, Sabah	24, 913 (77.18 %)	15, 352	9, 574	63.28 %

#MTB : Menang Tanpa Bertanding

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Perbandingan perubahan yang berlaku dalam PRU ke-12 menunjukkan penurunan yang agak ketara berbanding 1999 dan 2004. Walau bagaimanapun berdasarkan jumlah keseluruhan wanita yang menjadi ahli Parlimen menunjukkan peningkatan. Bagi perubahan yang berlaku pencalonan dan latar belakang calon-calon yang cukup berwibawa. Kewibawaan dan ketokohan wanita dalam pilihan raya sudah terbukti kebanyakan calon wanita yang diberi mandat menerajui sesebuah kawasan berjaya memberi khidmat dengan cemerlang, apatah lagi kini semakin ramai yang berpendidikan tinggi. Keadaan ini diakui oleh Norliza Anmad Calon UMNO DUN Selat Klang di mana beliau bertanding menentang calon PAS pada Pilihan Raya Umum 2004.

Beliau menyatakan:

Wanita kini dapat melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dengan baik. Kerana itu, hari ini ramai yang berkebolehan diketengahkan, termasuk untuk bertanding pada pilihan raya kali ini.<sup>56</sup>

Pernyataan ini turut disokong oleh calon Parlimen Bukit Bintang, Tan Chew Mooi yang menjadi calon wanita pertama bertanding atas tiket MCA pada PRU 2004 ini, di mana beliau mengatakan kepercayaan yang diberi itu membuktikan wanita turut

<sup>56</sup> Temubual dengan Norliza Ahmad Calon Wanita UMNO DUN Selat Klang oleh wartawan *Harian Metro* edisi Ahad pada 21 Mac 2004.

bertanggungjawab dalam pembentukan masyarakat dan negara. Antara kelayakan yang dimiliki oleh calon-calon yang bertanding seperti Rafidah Aziz<sup>57</sup> yang berpengalaman sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sememangnya diakui. Pemilihan pengundi boleh dilihat berdasarkan tiga Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008 menunjukkan kejayaan Rafidah Aziz walaupun menunjukkan kadar penurunan jumlah undi yang diperolehi oleh beliau. Bagi Barisan Nasional, pemilihan mereka yang berkebolehan dan berupaya menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin serta menghadapi parti lawan dititikberatkan bagi memastikan kemenangan mutlak menjadi milik mereka.


Secara keseluruhannya, jumlah calon wanita yang terpilih untuk bertanding semakin meningkat dan amat membanggakan. Pilihan Raya Umum 2008 menyaksikan Barisan Nasional (BN) meletakkan sejumlah 67 calon yang terdiri daripada wakil Pergerakan Wanita BN. Daripada jumlah tersebut, 21 calon diberi kepercayaan untuk bertanding di kerusi Parlimen manakala 46 kerusi DUN. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding Pilihan Raya Umum 2004 yang meletakkan calon wanita sejumlah 61 orang. Ini menunjukkan peningkatan 19.05 peratus bagi calon wanita yang bertanding di kerusi Parlimen dan 21.74 peratus bagi kerusi DUN pada tahun 2008.<sup>58</sup> Selain itu juga kemenangan Ketua Puteri UMNO pada tahun 2008, Noraini Binti Ahmad berjaya memenangi kerusi Parlimen Parit Sulong pada kemunculan pertamanya

---

<sup>57</sup> Rafidah Aziz dilahirkan di Selama, Perak pada 1943, beliau dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO sewaktu beliau berusia dalam lingkungan 20-an. Sebagai bintang harapan di Universiti Malaya, bakatnya dikesan sejak menjadi pelajar tahun dua dalam bidang ekonomi melalui forum-forum awam dan ceramah mengenai ekonomi asas serta isu-isu wanita yang disertainya. Beliau juga menjadi wanita Melayu pertama yang ditawarkan biasiswa Rancangan Colombo pada 1963 yang ditolaknya. Beliau menerima biasiswa Bank Negara. Pada tahun 1970, beliau juga mencatat sejarah sebagai wanita Melayu pertama memperolehi Sarjana Ekonomi dan menjadi pensyarah dalam matapelajaran tersebut. Pada waktu itu juga Tun Abdul Razak memulakan program-program untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pembangunan arus perdana dan menggalakkan para graduan-graduan universiti, golongan profesional terutama wanita menyertai dan menjadi ahli UMNO. Ketua wanita UMNO pada ketika itu iaitu Tun Fatimah Hashim telah melantik Rafidah dalam biro ekonomi begitu juga dengan Tun Abdul Razak memilih beliau menyertai biro ekonomi, Menurut Rafidah 'Kerana itulah saya menyertai UMNO'. Rafidah memecah ruyung dan diberi portfolio yang lebih mencabar sebagai Timbalan Menteri Kewangan pada tahun 1977 sebelum dilantik sebagai Menteri Perusahaan Awam pada tahun 1980. Tujuh tahun kemudian beliau menyandang tugas sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang kemudian dinaiktaraf sebagai Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau merupakan Menteri wanita pertama yang dibawa masuk ke Kabinet kerana kepakarannya dan bukan jawatannya sebagai Ketua Wanita UMNO. Beliau merupakan seorang yang berani dan berkeyakinan tinggi adalah kerana beliau cukup arif dalam bidangnya. Ini membuatkan beliau sangat dihormati oleh rakan-rakan sejawatannya sama ada di dalam mahupun di luar negara. Rujuk *Wanita dan Politik Malaysia* terbitan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2010, hlm. 58.

<sup>58</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita Dalam Pilihanraya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando (et. al), *Pilihanraya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011. hlm. 187. Lihat *Utusan Malaysia*, 25 Februari 2008.

dalam Pilihan Raya Umum. Beliau memperolehi 26,066 undi menewaskan calon PAS, Faizal Ali yang mendapat 12,467 undi. Namun begitu, calon UMNO yang tewas antaranya ialah Norraesah Mohamad yang kecundang di tangan seorang peguam iaitu Yusmadi Yusoff daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) di Parlimen Balik Pulau dengan majoriti 708 undi.



Carta Pai 7:2 Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO (Parlimen), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14, *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berdasarkan graf di atas 9 wanita UMNO pada tahun 1999 telah berjaya menjadi ahli Parlimen. Namun pada tahun 2004 pula jumlah meningkat kepada 10 orang. Namun pada tahun 2008 penurunan wanita UMNO agak ketara iaitu kepada 6 orang sahaja. Keadaan ini dilihat agak drastik memandangkan Pilihan Raya Umum tahun 2008 dianggap gelombang 'tsunami' politik yang cukup mengejutkan berdasarkan keputusan pilihan raya secara keseluruhannya.

Ramlah Adam mengatakan rata-rata calon wanita yang berjaya untuk kerusi Parlimen adalah dari kalangan pemimpin yang berpengalaman kerana sudah terbabit lama dalam arena politik. Mereka juga merupakan pekerja yang setia dan mempunyai tanggungjawab sebagai ketua dalam sesebuah organisasi atau syarikat serta badan berkanun kerajaan. Menurut Ramlah Adam lagi antara faktor kemenangan mereka juga bergantung kepada kawasan yang tertentu sekaligus sesebuah parti politik itu tidak bimbang meletakkan calon wanita sungguhpun wanita tersebut merupakan calon baru. Kemenangan mereka itu juga bergantung kepada sesuatu kawasan, nama dan keutuhan parti yang bertanding.<sup>59</sup> Kenyataan Ramlah Adam tersebut juga diakui oleh Salawati Mat Basir dalam rancangan *Women's Power*. Katanya:

Pertamanya saya melihat satu senario yang agak berbeza daripada PRU sebelum ini. Saya melihat bahawa sudah wujud keseimbangan calon lelaki dan calon wanita, dan kemudian kita lihat calon wanita dari pihak Barisan Nasional dan juga barisan pihak pembangkang. Kekuatan wanita sebagai calon itu sudah mula dipertunjukkan. Terdapat beberapa kemenangan saya rasa agak banyak. Sebenarnya kemenangan sama ada dari pihak calon Barisan Nasional dan juga pembangkang daripada wakil rakyat wanita ini tadi dilihat sudah mula memenuhi kerusi DUN dan Juga Parlimen...Kita boleh lihat permainan atau strategi politik parti Barisan Nasional dan pembangkang terhadap wanita mulai berubah.<sup>60</sup>

Ulasan Salawati Mat Basir ini menguatkan lagi kenyataan Ramlah Adam mengenai perubahan masyarakat yang menerima kehadiran calon wanita Melayu dalam kalangan wanita muda seperti Nurul Izzah dan Azalina Othman. Keadaan ini membuktikan kesan daripada 'tsunami' politik tahun 2008 telah membawa kepada perubahan yang cukup bermakna pada pilihan raya seterusnya serta menguatkan lagi betapa wanita mempunyai kepentingan dalam proses pilihan raya di negara ini termasuk menjadi calon pilihan

---

<sup>59</sup> Ibid.

<sup>60</sup> Temuramah wartawan Nor Maiza Musa rangkaian Mobtv dengan Salawati Mat Basir dalam program *Women's Power* yang disiarkan dalam [www.mobtv.com](http://mobtv.com) pada 23 September 2014. Lihat <http://mobtv.my/talkshow-5915.html> di akses 24 September 2014. Beliau mengulas tentang 7 pilihan raya kecil telah diadakan selepas PRU ke 13 termasuk di Pengkalan Kubor di mana calon wanita dilihat hanya bertanding pada 2 kerusi iaitu di Teluk Intan dan juga di Kajang.

raya. Sebagai contoh Rafidah Aziz berjaya mengekalkan jawatan beliau sebagai Ahli Parlimen beberapa penggal membuktikan keupayaan beliau mewakili suara wanita.<sup>61</sup>

Menurut Mohd Zamani Ismail, katanya:

Kejayaan Rafidah Aziz sebagai ahli Parlimen telah membuktikan keupayaan beliau amat sesuai bertanding di tempat kelahiran beliau di Perak. Justeru itu, keluarga dan masyarakat di situ sudah mengenali beliau dan memiliki penyokong tegar dari akar umbi yang kuat.<sup>62</sup>

Seterusnya berdasarkan kajian dan analisis terperinci oleh sebuah organisasi bernama *Centre of Strategic Engagement* (CSE) menunjukkan bahawa sokongan pengundi Melayu kepada UMNO dan BN meningkat lapan peratus sejak Pilihan Raya Umum ke-12. Ia juga mendapati jentera pilihan raya UMNO/BN lebih tersusun dan ditadbir oleh andaian yang lebih realistik berbanding 2008. UMNO telah berusaha keras memperbaiki jentera dan struktur parti serta memulihkan semangat ahli. Proses pemulihan termasuk pindaan Perlembagaan, pembaharuan pemikiran dan budaya kerja, menyusun semula kepimpinan peringkat negeri dan pendaftaran ahli baru. Menurut kajian CSE itu juga, faktor yang turut mempengaruhi keputusan PRU12 adalah kepimpinan, isu infrastruktur, logistik, pembiayaan dan jentera kempen. Walaupun UMNO/BN mempunyai keupayaan logistik dan infrastruktur yang mantap di kawasan luar bandar, tumpuan mesti juga diberikan terhadap penguasaan media sosial sebagai alat atau perantaraan kempen kepada pengundi muda. Bagi wanita UMNO, ia harus memainkan peranan dalam proses *engagement* dengan akar umbi secara konsisten, tersusun, sistematik dan mengesankan. Semua pemimpin dan ahlinya bertanggungjawab memastikan pergerakan ini terus mantap dan kukuh. Mereka perlu menggunakan kekuatan minda, modal intelektual, daya kreativiti dan kelebihan semulajadi untuk bersama-

---

<sup>61</sup> Rafidah Aziz pernah menjawat jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (1976), Timbalan Menteri Kewangan (1977-1980) Menteri Perusahaan Awam (1980-1987) dan Senator Dewan Negara (1974). Beliau juga pernah menjadi Penasihat untuk Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung Malaysia (GPMS). Beliau juga merupakan Ketua Wanita UMNO yang paling lama mengekalkan kedudukan di kerusi nombor satu. Lihat *Utusan Malaysia*, 11 Mei 2006 dan *Utusan Malaysia*, 29 Mac 2009.

<sup>62</sup> Temubual dengan Mohd Zamani Ismail di Kediaman beliau Gombak, Selangor pada 6 Jun 2016. Beliau merupakan pengundi di kawasan Besut Terengganu dan merupakan mantan Ketua Ulama Syura Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 2013.

sama menggembeleng kekuatan jentera parti agar mencapai kejayaan yang lebih besar dan bermakna terutama dalam Pilihan Raya Umum.<sup>63</sup> Pada kali ini, wanita Melayu yang menjadi anggota kabinet ialah Azalina Othman di bawah Kementerian Pelancongan.

Menurut ahli Parlimen Kulai yang mewakili DAP iaitu Teo Nie Ching, katanya:

Kita patut memperkasakan daya wanita. BN sebelum ini mengatakan akan meningkatkan penglibatan wanita dalam menjana keputusan hingga 30 peratus. Dengan jumlah dua Menteri dalam kabinet, peratusannya kurang daripada 10 peratus. Kita perlu meningkatkannya sehingga 15-20 peratus lagi bagi mendekati sasaran 30 peratus. Wanita juga tidak seharusnya diletakkan kepada portfolio tertentu.<sup>64</sup>

Kenyataan dan dakwaan oleh ahli Parlimen Kulai ini telah disangkal oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, Rosnah Abdul Rashid Shirlin yang menyatakan keadaan itu tidak membimbangkan. Bagi beliau seseorang yang dilantik untuk sesuatu jawatan haruslah seseorang yang layak, bukan kerana kuota dan sebagainya. Katanya:

Hal ini kerana Perdana Menteri memilih mereka yang menjawat jawatan dalam kabinet berdasarkan kelayakan dan kredibiliti masing-masing. Barisan Kabinet yang dipilih oleh Perdana Menteri merupakan barisan kabinet yang membawa suara semua dan jumlah golongan wanita di dalam kabinet pada kali ini juga mampu memperjuangkan isu wanita dalam segala aspek.<sup>65</sup>

Berbeza dengan pandangan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Mashitah Ibrahim berkata:

Kurangnya pencalonan wanita untuk kerusi Parlimen menyebabkan suara wanita di Dewan Rakyat akan berkurangan, berbanding pencalonan wanita untuk DUN. Perkara ini perlu diperbaiki agar kebolehan wanita dapat dimaksimakan dan diketengahkan bukan sahaja di kabinet malah di sektor yang lain.<sup>66</sup>

---

<sup>63</sup> *Sinar Harian*, 13 Julai 2012.

<sup>64</sup> Sidang media Ahli Parlimen Kulai yang mewakili DAP iaitu Teo Nie Ching bersama astro awani dan disiarkan dalam [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com) pada 17 Mei 2013.

<sup>65</sup> Kenyataan Timbalan Menteri Kerja Raya, Rosnah Abdul Rashid Shirlin kepada astro awani dan disiarkan dalam [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com) pada 17 Mei 2013.

<sup>66</sup> Kenyataan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Mashitah Ibrahim kepada astro awani dengan tajuk 'Prestasi Calon Wanita Mengukuh Pada PRU 13' oleh Azyyati Ahmad dan disiarkan dalam [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com) pada 13 Mei 2013.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, usaha telah dijalankan oleh parti komponen Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat dalam meletakkan ramai calon wanita dalam pilihan raya. Kekurangan wanita ini bukanlah disebabkan oleh parti-parti yang bertanding yang sememangnya telah berusaha untuk menambah jumlah bilangan calon wanita di kawasan Parlimen mahu pun Dewan Undangan Negeri. Jadi, berkemungkinan calon wanita terbabit belum mendapat pilihan di hati pengundi. Berdasarkan kekalahan calon BEBAS iaitu Kamilia Ibrahim yang sebelum ini daripada UMNO dan Jenice Lee dari DAP sebagai contoh juga menunjukkan calon bukan penentu kejayaan seseorang tetapi dari mana parti yang bertanding. Menurut Jeniri Amir, penganalisis politik di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berkata:

Bagi meningkatkan prestasi calon wanita perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan pengalaman melalui pelbagai strategi dan pendekatan, agar kewibawaan mereka menyerlah dan akhirnya mereka akan dapat memenangi hati rakyat dalam pilihan raya akan datang. Selain itu, wakil rakyat wanita perlu mempunyai perancangan jangka panjang, jangka sederhana dan jangka pendek, termasuk dari segi infrastruktur, ekonomi, sosial, pendidikan dan seumpamanya.<sup>67</sup>

Justeru itu, berdasarkan kenyataan Jeniri ini wanita perlu meningkatkan pelbagai kemahiran dan juga ilmu untuk menarik minat rakyat untuk mengundi mereka. Pengundi akan menilai setiap aspek yang dibawa oleh calon wanita ketika menjalankan aktiviti kempen bagi tujuan meraih sokongan.

---

<sup>67</sup> Kenyataan Jeniri Amir (Dr.), penganalisis politik dari UNIMAS kepada astro awani. Rujuk [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com), 13 Mei 2013.

## **Wakil Rakyat Parlimen PAS, 1999-2008**

Pencapaian PAS dalam Pilihan Raya Umum 1999 menunjukkan potensi yang terbaik dalam sejarah apabila PAS berjaya memperolehi 27 kerusi parlimen dan menawan dua negeri. Namun begitu, pada PRU 1999 PAS tidak meletakkan sebarang calon wanita pada pilihan raya. Pada PRU 1999 ini, sebanyak 193 kerusi dipertandingkan bagi Parlimen.<sup>68</sup> Buat julung kali selepas penggabungan PAS dalam Barisan Alternatif dan sekarang dikenali sebagai Pakatan Rakyat PAS telah meletakkan beberapa orang calon dalam Pilihan Raya Umum pada 21 Mac 2004. Pada Pilihan Raya Umum ke-11 ini PAS mengalami kekalahan yang teruk berbanding tahun 1999 di mana PAS berjaya meraih sokongan dan menjadi ketua pembangkang. Salah satu faktor kekalahan tersebut adalah berpunca daripada PAS yang melancarkan manifesto Negara Islam. Hal ini ditambah dengan cubaan PAS menerapkan hudud di Terengganu. Perkara-perkara ini menimbulkan kecurigaan dan perasaan tidak senang di kalangan pengundi bukan Islam. DAP telah mengambil keputusan meninggalkan PAS. PAS tetap berpegang dengan prinsip mempertahankan konsep Negara Islam mereka dengan melancarkan dokumen Negara Islam sebagai bahan kempen menjelang Pilihan Raya Umum 2004. Namun konsep ini telah berubah apabila PAS menggantikannya dengan konsep Negara berkeadilan.<sup>69</sup>

Pada PRU ini, hanya seorang sahaja yang memenangi kawasan Parlimen iaitu Kalthom Binti Othman di kawasan Parlimen Pasir Puteh P028, Kelantan. Jumlah pengundi yang keluar mengundi ialah sebanyak 51,676 (90.17 peratus). Jumlah undi yang diperolehi oleh beliau ialah 27,018 dengan majoriti 3, 810 dan peratusan kemenangannya sebanyak 53.51 peratus. Mengalahkan calon UMNO BN iaitu Che Min Bin Che Ahmad yang memperolehi undi sebanyak 23,208 iaitu 45.96 peratus. Prestasi calon PAS juga sangat baik apabila calon wanita yang diletakkan hampir kesemuanya

<sup>68</sup> Lihat *Utusan Malaysia*, 1 Disember 1999, 30 November 1999.

<sup>69</sup> Lihat Amin Fadlillah dan Mohammad Redzuan Othman, "Dinamika PAS (Malaysia) Dan PKS (Indonesia) Salam Perjuangan Mewujudkan Negara Islam, 1998-2008", *Jurnal Sejarah*, Jil. 21, No. 1, Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Sejarah, FSSS, Universiti Malaya, June 2013, hlm. 204-205.



telah memenangi pilihan raya dalam PRU 2008. Daripada lima orang calon wanita PAS yang bertanding di kerusi Parlimen, tiga calon telah menang dan dua calon mengalami kekalahan. Kerusi yang berjaya diperolehi oleh calon wanita PAS, Lo'Lo' Hj Ghazali iaitu kerusi Parlimen Titiwangsa, Wilayah Persekutuan. Beliau berjaya mengalahkan Aziz Jamaludin Mohd. Tahir yang merupakan calon UMNO. Seterusnya Parlimen Kota Raja pula telah berjaya dimiliki oleh Siti Mariah Mahmud. Manakala di Kelantan kawasan Parlimen Rantau Panjang berjaya diperolehi oleh Siti Zailah Mohd Yusoff yang menang tanpa bertanding pada kali ini.<sup>70</sup>

Jadual 7:6 Ahli Parlimen PAS 2004

Calon dan parti	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
Kalthom Binti Othman (PAS)	Pasir Puteh P028, Kelantan	51, 676 (90.17 %)	27, 018	3, 810	53.51%


Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.

Jadual 7:7 Ahli Parlimen PAS 2008

Calon dan parti	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1.Siti Zailah Binti Mohd Yusoff (PAS)	Rantau Panjang P023, Kelantan	35, 384 (78.11 %)	19, 344	4,486	55.88 %
2.Siti Mariah Binti Mahmud (PAS)	Kota Raja, P111, Selangor	57, 323 (79.74 %)	38, 630	20, 751	68.36%
3. Lo' Lo' Binti Hj Mohamad Ghazali (PAS)	Titiwangsa, P119, Kuala Lumpur	33, 933 (68.01 %)	17, 857	1, 972	52.92 %

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

<sup>70</sup> Hoi Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum ke-12', dalam Joseph M. Fernando et al., *Pilihanraya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011, hlm. 208.



Graf 7:2 Perbandingan Pencapaian Wanita PAS (Parlimen), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berdasarkan graf yang ditunjukkan di atas PAS tidak meletakkan mana-mana calon pada tahun 1999. Pada tahun 2004 wanita Muslimat PAS berjaya memperolehi satu kerusi. Jumlah calon wanita PAS meningkat kepada tiga kerusi pada tahun 2008. Keadaan ini menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap perubahan PAS dalam meletakkan wanita sebagai calon dalam pilihan raya bermula tahun 2004. Sebagai contoh, usaha yang dilakukan oleh salah seorang calon wanita PAS bagi Parlimen Parit Buntar, Perak iaitu Najihatussalehan Hj. Ahmad telah mengadakan banyak program kebajikan seperti memberi rawatan kesihatan percuma dan berziarah sambil memberi bantuan ke kawasan estet yang dihuni oleh masyarakat Cina dan perkampungan Orang

Asli Perak.<sup>71</sup> Walaupun beliau mengalami kekalahan pada pilihan raya tersebut namun usaha yang dilakukan itu sekurang-kurang dapat memberi keyakinan kepada masyarakat tentang usaha dari PAS terhadap masyarakat sekitar.

Peningkatan jumlah kejayaan calon dalam dua Pilihan Raya Umum ini menunjukkan penerimaan masyarakat kepada Pakatan Rakyat dan juga kepada PAS itu sendiri. Pada Pilihan Raya Umum kali ini PAS telah menambahkan bilangan calon wanita yang berketerampilan. Menurut Presiden PAS iaitu Abdul Hadi Awang berkata:

Jika sekiranya mereka (calon wanita tersebut) tidak berjaya dalam pilihan raya, mereka akan tetap dilantik memegang beberapa jawatan tertentu di peringkat daerah atau perbandaran.<sup>72</sup>

Janji yang diutarakan oleh Presiden PAS ini menandakan calon yang dipilih untuk bertanding benar-benar berwibawa dan mampu melakukan kerja. Peluang yang diberi ini untuk memastikan calon wanita lebih berusaha untuk menjayakan misi dan visi yang ditonjolkan dalam dewan muslimat Pas menerusi pilihan raya. Sekiranya kalah mereka masih diperlukan untuk melakukan gerak kerja parti. Pernyataan ini juga disokong oleh Timbalan Ketua Muslimat PAS Pusat, Wan Hasrina Wan Hassan katanya,

Ia menunjukkan bahawa pimpinan memberi peluang kepada muslimat yakni wanita untuk tampil memegang suatu tanggungjawab yang besar dalam negara.<sup>73</sup>

Selain itu, Siti Zailah Mohd Yusoff juga turut memberi pandangan mengenai ciri-ciri calon yang diperlukan dalam pilihan raya. Ujarnya,

Yang pertama ialah, kita nak calon yang berkemampuan dan berkelayakan sama ada lelaki atau wanita dan dia boleh memberi khidmat yang cemerlang, menjadi suara kepada rakyat dan kepada pengundi yang memilihnya. Jadi kalau dia hebat bercakap di dalam dewan tapi dia tidak mampu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, ini adalah satu kecacatan kita mulai lihat dia bukan saja bijak dalam akademik tetapi mempunyai

<sup>71</sup> Ibid., hlm.204. Lihat *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2008.

<sup>72</sup> Temuramah dengan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang oleh wartawan harakah di rumah terbuka Aidlfitri di Taman Melewar pada 28 Oktober 2007. Beliau juga menyatakan akan melakukan pelbagai persiapan dalam menghadapi Pilihan Raya Umum ke-12 seperti melengkapkan jentera pilihan raya, gerak kerja di peringkat penerangan, dewan serta jabatan pilihan raya.

<sup>73</sup> Temuramah yang dijalankan oleh wartawan harakah di rumah terbuka Aidlfitri di Taman Melewar pada 28 Oktober 2007.

keterampilan, kekuatan diri yang boleh menjadi contoh dan memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.<sup>74</sup>

Keadaan ini juga turut sama diperkatakan oleh Puan Nuridah Salleh, katanya:

Wanita PAS berjaya menjadi wakil rakyat dan kekal diterima oleh masyarakat kerana khidmat dan contoh keterampilan mereka ketika menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Apa yang paling penting bagi seorang calon wanita untuk kekal sebagai wakil rakyat ialah sentiasa turun ke kawasan masing-masing bertanya khabar terutama memenuhi undangan majlis-majlis keraian, melawat kematian dan memberi sumbangan kepada semua golongan yang memerlukan tanpa mengira fahaman politik. Ciri-ciri inilah yang akan dilihat dan dinilai oleh masyarakat sekeliling terutama untuk mendapat sokongan dari kalangan pengundi atas pagar yang memberi kesan kepada jumlah undi yang akan diperolehi oleh wakil rakyat terbabit. Justeru itu, kekuatan yang ada bagi wakil rakyat terbabit seperti mampu menjawab segala tohmahan dan isu-isu yang berkaitan dengan parti politik tak kira persoalan itu datang dari pihak kawan mahupun lawan.<sup>75</sup>

Saodah Abd. Rahman<sup>76</sup> juga sependapat dengan Siti Zailah berdasarkan kriteria yang perlu dimiliki oleh seorang wakil rakyat wanita. Beliau juga mengatakan wanita yang menunjukkan ciri-ciri kepimpinan bukan hanya daripada wanita yang memperolehi ijazah kedoktoran dan sebagainya tetapi kebijaksanaan mereka dalam mengendalikan urusan kepimpinan negara berdasarkan kepada keperibadian, keikhlasan, ketekunan, kegigihan dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat, pengorbanan dan kecintaan terhadap rakyat dan negara. Wanita yang berjiwa rakyat mampu mengutarakan permasalahan rakyat dalam Parlimen dengan lebih berkesan kerana mengambil berat segala keperluan masyarakat. Apa yang lebih penting jawatan wakil rakyat bukan

---

<sup>74</sup> Temuramah ini dijalankan secara eksklusif oleh wartawan Rokat.com, iaitu Hafiz Zainuddin dan jurugambar Wira Andika dengan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat merangkap Ketua Muslimat PAS Kelantan pada ketika itu mengenai hala tuju pembangunan wanita dan Malaysia. dalam temuramah ini juga beliau menyuarakan keadaan yang berlaikau dalam kawasan parlimennya di Rantau Panjang. Beliau sentiasa mengambil berat mengenai masyarakat sejak dari awal beliau menjadi wakil rakyat disitu kecuali ketika sidang Parlimen atau urusan di luar kawasan. Beliau menganggap rakyat sebagai ahli keluarga sendiri. Setakat temuramah ini dijalankan beliau sudah melawat lebih daripada 4,000 rumah. Menurut beliau lagi keadaan turut menyebabkan kaum lelaki terkejut dengan kesungguhan yang beliau lakukan Temubual ini disiarkan dalam [www.roketkini.com/.../wanita-perlu-diberi-ruang-lebi...](http://www.roketkini.com/.../wanita-perlu-diberi-ruang-lebi...) pada 26 November 2012.

<sup>75</sup> Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

<sup>76</sup> Saodah Abd. Rahman merupakan pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

dijadikan sebagai batu loncatan bagi tujuan kemasyhuran dan meletakkan diri dalam senarai para pemimpin yang diberi segala kemudahan oleh negara.<sup>77</sup> Kriteria ini juga turut dipersetujui oleh Ketua Dewan Muslimat PAS, Nuridah Salleh dan juga David Kloos.<sup>78</sup>

Penambahan jumlah kejayaan wanita dalam Pilihan Raya Umum 2008 seramai tiga orang ini iaitu Siti Zailah Binti Mohd Yusoff,<sup>79</sup> Siti Mariah Binti Mahmud, Lo' Lo' Binti Hj Mohamad Ghazali turut membuka ruang yang lebih kepada wanita untuk memperjuangkan nasib wanita di Malaysia. Suara wanita Melayu dari kalangan wanita PAS ini membawa suara wanita Islam memenuhi ruang yang ada di kalangan wanita UMNO. Kejayaan Lo' Lo' Binti Hj Mohamad Ghazali membuktikan penerimaan masyarakat bandar terhadap calon wanita PAS di kawasan Titiwangsa yang merupakan kawasan kubu kuat UMNO. Kemenangan ini merupakan kemenangan yang pertama bagi PAS setelah 30 tahun lebih PAS cuba bertapak di Kuala Lumpur.

Selain itu juga, PAS telah membuka ruang untuk wanita menjadi ahli Dewan negara dengan apabila Kerajaan Kelantan menerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan telah melantik beberapa calon wanita sebagai senator. Antara senator yang dilantik ialah Senator Wan Ubaidah binti Omar (Penggal Pertama 30 Jun 2003 hingga 29 Jun 2006), Senator Mumtaz Md Nawi (Penggal Pertama 30 Jun 2006 hingga 29 Jun 2009) dan Senator Siti Zailah Mohd Yusoff (Penggal Kedua 30 Jun 2000 hingga 29 Jun 2006). Jawatan senator ini diterima oleh mereka sebagai satu tanggungjawab yang amat besar

---

<sup>77</sup> *Utusan Malaysia*, 7 Disember 2007.

<sup>78</sup> Temuramah dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015 dan temubual bersama David Kloos di Kantin Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2017. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah dan Antropologi serta Penyelidik dari KITLV/ Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies, Leiden, Armsterdam. Beliau membuat penyelidikan tentang 'Female Islamic Leadership and Visual Rhetoric in Southeast Asia'. Beliau membuat penyelidikan di Malaysia selama setahun bermula bulan September 2016 sehingga sekarang.

<sup>79</sup> Siti Zailah Mohd Yusoff dilahirkan di Pasir Panjang Kelantan pada 12 Oktober 1963. Beliau berpengalaman sebagai Pegawai Dakwah di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan dilantik sebagai Senator antara 2000-2006. Beliau juga menjadi Timbalan Pengelola Dakwah Halaqah peringkat negeri Kelantan. Beliau pernah menjawat sebagai ahli lembaga Hakim Depot Tahanan Pati, Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain jawatan yang penting dalam parti PAS. Beliau mendapat pendidikan di Institut Teknologi Mara (Sekarang UITM). Beliau juga mempunyai 12 orang anak tetapi dua daripadanya telah meninggal dunia. Antaranya pada 21 Novemberr 2011, anaknya Ahmad Saleh Rahimi, meninggal dunia di hospital Selayang setelah dimasukkan ke wad rawatan rapi (ICU) sejak 13 November 2011 akibat menghidap penyakit buah pinggang. Siti Zailah Mohd Yusoff berjaya mengalahkan calon BN UMNO Mohd Afandi Yusoff serta calon bebas, Isma Airfath Hassanuddin dengan majoriti sebanyak 4, 486 undi. Beliau memperolehi 19,344 undi berbanding lawannya memperolehi hanya 14,858 undi. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Siti\\_Zailah\\_Muhd\\_Yusoff](https://ms.wikipedia.org/wiki/Siti_Zailah_Muhd_Yusoff) diakses pada 2 Mac 2016.

dan berat untuk membawa mesej Islam di Dewan Negara. Mumtaz dilantik menggantikan Siti Zailah Mohd Yusoff yang tamat tempoh perkhidmatannya selama dua penggal. Menurut Mumtaz, beliau berazam untuk membawa amanat Menteri Besar Kelantan, Tuan guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan menyebarkan syiar Islam di dalam Dewan Negara. Antara isu yang difokuskan oleh pada penggal kedua itu ialah isu penentangan sekumpulan NGO terhadap Perkara 11 Perlembagaan persekutuan, isu murtad, Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) dan demokrasi.<sup>80</sup>

### **Wakil Rakyat Parlimen PKR, 1999-2008**

Sebagai sebuah parti yang baru bertapak dalam politik di Malaysia. Kejayaan yang dicapai dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2009 cukup memberangsangkan. Pada Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004 hanya Wan Azizah Wan Ismail<sup>81</sup> berjaya mengekalkan kerusi Parlimen di Permatang Pauh. Calon-calon yang kalah dalam Pilihan Raya Umum tahun 1999 ialah Fauziah Salleh<sup>82</sup> yang bertanding di Kuantan Pahang dan Marina Yusoff yang bertanding di Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala pada tahun 2004 pula calon-calon yang kalah adalah seperti berikut:

---

<sup>80</sup> *Harakah*, 19 Julai 2006.

<sup>81</sup> Wan Azizah Wan Ismail dilahirkan pada 3 Disember 1952 di Hospital Kandang Kerbau, Singapura. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Convent St. Nicholas, Alor Setar. Beliau kemudiannya meneruskan pengajiannya ke Kolej Tunku Kursiah, Seremban Negeri Sembilan. Seterusnya beliau menyambung pengajian ke Dublin Ireland (1973) dan mendapat ijazah dalam bidang Obstetri dan Ginekologi. Di universiti beliau mendapat anugerah pingat emas 'MacNoughton-Jones Gold Medar. Beliau juga menjadi seorang pakar Oftamologi di Hospital Besar Kuala Lumpur dan di Hospital Universiti Malaya. Namun, beliau telah berhenti pada tahun 1993 setelah suaminya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dalam kerjaya politiknya, beliau telah menyertai Pilihan Raya Umum buat kali pertama bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh dalam tahun 1999 dan berjaya menewaskan Ibrahim Saad dengan majoriti 9,077 undi. Beliau berjaya mempertahankan kerusi pada Pilihan Raya Umum 8 Mac 2008 dan mengalahkan Ustaz Firdaus dari UMNO. Beliau meletak jawatan sebagai Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Permatang Pauh pada 31 Julai 2008 untuk memberi laluan kepada suaminya Anwar Ibrahim yang bertanding dalam Pilihan Raya Kecil. Seterusnya beliau telah berjaya mengalahkan calon BN Chew Mei Fun dalam Pilihan Raya Kecil Kajang pada 9 Mac 2014. Perkara ini berlaku kerana keputusan mahkamah rayuan yang menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas suaminya Anwar Ibrahim yang disabitkan atas kesalahan meliwat, sekali gus telah menyebabkan hilangnya kelayakan sebagai calon untuk DUN kawasan Kajang. Lihat *malaysiakini.com* pada 17 Julai 2014 dan [https://ms.wikipedia.org/wiki/Wan\\_Azizah\\_Wan\\_Ismail#Parti\\_Keadilan\\_Nasional](https://ms.wikipedia.org/wiki/Wan_Azizah_Wan_Ismail#Parti_Keadilan_Nasional) diakses pada 26 Oktober 2015.

<sup>82</sup> Hajjah Fuziah Salleh dilahirkan pada 13 Julai 1959 di Johor tetapi beliau membesar di Pahang, beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Methodist Kuantan. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling dari University of Reading, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan University of Wales, United Kingdom. Beliau berkahwin dengan Dr. Haji Russly Bin Abdul Rahman dan mempunyai enam orang anak. Sebelum melibatkan diri dalam bidang politik beliau pernah menjadi penasihat dan perunding badan-badan korporat dan badan-badan bukan kerajaan. Beliau juga aktif dalam The Young Muslims UK (1988-1992) dan Jemaah Islam Malaysia JIM pada 1993. Antara jawatan yang disandang oleh beliau ialah Naib Presiden PKR sejak November 2010 dan pelbagai jawatan dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN). Dalam Pilihan Raya Umum 1999 dan 2004 beliau telah kalah kepada calon Barisan Nasional iaitu Calon UMNO Khalil Yaacob (1999) dengan majoriti 7,361 undi dan calon MCA Fu Ah Kiow @ Oh (Fu) Soon Guan (2004) dengan majoriti 9,147 undi. Fuziah Salleh juga berjaya dalam Pilihan Raya Umum ke-12 dan Pilihan Raya Umum ke-13 untuk kerusi Parlimen Kuantan. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Fuziah\\_Salleh](https://ms.wikipedia.org/wiki/Fuziah_Salleh) diakses pada 2 Mac 2016.

1. Rohani Bakar kerusi DUN Derga, Kedah
2. Siti Nor Abdul Hamid kerusi DUN Alor Star, Kedah
3. Rohana Ariffin kerusi DUN balik Pulau, Pulau Pinang
4. Salma Ismail kerusi DUN Tualang Sekah, Perak
5. Fauziah Salleh kerusi DUN Kuatan, Pahang
6. Annette Syed Mohamed @ Animah Annette Ferrar Syed Mohamed, kerusi DUN Kota Anggerik, selangor
7. Rosnah @ Ros Onek kerusi DUN Tamparuli, Sabah
8. Datin Saidatul Badru Mohd Said kerusi Parlimen Sepanggarm Sabah dan kerusi DUN Karambunai, Sabah
9. Cristina Liew kerusi Parlimen Kota Kinabalu, Sabah dan kerusi DUN Luyang, Sabah
10. Raj Murni binti Sabu kerusi Parlimen Libaran, Sabah
11. Zahara Tan kerusi DUN Gum-Gum, Sabah.

Pada PRU 2008 pula empat wanita berjaya memenangi kerusi Parlimen iaitu Wan Azizah binti Wan Ismail, Fuziah Binti Salleh, Zuraida Binti Kamaruddin dan Nurul Izzah Binti Anwar.<sup>83</sup>

Berikut merupakan jadual calon Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) yang berjaya dalam Pilihan Raya Umum 1999, 2004 dan 2008 bagi kerusi Parlimen. Perkara yang cukup membanggakan bagi pencapaian wanita Melayu dalam Parti

---

<sup>83</sup> Nurul Izzah Anwar dilahirkan pada 19 November 1980 yang merupakan anak sulung kepada pasangan Anwar Ibrahim mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia (1993-1998) dan Datin seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang merangkap sebagai Presiden parti keadilan Rakyat Malaysia Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN). Beliau merupakan Ahli Parlimen Lembah Pantai. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Dan menyambung pelajaran di sekolah Menengah Sri Hartamas dan Sekolah Menengah Assunta Petaling Jaya, Kuala Lumpur. Beliau menyambung pengajian di Universiti Teknologi Petronas di Tronoh, Perak dan berpindah ke Universiti Tenaga Nasional di Bangi dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan tamat pada tahun 2004. Seterusnya beliau menyambung pengajian Ijazah Sarjana (MA) di School of Advanced International Studies (SAIS), Universiti John Hopkins, Washington di dalam bidang kajian Asia Tenggara, Hubungan Antarabangsa dan tamat pengajian pada Mei 2007. Beliau berkahwin dengan Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim pada Mei 2003 ketika Anwar Ibrahim masih di dalam Penjara Sungai Buluh. Anwar Ibrahim dibebaskan sepenuhnya pada September 2004 ketika Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beliau yang dikenali dengan Puteri Reformasi dan melibatkan diri secara aktif dalam politik selepas tamat pengajiannya. Antaranya beliau menjadi penyelaras politik di Pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) dan menjadi sukarelawan kepada Pemantau Kesihatan Global (*Global Health Watch*) serta menjadi ahli forum Antara Budaya Pemimpin Wanita yang berpangkalan di New York. Beliau juga aktif dalam Badan Bukan Kerajaan seperti SUARAM. Nurul Izzah memenangi kerusi Parlimen Lembah Pantai pada Pilihan Raya Umum ke-12 dan juga Pilihan Raya Umum ke-13. Lihat <http://www.nurulizzah.com/site/profile/> diakses pada 2 Mac 2016.

Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) apabila pertama kali dalam sejarah negara Malaysia wanita Melayu dilantik menjadi Ketua Pembangkang wanita pertama di Parlimen Malaysia. Wan Azizah Wan Ismail dilantik pada 8 Mac 2008 sehingga 31 Julai 2008.<sup>84</sup> Keadaan ini merupakan satu fenomena baru dalam arena politik Malaysia yang membawa impian dan imaginasi baru kepada rakyat di Malaysia yang selama ini didominasi oleh kaum lelaki.

Jadual 7:8 Jadual Ahli Parlimen Melayu PKR 1999

Calon dan parti	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Wan Azizah Binti Wan Ismail (Keadilan)	Permatang Pauh P044, Pulau Pinang	39, 210 (78.95 %)	23, 820	9, 077	61.77 %

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14.

Jadual 7:9 Ahli Parlimen Melayu PKR 2004

Calon dan parti	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Wan Azizah Binti Wan Ismail (Keadilan)	Permatang Pauh P044, Pulau Pinang	43, 734 (80.93 %)	21, 737	590	50.47 %

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004.


<sup>84</sup> Pada 18 Mei 2015 Wan Azizah Wan Ismail telah dilantik semula sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat selepas berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Permatang Pauh pada Pilihan Raya Umum ke-13. Lihat [www.astrowani.com](http://www.astrowani.com), 18 Mei 2015.



Jadual 7:10 Ahli Parlimen Melayu PKR 2008

Calon dan parti	Kawasan Parlimen	Jumlah pengundi yang keluar mengundi	Jumlah undi yang diperolehi	majoriti	Peratus kemenangan
1. Wan Azizah binti Wan Ismail (PKR)	Permatang Pauh P044, Pulau Pinang	47, 442 (81.17 %)	30,338	13, 388	64.10 %
2. Fuziah Binti Salleh (PKR)	Kuantan, P083, Pahang	35,771 (74.92 %)	18, 398	1, 826	52.34%
3. Zuraida Binti Kamaruddin (PKR)	Ampang, P099, Selangor	51, 097 (73.91 %)	26, 995	3, 676	53.50 %
4. Nurul Izzah Binti Anwar (PKR)	Lembah Pantai, P121, Kuala Lumpur	41, 289 (72.88 %)	21, 728	2, 895	52.93%

Sumber: Diubahsuai daripada *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.



Graf 7:3 Perbandingan Pencapaian Wanita Melayu PKR (Parlimen), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14, *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm. 3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.


Berdasarkan graf di atas, seorang wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) telah berjaya menjadi ahli Parlimen pada tahun 1999, begitu juga pada tahun 2004. Namun begitu jumlah wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR atau

KEADILAN) dilihat agak meningkat pada tahun 2008 dengan memperolehi 4 kerusi di Parlimen. Namun begitu, bagi calon wanita Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) di P173 Putatan Sabah, Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) Sabah, Saukinah Yusoff telah mengalami kekalahan dengan jumlah undi yang diperolehi sebanyak 6,485. Beliau telah ditewaskan oleh calon BN, Makin @ Marcus (Dr.) Mojigoh yang memperolehi 12,768 undi dan majoriti 6,283. Antara azam dan hasrat Saukinah Yusoff ialah untuk membela nasib rakyat khususnya bagi golongan wanita di negeri Sabah. Tuntutan hak wanita tersebut termasuk menyediakan elaun khas bagi suri rumah sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan ekonomi golongan ini. Tumpuan yang diberikan oleh beliau juga bukan hanya sekadar dalam aspek ekonomi bahkan wanita perlu mendapat pembelaan khususnya dari segi keselamatan, pendidikan dan juga kesihatan.<sup>85</sup>

Bila dilihat dari sudut latar belakang calon wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) ini, sebenarnya mereka terlebih dahulu didedahkan dengan masyarakat melalui penyertaan dalam NGO dan aktiviti kesukarelawan sebelum menyertai politik. Berkenaan aspek pendidikan pula, calon-calon yang bertanding telah menerima pendidikan tinggi termasuk Ijazah daripada luar negara. Mereka juga merupakan golongan profesional seperti doktor, jurutera dan ahli korporat. Penglibatan mereka dalam kegiatan dan aktiviti 'kesukarelawan atau 'NGO' terbabit telah menonjolkan bakat dan menterjemahkan kepakaran mereka di situ. Zuraida Kamaruddin sendiri menganggotai Badan-badan Bukan Kerajaan bertujuan untuk membantu golongan wanita, orang miskin dan mendidik kanak-kanak di peringkat Tasak. Di situ beliau dapat memperkenalkan parti Keadilan kepada masyarakat selain berpeluang membantu golongan yang susah.

---

<sup>85</sup> Md. Saffie Abd. Rahim dan Wan Shawaluddin Wan Hasan, 'Pakatan Pembangkang dan Pilihan Raya Umum Ke-12: Kes Sabah, dalam Zaini Othman dan Sabihah Osman (editor), 'Pilihan Raya Umum Ke-12: Antara Perubahan dan Pengekalan Tradisi', Edisi Khas, *Jurnal Perniagaan & Sains Sosial*, Bil. 4, Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah (Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)), 2009, hlm. 170. Lihat juga *Utusan Borneo*, 25 Februari 2008.



Graf 7:4 Perbandingan Pencapaian Wanita UMNO, PKR dan PAS (Parlimen), 1999-2008

Sumber: Diubahsuai daripada *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004, *Majalah Massa*, 27 November 1999, 'Pilihan Raya Paling Sengit', hlm. 14, *Utusan Malaysia*, 28 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2004, *Utusan Malaysia*, 8 Mac 2008, *Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008, hlm.3, *New Straits Times*, 10 Mac 2008.

Berdasarkan perbandingan yang ditunjukkan pada graf di atas menunjukkan UMNO masih berjaya mendapat tempat di hati pengundi pada ketiga-tiga Pilihan Raya Umum iaitu pada tahun 1999, 2004 dan 2008. PAS dilihat makin meningkat pencapaian kejayaan calon wanita mereka dalam pilihan raya. Namun Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) merupakan cabaran yang hebat bagi PAS apabila jumlah kerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) melebihi satu kerusi pada tahun 2008. Antara perubahan yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum 2008 ini, pihak Barisan Nasional dan pihak pembangkang mengetengahkan calon wanita muda yang berkelulusan tinggi untuk mewakili kawasan masing-masing. Pemilihan wanita muda yang berkaliber sebagai calon untuk bertanding mewakili parti masing-masing menunjukkan

keterbukaan parti terhadap penglibatan golongan muda dalam agenda pembangunan negara antaranya ialah Azalina Othman dan juga Nurul Izzah Anwar. Terdapat 13 ahli Parlimen wanita Barisan Nasional (BN) 10 dari Pakatan Rakyat (PR), terdiri daripada empat daripada DAP, tiga masing-masing dari PAS dan PKR selepas Pilihan Raya Umum ke-12.<sup>86</sup> Secara keseluruhan, kejayaan yang diperolehi dalam menguasai Dewan Rakyat dalam tiga Pilihan Raya Umum ini menunjukkan peningkatan. Namun usaha masih dilakukan oleh parti-parti yang bertanding untuk memastikan kejayaan yang diperolehi boleh membawa suara wanita dalam Parlimen dan memperjuangkan hak-hak wanita.

Isu-isu yang dibincangkan dalam bab enam juga turut memberi kesan kepada kejayaan dan kekalahan calon-calon yang bertanding dalam PRU 1999-2008. Namun terdapat isu-isu yang memainkan peranan yang penting kepada calon-calon wanita yang mewakili kawasan parlimen yang ditandingi oleh mereka. Pada PRU 1999 antara isu-isu yang dibangkitkan ialah mengenai isu-isu yang berkaitan dengan wanita dan pilihan raya sebagai contoh mengenai isu pekerjaan, agendada wanita untuk perubahan, isu cuti bersalin 3 bulan dan isu wanita sebagai calon pilihan raya. Selain itu, kegawatan ekonomi di Asia, isu kebebasan, amalan demokrasi, dasar-dasar Islam dan pemecatan Anwar Ibrahim turut mempengaruhi pilihan raya pada tahun itu. Pada tahun 2004 pula pelbagai isu-isu penting yang dibangkitkan pada PRU ini. Antaranya berkaitan dengan kepimpinan baru BN oleh Abdullah Ahmad Badawi, kebebasan dan amalan demokrasi, isu pendidikan dan agama Islam, isu keadilan ke atas Anwar Ibrahim dan isu-isu pertumbuhan ekonomi yang lebih cergas. Manakala pada PRU 2008 pula, pelbagai isu-isu yang dibangkitkan oleh parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya bagi meraih sokongan rakyat. Antara isu-isu yang penting ialah mengenai isu perkauman, hindraf,

---

<sup>86</sup> Lihat *themasianinsider.com* yang bertajuk 'Penganalisis: Terlepas Pandang Isu Wanita Disebabkan Partisipasi Politik yang Rendah' oleh Ida Lim yang disiarkan pada 24 September 2012. Lihat *www.themasianinsider.com* yang diakses pada 4 Disember 2014.

pendidikan, asuah, agama. Selain itu, Barisan Nasional menghadapi pelbagai isu dan di antaranya mengenai kos sara hidup yang tinggi, isu harga minyak yang melambung tinggi dan hak orang Melayu. Isu-isu yang hangat diperdebatkan oleh calon wanita ialah berkaitan wanita seperti hak-hak wanita, kebajikan kaum wanita, bantuan ibu tunggal, pembelaan nasib wanita, perjuangan mendapatkan kedudukan sama dengan kaum lelaki dalam sektor ekonomi, sosial dan politik.<sup>87</sup>

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pada PRU 1999, wanita Melayu berjaya menjadi ahli Parlimen seramai 10 orang, pada tahun 2004 pula telah meningkat kepada 12 orang. Manakala pada tahun 2008 pula seramai 13 orang. Berdasarkan pencapaian calon wanita dalam tiga Pilihan Raya Umum menunjukkan peningkatan walaupun hanya berbeza satu calon pada PRU 2008. Namun peningkatan ini memberi ruang kepada wanita untuk menyuarakan pandangan dan pendapat di Dewan Rakyat sekaligus membawa manfaat kepada golongan wanita yang diperjuangkan oleh setiap komponen parti yang bertanding. Kejayaan perjuangan wanita ini dapat dibuktikan dengan penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada tahun 17 Januari 2001 dan ditukar nama kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia pada 15 Februari 2001. Bagi tiga parti komponen yang dibincangkan dalam bab ini iaitu UMNO, PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) telah menunjukkan jumlah wanita Melayu melebihi wanita bukan Melayu dalam Dewan Rakyat. UMNO masih mengekalkan kejuaraan sebagai wakil rakyat wanita Melayu mengatasi PAS dan juga PKR. Walau bagaimanapun, sebagaimana peningkatan jumlah ADUN, peningkatan jumlah ahli Parlimen wanita yang berjaya dalam tempoh kajian tidak dapat menandingi jumlah lelaki yang mewakili hampir 90 peratus Dewan Rakyat. Walaupun momentum tahun

---

<sup>87</sup> Ho Hui Ling, 'Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan Raya Umum Ke-12' dalam Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman et al., *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke -12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 2011, hlm. 1-2.

1999 sebagai satu kemuncak kesedaran wanita Melayu tentang politik dalam amalan demokrasi di Malaysia dan kemuncak 'tsunami' 2008, namun kadar penglibatan wanita sebagai ahli Parlimen masih di tahap yang rendah. Sepatutnya jumlah pengundi wanita dan yang lebih ramai berbanding lelaki akan menyebabkan kadar kejayaan wanita dalam Pilihan Raya Umum.

University of Malaya

## BAB 8 : KESIMPULAN

Penglibatan Wanita Melayu dalam pergerakan politik dan proses pilihan raya di Malaysia sebelum dan selepas kemerdekaan telah menunjukkan kepentingan mereka kepada pembangunan negara. Kepentingan mereka juga turut dilihat dengan kemunculan beberapa tokoh-tokoh hebat dalam memperjuangkan hak-hak wanita di Malaysia antaranya ialah Puan Sri Hajah Putih Mariah, Ibu Zain, Tan Sri Fatimah Hashim dan Khadijah Sidek. Apabila melihat kepada sejarah penglibatan wanita Melayu dalam mencapai kemerdekaan wanita UMNO amat berperanan dalam menyemarakkan lagi perjuangan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Mereka juga berjaya menjadi wakil rakyat dalam Pilihan Raya Umum selepas kemerdekaan. PAS juga turut meletakkan calon mereka dalam Pilihan Raya Umum selepas kemerdekaan seperti Khadijah Mohd Sidek yang berjaya menjadi wakil rakyat Parlimen di Dungun Terengganu pada tahun 1959. Perjuangan kaum wanita dahulu tidak mengharapkan sebarang balasan terhadap usaha dan titik peluh mereka dalam menjana proses pembangunan negara seiring dengan kaum lelaki.

Perjuangan mereka ini diteruskan oleh generasi baru apabila wanita telah menunjukkan prestasi yang cukup memberangsangkan kesan daripada perjuangan wanita dahulu berdasarkan peluang yang diperolehi oleh wanita sekarang. Antaranya peluang pendidikan, dalam bidang ekonomi dan juga politik. Keadaan ini semakin mendapat perhatian terutama selepas tahun 1999 apabila kemunculan ramai calon-calon wanita diletakkan sebagai calon untuk bertanding dalam pilihan raya. Penglibatan mereka juga dapat dilihat dalam proses-proses pilihan raya antaranya sebagai pengundi dan melakukan kempen-kempen pilihan raya.

Di Malaysia, faktor-faktor penglibatan wanita dalam pilihan raya yang telah dibincangkan menunjukkan kepentingan wanita dalam mewarnai senario politik baru di Malaysia. Memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen maka empat faktor ini amat bertepatan dengan wanita Melayu yang terlibat dalam politik di negara ini. Faktor-faktor tersebut ialah faktor amalan demokrasi di Malaysia, hak asasi manusia, dasar agama dan pendidikan. Sejalan dengan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan majoriti masyarakat terdiri dari kalangan bangsa Melayu yang beragama Islam, keempat-empat faktor ini dilihat dapat memberi impak yang cukup mendalam kepada wanita Melayu yang terlibat dengan politik di Malaysia. Wanita berhak mendapat tempat yang sewajarnya termasuk dalam bidang politik. Faktor-faktor ini sebenarnya telah bermula pilihan raya umum yang pertama lagi, namun, tahun 1999 merupakan kemuncak kesedaran wanita Melayu dalam proses pilihan raya dengan kemunculan Wan Azizah Wan Ismail dalam kanchah politik di Malaysia ekoran pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1999. Terdapat pelbagai parti-parti politik yang boleh disertai oleh mereka. Antara parti politik yang dilihat menjadi pilihan wanita Melayu ialah UMNO, PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau KEADILAN. UMNO masih dilihat sebagai parti politik Melayu yang terbesar dan menguasai kerajaan, mempunyai tugas yang cukup berat dan mencabar untuk merealisasikan pelbagai tuntutan yang datang dari wanita Melayu khususnya. Golongan menengah dan golongan muda Melayu juga telah mencetus satu pembentukan budaya politik Melayu Baru selepas era tahun 1999. Walaupun UMNO-BN mendapat majoriti dua pertiga di Dewan Undangan Rakyat, namun kemerosotan undi dapat dilihat setelah kemunculan PKR atau Parti Keadilan Rakyat dan Barisan Alternatif pada ketika itu.

Pelbagai halangan dan cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan wanita di seluruh dunia dengan isu yang pelbagai dan berbeza dari satu negara ke satu negara lain. Antara



cabaran yang dihadapi oleh wanita yang melibatkan diri dalam politik ialah keseimbangan di antara keluarga dan juga tugas sebagai wakil rakyat, wujud pengasingan ke dalam pekerjaan yang lebih rendah bayarannya, gaji yang tidak sama, keganasan terhadap wanita yang meningkat dan diskriminasi wanita masih lagi wujud lagi. Kebanyakan negara masih menunjukkan kerajaan mereka masih dikuasai oleh golongan lelaki. Peranan dan sumbangan wanita dalam pentadbiran negara dapat memberi keseimbangan dan kestabilan dalam pembangunan negara. Kajian ini juga mendapati, wanita di Malaysia mampu menghadapi cabaran dan halangan dalam memperjuangkan hak dan keperluan mereka setanding dengan kaum lelaki di samping memberi saingan yang sengit kepada kaum lelaki apabila jumlah pengundi wanita melebihi kaum lelaki sepanjang tempoh tiga PRU yang dibincangkan. Selain itu, cabaran yang paling utama sepanjang tempoh 1999 hingga 2008 ialah cabaran dunia teknologi maklumat yang berkembang pesat. Penggunaan laman web, blog, Sistem Pesanan Ringkas menerusi telefon bimbit memberi kesan kepada peranan wanita. Penggunaan internet ini turut memberi kesan kepada wanita yang terlibat dalam politik termasuk pengundi wanita. Isu-isu yang berlaku mudah tersebar dan memberi kesan kepada calon yang menyertai Pilihan Raya Umum. Maka, di sinilah peranan kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan pembangkang untuk menjelaskan isu-isu yang berlaku kepada masyarakat sama ada menerusi penggunaan teknologi maklumat yang semakin canggih atau melalui ceramah-ceramah yang dijalankan.

Kajian ini juga mendapati, pemimpin wanita Melayu yang bertanggungjawab mempunyai sikap yang prihatin terhadap keperluan masyarakat. Kedudukan dan kekuasaan seorang pemimpin itu bergantung kepada suara dari rakyat. Imej dan penampilan diri juga menggambarkan imej parti mereka. Kebanyakan masyarakat Malaysia terdiri dari mereka yang berpelajaran, mampu berfikir dan memahami tingkah laku serta sikap para pemimpin mereka. Perubahan sebaran maklumat menerusi internet

dan laman sosial juga memberi impak kepada masyarakat untuk menilai kualiti seseorang pemimpin. Kemudahan ini telah banyak digunakan oleh parti-parti politik menjadikan sesuatu isu sebagai satu kupasan dan diviralkan kepada masyarakat. Keadaan ini sebenarnya banyak mengundang pelbagai fitnah dan juga tohmahan kepada parti-parti politik. Isu-isu ini juga perlu dijawab dengan pantas oleh para penggiat politik untuk menjawab isu-isu terbabit menerusi laman web, blog dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang mengundang pelbagai andaian dan spekulasi. Parti politik yang tidak bijak menangkis serangan pihak lawan boleh menjadi penyebab kekalahan mereka dalam Pilihan Raya Umum. Rakyat Malaysia berani menyuarakan pandangan dan kritikan terhadap pemimpin yang mempunyai tingkahlaku yang buruk dan tidak bertanggungjawab. Perkara ini memberi kesan kepada Pilihan Raya Umum di mana pengundi akan memerhati sikap dan tingkahlaku pemimpin. Mereka akan mengundi mengikut apa yang dilihat, dinilai terutama bagi pengundi atas pagar. Maka, setiap pemimpin telah memahami bahawa kedudukan dan kekuasaan mereka adalah ditentukan oleh rakyat kerana negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Rakyat juga mempunyai hak untuk menyebarkan perangai dan tingkahlaku buruk para pemimpin. Hak begini amat penting bagi rakyat kerana mereka merupakan individu yang menentukan pemimpin negara. Sekiranya rakyat tersilap membuat pilihan, maka mereka akan berdepan dengan kepincangan dan kehancuran akibat kurang prihatin terhadap sikap dan perangai wakil rakyat yang memimpin mereka.

Sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi yang sihat dan berkembang pesat kerana para pemimpinnya amat prihatin terhadap keperluan rakyat di bawahnya. Masa dan tenaga mereka juga digunakan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk membangunkan kawasan yang mundur dan menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan asas kepada rakyat dengan lebih konsisten dan baik. Di sini, pemimpin yang bertanggungjawab sudah tentu tidak mempunyai masa dan waktu untuk berpoya-

poya dan mengaut keuntungan kepada diri sendiri dan juga keluarga ketika mereka menjadi wakil rakyat atau pemimpin politik. Kecuaian terhadap penelitian memilih calon wakil rakyat dan pemimpin merupakan salah satu faktor penyebab dasar kerajaan tidak dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan sempurna memandangkan kerajaan telah menyediakan peruntukan yang banyak untuk masyarakat. Justeru itu, apabila rakyat menyuarakan sikap dan tingkahlaku yang buruk terhadap seseorang wakil rakyat mahupun pemimpin politik, kepimpinan kerajaan hendaklah memandang serius dan mengambil tindakan yang tegas terhadap individu terbabit. Namun, siasatan yang terperinci perlu dilakukan agar tiada pihak yang mengambil kesempatan kerana pelbagai fitnah yang tersebar perlu juga diteliti dan dijalankan dengan adil dan telus. Namun begitu, jika seorang wakil rakyat itu jelas tidak mampu melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang terpikul, menunjukkan sikap yang buruk dan sombong ketika diberi kepercayaan memimpin masyarakat maka kedudukannya sebagai wakil rakyat mungkin tidak berkekalan walaupun keseluruhan jentera parti digunakan untuk memperkukuhkan kedudukannya. Kajian ini mendapati tanggungjawab dan peranan seorang wakil rakyat juga amat penting apabila berjaya merebut kerusi sama ada di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen.

Seterusnya, kajian ini mengesahkan tentang kepentingan peranan seorang suami kepada wakil rakyat wanita. Sekiranya suami itu terlalu *rigid* dan sempit pemikiran, sudah tentu wakil rakyat wanita tidak mampu menjalankan tugas dan tanggungjawab yang terlalu mencabar terhadap rakyat. Wakil rakyat wanita juga tidak berkesempatan untuk menumpukan keseluruhan masa dan tenaga kepada kepentingan suami dan anak-anak. Maka suamilah yang akan mengambil berat tentang semua urusan rumahtangga sebagaimana yang digariskan dalam ajaran Islam. Sumbangan kaum wanita bukan setakat membantu kaum lelaki tetapi mereka juga layak dan berhak menjadi calon dan kemudian terpilih menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri, Parlimen dan

dilantik untuk menjadi ahli Dewan Negara sekiranya mereka mempunyai kelayakan dalam semua aspek. Di samping ajaran agama Islam yang menjadi pegangan, masyarakat Melayu telah memberi peluang kepada kaum wanita untuk menjadi pemimpin. Hak persamaan yang diberikan kepada kaum wanita ini juga menunjukkan tiada perbezaan antara lelaki kerana apa yang lebih penting ialah perbezaan personaliti, keupayaan wanita tersebut menjadi pemimpin yang bertanggungjawab. Kekuatan fizikal, mental dan keperibadian yang mulia merupakan faktor utama dalam pemilihan wanita sebagai wakil rakyat.

Selain itu juga, kajian ini mendapati wanita yang berjaya menjadi wakil rakyat juga bukan hanya berdasarkan kepada kepetahan berbicara dan berceramah tetapi ia perlu merangkumi keseluruhan aspek berkaitan dengan kepimpinan, pentadbiran dan tingkalku dalam mengendalikan soal kemasyarakatan. Mereka juga perlu memiliki kebijaksanaan dalam mengendalikan urusan kemasyarakatan. Ciri-ciri wakil rakyat wanita seperti berani bersuara, tegas, lantang mempertahankan hak, bijak menghadapi cabaran, mempunyai akhlak yang baik dan mendapat sokongan dan dorongan daripada suami atau ahli keluarga merupakan satu simbol yang penting bagi menarik pengundi wanita untuk memberi undi pada pilihan raya. Pangkat atau sijil akademik yang tinggi bukan merupakan satu penilaian terhadap kebolehan seseorang wanita layak menjadi wakil rakyat. Ilmu pengetahuan yang tinggi jika tidak disertai dengan ilmu kemasyarakatan dan jiwa cintai rakyat tidak mungkin dapat menjadikan seseorang wanita itu ahli politik yang dihormati dan disanjung oleh masyarakat.

Kajian juga mendapati dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia, pilihan raya merupakan kaedah untuk menentukan pemimpin dan seterusnya membentuk kerajaan. Dalam hal ini, kaedah *simple majority* digunakan dalam dua keadaan. Pertama, digunakan untuk mengira undi bagi menentukan calon yang akan memenangi kerusi yang dipertandingkan walaupun hanya kelebihan satu undi. Mandat yang

diperolehi itu adalah amanah rakyat dan wakil rakyat perlu memikul tanggungjawab sebagai perwakilan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan sebaik mungkin. Kedua, kaedah *simple majority* digunakan dalam menentukan parti mana yang boleh menubuhkan kerajaan. Ini boleh dilihat dalam keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. Walaupun BN gagal memperolehi majoriti dua pertiga daripada 222 kerusi Parlimen, namun ia berhak menubuhkan kerajaan. Bagaimanapun, kerajaan yang memiliki majoriti kecil tidak kukuh. Jika ada wakil rakyat melompat parti atau tidak lagi menyatakan sokongan, kerajaan itu akan hilang majoriti dan perlu ditukar. Selain membahaskan usul dan rang undang-undang di Parlimen atau DUN, peranan wakil rakyat adalah menubuhkan kerajaan. Peranan itu perlu diterima oleh semua individu khususnya dalam sistem demokrasi. Wakil rakyat juga berperanan sebagai wakil kerajaan walaupun tidak memegang jawatan dalam Kabinet. Mereka juga akan dipanggil untuk menjadi wakil kerajaan di luar negara ataupun menjadi duta. Peranan wakil rakyat ini sebenarnya bukan sekadar di peringkat Parlimen atau DUN. Namun, mereka juga terlibat dalam pentadbiran atau dalam bidang kuasa eksekutif. Keadaan ini juga berkaitan dengan doktrin percantuman kuasa yang diamalkan dalam sistem demokrasi berparlimen. Namun begitu, bertitik tolak daripada pendekatan *simple majority* kepada doktrin percantuman kuasa, ia masih tidak mampu untuk memberikan kefahaman yang jelas tentang peranan wakil rakyat dalam sistem demokrasi berparlimen.

Sepanjang tempoh yang dibincangkan isu-isu yang berlaku telah memberi impak kepada peningkatan dan pengurangan jumlah calon-calon yang berjaya dalam pilihan raya. Isu-isu tersebut dibincangkan dalam bab keenam kajian ini. Kajian ini juga membuktikan terdapatnya peningkatan jumlah wanita Melayu yang berjaya menjadi wakil rakyat PAS dan PKR di DUN dan Parlimen Malaysia sepanjang tempoh tersebut, wanita UMNO masih menjadi pilihan rakyat untuk mewakili mereka sebagai wakil

rakyat. Kajian ini juga mengesahkan tentang kepentingan parti UMNO yang masih diterima oleh masyarakat berikutan kemenangan wakil rakyat wanita mereka dalam Pilihan Raya Umum yang ke-10 hingga ke-12. Wakil rakyat wanita UMNO masih mengekalkan kemenangan yang paling tinggi dari kalangan wanita Melayu dari parti PAS dan PKR. Maksudnya di sini wanita Melayu terutama dari parti UMNO masih diterima oleh masyarakat di Malaysia. UMNO masih lagi dipandang sebagai sebuah parti yang berjaya berdasarkan sejarah awal penglibatan wanita Melayu dalam parti politik. Selepas kemerdekaan Malaysia, kemunculan wanita Melayu UMNO yang berjaya agak membanggakan sama ada di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen

Justeru itu, wanita Melayu yang terlibat dalam politik berdasarkan faktor-faktor yang dibincangkan adalah berpandukan elemen dan unsur-unsur tradisi, adat resam dan agama yang mewakili kaum Melayu. Faktor-faktor yang disebut dalam bab keempat memberi penjelasan yang tepat mengenai kepentingan wanita Melayu yang terlibat dalam politik dan pilihan raya. Kajian ini membuktikan kekangan dari adat dan tradisi perlahan-lahan diolah dan berubah mengikut perkembangan kontemporari dan dinilai dari sudut agama Islam yang dianuti oleh bangsa Melayu di Malaysia. Agama Islam yang memberi hak yang sama rata dari semua aspek seperti dalam bidang ekonomi, pendidikan dan juga politik disamping terlibat dalam pilihan raya sama ada sebagai pengundi, perayu undi dan calon pilihan raya. Perubahan ini amat jelas berlaku dalam masyarakat Melayu di Malaysia apabila faktor-faktor seperti amalan demokrasi, hak asasi manusia, dasar agama Islam dan pendidikan disesuaikan dalam suasana politik baru dalam sejarah wanita di Malaysia. Mereka mulai aktif berpolitik dan menyertai proses pilihan raya selepas tahun 1999 apabila buat permulaan dalam sejarah Malaysia wanita Melayu menjadi ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat yang mewakili Barisan Pembangkang. Begitu juga perantikan Wan Azizah Wan Ismail sebagai ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) yang merupakan wanita Melayu yang

pertama menjadi ketua sebuah parti politik. Selain itu, kemunculan pergerakan wanita Malaysia yang dikenali sebagai *Women's Candidacy Initiative* (WCI) yang meletakkan calon wanita untuk bertanding bagi kerusi Parlimen berdasarkan isu-isu wanita dalam kerangka keadilan turut membuktikan tentang kesedaran wanita terhadap hak mereka perlu dilakukan menerusi proses pilihan raya. Oleh sebab itu, keempat-empat faktor yang dibincangkan itu merupakan gabungan yang mantap dan penyumbang yang utama kepada penglibatan wanita dalam politik dan juga Pilihan Raya Umum di Malaysia. Kesan tersebut dapat dilihat apabila peningkatan jumlah pengundi Melayu yang semakin sedar tentang kepentingan mengundi di samping peningkatan jumlah calon-calon wanita yang bertanding dalam pilihan raya. Peningkatan jumlah ini menunjukkan calon-calon yang berjaya menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen. Peningkatan jumlah kejayaan wanita dalam Dewan Rakyat ini telah membuktikan suara dan hak asasi wanita telah mendapat perhatian daripada kerajaan berikutan apabila Dewan rakyat yang bersidang pada 1 Ogos 2001 telah sebulat suara meluluskan semua 13 peruntukan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001, yang antara lain bertujuan melarang diskriminasi atas alasan jantina. Sebanyak 172 undi menyokong pindaan terhadap Perlembagaan direkodkan tanpa bangkangan atau pendirian berkecuali termasuk semua ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang diketuai oleh Presiden PAS, Ustaz Fadzil Noor pada ketika itu.

Kajian ini juga turut mengesahkan dan membuktikan tentang kesetiaan dan komitmen yang ditunjukkan oleh kaum wanita sama ada sebagai pengundi, sebagai ahli parti sama ada PAS, PKR dan UMNO, sebagai calon pilihan raya serta wakil rakyat di dalam Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Perubahan trend pengundi muda telah berlaku bermula tahun 1999 di mana perubahan yang amat ketara seperti sikap, corak dan tingkah laku pengundi. Kebanyakan pengundi muda yang celik teknologi maklumat menerusi pelbagai media, dari laman web, blog dari internet turut menyumbang kepada

perubahan ini. Keadaan ini akan menyebabkan calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya berusaha lebih kuat untuk mendapatkan sokongan pengundi muda. Kehebatan wanita juga turut terserlah apabila mereka mampu melakukan aktiviti merayu undi, kempen dari rumah ke rumah dan menyertai pelbagai program yang dijalankan oleh parti masing-masing walaupun mereka mempunyai pelbagai komitmen kekeluargaan. Penglibatan wanita juga bukan sekadar dalam menjadi calon pilihan raya dan juga juga wakil rakyat, tetapi penglibatan mereka ini juga dalam menentukan demokrasi berjalan dengan lancar. Mereka juga menjadi pengundi yang memberikan impak terhadap kejayaan seseorang calon, ekoran peningkatan jumlah pengundi wanita selepas 1999 terutama pengundi muda. Jumlah pengundi wanita semakin meningkat dan melebihi pengundi lelaki.

Pada tahun 1999, peratus pengundi wanita ialah 54 peratus, pada tahun 2004 berlaku kemerosotan dengan 52 peratus. Tetapi pada tahun 2008 peratus pengundi wanita meningkat kepada 55.1 peratus. Berdasarkan temubual dan kajian dijalankan, pengundi wanita terbahagi kepada tiga. Kategori pertama adalah para penyokong kuat sesebuah parti politik. Manakala kumpulan kedua pula adalah *undecided voters*. Kumpulan pengundi ketiga adalah mereka yang tidak mempunyai parti identifikasi tetapi mempunyai kecenderungan untuk menyokong sesebuah parti politik. Perkembangan teknologi maklumat menerusi laman web dan blog turut memberi kesan kepada pengundi untuk membuat pilihan. Penglibatan mereka dalam proses pilihan raya ini menangkis pandangan fundamental yang tradisi dan juga fahaman kolot yang menghalang wanita aktif berpolitik. Penafsiran tentang ajaran Islam yang terlalu sempit dan emosional juga menjadi faktor halangan kemajuan wanita.

Namun begitu, Islam tidak menyekat peranan yang dimainkan oleh wanita untuk bergiat aktif dalam politik dan pilihan raya. Kajian ini juga membuktikan perubahan paradigma baru bagi wanita Melayu adalah unik kerana mereka sudah mampu dan



pandai mengimbangi antara arena domestik dan arena awam. Kemunculan tokoh-tokoh wanita Melayu yang berjaya juga mempunyai keluarga yang mantap dan anak-anak berjaya. Bahkan tahap pencapaian wanita Melayu sudah seiring dengan kaum lelaki dalam pelbagai bidang pekerjaan, profesional dan separa profesional termasuk dalam membuat dasar dan keputusan walaupun jumlah dan peratusannya masih lagi tidak mencukupi tetapi perkembangan itu membanggakan bagi wanita Melayu yang mulai berminat dengan aktiviti luar selain dengan tugas-tugas rumahtangga. Wanita Melayu yang berjaya menjadi calon dalam pilihan raya juga menunjukkan kemampuan dan membuktikan keupayaan mereka untuk sama-sama memikul tanggungjawab terhadap pengundi tidak kira dari pihak kerajaan mahu pun pembangkang. Bukti kejayaan yang paling penting dan merupakan kemuncak bagi perjuangan wanita Melayu di Malaysia ialah kejayaan penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita pada tahun 17 Januari 2001 dan ditukar nama kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia pada 15 Februari 2001. Shahrizat Abdul Jalil dilantik sebagai Menteri yang pertama bagi kementerian ini.

Sepanjang tempoh Pilihan Raya Umum 1959 hingga 1995, peningkatan jumlah calon yang berjaya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri meningkat setiap sepanjang tempoh sembilan kali pilihan raya. Peningkatan jumlah ini berterusan sehingga pilihan raya yang dibincangkan sehingga 2008 memberi tanda penerimaan dan keterbukaan parti-parti politik memberi ruang dan peluang bagi wanita menjadi wakil rakyat. Bahkan adat resam dan tradisi masyarakat Melayu juga turut menerima keterbukaan ini dengan memberi undi kepada wakil rakyat wanita yang terlibat dalam pilihan raya. Selagi wanita menjaga batas dan pergaulan dalam perhubungan dengan berlandaskan ajaran Islam yang dianuti, maka situasi yang tidak baik akan dapat dikurangkan apabila sekiranya adat dan budaya Melayu masih dipegang dan diamalkan sesuai dengan prinsip yang ada dalam agama Islam dan juga perlembagaan Malaysia. Penglibatan wanita

Melayu terlibat dalam pilihan raya di Malaysia sebenarnya menggambarkan pegangan dan warisan yang terdapat dalam masyarakat Melayu masih lagi dijaga dan bertepatan dengan syariah Islam. Walaupun banyak adat resam yang mengongkong wanita mulai terhakis secara tidak langsung apabila ramai wanita Melayu berjaya menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen dalam tempoh kajian berbanding sebelum tahun 1999.

Kajian ini juga membuktikan wanita yang gagah dan mempunyai pemikiran yang setaraf dengan lelaki dalam hal kepimpinan dan kemasyarakatan sahaja yang layak untuk dijadikan wakil rakyat kerana tugas wakil rakyat adalah terlalu berat untuk dipikul. Namun begitu, kecantikan dan keterampilan menarik merupakan satu bonus kepada wanita yang berjaya membawa imej yang positif kepada masyarakat. Sebagai contoh kecantikan yang dimiliki oleh Nurul Izzah Anwar Ibrahim amat bersesuaian dengan kepetahan beliau menyampaikan ceramah dan menyuarakan pelbagai isu-isu di Dewan Rakyat. Selain itu, imej yang sederhana yang ditonjolkan oleh wakil rakyat wanita dalam PAS juga turut memberi kesan kepada masyarakat kampung sebagaimana yang ditonjolkan oleh Siti Zailah Yusoff. Beliau mampu menjalankan tanggungjawab yang diberi dan mampu meraih kejayaan dalam Pilihan Raya Umum yang mewakili Parlimen Rantau Panjang Kelantan. Kejayaan beliau ini juga berpunca dari dorongan suami beliau yang amat bermakna dalam memberi bakti kepada masyarakat setempat. Berdasarkan komentar dan aktiviti beliau menerusi laman web sosial iaitu laman muka buku atau *facebook*, beliau begitu aktif menyumbang pelbagai bakti dan sentiasa menziarahi rakyat yang sakit, melakukan jelajah musim banjir di pusat pemindahan banjir dan mereka yang memerlukan selain memberi sumbangan barangan keperluan walaupun bukan ketika musim pilihan raya. Rakyat telah membuktikan mereka telah memilih wakil rakyat yang mampu bekerja untuk mereka tanpa mengira jantina.

Perjuangan hak wanita juga dapat direalisasikan apabila wanita sendiri yang membangkitkan isu-isu utama yang berlaku di negara kita seperti penindasan wanita dalam rumahtangga terutama berkaitan dengan hak-hak dan kepentingan mereka. Walaupun perubahan minda masyarakat seiring dengan perkembangan teknologi, wanita masih lagi dinafikan hak oleh segelintir mereka yang mengambil peluang kepada kelemahan wanita terbabit. Maka perjuangan ini memerlukan individu yang mempunyai keberanian dan ketegasan dalam membawa pelbagai isu di Parlimen dan DUN. Wakil rakyat UMNO seperti Rafidah Aziz dan Shahrizat Abdul Jalil merupakan wakil rakyat yang berpengalaman dalam menyuarakan suara wanita dalam Parlimen. Begitu juga wakil rakyat dari parti PAS seperti Siti Zailah Mohd Yusoff, Siti Mariah Binti Mahmud, Kalthom Binti Othman dan Lo' Lo' Binti Hj Mohamad Ghazali juga banyak memberi sumbangan dan idea dalam Dewan Rakyat.

Kajian ini juga membuktikan wanita UMNO sepanjang tempoh yang dibincangkan mengalami perubahan pucuk pimpinan parti tertinggi dan sebagai satu cabaran bagi mantan exco Pergerakan Wanita UMNO untuk menunjukkan komitmen mereka kepada parti. Keadaan ini mendorong barisan pimpinan agar bersedia dengan perubahan paradigma baru dengan kemunculan media alternatif seperti laman sosial yang turut menyumbang kepada penyebaran maklumat tanpa batasan. Mereka perlu bijak menangkis serangan dari pada pihak lawan dengan menjawab segala tohmahan menerusi media terbabit agar generasi baru ini mampu menilai adakah jawapan diberi merupakan fakta atau spekulasi semata-mata. Tidak berkecuali bagi pihak pembangkang dalam mengengahkan isu-isu politik yang berlaku dengan membuat segala persiapan dengan lebih cekap.

Persaingan ini perlu berlaku dalam suasana yang sihat agar maklumat yang disampaikan tidak membawa kepada fitnah dan seterusnya membawa kepada proses saman menyaman yang akan membawa kemudaratan. Tidak dapat dinafikan kebebasan

bersuara adalah asas penting kepada semua jenis hak dan kebebasan asasi dalam perlembagaan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, kebebasan bersuara ini yang merangkumi kebebasan akhbar adalah satu konsep yang penting. Kebebasan bersuara juga dibatasi oleh undang-undang antaranya Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 dan Akta Kefitnahan 1957 serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Undang-undang dan akta-akta terbabit mampu memberi tekanan kepada semua parti-parti politik supaya lebih berhati-hati dengan sebarang isu dan tohmahan yang dilemparkan.

Kajian ini juga membuktikan golongan wanita muda mulai mengambil tahu isu-isu politik selepas kemunculan tokoh-tokoh wanita dalam kalangan parti kerajaan dan juga pembangkang. Sebagai contoh kemunculan Wan Azizah Wan Ismail dan anak beliau Nurul Izzah dari Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) dan kemunculan YB dari PAS Seperti Mumtaz Naww dan Senator Khairiah Mohamad dari parti Pembangkang. Manakala kemunculan Mashitah Ibrahim, Mastika Junaidah, Azalina Othman dari Parti UMNO. Kajian ini juga turut mengesahkan tentang golongan muda juga semakin berminat dengan politik apabila penyertaan mereka digerakkan secara teratur menerusi parti politik dengan penubuhan Puteri UMNO yang mensasarkan golongan wanita Melayu di bawah umur 40 tahun pada tahun 2002 sebagai ahli manakala PAS pula menubuhkan Nisa' Malaysia yang dijenamakan semula pada tahun 2005 sebagai strategi jangka panjang untuk menarik golongan wanita muda yang mempunyai aspirasi Islam. Manakala Parti Keadilan Rakyat (PKR atau KEADILAN) pula dengan penubuhan Serikandi juga mensasarkan golongan wanita muda pada tahun 2001. Program dan aktiviti yang dijalankan oleh sayap kiri berkenaan juga adalah bertujuan memperkenalkan parti politik masing-masing kepada masyarakat. Di sini, rakyat dalam kalangan wanita muda akan menilai keberkesanan program dan aktiviti

yang dijalankan sekaligus akan menarik golongan ini menyertai parti-parti terbabit. Justeru itu, para penganjur program mengatur program yang sesuai dengan selera golongan muda disamping memberi ruang kepada golongan atas pagar memberi undi kepada parti yang mereka rasa mampu membawa wanita Melayu jauh ke hadapan dan mampu memperjuangkan hak wanita khususnya golongan wanita muda. Keadaan ini juga membuktikan tempoh antara tahun 1999 hingga 2008 merupakan tahun yang amat bermakna kepada golongan muda dan bukti suara mereka didengari dengan kemunculan Puteri UMNO (UMNO), Nisa' Malaysia (PAS) dan juga Serikandi Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Berdasarkan pencapaian kejayaan wanita Melayu mewakili Dewan Undangan Negeri dan Parlimen membuktikan penerimaan masyarakat terhadap wanita UMNO masih lagi menebal walaupun berlaku pengurangan jumlah kejayaan wakil rakyat wanita Melayu dalam Parlimen pada tahun 2008 kepada tujuh orang berbanding tahun 1999 dan 2004. Manakala Dewan Undangan Negeri UMNO mengekalkan kecemerlangan sebagai wakil rakyat wanita Melayu pada antara tahun 1999 sehingga 2008. Justeru itu, wanita Melayu telah membuktikan kehebatan sebagai pengundi yang bijak dan matang, perayu undi yang gigih dan pemimpin yang disegani seiring dengan kaum lelaki.

Secara keseluruhan kajian ini juga mendapati kadar peningkatan jumlah ADUN dan Parlimen masih di tahap yang rendah berbanding dengan kaum lelaki dalam tempoh kajian sebagai contoh di Dewan Rakyat hanya 10.3 peratus pada tahun 1999, 10.5 peratus pada tahun 2004 dan 10.8 peratus pada tahun 2008. Keadaan ini masih kurang memberangsangkan memandangkan jumlah pengundi wanita lebih ramai dan jumlah wanita dalam institusi pengajian tinggi berbanding dengan kaum lelaki dalam tempoh kajian. Berdasarkan laporan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, jumlah pelajar yang memasuki universiti pada tahun 2007 seramai 204,189 orang dan jumlah

lelaki 126, 836 orang, pada tahun 2008 jumlah pelajar wanita 226, 687 orang manakala jumlah pelajar lelaki seramai 143, 687 orang. Laporan ini membuktikan tahap pendidikan wanita setanding dengan lelaki. Bahkan peningkatan penguasaan wanita dalam sistem pendidikan negara melebihi lelaki terutama di institusi-institusi pengajian tinggi. Hak-hak dalam sistem pendidikan ini telah berjaya dimonopoli dan dipenuhi oleh wanita. Namun, kekangan dari budaya masyarakat Melayu masih lagi ada walaupun kesedaran wanita Melayu dalam politik dan pilihan raya amat tinggi dalam tempoh kajian dengan kemunculan Wan Azizah Wan Ismail yang mencetuskan satu fenomena baru dalam politik di Malaysia.

University of Malaysia

## RUJUKAN

### **Al-Qur'an dan Hadith**

Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim Juz 1.

### **Catatan dan Surat Persendirian**

SP 53-Surat-surat Persendirian Ibu Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.

*Transkripsi Dokumentasi Ibu Khadijah Sidek* oleh En. Sidek Jamil, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 14 Oktober 1976.

### **Bahan Rasmi Bercetak dan Tidak Bercetak**

*Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Anzagain Sdn. Bhd., 2004.

*Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) 1960*, Lembaga Penyelidikan Undang-undang (pntys.), Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1998.

Badan-badan Bukan Kerajaan di Malaysia, *Piagam Hak Asasi Manusia*, (terjemahan), Petaling Jaya, Selangor: ERA Consumer Malaysia (*Education and Research Association for Consumers, Malaysia*), 2000.

Biro Analisa Politik, *Dilema UMNO, Analisis Pilihan Raya Umum 1999*, Petaling Jaya: Strategy Info Research Development, 2000.

CEDAW and Malaysia, *Laporan Alternatif Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia Bagi Menilai Progres Kerajaan Dalam Melaksanakan Konvensyen Berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)*, Zaim Salimun (penterjemah), Petaling Jaya, Selangor: Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), 2013.

CEDAW & Malaysia, *Laporan Alternatif Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia*, April 2012.

*Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2009.

*Dasar-dasar Pembangunan Malaysian*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, 1994.

*Dasar Pakatan Rakyat*, diterbitkan pada 19 Disember 2009 ditandatangani oleh Y.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Y.B. Lim Kit Siang Ketua Ahli Parlimen *Democratic Action Party* (DAP), Y.B. Dato' Seri HJ. Abdul Hadi Awang, Presiden PArti Islam Se-Malaysia (PAS) pada 8 September 2008.

Dewan Ulama PAS Pusat, *25 Tahun Kepimpinan Ulama*, Cetakan Pertama, Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd. 2009.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), *Negara Kita*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1982.

Jabatan Penerangan Malaysia, *Pilihan Raya dan Anda*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1980.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *Statistic on Women, Family and Community*, 2010.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*, 2010.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Pembangunan Pendidikan, 2001-2010*.

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Keenam*, 1991.

Kerajaan Malaysia, *Rancangan Malaysia Kesepuluh*, Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Perdana Menteri 2010.

Laporan *Women in National Parliament* yang disusun oleh *Inter-Parliamentary Union*. Rujuk <http://www.ipu.org/wmn-e/arc/classif011014.htm> yang diakses pada 8 Disember 2014.

Laporan *Tahunan SUHAKAM 2000*, Kuala Lumpur : SUHAKAM, 2001.

Laporan Suhakam, *Pengenalan Mengenai Penilaian Penggalan Sejangat (UPR)*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2012.

Laporan *Muktamar ke-20, Dewan Muslimat PAS*, Penyata Tahunan 1979/1980.

Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2007.

Laporan *Penyata Pergerakan Wanita UMNO*, 1967.

Laporan *Prestasi Tahun 2009*, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Laporan *Pilihan Raya Umum Malaysia, 1999,2004, 2008*, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan *Inter-Parliamentary Union Towards Partnership Between Men and Women in Politics*, February 14-18, Series Reports and Documents, No.29, Geneva: Inter-Parliamentary Union, 1997.

Laporan Mohd Zain Saleh, *Keputusan Rakyat Kelantan Darulnaim*, Kota Bharu: Urusetia penerangan Negeri Kelantan.

Laporan Penyelidikan Norshidah Nordin, Shireen Haron, et al. 'Tingkah laku Pengundi Terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12, Selangor: Research Management Institute (RMI), UTM, Shah Alam, Oktober, 2012.



Lembaga Penyelidik Undang-undang (editor), *Perlembagaan Persekutuan (Hingga 15 Januari 2002)*, Petaling Jaya, Selangor: International Law Book services, 2002.

Lembaga Penyelidikan Undang-undang, (editor), *Perlembagaan Persekutuan (hingga 5 hb Mac 2008)*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2008.

PanelPengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, *PAS dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd., 1999.

Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), Cetakan Kedua, 1990.

*Pergerakan Wanita UMNO 40 Tahun*, kertas kerja UMNO, Kuala Lumpur, 1 November 1989.

Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim*, Jil.3, Kota Bharu: Pusat kajian Strategik Negeri Kelantan, 2005.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2010.

SUHAKAM, *Bantuan Ibu/Bapa Tunggal*, Kuala Lumpur: Suruhan Jaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), 2012.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *50 Tahun demorasi dan Pilihan Raya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya, 2007.

*The Vienna Declaration and Programme of Action* diterima pakai pada 25 Jun 1993 dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Hak Asasi manusia pada 14-25 Jun 1993 di Vienna, Austria.

United Nations, *The United Nations and Human Rights*, New York: UN, 1973.

*Wanita dan Politik Malaysia* terbitan Kementerian Pembangunan Wanita keluarga dan Masyarakat, 2010.

*100 Fakta Kelantan Menerajui Perubahan*, Kelantan: Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan, 2012.

### **Wawancara/Temubual Media**

Temubual oleh wartawan MobTv iaitu Haizi Rani dalam rancangan *Women's Power* bersama Datuk Shahaniza Shamsuddin, Adun Kuala Sentul Pahang yang disiarkan pada 16 Januari 2013.

Kenyataan Khairy Jamaluddin sebagai ahli panel sidang pleno pada Forum Antarabangsa UMNO bertajuk '*Konflik dan Pendamaian dalam Politik Rakyat*' yang diadakan sempena Perhimpunan Agung UMNO 2012 di Pusat dagangan Dunia Putra pada 26 November 2012.

Kenyataan Datuk Rosni Zahari kepada wartawan ABN News dan disiarkan dalam <http://news.abnaccess.com> pada 3 April 2013

Temuramah oleh astro awani berkenaan dengan Analisis Pasca Malaysia Memilih bersama Profesor Madya Datin Nooraziah Mohd Awal pensyarah Fakulti Perundangan UM berkenaan dengan peranan pengundi. Ianya diterbitkan oleh Laman web astro Awani pada 6 Mei 2014.

Temuramah wartawan Nor Maiza Musa rangkaian Mobtv dengan Dr. Salawati Basir dalam program 'Women's Power' yang disiarkan dalam [www.mobtv.com](http://www.mobtv.com) pada 23 September 2014.

Temuramah Wartawan Nur Haizi Rani dari Mobtv dalam Program *Women's Power* dengan Ahli Jawatankuasa Ulama Sedunia iaitu Ustaz Ahmad Fawwaz Fadhil Nor yang disiarkan dalam [www.mobtv.com](http://www.mobtv.com) pada 14 Oktober 2014.

Temuramah eksklusif Tema IT (*Information Technology*) Muktamar dengan YB Siti Zailah Yusof pada hari Khamis, 28 November 2013. Rujuk sidang media/wawancara yang disiarkan dalam laman web PAS [www.pas.org.my](http://www.pas.org.my) diakses pada 10 Disember 2014.

## **Temubual**

Temubual dengan Yang Berhormat Senator Khairiah Mohamad pada jam 10 malam, 24 Jun 2014 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Temubual dengan Dato' Paduka Muhd Zaiemuddin Bin Hj Osman Ketua Biro Agama Parti Keadilan Kedah, Timbalan Ketua Parti Keadilan Cabang Jerai, Kedah dan Bendahari Jabatan Pilihan raya Kedah menerusi *Facebook* pada 6 Mei 2015.

Temubual dengan Puan Maznah Ahmad, Naib Ketua Wanita UMNO Cawangan Kepong, pada 14 Mei 2015 di Masjid al Azhar Kolej Universiti Islam Selangor, Persiaran Seri Putra 1, Bandar Seri Putra, Kajang Selangor.

Temubual dengan Hajjah Nik Faridah binti Haji Nik Mat pada 17 hb Mei 2014 di kediaman beliau di Taman Tasik Permai, Ampang Mantan Ketua Penerangan PAS Selangor dan Timbalan Ketua Pas Ampang sekitar awal 90- an.

Temubual dengan Puan Rohayati Binti Mohd Hashim mantan Ketua Unit Amal PAS Bahagian Gombak dan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat sekitar 1990-an di kediaman beliau, AU3 Keramat pada 16 september 2014.

Temubual dengan Tarmizi Bin Hassan menerusi *Facebook* pada 16 April 2015. Beliau merupakan bekas Setiausaha Ulama PAS Gombak, bekas Bendahari PAS Gombak, Ahli Jawatankuasa Pas Kawasan Gombak, (antara tahun 2001-2005), bekas Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Kulai Jaya, bekas Ketua Urusan Ulama' PAS Kulai Jaya. (antara 2009-2011). Sekarang beliau merupakan pendakwah secara sambilan di sekitar Kulai Jaya, Johor.

Temubual dengan Ustazah Nafisah Tahir Ketua Lujnah Tarbiyyah dan Perkaderan Dewan Muslimat PAS Gombak di Pasti Al Badar Gombak pada 12 Jun 2014.

Temubual dengan Ustazah Norihan Binti Abdullah setiausaha PAS cawangan Air Panas, Gombak dan merupakan Ahli Jawatankuasa Halwa cawangan Gombak pada 10 Jun 2014, di Pasti Al-Badar Gombak.

Temubual dengan Syakiah Ismail merupakan pengundi muda melalui laman Sosial *Facebook* pada 11 Februari 2015.

Temubual dengan Rolisma Abdul Manaf merupakan pengundi muda melalui laman sosial *Facebook* pada 10 Februari 2015.

Temubual dengan Zurina Hukma Muhammad bekas Ahli Jawatankuasa Serikandi Parti Keadilan Rakyat Kuala Lumpur menerusi aplikasi *Whats Application (WhatsApp)* pada 12 Februari 2015.

Temubual dengan Ustaz Ahmad Fathan bin Mahmood Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Cempaka, di kediaman beliau di Pengkalan Chepa pada 20 Mac 2015.

Temubual dengan Mohd Khairul Azmi Yusof mantan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Cawangan Gua Musang sekitar tahun 2008 di kediaman beliau di Renok Baru, Gua Musang pada 21 Mac 2015.

Temubual dengan Ustazah Nuridah Salleh, Ketua Muslimat PAS, di Pejabat Dewan Muslimat PAS Pusat, No 318A, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur pada jam 3 petang 15 Oktober 2015.

Temubual dengan Azman Ibrahim dijalankan di Klinik Dr. Azman Ibrahim di Bandar Baru Kubang Kerian Kelantan pada 23 Jun 2014 dan menerusi emel drazmanibrahim@gmail.com pada 5 Februari 2015 dan 10 April 2016. Azman Ibrahim merupakan Ahli jawatankuasa Badan Perhubungan PAS Terengganu dan juga seorang doktor gigi yang bertauliah.

Temubual dengan Mohd Khairuddin Aman Razali di kediaman beliau di Sungai Merab, Bangi pada 16 Jun 2014. Beliau merupakan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat dan Ahli Parlimen Kuala Nerus Terengganu.

Temubual dengan Zainab Ishak di Leha KELF Food Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada 12 April 2015. Beliau merupakan pengundi wanita Melayu di Kawasan DUN Ayer Hitam dan Parlimen Jerlun.

Temubual dengan Noraizah Abdul Hamid pada 17 April 2016 di kediaman beliau di Seksyen 7, Shah Alam Selangor. Beliau merupakan seorang guru di salah sebuah sekolah di Selangor dan pernah bertugas sebagai kerani Suruhan Jaya Pilihan Raya kawasan DUN Anggerik pada Pilihan Raya Umum 2013.

Temubual dengan Ustaz Nasrudin Hasan di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur pada 3 November 2015. Beliau merupakan Ahli Parlimen Temerloh Pahang dan Ketua Dewan Pemuda PAS sesi 2009-2011.

Temubual dengan Ustaz Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur pada 3 November 2015. Beliau merupakan Ahli Parlimen Pasir Mas Kelantan dan Ketua Dewan Pemuda PAS sesi 2015-2017.

Temubual dengan Hasyimah Hanafi di Kediaman beliau di Taman Melawati, Kuala Lumpur pada 6 Mac 2016. Beliau merupakan pengundi di Kawasan DUN Kok Lanas dan Parlimen Ketereh.

Temubual dengan Mazlan Ali (Dr), pensyarah UTM, Jalan Semarak dan merupakan penganalisis Politik pada 6 Mac 2016 di Taman Melawati, Gombak.

Temubual dengan Najihah Harun menerusi laman *facebook* beliau (Abi Umi Tasnim) pada 17 April 2016. Beliau merupakan pengundi muda di Kawasan Parlimen Kuala Nerus dan DUN Bukit Tunggul, Terengganu.

Temubual dengan Mohd Zamani Ismail di Kediaman beliau Gombak, Selangor pada 6 Jun 2016. Beliau merupakan pengundi di kawasan Besut Terengganu dan merupakan mantan Ketua Ulama Syura Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2013.

Temubual dengan David Kloos di Kantin Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2017. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah dan Antropologi serta Penyelidik dari KITLV/ Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies, Leiden, Armsterdam. Beliau membuat penyelidikan tentang 'Female Islamic Leadership and Visual Rhetoric in Southeast Asia'. Beliau membuat penyelidikan di Malaysia selama setahun bermula bulan September 2016 sehingga sekarang.

Temubual dengan Nakhaei Ahmad pada 22 Jun 2017 di Restoran 'Tuu Dia Pak Tam' di Selayang, Selangor. Beliau menyertai UMNO pada tahun 1989 dan pernah menjadi ahli dan Naib Presiden PAS. Beliau merupakan mantan Yang Dipertua Yayasan dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan juga Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Temubual dengan Zuraida Mohd Nasir Ketua Puteri UMNO, cawangan Kg. S.C. DUN Inderapura, Pahang melalui emel anidanasir@yahoo.com pada 21 Julai 2017.

Temubual dengan Farisa Umar menerusi laman *facebook* beliau (Farisa Umar) pada 23 Julai 2017. Beliau merupakan mantan AJK Nisa' Kuala Lumpur sekitar tahun 2008-2009.

Temubual dengan Illi Izzati Abdul Rahman menerusi laman *facebook* beliau (Illi Izzati Abdul Rahman) pada 24 Julai 2017. Beliau merupakan mantan AJK Nisa' Kuala Lumpur sekitar tahun 2013 dan pernah mengendalikan program multimedia dan juga ceramah anjuran Dewan Muslimat PAS Pusat.

Temubual dengan Wan Azizah Wan Ismail dalam satu program Tahlil di kediaman beliau, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Presiden Parti Keadilan Rakyat dan Ahli Parlimen Permatang Pauh( 1999, 2004, 2008, 2015) dan ADUN Kajang (2014).

Temubual dengan Norsham Abu Samah dalam satu program Tahlil di kediaman Anwar Ibrahim dan Wan Azizah Wan Ismail, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Naib Ketua Wanita Keadilan (2014-2017).

Temubual dengan Jaliah Ahmad Mahir dalam satu program Tahlil di kediaman Anwar Ibrahim dan Wan Azizah Wan Ismail, No 11 Jalan 3/61, Bukit Segambut, Kuala Lumpur Pada 10 Ogos 2017. Beliau merupakan Ketua Wanita Keadilan Padang Rengas, Kuala Kangsar Perak. (2017).

## **Akhbar**

*Berita Harian*, 1 Disember 1999, 9 Mac 2002, 16 Ogos 2002, 10 Mac 2004, 28 Mac 2004, 5 April 2004, 24 Oktober 2007.

*Bernama*, 14 November 1999, 25 November 1999, 20 Jun 2001, 24 Jun 2003, 9 Mei 2005.

*Harakah*, 4 Jun 1999, 8 Februari 2004, 3 Oktober 2006, 3 Februari 2007, 16 Mei 2007, 31 Mei 2007, 20 September 2007, 3 Oktober 2007, 11 Januari 2008, 7 Mac 2008, 10 Jun 2008.

*Harakah Fikrah*, 28-30 Oktober 2011.

*Harian Metro*, 21 Mac 2004.

*Majlis*, 7 Jun 1946.

*Malayan Tribune*, 13 Februari 1946.

*Mingguan Malaysia*, 9 Mac 2008.

*New Straits Times*, 3 September 1998, 1 Disember 1999, 23 March 2004, 10 Mac 2008.

*Sinar Harian*, 21 Mac 2008.

*Suara Keadilan*, 16-30 Januari 2008, 17 Jun 2009.

*Sunday Star*, 9 March 2008.

*The Star*, 30 Jun 1996, 4 Ogos 2008, 18 Februari 2009.

*Utusan Borneo*, 25 Februari 2008.

*Utusan Malaysia*, 23 Mac 1982, 6 April 1998- 22 Julai 2005, 8 Jun 2006- 17 Jun 2011.

*Utusan Melayu*, 6 Oktober 1959.

*Voice of The People*, 16 November 1945.

*Warta Negara*, 30 Mei 1946, 31 Mei 1946, 4 Jun 1946.

*Watan*, 8 Januari 1982.

### **Majalah**

*Aliran Monthly*, Julai 1999.

*Al-Nisa'* 1993: Keluaran Lujnah Ekonomi dan Kewangan DMMPP.

*Dewan Budaya*, Januari 2000

*Dewan Masharakat*, Jil. 1V, Bil. 2-15, Februari 1966.

*Dewan Masyarakat*, April 1991, Mei 1991, November 1996.

*Dewan Masyarakat*, Edisi Khas PRU12, 2008.

*Fikratul Ummah*, Bil.53 Mac 2013, Bil. 54 April 2013.

*Massa*, 21 Jun 1997, 27 November 1999, 6-12 Julai 2002.

*Mastika*, Oktober 1990.

*Mastika Kenangan*, sempena Hijrah 1406, DB. Wilayah Persekutuan.

*Mingguan Wanita*, Ogos 1980.

*Penita* isu no.15, 2006.

*Tamadun*, Bil 56, April, 1999, Bil.59, Julai 1999, Bil. 67, Mac 2000.

*Time*, Oktober 1998.

### **Akhbar Online**

*detikdaily.net*, 17 Oktober 2011.

*harakahdaily.net*, 31 Mei 2007, 1 November 2007, 20 Januari 2011, 25 April 2013, 26 Februari 2014.

*keadilandaily.com*, 27 November 2010, 28 November 2010, 30 April 2011, 26 februari 2013, 26 April 2013, 27 April 2013, 4 April 2014.

*malaysiakini.com*, 19 April 2001, 9 Mei 2001, 20 Jun 2002, 29 Jun 2002, 24 November 2004, 24 Januari 2005, 20 Disember 2005, 29 April 2008, 6 Julai 2008, 15 November 2008, 28 November 2008, 29 November 2008, 25 Mac 2009, 15 Mac 2010, 17 Mei 2010, 17 Julai 2011, 9 April 2013, 17 Julai 2014.

*mstar.com*, 28 November 2008.

*Sarawakvoice.com*, 6 Mei 2016.

*themalaysianinsider.com*, Ogos 2011, 15 Mei 2010, 10 Ogos 2011, 24 Ogos, 2012, 11 April 2013, 24 September 2012, Ogos 2014, 4 Disember 2014.

*warkahdaily.com*, 10 Oktober 2010

*wartautara.com*, 15 Mei 2014.

*www.astrowani.com*, 13 Mei 2013, 17 Mei 2013, 18 Mei 2015, 20 Ogos 2015.

*www.bernama.com*, 18 Disember 2014.

*www.buletinonline.net*, 11 Julai 2013

*www.terangganukite.net*, 27 Februari 2014

## **Buku**

A.Ghani Ismail, *Muzakarah UMNO dan PAS?*, Kuala Lumpur: Pustaka Islah Sdn. Bhd.,1987.

A. Rashid Rahman, *Perjalanan Pilihan Raya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1994.

Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad dan Muhamed Nor Azman Nordin (editor), *Demokrasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad, 2014.

Abd Rahman Taj, *Al Siyasa al Syar'iyah wa al Fiqh al Islami*, Mesir: al-Azhar, 1985.

Abdullah Ghazali Zakaria, 'Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO' dalam *UMNO Johor 50 Tahun Memartabatkan Bangsa Melayu*, Johor: Yayasan Warisan Johor, 1996.

Abdullah Zakariya Ghazali dan Adnan Haji Nawang (editor), *Biografi Politik Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.

Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ismail (editor) 'Panji Pendeta', Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, 2013.

Abdul Hadi Awang, *Amanat Haji Hadi*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat, 2002

Abdul Halim Mahmood, *Asri dalam Dilema*, Kuala Lumpur: Hafar Enterprise, 1983.

Abdul Wahab Khallaf, *Al Siyasa al Syar'iyyah*, Beirut: Muassasah al –Risalah, 1987.

Abdul Wahab Khallaf, *Al-Siyasa al –Syariah*, Kaherah : Dar al-Ansar, 1977.

Abdullah Akhili Abdul Latif dan Farahdina Abd. Manaf et al., *Asas-asas Islam 1*, Selangor: Pusat Pendidikan Islam ITM Shah Alam, 1998.

Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad (editor), *Etika dan Budaya Berpolitik Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2002.

Ahmad Atory Hussain, *Politik dan Dasar Awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1990.

Ahmad Atory Hussain, *Dimensi Politik Melayu 1980-1990*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Ahmad Atory Hussain, *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu, 1990-2000*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, Sdn. Bhd., 1998.

Ahmad Atory Hussain, *Politik Melayu di Persimpangan, Suatu Analisis Pilihan raya Umum 2008*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2009.

Alison, M. Jaggard, *Living with Contradictions Controversies in Feminist Social Ethics*, United States: Westview Press, 1994.

Ahmad Kamar, *Islam Tercabar (Satu Pandangan Tentang PAS)*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu, 1979/80.

Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, Kuala Lumpur: Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, 1994.

Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972.

Alias Othman, *Asas-asas Pemikiran Politik Islam*, Kuala Lumpur: Terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd., 1992.

Alias Mohamed, *PAS Platform: Development and Change (1951-1956)*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd, 1994.

Allan, R. Ball, *Politik dan Kerajaan Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Amer Saifude Ghazali, *Geografi Pilihan Raya Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009.

Amir Husin dan Abdul Basri, et al., *Falsafah Perundangan Islam*, Selangor: Mahzum Book Service, 2002.

Ampalovanar, Rajeswary, *The Indian Minority and Political in Malaya (1945-1957)*, Oxford University Press, 1981.

Andaya, Barbara Watson dan Andaya, Leonard Y., *A History of Malaysia*, New York: Palgrave Macmillan, 2001.



Andaya, Barbara Watson, *The Flaming Womb, Repositioning Women in Early Modern Southeast Asia*, Honolulu: University of Hawai'i Press, 2006.

Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*, Bangi: Penerbit UKM, 2000.

Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Awang Had Salleh (editor.), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980.

Azizah A. Rahman, *Peranan Wanita dalam Politik dan Agama Di Kubang Pasu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974.

Azizuddin Mohd. Sani, *Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.

Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani, (editor), *Wanita dan Masyarakat*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 2012.

Azzah A. R, *Shamsiah Fakeh: Pejuang, Pemimpin dan Perempuan*, Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd., 2011.

Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Lee (editor), *Alam Pensejarahan: dari pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Bachtiar Djamily, *Kenapa PAS Boleh Jadi PAS*, Selangor: Cerma Rafleswaty 1976.

Baharuddin b. Hj. Abd. Latif, *Islam Memanggil: Rencana-rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987)*, Perak Darul Ridzuan: Pustaka Abrar, Disember 1994.

Beeson, Mark, *Mahathir Mohamad and the Markets: Globalisation and the Pursuit of Economic Autonomy in Malaysia, Pacific Affair*, Kanada: University of British Columbia, 2000.

Bennett, Clinton, *Muslim Women of Power: Gender, Politics and Culture in Islam*, London GBR: Continuum International Publishing, 2010.

Cecilia Ng, Maznah Mohamad and Tan Beng Hui, *Feminisme and The Women's Movement in Malaysia An Unsung (R) evolution*, New York: Routledge, 2006.

Chamil Wariya, *Kesinambungan dan Perubahan, Malaysia di Bawah Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2004.

Chamil Wariya, *Perjuangan Membela Melayu, UMNO Selangor, 1946-2006*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2006.

Cowie, A. P., Hornby A. S, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, London: Oxford University Press, 1974.

- Dahl, A. Robert, *Modern Political Analysis*, New Delhi: Prentice Hall, 1975.
- Dahl, A. Robert, *Modern Political Analysis*, New Jersey: Prentice Hall International Inc, 1991.
- Dancz, Virginia H., *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*, Singapore: Oxford Universiti Press Pte. Ltd., 1987.
- Dancz, Virginia H., *Women's Auxiliaries and Party Politic in Western Malay*, USA: University Microfilms International, 1982.
- Davis, Sue, *The Political Thought of Elizabeth Candy Stanton: Women's Rights and The American Political Traditions*, New York and London: New York University Press, 2008.
- Elias Hj Idris, *Siapa Perdana Menteri Selepas ini?*, Selangor: Sungai Beruas Mart Sdn. Bhd, 2008.
- Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1985.
- Friedan, Betty, *The Second Stage*, (terjemahan Carolyn Faulder dan Sandra Brown), London: Michael Joseph, 1981.
- Frisk, Sylvia, *Submitting to God: Women and Islam in Urban Malaysia*, Denmark: Nias Press, 2009.
- Funston, N. John, *Malay Politic in Malaysia a Study of the United Malays Organization and Party Islam*, Petaling Jaya, Selangor: Heinemann Educational Books Asia Ltd., 1980.
- Fuziah Shafei dan Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 2000,
- Gabriel, A. Amond dan Sidney, Verba, *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*, New Jersey: Princeton University Press, 1963.
- Gabriel, A. Almond dan Sidney, Verba, *Budaya Politik, Tingkah laku Politik dan Demokrasi di Lima negara* (terjemahan Sahat Simamora), Jakarta: Bumi Aksara, 1990.
- Geoffey, K. Roberts, *A Dictionary of Political Analysis*, London: Longman, 1967.
- Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil et al., *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Ghazali Mayudin (editor), *Politik Malaysia, Perspektif Teori Dan Praktis*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Haris Zalkapli (editor), *Cabaran Politik Baharu Malaysia*, Kuala Lumpur: Media Icon Sdn. Bhd., 2009.

- Harrison, John B. dan Sullivan, Richard E., *A Short History of Western Civilization*, New York: Alfred A. Knopf, 1960.
- Harold, A. Crouch, *Government and Society in Malaysia*, Cornell: Cornell University Press, 1996.
- Harold, D. Lasswell, *Politics: Who Get What, When, How*, New York: Peter Smith Publisher, 1950.
- Harris, Peter B., *Foundations of Political Science*, London: Hutchison, 1979.
- Hassan Ahmed Ibrahim dan Zaleha Kamaruddin (editor), *Muslim Women in Contemporary Societies, Reality and Opportunities*, Selangor: IIUM Press International Islamic University Malaysia, 2009.
- Hassan Shukri, *Ke Arah Memahami Dasar dan Pegangan PAS*, Sementa: Badan Perhubungan PAS Selangor, 2002.
- Hatta al-Mukmin, *UMNO Masa Depan*, Kuala Lumpur: Mukminin Publications, 2007.
- Hatta al-Mukmin, *Keranamu UMNO*, Kuala Lumpur: Mukminin Publications, 200?.
- Hibah Rauf Izaat, *Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*, (terjemahan oleh Bahruddin Fannani), Selangor: Dar al-Hijrah Sdn Bhd 1997.
- Ibnu Daulah, *Mengapa Pilih Parti Islam*, Bangi: Penerbitan Seribu Dinar, 2000.
- Ibnu Hasyim, *Konflik UMNO-PAS Satu Penyelesaian Menurut Islam*, Kuala Lumpur: GG Edar, 1993.
- Ibnu Hashim, *PAS Kuasai Malaysia?, 1950-2000, Sejarah Kebangkitan dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: GG Edar, 1993.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Ahmad bin Ali bin Muhammad, t.t *Fath al-bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Jilid 13, Kaherah: Dar al-Fikr, 1998.
- Ibn Qayyim, *Turuq al Hukmiyyah*, Kaherah: Muassah al Arabiyah, 1961.
- Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS dalam Isu Islamisasi*, Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd., 1989.
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM, 2001.
- Ishak Saat dan Nazarudin Zainun (editor), *Wanita dan Perjuangan*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn, 2011.
- Jaafar Albar, ‘*UMNO 20 Tahun*’, *Sa-Layang Pandang Sejarah UMNO 20 Tahun*, Kuala Lumpur: Ibu Pejabat UMNO, 1966.
- Jaggar, Alison M., *Living with Contradictions Controversies in Feminist Social Ethics*, United States: Westview Press, 1994.

Jamilah Ariffin, *Women and Development in Malaysia*, Selangor: Pelanduk Publications, 1992.

Jayawardena, K., *Feminism and Nationalism in the Third World*, London and New Jersey: Zed Books Ltd., 1986.

Joseph, A. Schumpeter, *Capitalism, Socialism and Democracy*, New York: Harper Colophon, 1962.

Joseph M. Fernando dan Zulkarnain Abdul Rahman et al., (editor), *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

Julie Ballington dan Azza Karam (editor), *Women in Parliament: Beyond Numbers A Revised Edition*, Sweden: International Institute for Democracy and Electoral Assistance 2005.

K. Ramanathan Kallimattan, *Asas Sains Politik*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1987.

K. Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, Kuala Lumpur: Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

K.S. Jomo (editor), *Tiger in Trouble Financial Governance, Liberalisation and Crises in East Asia*, London: Zed Books, 1998.

Kamus Dewan, edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Kassim Thukiman, *Malaysia, Perspektif Sejarah dan Politik*, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2002.

Khoo Kay Kim (editor), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Edisi Baru, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1985.

LaPalombara, Joseph, *Politics Within Nation*, Englewood Cliff, New Jersey: Prentice Hall, Inc., 1974.

Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa (editor), *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Mandell, Nancy, *Feminist Issues*, Scarborough, Ontario: Prentice-Hall Canada Inc, 1995.

Manderson, Lenore, *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, (terjemahan Shamsudin Jaapar), Selangor: Fajar Bakti, 1981.

Manning, Chris and Van Dierman, Peter, *Indonesia in Transition: Social Aspects of Reformasi and Crisis*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2000.

Mardiana Nordin (editor), *Tokoh Wanita Selangor, Sejarah dan Sumbangan*, Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor, 2009.

McClosky, Herbet, *Political Participation' in International Encyclopaedia of The Social Sciences*, Cromwell: Collier and McMillan, Inc, 1968.

Maznah Mohamad, Cecilia Ng and Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R) evolution*, London & New York: Routledge, 2006.

Mavis Puthuchery dan Noraini Othman (editor), *Election and Democracy in Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, 2005.

Megat Terawis, *Jenayah Politik Kemerdekaan*, Ipoh: Teguh Cipta, 1987.

Means, G. P., *Malaysian Politics*, London: Hodder Stoughton, 1976.

Means, G. P., *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapura: Oxford University Press, 1991.

Milbrath, Lester W.', *Political Participation: How And Why do People Involved in Politics?*, Chicago: Rana McKally and Co, 1965.

Mill, J. Stuart dan Mill, Harriet Taylor, *Essay on Sex Equality*, Rossi, Alice S. (editor), Chicago dan London: The University of Chicago Press, 1970.

Miller, H. *The Story of Malaysia*, London: Faber & Faber, 1965.

Milne, R.S & Mauzy, D.K, *Politik dan Kerajaan di Malaysia* (diterjemah oleh Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Kementerian Pelajaran Malaysia, 1992.

Mohd Aris Haji Othman, *Identiti Etnik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985.

Mohd. Azizuddin Mohd. Sani, *Hak Asasi & Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002.

Mohd Fauzi Yaacob (editor), *Malaysia Menangani Perubahan dan Pembangunan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Mohd Izani Mohd Zain (editor), *Demokrasi dan Dunia Islam, Perspektif Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.

Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Panduan Berdakwah Kontemporari*, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003.

Mohd Sayuti Omar, *Cinta dan Perjuangan, Nonaku Azizah*, Kuala Lumpur: Tinta Merah, 1999.

- Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad, *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*, Bangi: Penerbit UKM, 2002.
- Mohamed Suffian Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude dan Zulkarnain Abdul Rahman (editor) *Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu 2009*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.
- Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Mohamed Suffian Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Morris Low and Cristine Dureau (editor), *Politic of Knowledge: Science and Evolution in Asia and the Pacific, History and Anthropology, The New Encyclopedia Britanica*, Jil. 6, 1978.
- Muhammad Hisham Al-Burhani, *Sadd al-dharai' fi al-syari'ah al-Islamiyyah*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1985.
- Mustafa Haji Daud, *Pengantar Politik Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Nazaruddin Hj.Mohd Jali dan Ma'rof Redzuan et al., *Pengajian Malaysia Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, Edisi Kedua, Selangor: Prentice Hall, 2003.
- Nazaruddin Mohd Jali dan Ismail M.Rashid et al., *Kenegaraan Malaysia 1, Sejarah Awal dan Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Nidzam Sulaiman dan Zaini Othman (editor), *Pilihan Raya dan Pembangunan Politik Sarawak*, Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah (Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia), 2009.
- Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia, Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: K. Publishing & Distributors Sdn. Bhd. 1990.
- Noah Webster's, *Webster's New Twentieh Century Dictionary*, USA: Willisam Collin Publishers, 1980.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad, *Hegemoni Budaya Politik Melayu*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Noraziah Ali dan Jawiah Dakir (editor), *Isu-Isu Wanita di Malaysia*, Selangor: International Law Book Services, 2008.
- Qasim Ahmad, *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahaasa dan Pustaka, 2000.
- Ramlah Adam, *Gerakan Politik Melayu, 1945-1957*, Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2013.

- Ramlah Adam, *Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, 1945-1972: Malaysia dari Segi Sejarah*, Part 1, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1978.
- Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan, 1945-1951*, Kelantan: Mohd Nawi Book Store, 1978.
- Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.
- Ramlah Adam, *Gerakan Politik Melayu, 1945-1957*, Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2013.
- Raphael, D.D., *Problems of Political Philosophy*, London: Macmillan Press, Ltd., 1982.
- Razak bin Yahya, *Corak Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1967.
- Rendall, Jane, *The Origins of Modern Feminism: Women in Britain, France and United States (1780-1860)*, London: Macmillan Education Ltd, 1990.
- Rich, Adrienne, *On Lies Secrets and Silence: Selected Prose (1966-1978)*, New York: W.W. Norton, 1979.
- Riduan Mohamad Nor, *Pengaruh Pemikiran Ikhwan al-Muslimin Terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*, Cetakan Kedua, Selangor: Penerbitan Hemah, 2005.
- Riduan Mohamad Nor, *Abdul Hadi Awang, Murabbi, Ideologue, Pemimpin*, Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009.
- Riduan Mohamad Nor, *Sejarah & Perkembangan Gerakan Islam Abad Moden*, Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009.
- Riker, William H. and Oreshook, Oreshook C., *An Introduction To Positive Political Theory*, New Jersey: Prentice Hall, 1973.
- Ripley, Randall B., *Political Science, Encyclopedia of Americana*, Jil. 22, Connecticut: Grollier Incorporated, 1987.
- Robert Haas & Rahmah Hasyim (editor), *Malaysian Women: Creating Their Political Awareness*, Kuala Lumpur: Institute For Development Community, 1999.
- Robinson, Kathryn May, *Gender, Islam and Democracy in Indonesia*, London: Routledge, 2009.
- Rogers, E.M, *Diffusion of Innovations*, Edisi 4, New York: Free Press, 1995.
- Rogers, E.M dan Shoemaker, F.F, *Communication of Innovations: A Cross-Cultural Approach*, edisi 2, New York: Free Press, 1971.

Rokiah Talib dan Shanthi Thambiah (editor), *Gender, Budaya dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008.

Rustam A. Sani, diterjemah oleh Amin Ahmad, *Asal Usul Golongan Kiri Melayu, Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, 2011.

Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia*, Pasir Puteh: Nuawi Ismail, 1981.

Saltau, Roger, *An Introduction To Politics*, London: Longman, Green and Co, Ltd, 1965.

Shayuthy Abdul Manas, *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Berpolitik*, Selangor: PTS Islamika (PTS Publications & Distributors sdn. Bhd), 2008.

Sayyid Abu A'la al-Maududi, *Prinsip-prinsip Utama Negara Islam*, (terjemahan oleh Ihsan bin Abd. Ghani Azmi) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987

Shyamala Nagaraj, *Malaysian Women Today*, Kuala Lumpur: Women's Affairs Division, Ministry of National Unity and Social Development, Malaysia, 1995.

Shamsul Amri Baharuddin (editor), *Modul Hubungan Etnik*, Edisi kedua, Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM, 2012.

Sher Banu A.L Khan, *Sovereign Women in a Muslim Kingdom, A Sultanahs of Aceh, 1641-1699*, NUS Press, National University of Singapore, 2017.

Sherman, Dennis (editor), *Western Civilization Images and Interpretations*, Jil. 2, New York: Alfred A. Knopf, 1987.

Suntharalingam, R. *Pengenalan kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Marican and Sons (M) Sdn. Bhd., 1985.

Thonnessen, Werner, *The Emancipation of Women, the Rise and Decline of the Women's Movement in German Social Democracy, 1863-1933*, Frankfurt: Pluto Press, 1973.

The New Eyclopaedia Britannica, 1994.

Tosh, John, *The Pursuit of History: Aims, Methods and New Directions in the Study of Modern History*, London and New York: Longman, 1991.

Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, Selangor: Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan PJJUSM, 1995.

Syed Ahmad Hussein, *Pengantar Sains Politik*, Kuala Lumpur: Penerbitan Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, 1994.

Syed Husin Ali, *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony and Conflict*, Petaling Jaya: Strategic Information Research Development Centre, 2009.



- Syed Hussein Alattas, *Bahtera Lama Nakhoda Baru*, Johor: Al Nujum Enterprise, 1979.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (editor), *Pemartabatan Wanita di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000.
- Siti Saudah Hj. Hassan, Roziah Sidi et al., *Ketokohan Wanita Islam, Teladan dan Cabaran*, Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Bangi: Penerbit UKM, 2002.
- Tan Liok Lee (editor), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Bab 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- The New Eyclopaedia Britannica*, 1994.
- Thock Ker Pong, *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Thonnessen, Werner, *The Emancipation of Women, the Rise and Decline of the Women's Movement in German Social Democracy, 1863-1933*, Frankfurt: Pluto Press, 1973.
- Verba, Nie and KIM, *The Modes of Democratic Participation a Cross National Comparison*, Sage Publication Inc, 1971.
- Weedon, Chris, *Feminist Practice and Poststructuralist Theory*, London: Basil Blackwell, 1987.
- Wan Hashim Wan Teh, *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.
- Wan Hashim Wan Teh, *UMNO dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Mahir Publications, 1993.
- Wazir Jahan Karim, *Women, and Culture: Between Malay Adat and Islam*, San Francisco: Westview Press, 1992.
- William, H. Riker and Peter, C. Oreshook, *An Introduction To Positive Political Theory*, New Jersey: Prentice Hall, 1973.
- Yusof al-Qardawi, *Pedoman Bernegara dalam Perspektif Islam*, Kathur Suhardi (terj.) Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 1999.
- Zaharuddin Abdul Rahman, *Indahnya Poltik Cara Islam, Pencerahan Kepada Isu-isu Kontemporari Politik dan Pentadbiran Islam*, Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd, 2013.
- Zaharuddin Abdul Rahman, *Untukmu Wanita*, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2009.
- Zaid Ahmad, Ho Hui Ling et al., *Hubungan Etnik di Malaysia*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., 2006.
- Zainal Abidin Ahmad, *Ilmu Politik Islam*, Jil. 1, Jakarta: Bulan Bintang, 1977.

Zainuddin Maidin, *Mahathir di Sebalik Tabir*, Petaling Jaya: Utusan Publication, 1994.

Zaleha Ismail, *Perjuangan Wanita Malaysia dalam Pembangunan Negara*, Batu Caves Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2002.

Zeenath Kausar *Political Participation of Women: Contemporary Perspectives of Gender Feminists and Islamic Revivalist*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1997.

Zulqarnain Hassan dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman, *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2008.

## Artikel

Abbe, O., Goodliffe, J., Hernson, P., Peterson, K. 'Agenda Setting in Congressional Elections: The Impact of Issues and Campaigns on Voting Behavior', *Political Research Quarterly*, Jil. 56, No. 4, 2003.

Abdul Rashid Moten, '2008 General Elections in Malaysia: Democracy at Work', *Japanese Journal of Political Science*, Jil. 10, No.1, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009.

Amer Saifude Ghazali, 'Sokongan kepada UMNO dan Pas dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia: Tumpuan kepada Pilihan Raya Parlimen 1999 dan 2004, serta Implikasinya kepada Pilihan Raya 2008', *JATI*, Vol, 13, Univeristi Malaya, Disember 2008.

Amin Fadlillah dan Mohammad Redzuan Othman, 'Dinamika PAS (Malaysia) dan PKS (Indonesia) Salam Perjuangan Mewujudkan Negara Islam, 1998-2008', *Sejarah*, Jil. 21, No. 1, Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Sejarah, FSSS, Universiti Malaya, Jun 2013.

Arfah Yusof, 'Iklan Politik dalam Pilihan Raya Umum ke-10 (1999): Satu Analisis Kandungan, dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor), *Jurnal Komunikasi*, Jil.17, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Arfah Yusof, 'Merancang Kempen Komunikasi Berasaskan Penilaian Formatif' dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor), *Jurnal Komunikasi*, Jil. 17, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Cecilia Ng, 'The Hazy New Dawn: Democracy, Women and Politics In Malaysia, Gender, Technology and Development', *Los Angeles, London, New Delhi, Singapore, Washington DC: Asian Institute of Technology SAGE Publications*, Jil. 14, No. 3, 2010.

Cecilia Ng, *Gender and Rights: Analysis for Action, Persatuan Untuk Tadbir Urus Baik dan Kesaksamaan Gender Pulau Pinang, (3Gs) dan Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) Universiti Sains Malaysia*, Pulau Pinang: Neo Sentuhan Sdn. Bhd, 2011.

Che Zarrina Sa'ari dan Joni Tamkin Borhan, 'Peranan Wanita dalam Pengukuhan Akidah Islam, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 23-24, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.

Fuziah Kartini Hassan Basri, 'Proses Difusi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi', dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor), *Jurnal Komunikasi*, Jil. 17, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Hairany Naffis, 'Pendapat Umum dalam Pembentukan Dasar dan Perkembangan Politik di Malaysia: Satu Renungan', *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jil. 5, e-Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

Jamaie Hj Hamil dan Faris Afiq Ikhwan Saifullah et al., 'Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia', *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 10 (39-53), Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13<sup>th</sup> General Elections, 2014.

Mahani Musa, 'Women in the Malayan Communist Party, 1942-89', *Journal of Southeast Asian Studies*, Jil. 44, No. 2, June 2013.

Mahani Musa 'The 'Women Question' in Malayan Periodicals, 1920-1945', *Indonesia and the Malay World*, Jil. 38, No. 111, 2010.

Mahani Musa, 'Wanita Melayu, Kesedaran Pendidikan dan Pembentukan Masyarakat Malaysia Moden', *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jil. 38, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2010.

Mahani Musa, 'Malayan Women during the Japanese Occupation', *JMBRAS*, Jil. 89. No.2., 2016.

Malike Brahim, Mohd. Fo'ad Sakdan, Musliza Mohamad, 'Peranan Wakil Rakyat dalam Parti Politik: Isu dan Cabaran', *Jebat: Malaysian Journal of History Politics & Strategy*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jil. 40, No. 4, (Julai 2013).

Mohd Aizuddin Mohd Sani, 'Hak Kebebasan Mengeluarkan Pendapat dari Perspektif Malaysia', *Jurnal Pembangunan Sosial*, Jil. 4 dan 5, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, Jun dan Disember 2002.

Mohd Safar Hasim, 'Kebebasan Akhbar dan Kebebasan Bersuara: Satu Tinjauan dari Sudut Perlembagaan dan Undang-undang Malaysia', *Jurnal Komunikasi*, Jil. 17, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Muhammed Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman et al., 'Penyertaan Politik Masyarakat dalam Pilihan Raya: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor', *Jurnal Kemanusiaan*, Jil. 2, 2003.

Nazri Muslim, Jamsari Alias et al., 'Analisis Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Konteks Hubungan Etnik', *Jurnal Melayu*, Jil. 11, Bangi: Penerbit UKM, Disember 2013.

Norhayati Mohd Salleh, 'Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): 'Tsunami' Politik Melayu, *JEBAT*, Jil. 35, Bangi; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

Nor Rafidah Saidon, Sity Daud dan Mohd Samsudin 'Penglibatan Politik: Pemerksaan Kepimpinan Wanita di Malaysia (1980-2013' Vol. 12, No. 1 (2017) 137-150, *Journal of Social Sciences and Humanities*, e-Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia, Jil. 12. No.1, 2017.

Ramlah Adam, 'Sejarah Awal Pergerakan Kaum Ibu UMNO', *Jurnal Sejarah*, Jil. XL, Penerbit Universiti Malaya, 1977.

Samsudin A.Rahim, 'Media, Demokrasi Dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke -12, dalam Mohd Helmi Abd. Rahim (editor), *Jurnal Komunikasi*, Jil. 26 (2), 2010.

Sharifa Syahirah Syed Sheikh, 'Pemerksaan Representasi Politik Wanita di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum ke 12 (PRU12), 2008', *The Journal of Administrative Science*, Jil.7, No. 1, Shah Alam: Fakulti of Administrative Science and Policy Studies Universiti Teknologi Mara (UITM), 2010.

Sassi. S,' The Controversies of The Internet And The Revitalization of Local Political Life', dalam K.Hacker and J.Van Dijk (editor), *Digital Democracy: Issues of Theory and Practice*, Sage Publications, Thousand Oaks, 2000.

Suhaimee Saahar @Saabar, Isu-isu Utama Sebelum, Semasa dan Selepas PRU 12: Satu Analisis Kandungan Blog-blog Politik Malaysia Terpilih', *JEBAT*, Jil. 35, Bangi: School of History, Politic & Strategic Studies, 2008.

Syed Muhd Khairudin Aljunied, "Against Multiple Hegemonies: Radical Malays Women in Colonial Malaya, " *Journal of Social History*, Jil. 47, No. 1, 2013.

Tan Yao Sua,, 'Perkembangan pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan Aminuddin Baki', *Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu 1*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

Wazir jahan Karim 'Malay Women's Movement: Leadership and Processes of Changes', *International Social Science Journal*, Jil. 34, No. 4, 1983.

Weiss, M.L, 'The 1999 Malaysian General Election: Issues, Insulting and Irregularities', *Asian Survey*, Jil. 40, No. 3, 2000.

Zaini Othman dan Sabihah Osman (editor), 'Pilihan Raya Umum Ke-12: Antara Perubahan dan Pengekalan Tradisi', Edisi Khas, *Jurnal Perniagaan & Sains Sosial*, Bil. 4, Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah (Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)), 2009.

Zaireeni Azmi, 'Jangkaan Politik dan Peranan Gender: Satu Perbandingan Politik UMNO dan PA"', *Sarjana*, Journal of the Faculty of Arts an Social Sciences University of Malaya, Jil 19/20, 20002/2003.

## **Kertas Kerja Persidangan dan Rencana**

Amer Saifude Ghazali 'Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis Tsunami Politik Bandar' kertas kerja Seminar Pilihan Raya Umum Ke-13:

Memperkasakan Demokrasi, anjuran Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 4 April 2013.

Arba'iyah Mohd Noor, Wanita dalam Pemerintahan kesultanan di Rantau Alam Melayu, kertas kerja Prosiding Wacana Naskhah Kesultanan Melayu: Pemerintahan dan Politik, anjuran DBP, Jabatan Muzium & PNM, 27 Oktober 2016.

Azril Mohd Amin, kertas kerja 'Hak Asasi Manusia dan Islam di Malaysia: Teori, Hakikat Semasa dan Hala Tuju Masa Depan' dalam forum khas Amalan Hak Asasi di Malaysia: Pengajaran Silam, Hakikat sesama dan Halatuju Masa Depan, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 27-28 November 2013.

Bushrah Binti Basiron dan Selmah Binti Ahmad, 'Wanita dan Kepimpinan Menurut Persepektif Islam', kertas kerja Seminar Wanita Profesional, anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan, 29-30 November, 2005.

Cik Salbiah Ahmad, Ms Wu Ming Chu dan Mrs Devaki Krishnan, 'Is Religion and Culture A Prohibitive Factor For Women's Participation in Politics?', kertas kerja seminar 'Creating Political Awareness Among Malaysian Women', anjuran Asian Institut for Development Communication, 12-14 Julai, 1993.

Jamilah Ariffin, 'Sejarah Pembangunan Malaysia dan Perubahan Peranan Wanita Dari Sudut Ekonomi dan Pendidikan', kertas kerja Seminar Kebangsaan Pemartabatan Wanita Di Malaysia, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 18-19 Ogos 1999.

Kamilia Ibrahim (Wanita UMNO), Tan Yee Kew (Wanita MCA), Ms Surin Leong Soo Yong (Wanita Gerakan) dan Mrs Jaya Partiban (Wanita MIC), 'Ethnicity, Political Awareness and Participation', kertas kerja 'Seminar Creating Political Awareness among Malaysian Women', anjuran Asian Institute for Development Communication', 12-14 Julai, 1993.

Khadijah Md. Khalid, 'Contiunity and Change in Women's Political Participation in West Malaysia', kertas kerja Bengkel Wanita Malaysia: Sepanjang dua Dekad Pembangunan, HAWA, 5-6 Mei, 1994.

Khoo Kay Kim, 'Malaysian Women's Participation in Politics: A Historical Perspective' kertas kerja Seminar 'Creating Political Awareness Among Malaysian Women', pada 12-14 July 1993 Kuala Lumpur Malaysia anjuran Asian Institute for Development Communication.

Mohd Farid Mohd Shahrar, 'Hak Asasi Manusia dan Islam di Malaysia: Teori, Hakikat Semasa dan Hala Tuju Masa Depan', kertas kerja Forum Khas anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 27-28 November 2013.

Mohd Fuad Mat Jali, 'Wanita, Belia dan Minoriti dalam PRU13', kertas kerja Forum Khas anjuran Pusat Kepimpinan Wanita UKM, 6 April 2013.

Mohd Nasran Mohamad, 'Kedudukan Wanita dalam Politik dan Pemerintahan', kertas kerja Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa, Menghadapi Cabaran Globalisasi, Bangi: Jabatan Syariah UKM, 2003.

Muhammad Hakimi Tew Abdullah, Abdul Latiff Ahmad dan Hasan Bahrom, 'Pengaruh Blog ke Arah Pencapaian Demokrasi di Malaysia', 'Proceeding of the First Academic Symposium on Integrating Knowledge', UIN, Makassar, 20-21 Jun 2014.

Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin dan Badrul Azmier Mohamed @ Bakar, 'Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12, kertas kerja 'Seminar on National Resilience (SNAR), Political Managements and Policies in Malaysia', anjuran Institut of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thought (IPDM), Universiti Utara Malaysia, 13-15 Julai 2010.

Nadrawina Isnin, 'Partisipasi Wanita dalam Politik Sebagai Calon Pilihan Raya di Negeri Sarawak', kertas kerja Seminar Wanita Profesional, ke Arah Melahirkan Kepimpinan dan Kualiti Wanita Profesional, anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMCFD), Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 29-30 November 2005.

Ramlah Adam, 'Penglibatan Wanita dalam Politik Malaysia', kertas kerja Kongres Wanita Profesional Melayu, 2005, anjuran Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, 8-10 Julai 2005.

Rashila Ramli, 'Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi Bagi Calon-calon Wanita', kertas kerja Seminar Politik dan Pilihan Raya di Malaysia: ke Arah Pemantapan Demokrasi, anjuran Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Julai 1995.

Razali Ismail, 'Enhancing Digital Education in Terengganu: The Timan Approach', National Conference on ICT in Education. Kuala Terengganu: Primula Beach Resort, 1-2 Oktober 2002.

Saliha Hassan, 'Perspektif Ideologi Calon-calon Wanita Malaysia dalam Pilihan Raya 1995', kertas kerja Seminar Politik dan Pilihan Raya di Malaysia: ke Arah Pemantapan Demokrasi, anjuran Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Julai 1995.

Shaharuddin Badaruddin, 'Politik Islam dan Wanita Profesional', kertas kerja Seminar Wanita Profesional, ke Arah melahirkan Kepimpinan dan Kualiti Wanita Profesional, anjuran Pusat Pembangunan keluarga Universiti Malaya (UMCFD), Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 29-30 November 2005.

Samsudin Hitam, 'Perancangan dan Peranan Wanita di dalam Pembangunan' kertas kerja Seminar Ke Arah Pelaksanaan Dasar Wanita Negara, di Hotel Continental Kuala Lumpur, 15 Januari 1990.

Shukeri, M. Mohd Yakub MY, Mohamad Azrien M.A, 'Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Kepada Kesejahteraan Masyarakat', kertas kerja Seminar 'World Conference on Islamic Thought 2012', Perak: Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2012.

Syed Arabi Idid, 'Kajian Perilaku Pengundi 2002-2012', kertas kerja pembentangan semasa sesi perbincangan bersama YAB Perdana Menteri Malaysia, anjuran Majlis Profesor Negara, 20 Oktober 2012.

Worran Hj. Kabul et. al., Prosiding Seminar Politik Malaysia, Shah Alam: Pusat Penerbitan UPENA (UTM), 2008.

‘The Kaum Ibu Movement, its History and Achievement’, Kertas Kerja UMNO, 1991.

Zaireeni Azmi dan Noor Eshah Tom Abdul Wahab, ‘Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal’, kertas kerja Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia, Bandung, Indonesia, 10-12 November 2009.

### **Tesis**

Aeidah Binti Abdul Khalek, ‘Penglibatan Wanita dalam Parti Politik Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Pemahamannya di Kalangan Masyarakat Lembah Pantai’, Disertasi Ijazah Sarjana Syariah Bahagian 11 (Secara Berkursus dan Disertasi) Jabatan Siasah Syar’iyyah Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.

Makmor bin Tumin ‘NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO),’ Tesis Ph.D, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Kuala Lumpur, Mac 2004.

Mohd Soud Bin Said @ Mat Ali, ‘Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya dalam Politik Malaysia : Suatu Kajian di Kuala Terengganu’, Disertasi di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1999.

Rohana Mohamed Nor ‘Perjuangan Politik Khadijah Sidek’ Disertasi M.A. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 2002/2003.

Zaireeni binti Azmi ‘ Gender Dan Politik: Kajian Kes Ke Atas wanita UMNO dan PAS Di Terengganu dan Selangor’, Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan Sarjana Sastera (Master of Arts) dalam Bidang Gender, Budaya dan Politik, Rancangan Pengajian Gender Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2001.

### **Bahan Internet**

[biodatatokoh.blogspot.my/2008/03/shahrizat-abdul-jalil-datuk-seri.html](http://biodatatokoh.blogspot.my/2008/03/shahrizat-abdul-jalil-datuk-seri.html) yang diakses pada 11 Disember 2015.

[eprints.usm.my/.../Suruhanjaya\\_Hak-hak\\_Asasi\\_Manu....](http://eprints.usm.my/.../Suruhanjaya_Hak-hak_Asasi_Manu....) diakses pada 3 September 2014.

[haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm](http://haizam.tripod.com/koleksi/muspas.htm) diakses pada 24 September 2013 .

<http://aplikasi-ict.blogspot.com/2010/12/kajian-mengenai-penggunaan-internet-di.html> diakses pada 23 Mei 2014.

<http://aliran.com/archives/high9907.html> diakses pada 19 Disember 2015.

[http://arkib\\_terpilih.tripod.com/i2000\\_0828.htm](http://arkib_terpilih.tripod.com/i2000_0828.htm) diakses pada 30 Oktober 2013.

<http://cikguzain.blogspot.my/2015/07/tanpa-bukan-melayu.html> diakses pada 27 November 2015.

<http://en.wikipedia.org/wiki/CEDAW> 30 Disember 2014.

<https://en.wikipedia.org/wiki/>diakses pada 2 Mac 2016.

[http://eprints2.utm.edu.my/8716/2/Bab\\_1\\_Pembangunan\\_Sosio-Ekonomi\\_Malaysia.pdf](http://eprints2.utm.edu.my/8716/2/Bab_1_Pembangunan_Sosio-Ekonomi_Malaysia.pdf) diakses pada 12 Oktober 2014.

<http://geopolitikus.blogspot.com/2010/01/hak-asasi-dalam-amalan-demokrasi-negara.html> diakses pada 30 Jun 2014.

<http://gtd.sagepub.com/> diakses pada 30 Oktober 2013.

[https://id.wikipedia.org/wiki/Daftar\\_wanita\\_pemimpin\\_dunia](https://id.wikipedia.org/wiki/Daftar_wanita_pemimpin_dunia) diakses pada 2 Mac 2016.

<http://jejarikami.blogspot.com/2012/02/kuasa-wanita-dala-politik.html> diakses pada 1 Septmber 2013.

[http://mygov.malaysia.gov.my/BM/Main/MsianGov/GovConstitution/GovHumanRights/Pages/Human\\_Rights.aspx](http://mygov.malaysia.gov.my/BM/Main/MsianGov/GovConstitution/GovHumanRights/Pages/Human_Rights.aspx) diakses pada 8 Ogos 2014.

<http://putrawangsa.com/keputusan-pilihanraya-umum-2004-dun/> diakses pada 19 November 2015.

<http://shahbudindotcom.blogspot.my/2012/04/peribahasa-dulu-menang-sorak-kampung.html> diakses pada 27 Novmber 2015.

[https://www.unicef.org/malaysia/msl/support\\_6225.html](https://www.unicef.org/malaysia/msl/support_6225.html) diakses pada 2 Ogos 2017.

<http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%2012/Akta%20588.pdf> diakses pada 25 November 2015.

<http://www.arkib.gov.my/web/guest/datuk-mazidah-zakaria> diakses pada 26 Mei 2015

<http://www.astroawani.com/videos/show/buletin-awani/impak-pengundi-wanita-di-pru13-7250?cp> diakses pada 22 September 2014.

<https://www.facebook.com/puteriumnomalaysia/info> diakses pada 15 Oktober 2014.

<http://www.idea.int/sites/default/files/publications/chapters/women-in-parliament/perempuan-di-parlemen-bukan-sekedar-jumlah-EN-case-study-malaysia.pdf> diakses pada 5 Ogos 2017



<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/buletin/8812-seminar-hak-asasi-manusia-dan-islam-di-malaysia-teori-hakikat-semasa-dan-hala-tuju-masa-depan> 2 Disember 2014.

<http://www.keadilanrakyat.org/struktur-organisasi/> diakses pada 8 Januari 2016.

<http://www.keadilanrakyat.org/sejarah-parti/> diakses pada 6 April 2016.

[http://www.kelantan.pas.org.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=176&Itemid=41](http://www.kelantan.pas.org.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=176&Itemid=41) diakses pada 11 Disember 2015.

<http://www.kpwkm.gov.my/senada/senarai-ngo> diakses pada 2 November 2015.

[https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Muat%20Turun/QUICK\\_FACTS\\_KPWKM\\_2014.pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Muat%20Turun/QUICK_FACTS_KPWKM_2014.pdf) diakses pada 12 Julai 2017.

<http://www.malaysiakini.com/> diakses antara 2013-2015.

<http://www.mobtv.my/talkshow-> diakses antara 2013-2015.

<http://www.nurulizzah.com/site/profile/> diakses pada 2 Mac 2016.

[http://www.parti-pas.org/sejarah\\_latar](http://www.parti-pas.org/sejarah_latar) diakses pada 30 Oktober 2013.

[http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR\\_WANITA\\_NEGARA.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR_WANITA_NEGARA.pdf) diakses pada 26 November 2015.

<https://www.scholastic.com/teachers/articles/teaching-content/brief-history-womens-rights-movements/> diakses pada 2 Ogos 2017.

<http://www.scribd.com/doc/31352697/Esei-Analisis-Pilihan-Raya-Individu-Zainal#scribd> diakses pada 18 November 2015.

<http://www.spr.gov.my/index.php/pendaftaran-pemilih1> diakses pada 27 November 2015.

<http://www.suhakam.org.my/ms/about-suhakam/sejarah/> diakses pada 8 Ogos 2014.

<http://www.ugmc.bizland.com/Malaysia-Elections.html> diakses pada 19 November 2015.

<http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-penyelidikan/1420-role-of-women-voters-becoming-crucial.html> diakses pada 22 September 2014.

<http://www.umno-online.my> yang diakses pada 25 September 2014.

<http://www.un.org/en/documents/udhr/history.shtml> diakses pada 6 Ogos 2014.

<http://www.utam.net/index.php/component/k2/harapan-untuk-muktamar-pas-hazman-baharom-dan-imran-rasid> diakses pada 17 Julai 2014.

<http://www.wanitamic.org/my/en/our-party/our-history#sthash.HHgyOUw2.dpuf> diakses pada 26 Septmber 2013.

<http://zahirzainudin.blogspot.my/2008/04/peranan-wanita-dalam-kerajaan-dan.html> diakses pada 2 November 2015.

[mynisa.org/visi-misi-dan-organisasi/](http://mynisa.org/visi-misi-dan-organisasi/) diakses pada 4 November 2014

[ms.wikipedia.org/wiki/Demokrasi](http://ms.wikipedia.org/wiki/Demokrasi) diakses pada 8 November 2013

[ms.wikipedia.org/wiki/](http://ms.wikipedia.org/wiki/) diakses pada 23 Mei 2014- hingga 23 November 2015.

[wa4change.tripod.com/demokrasi.htm](http://wa4change.tripod.com/demokrasi.htm) diakses pada 30 Oktober 2013.

[www.mysinchew.com/node/3196](http://www.mysinchew.com/node/3196) di akses pada 22 Oktober 2013.

[www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my) diakses pada 30 Oktober 2013.

[www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my) diakses pada 17 November 2014.

[www.tranungkite.net/lama/c03/kempen2/pdf](http://www.tranungkite.net/lama/c03/kempen2/pdf) diakses pada 23 Mei 2014.

[www.yadim.com.my/wanita/wanitaFull](http://www.yadim.com.my/wanita/wanitaFull) diakses pada 20 Ogos 2012.

University of Malaya